SUMBER HISTORIOGRAFI di Alam Melayu

Koleksi Peribadi John Bastin

SUMBER HISTORIOGRAFI di Alam Melayu Koleksi Peribadi John Bastin

Tatiana A. Denisova

Perpustakaan Negara Malaysia
Kementerian Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan
Tahun 2011

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
Tel : 03-26871700
Faks : 03-26871844
Laman web : http://www.pnm.my/

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
REKA CETAK SDN BHD
No. 4 & 6, Jalan Sri Sarawak 20B, Taman Sri Andalas,
41200 Klang, Selangor D.E.
MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Denisova, Tatiana A., 1959 -
Sumber historiografi di alam Melayu : koleksi perbadi John Bastin /
Tatiana A Denisova.
ISBN 978-967-931-237-9
ISBN 978-967-931-238-6 (kkt.)
1. Malays (Asian People)--Historiography. 2. Malays (Asian people)--Civilization.
I. Judul.
907.2

SEKAPUR SIREH

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia

Bismillahirahmanirahim

Saya bersyukur kepada Allah SWT dengan terbitnya buku *"Sumber Historiografi di Alam Melayu : Koleksi Peribadi John Bastin* di Perpustakaan Negara Malaysia"

PENERBITAN buku berkualiti yang semakin menggalakkan adalah antara prasyarat untuk menjadi sebuah negara maju. Kuantiti penerbitan mencerminkan betapa banyaknya gagasan pemikiran yang digarap manakala kualiti penerbitan pula mencerminkan pola pemikiran yang "dianuti" oleh masyarakat sebuah negara.

Hari ini, kita harus mengangkat kembali peranan buku sebagai wadah untuk menjana daya intelek di samping menjadi medium perakam ilmu pengetahuan bangsa Malaysia. Kita berhasrat menjadi masyarakat yang "mesra buku" dengan membacanya pada setiap kesempatan waktu walau di mana jua berada. Kita juga berhasrat mahu menjadi bangsa Malaysia yang memiliki budaya ilmu yang tinggi yang ditunjangi oleh budi bahasa nilai murni mengikut acuan gagasan kita 1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan menerusi amalan membaca.

Justeru, marilah kita berusaha menyemarakkan budaya membaca ini kepada 27 juta rakyat; dari bandar ke kampung; dari kampung ke ceruk hutan cerang tanpa meninggalkan walau seorang pun rakyat Malaysia – kecil, besar ,tua dan muda. Saya yakin bahawa pencapaian matlamat wawasan sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 hanya akan tercapai apabila masyarakat Malaysia meletakkan ilmu pengetahuan sebagai manual kehidupan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wasaalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mari Membaca 1Malaysia

DATO' SERI UTAMA DR RAIS YATIM

SEULAS PINANG

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Bismillahirahmanirahim

Setinggi-tinggi rasa syukur kepada Allah SWT atas limpah rahmat dan izin-Nya maka buku bertajuk "Sumber Historiografi di Alam Melayu : Koleksi Peribadi John Bastin di Perpustakaan Negara Malaysia" oleh Dr. Tatiana A.Denisova, karyawan tamu Perpustakaan Negara Malaysia berjaya diterbitkan oleh Jabatan ini.

Buku ini merupakan hasil projek penelitian terhadap Koleksi John Bastin yang bertajuk "Kajian Koleksi John Bastin" yang dijalankan oleh pengarang dari 2 Februari 2007 sehingga 31 Julai 2008. Koleksi John Bastin, seorang sarjana dalam bidang Pengajian Sejarah Malaysia dan Indonesia yang juga merupakan dekan Fakulti Sastera pertama Universiti Malaysia berjumlah 3,000 judul buku di dalam Perpustakaan Negara Malaysia yang meliputi bidang sejarah, arkeologi, ekonomi, kebudayaan, kajian alam dan lain-lain.

Sesungguhnya buku ini penting dalam usaha mempromosikan tamadun dan sejarah alam Melayu yang begitu unik, kaya dan istimewa kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang seni dan resam budaya bangsa Melayu.

Saya berharap agar buku ini mampu menjadi wadah bacaan yang menyumbang kepada pembinaan sahsiah, minda dan jati diri bangsa Malaysia yang berilmu, progresif dan berdaya saing ke arah mencapai matlamat gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wasaalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bangsa Membaca Bangsa Berjaya

DATO' RASLIN ABU BAKAR

SUMBER HISTORIOGRAFI di Alam Melayu Koleksi Peribadi John Bastin

PENGHARGAAN

Dr. Tatiana A. Denisova

Ketua Division
Penelitian Sumber-Sumber Sejarah Islam
Institute of Oriental Studies Moscow

Karyawan Tamu PNM (2007-2008)

Professor Madya Akademi Pengajian Islam UM
Kuala Lumpur, 2008

John Bastin
Kuala Lumpur, 1960

PENGHARGAAN

Buku ini adalah hasil kajian yang diselenggarakan dalam rangka projek kerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sejak Februaari 2007 sehingga Ogos 2008. Sebagai Mualim Tamu PNM, saya diamanahkan untuk menghasilkan kajian yang bertajuk "Kajian Koleksi John Bastin".

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih yang tiada terhingga kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan kerana menyokong dan memberi saya peluang supaya meneruskan kajian saya di Malaysia.

Penghargaan yang setinggi-tinggi ingin saya sampaikan kepada Yang Berbahagia Puan Siti Zakiah Binti Aman Mantan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (sehingga Januari 2008) dan kepada Yang Berbahagia Dato' Raslin bin Abu Bakar Ketua Pengarah PNM kini atas bantuan yang diberikan kepada saya untuk melaksanakan kajian ini. Saya amat menghargai atas kesempatan bekerjasama dengan PNM sebagai pusat pengumpulan, pendokumentasian dan pemuliharaan sumber-sumber ilmiah dan sebagai pusat penelitian bahasa dan tamadun Melayu yang begitu bernilai dan terkenal di seluruh dunia.

Saya juga mengucapkan terima kasih yang setulus hati kepada yang berbahagia Puan Siti Mariani S.M. Omar Pengarah Perkhidmatan Malaysiana sehingga Mac (2009) yang senantiasa mengambil berat terhadap kajian yang saya jalankan, atas nasihat dan sokongan yang diberikan kepada saya.

Ucapan terima kasih yang istimewa ditujukan kepada Puan Munazzah Hj. Zakaria Timbalan Pengarah Pusat Maklumat Malaysiana yang selalu membantu saya dan meluangkan banyak masa untuk membincangkan hal ehwal kajian, serta mengemaskan teks buku ini. Persahabatan dan sokongan beliau amat memudahkan pelaksanaan kajian saya.

Ribuan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada Puan Noraida bt Daud, Penolong Pengarah Pusat Maklumat Malaysiana dan kepada semua rakan saya dari Perpustakaan Negara Malaysia yang selalu membantu saya di sepanjang penyelidikan yang telah saya lakukan.

Buku ini tidak mampu saya hasilkan tanpa bantuan dan petunjuk daripada Mursyid saya, Yang Berbahagia Profesor Syed Mohd Naquib al-Attas. Beliaulah yang membantu saya memahami makna tamadun Islam dan konsep sejarah Melayu Islam. Beliau juga yang membukakan pintu ke alam Hikmah dan menunjukkan Tarikat yang tulen kepada saya. Tidak dapat saya nyatakan dengan kata-kata dan ingin saya sampaikan seikhlas-ikhlasnya rasa terima kasih saya kepada beliau secara sepenuhnya. Semoga Allah SWT menerima semua amalan beliau.

Saya terhutang budi juga dan mengucapkan terima kasih kepada guru saya Professor Dr. Elena Davidovitch dari Moskow Institute of Oriental Studies yang memberi kepada saya banyak ilmu dalam bidang penelitian sumber-sumber sejarah, yang mengajar saya dan selalu menyokong saya.

Rakaman penghargaan yang setinggi-tinggi dan setulus hati penulis ditujukan kepada sahabat-sahabat saya, iaitu Profesor Dr. Awang Sariyan dan Profesor Dr. Wan Mohd Noor Wan Daud. Saya memang amat terhutang budi kerana mereka bukan sahaja telah memberikan kerjasama dan tunjuk ajar yang sangat tak ternilai malah juga nasihat dan teguran yang diberikan untuk kebaikan, termasuklah persembahan tulisan ini secara keseluruhannya.

Terima kasih juga kepada suami saya Sulaiman Bin Muhammad Yunis atas semua kesabaran dan sokongan yang diberikan kepada saya. Semoga Allah SWT akan mencucuri rahmat kepada beliau.

Selain itu, saya juga tidak melupakan pihak-pihak tertentu dari ATMA, UKM, UM, DBP, dan yang lain-lain yang berminat terhadap kajian saya dan memberikan peluang kepada saya supaya membentangkan beberapa kertas kerja dalam rangka pelbagai seminar dan sidang ilmiah.

Akhir sekali saya memohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan, kesilapan dan terkasar bahasa di dalam penulisan buku ini. Walaupun begitu saya berharap agar hasil kajian saya ini dapat menjadi rujukan berguna untuk para ilmuwan dan pembaca di Malaysia.

Dr. Tatiana A. Denisova

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

Buku ini menyerupai hasil-hasil kajian koleksi John Bastin yang dilaksanakan oleh pengarang sebagai Mualim Tamu Perpustakaan Negara Malaysia dalam rangka projek penelitian yang bertajuk "Kajian koleksi John Bastin" (2.02.2007 – 31.07.2008).

Koleksi John Bastin adalah suatu kumpulan buku-buku tentang sejarah dan kebudayaan orang Melayu. Koleksi John Bastin yang telah diperolehi pada tahun 1995, adalah koleksi peribadi terbesar yang pernah diperolehi Perpustakaan Negara Malaysia. John Bastin adalah seorang profesor dalam bidang pengajian sejarah Malaya dan Indonesia. Beliau merupakan pengasas dalam bidang pengajian sejarah di Universiti Malaya dan merupakan dekan Fakulti Sastera yang pertama di universiti tersebut. Koleksi beliau mengandungi lebih dari 3,000 judul buku mengenai sejarah, arkeologi, ekonomi, kebudayaan, kajian alam dan lain-lain.

Analisis Koleksi John Bastin sebagai satu kesatuan sumber historiografi, adalah sangat penting dalam kajian tradisi ilmu dan historiografi di alam Melayu bagi menjelaskan dan menafikan prasangka serta mengurangkan salahfaham mengenai pelbagai unsur tamadun Melayu dan khazanah persuratan Melayu, memajukan dialog antarabangsa dan mencari bahasa umum antara umat Islam dan alam Barat di dunia yang baru ini.

Analisis Koleksi John Bastin sebagai sumber historiografi tidak mengandungi sistem pembuktian yang lengkap mengenai semua teori-teori dan pandangan yang dirumuskan dalam karya-karya yang disenaraikan di sini. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mengemukakan pelbagai maklumat yang terdapat di dalamnya, menyampaikan pendapat dan data-data utama kepada para pembaca supaya memperkenalkan para pembaca dengan sejarah penelitian alam Melayu, dengan aliran dan bidang kajian alam Melayu dan juga supaya mempromosikan tamadun dan sejarah alam Melayu yang begitu kaya dan istimewa.

Subjek dan Kaedah Kajian

Penelitian koleksi John Bastin sebagai sumber historiografi membantu dalam memahami:

- Sejarah perkembangan kehidupan intelektual masyarakat Melayu pada kurun ke-18 hingga ke-20.
- Sejarah kajian alam Melayu di Barat dan di Nusantara dan arah-arah utamanya pada kurun ke-18 hingga ke-20.
- Pandangan para ilmuwan Barat mengenai orang Melayu, tamadun Melayu dan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu.
- Pandangan para ilmuwan Barat mengenai orang Eropah di alam Melayu dan peranannya dalam sejarah alam Melayu.
- Pandangan para ilmuwan Barat mengenai Islam di alam Melayu.
- Pandangan para ilmuwan Melayu mengenai sejarah dan tamadun Melayu, terutama mengenai peranan Islam dalam kemajuan masyarakat.
- Pandangan orang Melayu mengenai orang Eropah.

Dalam kajian koleksi John Bastin sebagai sumber historiografi, pelbagai kaedah ilmiah telah digunakan seperti berikut :

1. klasifikasi bahan-bahan koleksi tersebut menurut pelbagai kriteria yang tertentu.
2. analisis perbandingan
3. analisis statistik
4. analisis subjek-subjek dan isi bahan-bahan tersebut.

Kriteria klasifikasi bahan koleksi ini termasuklah:

1. format bahan (monograf, bahagian monograf, makalah, kumpulan makalah, buku kecil, buku pelajaran, kamus, kertas kerja, tesis dan lain-lain).
2. asal usul bahan (luar - tempatan)
3. bahasa
4. tempat penerbitan
5. tarikh penerbitan
6. pengarang/editor
7. subjek-subjek/pokok (isi bahan-bahan)

Analisis tajuk-tajuk tersebut dari segi kriteria "Asal usul bahan" dan "Pengarang" membantu kita untuk menentukan pelbagai pusat penelitian alam Melayu di seluruh dunia. Kriteria "Bahasa" dan "Tempat penerbitan" menunjukkan arah-arah kajian Melayu dalam pelbagai negara, malah juga pusat-pusat percetakan karya-karya tentang tamadun Melayu yang utama. Kajian tersebut menggambarkan juga sejarah dan tahap perkembangan percetakan di alam Melayu. Data-data tentang "tarikh penerbitan" memberi ruang untuk menjelaskan pelbagai zaman dalam sejarah kajian alam Melayu dan ciri-ciri khasnya.

Analisis bahan-bahan koleksi John Bastin dari sudut pendapat "Subjek/pokok" mencerminkan subjek-subjek utama dalam penelitian alam Melayu di negara-negara Barat dan di Nusantara; kelebihan dan kekurangannya serta ciri-ciri khasnya setiap tradisi penelitian tersebut; pelbagai konsep dan pendapat ilmiah terhadap tamadun dan masyarakat Melayu.

Semua bahan koleksi John Bastin disenaraikan dalam Katalog yang bertajuk "The Malayan Library of Dr. John Bastin". Katalog tersebut adalah terbahagi kepada 2 jilid. Senarai bahan-bahan yang terdapat di dalamnya disusun mengikut "Perkara". Maklumat-maklumat tersebut kebanyakannya mengandungi nama pengarang, tajuk, penerbitan (tempat, tarikh, penerbit/percetakan, jumlah muka surat dan lain-lain). Terdapat juga anotasi, tetapi lazimnya ulasan tersebut terlalu ringkas dan tidak menggambarkan isi buku secara lengkap. Katalog ini juga mengandungi prakata, isi kandungan dengan kod-kod simpanan, senarai singkatan dan indeks. Kajian koleksi John Bastin, mengikut sistem susunan (system composition catalogue) yang dirakamkan dalam katalog tersebut.

Kajian ini mengandungi 3 bahagian utama. Subjeknya mengikut katalog Koleksi John Bastin. Sebenarnya dalam rangka kajian koleksi buku-buku sebagai satu sumber sejarah dan historiografi patut mengkaji semua bahan yang disimpan dalam koleksi tersebut, iaitu semua 3000 tajuk. Kajian yang lengkap memang akan memberi dapatan yang amat menarik dan fundamental. Justeru itu, kajian ini adalah amat luas dan akan mengambil banyak masa. Tidak boleh dalam tempoh masa 1½ tahun membaca 3000 buku yang disenaraikan dalam Katalog koleksi John Bastin. Apa lagi tidak mungkin juga menganalisis dan mengkaji semua buku tersebut dalam tempoh masa yang singkat ini. Kerana inilah saya hanya memilih 3 subjek yang

tertentu; iaitu (1) Sejarah Purba dan arkeologi, (2) Sejarah Melaka dan (3) Orang Melayu dan tamadun Melayu. Ketiga-tiga subjek ini menjadi puncak perhatian dalam penelitian alam Melayu di seluruh dunia, terutama di Barat (dalam Malay Studies) Menurut pendapat saya subjek-subjek tersebut adalah amat penting untuk memahami tamadun alam Melayu dan ciri-ciri khasnya. Selain itu, tiga tema tersebut mencerminkan secara jelas aliran utama kajian alam Melayu di Barat, subjek dan kaedah penelitian tersebut serta masalah dan ciri-ciri khasnya.

Bahagian Pertama " Sejarah Purba dan Arkeologi" mengandungi bahan-bahan tentang zaman pra-sejarah, sejarah purba, antropologi, arkeologi, epigrafi, toponimi dan ilmu bumi. Bahagian Kedua "Melaka" mengandungi bahan-bahan tentang sejarah Melaka terawal iaitu pada zaman kerajaan Melaka Islam (sebelum tahun 1511 M); tentang sejarah penjajahan dan kegiatan orang Eropah di Melaka; tentang kegiatan para mubaligh Kristian di Melaka; tentang hubungan Melaka dengan Siam, Cina, Jepun; tentang orang Cina di Melaka; tentang seni dan epigrafi, tentang penggalian arkeologi di Melaka; tentang bahasa dan sastera dan unsur-unsur budaya yang lain. Bahagian Ketiga "Orang Melayu dan Tamadun Melayu" mengandungi bahan-bahan tentang etnologi dan antropologi orang Melayu, tentang adat-istiadat orang asli dan orang Melayu di dalam pelbagai negara; tentang lanun dan orang laut; tentang sistem kepercayaan dan adat-istiadat pegan; tentang kraftangan dan seni orang Melayu; tentang sastera dan bahasa. Terdapat juga bahan-bahan tentang hal ehwal sosiologi (susunan masyarakat, gerakan politik, gerakan agama; keadaan bumiputera dan bangsa-bangsa lain) dan tentang sistem kerajaan masyarakat Melayu.

Semua bahagian tersebut berasaskan sistem analisis yang sama, iaitu mengandungi hasil kajian dan data-data statistik; analisis isi/kandungan buku-buku; dan kesimpulan utama. Tiga bahagian tersebut dilengkapi dengan jadual umum yang mengandungi senarai bahan dan data tentang tajuk-tajuk yang dianalisis di sini. Jadual umum ini mengandungi maklumat seperti berikut: kod simpanan (nombor katalog); nama pengarang; tajuk, bentuk (format); tempat penerbitan; tarikh penerbitan; subjek(perkara). Kajian ini di harapkan amat berguna untuk golongan para pembaca sekalian serta para tokoh dalam pelbagai bidang ilmu, seperti sejarah, arkeologi, antropologi; ekonomi, sosiologi; sastera; seni dan sebagainya.

BAHAGIAN 1

SEJARAH PURBA DAN ARKEOLOGI

Bahagian Pertama dalam Katalog Koleksi John Bastin menyenaraikan bahan-bahan tentang zaman pra-sejarah, sejarah purba, antropologi, arkeologi dan epigrafi di bawah bidang perkara *Ancient History and Archaeology*. Walaupun jumlah tulisan tersebut tidak begitu banyak, iaitu 60 judul sahaja, tetapi bahan-bahan tersebut mencerminkan antara lain:

- tahap perkembangan kajian alam Melayu di Barat dan di Nusantara dalam bidang tersebut;
- subjek dan arah utama dalam bidang tersebut;
- konsep ilmiah yang utama;
- pandangan ilmiah John Bastin.

Format Bahan

Analisis statistik menunjukkan bahawa hasil kajian dalam bidang ini diterbitkan dalam pelbagai format termasuk monograf atau buku (19); buku kecil (1); makalah (34); dan kertas kerja (6).

Tarikh Penerbitan

Terbitan terawal dalam koleksi ini bertarikh tahun **1928,** iaitu dua makalah oleh W. Linehan yang disiarkan dalam JMBRAS tentang pelbagai artifak daripada galian arkeologi di Pahang dan nama-nama tempat purba di kawasan tersebut. Tempat penerbitan: Singapura. (lihat: 21-22). Sementara yang terbaru diterbitkan antara tahun **1987** - **1992.** Antaranya adalah seperti berikut:

Kempers, A.J. Bernet (1987). *The Kettledrums of South East Asia: A Bronze Age World and its Aftermath* (lihat: KP JB 3).

Buku ini mengandungi hasil kajian tentang gendang belanga (gendang kawah, *kettledrum*) di Nusantara. Disebutkan juga pelbagai jenis alat muzik yang terdapat di Sumatra, Jawa, Bali, kepulauan Melayu dan lain-lain. Pengarang menganalisis gendang dari *Zaman Gangsa* dari segi jenisnya, penggunaan, ukiran-ukiran, bahan buatan (ciri-ciri khas logam) dan lain-lain. Buku ini juga mengandungi historiografi kajian gendang-gendang Nusantara di Barat.

Zuraina Majid & Tjia, H.D. makalah (1988). "Kota Tampan, Perak: The Geological and Archaeological Evidence for a Late Pleistocene Site". *JMBRAS*, 1988. (lihat: KP JB 60).

Mengandungi maklumat bahan-bahan dari penggalian arkeologi di Kota Tampan.

Coede, George dan Damais, Louis-Charles. *"Srivijaya: History, Religion and Language of an Early Malay polity"*. Kuala Lumpur: MBRAS, Monograf N20, 1992 (lihat: KP JB 53).

Buku mengenai Srivijaya ini dikarang oleh dua orang ilmuwan yang terkenal dari Perancis. Sebenarnya buku tersebut mengandungi terjemahan dalam bahasa Inggeris (dari bahasa Perancis) beberapa makalah yang dikarang oleh G.Coede dan L.C. Damais pada tahun 1918-1968. Topik perbincangannya merangkumi epigrafi terawal dan analisis nama Srivijaya atas dasar kajian batu nisan.

1930 -1940: 8 tajuk (lihat: KP JB 4, 9, 10, 28, 29, 33, 35, 54), di antaranya 5 makalah dan 3 monograf (buku). Kebanyakannya mengenai hasil-hasil penggalian arkeologi, analisa nama-nama tempat purba, epigrafi. Antara hasil kajian yang diterbitkan ialah:

Konsep yang utama: "Greater India" (pengaruh tamadun Hindu dan *Indianization* alam Melayu). Tempat penerbitan: Singapura (7), London (1)

1941 - 1950: 4 makalah (lihat: KP JB 13, 20, 33a, 46) dalam majalah-majalah ilmiah (JMBRAS -3; JSSS -1) tentang hasil-hasil kajian arkeologi, toponimi (nama-nama tempat), unsur-unsur tamadun Hindu ("Greater India).

1951 - 1960: 18 tajuk (lihat: KP JB 1, 14, 16, 18, 19, 23, 24, 27, 31, 32, 37, 44, 45, 49, 50, 51, 52, 56). Di antaranya 4 monograf, 12 makalah, 1 buku kecil, 1 kertas kerja). Kebanyakannya diterbitkan di Singapura (12), tetapi ada juga yang diterbitkan di Kuala Lumpur dan di London. Sepanjang tempoh tersebut, dalam koleksi John Bastin terdapat makalah yang diterbitkan dalam pelbagai majalah: JMBRAS (Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society), *Journal of South Seas Society* (JSSS), *Straits Times Annual*, *The Malayan Shell*, *Federation Museum Jour*nal dan *Malayan Journal of Tropical Geography*. Antara lembaga penerbitan tempatan adalah *Museums Department* dan *Federation Museum*, *Malay Publishing House* (Singapore), *The Caxton Press* (Kuala Lumpur) dan *Eastern University Press* (Singapore).

Hal ini menunjukkan bahawa pada masa itu masyarakat Malaysia menaruh perhatian kepada ilmu dan pelbagai kajian tentang sejarah kebangsaan. Salah satu sebabnya - pada masa itulah Malaysia mencapai kemerdekaan (1957).

Antara kajian yang diterbitkan sepanjang tempoh ini yang tersimpan dalam koleksi John Bastin termasuk pelbagai karya yang dikarang oleh para orientalis yang amat terkenal seperti Alastair Lamb, W. Linehan, H.G. Quaritch Wales, M.W.F. Tweedie, P. Wheatly dan lain-lain. Justeru, dalam koleksi beliau terdapat beberapa buku yang diterbitkan sepanjang tempoh tersebut dengan tulisan pemilik dan tulisan kenangan dari pengarangnya.

Misalnya, dalam buku M.W.F. Tweedie "Prehistoric Malaya" (lihat KP JB 45) kita menemui catatan dalam tulisan tangan pemilik koleksi ini berbunyi, "*John Bastin: Saigon, 8.06.1959*". Tulisan tersebut menunjukkan bahawa buku ini terdapat dalam koleksi John Bastin sejak tahun 1959.

Sementara itu, dalam 2 buku karya Alastair Lamb (lihat KP JB 18, 19) terdapat tulisan kenangan daripada pengarang yang ditujukan kepada John Bastin. Ini membuktikan bahawa John Bastin saling kenal mengenali Alastair Lamb, iaitu seorang ahli arkeologi yang amat berjasa dan terkenal.

Analisis isi koleksi mencerminkan riwayat hidup John Bastin dan cara pemikiran ilmiah beliau. Ternyata pada masa itulah John Bastin telah menentukan bidang ilmiah yang beliau paling minati dan pendapat-pendapatnya terhadap sejarah purba dan arkeologi. Mungkin beliau merupakan pengikut konsep "Greater India".

John Bastin yang tamat pengajiannya dari Universiti Oxford dan membuat PhD tesisnya pada tahun 1956 dalam bidang sejarah Melayu dan Indonesia. Pada tahun yang sama beliau mula mengajar Sejarah Indonesia dan Melayu di Universiti Queensland, Australia dan pada tahun 1957 beliau menjadi pensyarah dalam bidang sejarah Melayu-Indonesia di Australian National University, Canberra. Pada tahun 1959 John Bastin menjadi Profesor dalam bidang sejarah di Universiti Malaya dan kemudiannya dilantik sebagai Dekan yang pertama di Fakulti Kesenian universiti tersebut dari tahun 1959 hingga 1963.

1961-1980: 25 tajuk (KP JB 5, 6, 7, 8, 11, 12, 15, 17, 25, 26, 30, 34, 36, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 47, 48, 55, 57, 58, 59).

Di antaranya: 10 monograf, 9 makalah dan 5 kertas kerja. Analisis susunan koleksi menunjukkan pada masa inilah usaha yang paling aktif John Bastin

dalam kegiatan mengumpul karya-karya ilmiah dan kertas-kertas kerja dari pelbagai persidangan ilmiah antarabangsa. Misalnya: *International Conference on Asian History* (August 1968, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), *First International Conference of South Asian Archaeologist* (1973, Cambridge University, London) dan lain-lain.

Tempat Penerbitan

Analisis susunan dan isi bahagian pertama koleksi John Bastin menunjukkan, bahawa terdapat karya-karya yang terkumpul diterbitkan dari pelbagai tempat: Singapura (35 tajuk), Kuala Lumpur (12), London (8), Rotterdam (1), Dhaka (1) dan lain-lain. Ternyata dalam tempoh di antara 1928-1992, Singapura, Kuala Lumpur dan London menjadi pusat-pusat penerbitan bahan-bahan ilmiah tentang alam Melayu termasuk dalam bidang sejarah purba, arkeologi, toponimi dan penelitian sumber-sumber sejarah. Di sini terletak pelbagai lembaga-lembaga percetakan yang terkenal: Percetakan Museum Federal Malaysia (Kuala Lumpur), Percetakan University Malaya (Kuala Lumpur), Eastern University Press (Singapura), Malay Publishing House (Singapura), The Caxton Press (Kuala Lumpur), Oxford University Press dan lain-lain.

Analisis koleksi John Bastin memberikan gambaran bahawa terdapat banyak karya-karya ilmiah yang diterbitkan dalam pelbagai majalah ilmiah oleh persatuan (lembaga) ilmiah seperti *Royal Asiatic Society, The Asiatic Society of Pakistan, The South Seas Society, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura* dan lain-lain. Antara terbitan berkala yang menjadi pentas perbincangan untuk para orientalis yang mengkaji tentang alam Melayu ialah JMBRAS. Dalam Bahagian I katalog koleksi John Bastin tersenarai sebanyak 26 judul makalah yang dimuatkan dalam majalah tersebut. Di samping itu, makalah tentang pra-sejarah, arkeologi, toponimi dan lain-lain juga diterbitkan dalam *Journal of South Seas Society* (JSSS), *Malay Nature Journal*, *The Malayan*

Shell [Journal], *Hemisphere* [Journal], *Federation Museums Journal*, *The Straits Time Annuals*, *Malayan Journal of Tropical Geography* dan lain-lain.

Ini semua membuktikan bahawa dalam masyarakat Malaysia terutama selepas kemerdekaan, perhatian lebih berat telah diberikan kepada ilmu dan kajian tentang tamadun dan sejarah kebangsaan.

Pengarang/Penulis/Editor

Hampir kesemua bahan-bahan yang terdapat dalam Bahagian I katalog koleksi John Bastin adalah hasil karya para ilmuwan Barat yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Inggeris. Hanya satu buku yang ditulis dalam bahasa Indonesia, iaitu buku hasil karya Dr. Slametmuljana "Kerajaan Srivijaya" (lihat: KP JB 57). Sementara tulisan oleh para ilmuwan dari alam Melayu yang dikarang dalam bahasa Inggeris hanya terdapat 7 judul sahaja. Judul-judulnya adalah hasil karya J.A.Chandran, D.Devahuti, S,Q.Fatimi, Hsu Yun-Ts'ao, S.Paranavitana, W.T.Kao, Zuraina Majid & H.D.Tjia.

Analisis senarai nama pengarang ini membantu dalam memahami keadaan yang nyata dan tahap perkembangan kajian alam Melayu di Barat. Dalam koleksi ini tersimpan karya oleh beberapa orientalis yang amat terkenal. Misalnya:

Sir Roland Braddel - pakar dalam bidang sejarah lama, epigrafi dan toponimi. Beliau adalah salah seorang pencipta dan pengikut konsep "Greater India" iaitu suatu konsep sejarah alam Melayu yang amat terkenal di kalangan Orientalis Barat. Menurut konsep ini, India dan tamadun Hindu-Buddhalah yang dianggap sebagai asas tamadun Melayu yang utama dan mempengaruhi semua sejarah dan masyarakat di Nusantara termasuk juga alam Melayu. Dalam koleksi John Bastin terdapat 2 karya oleh R.Braddel yang cenderung kepada konsep ini termasuk suatu kumpulan makalah. (lihat: KP JB 4,5);

(i) *J.Mills* - pakar dalam bidang toponimi dan kartografi dari zaman purba. (3 tajuk, lihat: KP JB 28-30)

(ii) *M.WF. Tweedie* - pra-sejarah, arkeologi dan Zaman Batu. (3 tajuk, 1 monograf, KP JB 44-46)

(iii) *W.Linehan* - sejarah purba, arkeologi dan toponimi. Pengikut konsep "Greater India" (5 tajuk, 1 monograf, KP JB 20-24)

(iv) *Alastair Lamb* - salah seorang ahli arkeologi yang terkenal dengan penggalian penempatan purba di Kedah, Perlis dan Thailand. (6 tajuk, di antaranya 2 monograf, KP JB 14-19)

(v) *Paul Wheatly* - sejarah lama, sumber-sumber sejarah (terutama dalam bahasa Cina) dan toponimi. Merupakan pengarang buku *The Golden Khersonese Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before AD 1500*. Buku tersebut amat terkenal dan penting dalam bidang sejarah alam Melayu. (6 tajuk, 2 monograf, KP JB 47-52)

Horace Geoffrey Quaritch Wales - arkeologi, sejarah purba dan juga pengikut konsep "Greater India". Memegang jawatan Field Director dalam Jawatankuasa the Great-India Research Committee. Antara lain, beliau menghasilkan beberapa buku termasuk *The making of Greater India*, *The Malay peninsula in Hindu time*, *Towards Angkor: In the footsteps of the Indian invaders* dan lain-lain yang mengandungi periodisasi dan sejarah kedatangan pengaruh India *Indianization* di alam Melayu. (8 tajuk, 6 monograf, KP JB 33-39)

(vi) Dalam Koleksi John Bastin juga tersimpan beberapa karya oleh R.O.Winstedt, J.L. Moens, G.Coedes, L.C.Damais, O.W. Wolters dan para Orientalis yang lain.

Analisis senarai nama-nama pengarang menunjukkan bahawa John Bastin (sebagai pemilik dan pengumpul koleksi tersebut) menumpukan banyak perhatian kepada bidang arkeologi, toponimi, pra-sejarah dan unsur-unsur tamadun Hindu-Buddha. Justeru, analisis susunan koleksi ini, (bahagian I dalam katalognya) menunjukkan bahawa John Bastin merupakan pengikut konsep

"Greater India". Sememangnya John Bastin adalah seorang orientalis yang mewakili cara kajian alam Melayu di Eropah. Kita menemui beberapa buku dengan prakata yang ditulis oleh John Bastin. Misalnya, dalam buku kecil John Matthews, *A Check-list of 'Hoabinhian' sites excavated in Malaya, 1860 – 1939* (lihat: KP JB 25), dalam 2 buku kecil Alastair Lamb *Chandi Bukit Batu Pahat, iaitu A report of the Excavation of an Ancient temple in Kedah* dan *Chandi Bukit Batu Pahat. Three additional notes* (lihat KP JB 14, 15). Semua karya-karya tersebut adalah tentang arkeologi dan penggalian di Malaysia.

Analisis senarai buku-buku yang tersimpan dalam koleksi itu sebagai topik kajian sumber sejarah membuktikan bahawa John Bastin mempunyai hubungan ilmiah dengan ramai ilmuwan Barat dan cukup terkenal di kalangan Orientalis serta para arkeologis. Ini terbukti dengan penemuan beberapa buku dan makalah yang mengandungi catatan kenang-kenangan dan tandatangan pengarang yang ditujukan kepada John Bastin.

Misalnya, daripada A.J.Bernet Kempers dalam naskhah bukunya *The Kettledrums of South East Asia: A Bronze Age world. And its Aftermath* (3), Alastair Lamb dalam *Miscellaneous papers on early Hindu and Buddhist settlements in Northern Malaya and Southern Thailand (*19*);* dari R.B. Smith dan W.Watson dalam *Early South-East Asia: essays in Archaeology, History and Historical Geography (*lihat: 41). Dalam buku P. Wheatly *The Golden Khersonese Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before AD 1500* terdapat sepucuk surat dari pengarang kepada John Bastin dengan pelbagai keterangan nama-nama tempat yang dicatatkan dalam sumber-sumber sejarah Cina. Semua karya tersebut menunjukkan bahawa John Bastin memberi perhatian kepada bidang arkeologi, epigrafi dan tamadun pra-sejarah.

Analisis dari segi isi juga mendapati, dalam koleksi beliau tidak mempunyai karya-karya para ilmuwan (tempatan malah juga dari Barat) yang mengkaji unsur-unsur tamadun Islam dan sejarah Islam yang terawal. Misalnya buku-

buku Prof. S.M. Naquib al-Attas termasuk *The Correct Date of the Terengganu Inscription* (Kuala Lumpur Museum Department. 1970) dan *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur, 1972), Arnold T. berjudul *Preaching of Islam*. (London, 1913), Hourani.G.H yang menghasilkan *Arab seafaring in Indian Ocean in Ancient and Early Medieval Time*. (Princeton Univ. Press., 1951), Othman Mohd. Yatim dan Dr. Abdul Halim Nasir dengan karya *Epigrafi Islam terawal di Nusantara*. (Kuala-Lumpur, 1990), Rauf M.A. *A brief history of Islam: with special reference to Malaya*. (Kuala Lumpur. 1964) dan lain-lain. Salah satu sebabnya kemungkinan kerana karya-karya tersebut tidak sesuai dengan konsep "Greater India" dan menumpukan lebih perhatian kepada unsur-unsur tamadun yang lain, terutama kepada tradisi Islam dan peranan orang Islam dalam sejarah alam Melayu.

Isi dan Subjek Utama

Bahan-bahan yang terdapat dalam koleksi John Bastin mengandungi pelbagai hasil kajian yang berkaitan tentang pra-sejarah dan sejarah lama di alam Melayu. Buku-buku tersebut amat menarik untuk para ilmuwan dan pembaca kerana mengandungi kajian ilmiah serta data-data penting yang membantu memahami sejarah dan tamadun alam Melayu, historiografi penelitian tamadun Melayu di Barat, pandangan para ilmuwan moden mengenai asal-usul orang Melayu, mengenai unsur-unsur pelbagai tamadun di alam Melayu (terutama peranan India, Cina, negara-negara Islam dan adat-istiadat tempatan asli) serta sejarah purba dan arkeologi.

Subjek utama dan isi buku-buku yang tersimpan dalam koleksi berpadanan dengan minat dan pandangan ilmiah John Bastin. Kebanyakannya tentang penggalian arkeologi di kampung-kampung Hindu-Buddha, epigrafi sebelum Islam dan asal-usul nama tempat (toponimi). Di samping itu, terdapat juga beberapa tulisan berupa catatan pengembaraan dan sumber-sumber sejarah yang lain.

Koleksi ini juga mengandungi bahan-bahan tentang **antropologi dan sains** semulajadi. Misalnya, makalah-makalah dalam *Malayan Nature Journal* (lihat KP JB 6) yang mengandungi kajian tentang gua-gua di Malaysia dari sudut pandangan ilmu geologi, ilmu botani, ilmu zoologi, entomologi dan lain-lain.

Dalam makalah oleh W.L.H.Duckworth *"Human remains from rock-shelters and caves in Perak, Pahang and Perlis and from Selingsing"* (KP JB 10) terdapat maklumat tentang kesan tinggalan dan skeleton manusia zaman purba yang ditentukan sebagai Pre-Dravidian. Sementara kertas kerja oleh F.L.Dunn yang bertajuk, "*Cultural Evolution in the Late Pleistocene and Holocene of South-East Asia*" (KP JB 11) mengandungi hasil kajian mengenai orang-orang purba yang tinggal di Asia Tenggara pada zaman Pleistocene (22500 - 11000 Sebelum Masihi) dan zaman Pra-sejarah (2000 Sebelum Masihi).

Richard Shulter dalam kertas kerja beliau bertajuk "*Radiocarbon dating and man in South and East Asia"* (KP JB 40), menjelaskan kaedah penggunaan teknik radiokarbon dalam bidang arkeologi dan antropologi untuk menentukan tarikh barang-barang purba. Dengan kaedah tersebut membolehkan tarikh barang purba yang berusia sehingga 40-45 ribu tahun. Ada juga kaedah radiokarbon yang menentukan tarikh barang purba yang berusia 700 ribu tahun. Kaedah tersebut pernah digunakan untuk mengkaji benda-benda purba dari Asia Tenggara termasuk Jawa, Sabah, Sarawak, Vietnam, Ceylon dan lain-lain.

Dalam makalah ilmuwan Malaysia, Zuraina Majid dan H.D.Tjia melalui makalah bertajuk "*Kota Tampan, Perak: The Geological and Archaeological Evidence for a Late Pleistocene Site*" (KP JB 60) menerangkan mengenai hasil penggalian arkeologi di Kota Tampan (Perak) yang telah menemui barang-barang dari zaman *Middle Pleistocene* (200,000 - 500,000 tahun lalu). Karya tersebut mengandungi peta dan jadual tempat-tempat pra-sejarah di alam Melayu (terutama di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak). Hasil penemuan

bahan-bahan purba ini membuktikan bahawa alam Melayu adalah salah satu pusat kediaman dan kebudayaan manusia purba.

Sejak Zaman Batu, masyarakat di Asia Tenggara termasuk di alam Melayu sudah mempunyai suatu tamadun tempatan yang semula jadi dan mempunyai ciri-ciri tersendiri. Antara lain ialah budaya Hoabinhian sebagaimana ditegaskan dalam kertas kerja I.C.Glover *"Late Stone Age traditions in South-East Asia"* (KP JB 43) yang mengandungi analisis pengarang tentang hasil penggalian arkeologi di Indo-China, China Selatan dan Nusantara bertujuan memberi kefahaman mengenai penyebaran budaya Hoabinhian di Asia Tenggara. Sejarah penyebaran budaya ini di alam Melayu dan penelitiannya digambarkan dalam kertas kerja J.Matthews "*A Check-list of 'Hoabinhian' sites excavated in Malaya, 1860 – 1939*" (KP JB 25). Di sini kita menemui senarai penggalian arkeologi di alam Melayu yang berkaitan dengan budaya "Hoabinhian" (18 tempat). Terdapat juga data-data tentang tempat penggalian, ilmuwan (ahli arkeologi yang menggali lokasi tersebut), terbitan hasil-hasil penggalian, senarai barang-barang yang terdapat dalam penggalian dan lain-lain.

Terdapat 3 karya M.W.F Tweedie yang menarik dan penting tentang Zaman Batu dan pra-sejarah untuk rujukan para pembaca. Pengarang menulis tentang kajian arkeologi Paleolitik, Neolitik, "*Hoabinhian Culture*" berdasarkan penggalian di Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Pahang, Selangor. Terdapat keterangan yang lengkap dan gambar-gambar artifak yang ditemui dalam galian tersebut termasuk peralatan kerja dari batu dan seramik. (Lihat: makalah "*The Stone Age in Malaya*"**,** KP JB 44). Dalam buku kecil "*Prehistoric Malaya*" (KP JB 45). M.W.F Tweedie menyatakan antara lain: *"Botanical evidence, based on the occurrence with wild spices, points to South-East Asia as the region of the origin of rice, and it seems likely that it was first brought into cultivation by the Neolithic people of this region and taken to China subsequently" (hlm. 22)*. Ternyata tamadun tanaman beras, menurut pengarang, pada awalnya wujud di Asia Tenggara dan selepas itu tersebar di China dan tempat-tempat lain. Pendapat tersebut menafikan

prasangka bahawa kebudayaan Nusantara adalah hanya campuran pelbagai tamadun lain terutama India dan Cina dan tidak mengeluarkan apa-apa hasil yang boleh dianggap sebagai unsur tamadun sendiri, tamadun semulajadi. Kajian M.W.F Tweedie membuktikan bahawa penduduk Asia Tenggara (termasuk alam Melayu) mempunyai peranan yang amat penting dalam perkembangan tamadun umat manusia di seluruh dunia.

Dalam makalah, "*Prehistoric Objects from The Tui Gold Mine Near Padang Tengku, Pahang***"** (KP JB 46), M.W.F Tweedie menulis tentang galian emas purba (pra-sejarah, neolith) dan tentang penggalian arkeologi di Padang Tengku (Pahang). Ternyata tamadun perlombongan logam (termasuk emas) dan pembuatan barang-barang logam (emas) di alam Melayu wujud sejak zaman Neolith dan adalah amat purba dan asli (tempatan).

Koleksi John Bastin mengandungi banyak buku-buku tentang **sejarah lama,** iaitu dari 1000 SM (Sebelum Masihi) sehingga zaman Srivijaya (kurun ke-7 hingga ke-10 Masihi). Isi kandungan dan format bahan adalah pelbagai. Antara topik-topik utama ialah:

- hubungan alam Melayu dengan negara-negara purba yang lain (Greece, Rom, kawasan Laut Mediteranean, Timur Tengah, India, China dan lain-lain);
- pengaruh tamadun India di alam Melayu (konsep Greater India);
- tamadun Melayu asal
- kerajaan-kerajaan Melayu lama termasuk Langkasuka, Srivijaya dan lain-lain;
- maklumat-maklumat tentang alam Melayu dari pelbagai sumber sejarah;
- analisis dalam pelbagai bidang ilmu termasuk arkeologi, toponimi, epigrafi, tekstologi, numizmatik dan lain-lain.

Analisis tersebut dijalankan melalui penelitian ke atas pelbagai sumber sejarah termasuk barang-barang hasil galian arkeologi (seramik, peralatan senjata,

alat-alat kerja, alat-alat muzik, duit dan lain-lain), batu-batu nisan, barang-barang bertulis, catatan pengembara, teks-teks sejarah (salasilah, hikayat, babad-babad dan lain-lain).

Makalah-makalah oleh T.Beamish (KP JB 1), H.Beamish (KP JB 2), J.N.McHugh (KP JB 26) dan H.D.Noone (KP JB 32) mengandungi hasil kajian tentang seramik Cina. Antara lain barang-barang dari galian arkeologi di Selangor, Kedah, Johor, Pahang termasuk yang paling tua berusia lebih daripada 2000 tahun. Ini merupakan antara bukti-bukti bahawa seramik Cina tersebar di alam Melayu sejak dahulukala. Disebutkan juga bahawa barang-barang tembikar Cina diberikan sebagai hadiah rasmi oleh raja-raja Melayu. Terdapat juga barang-barang seramik yang digunakan sebagai duit (mata wang). Ternyata di kalangan masyarakat Melayu seramik Cina terkenal dan bernilai tinggi. Tony Beamish turut membicarakan antara lain tentang barang-barang porselin, reka bentuknya yang luar biasa termasuk yang menggunakan tulisan dalam huruf-huruf Arab.

Karya dalam bidang **arkeologi** yang tersimpan dalam koleksi John Bastin ini juga amat menarik dan penting kerana mengandungi bahan-bahan mengenai asal-usul dan tamadun orang Melayu. Hasil-hasil karya ini menjelaskan tentang alam Melayu sebagai salah satu pusat perkembangan umat manusia yang sangat kuno. Maka, hasil analisis dalam buku-buku ini membantu memperjelaskan aliran utama dalam bidang ilmu arkeologi di kawasan Asia Tenggara.

Enam karya Alastair Lamb (KP JB 14-19) menumpukan perhatian kepada hasil-hasil penggalian ke atas penempatan manusia purba di Chandi Bukit Batu Pahat, Kedah dan analisis barang-barang purba yang ditemui. Antara makalah beliau yang menarik berjudul "*Some Notes of the Distribution of Indianised Sites in Kedah*" (KP JB 18) yang mengandungi sebutan tentang batu nisan berhuruf Arab besertakan gambar batu nisan yang terdapat di Kedah (Kampong Seberang Tok Soh). Walau bagaimanapun batu nisan yang agak tua

ini tidak dinyatakan tarikhnya. A.Lamb merupakan ahli arkeologi yang pertama menceritakan tentang batu itu besertakan gambar. Menurut A.Lamb, pada tahun 1956 seorang pakar yang terkenal iaitu J.De Jong pernah mengunjungi tempat galian tersebut tetapi tidak menyebut tentang batu nisan berhuruf Arab itu dalam laporannya. Kajian tentang batu nisan tersebut adalah amat penting kerana batu itu mewakili tamadun epigrafi Islam yang terawal.

Seorang lagi tokoh dalam bidang arkeologi ialah W.Linehan (KP JB 21-23). Beliau menumpukan perhatian kepada tamadun Zaman Gangsa dan barang-barang logam yang terdapat dalam galian arkeologi di Klang, Pahang, Perak, Terengganu dan lain-lain. Ternyata banyak artifak telah dijumpai di alam Melayu yang menyerupai budaya Dong-Son (100 SM – 300 M). Kebudayaan Dong-Song (*Dong-Song culture*) adalah istilah ilmu arkeologi dan bererti tamadun pra-sejarah yang berasal dari Vietnam dan tersebar di Asia Tenggara termasuk di alam Melayu pada zaman sejak 1000 SM sehingga 1 SM. Budaya Dong-Son adalah tamadun Zaman Gangsa. Kebudayaan ini dinamakan Kebudayaan Dongson kerana mengambil sempena tempat penemuan yang pertama yang bernama Dong Son di Annam Utara yang paling terkenal adalah pelbagai artifaks gangsa Dong Son. Di antaranya ialah pelbagai gendang belanga, loceng belanga, alat kerja besi, nobat dan alat muzik yang lain. W.Linehan mengkaji pelbagai ciri khas barang-barang Dong-Son Melayu, misalnya ornamen-ornamen dan gambar-gambar yang terdapat di atas artifak tersebut termasuk ornamen geometrik, gambar burung dan lain-lain. Berdasarkan hasil analisis tersebut, pengarang membina semula (*reconstruct*) sejarah tamadun Dong-Son dan penyebarannya di kawasan alam Melayu. W.Linehan meneliti asal-usul budaya Dong-Son dan menunjukkan hubungan orang *Proto-Melayu* dengan penduduk purba Indonesia, Khmer, Indo-Cina malah juga Caucas. Disebutkan juga pelbagai artifak Megalith di Sumatra yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan barang-barang dari tamadun Caucasians.

Beberapa makalah oleh W.Linehan yang diterbitkan dalam JMBRAS (KP JB 23) mengandungi maklumat kajian tentang alat-alat dari timah purba, loyang dan logam putih yang diperbuat di Terengganu. Terdapat juga penjelasan tentang cara pembuatan logam tradisional dan pelbagai ukuran berat dan kuantiti tempatan. W.Linehan menyokong kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh M.W.F Tweedie tentang tamadun perlombongan dan pembuatan barang-barang logam di alam Melayu.

Hasil kajian tersebut menafikan prasangka bahawa tamadun yang tersebar di alam Melayu dan Nusantara berasal dari India Purba dan dibawa oleh orang India. Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa di Asia Tenggara dan Nusantara wujud suatu tamadun yang sempurna, dan orang Melayu merupakan warisnya yang sah.

Tamadun Asia Tenggara yang asal menjadi subjek utama dalam "Persidangan tentang sejarah Asia Tenggara yang terawal" (Colloquy on Early South East Asia, SOAS, London, September 1973). Kertas-kertas kerja yang dibentangkan telah diterbitkan dalam suatu kumpulan makalah "*Early South-East Asia: essays in Archaeology, History and Historical Geography*" (KP JB 41). Tujuan persidangan tersebut adalah untuk membuktikan bahawa Asia Tenggara mempunyai ciri-ciri khas tamadun sendiri dan semulajadi walaupun dipengaruhi oleh tamadun India dan Cina.

Kertas-kertas kerja itu yang membincangkan arkeologi dan sejarah purba sejak 1000SM– 1000M dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu:

- Bahagian I - Pra-sejarah di Asia Tenggara (hlm. 3-257).
- Bahagian II - Asia Tenggara pada 1000 SM (hlm. 258-561). Bahagian ini mengandungi kertas-kertas kerja di bawah topik berikut:
    - logam purba dan kaedah-kaedah menentukan tarikhnya atas dasar analisa radiokarbon

- seramik purba
- gendang gangsa purba dan bidang penggunaannya
- penggalian arkeologi di Vietnam Utara sejak 1954
- senjata dan alat-alat kerja purba pada Zaman Gangsa
- tamadun prasejarah (sebelum Funan, kurun ke-1-2AD) iaitu sebelum pengaruh India.
- penggalian arkeologi di Gilimanuk (Bali 1963, 1964, 1973)
- tamadun pra-sejarah di Semenanjung Melayu (penggalian arkeologi, neolith, Zaman Gangsa dan lain-lain)
- neolith di Indo-China dan Filipina
- zaman megalith di Nusantara
- proto-sejarah (Protohistory) dari segi linguistik
- perkembangan bandar (urban genesis) di Asia Tenggara (pada zaman 1-1000SM)
- mengenai ilmu paleografi di Nusantara
- penggalian arkeologi di Sumatra (Srivijaya)

Analisis kandungan tulisan-tulisan tersebut dapat membantu kita untuk lebih memahami keadaan dan arah perkembangan kajian pra-sejarah dan sejarah lama di Asia Tenggara berdasarkan perkara-perkara berikut:

- penyebaran pelbagai budaya Zaman Batu berdasarkan batu-batu neolith dan megalith.
- gendang gangsa (drums). Dong-son culture. Zaman Gangsa.
- kajian porselin (seramik).

Para peserta persidangan tersebut menegaskan bahawa pendapat yang menyatakan tradisi gendang gangsa itu datang dari China adalah tidak betul. Di Asia Tenggara sudah wujud tradisi tersendiri. Penyebaran pelbagai jenis gendang gangsa yang kuno itu adalah akibat hubungan tamadun, perdagangan dan percampuran antara tradisi itu sendiri. Bahan-bahan *Colloquy* tersebut mengesahkan kesimpulan oleh M.W.F Tweedie dan W.Linehan bahawa tradisi pembuatan logam tempatan dan pengeluaran gangsa tidak

boleh dianggap hanya sebagai pengaruh dari India. Menurut pendapat para peserta "Persidangan tentang sejarah Asia Tenggara yang terawal" tersebut pada tempoh akhir 1000SM - awal 1000M di Asia Tenggara terjadi suatu revolusi budaya *"cultural revolution"* iaitu suatu perubahan tamadun umum yang amat penting. Perubahan tersebut termasuklah kemajuan pelbagai teknologi yang terawal yang berlaku di Sumatra, Jawa, Semenanjung Tanah Melayu dan lain-lain, lama sebelum orang India datang ke alam Melayu. (lihat KP JB 41, hlm.12).

Ternyata dalam tradisi keilmuan Orientalis Barat terdapat diskusi ilmiah mengenai asal-usul tamadun Nusantara dan Melayu dan pengaruh India dan China ke atasnya. Menurut pendapat beberapa ilmuwan seperti yang telah disebutkan, di Asia Tenggara wujud dan tersebar suatu tamadun yang sempurna dan semula jadi walaupun terdapat unsur-unsur budaya lain (India, China, Khmer dan lain-lain) di dalamnya. Walau bagaimanapun, ilmuwan-ilmuwan yang lain pula berpendapat bahawa tamadun Nusantara dan sebahagian besar daripada Asia Tenggara datang dari India dan mempengaruhi semua bidang kehidupan masyarakat termasuk agama, bahasa, seni, sastera, budaya, adat-istiadat dan lain-lain. Pandangan tersebut dikenali sebagai *Konsep Greater India.* Salah seorang pengikut konsep itu adalah H.G.Quaritch Wales, tokoh dalam bidang sejarah lama, arkeologi dan budaya Asia Tenggara dan China. Beliau mengetuai Jawatan kuasa Penyelidikan "Greater India" (Field Director of the Great-India Research Committee). Beliau memberikan tumpuan kepada artifak-artifak Hindu-Buddha dan unsur-unsur tamadun India di alam Melayu. Dalam karya beliau "*Archeological researches on ancient Indian colonization in Malaya*" (KP JB 33) terdapat satu laporan lengkap tentang hasil-hasil penggalian arkeologi di perkampungan Hindu-Buddha di Kedah, Perak dan Johor. Antara maklumat penting yang terdapat ialah tentang 30 tempat penggalian. Buku ini juga mengandungi senarai dan analisis barang-barang ditemui dari penggalian tersebut dan mengandungi sejarah ringkas mengenai Kedah dan sejarah penjajahan India di alam Melayu.

Berdasarkan hasil-hasil penggalian arkeologi tersebut, H.G.Quaritch Wales telah berjaya membina semula periodisasi kedatangan dan penyebaran tamadun India di alam Melayu seperti berikut:

i) Tempoh masa pertama (kurun ke-1-3M)
ii) Tempoh masa yang kedua (300-550M)
iii) Tempoh masa yang ketiga (550-750M)
iv) Tempoh masa yang keempat (750-900M)
v) Sri Vidjaya dan Sailendra (kurun ke 8-13M)
vi) Sejarah Kedah (sampai kurun ke-15M)

Periodisasi tersebut menjadi terkenal sebagai konsep *4 waves of Indian Cultural Expansion iaitu:* Amarawati (kurun ke- 2-3M); Gupta (kurun ke-4-6M); Pallava (55-750M); Pala (75-900M).

Sementara dalam monograf beliau "*The Making of Greater India*" (KP JB 34), H.G. Quaritch Wales menegaskan bahawa pengaruh tamadun India kebanyakannya hanya dapat dilihat dari segi adat-istiadat istana, seni patung dan sastera sahaja. Menurut beliau lagi, sekarang unsur-unsur ritual India terdapat dalam budaya Ngaju Dayak dan Batak. Oleh itu, beliau menekankan bahawa peraturan sosial dan undang-undang India tidak tersebar di alam Melayu. Di samping itu, beliau menekankan bahawa pengaruh India tidak memajukan budaya tempatan: "*No evolution. Static correctness, as Indian control ebbed, gave way to decadence*" (hlm.33).

H.G. Quaritch Wales menganggap penyebaran tamadun India hanyalah sebagai suatu proses penjajahan budaya (cultural invasion) umum yang terjadi di semua kawasan berhampiran termasuk Indo-China, China dan Asia Tenggara. Konsep tersebut beliau huraikan dalam beberapa karya termasuk, *"Towards Angkor: In the footsteps of the Indian invaders"* (KP JB 35); *The Indianization of China and of South-East Asia"* (KP JB 36), *"The Malay Peninsula in Hindu Times"* (KP JB 38); *Prehistory and religion in South-East Asia* (KP JB 37) dan lain-lain. Dalam

buku yang terakhir beliau, terdapat hasil kajian tentang unsur-unsur pengaruh India dalam agama dan kepercayaan yang terawal di Asia Tenggara (dan juga di alam Melayu) seperti totemism, animism dan shamanism.

Karya H.G.Quaritch Wales mengandungi banyak maklumat mengenai peranan India di alam Melayu yang membantu kita memahami tamadun Hindu-Buddha di Asia Tenggara, Indo-China, China, Nusantara dan Australia. Ternyata sejak dahulukala lagi, wujud hubungan yang erat dalam pelbagai bidang termasuk agama, budaya, perdagangan dan seni di kawasan-kawasan tersebut. Justeru itu setiap bangsa termasuk orang Melayu mempunyai tamadunnya sendiri. Salah satu ciri khas tamadun Asia Tenggara adalah sifat keanekaragaman dan keterbukaan terhadap budaya jirannya.

Sebagai seorang pengikut konsep "Greater India" H.G. Quaritch Wales memberikan tumpuan kepada unsur-unsur tamadun India dan berusaha untuk membuktikan pengaruhnya yang istimewa di kawasan tersebut. Beliau menganggap zaman Hindu Buddha sebagai zaman emas dalam sejarah alam Melayu kerana pada masa itulah muncul pelbagai patung-patung dan binaan seperti Borobodur, Mendut, Pawon, Prambanan dan lain-lain.

Walaupun H.G.Quaritch Wales juga menyebut beberapa perkara yang amat penting dari segi sejarah Islam di alam Melayu termasuk penggalian arkeologi di perkampungan Hindu-Buddha di Kedah di mana ditemui artifak yang berkaitan dengan tamadun Islam antaranya:

- Tempat penggalian Sungai Bujang tepi pantai kiri.
  Ditemui dua mata duit perak: (1) ½ dirham dan ¼ dirhem, tarikhnya – sekitar 234H/ 848M dari zaman Khalif Abbasid al-Mutawakil (847-861M).
- Tempat penggalian dekat Sungai Batu (Tapak 11).
  Ditemui lampu gelas hijau buatan Arab yang dianggarkan bertarikh kurun ke-8 atau 9M.

- Tempat penggalian tepi pantai Sungai Bujang (Tapak 18).
  Ditemui dua lampu gelas hijau buatan Arab yang dianggarkan bertarikh kurun ke-11 atau 12M.

Disebutkan juga terdapat barang-barang dibuat dari kaca dan gelas biru yang asli dari negara-negara Arab atau Persia Selatan yang dianggarkan bertarikh kurun ke-8M. Artifak tersebut menjadi bukti bahawa saudagar-saudagar Muslim (Arab Muslim) pernah singgah ke alam Melayu pada masa itu. Namun, H.G. Quaritch Wales tidak memberikan perhatian terhadap unsur-unsur tamadun Islam disebabkan perkara tersebut tidak sesuai dengan konsep 'Greater India". Beliau menyatakan bahawa Srivijaya pada kurun ke-11 hingga 13M merupakan pusat perdagangan antarabangsa yang pernah dikunjungi oleh para saudagar dari Gujarat dan India Selatan, tetapi tidak menyatakan bahawa saudagar-saudagar itu adalah orang Islam. Hal ini digambarkan dalam pelbagai sumber sejarah (Arab, Parsi dan Cina) seperti menurut al-Mas'udi misalnya, sejak kurun ke-10M lagi penduduk Gujarat kebanyakannya adalah orang Arab dan Muslim. Nampaknya H.G. Quaritch Wales menganggap Islam sebagai faktor negatif dalam sejarah alam Melayu yang menghapuskan warisan budaya Hindu-Buddha dan adat-istiadat tradisional. Beliau menegaskan: "*However this wouldn't have happened before the newly converted Moslem Malays had wrought their havoc, judging by the damage suffered by the ritual objects*". (KP JB 38, hlm.137). Tetapi sebelum ini dalam buku yang sama juga (lihat KP JB 38, hlm. 83) beliau menyatakan bahawa analisis hasil-hasil penggalian arkeologi di Kedah dan sumber-sumber sejarah lain tidak mempunyai bukti bahawa orang Islam telah memusnahkan tinggalan dan keramat-keramat Hindu-Buddha. Prasangka tersebut telah tersebar di kalangan para Orientalis Barat.

Pelbagai aspek pengaruh India dan penyebaran tamadun Hindu-Buddha (termasuk kajian tentang Srivijaya) telah dicatatkan dalam tulisan Sir S.J.R.Braddel, A.J. Bernet Kempes, J.Chandran, D.Devahuti, W.Linehan, G.Coedes, L.-Ch.Damais, J.L.Moens, S.Paravitana, Dr.Slametmuljana, Sir R.O.Winstedt

dan lain-lain. Kebanyakannya adalah mengenai hal-ehwal ilmu epigrafi dan toponimi yang amat penting dalam kajian mengenai sumber-sumber sejarah. Karya-karya tersebut menjelaskan tentang pelbagai aspek tamadun Hindu-Buddha sejak kurun Pertama Masihi sehingga kurun ke-15M. Kajian itu amat penting untuk memahami kepelbagaian budaya Melayu.

Dalam buku A.J. Bernet Kempers *"The Kettledrums of South East Asia: A Bronze Age World And its Aftermath"* (KP JB 3) mengandungi hasil-hasil kajian tentang gendang belanga atau deram kawah di Nusantara. Beliau juga menyebut tentang pelbagai jenis alat muzik yang terdapat di Sumatra, Jawa, Bali, Kepulauan Melayu dan lain-lain lagi.

Beliau menganalisa gendang-gendang dari Zaman Gangsa dari segi bentuknya, penggunaan, ukiran-ukiran, bahan buatan (ciri-ciri khas logam) dan lain-lain. Buku ini juga mengandungi historiografi kajian gendang-gendang Nusantara di Barat. Salah satu kesimpulan yang penting ialah, ternyata di kawasan Nusantara terdapat pelbagai jenis gendang. Hal ini membuktikan bahawa di alam Melayu dan Nusantara pada masa itu telah wujud dan berkembang suatu tamadun pembuatan gendang yang istimewa. Tamadun pembuatan gendang dari logam juga mencerminkan tahap perkembangan perlombongan logam terutama timah, tembaga, gangsa dan pembuatan alat-alatan (barang-barang) dari logam pada masa itu.

Buku "*Srivijaya: History, Religion and Language of an Early Malay Polity*" (KP JB 53) mengandungi terjemahan ke dalam bahasa Inggeris 5 makalah (yang diterbitkan pada 1918-1968) yang dikarang oleh George Coedes dan L.C.Damais, para ilmuwan Perancis yang juga merupakan pakar dalam bidang epigrafi. Karya-karya tersebut menjelaskan tentang sejarah Srivijaya berdasarkan kajian ke atas batu-batu nisan. Dalam makalah oleh Coedes terdapat analisis nama tempat di Srivijaya berdasarkan kajian ke atas batu nisan Wiang Sa (Batu Ligor, kurun ke-7 - 8M, Palembang) dan lain-lain. Di samping

itu, terdapat juga gambar batu-batu nisan, transliterasi dan terjemahannya. Sementara dalam makalah oleh L.C.Damais, terdapat hasil kajian mengenai batu-batu nisan dari Telaga Batu, Karang Brahi dan Kota Kapur, sementara makalah yang kedua adalah mengenai batu nisan di Ligor.

Makalah oleh J.Chandran "*The cultural significance of the Pengkalan Kempas megaliths*" (KP JB 7) menerangkan bahan-bahan tentang patung-patung megalith di alam Melayu, terutama di Negri Sembilan. Walaupun pengarang menumpukan perhatian terhadap artifak-artifak Hindu-Buddha, dalam makalah tersebut terdapat juga maklumat tentang patung megalith di Pengkalan Kempas yang mengandungi tulisan dalam huruf Arab "Allah" yang bertarikh 1467. Batu itu dianggap oleh pengarang sebagai bukti yang terawal (*earliest evidence*) tentang wujudnya Islam di alam Melayu.

Sebenarnya pendapat tersebut kurang tepat. Terdapat banyak artifak-artifak Islam yang lebih awal daripada batu-batu ini. Misalnya, Batu Bersurat Terengganu. (Lihat**:** *Othman Mohd. Yatim Dr. Abdul Halim Nasir. Epigrafi Islam terawal di Nusantara* dan *Al-Attas, S.M.N. Proff. The Correct Date of the Terengganu Inscription*, Kuala Lumpur Museum Department. (1970, reprinted in 1984). Justeru itu batu di Pengkalan Kempas adalah amat penting kerana ia membantu dalam memperjelaskan tentang sejarah penyebaran Islam di alam Melayu. Batu bersurat ini memperjelaskan tentang zaman peralihan Hindu-Buddha dan tamadun Islam. Patung megalith itu bentuknya dan ukurannya masih tradisional tetapi di atasnya terdapat nama Allah SWT. Asal-usul megalith itu belum jelas. Menurut pendapat seorang ilmuwan dari Eropah Ivor H.N. Evans, beliau menyatakan batu itu dibuat oleh orang pagan (penganut animisme) atau Hindu yang tidak memahami makna tulisan "Allah" dan menganggapnya hanya sebagai satu ukiran. Menurut R.O. Winstedt, batu itu dibuat di India dan dibawa daripada India. Tetapi analisis geologikal membuktikan bahawa batu itu sememangnya batu asli tempatan.

Menurut pendapat yang lain, tulisan "Allah" timbul selepas batu itu wujud dan selepas kedatangan Islam ke kawasan tersebut. Tetapi perbandingan antara pelbagai batu yang lain menunjukkan bahawa semua ukiran muncul sekali sahaja iaitu pada masa yang sama. Menurut pengarang J.Chandran, batu itu dibuat oleh orang Minangkabau yang sudah masuk Islam. Ternyata pada kurun ke-15M Islam tersebar bukan hanya di istana-istana raja dan di kalangan para saudagar yang kaya-raya, malah Islam sudah berkembang di kalangan semua lapisan masyarakat Melayu.

Hal tersebut dibuktikan juga melalui hasil-hasil penggalian arkeologi di Johor Lama. Dalam makalah berjudul "Johore lama excavations, 1960" (KP JB 42), disebutkan bahawa tempat-tempat perkuburan yang ditemui di Johor Lama daripada kurun ke-15-16M adalah perkuburan Islam, "*The burial is in proper Moslem style with the body on its site facing Mecca*" (hlm. 13). Ternyata pada masa itu penduduk negeri Johor Lama kebanyakannya orang Islam.

Bukti-bukti dalam bentuk artifak yang sama dan batu-batu nisan bertulis Jawi yang lain turut dijelaskan dalam buku kecil "*Guide to ancient monuments and historic sites*" (KP JB 31) yang disiapkan oleh pejabat Museum Federal Malaysia. Menurut pendapat pengarang, tulisan "Allah" timbul di atas batu selepas di kawasan tersebut muncul kubur-kubur Muslim, iaitu dalam kurun ke-15. Bagi menentukan tarikh, pengarangnya menganalisa satu batu nisan lain yang terletak dalam kawasan yang sama - di Pengkalan Kempas. Di atas batu nisan itu terdapat catatan dalam huruf Jawi nama Sheikh Ahmad Majnun bertarikh 1467M. Ternyata Sheikh Ahmad Majnun meninggal dunia pada tahun 872 H, pada zaman Sultan Mansur Shah memerintah Melaka antara 1459 – 1477M, (872 H).

Di samping itu, terdapat juga tulisan dalam huruf Jawa purba (*Old Javanese*) yang mencatatkan tarikh yang sama. Dalam catatan tersebut dinyatakan bahawa Ahmad Majnun menghilir sungai dan dibunuh oleh Tun Barah Kalang

pada tahun 1385. Tahun 1385 menurut kalendar Jawa (*Caka era*) = 872 Hijrah. Tun Barah Kalang juga dikenali sebagai Tun Perak Penghulu Klang. Mungkin batu nisan itu diaturkan oleh para pengikut Sheikh tersebut sebagaimana dinyatakan oleh pengarang buku ini, "*a fanatical immigrant Muslim, probably an Indian or an Arab with Indian associations*".

Penemuan batu nisan purba ini membuktikan bahawa orang Islam tidak memusnahkan unsur-unsur tamadun yang lain, sebaliknya mereka mengekalkan dan menggunakan warisan daripada tradisi lain sekiranya warisan tersebut tidak bercanggah dengan peraturan Islam.

Salah satu arah kajian ilmiah yang terdapat dalam koleksi John Bastin adalah **'toponimi'** iaitu analisa nama-nama tempat *(toponyms)* di alam Melayu dan penelitian mengenai asal-usulnya. Kajian tersebut membantu dalam penelitian ciri-ciri khas tamadun tempatan, unsur-unsur budaya lain serta menunjukkan hubungan di antara pelbagai bangsa dan negara sejak zaman purba sehingga kini.

Justeru, ilmu toponimi digunakan untuk menentukan di mana letaknya nama-nama tempat yang disebutkan dalam pelbagai teks dan peta. Kadang-kadang hal tersebut mengelirukan kerana ejaan nama-nama tempat sering berbeza. Misalnya Srivijaya disebutkan sebagai: *Che-li-fo-che* (I Chin, 692 M) dalam sumber sejarah Cina; dan sebagai *Sribuza* (Kazwini, kurun ke-13M) dalam teks Arab, sementara Jawa ejaannya *Cho-p'o* dalam teks-teks Cina dan *Zabaj* dalam tulisan Arab.

Masalah ini diselidiki oleh J.L Moens dalam buku beliau "*Srivijaya, Yava en Kataha*" (KP JB 54). Moens menegaskan bahawa menjadi kelaziman ibu negara dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain. Beliau memberikan tumpuan kepada sejarah perpindahan ibu negara Srivijaya yang disebutkan dalam pelbagai teks. Antara lain beliau menganalisis maklumat tentang jarak-

jarak di antara pelbagai tempat dan masa untuk perjalanan dari satu tempat ke tempat yang lain. Dalam buku tersebut juga terdapat analisis perbandingan ejaan nama-nama tempat yang disebutkan dalam sumber-sumber Cina, Arab dan Eropah.

Terdapat banyak lagi karya-karya yang berkaitan dengan kajian nama-nama tempat dalam koleksi ini. Di antaranya dalam buku R.Braddel, F. Douglas, S.Q.Fatimi, Hsu Yun-Ts'ao, W.Linehan, J.W.Mills, P.Wheatly, J.Moens, W.Kao dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut menerangkan hasil-hasil penelitian mengenai pelbagai zaman - sejak zaman pra-sejarah sampai zaman pertengahan.

Dalam makalah F. Douglas "*Malay Place Names of Hindu Origin*" **(**KP JB 9) terdapat daftar nama-nama tempat yang asal dari tamadun Hindu dalam bahasa Sanskrit. S. Paranavitana dalam kertas kerja beliau "*A Chronicle of Suwarnapura (Srivijaya)"* (KP JB 55) meneliti sumber-sumber sejarah India yang mengandungi sebutan tentang Srivijaya dan Nusantara, antara lain:

- Rajavamasa-pustaka (276 - 303) suatu karya sejarah Hindu disusun oleh seorang sami dari Punjab yang mana di dalamnya terdapat nama-nama tempat dan data-data tentang raja-raja Srivijaya.
- Parampara-pustaka - dikarang oleh seorang ksatria Bhadra pada zaman 1111-1132. Mengandungi data-data tentang raja-raja Nusantara dan nama-nama tempat.
- Suwarnapuravamsa (The chronicle of Srivijaya) - suatu karya sejarah (1173) dari Ceylon. Mengandungi data-data tentang sejarah agama Buddha dan tentang asal-usul raja-raja Bengal. Dalam kertas kerja terdapat data-data dalam pelbagai versi teks tersebut. Terdapat juga teks asal.

Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa banyak karya sejarah India menyebut tentang alam Melayu iaitu tentang nama-nama tempat, raja-raja tempatan, perdagangan, agama dan lain-lain. Sejak zaman dahulukala para sami Hindu-Buddha dan para saudagar India singgah ke

Srivijaya yang pada masa itu menjadi pusat perdagangan dan kebudayaan yang terkenal.

Makalah W.T.Kao, "*A Primary Chinese record relating to HO-LO-TAN and misc. notes on Srivijaya and Fo-Che*" (KP JB 56) mempersembahkan hasil-hasil kajian sejarah China yang terawal iaitu, Yuan-Chia Ch'i-chu-chu (424 - 453). Dalam teks ini ada disebutkan tentang Ho-lo-tan (Kelantan) dan nama-nama tempat yang lain. Pengarang ini menganalisa maklumat berkaitan lima lawatan rasmi utusan dari China ke Ho-lo-tan (Kelantan) dan maklumat tentang Che-li-fo-che (Srivijaya).

Kajian berkaitan sumber sejarah China juga terdapat dalam tulisan Hsu Yun-Ts'ao "*Notes of Malay Peninsula in Ancient Voyages*" (KP JB 13). Pengarang ini meneliti pelbagai teks Cina yang menyebut tentang toponim-toponim Melayu, misalnya Johor Lama atau Tumasik (Hwang chih, Tun-sun, Tan-ma-hsi). Beliau turut mengenalpasti nama beberapa tempat yang disebutkan dalam teks-teks Cina tersebut. Terdapat juga maklumat mengenai pelayaran dari China ke India Selatan melalui Selat Melaka pada waktu Dinasti T'ang (618 – 907M) yang mengambil masa selama 50 hari. Bahan-bahan tersebut membantu kita memahami peranan China dalam sejarah alam Melayu dan hubungan antarabangsa dalam kawasan tersebut.

S.Q. Fatimi dalam makalah beliau "The Identification of Jazirat of Yaqut" (KP JB 12) menulis mengenai nama tempat dalam bahasa Arab *Jazirat al-Yakut* yang disebutkan dalam karya yang berjudul *Kitab futuh al-buldan oleh* seorang pengembara dan ilmuwan Islam, iaitu Ahmad al-Baladhuri (d.279/892). Dalam buku Ahmad al-Baladhuri ini, istilah *Jazirat al-Yakut* adalah merujuk kepada Ceylon. Fatimi menyangkal pendapat tersebut. Berdasarkan sumber-sumber sejarah Arab dan Cina yang mengandungi sebutan tentang *Jazirat al-Yakut,* Fatimi menjelaskan bahawa *Jazirat al-Yakut* adalah nama tempat

yang digunakan untuk Sumatra (*Yayakoti* dalam teks-teks Hindu, *Yepoti* dalam bahasa Cina dan *Yabadiu* dalam catatan Ptolemei).

Kajian S.Q.Fatimi adalah amat penting untuk memahami sejarah Islam di alam Melayu. Beliau menggunakan pelbagai teks dan sumber sejarah Arab tentang Nusantara. Rujukan-rujukan tersebut jarang ditemui dalam tulisan para Orientalis lain. S.Q.Fatimi juga ada menyebut tentang surat dari Maharaja Srivijaya Srindravarman (99/718 M) kepada Umar b. Abd al-Aziz - Khalifah Umayyad yang kedua (717 – 719M). Di dalamnya raja Srivijaya meminta supaya Khalifah Umar "kirim seorang alim supaya mengajar raja Islam dan syariat" (lihat: *Fatimi S.Q*. "Two letters from the Maharaja to the Khalifah" *Islamic studies,* II(1) (1963): 121-140). Terdapat juga maklumat mengenai suatu utusan *raja Sumatra* kepada *Khalifah Umayyad (*mungkin kepada Khalifah Al-Walid ibn Abd al-Malik (Arabic: الوليد بن غبد الماك) atau Al-Walid I yang memerintah dari tahun 705-715M**)** untuk menjalin hubungan diplomatik.

Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa Islam memasuki alam Melayu mulai kurun ke-14 hingga 15M. Ternyata hubungan antara orang Melayu dan raja-raja tempatan dengan negara-negara Islam wujud sejak kurun Pertama hingga ke-2 H lagi, iaitu pada zaman Srivijaya yang lazimnya dianggap oleh para Orientalis Barat (terutama oleh para pengikut "konsep Greater India") hanya sebagai zaman pengaruh India dan tamadun Hindu-Buddha sahaja. Apa lagi pada masa itu tidak ada permusuhan di antara raja-raja Srivijaya dan orang-orang Muslim yang datang ke alam Melayu.

Hasil kajian S.Q.Fatimi juga menafikan satu lagi prasangka oleh para Orientalis yang menyatakan kedatangan Islam ke alam Melayu terjadi secara kebetulan sahaja dan tidak memberi makna dari segi sejarah alam Melayu. Kedatangannya tidak mengubah apa-apa dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu. Misalnya, D.Devahuti menulis bahawa Islam adalah hanya satu lagi agama sekumpulan saudagar asing yang meresap secara beransur-ansur

meresap dalam masyarakat (*Islam was the religion of yet another class of traders and was gradually infiltrating into the minds of the people).* (*lihat* Devahuti, D. *India and Ancient Malaya: from the earliest times to circa AD 1400)*, Singapore, 1965, KP JB 8).

Rujukan mengenai utusan rasmi dari Srivijaya kepada Khalifah Umayyad yang dirakamkan dalam karya S.Q.Fatimi ini bolehlah dianggap sebagai salah satu bukti yang menyokong kenyataan tentang sejarah kedatangan Islam ke alam Melayu yang terdapat dalam *Hikayat Raja Pasai* adalah sah. Dalam hikayat ini tersebut bahawa, "*Hatta maka beberapa lamanya kemudian daripada hadrat Nabi SAW wafat, maka terdengarlah khabarnya kepada syarif yang di Makkah ada suatu negeri di bawah angin bernama Samudera, maka oleh Khalifah Syarif, maka ia menyuruh sebuah kapal akan membawa segala perkakas alat kerajaan ke negeri Samudera. Setelah sudah kapal itu lengkap maka disuruh Syarif Syeih Ismail itu singgah ke negeri Mengiri. Setelah sudah maka Syeih Ismail pun naik ia ke kapal maka lalu ia berlayar"(HRP 24-27(14-15))*. Mungkin tujuan Khalifah menghantar kapal serta Syeikh Ismail adalah sebagai memenuhi permohonan Maharaja Srivijaya tersebut. Walau bagaimanapun, maklumat ini adalah amat penting kerana sebutan mengenai peristiwa tersebut jarang ditemui dalam kajian para Orientalis, terutama dalam tulisan para pengikut *konsep Greater India.*

Koleksi ini juga mengandungi karya-karya oleh J.V.Mills yang memperkatakan tentang kajian dalam satu lagi bidang ilmiah iaitu, ilmu kartografi iaitu penelitian tentang peta-peta lama dan alat-alat pelayaran. Dalam makalah beliau "*Arab and Chinese navigators in Malaysian waters in about AD 1500*" (KP JB 30) dirakamkan maklumat mengenai pelayaran dan pemaliman orang Arab dan Cina di perairan Melayu. Pengarang meneliti peta-peta, alat-alat pemaliman, nama-nama tempat, data-data koordinat yang lengkap. Di samping itu, Mills turut membuat perbandingan data-data yang terdapat dalam sumber-sumber dan peta-peta Cina dan Arab. Oleh yang demikian, karya ini amat penting dan

boleh dipakai sebagai teks pelajaran atau buku rujukan untuk para peminat dalam ilmu pemaliman.

Dalam makalah berjudul, "*On a collection of Malayan maps in Raffles Library*" (KP JB 28), terdapat hasil kajian J.V. Mills ke atas 208 naskhah peta-peta lama yang tersimpan di Perpustakaan Raffles. Ini termasuk salinan peta-peta lama dari koleksi British Museum, Royal Geographical Society., SOAS, Royal Asiatic Society (RAS), Huntington Library (Los Angeles), Royal Geographical Institute. (Utrecht) dan Royal Library (Munich). Terdapat katalog koleksi peta yang lengkap. Berdasarkan analisis ke atas peta-peta tersebut, pengarang telah menyusun semula periodisasi ilmu kartografi: Sebelum 1600; 1600 – 1699; 1700 – 1799; 1800 – 1879.

Koleksi ini juga mengandungi satu lagi kajian oleh J.V. Mills yang boleh dianggap sebagai contoh penggunaan hasil-hasil ilmu kartografi dan toponimi. Berdasarkan kajian ke atas peta-peta lama dan data-data yang dirakamkan dalam catatan pengembara orang Eropah (Willem Ysbrantsz Bontekoe 1622; Linschoten 1598), beliau telah mengenalpasti nama tempat *Polepon* (sekarang Pulau Saya, Sumatra Barat, Indonesia). Kajian J.Mills adalah amat penting kerana beliau telah memperihalkan satu bidang ilmu yang istimewa iaitu kartografi. Pelayaran dan pemaliman boleh dianggap sebagai salah satu unsur yang asas dalam kehidupan orang Melayu dan penduduk Nusantara. Justeru itu semua pelayar tempatan malah juga dari luar semestinya perlu tahu jalan-jalan kapal dan garisan-garisan pantai dalam kepulauan Melayu. Para pelayar perlu mempunyai kemahiran dalam bidang kartografi. Ternyata peta-peta lama perlu digunakan sebagai sumber data untuk memberi pemahaman kepada kita tentang sejarah alam Melayu dan hubungannya dengan negara-negara dan tamadun yang lain.

Data-data tentang laluan perdagangan, tempoh masa perjalanan, nama-nama tempat, garisan pantai serta bahan-bahan yang berkaitan dengan pelayaran

dan pemaliman juga terdapat dalam koleksi ini. Maklumat ini terdapat dalam pelbagai teks-teks sejarah terutama catatan para pengembara yang pernah singgah di alam Melayu. Catatan pengembara itu mengandungi data-data dan pernyataan yang terawal tentang alam Melayu dan Nusantara. Oleh sebab itu, teks-teks tersebut juga merupakan sumber sejarah yang amat penting. Di antaranya yang boleh sebutkan di sini ialah mengenai tulisan para pelaut dari zaman purba (sebelum Masihi) sehingga ke zaman moden (kurun ke-19 hingga 20), termasuk catatan orang Eropah (Greek, Rom Purba, Spain, Portugis, Belanda, Inggeris, Perancis dan lain-lain), Cina, India dan Arab. Lazimnya para ilmuwan menggunakan bahan-bahan tersebut serta sumber-sumber sejarah yang lain agar dapat membina semula sejarah alam Melayu, terutama sejarah zaman purba.

Sebagai salah satu kajian yang komprehensif, bahan-bahan tersebut mengandungi analisis terhadap sumber sejarah yang pelbagai seperti buku Sir Richard Braddel (1880-1966) berjudul *A study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca and notes on ancient times in Malaya* (KP JB 5). Buku tersebut merupakan kumpulan makalah mengenai pelbagai aspek sejarah Melayu yang terawal.

Berdasarkan penelitian kosa kata bahasa Melayu, R. Braddel menganalisa asal-usul orang Melayu dan menjelaskan historiografi kajian tentang asal-usul orang Melayu dari segi ilmu antropologi. Beliau setuju dengan pendapat R.O.Winstedt bahawa orang Melayu berasal dari Champa, Kemboja dan Kohinhina dan pada awalnya tinggal di Sumatra. Berdasarkan penelitian sumber-sumber sejarah Cina dan India, beliau memperkatakan antara lainnya mengenai hubungan dan sejarah perdagangan di antara Nusantara dan Mesopatamia (1400BC) dan sejarah negeri Fu-nan (kurun ke-3 hingga 7M.)

Berdasarkan maklumat yang diterangkan dalam karya-karya Strabon (20M), Ptolemei (150M), Pomponius Mela (43M) dan lain-lain, R.Braddel turut

meneliti hubungan alam Melayu dengan Rom Purba. Antara lain pengarang mengenalpasti pelbagai nama tempat yang disebutkan dalam peta Ptolemei. Misalnya: Symbas - Ramri - Lamri; Golden Chersones, Attabas - Pahang dan lain-lain. Senarai nama-nama tempat dilengkapi dengan data-data koordinat geografis *(co-ordinate).*

Perkara yang penting dan menarik dalam hasil-hasil kajian R.Braddel adalah mengenai penemuan barang-barang purba dari penggalian arkeologi di Johor dan Sarawak. Artifak-artifak yang ditemui terdiri daripada barangan diperbuat dari kaca, seramik dan manik-manik kecil yang asli didapati dari Cypros atau Phoenicia/Seabee (dalam teks Injil - Sheba). R.Braddel menegaskan bahawa "*Barang-barang manik kecil yang terdapat di Johor membuktikan bahawa pada kurun ke-7 hingga 5SM saudagar-saudagar Phoenicians pernah singgah ke alam Melayu dan Arab Purba yang mengawasi perjalanan perdagangan tersebut sejak dahulu kala. Sheba dan Hadramaut boleh dianggap sebagai rakan-rakan perdagangan dengan Nusantara pada zaman purba. (hlm. 324*)". R.Braddel juga menyebutkan nama tempat Shantung (Malay) sebagai pelabuhan persinggahan orang Phoenicians pada tahun 680 SM.

Menurut pendapat pengarang asal-usul *Sabah, Sabak* (kampung dekat Sungai Bernam, Selangor), Pulau *Sabam* (ke selatan dari Singapura) mempunyai perkaitan dengan zaman Sabea (Sheba). Nama-nama tempat yang sama ditemui dalam karya dan peta Ptolomy. R.Braddel menyatakan juga bahawa nama tempat *Ophir atau Sophir* iaitu nama suatu negara dongengan yang disebutkan dalam teks Injil mungkin bererti *Suwarnadwipa* atau Tanah Emas iaitu Sumatra atau Kepulauan Melayu pada keseluruhannya. Menurut cerita Injil Raja Solomon (dalam al-Qur'an – Nabi Sulaiman) mendapat emas sebagai keramat beliau daripada negeri Sophir iaitu dari Suwarnadwipa. Dalam teks-teks lama terdapat banyak maklumat tentang galian emas purba di alam Melayu. Di samping itu, hasil-hasil penggalian arkeologi turut membuktikan bahawa di Nusantara juga wujud tamadun perlombongan emas dan

pembuatan barang-barang emas. Dalam sumber-sumber sejarah Greek Purba, Nusantara atau kawasan Kepulauan Melayu itu disebutkan juga sebagai *Khrisa* (Tanah Emas).

Unsur-unsur cerita tentang hubungan alam Melayu dengan Nabi Sulaiman terdapat dalam mitos dan karya-karya sejarah orang Bugis (antara lain dalam *Tuhfat al-Nafis*). Menurut sumber-sumber sejarah Bugis malah menurut tradisi lisannya, raja-raja Bugis adalah dari keturunan Nabi Sulaiman dan Ratu Balqis iaitu raja Sabea (1000SM).

Dalam buku R.Braddel juga, diterangkan bahawa di antara para pelaut purba dari Mesopotamia yang pertama datang ke Nusantara adalah kaum Sumero-Akkadians (4000-3000SM). Kemungkinan mereka adalah golongan yang pertama singgah ke kawasan tersebut. Menurut pendapat R.Braddel dan F.W.Douglas, istilah "ikan" dalam bahasa Melayu asalnya adalah dari nama *Ia-khan* iaitu dewa laut dalam tamadun Sumero-Akkadian. Disebutkan juga bahawa hubungan di antara alam Arab dan Nusantara wujud sejak zaman Babylon (kurun ke - 23 hingga 2 SM).

Kajian R.Braddel membuktikan dan menunjukkan secara jelas bahawa alam Melayu dan juga Nusantara pada keseluruhannya adalah pusat tamadun manusia purba. Ternyata kepulauan Melayu menjadi terkenal di negara-negara Mesopotamia, Mesir purba, Babylon dan lain-lain sebagai pusat kebudayaan dan perdagangan sejak zaman dahulu. Bahan-bahan tersebut menunjukkan peranan Asia Tenggara dan alam Melayu di dalam sejarah umat manusia.

Selain daripada kajian dalam bidang sejarah purba, R.Braddel turut memberikan perhatian terhadap peranan India di alam Melayu. R.Braddel mengikut *konsep Greater India*. Beliau menulis antara lain: *"The earliest periods in the ancient history of the Malay peninsula and the Straits of Malacca can only be visualized as a part of the general history of South - East Asia and so of greater India.* ***No one***

at this date could doubt that the basis of Malay culture is Indian** and the further north one goes the more pronounced does that fact become, doubtless because of the strong Siamese influence. Remove of the uppermost layer of Islam, take away the lowermost aboriginal layer and what remains is Indian so that **to this day it may be said that the large part of Malay culture is ancient Indian in origin" (p.68). Pendapat tersebut disokong oleh ramai Orientalis yang terkenal.

Pada tahun 1881 Sir William Maxwell menegaskan, bahawa: "*there would be observers of curious customs and beliefs among the Malays if Englishmen in this latitudes would get out of the habits of regarding the Malays simply as Mohammedan people inhabiting the countries in the vicinity of the Straits of Malacca. **Let them regard the Mohammedanism of the Malay as an accident not to be taken into account in studying the character and tracing the origin of the people".*** (lihat: Maxwell W.E. The Folklore of the Malays. In JRAS (SB) 1881, N7, pp.11-29)

Pada 1919, Sir Richard Winstedt menyatakan antara lain: "*the more one studies the subject, the more one realize the immense debt **Malaya owes to India for folk-tales as well as for language, religion, custom, literature and general culture"*** (lihat: R.O. Winstedt. The Indian Origin of Malay Folktales. JRAS (SB) 1919, N.82, pp.119-126)

Ternyata konsep Greater India tersebar luas dalam tradisi ilmu Barat. Para pengikut konsep tersebut melebih-lebihkan pengaruh India dan tamadun Hindu-Buddha dan memperkecilkan peranan budaya lain, terutama pengaruh Islam di alam Melayu. Pendapat tersebut tidak berasaskan kepada data-data sejarah yang sahih seperti sejarah perkembangan bahasa, sastera dan masyarakat Melayu. Mereka tidak memperhatikan orang Melayu sebagai suatu bangsa sehinggalah selepas kedatangan Islam sahaja. Islamlah yang mencorakkan identiti kebangsaan dan mempengaruhi perkembangan masyarakat, ekonomi, kebudayaan dan bahasa Melayu. Ternyata sejak dahulu

sampai sekarang tamadun Melayu merupakan sebahagian daripada tamadun Islam yang tidak boleh dipisahkan.

Bahan-bahan mengenai sejarah purba dan sumber-sumber sejarah dari pelbagai zaman dan bangsa dirakamkan dalam buku "*The Golden Khersonese. Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before AD 1500*" (KP JB 47), dikarang oleh Paul Wheatly. Dalam prakata terdapat historiografi kajian ilmiah tentang ilmu bumi dan toponimi terawal di alam Melayu, keterangan mengenai nama tempat "*Golden Khersonese*", catatan tentang angin monsoon dan lain-lain.

P.Wheatly menumpukan perhatian kepada sumber-sumber sejarah Cina dan Arab. Teks-teks inilah dianggap oleh pengarang sebagai sumber-sumber terpenting. Walaupun begitu P.Wheatly menyatakan bahawa teks-teks Cina menggambarkan sejarah Melayu dari sudut pendapat raja-raja Cina dan biasanya disebut hanya peristiwa yang boleh digunakan untuk memuji raja Cina atau hal-ehwal yang penting dari segi agama Buddha. Misalnya disebutkan bahawa I-Tsin (I-Ching), pada tahun 671-695M pernah ke alam Melayu disebutkan dalam catatan pengembaraannya hanya tempat-tempat di mana tersebar agama Buddha - *Lang-chia-shu* (Langkasuka) dan *Chieh-ch'a* (Kedah).

Maklumat tentang Tun-sun (Tanah Melayu, Semenanjung Melayu) ditemui dalam teks-teks Cina sejak kurun ke-3 M. Pengarang menyebut juga pelbagai karya Cina kurun ke-4 hingga 15M yang mengandungi maklumat tentang hubungan perdagangan di antara alam Melayu dan Cina pada masa kerajaan Dinasti Yong (1280-1360); tentang laksamana Cheng Ho (1371–1433), tentang utusan-utusan rasmi dan lain-lain. Antara lain P.Wheatly menarik perhatian para pembaca kepada suatu teks sejarah Cina *Shih Fa-Hsien* (Keterangan undang-undang agama Buddha, 399 M) yang mengandungi maklumat bukan hanya tentang para pengikut agama Buddha malah juga tentang orang Cina

Kristian Katolik. Dalam satu lagi teks *Ling-wai Tai-ta (*dikarang dalam tahun 1178) terdapat maklumat tentang para saudagar Arab Muslim di alam Melayu (di SriVijaya). Senarai sumber-sumber sejarah Cina yang digunakan oleh pengarang terdapat dalam Appendix.

Dalam koleksi John Bastin tersimpan juga beberapa lagi karangan P. Wheatly iaitu tentang sumber-sumber sejarah Cina (lihat: KP JB 48, 49, 50, 51, 52).

Maklumat-maklumat tentang alam Melayu yang dicatat dalam sumber-sumber Barat Purba (Greek dan Latin) terdapat dalam bahagian ke-II "Semenanjung Melayu sebagaimana yang dikenali di Barat". P.Wheatly menganalisa karya-karya Strabo (63 BC – 23 M), Pomponious Mela (kurun ke-1 M), Pliny (kurun Pertama Masihi), Ptolemy (kurun ke-2 M), Martianus Capella (kurun ke-5M) dan lain-lain. Ada juga terdapat petikan dari Ptolemy's *Geography* berkaitan dengan istilah *Golden Khersones* serta pelbagai keterangan tentang nama-nama tempat yang disebutkan di dalamnya.

Hubungan alam Melayu dengan India dan pengaruhnya dalam sejarah Nusantara dihuraikan di bahagian ke-III "Orang India di alam Melayu". Berdasarkan teks-teks Hindu Ramayana (kurun ke-4 SM hingga 2 M) dan Rigveda (Vayu Purana), P.Wheatly menyatakan pelbagai toponim-toponim Sanskrit seperti Suvarnadwipa, Yavadvipa, Malayadvipa dan lain-lain. Dalam Appendix terdapat penjelasan tentang teks-teks sejarah India yang digunakan oleh beliau.

Menurut Wheatly, orang Hindu dan Brahmans datang ke kawasan tersebut sekitar kurun Pertama Masihi. Pengaruh India dan penyebaran tamadun Hindu-Buddha berlangsung selama ratusan tahun. Pada kurun ke-5M, Pulau Jawa menjadi salah satu pusat penyebaran agama Hindu. P.Wheatly menegaskan bahawa sehingga sekarang belum ada bukti-bukti arkeologi yang menunjukkan jalan-jalan kedatangan orang Hindu dari India ke Semenanjung Tanah Melayu

walaupun terdapat banyak artifak Hindu di Nusantara. Hal tersebut menjadi alasan terbentuknya *konsep Greater India.*

Bahagian ke-IV "Orang Arab di alam Melayu" mengandungi maklumat tentang para pengembara Arab dan karya-karyanya yang memperihal tentang alam Melayu. P.Wheatly menghuraikan pelbagai sumber sejarah Arab mulai dari kurun ke-9M. Antaranya ialah *Ajaib al-Hind* (Buzurg Ramhurmuz, kurun ke-9), *Akhbar as-Sin wal'Hind*, *Seribu satu malam* (Thousand and one night), karya-karya Abu Zhaid (916 M); Abu Dulaf (940M); Ibn Khurdadhbih dengan *Kitab al-masalik wa'l mamalik* (844-848), al-Idrisdi dengan *Kitab nuzhat al-mushtak fi ikhtirak al-afak* (1154), al-Yakut. *Mu'jam al-buldan* (1224), Qazwini. *Kitab ajaib al-makhlukat* (kurun ke-13), al-Yakubi (875-880), al-Mas'udi (943 M), al-Biruni (1030M) dan lain-lain. Terdapat juga bahan-bahan mengenai para ulama dan saudagar-saudagar Islam yang mengunjungi alam Melayu pada kurun ke-15 hingga 16. Berdasarkan sumber-sumber sejarah tersebut, P.Wheatly menerangkan peranan orang Arab dalam penyebaran Islam dan perkembangan perdagangan dan ekonomi. Misalnya beliau memetik kata-kata al-Mas'udi bahawa sejak kurun ke-10 *Kalah (*Kedah*)* menjadi terkenal sebagai pelabuhan persinggahan untuk kapal-kapal dari Oman dan Siraf.

Kajian P.Wheatly menunjukkan secara jelas bahawa teks-teks sejarah Arab/Islam adalah sumber yang amat penting untuk dikaji tentang sejarah alam Melayu pada kurun ke-9 hingga 16. Pada masa itu ramai ulama dan saudagar Islam datang ke Nusantara, mereka lah yang mengawasi jalan-jalan perdagangan dan pelayaran di antara Timur Tengah dan China Selatan. Dalam teks-teks tersebut terdapat maklumat tentang jalan kapal-kapal dan angin monsun, tentang pelabuhan-pelabuhan dan perdagangan, tentang adat-istiadat dan kebudayaan orang Melayu.

Berdasarkan bahan-bahan yang tercatat dalam pelbagai sumber sejarah (Cina, Arab, India, Jawa, Melayu), P.Wheatly menggambarkan sejarah negeri

Langkasuka, Takola, Fu-nan (bahagian V: Tiga negara yang dilupakan), menganalisa unsur-unsur ilmu bumi dan data-data tentang letaknya negeri-negeri di Semenanjung Melayu (bahagian VI: Zaman Isthmian); serta meneliti sejarah Melaka sebagai pusat perdagangan (bahagian VII: Bandar yang dibina untuk perdagangan).

P.Wheatly membina suatu konsep perkembangan alam Melayu yang komprehensif sejak zaman dahulukala sehingga zaman pertengahan. Beliau menunjukkan secara jelas ciri-ciri khas tamadun Melayu adalah sifat keterbukaan terhadap tradisi-tradisi yang lain, *sifat keperibadian* (keaslian), iaitu kesetiaan terhadap akar-akar kebangsaan. Alam Melayu mempunyai kaitan yang erat dengan laut, pelayaran dan perdagangan. Sejak dahulukala Kepulauan Melayu menjadi pusat pertukaran tamadun dan kebudayaan antarabangsa. Hal tersebut mengakibatkan sifat *keterbukaan*. Justeru itu orang Melayu tinggal di kepulauan iaitu penduduk kepulauan. Penduduk kepulauan ialah manusia yang tinggal di dalam sebidang tanah yang dikelilingi oleh laut dan terpisah dari dunia yang lain, sangat menarik hati akan tradisi sendiri, mencintai tanah air dan adat-istiadat kebangsaan. Hal ini bererti sifat *keperibadian*. Kesetiaan terhadap adat-istiadat dan tradisi tersebut adalah suatu asas kesedaran nasional. Mengingatkan akan asal-usul diri telah membantu pelaut menahan diri di laut dan mencari jalan supaya balik ke kampung. Sehingga sekarang tradisi balik kampung dianggap sebagai suatu ciri khas tamadun orang Melayu.

Kajian P.Wheatly dan data-data yang dicatatkan dalam pelbagai sumber sejarah itu menafikan pendapat para pengikut *konsep Greater India* bahawa tamadun Melayu adalah hanya hasil pinjaman dari tamadun India atau Hindu Buddha. Orang Melayu menerima unsur-unsur daripada pelbagai budaya lain, selepas itu mereka mentafsirkan unsur-unsur tersebut dengan cara tersendiri dan membina suatu tamadun kebangsaan yang sempurna dan semula jadi (original).

Dalam koleksi John Bastin kita juga menemui beberapa karya tentang **Srivijaya**. Ternyata sejarah dan kebudayaan Srivijaya adalah salah satu subjek kajian terpenting yang diberi banyak perhatian oleh para Orientalis. Buku "*Kerajaan Srivijaya*" (KP JB 57) dikarang oleh seorang ilmuwan dari Indonesia Dr. Slametmuljana, mengandungi bahan-bahan tentang historiografi iaitu kajian sejarah Srivijaya di Barat dan di Indonesia. Kebanyakannya berdasarkan atas kajian batu-batu nisan dan catatan pengembara. Sementara itu pengarang mengkaji tulisan I-Tsing (671-685) dan menentukan pelbagai nama tempat yang disebut di dalamnya: Lo-jeng-kuo (Nikobar), Ka-cha (Kedah), Moloyu (Melayu), Mo-hosin, Ho-ling (Kalinga, Jawa), Tan-tan (sebahagian dari Kelantan), Pan-Pan (dekat Teluk Siam), Langkasuka, Toholopoti (Dwarawati) dan lain-lain. Beliau menegaskan juga bahawa nama tempat Srivijaya ejaannya berbeza antara pelbagai sumber sejarah. Misalnya dalam tulisan zaman T'ang (618-907) Srivijaya disebutkan sebagai *Shih-li-foshih*, dan dalam tulisan zaman Sung (960-1279) disebut sebagai *San-fo-ts'i*. Hal tersebut membantu bagi menentukan tarikh sumber-sumber sejarah yang menyebut tentang toponim Sih-li-foshih – San-fo-ts'I – Srivijaya.

Terdapat juga perbandingan antara pelbagai maklumat dari sumber-sumber Arab dengan rujukan yang lengkap. Analisa nama-nama tempat dan penentuannya membantu kita memahami sejarah Srivijaya yang sahih, antara lain sempadan-sempadannya, daerah-daerah takluknya dan lain-lain.

Dr. Slametmuljana memberikan perhatian juga kepada bahan-bahan epigrafi - batu-batu nisan dari Ligor dan Kota Kapur, piagam-piagam Ligor, Grahi dan lain-lain. Berdasarkan bahan-bahan tersebut pengarang membina semula wangsa (keturunan) Sailendra, sejarah kerajaan Sailendra, keruntuhan Sailendra di Sumatra dan lain-lain.

Buku Dr. Slametmuljana mencerminkan antara lain kepentingan kajian sumber-sumber sejarah dari segi ilmu toponimi, epigrafi, tekstologi dan lain-lain dan

menunjukkan bagaimana hasil-hasil kajian tersebut boleh digunakan juga untuk lebih memahami sejarah yang sahih.

Satu kajian sejarah Srivijaya dan alam Melayu pada kurun ke-12 hingga 15 terdapat dalam buku oleh O.W.Wolters "*The Fall of Srivijaya in Malay History*" (KP JB 58). Sebagai sumber-sumber kajian yang utama, W.Wolters menggunakan bukan hanya tulisan-tulisan luar (Arab, Cina, Eropah dan lain-lain) malah juga teks-teks Melayu seperti *Sejarah Melayu* dan lain-lain. Wolters juga memberikan tumpuan kepada sejarah Srivijaya dan Majapahit, sejarah pelayaran dan perdagangan di kawasan alam Melayu pada kurun ke-14 hingga 15, hubungan antara raja-raja Melayu dan Cina, sejarah Melaka dan asal usul raja-rajanya, hubungan antara Melaka dan Palembang (pusat kuasa Srivijaya) dan lain-lain.

Buku O.W.Wolters mengandungi maklumat mengenai masyarakat Melayu dan sistem kerajaan di Srivijaya, Palembang, Melaka dan daerah-daerah takluknya. Antara lain beliau menegaskan bahawa pada kurun ke-5 hingga 15 di alam Melayu telah wujud dan berkembang beberapa kerajaan yang amat besar dan luas. Pengarang mengemukakan kenyataan al-Mas'udi mengenai Srivijaya: "*raja Srivijaya memerlukan tempoh sekitar dua tahun untuk mengunjungi semua negara takluknya*" (KP JB 58, ms11). Beliau menyatakan bahawa lazimnya kuasa raja agung dalam negeri-negeri takluk wujud secara formal sahaja. Raja-raja negeri takluk membayar "anugerah" (ufti) kepada raja agung. Tetapi raja-raja tersebut memerintah negerinya sendiri tanpa perlantikan dari raja agung dari Palembang (Srivijaya). O.Wolters menyatakan juga sehingga kurun ke-18 hingga ke-19, negeri-negeri takluk mempunyai tentera dan sistem pertahanan sendiri dan mampu melindungi negeri daripada lanun serta musuh dengan tenaga sendiri tanpa bantuan raja agung atau pentadbiran Eropah (KP JB 5, hlm. 16-17).

Pengarang meneliti keadaan ekonomi dan perdagangan di alam Melayu sejak kurun ke-5 hingga kurun ke-16. Beliau menyatakan secara sahih berdasarkan

data-data dari pelbagai sumber sejarah pada kurun ke-5 hingga 6, orang Melayulah yang menjalan dan mengawal perniagaan dengan orang Arab/ Parsi dan Cina di laut China Selatan. Hasil-hasil perdagangan tersebut menjadi asas kekayaan raja-raja Melayu. Hal ini menyangkal prasangka terhadap orang Melayu yang sejak dahulu sehingga kurun ke-18 hingga 19 hanya melaksanakan perdagangan runcit dan tidak menyertai perniagaan antarabangsa.

O.W.Wolters menyebutkan Palembang sebagai suatu pusat perdagangan laut pada kurun ke-7. Raja-raja Palembanglah yang mengawal Selat Melaka dan semua negeri-negeri sekeliling Selat Melaka ditakluk oleh Palembang. Menurut catatan pengembara Arab, pada kurun ke-10 Palembang dianggap sebagai pusat perdagangan antarabangsa dan ramai saudagar-saudagar dari Barat singgah ke sana. Perlu diberi perhatian juga bahawa sumber-sumber Cina tidak mengandungi maklumat tentang para saudagar Arab/Parsi (Barat) dan perdagangan antarabangsa di Palembang. Menurut pendapat O.Wolters hal tersebut menunjukkan antara lain bahawa pada masa itu para saudagar Cina jarang datang ke Palembang. Orang Melayulah yang membawa dagangan Barat dari Palembang ke China dan menjadi pengantara dalam perniagaan tersebut.

O.Wolters menghuraikan pelbagai data tentang keadaan ekonomi yang nyata dan dirakamkan dalam teks-teks sejarah. Antara lain mengenai utusan-utusan Arab ke China (pada tahun 724, 758M). Dimaklumkan juga bahawa utusan tersebut singgah ke Sumatra untuk membeli rempah ratus dan lain-lain.

Dalam karya O.Walters terdapat juga maklumat tentang para saudagar Yahudi yang pernah singgah ke alam Melayu lama sebelum zaman penjajahan. Misalnya, mengenai orang Yahudi dari Mesir pada kurun ke-13 datang ke Sumatra Utara dan membeli (memborong) kapur barus di sana. Dimaklumkan juga bahawa saudagar tersebut meninggal dunia di Fansur dan raja tempatan merampas hartanya (hlm.42).

Ternyata orang Melayulah yang mengawal perniagaan antarabangsa di perairan dan kepulauan Melayu. Bandar-bandar di Sumatra Utara dan sekeliling Selat Melaka menjadi pelabuhan persinggahan oleh saudagar-saudagar Barat (Arab, Farsi, Yahudi dan lain-lain). Di antara pusat-pusat perdagangan lain yang disebut oleh O. Wolters ialah Kampar, Aru (Haru), Barus, dan lain-lain. Raja-raja tempatan dikatakan memperoleh untung besar dan menggunakan kekayaan tersebut untuk memperkukuhkan kerajaan mereka. Menurut sumber-sumber sejarah, sejak zaman Mongol lagi (kurun ke-13) di tempat-tempat inilah di Sumatra Utara wujud negara-negara yang bebas iaitu, Samudra, Lamuri, Perlak, Tamiang dan Haru. (hlm. 46)

O.Wolters mengkaji bahan-bahan mengenai hubungan di antara China dan alam Melayu pada zaman Dinasti Ming (1368-1644) dan meneliti keadaan sejarah dan ekonomi sebelum wujudnya kerajaan Melaka. Dalam buku beliau terdapat satu bahagian tentang sejarah Melaka pada zaman puncak keagungannya (sejak tahun 1436) dan tentang perniagaan pada masa itu terutama oleh para saudagar Islam.

O. Wolters turut menganalisa data-data tentang pengasas Melaka yang diperolehi dari pelbagai sumber. Beliau membandingkan cerita tentang asal usul Sultan Iskandar Syah yang disebutkan oleh Tome Pires sebagai Parameswara dan cerita tentang asal usul Sri Tri Buana iaitu pengasas Singapura. Menurut pendapat O.Wolters cerita tentang asal usul dan keturunan Sultan Iskandar Syah (Parameswara) disusun atas model cerita tentang Sri Tri Buana. Cerita tentang Sri Tri Buana dan konsep kerajaannya berasal dan dipengaruhi oleh tamadun Hindu Buddha. Atas dasar perbandingan dua cerita tersebut O.Wolters berusaha membuktikan bahawa cerita tentang Iskandar Syah dan konsep kerajaan yang diceritakan dalam Sejarah Melayu berasaskan tamadun Hindu-Buddha dan tidak mempunyai kaitan dengan tamadun Islam. Pendapat tersebut mencerminkan kurang penilaian terhadap Islam dan peranannya dalam sejarah alam Melayu. Sikap negatif terhadap Islam yang cukup tersebar

di kalangan para Orientalis Barat, tidak memudahkan mereka memahami sejarah alam Melayu berdasarkan maklumat yang sahih. Misalnya O.Wolters membandingkan cerita asal usul Sultan Iskandar Syah dengan mitos tentang Sri Tri Buana dan mitos-mitos Hindu-Buddha. Namun beliau tidak membandingkan maklumat-maklumat berkaitan dengan Sultan Iskandar Syah dengan tamadun Islam dan tidak memahami unsur-unsur Islam yang terdapat di dalamnya. Beliau juga menyatakan bahawa nama Parameswara berasal daripada nama Maheswara iaitu salah satu nama Siva. Tetapi nama Parameswara tidak ditemui di dalam teks Sejarah Melayu. Nama yang disebutkan di dalamnya adalah nama Iskandar Syah. Nama itu berasal daripada nama Iskandar Zulkarnain. Iskandar Zulkarnain tidak berkaitan dengan tamadun Hindu Buddha dan nama tersebut terdapat dalam al-Qur'an. Menurut tradisi Islam, Iskandar Zulkarnain adalah salah seorang pahlawan Islam yang amat adil dan berani, yang terkenal di seluruh dunia, terutama dalam dunia Islam, yang menyebarkan Islam di seluruh dunia. Beliau melindungi orang Islam daripada orang jahat dan orang kafir dan beliau menghukum manusia secara adil[1]. Tidak disangkal lagi bahawa nama Sultan Iskandar Syah sebenarnya berasal dari tamadun Islam dan bukan daripada tradisi Hindu Buddha.

Kesimpulan:

Analisa koleksi John Bastin sebagai satu kesatuan adalah sangat penting untuk mengkaji tradisi-tradisi ilmu dan historiografi di alam Melayu. Koleksi John Bastin adalah sumber historiografi yang mencerminkan pelbagai zaman dan pelbagai aspek sejarah alam Melayu. Justeru itu koleksi tersebut menggambarkan konsep-konsep dan pandangan ilmiah beliau sendiri.

[1]Maklumat yang lebih lengkap tentang mitos asal usul raja Melayu dan analisisnya lihat antara lain: Denisova, T. Islam dan mitos-mitos Melayu tradisional mengenai asal usulnya raja-raja Melayu. dlm: *Bulletin of Moscow State University*. *"Oriental studies"*, Moskow: MGU, 2000, N4.

Bahagian pertama katalog koleksi John Bastin mempersembahkan buku-buku tentang sejarah purba dan arkeologi (*Ancient History and Archaeology).* Kajian koleksi tersebut mengandungi *analisa statistik* dan *analisa isi.* Sebagai kriteria analisa statistik kita memilih antara lain tempoh penerbitan, tempat penerbitan, bentuk penerbitan dan nama pengarang.

1. Hasil-hasil analisa statistik menunjukkan bahawa kajian mengenai sejarah purba dan arkeologi diterbitkan dalam pelbagai bentuk: monograf – 19; buku kecil – 1; makalah – 34; kertas kerja – 6. Kebanyakannya diterbitkan di Singapura dan Kuala Lumpur. Terdapat juga buku-buku yang diterbitkan di London. Antara buku tersebut kebanyakannya diterbitkan dalam tempoh: 1951-1960 dan 1961-1980.

   Analisa koleksi John Bastin menggambarkan bahawa terdapat banyak karya-karya ilmiah yang diterbitkan dalam pelbagai majalah ilmiah dan persatuan (lembaga) ilmiah iaitu Royal Asiatic Society, The Asiatic Society of Pakistan, The South Seas Society, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura dan lain-lain. Hal tersebut membuktikan bahawa dalam masyarakat Malaysia terutama selepas kemerdekaan semakin bertambah perhatian diberikan kepada ilmu dan kajian tentang tamadun serta sejarah kebangsaan.

2. Susunan koleksi mencerminkan kehidupan John Bastin dan cara pemikiran ilmiah beliau. John Bastin tamat dari Universiti Oxford setelah berjaya mempertahankan tesis PhD pada tahun 1956. Pada tahun yang sama dia mula mengajar sejarah Indonesia dan Melayu di Universiti Queensland, Australia. Seterusnya pada tahun 1957 beliau menjadi pensyarah dalam bidang sejarah Melayu-Indonesia di Australian National University (Canberra). Pada tahun 1959 John Bastin dilantik sebagai Professor dalam bidang sejarah di Universiti Malaya dan Dekan yang pertama di Fakulti Kesenian UM (1959-1963). Ternyata pada

masa itulah John Bastin paling aktif dalam kegiatan ilmiah di mana beliau mengumpul karya-karya ilmiah dari pelbagai bentuk termasuk kertaskerja-kertaskerja pelbagai persidangan ilmiah antarabangsa. Analisis nama-nama pengarang menunjukkan secara jelas bahawa John Bastin mengenal dan bekerjasama dengan pelbagai golongan Orientalis, tokoh dalam bidang arkeologi, antropologi, pra-sejarah, sejarah purba, epigrafi, toponimi dan lain-lain.

3. Analisis senarai nama-nama pengarang membantu kita memahami keadaan yang sahih dan tahap perkembangan kajian alam Melayu di Barat. Dalam koleksi John Bastin tersimpan karya-karya oleh para Orientalis yang amat terkenal seperti R.O. Winstedt, R.Braddel, M.W.F. Tweedie, W.Linehan; Alastair Lamb, Paul Wheatly, O.Wolters dan lain-lain. Analisa senarai nama-nama pengarang menunjukkan bahawa John Bastin (sebagai pemilik dan pengumpul koleksi tersebut) menumpukan banyak perhatian kepada bidang arkeologi dan toponimi, pra-sejarah dan unsur-unsur tamadun Hindu-Buddha.

   Analisis susunan koleksi tersebut, (bahagian I dalam katalognya) mencerminkan John Bastin sendiri mungkin mengikut konsep "Greater India" yang amat popular dalam kalangan ilmuwan Barat. Justeru itu dalam koleksi beliau tidak terdapat karya-karya para ilmuwan (tempatan malah juga dari Barat) yang mengkaji unsur-unsur tamadun Islam dan sejarah Islam yang terawal.

4. Analisis susunan koleksi dari segi isinya dan bidang perkara utama menunjukkan dalam koleksi tersebut tersimpan bahan-bahan tentang pra-sejarah dan sejarah lama di alam Melayu. Bidang perkara utama dan isi buku berpadanan dengan minat dan pandangan ilmiah John Bastin. Kebanyakannya tentang penggalian arkeologi di kampung-kampung Hindu-Buddha, tentang epigrafi sebelum Islam dan nama-nama

tempat (toponimi). Terdapat juga beberapa tulisan mengenai catatan pengembara dan sumber-sumber sejarah yang lain.

5. Dalam koleksi ini tersimpan beberapa kajian tentang antropologi dan prasejarah. Di antaranya karangan oleh W.L.H. Duckworth, Richard Shulter, Zuraina Majid, H.D.Tjia dan lain-lain. Semua bahan tersebut menunjukkan bahawa alam Melayu adalah salah satu pusat kediaman dan kebudayaan umat manusia yang amat purba. Terdapat juga kajian tentang Zaman Batu dan Zaman Gangsa. Bahan-bahan tersebut membantu kita memahami keadaan yang sahih dan kehidupan manusia di alam Melayu pada zaman purba, antara lain sejarah pertanian dan pertukangan yang terawal. Terdapat juga data-data berkaitan tamadun tanaman beras. Menurut para pengarang, tamadun tanaman beras wujud pada awalnya di Asia Tenggara dan selepas itu tersebar ke China dan tempat-tempat lain.

   Hasil-hasil penggalian arkeologi di tempat-tempat perlombongan logam purba membuktikan bahawa tamadun perlombangan logam (termasuk emas) dan pembuatan barang-barang logam (emas) di alam Melayu wujud sejak zaman Neolith lagi. Ternyata tamadun tersebut adalah amat purba serta semula jadi (tempatan).

   Bahan-bahan tersebut menyangkal prasangka bahawa kebudayaan Nusantara adalah hanya campuran pelbagai tamadun lain, terutama India dan Cina dan tidak mengembangkan apa-apa hasil pun yang boleh dianggap sebagai unsur tamadun sendiri, tamadun semula jadi.

6. Koleksi John Bastin mengandungi banyak buku-buku tentang sejarah lama (sejak dari tempoh 1000SM sehingga zaman Srivijaya (kurun ke-7 hingga 10M). Isi dan jenisnya amat pelbagai. Di antara bidang perkara utama perlu disebutkan adalah mengenai hubungan alam Melayu dengan negara-negara purba yang lain (Greece, Rom, kawasan Laut

Mediterranean, Timur Tengah, India, China dan lain-lain); kajian tentang peranan India di alam Melayu (konsep Greater India); kajian tamadun Melayu asal; kajian tentang negara-negara tempatan (Langkasuka, Srivijaya dan lain-lain) yang sering dikaji dalam bidang arkeologi, epigrafi dan toponimi.

7. Koleksi John Bastin menyimpan banyak karangan mengenai tamadun Hindu Buddha dan peranan India di alam Melayu. Menurut pendapat para Orientalis Barat, tamadun Melayu dan tamadun Nusantara wujud dan berkembang berdasarkan tamadun India dan dipengaruhi oleh tradisi Hindu-Buddha. Unsur-unsur India dan Hindu Buddha adalah yang paling penting dalam kehidupan masyarakat di Nusantara, termasuk masyarakat Melayu. Menurut pendapat mereka ekonomi dan sistem kerajaan, seni bina, sastera, agama dan kebudayaan Melayu berasal dan dipinjamkan dari India purba. Konsep tersebut dikenali sebagai *Konsep Greater India*. Pandangan tersebut amat tersebar di kalangan para Orientalis Barat. Analisa susunan koleksi John Bastin menunjukkan bahawa beliau juga merupakan pengikut konsep tersebut.

8. Menurut pendapat para ilmuwan lain, dalam tempoh akhir 1000SM - awal 1000M di Asia Tenggara terjadi revolusi budaya "*cultural revolution,*" iaitu, suatu perubahan tamadun umum yang amat besar. Perubahan tersebut termasuklah kemajuan pelbagai teknologi terawal yang berlaku di Sumatra, Jawa, Semenanjung Melayu dan lain-lain, iaitu sebelum orang India datang ke alam Melayu lagi. Ternyata dalam ilmu Orientalis Barat terjadi suatu diskusi ilmiah mengenai asal usul tamadun Nusantara dan Melayu serta mengenai peranan India dan China di dalamnya.

   Kajian tersebut menafikan prasangka terhadap tamadun yang tersebar di alam Melayu dan Nusantara berasal dari India Purba dan dibawa oleh orang India. Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa di Asia Tenggara dan Nusantara wujud dan berkembang suatu tamadun yang

sempurna dan semula jadi dan orang Melayu adalah salah satu warisnya yang sah.

9. Walaupun buku-buku tentang arkeologi, epigrafi dan toponimi kebanyakannya menumpukan perhatian terhadap unsur-unsur tamadun sebelum Islam, di dalamnya terdapat juga bahan-bahan tentang artifak-artifak tamadun Islam yang terawal. Misalnya: batu nisan dengan nama "Allah" dari Pengkalan Kempas (Negeri Sembilan), barang-barang dan matawang (dirham) buatan Arab/Muslim dari penggalian arkeologi di tepi pantai Sungai Bujang (Kedah), batu nisan Syeikh Ahmad Majnun yang mempunyai tulisan dalam huruf Jawi dan huruf Jawa purba dan lain-lain. Batu-batu nisan itu membuktikan bahawa orang Islam tidak menghapuskan unsur-unsur tamadun yang lain. Sebaliknya mereka mengekal dan menggunakan artifak-artifak daripada tradisi lain apabila barang-barang tersebut tidak bercanggah dengan peraturan Islam.

10. Dalam koleksi John Bastin terdapat banyak karya-karya yang berkaitan dengan kajian nama-nama tempat (ilmu toponimi). Di antaranya buku-buku R.Braddel, F. Douglas, S.Q. Fatimi, Hsu Yun-Ts'ao, W.Linehan, J.W.Mills, P.Wheatly, J.Moens, W.Kao dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut memperincikan hasil-hasil penelitian pelbagai zaman iaitu sejak zaman pra-sejarah sehingga zaman pertengahan. Kajian tersebut membantu penyelidikan tentang ciri-ciri khas tamadun tempatan dan unsur-unsur budaya lain, malah juga menunjukkan hubungan di antara pelbagai bangsa dan negara sejak zaman purba sehingga kini. Justeru itu ilmu toponimi digunakan untuk menentukan ejaan letaknya nama-nama tempat yang disebut dalam pelbagai teks dan peta. Dalam beberapa buku terdapat analisis perbandingan ejaan nama-nama tempat yang disebutkan dalam sumber-sumber India, China, Arab, Eropah. Bahan kajian tersebut amat menarik kerana menunjukkan ciri-ciri istimewa tamadun Melayu iaitu sikap keterbukaan terhadap kebudayaan lain.

11. Nama-nama tempat yang berasal dari bahasa Arab dan tradisi Islam dikaji oleh S.Q.Fatimi. Sumber-sumber kajian beliau adalah terhadap peta-peta buatan Arab, catatan pengembara Islam, batu-batu nisan, epigrafi dan lain-lain. Di antaranya terdapat data-data dari kurun ke-7 sehingga 8, berkaitan dengan sejarah Islam yang terawal. Bahan-bahan tersebut menyangkal prasangka bahawa Islam mulai masuk ke alam Melayu hanya pada kurun ke-14 atau 15. Ternyata hubungan orang Melayu dengan negara-negara Islam telah wujud sejak kurun Pertama sehingga 2 Hijrah. Hasil-hasil kajian S.Q.Fatimi menafikan satu lagi prasangka para Orientalis yang menyatakan kedatangan Islam ke alam Melayu terjadi secara kebetulan sahaja dan tidak memberi apa-apa makna dari segi sejarah alam Melayu. Kedatangannya tidak memberi perubahan dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu.

12. Dalam koleksi John Bastin terdapat banyak karya yang berkaitan dengan catatan pengembara. Lazimnya para ilmuwan menggunakan bahan-bahan ini bersama dengan sumber-sumber sejarah lain untuk membetulkan semula sejarah alam Melayu, terutama sejarah zaman purba. Antaranya termasuk tulisan para pelaut dari zaman purba (pada kurun-kurun SM) sehingga ke zaman moden (iaitu kurun ke-19 hingga 20). Tulisan-tulisan ini mengandungi catatan orang Eropah (Greek dan Rum Purba, Spain, Portugis, Belanda, Inggeris, Perancis dan lain-lain), serta tulisan orang Cina, India dan Arab. Di dalamnya terdapat maklumat tentang jalan perdagangan, tempoh lawatan, nama-nama tempat, garisan pantai serta bahan-bahan lain yang berkaitan dengan pelayaran dan pemaliman. Catatan pengembara ini juga mengandungi data-data dan sebutan yang terawal tentang alam Melayu dan Nusantara. Sebab itulah teks-teks tersebut dianggap sebagai sumber-sumber sejarah yang amat penting.

13. Berdasarkan analisis catatan pengembara dan bahan-bahan epigrafi, arkeologi, toponimi dan lain-lain, para ilmuwan membuat kesimpulan

bahawa alam Melayu adalah salah satu pusat kebudayaan umat manusia yang amat purba. Menurut pendapat R.Braddel, F.W.Douglas dan lain-lain di antara para pelaut purba yang pertama datang ke Nusantara itu adalah Sumero-Akkadians (4000-3000SM) dari Mesopotamia. Artifak-artifak dari galian arkeologi di Johor dan Sarawak membuktikan bahawa pada kurun ke-7 hingga 5SM saudagar-saudagar *Phoenicians* pernah singgah di alam Melayu dan Arab purba mengawal perjalanan perdagangan tersebut sejak dahulukala. Sheba dan Hadramaut boleh dianggap sebagai rakan-rakan perdagangan dengan Nusantara pada zaman purba. Ternyata kepulauan Melayu menjadi terkenal di negara-negara Mesopotamia, Mesir purba, Babylon dan lain-lain sebagai pusat kebudayaan dan perdagangan sejak dahulukala lagi. Bahan-bahan dalam koleksi ini menunjukkan peranan Asia Tenggara dan alam Melayu dalam sejarah manusia.

14. Dalam koleksi John Bastin juga tersimpan buku-buku yang memperihalkan hasil-hasil kajian yang komprehensif, iaitu berasaskan pelbagai kaedah ilmiah. Di antaranya karya-karya tentang Langkasuka, Srivijaya, Majapahit, Melaka dan negara-negara lain. Kajian P.Wheatly, O.Wolters, Dr.Slametmuljana dan lain-lain membina semula sejarah alam Melayu dan Nusantara secara am dan mengandungi suatu konsep sejarah alam Melayu yang komprehensif. Analisis ke atas bahan-bahan koleksi ini menunjukkan secara jelas bahawa ciri-ciri khas tamadun Melayu adalah *bersifat terbuka* terhadap tradisi-tradisi lain dan *sifat keperibadian* (keaslian) iaitu kesetiaan terhadap akar umbi kebangsaan. Sejak dahulukala lagi Kepulauan Melayu menjadi pusat pertukaran tamadun dan kebudayaan antarabangsa. Hal tersebut menyebabkan terbentuknya sifat *keterbukaan* itu. Justeru itu orang Melayu yang tinggal di kepulauan adalah penduduk kepulauan. Penduduk kepulauan ialah manusia yang tinggal di dalam sebidang tanah yang dikelilingi oleh laut dan dipisahkan dari dunia lain, mengambil berat akan tradisi sendiri, sangat menyayangi tanah air dan adat-istiadat kebangsaan. Hal ini bererti *sifat keperibadian*

dan kesetiaan terhadap adat-istiadat dan tradisi tersebut adalah suatu asas kesedaran nasional.

15. Analisis koleksi John Bastin dan bahagian pertama katalog koleksi tersebut yang bertajuk "*Ancient History and Archaeology"* mendapati bahagian yang pertama menyenaraikan buku-buku tentang pelbagai perkara dan masa iaitu sejak zaman pra-sejarah (ribuan tahun SM) sehingga kurun ke-15 hingga 16, iaitu pada zaman Melaka. Ternyata John Bastin yang menyusun katalog ini seolah berpendapat, sejarah kurun ke-15 sehingga 16 boleh dianggap sebagai *sejarah purba* bersama dengan zaman Pleistocene, Zaman Batu, Zaman Besi dan lain-lain. Apakah itu betul?

Periodisasi tersebut mencerminkan bahawa para Orientalis Barat membahagikan sejarah alam Melayu hanya kepada 3 period: *pra-sejarah* iaitu peristiwa-peristiwa sebelum orang India datang ke alam Melayu; *zaman Hindu-Buddha* iaitu "zaman emas", zaman kemuncak keagungan budaya Melayu; *zaman kemerosotan budaya Melayu* iaitu zaman selepas kedatangan Islam. Pendapat tersebut berasaskan konsep Greater India. Para pengikut konsep tersebut, termasuk John Bastin sendiri tidak memperhatikan peranan Islam di alam Melayu dan perubahan-perubahan kesan daripada penyebaran Islam di kawasan tersebut. Penilaian yang kurang serta sikap negatif terhadap Islam telah menyekat kesahihan sejarah. Hal tersebut juga digambarkan dalam katalog ini yang mana tidak memasukkan bahagian khusus buku-buku tentang epigrafi Islam, arkeologi Islam, sejarah Islam yang terawal iaitu sejarah kedatangan dan penyebaran Islam di alam Melayu sejak kurun ke-7 hingga 8 (kurun Pertama hingga 2H).

Analisis koleksi John Bastin sebagai satu kesatuan adalah amat penting dalam memberikan gambaran sebenar dalam bidang kajian alam Melayu. Ternyata

koleksi ini merupakan satu sumber sejarah yang istimewa. Susunan koleksi mencerminkan perkembangan ilmu dan budaya dalam masyarakat Melayu dan ciri-ciri khas penelitian alam Melayu di Barat sebagaimana susunan suatu harta karun menggambarkan keadaan ekonomi dan sejarah duit sejak zaman ianya disembunyikan.

Justeru itu hasil-hasil analisis tersebut membantu membina semula sejarah perkembangan masyarakat Melayu dan peristiwa-peristiwa penting. Berdasarkan kajian tersebut, para pembaca mampu memahami konsep sejarah kebangsaan dan peranan orang Melayu dan *alam Melayu* dalam tamadun umat manusia. Perkara ini amat penting supaya orang Melayu, terutama pemuda, malah juga semua orang Malaysia memahami sejarah bangsa sendiri (*national self-consciousness*) dan supaya mereka merasa bangga dengannya (*national self-esteem*).

GAMBAR-GAMBAR BAHAGIAN 1

Sejarah Purba dan Arkeologi

Hakcipta Terpelihara © 2011 – Perpustakaan Negara Malaysia

Bastin, John 1971   Found: the 'lost' Raffles letters. New Nation, 10 February 1971.

Gambar John Bastin (kini) daripada koleksi pribadi Dr. Annabel Gallop

Tanda Tangan (autograf) John Bastin

Oxford in Asia Paperbacks
OXFORD

TRAVELLERS' SINGAPORE
An Anthology

Compiled and Introduced by
JOHN BASTIN

"Pengembaraan Singapura". Antologi Buku yang disusun oleh john Bastin Buku disimpan dalam koleksi John Bastin

First Part for the Year
1936

Price to non-members
$15.00

MALAYAN BRANCH

ROYAL ASIATIC SOCIETY

Vol. XIV. Part I.

JOURNAL

January, 1936.

This Journal forms the continuation of the
Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society,
of which Nos. 1-86 were published 1878-1922.

Sold at the Society's Rooms, Raffles Museum, Singapore,
and by the Society's Agents
LUZAC AND COMPANY,
46, Great Russell Street,
London, W.C.1

PRINTERS LIMITED, SINGAPORE.

Muka surat pertama majalah
"Journal of Malay Branch of Royal Asiatic Society"
Journal disimpan dalam koleksi John Bastin

SIR T. STAMFORD RAFFLES.
(From the portrait by G. F. Joseph, A.R.A., in the National Portrait Gallery.)

Sir Thomas Stamfort Raffles
(171-1826)

Muka surat pertama Buku "Asia" dikarang oleh A.H. Keane.
Buku disimpan dalam Koeksi John Bastin

The Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and Straits of Malacca

Dato Sir Roland Braddell

M.B.R.A.S. REPRINT No. 7

Muka depan Buku "The Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and Straits of Malacca" (Kajian tentang zaman purba di Semenanjung Melayu dan selat Melaka)
Dikarang oleh Dato Sir Roland Braddelt (Kuala Lumpur, 1980)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

South Asian Archaeology

Edited by Norman Hammond

Foreword by Sir Mortimer Wheeler

Muka surat pertama
buku "South Asian Archaeology". (Arkeologi Asia Selatan)
Buku disimpan dalam koleksi John Bastin

179. High-relief figure, 2′ 6″ high, from Batu Lintang in Kedah. This figure, which was discovered in 1957, is by far the best preserved piece of stone sculpture to emerge from Kedah. The headdress and the technique of the representation of the feet very much suggest Cham or Khmer influence.

Patung(relief) dari Batu dintang di Kedah. Ditemui pada tahun 1957

Artifak-artifak seramik(tembikar)
dari galian arkeologi di Pengkalan Bujang.
Gambar oleh A.Lamb)

Artifak Budaya Dong-Shon. Loeng GANGSA dari Klang.
Disimpan di British Musium.

11. Steps leading from the *mandapa* to the sanctuary basement. March 1958. Note in the foreground the stone block which may have been the base of a cult object.

Galian arkeologi di Pengkalan Bujang, 1958-1959

CHART OF THE MALAY PENINSULA, &c, FROM THE PORTOLANO OF DIEGO HOMEM, A.D. 1558.
[British Museum, Additional MS. 5415 A, folio 19.]

Peta Lama kawasan Semenanjung Melayu (1558)

VNDECIMA · ASIAE · TABVLA ·

South-East Asia as depicted in the Rome Ptolemy, 1508.

Peta Semenanjung Melayu dan Asia Tenggara,
Ptoeemey, 1508

REIS
DOOR EEN GEDEELTE VAN DE
NEDERLANDSCHE BEZITTINGEN
IN
OOST-INDIË,
DOOR
J. C. BAANE.
Waarbij gevoegd is een verslag van de Expeditie, door
's Lands Eskader, onder bevel van den Kapitein ter zee
J. P. VAN BRAAM, volvoerd tegen de Vorsten
van *Malakka, Salangoor* en *Riouw.*
MET PLATEN.

P. Velyn, sculp.

Te AMSTERDAM, bij
G. J. A. BEIJERINCK.
MDCCCXXVI.

H. van ROSENBERG

Muka surat pertama Buku tentang pengembaraan orang Belanda ke India Timur (Asia Tenggara), dikarang oleh J.C. Baane. Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

The GOLDEN KHERSONESE

STUDIES IN THE
HISTORICAL GEOGRAPHY OF THE
MALAY PENINSULA BEFORE A.D. 1500

BY
PAUL WHEATLEY

KUALA LUMPUR
UNIVERSITY OF MALAYA PRESS
1961

Muka depan Buku "The Golden Khersonese" (Khersones Emas)
Dikarang oleh P.Wheatley (Kuala Lumpur, 1961)
Buku disimpan dalam koleksi John Bastin

BAHAGIAN 2

MELAKA

Koleksi John Bastin mengandungi banyak buku mengenai Melaka. Bahan-bahan tersebut disenaraikan dalam bahagian ke-II katalog koleksi yang bertajuk "Melaka". Analisis bahan-bahan mengenai Melaka yang terdapat di dalamnya menunjukkan pelbagai data-data statistik yang penting. Berdasarkan data-data statistik tersebut kita menentukan jumlah umum tajuk-tajuk yang disenaraikan dalam katalog tersebut; format penerbitan (simpanan); tarikh penerbitan dan lain-lain. Analisis statistik adalah kaedah penelitian sumber-sumber sejarah yang amat bermakna. Hasil-hasil analisis tersebut membantu kita supaya memahami data-data sangkaan (data tidak langsung) mengenai pemilik koleksi, arah-arah kajian alam Melayu, ciri-ciri khas pelbagai zaman dan arah dalam kajian tersebut. Data-data statistik adalah sebagai berikut:

Jumlah keseluruhan – 126 judul (KPJB 61 – 181), termasuk 6 judul tanpa nomor dan satu buku dengan 2 nomor (171/172).

Format penerbitan

makalah – 59 tajuk
kumpulan makalah – 1 tajuk
monograf (buku) – 46 tajuk
bahagian buku – 2 tajuk
buku kecil – 6 tajuk
kertas kerja – 6 tajuk
tesis – 4 tajuk
typescript – 1 tajuk

Kalau dibandingkan dengan bahagian pertama katalog (Bhg. I) dalam bahagian yang ke-dua itu (Bhg. II) muncul bahan-bahan simpanan dalam bentuk yang baru iaitu: tesis, bahagian monograf, typescript.

Tarikh penerbitan

Penerbitan yang terawal: 1726 (KPJB 149)
Penerbitan yang terakhir: 1993 (KPJB 113)

Data-data tersebut menunjukkan bahawa koleksi John Bastin (bahagian kedua) mengandungi bahan-bahan yang diterbitkan dalam tempoh 267 tahun!!! berbanding dengan bahagian petama, tajuk-tajuk yang disenaraikan di dalamnya diterbitkan dalam tempoh 64 tahun sahaja.

Hal ini menunjukkan bahawa Melaka adalah subjek kajian yang sangat penting. Melaka dan sejarahnya menarik perhatian para Orientalis sudah sejak kurun ke-18 sehingga 20.

Buku yang terawal adalah karya Francios Valentyn *Beschrijving van Malakka* ("Pengambaran Melaka"), ditulis dalam bahasa Belanda dan diterbitkan di negara Belanda (Amsterdam, Dordrecht) pada tahun 1726. (KP JB149) Francios Valentyn (1666-1727) adalah seorang tokoh Reformasi Gereja Belanda yang selama beberapa tahun pernah tinggal di Pulau Jawa dan di Ambon. Beliau menulis pelbagai karya tentang sejarah, tamadun, ilmu bumi dan lain-lain. Beliau memaklumkan tentang pelbagai kawasan yang dijajah oleh Kompeni Belanda, termasuk alam Melayu.

Dalam buku itu terdapat gambar litograf pemandangan Bandar Melaka yang amat cantik dan menarik. Buku itu mencerminkan tamadun penerbitan buku dan tahap perkembangan pencetakan di Eropah pada kurun ke-18.

Karya Francios Valentyn tersebut mengandungi maklumat tentang tempat letaknya geografis Melaka; tentang lendskap, sungai-sungai dan lain-lain. Terdapat juga pengambaran kubu-kubu, rumah-rumah dan jalan-jalan di Bandar Melaka. Dicatatkan juga maklumat tentang orang Melayu dan adat-istiadat mereka (termasuk baju, makanan, dan lain-lain.). Terdapat analisa ringkas bahasa Melayu sebagai *lingua franca* yang tersebar di alam Melayu.

Buku yang terbaru adalah karya Manuel Joachim Pintado *Portuguese documents on Malacca (1509 – 1511)*, Kuala Lumpur, 1993 (KP JB 113). Buku mengandungi teks-teks pelbagai dokumen yang berkaitan dengan kegiatan orang Portugis di Melaka pada kurun ke-16. Di antaranya adalah surat-surat, kisah kenangan (peringatan) para pegawai Portugis, kronika-kronika Portugis daripada zaman Raja D.Manuel dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut disimpan dalam koleksi pribadi pengarang. Terdapat teks-teks dalam bahasa Portugis dan terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris. Setiap dokumen mengandungi keterangan tentang bentuknya iaitu ukuran, cara tulisan, jumlah muka surat (folio), maklumat tentang keadaan naskahnya (baik/rosak). Disebutkan juga tanda tangan dan tanda cap bila ada.

Bahan-bahan tersebut kebanyakannya menggambarkan sejarah awal kedatangan orang Portugis ke Melaka dan peristiwa-peristiwa sebelum pelanggaran Melaka oleh A.D"Albuquerque.

Tempoh penerbitan buku yang terakhir yang disebutkan dalam Bhg. II adalah sama dengan yang disebutkan dalam Bhg. I, iaitu tahun 1992-1993.

Hal tersebut (berdasarkan analisa bhg. I dan 2) menunjukan bahawa koleksi John Bastin itu dikumpulkan secara aktif sehingga tahun 1990-1993.

Karya yang diterbitkan pada kurun ke-19: 22 tajuk (8 monograf dan 14 makalah). Kebanyakannya (15 judul) diterbitkan dalam tempoh masa sejak

tahun 1800 hingga 1850. Di antaranya terdapat 5 monograf (lihat KP JB 138, 150, 176, 178, 179) dan 10 makalah (lihat: KP JB 148, 154, 160, 163, n.n1., 170, n.n2, n.n.3, 171/172, 177)[2]. Ternyata pada masa itu Melaka pernah menjadi tumpuan perhatian ramai orang. Hal tersebut mencerminkan peristiwa-peristiwa sejarah yang sebenar: selama tempoh masa itu Melaka beberapa kali pernah menukar pemerintahannya. Sejak tahun 1795 sehingga 1818 Melaka diperintah oleh orang Inggeris; sejak tahun 1818 hingga 1824 Melaka diserahkan kepada orang Belanda. Sejak tahun 1824 sehingga 1946 bandar dan kawasan sekiranya kembali ditakluki oleh orang Inggeris.

Karya yang diterbitkan pada tahun sejak 1851 sehingga 1900 adalah 7 judul, iaitu: 3 monograf (KP JB 72, 96, 168) dan 4 makalah (KP JB 129, 132, 137, 161).

Karya yang diterbitkan pada kurun ke-19 kebanyakannya mengandungi data-data umum tentang Melaka (tempat letaknya, cuaca, penduduk, adat-istiadat, agama, budaya dan lain-lain), maklumat-maklumat mengenai kegiatan para mubaligh Kristian di kawasan tersebut. Terdapat juga laporan tentang peperangan dan ekonomi (galian, pertanian, perdagangan). Kebanyakannya diterbitkan di Singapura (11 judul), tetapi ada juga yang diterbitkan di Melaka (3 judul), Batavia (3 judul), London (1 judul) Amsterdam (1 judul). Dalam tiga judul (makalah) tempat penerbitannya tidak ditentukan.

Perbandingan dengan data-data statistik dari Bhg. I menunjukkan bahawa tempat penerbitan yang paling sering ditemui adalah Singapura. Ternyata Singapura menjadi pusat penerbitan/percetakan bahan-bahan tentang alam Melayu sejak kurun ke 19 lagi.

[2]n.n.1, n.n. 2 , n.n. 3 - tajuk-tajuk tanpa nomor yang dijilid bersama dengan tajuk KP JB 170 dan 171/172)

Dalam koleksi John Bastin terdapat makalah-makalah dan monograf-monograf yang diterbitkan di pelbagai majalah, iaitu: *Verhandelingen Bataviaasch Genootschap* (VBG, Batavia), *Tijdschrift Bataviaasch Genootschap* (TBG, Batavia), *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* (JIA, Singapura), *Asiatic Journal* (Singapura), *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society* (JMBRAS, Singapura). Ditemui juga majalah-majalah yang berkaitan dengan agama Kristian, iaitu: *The Evangelical Magazine and Missionary Chronicle* (tempat tidak ditentukan), *Missionary sketches* (Singapura), *The Saturday Magazine* (London)[3] dan lain-lain.

Ternyata salah satu sumber sejarah utama mengenai Melaka dan alam Melayu (pada kurun ke-18 sehingga kurun ke-19) adalah majalah-majalah dan terbitan-terbitan yang diterbitkan oleh pelbagai lembaga mubaligh agama Kristian. Para mubaligh dan misi-misinya menyelidiki alam Melayu secara aktif, menulis catatan pengembara, catatan harian, laporan dan lain-lain. Berdasarkan pelbagai data yang dikumpulkan oleh para mubaligh itu, pentadbiran penjajahan Eropah mengeluarkan arahan-arahan supaya mengurangi pengaruh Islam dalam masyarakat Melayu dan melancarkan penyebaran agama Kristian di dalamnya. Kerana inilah lazimnya karangan tersebut mengandungi bahan-bahan yang bersikap negatif terhadap Islam.

Koleksi John Bastin mengandungi bahan-bahan (karya) tentang Melaka yang disusun oleh pelbagai pengarang yang terkenal. Di antaranya para orientalis dan para pegawai Kompeni Inggeris dan Belanda, iaitu W.P. Groeneveldt, E.Netscher, Lord Yoselyn, J.B. Westerhoud, F.L. Baumgarten. Terdapat juga karangan para mubaligh dan tokoh-tokoh agama Krtisten: Francious Valentijn (1666-1727), William Milne (1785 – 1822); J.C.Baane (kurun ke-18), David Collie

---

[3]*The Saturday Magazine* – majalah Inggeris dari zaman Victorians, diterbitkan di London sejak tahun 1832 hingga 1844, subjek utama: agama, teologi.

(wft. 1828), William John Townsend (1835-1915) dan lain-lain. Di antara 22 tajuk yang diterbitkan pada kurun ke-19 terdapat 13 judul yang dikarang oleh para mubaligh dan pegawai-pegawai pelbagai institusi Kristian (College Inggeris-Cina, Lembaga mubaligh London dan lain-lain).

Ternyata karangan tokoh-tokoh agama tersebut boleh dianggap sebagai salah satu sumber utama yang mengandungi bahan-bahan tentang sejarah Melaka dan tamadun alam Melayu pada kurun ke-18 sehingga-19. Analisis karya-karya ilmiah yang dikarang oleh para orientalis Barat menunjukkan bahawa banyak buku tersebut berdasarkan karangan mubaligh itu. Karangan mubaligh, tokoh-tokoh gereja dan para peserta orden-orden agama Kristian lazimnya digunakan sebagai sumber asas bukan hanya dalam kajian alam Melayu (Malay studies) sahaja, malah juga dalam kajian-kajian Timur (Oriental studies) secara umumnya. Kegiatan dan karangan tokoh agama Kristian (mubaligh, paderi-paderi, rahib-rahib dan lain-lain) biasanya dianggap sebagai satu bahagian historiografi kajian Timur di Barat yang istimewa dan juga sebagai zaman (period) yang terawal dalam sejarah kajian tersebut. Karangan orientalis yang terawal ditulis oleh orang yang datang ke alam Melayu dan ke negara-negara Islam yang lain dengan tujuan yang amat praktikal iaitu untuk berkumpul bahan-bahan yang boleh mengunakan supaya menyebarkan agama Kristian, berlawan Islam dan agama-agama lain, mendapat kekayaan dan kawalan atas perniagaan, menjajah negara-negara yang di bawah dan di atas angin. Tujuan-tujuan tersebut lazimnya memastikan subjek-subjek dan gaya catatan mereka, serta mengakibatkan sifatnya euro-centrism, kesombongan dan sikap anti-Islam.

Koleksi John Bastin mengandungi 102 tajuk mengenai Melaka **yang diterbitkan pada kurun ke-20.** Di antaranya: monograf – 37, makalah – 44, kumpulan makalah – 1, bahagian monograf – 2; buku kecil – 6, kertas kerja – 6, tesis – 4; typescript – 1.

Antara tahun 1901 hingga 1930 mengandungi 14 tajuk - 8 monograf (KP JB 62, 101, 104, 122, 130, 139, 167, 180), 4 makalah (KP JB 64, 66, 87, 162), 2 buku kecil (KP JB 155, 166). Di antaranya terdapat kajian mengenai sejarah Melaka, nama-nama tempat (toponimi), epigrafi dan lain-lain. Terdapat juga laporan-laporan rasmi tentang Melaka, kisah kenangan (*memoir*), catatan harian (*diary*) dan catatan pengembara pelbagai orang Eropah yang pernah mengunjungi Melaka dan alam Melayu pada kurun sejak 17 hingga ke-19. Lima tajuk adalah buku-buku tentang kegiatan para mubaligh agama Kristian di alam Melayu (St. Francis Xavier, Robert Morisson, James Legge dan lain-lain). Ternyata subjek tersebut (penyebaran agama Kristian dan kegiatan tokoh-tokoh agama Kristian) yang dianggap sebagai subjek yang penting sejak kurun ke-19, mengekalkan peranannya pada awal kurun ke-20 juga.

Dalam tempoh ini makalah tentang Melaka diterbitkan di pelbagai majalah (terbitan berkala): BKI (*Bijdragen Taal-, Land en Volkenkunde*, Leiden), JSBRAS(*Journal Straits Branch Royal Asiatic Society*, Singapura, Kuala Lumpur), JRAS (Journal Royal Asiatic Society, London?), JMBRAS (*Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society,* Singapura). Perlu menegaskan bahawa susunan terbitan berkala (periodical) telah diubah: majalah-majalah lembaga mubaligh tidak ditemui lagi. Bahan-bahan tentang Melaka pada tahun ke-1901 hingga 1930 kebanyakannya diterbitkan dalam majalah-majalah ilmiah.

Tempat penerbitan: Singapura (5 tajuk), London (4 tajuk), Pinang (1 tajuk), Leiden (1 tajuk) dan lain-lain (3 tajuk – tempat penerbitan tidak disebutkan). Ternyata Singapura mengekalkan peranannya sebagai pusat penerbitan bahan-bahan tentang alam Melayu.

Dari tahun 1931 hingga 1960: 36 tajuk – 7 monograf (KP JB 88, 95, 105, 128, 144, 157, 169); 23 makalah (KP JB 63, 67, 68, n.n., 69, 70, 75, 76, 77, 83, 84, 99, 102, 109, 115, 119, 123, 126, 127, 131, 135, 136, 141); 2 buku kecil (KP JB 107,

112); 1 kertas kerja (KP JB 111), 1 kumpulan makalah (KP JB 116); 1 bahagian monograf (KP JB 65); 1 tesis (KP JB 152). Buku-buku tersebut mengandungi bahan-bahan tentang sejarah Melaka. Tetapi kebanyakannya (22 tajuk) menggambarkan peristiwa-peristiwa dan kegiatan orang Eropah di alam Melayu. Diantaranya - 9 karya mengenai para mubaligh Kristian. Justeru itu hal ehwal sejarah Melaka dan kebudayaan Melayu dinyatakan hanya dalam 7 karya. Terdapat juga maklumat-maklumat tentang orang Cina di Melaka (5 tajuk). Hal ini diakibatkan oleh konsep sejarah alam Melayu yang tersebar dalam golongan ilmiah di Eropah. Menurut konsep tersebut sejarah alam Melayu sebelum kedatangan orang Eropah dianggap sebagai "sejarah purba", "zaman kebiadaban", peristiwa-peristiwa quasi-sejarah. Sejarah yang nyata (yang sah) dan kemajuan masyarakat yang sebenar mulai dan berkembang hanya kerana kedatangan orang Eropah dan hanya selepas orang Eropah menjajah kawasan tersebut. Konsep tersebut mencerminkan sifat *euro-centrism* yang tersebar dalam pandangan awam di negara-negara Barat.

Bahan-bahan mengenai Melaka (Bahagian II katalog) yang disimpan di dalam koleksi John Bastin dan yang diterbitkan pada tempoh sejak tahun ke-1931 hingga 1960 formatnya adalah yang paling serbaneka. Terdapat monograf (buku), makalah, kumpulan makalah, buku kecil, kertas kerja dan tesis. Hal tersebut membuktikan bahawa pada masa itu koleksi dikumpulkan (disusun) secara aktif. Masa itu boleh dianggap juga sebagai tempoh usaha yang aktif dalam kegiatan ilmiah John Bastin. Hasil-hasil analisis bahagian ke-II "Melaka" dalam katalog koleksi tersebut sesuai dengan kesimpulan yang kita merumuskan berdasarkan kajian bahagian pertama katalog.

Bahan-bahan tentang Melaka yang dikeluarkan pada tempoh tersebut lazimnya diterbitkan dalam majalah ilmiah, iaitu: JMBRAS (*Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society* – 16 tajuk) dan BSOAS *(Bulletin of the School of Oriental and African Studies* – 3 tajuk); JSSS (*Journal of South Seas Society* , 1 tajuk), *The Straits Time Annuals* (1 tajuk) dan lain-lain. Terdapat juga karya-karya yang diterbitkan oleh

China *Society of Singapore; Malacca Historical Society; Department of History University Malaya, The South Seas Society* dan lain-lain. Tempat penerbitan: Singapura (20 tajuk), London (7 tajuk), Melaka (3 tajuk). Dalam koleksi disimpan juga bahan-bahan yang diterbitkan di Kuala Lumpur, Glasgow, Lisbon. Ternyata muncul pusat penerbitan yang baru. Hal tersebut mencerminkan bahawa pada tahun 1931 hingga 1960 alam Melayu menarik perhatian ilmuwan bukan hanya di pusat-pusat pengajian yang terkenal (Singapura, London, Melaka, Kuala Lumpur dan lain-lain) malah juga di negara-negara lain – misalnya di Glasgow dan di Lisbon. Salah satu sebabnya adalah bahawa pada masa inilah (pada tahun 1957) Malaysia mencapai kemerdekaan.

Dari tahun 1961 hingga 1993: 52 tajuk – 22 monograf (KP JB 74, 89, 90, 91, 92, 97, 98, 100, 110, 113, 114, 124, 140, 143, 145, 146, 147, 151, 158, 159, 164, 173); 18 makalah (KP JB 61, 71, 78, 80, 81, 82, 85, 94, 103, 117, n.n., 125, 137, 142, 165, 166, 175, 181); 5 kertas kerja (KP JB 73, 79, 86, 93, 133); 3 tesis (KP JB 134, 153, 174); 2 buku kecil (KP JB 106, 120), 1 typescript (KP JB 118); 1 bahagian monograf (KP JB 121). Karya-karya tersebut kebanyakannya tentang orang Eropah di alam Melayu (30 tajuk), termasuk 7 judul mengenai kegiatan para mubaligh agama Kristian di Melaka dan di Nusantara. Ternyata bahan-bahan tentang orang Eropah dan orang Kristian adalah subjek utama dalam buku-buku tersebut.

Justeru, terdapat hanya 9 karya mengenai sejarah umum kerajaan Melaka (termasuk bahan-bahan tentang orang Melayu dan zaman kerajaan sultan-sultan Melayu di Melaka). Diantaranya adalah 5 monograf dan 4 makalah kecil. Terdapat juga karangan tentang orang Cina di Melaka (7 tajuk), tentang Siam dan orang Thay (2 tajuk), tentang Orang Jepun di Melaka (1 tajuk).

Bahan-bahan yang diterbitkan pada tempoh sejak tahun ke-1961 sehingga 1993 format penerbitannya adalah serbaneka juga (monograf, makalah, kertas kerja, tesis, buku kecil, bahagian monograf, typescript). Ternyata pada

masa itu John Bastin meneruskan kegiatan beliau sebagai ilmuwan dan mengkumpulkan koleksi beliau secara aktif.

Maklumat tentang Melaka yang disenaraikan dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin itu diterbitkan dalam pelbagai majalah ilmiah, iaitu: *JMBRAS* (Singapura), *Hemisphere* (USA), *Journal of the Historical Society University Malaya* (Kuala Lumpur), *Malayan and Indonesian Studies* (Oxford), *Journal of Southeast Asian History* (JSEAH, Singapura), *Studia* (Lisbon), *Philippine Historical Review* (Manila), *History Today* (London), *Malaysia in History* (Kuala Lumpur), *Historia* (Kuala Lumpur), *The Journal of Siam Society* (JSS, Bangkok) dan lain-lain. Analisis data-data tentang tempat penerbitan buku-buku tersebut menunjukkan bahawa bahan-bahan tentang Melaka dan alam Melayu diterbitkan bukan hanya di tempat-tempat yang dianggap sebagai pusat-pusat penelitian alam Melayu iaitu – Singapura, London, Kuala Lumpur, Hague dan lain-lain, malah juga di pelbagai negara dan institusi yang lain: Cambridge, Oxford, Johannesburg, Lisbon, Hong Kong, Melaka, Manila, Canberra dan lain-lain. Senarai tersebut menunjukkan bahawa pada tempoh tersebut iaitu sejak tahun ke-1961 hingga 1993 muncul pusat-pusat kajian yang baru dan pelbagai majalah berkala yang mengandungi bahan-bahan tentang alam Melayu.

Pengarang/Penulis/Editor

Kebanyakan buku yang disenaraikan dalam bahagian II katalog koleksi John Bastin ini dikarang oleh para orientalis yang terkenal. Misalnya:

> *Sir Richard O. Winstedt (1878 – 1966)* – seorang ilmuwan Inggeris, orientalis yang terkenal, pakar dalam bidang sejarah dan sastera lama Melayu, pegawai pentadbiran penjajahan Inggeris di Malaya. Telah disebutkan dalam bahagian I katalog koleksi John Bastin. Dalam bahagian II terdapat sebahagian (fasal III) dari monograf beliau "Sejarah Melayu" (*History of Malaya*) dan juga 7 makalah oleh R.O. Winstedt mengenai

sejarah Melaka, batu-batu nisan Muslim, sistem kerajaan di Melaka pada zaman pertenggahan (kurun ke-15 sehingga 16). (Lihat: KP JB 64 – 69). R.O.Winstedt dianggap sebagai pengasas kajian ilmiah khazanat persuratan Melayu dan teks-teks lama. Justeru itu R.O. Winstedt adalah pengikut konsep "Greater India". Pada tahun 1919, Sir Richard Winstedt menyatakan antara lain, bahawa: "*the more one studies the subject, the more one realize the immense debt* ***Malaya owes to India for folk-tales as well as for language, religion, custom, literature and general culture"*** (lihat: R.O. Winstedt. The Indian Origin of Malay Folktales. JRAS (SB) 1919, N.82, pp.119-126). Lazimnya R.O.Winstedt bersikap negatif terhadap Islam dan tamadun Muslim. Menurut pendapat beliau semua ciri khas dan sifat sastera Melayu yang paling bernilai daripada sudut estetika timbul kerana dipengaruhi oleh kebudayaan India dan Jawa. Hanya kerana itulah sastera Melayu dikatakannya ***"mempunyai bau harum yang membangkitkan deria bau dan yang masih kekal waktu itu, tetapi harum itu hilang dengan segera dalam gurun Puritanisme Islam"***[4] Pendapat tersebut amat tersebar di antara para Orientalis Barat dan mempengaruhi pandangan awam.

J.V.Mills – pakar dalam bidang toponimi dan kartografi zaman purba. Telah disebutkan dalam bahagian I katalog koleksi John Bastin. Dalam bahagian II disebutkan makalah beliau tentang map-map Malaya dalam sumber-sumber kartografi Cina (kurun ke-15); makalah tentang peperangan laut dan kapal-kapal perang Belanda dan Portugis. Terdapat juga prakata dan keterangan J.V.Mills untuk penerbitan teks *Ying-*

[4]R.O. Winstedt. *A History of Classical Malay Literature*, London:MBRAS, 1939.

Yai Sheng-Lan - sumber sejarah lama Cina tentang laut dan pengembaraan laut. (lihat KP JB 74, 75, 127).

C.O.Blagden - seorang ilmuwan Inggeris, orientalis yang terkenal, pakar dalam bidang bahasa dan sastera lama Melayu. Terdapat 2 makalah beliau, iaitu: (1)mengenai kosa kata bahasa Cina tentang Melaka dan alam Melayu yang dirakamkan pada kurun ke-15 sehingga 16; (2) mengenai adat-istiadat bangsa Minagkabau Melaka.

V.P.Grueneveldt – seorang ilmuwan Belanda pada kurun ke-19. Orientalis terkenal, pakar dalam bidang penelitian sumber-sumber sejarah Cina. Mengarang pelbagai karya tentang istilah-istilah dan unsur-unsur tamadun Melayu yang dirakamkan dalam sumber-sumber sejarah Cina, tentang sejarah lama dan arkeologi di Nusantara dan lain-lain. (lihat KP JB 72, 87)

E.Netsher – seorang ilmuwan Belanda dan pegawai kompani Belanda pada kurun ke-19. Mengarang pelbagai buku kebanyakannya mengenai orang Eropah di alam Melayu. Dalam koleksi John Bastin (bahagian II) terdapat makalah beliau tentang 2 pengepungan Melaka pada tahun 1756 dan 1784 berdasarkan *Daghregister* – catatan harian kegiatan Kompeni Belanda. (lihat KP JB 132)

C.A. Gibson-Hill (1911-1963) – seorang ilmuwan Inggeris, pakar dalam bidang sejarah Nusantara dan sumber-sumber sejarah Melayu . Dalam koleksi terdapat dua makalah beliau mengenai tempat-tempat galian arkeologi di Johor lama dan Melaka (lihat KP JB 99, 119).

David K.Wyatt (1937 – 2006) - seorang ilmuwan Amerika Syarikat, pakar dalam bidang sejarah Asia Tenggara terutama Siam dan Thai. Beliau mengajar di Cornell University (USA); mengumpulkan koleksi buku-buku mengenai Asia Tenggara yang mengandungi lebih dari 15 000 judul. Dalam koleksi John Bastin terdapat karangan beliau mengenai orang Thai di Melaka dan mengenai hubungan di antara Siam dan alam Melayu (KP JB 85, 86)

C.R. Boxer (1904 – 2000) – seorang ilmuwan Inggeris, pakar dalam bidang sejarah penjajahan Eropah di Asia Tenggara dan sejarah pelayaran dan perkapalan Eropah. Mengarang sekitar 86 karya tentang sejarah Timur Jauh, kebanyakannya mengenai zaman sejak kurun ke-16 hingga 17. Dalam koleksi John Bastin terdapat monograf dan makalah beliau tentang sejarah penjajahan Portugis di alam Melayu berdasarkan sumber-sumber sejarah Portugis. (Lihat KP JB 91, 103)

Terdapat juga karya-karya oleh I.A. MacGregor, Irwin Graham, M.A.P. Meilink-Roelofsz, W.H.C. Smith, J.N. Miksic, Ch.H.Wake, G.P. Rouffaer, F.R.J.Verhoeven dan para orientalis yang lain.

Justeru itu dalam bahagian II katalog Koleksi John Bastin disenaraikan karangan pelbagai mubaligh dan tokoh agama Kristian yang pernah singgah ke alam Melayu sejak kurun ke-16 hingga 19:

G.E.Marrison (1782-1834) - seorang mubaligh agama Kristian dan ilmuwan (pakar dalam bahasa Cina), salah seorang pengasas dan pensyarah *Anglo-Chinese College* di Melaka (1818). Beliau menyusun kamus bahasa Inggeris – bahasa Cina serta menterjemahkan Injil ke dalam bahasa Cina.

Francois Valenttijn (1666-1727) - seorang tokoh Reformasi Gereja Belanda yang pernah tinggal di pulau Jawa dan di Ambon. Beliau menulis pelbagai karya tentang sejarah, tamadun, ilmu bumi dan lain-lain. di pelbagai kawasan yang dijajah oleh Kompeni Belanda, termasuk alam Melayu.

Revd. John Smith – seorang pegawai Lembaga mubaligh agama Kristian di Melaka yang pernah tinggal dan bekerja di Melaka pada akhir kurun ke-19.

T.J.Hardy - seorang paderi tentera di Melaka pada akhir kurun ke-19. pernah bekerja sama dengan pelbagai lembaga mubaligh agama Kristian, termasuk Sekolah Anak Perempuan Melaka (Malacca Girls' School) dan Lembaga Sokongan Orang Pensen (Christ Church Poor Fund Pensioners)

David Collie – tokoh agama Kristian, mubaligh, salah seorang pensyarah College Inggeris – China di Melaka pada akhir kurun ke-19.

William Milne – tokoh agama Kristian, mubaligh, seorang pengasas College Inggeris-China di Melaka

Manuel Teixeira – seorang paderi dan mubaligh agama Kristian dari Portugis.

Terdapat juga pelbagai karya semasa yang dikarang oleh ilmuwan yang mengkaji sejarah kegiatan para mubaligh dan penyebaran agama Kristian di alam Melayu: Antonio da Silva Rego, E.A.Stewardt, M.Yeo, M.J. Pindato, R.Cardon, Tan Cheng Lock, A.G.Harfield, M.Broomhall, J. William, W.J.Townsend, B.Harrison, L.O"Sullivan, H.E.Legge, L.A.Noonan dan lain-lain.

Dalam koleksi John Bastin disimpan juga pelbagai catatan semasa yang merupakan karangan orang saksi iaitu orang Eropah yang menggambarkan

peristiwa-peristiwa dan keadaan di Melaka dan alam Melayu yang mereka pernah melihat dengan matanya sendiri dan yang mereka pernah ikut serta di dalamnya. Misalnya: Francisco de Sa de Menesis (kurun ke-16), Tome Pires (1468-1540), Francesco Carletti (1573 – 1636), Walter De Gray Birch (kurun ke-18), Manoel Godinho de Eredia (kurun ke-16 hingga 17), Baretto de Resende (kurun ke-17), Balthasar Bort (1678), J.C. Baane (kurun ke-18), J.B. Westerhoud (kurun ke-19) dan lain-lain.

Penjajahan alam Melayu oleh orang Eropah (Portugis, Belanda, Inggeris) digambarkan juga dalam karya-karya para penulis modern, yang disimpan dalam koleksi john Bastin tersebut. Misalnya: Ch.D. Ley, R.S. Whiteway, D.R. Sar Desai, D.K. Basset, E. Sanseau, St. Clyde, P.A. Leupe, W.Ph. Coolhaas, S. Arasaratnam, D.Lewis, Br.Harrison, R.N.Bland, M.Lee, J.M.Thomas, A.G. Harfield dan lain-lain.

Analisis susunan bahagian II katalog koleksi John Bastin menunjukkan bahawa judul-judul yang disenaraikan di dalamnya kebanyakannya mengandungi bahan-bahan tentang orang Eropah di Melaka dan tentang zaman penjajahan dari sudut pendapat para penjajah sahaja. Karangan ilmiah modern tentang sejarah Melaka kebanyakannya juga berdasarkan sumber-sumber orang Eropah sahaja. Diantara 126 judul buku-buku tentang Melaka yang disebutkan dalam katalog tersebut hanya terdapat hanya 10 buku yang dikarang oleh orang China (lihat KP JB 73, 74, 79, 80, 81, 82, 83, 141, 147, 164) dan hanya 3 tajuk – oleh para pengarang Muslim (KP JB 71, 120, 165).

Buku-buku yang dikarang oleh orang Cina kebanyakannya adalah tentang kegiatan orang Cina di Melaka dan peranannya dalam sejarah alam Melayu. Terdapat juga beberapa kajian mengenai Islam: makalah "The Ming Empire: The patron of Islam in China and South-East West Asia oleh Haji Yusof Chang (KP JB 71) dan monograf "Undang-undang Melaka: a critical edition" oleh Liau Yock Fang. Dua makalah yang dikarang oleh Muhammad Yusoff Hashim juga

mengandungi bahan-bahan tentang undang-undang di kerajaan Melaka sejak kurun ke-15 sehingga 16. (KP JB 165-166).

Analisis susunan koleksi John Bastin menunjukkan bahawa imbangan yang sama terdapat dalam bahagian I katalog koleksi tersebut, iaitu: di antara 60 judul terdapat hanya 7 karya yang dikarang oleh orang tempatan dan hanya dua karangan yang dihasilkan oleh orang Muslim. Mungkin nisbah seumpama itu mencerminkan prinsip umum koleksi secara umum dan menunjukkan pandangan dan keutamaan John Bastin. Ternyata beliau lebih berminat kepada karya-karya oleh para pengarang Barat daripada karangan orang tempatan (terutama Muslim). Sebenarnya situasi yang sama terdapat dalam kajian para orientalis Barat secara umum.

Justeru, dalam bahagian II katalag tersebut yang mengandungi judul-judul karya tentang Melaka tidak ditemui pelbagai karangan tentang tamadun Islam di Melaka dan zaman kerajaan Melayu Melaka. Misalnya karangan Buyung Bin Adil "The History of Malacca (KL, 1977); Ali Aziz "Zaman gemilangnya Kerajaan Melayu Melaka (KL 1965), Agus Salim "Kesah raja-raja Melaka dari Sejarah Melayu (KL. 1969), karangan Munir Ali yang menulis beberapa buku tentang sultan-sultan Melaka[5] dan lain lain tidak ada dalam koleksi John Bastin. Bahan-bahan Seminar "Sejarah Melaka" yang diadakan di Melaka pada haribulan 14-18 Desember 1976[6] juga tidak menarik perhatian John Bastin sebagai penyusun koleksi tersebut. Buku-buku tersebut menumpukan perhatian kepada zaman kerajaan Melayu Islam Melaka dan kepada peranan orang Melayu di dalam

---

[5]Lihat antara lain: Munir Ali. *Sultan Muzaffar Syah.* Selangor 1983; Ibid. *Sultan Mansur Syah*, Selangor 1983; Ibid. *Sultan Alkauddin Ri'ayat Syah.* Selangor 1983; Ibid. *Sultan Mahmud Syah*. Selangor, 1983.

[6]Bahan-bahan seminar tersebut diterbitkan di Melaka pada tahun 1983: Seminar Sejarah Melaka (1976, Melaka), Melaka, 1983, 434 ms.

sejarah dan perkembangan Melaka. Kajian tersebut menjelaskan kepentingan Islam dalam sejarah dan tamadun Melaka dan membuktikan pengaruhan Islam dalam kemajuannya. Justeru itu John Bastin dan para orientalis Barat lazimnya lebih bernilai sumber-sumber Barat. Sumber-sumber sejarah tempatan (termasuk kajian para ilmuwan tempatan) tidak dianggap oleh mereka sebagai sumber-sumber yang boleh dipercayai.

Isi dan Subjek Utama.

Analisis isi bahan-bahan mengenai Malaka yang disimpan dalam koleksi John Bastin menunjukkan subjek-subjek yang menjadi puncak perhatian oleh para ilmuwan yang mengkaji hal ehwal Melaka:

- maklumat umum – 13 judul
- kerajaan Melayu Muslim Melaka - 8 judul
- orang Eropah di Melaka – 72 judul
- agama Kristian dan para mubaligh – 28 judul
- Islam – 6 judul
- orang Cina – 21 judul
- orang Thai dan kerajaan Siam – 4 judul
- orang Jepun – 1 judul
- epigrafi – 4 judul
- bahasa – 2 judul
- sastera – 2 judul
- seni bina – 3 judul
- perlombangan (galian) – 2 judul

Terdapat juga buku mengenai sejarah, agama, penduduk Melaka, tamadun, sastera, bahasa dan lain-lain. Tetapi kebanyakannya adalah tentang orang Eropah di Melaka (72 judul dari 120) dan tentang agama Kristian dan kegiatan para para mubalikh Kristian (28 judul). Justeru itu terdapat hanya 6 karya tentang Islam dan tamadun Islam di Melaka. Di antaranya 2 karangan mengenai

epigrafi Islam, 3 – tentang orang Muslim Cina di Melaka, tentang Cheng Ho dan Dinasti Ming yang menyokong penyebaran Islam di Nusantara. Terdapat hanya satu (!) makalah yang kecil tentang orang Muslim Melayu (KP JB 63) dan hanya 8 judul tentang zaman kerajaan Melayu Melaka. Sementara itu kita menemui 21 karangan tentang orang Cina di Melaka. Beberapa sebutan mengenai Islam dan orang Melayu di Melaka dirakamlan juga dalam karya-karya umum tetapi buku-buku tersebut kebanyakannya menyerupai terbitan popular dan tidak mengandungi bahan-bahan yang fundamental dan lengkap.

Analisis susunan koleksi tersebut menunjukkan bahawa John Bastin lebih berminat supaya mengkaji sejarah Melaka selepas kedatangan orang Eropah dan kurang berminat terhadap zaman kesultanaan Melayu Islam Melaka. John Bastin lebih menumpukan perhatiannya terhadap kegiatan lembaga mubaligh Kristian berbanding perhatian kepada penyebaran Islam di alam Melayu. Pandangan John Bastin adalah sehala dengan pandangan para orientalis Barat secara umumnya.

Dalam koleksi tersebut dikumpulkan banyak buku tentang orang Cina di Melaka dan tentang sistem pendidikan Eropah untuk orang Cina yang wujud di Melaka sejak kurun ke-18 sehingga 20. Justeru itu bahan-bahan tentang sistem pendidikan Islam di Melaka tidak ditemui, walaupun Melaka menyerupai pusat ilmu dan pendidkan Islam yang terkenal sejak kurun ke-15. Peranan Melaka sebagai pusat pengajaran Islam dimaklumkan antara lain dalam pelbagai teks Melayu lama (Sejarah Melayu, Hikayat Acheh, Tuhfat al-Nafis dan lain-lain). Para ulama dari Melaka ikut serta dalam perbincangan intellectual antarabangsa mengenai hal ehwal usuluddin dan fikah. Banyak karya falsafah dan sastera Islam yang terkenal di seluruh dunia diterjemahkan dan disebarkan di Melaka pada kurun ke-15. Pada zaman itulah juga berkembang bahasa Melayu Klasik. Zaman tersebut dianggap sebagai "masa emas" dalam tamadun Melayu. Walaupun begitu dalam dalam bahagian "Melaka" katalog koleksi John Bastin terdapat hanya 2 kajain tentang bahasa: yang satu menyerupai monograf mengenai ilmu toponimi dan yang kedua adalah makalah tentang kosa kata

Cina Melaka. Terdapat juga 2 karangan sastera yang berkaitan dengan Melaka (kedua-duanya adalah teks-teks poem Eropah tentang perampasan Melaka).

Hasil-hasil analisis susunan koleksi John Bastin menunjukkan bahawa karangan para orientalis Barat mengenai Melaka kebanyakannya menumpukan perhatian hanya kepada kegiatan orang Eropah di Melaka dan kurang mengandungi maklumat-maklumat tentang orang tempatan terutama tentang orang Melayu Islam. Hal tersebut mencerminkan sikap *euro-centrism* yang menyerupai ciri khas kajian Barat mengenai sejarah alam Melayu termasuk Melaka.

Bahan-bahan mengenai orang Eropah di Melaka yang tersimpan dalam koleksi John Bastin adalah amat menarik dan penting supaya memahami sejarah penjajahan alam Melayu dan kegiatan orang Eropah di kawasan tersebut. Karangan tersebut boleh digolongkan seperti berikut:

– catatan pengembara Eropah (kurun ke-16 sehingga 19);
– laporan rasmi para pagawai pentadbiran jajahan (Portugis, Belanda, Inggeris);
– catatan kenangan (peringatan) pribadi yang dikarang oleh para saksi dan para peserta peristiwa-peristiwa semasa (sezaman);
– laporan dan catatan para mubaligh;
– kajian ilmiah mengenai orang Eropah di Melaka

Buku-buku tentang orang Eropah di Melaka menggambarkan zaman-zaman (period) utama dalam sejarah penjajahan alam Melayu iaitu *zaman Portugis*, *zaman Belanda* dan *zaman Inggeris*.

Melaka pada zaman Portugis

Zaman yang terawal iaitu kedatangan orang Portugis dan Sepanyol ke alam Melayu dicerminkan dalam catatan pengembara Eropah pada kurun ke-15 sehingga ke-17. Misalnya, buku "*Portuguese voyages 1498-1663*" diedit oleh

Charles David Lay (KP JB 88), mengandungi teks-teks beberapa catatan pengembara Portugis pada kurun ke-15 sehingga ke-17. Di dalamnya terdapat terjemahan catatan lawatan pertama Vasco da Gama ke India (1497-1498); lawatan Vasko da Gama ke Brazil (1500); karangan tentang lawatan utusan Portugis ke Abissinia (1520-1526); catatan pengembara Fernand Mendes Pinto ke Timur Jauh, Japan, Cina (1537-1558); catatan pengembara Manoel de Sousa Sepulveda (1552). Terdapat juga laporan tentang lawatan para Iesuits ke Abissinia (1625-34) dan catatan Padre Manoel Godinho tentang lawatan beliau ke India (1665). Dalam Prakata diterangkan sejarah ringkas lawatan orang Portugis ke alam Melayu sejak Raja Muda Henry The Navigator (kurun ke-15) sehingga akhir kurun ke-17.

Dalam catatan tentang lawatan Vasko da Gama terdapat maklumat-maklumat tentang agama dan adat istiadat orang tempatan. Pengarang menumpukan perhatian kepada orang Kristian di Mosambik dan India. Justeru itu dimaklumkan juga orang Muslim di Mosambik, India dan alam Melayu.

Fernand Mendes Pinto adalah seorang saudagar, pengembara dan askar Portugis. Pada tahun ke-40 kurun ke-17 beliau menjadi pengikut Orden Jesus dipengaruhi oleh Francis Xavier. Catatan pengembara beliau ke Timur Jauh diterbitkan pertama kali pada tahun 1614 dan sejak kurun ke-17 sehingga kurun ke-20 pernah diterbitkan sekitar 100 (!) kali. Karangan Fernand Mendes Pinto tersebut dianggap sebagai salah satu buku yang amat popular di Eropah pada masa itu. Karya tersebut mengandungi cerita tentang pelbagai daerah-daerah dan negara-negara yang ditakluk (dijajah) oleh orang Portugis dan mempengaruhi pandangan awam mengenai para *conquistador*[7] (penakluk)

[7]Istilah ini secara khusus diberikan kepada para serdadu dan kolonis Spanyol yang pergi menjelajah ke benua Amerika, dan kemudian ke Asia untuk melakukan *Conquista* (penaklukan) dalam rangka mencari rempah-rempah dan kemudian menaklukkan bangsa Indian Inka, Aztek, Maya, dan Filipina

yang digambarkan sebagai pahlawan dan penjajahan sebagai *misi yang suci*. Misalnya, Alfonso d'Albuquerque disebutkan sebagai Raja Melaka yang menyebarkan agama Kristian dan menyelamatkan orang Kristian dari *raja-raja tatar,* iaitu Muslim.

Walaupun karangan Fernand Mendes Pinto menggambarkan semua peristiwa dari sudut pendapat orang Portugis dan lazimnya bersikap anti-Islam, teks tersebut menyerupai sumber sejarah yang penting. Catatan saksi tersebut membantu kita dalam memahami sejarah Melaka selepas kedatangan orang Portugis dan keadaan ekonomi yang nyata. Misalnya, menurut Fernand Mendes Pinto tersebut pada masa itu hubungan di antara China dan Melaka hampir terputus dan selepas Melaka dirampas oleh D'Albuquerque (1511) kapal-kapal jarang berlayar dari Melaka ke China. Hal tersebut menafikan maklumat-maklumat Tome Pires bahawa keadaan ekonomi dan perdagangan di Melaka pada zaman Portugis menjadi lebih maju.

Buku *My voyage around the world. (Translated from the Italian by Herbert Weinstock)* menyerupai catatan pengembara Francesco Carletti (1573 – 1636) iaitu seorang saudagar dari Florentia (Itali) yang pada kurun ke-16 pernah singgah ke Melaka pada masa perjalanannya dari Makao ke Goa. Beliau menggambarkan Bandar Melaka dan sistem kerajaan Portugis, tetapi tiada maklumat tentang orang Melayu dan Muslim.

Lawatan Padre Manuel Godinho digambarkan dalam buku *Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay (Translated from the portugese with notes by J.V.Mills)*. Padre Manuel Godinho atau Manuel Godinho de Eredia adalah seorang ilmuwan dari Sepanyol (kurun ke-16-17) Ayahnya seorang mubaligh Kristian Portugis dan ibu beliau seorang anak perempuan raja Bugis. Beliau lahir dan tinggal di Melaka, belajar di Goa. Padre Manuel menyaksikan dan ikut serta dalam pelbagai peperangan dan juga dalam pembinaan kota (fortress) Portugis di Muar. Beliau menjadi terkenal sebagai seorang pengembara Portugis yang disebutkan sebagai *Marko Polo Jawa Tenggah*.

Beliau yang pernah melawat di alam Melayu, mengujungi China (Katei) dan India Selatan. Pada tahun 1613 beliau menulis karya "*Description of Malacca*" (Penggambaraan Melaka).

Penerbitan teks catatan pengembaraan Padre Eredia diisi dengan bahan-bahan historiografi: iaitu maklumat tentang pelbagai naskah teks tersebut; sejarah ringkas penelitian teks, senarai terbitan teks yang terdahulu dan keterangan tentang ciri-ciri khas terbitan teks yang terakhir.

Buku Eredia adalah sumber sejarah yang amat menarik. Karangan Eredia itu mengandungi bahan-bahan tentang Melaka pada zaman Portugis. Di dalamnya terdapat maklumat-maklumat mengenai masyarakat dan para penduduk di Melaka, tentang tentera Portugis dan kubu-kubunya (fortresses), tentang perdagangan, kapal-kapal, laut-laut, agama, ilmu dan lain-lain. Digambarkan juga haiwan-haiwan dan tumbuhan-tumbuhan tempatan serta makanan dan minuman yang paling tersebar di Melaka.

Justeru itu pengarang menumpukan perhatian kepada kegiatan para mubaligh dan masyarakat Kristian Katolik di Melaka. Terdapat maklumat-maklumat tentang bangunan-bangunan dan kariah-kariah gereja Katolik di Melaka serta disebutkan nama-nama paderi Kristian Katolik yang berkhidmat di Melaka. Dimaklumkan bahawa pada awal kurun ke-17 di Melaka wujud 8 kariah (parish) Kristian dan sekitar 7400 pengikut agama Kristian Katolik. Menurut Eredia para penduduk tempatan yang masuk agama Kristian kebanyakannya adalah *orang Chelis (India)*. Beliau tidak menyebut tentang orang Melayu yang menukar agamanya menjadi orang Kristian.

Walaupun karangan Padre Manuel Godinho menceritakan peristiwa-peristiwa dari sudut pendapat orang Portugis juga, dalam buku tersebut terdapat banyak maklumat yang menggambarkan kehidupan masyarakat Melaka sehari-hari. Padre Eredia lahir di Melaka dan beliau menyaksikan pelbagai hal ehwal kehidupan tempatan yang tidak dimaklumkan dalam teks-teks yang lain.

Dalam karya tersebut terdapat maklumat-maklumat tentang orang Melayu dan Islam. Menurut pengarang "*Islam masuk ke alam Melayu, Jawa dan India Selatan pada tahun 709. Sebelum Melaka Islam tersebar di Patani dan Pam (Pahang), Ujung Tanah dan Perlak*". Walaupun begitu, Eredia menegaskan bahawa: "*ramai orang Melayu pada zaman Melaka Portugis minum wine dan makan babi walaupun menganggap diri sebagai Muslim. Mereka senang pakai hias-hiasan dari emas, tidak pandai membaca dalam bahasa Arab. Yang pandai ialah pelbagai ulama yang datang dari negara-negara Arab sahaja*" (hlm.50)

Sebenarnya susah hendak faham apakah orang Melayu yang disebutkan di dalam maklumat tersebut menyerupai betul-betul orang Melayu Muslim atau para penduduk Melaka yang beragama lain. Menurut data-data sejarah yang lain tidak ramai orang Melayu Muslim tinggal di Melaka pada masa itu. Orang Muslim (termasuk juga orang Melayu) terpaksa lari dari Melaka kerana takut dibunuh oleh para perompak Portugis selepas Melaka dirampas oleh D'Albuquerque. Penduduk tempatan yang tinggal di Melaka pada zaman Portugis kebanyakannya adalah orang bukan Muslim. Padre Manuel Godinho menegaskan juga "*para penduduk yang tinggal di kawasan dalam [Melaka] kebanyakannya masih jahil (pagan) dan beragama Hindu-Buddha (Bragmanes).*

Tetapi mungkin juga dalam maklumat tersebut pengarang bermaksud persis orang Muslim. Kalau begitu hal tersebut boleh dianggap sebagai satu kesaksian bahawa selepas 100 tahun kedatangan Portugis tamadun dan akhlak di Melaka mundur diakibatkan penjajahan tersebut.

Justeru itu Padre Eredia menulis tentang orang Melayu:

> *The majority of Malays are cheerful, roguish and very wanton: ingenious and intelligent, but negligent and careless about studies and art: they spend their time amusing themselves, and so, as a rule, few literary, mathematicians, or astrologers are to be found amongst them. (hlm. 31).*

Ternyata pada kurun ke-17 di dalam masyarakat Melayu Melaka masih wujud orang alim Melayu serta wujud juga ilmu matematik, astrologi dan sastera.

Dalam koleksi John Bastin disimpan juga beberapa kisah peribadi (memoirs dan memorials) yang dikarang oleh orang saksi iaitu askar-askar tentara Portugis, pegawai pentadbiran Portugis, peserta-peserta pelbagai peristiwa sezaman dan lain-lain. Misalnya: catatan kenangan Alfonso D'Albuquerque (KP JB 96, 97), Tome Piresh (KP JB 98), Baretto de Resende (KP JB 122). Teks-teks tersebut dianggap dalam tradisi ilmiah Barat sebagai sumber sejarah yang utama mengenai Melaka dan alam Melayu pada kurun ke-16 sehingga 18. Buku *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, second viceroy of India (KP JB 96)* menyerupai terjemahan dari bahasa Portugis ke dalam bahasa Inggeris teks catatan kenangan Alfonso D'Albuquerque. Sebagai seorang jurubahasa dan pentafsir yang menyusun keterangan dan indeks-indeks disebutkan Walter De Grey Birch. Buku tersebut diterbitkan oleh *Hakluyt Society* iaitu salah satu pusat penerbitan yang amat terkenal terutama dalam bidang buku-buku ilmiah.

Karya tersebut mengandungi bahan-bahan tentang sejarah penjajahan Portugis di India, Sokotra, Timur Tenggah dan kawasan-kawasan lain. Secara terperinci digambarkan perampasan Melaka oleh D'Albuquerque pada tahun 1511. Terdapat juga maklumat tentang sejarah kesultanaan Melaka dan tentang silsilah raja-raja Melaka (fasal XVII (71-84); tentang adat-istiadat dan cara kehidupan di Melaka dan tentang sistem kerajaan di Melaka sebelum dan selepas perampasan (fasal XVIII (84-90). Ada juga keterangan tentang Melaka yang dikarang oleh para ilmuwan Barat yang pernah singgah ke Melaka pada kurun ke-19. Dalam Appendix terdapat teks catatan kenangan tentang Melaka dan Goa yang dikarang oleh Pedro Baretto De Resende "Livro do Estado da India Oriental"(1638) (lihat juga KP JB 122).

Alfonso de Albuquerque (1453 - 1515) adalah seorang jeneral tentera laut Portugis yang terkenal dan yang telah membantu mengasaskan Empayar "penjajah" Portugal di Lautan Hindi. Beliau juga merupakan tokoh yang menyebabkan keruntuhan Kesultanan Melaka pada 24 Ogos 1511, dan yang kemudian membina Kota A Famosa untuk menyekat penentangan orang-orang Melayu. Pada tahun sejak 1509 hingga 1515 beliau digelar sebagai Gabenor India atau Raja Muda India (Vice-Roy).

Walaupun semua peristiwa di dalam buku peringatan tersebut digambarkan dari sudut pendapat seorang penakluk Portugis, kisah kenangan D'Albuquerque dianggap sebagai sumber sejarah yang amat penting dan digunakan dalam hampir semua kajian mengenai sejarah Melaka dan sejarah Asia Tenggara pada kurun ke-16. Kajian tersebut kebanyakannya mengandungi bukan hanya data-data yang dirakamkan dalam catatan D'Albuquerque, malah dari para pengarang moden mengulangi pelbagai prasangka yang terdapat dalam catatan peringatan orang Portugis yang terawal. Lazimnya kajian moden (hari ini) tersebut juga bersikap negatif terhadap Islam. Salah satu sebabnya kerana para ilmuwan tersebut dipengaruhi oleh pendapat-pendapat anti-Islam yang dirumuskan dalam karangan-karangan yang terdahulu itu iaitu catatan para penakluk dan para penjajah Eropah.

Menurut data-data dari pelbagai sumber sejarah sezaman D'Albuquerque merupakan seorang musuh Islam dan seorang penakluk yang amat ganas. Beliau yang mengarahkan penyembelihan semua penduduk Muslim di Melaka; beliau yang memaksa orang Hindu dan Muslim untuk menukar ke agama Kristian. Beliau yang beberapa kali merampas bandar-bandar di kawasan Timur Tengah dan merancang untuk mencuri badan Nabi Muhammad s.a.w, dan memegangnya sebagai tebusan sehingga seluruh Umat Islam akan meninggalkan Tanah Suci[8].

[8]Lihat antara lain: Wikipedia."http://ms.wikipedia.org/wiki/Alfonso_de_Albuquerque"

Semua gambaran tersebut dirakamkan di dalam kisah kenangan beliau. Misalnya, sikap negatif terhadap Islam dicerminkan dalam catatan D'Albuquerque:

– tentang perampasan Melaka:

  "*the first is the great service wich we shall perform to Our Lord is casting the Moors out of this country and quenching the fire of this sect of Mahamede so that it may never burst out again hereafter…*" (hlm. 116)

– tentang keganasan dan pembunuhan orang Muslim di Goa, Melaka dan tempat-tempat yang lain:

  "... semua orang Muslim – lelaki, perempuan, anak-anak dibunuh secara ganas; bila D'Albuquerque masuk Goa pertama kali, 4 hari orang Portugis bersama dengan rakan-rakannya Hindu mencurah keluar darah ribuan orang Muslim, membunuh semua yang mereka ketemu di Bandar. Jumlah mangsa melebihi 6 ribu orang.

  " … Orang Muslim ditangkap oleh orang Hindu dan Portugis dan dikuncikan di dalam masjid. Lepas itu masjid tersebut dibakar bersama dengan orang Muslim itu".

Terdapat juga pendapat D'Albuquerque tentang orang Melayu yang menggambarkan pandangan awam orang Eropah kurun ke-16 terhadap bangsa tempatan:

> *"The Malays are proud men by nature and esteem themselves highly for killing men adroity with stabs of the creese. They are malicious, generally of little truth, yet the Gores always used to be truthful because they held it to be a high honour that men should trade with them, for they are a noble race, and one of good customs. The Malays are gallant men they were good clothing; they will not allow anyone to put his hands on their heads, nor on their shoulders. All their delight is in conversing*

about military matters, and they are very courteous. No one is allowed to wear yellow colours under pain of death. except only the king gives permission to do so in order to show him honour" (hlm. 85-86).

Maklumat tersebut adalah salah satu rumusan terawal yang mengandungi pendapat orang Eropah tentang orang Melayu. Orang Melayu digambarkan sebagai askar-askar yang berani dan pandai bermain senjata selain sebagai saudagar-saudagar yang bijak dan kaya-raya. Ternyata dalam masyarakat Melayu Melaka pada kurun ke-16 wujud tamadun budaya yang semulajadi, serta pelbagai adat-istiadat yang berkaitan dengan hubungan antara manusia di dalamnya (budi pakaian, budi bahasa dan lain lain). Nilaian negatif mencerminkan kesalahfahaman di antara para penakluk yang datang untuk merampas negara dan kekayaannya manakala para penduduk tempatan bertindak melindungi negara dan tamadun mereka.

Dalam karangan D'Albuquerque terdapat sebutan bahawa pada tahun 1510-1511 sebelum beliau pergi ke Melaka D'Albuquerque berada di Selat Arab dekat Aden dan sedang menyiapkan pasukan tenteranya untuk menyerang Mekkah. Akan tetapi dia terpaksa memberhentikan persiapan tersebut dan segera berangkat ke Melaka atas suruhan Raja Portugis (hlm. 55) untuk menyerang Melaka. Terdapat maklumat tentang pentingnya merampas Melaka:

"… we were commiting ourselves to the business of cruising in the Straits [of the Red Sea] where the King of Portugal had often ordered me to go (for it was there that His Highness considered we could cut down the commerce with the Moors of Cairo, of Meca and of Juda, carry on with these parts), Our Lord for his service thought right to lead us hither, for when Malacca is taken the places on the Straits must be shut up, and they will never more be able to introduce their spiceries into those places' (hlm. 117)

> *"… and I hold it as very certain that if we take this trade of Malacca away out of their (Muslim's) hands, Cairo and Meca are entirely ruined, and to Venice will no spiceries be conveyed except that which her merchants go and buy in Portugal"* (hlm. 118)

Ternyata perampasan Melaka dianggap oleh raja Portugis dan para penakluknya sebagai tugas yang amat penting, sama dengan serangan Mekkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah. Demikian Melaka pada masa itu "menyelamatkan" Mekkah dari serangan Portugis. Wallahu'alam.

Karya E. Sanceau "*Indies adventurer the amazing career of Alfonso de Albuquerque captain-general and governor of India (1509-1515*)" (KP JB 95) adalah cerita sejarah berdasarkan kisah kenangan D'Albuquerque dan sumber-sumber sejarah sezaman yang lain. Cerita tersebut mengandungi bahan-bahan mengenai kehidupan dan kegiatan Alfonso D'Albuquerque serta sejarah penjajahan Portugis di di Oman (ms. 31-40); Ormuzh (hlm. 41-78); Cochin (ms. 79-111); Goa (hlm. 112-150); Melaka (hlm. 165-193) dan lain-lain.
Buku tersebut dikarang dalam gaya (genre) novel sejarah dan mencerminkan pandangan orang Eropah tentang negara-negara di Timur Tengah dan di Asia Tenggara. Walaupun buku tersebut diterbitkan pada tahun 1936, di dalamnya terdapat banyak pendapat dan prasangka yang lama, yang ditemui dalam karangan orang Portugis kurun ke-16.

Dalam buku tersebut orang Portugis digambarkan sebagai pahlawan-pahlawan yang berani dan ikhlas. Justeru itu tidak disebutkan sifat keganasan dan ketidakadilan orang Portugis yang datang ke alam Melayu dan ke kawasan penjajahan yang lain untuk merampas dan memusnahkan kebudayaannya. General D'Albuquerque dianggap sebagai hulubalang yang hebat, diplomat, pelaut, pemimpin yang bijak dan adil yang tidak berminat terhadap kekayaan pribadi. Menurut pengarang, tujuannya lebih global: beliau merancang membina satu empayar yang agung – *Empayar Timur.* Kerana menurut pendapat pengarang D'Albuquerque semestinya dianggap sebagai Raja

Agung. Pendapat tersebut bersikap *euro-centrism* dan tersebar di kalangan awam dan kajian para orientalis Barat.

Karya E.Sanceau turut mengandungi unsur-unsur satu konsep sejarah yang terkenal iaitu *Konsep Zaman Pembukaan Dunia yang Agung* (*The Age of Discovery or Age of Exploration*). Konsep tersebut bersikap *euro-centrism.* Menurut konsep tersebut, sebelum kedatangan orang Eropah semua negara di seluruh dunia masih berada dalam kegelapan dan keadaan jahiliyah. Berdasarkan prasangka tersebut para orientalis Barat membahagikan sejarah alam Melayu kepada dua *period* iaitu *period* pertama adalah *zaman sebelum kedatangan orang Eropah iaitu Zaman Sejarah Purba (Ancient History)* dan *period* kedua *zaman selepas kedatangan orang Eropah iaitu zaman Sejarah Modern (Modern History).*

Sebenarnya konsep tersebut memutarbelitkan sejarah yang nyata. Kurun ke-15 dianggap sebagai Zaman Pertengahan dalam sejarah Eropah. *Period* tersebut dianggap oleh para ilmuwan Barat sebagai zaman kegelapan dan kejahilan. Pada masa itu negara-negara Eropah masih terasing daripada dunia yang terbuka dan pusat-pusat tamadun yang lain.

Orang Eropah *membuka* untuk diri sendiri dunia yang luas tersebut iaitu Dunia Timur (*Orient*) hanya selepas mereka mula menggunakan alat-alat pelayaran yang diajar oleh para pelaut Muslim. "Pembukaan" tersebut adalah akibat perang-perang Salib (sejak kurun ke-11 sehingga kurun ke-14) yang terkenal kerana keganasan dan ketamakan para *crusader* Barat yang datang untuk *menyelamatkan Tanah Suci* dari orang biadab (iaitu orang Muslim). Akhirnya para "penyelamat" tersebut merampas dan memusnahkan pusat-pusat tamadun dan ilmu Islam yang amat kaya dan maju seperti Jerusalem, Baghdad, Damsyek, Antiohiah, Mossul, Akka (Acra), Kordova dan lain-lain. Hanya selepas perang-perang Salib Eropah memasuki zaman *Renaissance.*

Analisis koleksi John Bastin menunjukkan bahawa beliau mungkin juga dipengaruhi oleh *Konsep Zaman Pembukaan Dunia yang Agung (The Age of*

Discovery or Age of Exploration). Dalam katalog koleksi ini disenaraikan banyak tajuk tentang sejarah kedatangan orang Eropah ke negara-negara Timur (termasuk Asia Tenggara dan alam Melayu). Semua bahan-bahan tersebut mencerminkan sudut pandangan historiografi Eropah. Justeru itu buku-buku yang menggambarkan peristiwa-peristiwa tersebut dari sudut pandangan yang lain tidak dijumpai. Misalnya tidak disenaraikan karya *The Preaching of Islam* (London, 1913) dikarang oleh Sir Thomas W. Arnold iaitu seorang Orientalis Inggeris yang terkenal. Beliau menumpukan perhatian kepada peranan Islam dalam tamadun Barat dan pengaruhnya dalam perkembangan ilmu dan seni di Eropah**.**

Analisis buku E. Sanceau menunjukkan bahawa pengarang dipengaruhi *Konsep Zaman Pembukaan Dunia yang Agung.* Tentang "pembukaan dunia" oleh orang Portugis itu beliau menulis: "*The teeming Eastern crowd assembled on the beach to stare at the strange craft and unknown men from the world's end; and an era in the history of mankind passed with the fading light. the splanded isolation of the Orient was gone forever" (hlm. 11)*

Berdasarkan catatan peringatan D'Albuquerque, E. Sanceau berpendapat bukan hanya dalam pengambaran peristiwa-peristiwa sezaman itu malah juga pandangannya terhadap Islam dan orang Muslim. Terdapat maklumat sebagai berikut:

> *"Several times already Christian civilization had almost been destroyed by the hordes of Islam" (hlm. 6)*
>
> *"Mosques and Moslems were alike abomination to the Lord Who, it was supposed, only felt satisfaction if they were destroyed or mutilated" (hlm. 35)*
>
> *"Five hundred Portugese on five hundred chargers … would swoop down upon Mecca and burn it to ashes. They might even carry off the Prophet's body from Medina and randsom it in exchange for Jerusalem"(hlm. 219)*

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa salah satu tujuan D'Albuquerque adalah memusnahkan Islam dan merampas Mekah sebagai pusat Islam. Hal tersebut perlu diperhatikan bila kita menyaksikan kebenaran bahan-bahan tentang Melaka, Islam dan orang Melayu Muslim yang dirakamkan dalam catatan peringatan orang Portugis dan sumber-sumber sejarah Eropah yang lain.

Walaupun begitu, dalam karya E. Sanceau terdapat maklumat yang semestinya betul. Misalnya tentang kepentingan Melaka beliau menulis: "*The two extremes of Asia, Malacca in the equatorial forest, and Ormuz on the outskirts of the desert, controlled the commerce of the Orient*" (ms. 166). Terdapat juga pelbagai bahan yang menarik tentang Melaka dan para penduduknya. Menurut pengarang jumlah umum penduduk Melaka pada zaman kedatangan orang Portugis melebihi 100 ribu orang (hlm. 167).

Antara pelbagai bangsa yang tinggal di Melaka disebutkan orang Melayu, Arab, Cina, India, Parsi, Siam malah juga orang-orang Armenia dan Yahudi. Maklumat tersebut adalah amat menarik kerana bahan-bahan tentang bangsa Armenia dan Yahudi dalam kawasan tersebut jarang ditemui. Misalnya terdapat maklumat tentang seorang yang bernama Fransisco. Beliau adalah seorang Yahudi asli dari Kastilia dan ditawan oleh orang Portugis di Mekkah. Dimaklumkan bahawa beliau pandai dalam pelbagai bahasa iaitu bahasa Arab, Parsi, Turki termasuk juga bahasa Melayu. Beliau menjadi jurubahasa Raja Portugis Manuel yang disuruh ke Melaka sebagai utusan pribadi raja Portugis supaya mengumpul data-data tentang Melaka dan memeriksa keadaan dan kehidupan di dalamnya (hlm. 182). Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa pada kurun ke-16 Melaka adalah pusat perdagangan dan kebudayaan antarabangsa. Ramai bangsa tinggal dan berniaga di dalamnya. Justeru itu bahasa Melayu tersebar bukan hanya di alam Melayu malah juga di negara-negara lain. Ternyata para jurubahasa yang pandai dalam bahasa Melayu diperlukan di pelbagai negara termasuk Mekah dan Eropah Selatan.

Hal ehwal hubungan di antara pelbagai bangsa di dalam negara-negara jajahan orang Portugis dijelaskan dalam monograf C.R. Boxer "*Race relations in the Portuguese colonial empire 1415 – 1825*" (Oxford, 1963) (KP JB 92). Buku tersebut mengandungi bahan-bahan tentang kerajaan Portugis di Morokko, Afrika Barat, Mosambique, India, Brazil dan Maranhao. Pengarang mengkaji peraturan Portugis dalam bidang hubungan masyarakat, termasuk pernikahan antara pelbagai bangsa. C.R. Boxer menegaskan bahawa pentadbiran Portugis menyokong perkahwinan campur para askar/pelaut Portugis dengan perempuan-perempuan tempatan. Wanita tempatan yang berkahwin dengan orang Portugis bertukar agama dan menjadi orang Kristian bersama anak-anak mereka. Akibatnya muncul pelbagai bangsa campur iaitu Mulatto, Mesticos dan lain-lain. Ternyata sokongan dan penyebaran perkawinan campur menyerupai salah satu ciri khas pentadbiran Portugis di Melaka pada kurun ke-15 sehingga 16. Maklumat-maklumat tentang perkahwinan orang Portugis dengan wanita-wanita Melayu tidak ditemui.

Subjek yang sama digambarkan dalam buku *The conquest of Malacca.* (KP JB 97) dikarang oleh Francisco de Sa de Menesis (wft. 1661/1664)**.** Buku tersebut adalah terjemahan asal dari bahasa Portugis ke dalam bahasa Inggeris puisi Portugis "*Malaca Conquistada*"(Lisbon, 1634). Penerbitan tersebut mengandungi data-data tentang pengarang, gambaran keadaan sejarah yang nyata, bahan-bahan tentang naskah-naskah dan penerbitan yang terdahulu (mulai dari penerbitan pertama – 1634). Terdapat juga isi ringkas (synopsis), teks terjemahan, keterangan dan indeks.

Puisi "*Malaca Conquistada*" menceritakan tentang kedatangan orang Portugis ke Melaka serta penaklukan Melaka pada tahun 1511. Nenek moyang pengarangnya iaitu Francisco de Sa de Menesis, adalah orang saksi sezaman yang pernah ikut serta dalam ekspedisi D'Albuquerque.

Buku tersebut amat menarik kerana menyerupai karya sastera Eropah yang lama (klasik) tentang sejarah alam Melayu. Ternyata penaklukan Melaka dan

penjajahan alam Melayu oleh orang Portugis dianggap sebagai peristiwa yang sangat penting. Selama ratusan tahun kehidupan masyarakat dan pandangan awam di Portugal dipengaruhi oleh mimpi-mimpi tentang kekayaan Melaka dan persaingan dengan orang Muslim dalam menguasai (mencapai kawalan) perdagangan rempah ratus selain dapat memusnahkan negara-negara Islam.

Analisis isi kandungan puisi tersebut menunjukkan bahawa sumber-sumber sejarah Eropah dari zaman Pertengahan lazimnya mengandungi banyak bahan yang quazi-sejarah yang tidak boleh dipercayai. Misalnya dalam teks *"Malaca Conquistada"* ini, D'Albuquerque dan para pengikutnya serta semua orang Portugis digambarkan sebagai pahlawan yang berani; raja Portugal - sebagai raja yang adil dan agung, walaupun pada zaman perang *Conquista* itu ramai orang awam (termasuk kanak-kanak dan wanita-wanita) dibunuh oleh askar-askar Portugis hanya kerana mereka adalah orang Muslim. Ternyata tujuan pengarang puisi tersebut adalah untuk memuji-muji penaungnya iaitu raja Portugal dan mempromosikan kepentingan kegiatan raja Portugal di kawasan atau dijajahan takluknya.

Konsep serta prasangka yang sama terdapat di dalam pelbagai karya moden (yang dikarang pada kurun ke-20) yang disimpan dalam Koleksi John Bastin seperti dalam buku-buku tentang kedatangan orang Portugis ke alam Melayu. Misalnya dalam monograf Boxer C.R. *"Four centuries of Portuguese expansion, 1415-1825: A succinct survey*" (Johannesburg, 1961) (KP JB 91) terdapat cerita ringkas tentang pembukaan jalan-jalan laut oleh orang Eropah dan kedatangan orang Portugis ke India, Amerika, Timur Tengah dan Asia Tenggara. Menurut pendapat C.R. Boxer "*rekacipta jalan-jalan laut di antara Barat dan Timur adalah peristiwa yang paling penting selepas 'Tuhan mencipta dunia ini".* Pengarang menegaskan bahawa para pelaut Portugis dan Sepanyol "*membuka negara-negara baru, menyatukan dunia, membawa kebudayaan (civilization) dan kemajuan ke dalam negara-negara biadab (primitif), menyebarkan cahaya agama yang tulen di antara orang primitif yang dikelirukan oleh para mubaligh*

dan nabi yang palsu". Penyebaran agama Kristian, persaingan dengan Islam dan agama-agama lain, menjadi tujuan dan tugas utama pelbagai Orden Kristian yang datang ke alam Melayu dan negara-negara lain iaitu Jesus, Dominicans, Franciscans, Augustinians, Capuchins dan lain-lain. Dalam buku C.R.Boxer terdapat maklumat-maklumat mengenai sikap permusuhan orang Portugis terhadap Islam. Misalnya *"di Hormudh pada tahun 1587 orang Portugis menghapuskan semua masjid"* (hlm. 36);*"di Malaya dan Indonesia orang Portugis memaksakan semua orang Muslim memeluk agama Kristian mengugut (dengan ugutan) akan membunuh semua yang tidak setuju"* (hlm.40) Walaupun begitu orang Portugis berjaya dalam penyebaran agama Kristian hanya di beberapa tempat di Ambon dan di pulau-pulau Sunda. Dengan susah hati pengarang menyatakan bahawa *pada masa itu di kawasan-kawasan lain di seluruh alam Melayu Islam menjadi lebih kuat dan tersebar lebih luas.*

Tentang persengketaan antara Portugis dengan orang Muslim dan tujuan utama penaklukan negara-negara Islam dimaklumkan dalam buku A. da Silva Rego *"Portuegese Colonization in the sixteenth century: A study of the Royal ordinances (regimentos)"* (Johannesburg, 1965) (KP JB 90). Buku tersebut mengandungi bahan-bahan tentang penjajahan Portugis pada kurun ke-15 di India, Brazil, Afrika, Angola dan lain-lain. Terdapat maklumat bahawa orang Portugis merampas harta orang Muslim dan memaksa mereka lari dari rumah dan tanah air. Justeru itu, di India dan di alam Melayu Raja Portugal menjamin dan mengekalkan hak-hak orang Hindu sebagai pemilik harta dan tanah mereka. Raja Portugal turut mengarahkan semua orang Portugis supaya bekerjasama dengan orang Hindu dan menyokong mereka dalam peperangan dengan orang Muslim. Ternyata orang Muslim dianggap oleh pentadbir Portugis sebagai musuh utama. Sebenarnya alasan permusuhan tersebut terdapat dalam bidang politik dan ekonomi dan bukan dalam bidang agama. Dari sudut pendapat agama Islam dan Kristian mempunyai asal-usul yang sama dan memang lebih dekat di antara satu sama lain daripada agama Hindu.

Dalam makalah D.K. Basset "*The Portuguese in Malaya*" (KP JB 94) terdapat cerita tentang utusan Portugis Diego Lopes de Sequiera, pada tahun 1509 mengunjungi Melaka. Beliau datang ke Melaka untuk menuntut hak-hak istimewa orang Portugis dalam perdagangan rempah ratus dan lain-lain. Tetapi tujuan de Sequiera itu tidak diterima oleh Sultan Mahmud. Hal tersebut lah yang menjadi alasan untuk orang Portugis berkehendak merampas Melaka. Ternyata tujuan utama para penakluk Portugis adalah kawalan ke atas perdagangan dan faedah-faedahnya dan bukan hal ehwal agama.

Bahan-bahan karya yang lebih lengkap mengenai zaman Portugis di India dan Asia Tenggara terdapat dalam buku R.S.Whiteway "*The rise of Portuguese power in India 1497-1550"* (KP JB 89). Buku tersebut menyerupai monograf tentang sejarah penaklukan Portugis dan kegiatannya di pelbagai kawasan di India, Parsi, Mesir, Ceylon, Nusantara dan lain-lain. R.S. Whiteway menyatakan bahawa sejak kurun ke-15 Melaka menjadi terkenal sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan antarabangsa yang mengawal perniagaan dan jalan-jalan perdagangan dari Ormuzh ke China dan India. Pengarang menegaskan juga bahawa pada masa itu Melaka dianggap sebagai pusat Islam yang mempengaruhi kehidupan intelektual di negara-negara Islam di Asia Tenggara dan India. Terdapat juga maklumat bahawa pada kurun ke-15 para pelaut Portugis sedang mencari jalan-jalan laut ke Nusantara dan China. Berdasarkan catatan peringatan orang Portugis (Vasko da Gama dan lain-lain) orang Portugis menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan data-data tentang jalan dan cara pelayaran ke Timur Jauh. Misalnya orang Portugis sengaja singgah ke Malabar dan mengekori kapal-kapal Muslim yang berlayar ke alam Melayu dan China. Selain daripada itu terdapat maklumat tentang lanun-lanun Portugis dan Sepanyol yang merampas kapal-kapal para saudagar Muslim.

Pengarang menegaskan, selepas kedatangan ke dalam alam Melayu para penakluk Portugis dan Sepanyol lazimnya campur tangan dalam pergaduhan di antara raja-raja tempatan. Mereka menjual senjata kepada semua peserta

peperangan tersebut bertujuan membangkitkan persaingan. Justeru itu para *conquistador Kristian* dan *pembela agama yang tulen* lazimnya bekerjasama dengan orang-orang yang beragama lain, terutama dalam peperangan dengan orang Muslim. R.S. Whiteway mengesahkan maklumat yang terdapat dalam buku A. da Silva Rego (KP JB 90) bahawa orang Portugis menggunakan askar-askar Hindu dalam konfrantasi dengan orang Muslim. Mereka juga menggunakan orang Yahudi sebagai para penyiasat yang dihantar ke kawasan *musuh* untuk mengintip dan mengumpulkan data-data tentang negara-negara Muslim di Asia Barat, Asia Timur, Mesir, India, Parsi, Asia Tenggara dan lain-lain.

Maklumat tersebut membuktikan sekali lagi bahawa permusuhan dan sikap negatif terhadap Islam diakibatkan oleh persaingan dalam bidang ekonomi dan perdagangan serta politik dan bukan kerana agama.

Dalam buku tersebut terdapat juga maklumat tentang kegiatan Alfonso D'Albuquerque sebagai gabenor Goa (1509-1515); tentang kegiatan orang Portugis di Goa dan Asia Tenggara selepas D'Albuquerque. Dalam Appendix ditemui bahan-bahan mengenai sistem kerajaan Portugis di Melaka dan kepulauan Maluku. Pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah penyebaran Islam di Goa dan Nusantara dan kepada hubungan di antara orang Kristian dan Non-Kristian pada masa itu. Berdasarkan catatan para saksi sezaman R.S. Whiteway menegaskan bahawa agama Kristian disebarkan di kawasan Goa dan Nusantara secara paksa. Dimaklumkan bahawa:

> "*untuk orang beragama lain dilarang melaksanakan ibadatnya. Bila orang tempatan masuk agama Kristian dia dianggap sebagai orang Portugis dan menerima semua hak yang sama. Tetapi bila ada orang tempatan yang masuk agama Yahudi atau memeluk Islam dia ditangkap, dipenjarakan dan kena hukum menjadi hamba (slave) pendayung ghali selama kehidupannya"* (hlm. 66)

Dimaklumkan juga bahawa semua orang yang beragama lain (Non Kristian) dilarang memakai baju yang dipakai oleh orang Kristian. Semua yang Non Kristian itu dipaksa memakai baju istimewa. Untuk mereka dilarang juga menunggang kuda dan memakai payung. Lazimnya semua Muslim dipaksa keluar negara.

Bahan-bahan ini menafikan prasangka bahawa Islam dan orang Muslim selalu bersikap negatif dan bersifat ganas terhadap orang yang bukan Muslim. Justeru itu maklumat-maklumat tersebut menggambarkan secara jelas bahawa pada kurun ke-14 sehingga ke-17 di dalam pendapat awam dipelbagai negara Eropah (misalnya di Portugal dan Spanyol) tersebar prasangka-prasangka dan diskriminasi terhadap orang yang beragama lain, terutama terhadap orang Yahudi dan orang Muslim yang lazimnya dianggap sebagai musuh agama Kristian yang berkongsi supaya memusnahkan agama yang tulen. Ternyata pada zaman itu sikap permusuhan tersebar di golongan conquistador dan para mubaligh agama Kristian dengan penganut agama-agama lain.

Analisis susunan koleksi John Bastin menunjukkan bahawa di dalamnya tersimpan banyak karya mengenai sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu pada kurun ke-16 hingga ke-18. Antaranya terdapat banyak buku yang dikarang oleh para mubaligh Kristian sezaman serta pelbagai kajian moden mengenai kegiatan lembaga mubaligh; paderi-paderi dan pegawai-pegawai gereja Katolik dan Protestan, pusat-pusat pendidikan Kristian dan lain-lain. Terdapat juga beberapa karangan tentang seni bina Kristian (bangunan gereja-gereja) dan epigrafi (kuburan dan batu-batu nisan Kristian). Ternyata karangan para mubaligh Portugis dan catatan peringatan para pegawai gereja Kristian sezaman dianggap oleh John Bastin sebagai sumber sejarah yang penting yang membantu supaya memahami sejarah alam Melayu pada kurun ke-16 hingga ke-18.

Dalam bahagian II katalog koleksi John Bastin disenaraikan beberapa judul buku tentang riwayat hidup dan kegiatan seorang mubaligh Kristian yang amat terkenal iaitu Francis Xavier (1506 – 1552).

Francis Xavier adalah ahli gereja Kristian dan mubaligh agama Kristian yang amat terkenal. Beliau digelar juga sebagai "Apostle of India". Francis Xavier mendirikan Orden Jesus (1534) bersama dengan Ignatius Loyola (1491-1556). Dipengaruhi oleh Ignatius Loyola tersebut Francis Xavier memutuskan menjadi mubaligh dan pergi ke pelbagai *negara pegan* untuk menyebarkan *agama yang tulen* ke seluruh dunia. Sebagai mubaligh, Francis Xavier pernah mengujungi India, Goa, Jepun, Mosambique, Melaka, Ambon, Moluku dan lain-lain. Pada tahun 1545 sehingga 1547 beliau berada di Melaka. Francis Xavier meninggal dunia pada tahun 1552 di pulau Changchuen-shan (St John Island) dekat Kwang-tung (China Selatan).

Francis Xavier diakui sebagai seorang *santo* oleh Gereja Anglikan dan Katolik. Ia dibeatifikasi oleh Sri Paus Paulus V pada tahun 1619, dan dikanonisasi oleh Sri Paus Gregorius XV pada tahun 1622. Beliau juga dianggap sebagai *santo pelindung* Australia, Kalimantan, Tiongkok, India Timur, Goa, Jepung, dan Selandia Baru. Perayaan peringatannya ditetapkan pada haribulan 3 Disember.

Pandangan Francis Xavier mengenai negara-negara dan tamadun yang Non-Kristian mencerminkan pendapat-pendapat yang tersebar di kalangan masyarakat Eropah pada kurun ke-15 hingga ke-18. Menurut pendapatnya, semua orang yang beragama lain adalah "*pagan*", "musuh Tuhan" dan "abdi (hamba) syaitan". Musuh yang utama adalah orang Muslim. Prasangka-prasangka tersebut dirakamkan dalam catatan peringatan beliau yang dianggap oleh para orientalis sebagai sumber sejarah yang amat penting.

Dalam koleksi John Bastin terdapat 5 karangan tentang Francis Xavier (KP JB 104, 105, 106, 107, 108). Buku-buku tersebut kebanyakannya menumpukan perhatian kepada riwayat hidup Francis Xavier dan kegiatannya sebagai mubaligh agama Kristian.

Buku kecil bertajuk *St. Francis Xavier in Malacca* (KP JB 107) dikarang oleh Fr. et al Joy mengandungi data-data umum tentang kegiatan Xavier di Melaka (1545-1547) dan tentang sistem pendidikan Katolik yang dibina oleh Xavier. Terdapat pelbagai gambar orang Portugis di Melaka. Maklumat-maklumat tentang orang Melayu dan tamadun tempatan hampir tidak ada.

Subjek yang sama digambarkan dalam buku popular *He in Malacca (1545-1552)* (KP JB 108) dikarang oleh Celine Joyce Ting. Terdapat juga cerita tentang perkara-perkara ajaib yang dilakukan oleh Xavier sebagai *santo* di Melaka, Ambonia, Moluku dan lain-lain. Dalam karya tersebut data-data tentang orang Melayu tidak ditemui juga.

Buku kecil bertajuk *The Malacca Thaumaturge, Wonder-Worker II (1545-1552)* (KP JB 106) dikarang oleh M.J.Pintado mengandungi cerita popular dan ringkas tentang kehidupan dan kegiatan Francis Xavier. Buku kecil tersebut diterbitkan untuk para pelancong yang singgah ke Melaka serta para pembaca awam. Karangan M.J.Pindato berdasarkan dua dokumen lama yang terdapat dalam buku tersebut, iaitu:

– catatan riwayat hidup Francis Xavier dikarang oleh A.Basilio pada kurun ke-16. Mengandungi maklumat tentang kegiatan Xavier sebagai mubaligh di India, Melaka, Ambonia dan Moluku; cerita tentang perkara-perkara ajaib yang dilakukan oleh Xavier sebagai *santo* iaitu menghapuskan ribut, memahami hal ehwal masa depan, merawatkan penyakit-penyakit dan lain-lain.

– laporan tentang Francis Xavier dikarang oleh Fr. Manuel Barradas (seorang Jesuit yang tinggal di India pada tahun 1591). Mengandungi cerita tentang perkara-perkara ajaib yang dilakukan oleh Xavier di Melaka iaitu mengeluarkan syaitan dari jiwa orang; menghidupkan kembali orang yang sudah meninggal dunia; kemahiran berbicara dalam pelbagai

bahasa; kebolehan meramal; cerita tentang mayat Xavier yang tidak merosot.

Bahan-bahan tentang orang Melayu dan situasi sejarah yang nyata di Melaka hampir tidak ada.

Karya Margaret Yeo tajuknya *St. Francis Xavier apostle of the East* (KP JB 105) merupakan buku (320 ms.) tentang riwayat hidup Francis Xavier. Karya tersebut mengandungi data-data yang lebih lengkap mengenai zaman kanak-kanak dan keluarga Francis Xavier; tentang masa pelajaran dan kegiatan beliau di Venice, Itali dan Lisbon; tentang perkenalan dengan Ignatious Loyola dan pendirian Orden Jesus; tentang lawatan Xavier ke Goa, India dan Mosambique; serta tentang kegiatan beliau sebagai mubaligh di Melaka, Ambonia, Maluku, Jepun dan lain-lain.

Buku tersebut menggambarkan peristiwa-peristiwa sejarah dari sudut pendapat orang Eropah dan lazimnya bersikap negatif terhadap Islam. Orang Muslim disebutkan hanya sebagai *Muslim pirates, evil sect of Muhammedan, Moor enemies* dan lain-lain. Misalnya terdapat rumusan Francis Xavier mengenai orang-orang yang beragama lain serta orang Muslim di Melaka. Isinya seperti berikut: "*Heathen and Moors are ill-disposed one to the orher. Mohammedans wish either to convert or enslave the pegans who wish neither to become Mohammedans nor slaves*". (hlm. 175). Bahan-bahan tentang orang tempatan terutama tentang tamadun Islam hampir tidak ditemui. Walaupun begitu buku tersebut mengandungi maklumat-maklumat yang penting tentang sejarah kegiatan orang Eropah di Asia Tenggara dan penyebaran agama Kristian di alam Melayu.

Kajian Edith Anne Stewart yang bertajuk *The life of St. Francis Xavier Evangelist, Explorer, Mystic.* (KP JB 104) mengandungi bahan-bahan tentang riwayat hidup dan kegiatan St.Francis Xavier yang lebih lengkap. Di dalam buku tersebut terdapat bahan-bahan sebagai berikut:

- cerita tentang masa anak kecil dan masa pelajaran Xavier (II-III, 31-58)
- cerita tentang pendirian Orden Jesus (IV, 59-75)
- rumusan tentang konsep agama dan falsafah serta sistem mistik Kristian menurut Fr. Xavier dan Ign. Loyola (V, 76-90)
- cerita tentang lawatan Xavier ke Itali dan Lisbon (VII-IX, 101-140)
- cerita tentang kegiatan Xavier sebagai mubaligh di India dan Goa (X-XII, 141-190)
- cerita tentang kegiatan Xavier di Melaka (XV, 224-255)

Dalam karya tersebut terdapat juga cerita ringkas tentang sejarah gereja Katolik dan permulaan reformasi di Spanyol dan di Eropah pada kurun ke-13 sehingga ke-16. Kajian Edith Anne Sreward itu berdasarkan pelbagai dokumen dan surat Francis Xavier yang beliau menulis kepada pelbagai orang di Melaka, Ambon, Goa dan pegawai-pegawai kerajaan. Buku tersebut mengandungi beberapa maklumat yang penting tentang para penduduk dan cara kehidupan di Melaka, tentang bahasa dan agama dan lain-lain. Francis Xavier menyatakan seperti berikutnya:

- tentang bahasa Melayu (hlm. 234):
  Each of these islands has a language of its own, and there is an island where every village has a different language. The Malay language, which is spoken in Malaka, is very general here. … There is one great lack in all these islands: they have no writings and very few can write. They write in Malay, and the letters are Arabic, which the Moorish cacizes taught, and teach at present. Before they become Moors they couldn't write.

Kesaksian tersebut adalah amat penting. Ternyata Francis Xavier membuktikan peranan Islam dalam perkembangan bahasa Melayu dan kemajuan tamadun dan masyarakat tempatan walaupun beliau selalu bersikap negatif terhadap Islam.

- tentang Islam dan kegiatan para mubaligh Kristian (hlm. 232):
  If every year a dozen of them (missionaries, mubaligh) would come, in a short time this evil sect of Mahomet would be destroyed. All would become Christians…

Pendapat tersebut menunjukkan sikap permusuhan terhadap Islam yang tersebar di masyarakat Eropah pada kurun ke-16 hingga ke-17. Hal tersebut perlu diperhatikan bila kita menyaksikan kebenaran maklumat-maklumat yang terdapat dalam teks-teks sejarah Portugis itu. Sikap permusuhan menganggu pengarang memberi keterangan secara objektif. Catatan-catatan Francis Xavier mencerminkan prasangka-prasangka yang mempengaruhi pandangan beliau.

Justeru itu dalam pandangan awam Eropah dan pengamatan Francis Xavier tersebar sikap-sikap permusuhan bukan hanya terhadap Islam malah juga terhadap orang-orang yang beragama lain. Misalnya terhadap orang Yahudi. Beliau menulis sebagai berikut (hlm. 236-237):

> *For there are many who live by the Mosaic (Yahudi, Musa) religion and the Moorish sect, without any fear of God or shame of the world. As there are many of them, and they are scattered among all forts. The Holy Inquisition and many preachers are needed.*

Petikan tersebut menafikan prasangka bahawa orang Eropah datang ke alam Melayu sebagai pendamai dan menyebarkan agama Kristian tanpa paksaan. Kegiatan Pasitan (Holy Inquisition) menjadi terkenal di seluruh dunia kerena keganasan dan fanatisme[9]. Sampai sekarang Francis Xavier dianggap oleh gereja Katolik sebagai *santo* dan seorang tokoh mubaligh yang patut menjadi contoh untuk generasi yang akan datang. Walaupun begitu, ternyata dalam kehidupan ini yang Francis Xavier tidak begitu "baik hati". Beliau adalah anak zaman beliau, iaitu keganasan dan permusuhan tidak berlawanan dengan sifatnya, terutama keganasan dan permusuhan terhadap orang yang beragama lain.

---

[9]Tentang Pasitan (Holy Inquisition) lihat antara lain: Lu Ann Homza (ed) *The Spanish Inquisition, 1478 – 1614. An Antology of sources.* 2006, Indianapolis, Indiana; James B. Given. *Inquisition and Medieval Society: Power, Discipline, and Resistance in Languedoc*. New York and London: Cornell University Press, 1997. Jean Duvernoy, ed., *Le Registre d'inquisition de Jacques Fournier (1318-1325)*, 3 vols. (Toulouse, 1965) dan lain-lain.

Catatan Francis Xavier mengesahkan juga data yang terdapat dalam buku R.S.Whiteway "*The rise of Portuguese Power in India 1497-1550*" (KP JB 89) iaitu maklumat bahawa orang Yahudi dan orang Muslim lazimnya dianggap sebagai musuh agama Kristian. Menurut pendapat para tokoh gereja orang Muslim dan orang Yahudi berpakat untuk memusnahkan *agama yang tulen*. Ternyata pada kurun ke-15 hingga 17 prasangka dan diskriminasi terhadap orang yang beragama lain tersebar di seluruh Eropah.

Maklumat tentang Francis Xavier terdapat juga dalam buku-buku tentang sejarah umum agama Kristian di Asia Tenggara (KP JB 111, 112, 116, 120, 121, 123, 124) serta sejarah kegiatan lembaga-lembaga mubaligh di dalamnya (KP JB 110, 114). Karya-karya tersebut menunjukkan bahawa di dalam alam Melayu (termasuk Melaka) wujud pelbagai lembaga mubaligh dan ahli-ahli gereja yang terkenal. Aktiviti lembaga-lembaga dan para mubaligh tersebut membuktikan bahawa penyebaran agama Kristian serta perlawanan terhadap Islam di alam Melayu dianggap oleh pentadbiran penjajahan Eropah sebagai tugas dan tujuan yang amat penting. Inilah sebabnya St. Francis Xavier, iaitu seorang pengasas Orden Jesus dan sahabat Ignatius Loyola datang *sendiri* ke alam Melayu sebagai mubaligh supaya *sendiri* melancarkan penyebaran agama Kristian di kawasan tersebut.

Monograf *The First Jesus Mission in Malacca: a Study of the Use of the Portuguese Trading Centre as a Base for Christian Missionary Expantion During the Years 1545 to 1552*, dikarang oleh L.A.Noonan, menyerupai kajian mengenai misi Jesuits di Melaka yang pertama dan tentang kegiatan para mubaligh Katolik di alam Melayu pada tahun 1545-1552. Karya L.A. Noonan mengandungi juga analisis perbandingan sejarah perkembangan perdagangan dan sejarah penyebaran agama Kristian pada zaman Portugis. Terdapat juga senarai buku-buku tentang sejarah gereja Katolik dan Orden Jesus di Asia Tenggara.

Dalam Appendix (lampiran) terdapat peta-peta Melaka, senarai tarikh-tarikh kegiatan para Jesuits di Melaka, maklumat tentang Melaka yang dirakamkan

dalam Surat Fr. Francisco Perez (24.11.1551) dan data-data tentang Melaka dari buku *Da Asia* dikarang oleh Diogo Do Couto (1777-1778) dan dari buku *Documenta Indica* (1950).

Pengarang menegaskan bahawa orang Portugis menyerang Melaka untuk memusnahkan perdagangan antarabangsa di antara negara-negara Muslim dan menguasai perdagangan rempah ratus dan pendapatannya. (ms.16). L.A. Noonan menumpukan perhatian kepada kegiatan para Jesus di Melaka dan misi Jesuits yang pertama (1545). Beliau menyebutkan pelbagai bidang aktiviti misi Jesuits dan kaedah-kaedah kegiatannya:

- pembinaan sekolah-sekolah Jesuits
- pengajaran hal ehwal agama Kristian dalam bahasa Melayu (tempatan)
- terjemahan buku-buku agama Kristian ke dalam bahasa Melayu
- penyebaran agama Kristian di antara kanak-kanak tempatan
- penggunaan *orang Kristian baru* (kebanyakannya orang Hindu tempatan) sebagai para mubaligh agama Kristian.

Berdasarkan surat-surat dan catatan peringatan (memoir) para mubaligh Portugis pengarang menyatakan bahawa kegiatan misi agama Kristian di Melaka *lazimnya* menjadi rumit kerana para mubaligh tersebut terpaksa melawan *herecy* (kepercayaan palsu). Menurut ahli-ahli gereja "*masalah tersebut lebih susah dibereskan daripada menyebarkan agama tulen di antara orang pagan*" (hlm. 56)

Untuk melancarkan penyebaran agama Kristian di alam Melayu, gereja Katolik pada zaman itu melarang peraturan-peraturan sendiri misalnya dalam bidang akhlak. Dalam buku L.A. Noonan terdapat maklumat bahawa para mubaligh dan pentadbiran gereja Katolik menyokong bukan hanya perkawinan malah juga *hubungan luar perkawinan dengan wanita-wanita tempatan supaya anak-anak menjadi orang Kristian (hlm. 56)*

Pengarang menjelaskan pada zaman Portugis susunan sosial masyarakat Melaka telah diubah. Perubahan utama terjadi dalam bidang agama. L.A. Noonan menegaskan sebagai berikut: *The main difference was a change in the composition of the Indian population, wich in 1545 was chiefly composed of Hindu "Klings" from Coromandel Coast instead of the Muslim Gujeratis who had flourished under the Sultanate.*

Walaupun begitu maklumat-maklumat yang terdapat dalam pelbagai sumber sejarah Portugis menyatakan bahawa para mubaligh Kristian tidak begitu berjaya dalam penyebaran *agama yang tulen*. Catatan tentang orang Melayu atau orang Muslim tempatan yang menjadi Kristian tidak ditemui. Justeru itu catatan peringatan ahli-ahli gereja Katolik di Melaka mengandungi maklumat tentang kegiatan para ulama Muslim di alam Melayu. Dimaklumkan sebagai berikut: *"they fear neither the sea, nor hunger and thirst; nor dangers of any kind. They have done, and are doing much harm among the pagans. They are very prejudical to us and are our greatest enemies; because they tell the pagans that we are lawless robbers" (hlm. 73)*

Pengarang mengesahkan maklumat bahawa Francis Xavier dan para mubaligh yang lain *menggunakan pasukan Pasitan (Holy Inquisition) supaya memaksakan orang tempatan masuk agama Kristian (hlm. 54-55)*

Monograf yang kedua berjilid "*The Portueguese Missions in Malacca and Singapore (1511-1958)*" (KP JB 114) dikarang oleh Manuel Teixeira, mengandungi laporan yang lengkap mengenai kegiatan misi-misi Katolik dan para mubaligh Portugis di Melaka dan Singapura. Dalam karya tersebut terdapat banyak bahan-bahan yang penting tentang sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu (termasuk Melaka), tentang kegiatan para mubaligh sebelum pembinaan di Melaka kawasan uskub (*diocese*) yang istimewa. Dimaklumkan bahawa para mubaligh Kristian ikut serta dalam serangan Melaka oleh Alfonso D'Albuquerque. Mereka datang ke Melaka bersama beliau. Kebanyakannya adalah dari pada Orden Francuscans.

Dalam buku M. Teixeira terdapat bahan-bahan tentang kegiatan orden-orden rahib bersenjata di Asia Tenggara: Jesus (hlm. 29 – 37); Domonican (hlm. 38-45); Franciscan (hlm. 46-56) Augustinians(57) dan lain-lain. Disebutkan juga pelbagai gereja, hospital, sekolah, kuburan (batu-batu nisan yang lama) dan lain-lain.

Walaupun alasan-alasan ekonomi dan perdagangan menyerupai sebab utama kedatangan para penakluk Portugis ke alam Melayu, hal ehwal agama adalah amat penting juga. Disebutkan bahawa 8 orang Portugis yang datang ke Melaka bersama dengan Lopes de Sequera (iaitu utusan rasmi Alfonso D'Albuquerque dan raja Portugal) dipaksa memeluk Islam. Hal tersebut menjadi alasan rasmi untuk menyerang Melaka. Dimaklumkan juga bahawa penawanan Melaka pernah diraikan oleh gereja Katolik sebagai peristiwa yang amat penting. Acara perayaan kemenangan tersebut diadakan di Rom dalam gereja St.Maria del Popolo dan diiringi dengan doa dan perarakan istimewa yang dikepalai oleh Pope Leo X sendiri.

Monograf M Teixeira mengandungi juga cerita ringkas tentang Melaka sebelum kedatangan orang Portugis (hlm. 9 – 31). Misalnya terdapat pelbagai keterangan tentang nama tempat *Melaka,* tentang *Parameswara* (berdasarkan beberapa sumber sejarah Barat, Cina, Sejarah Melayu dan lain-lain).

Pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah pendirian kawasan uskub istimewa di Melaka. Dalam karya beliau disenaraikan nama-nama bishop Portugis dan Perantis sejak tahun 1558 sehingga 1958. Terdapat juga cerita ringkas tentang sejarah gereja Katolik Portugis dan misi-misi Katolik pada zaman Belanda (hlm. 15 – 28)

Monograf M Teixeira menyerupai kajian ilmiah yang amat menarik. Buku tersebut mengandungi cerita lengkap tentang sejarah aktiviti Katolik di Asia Tenggara. Buku tersebut membantu kita memahami sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu dan kaedah-kaedah penyebaran agama tersebut. Berdasarkan bahan-bahan yang terdapat dalam karya tersebut kita mampu

memahami siapa yang menyebarkan agama Kristian (para mubaligh, rahib-rahib bersenjata, tokoh-tokoh gereja Katolik dan lain-lain); siapa yang masuk agama Kristian (kebanyakannya orang Cina dan Hindu); hasil penyebaran agama Kristian (maklumat tentang orang Melayu Muslim yang menjadi orang Kristian pada masa itu tidak ditemui); sebab atau alasan kemasukan agama Kristian dan sebab-sebab penolakannya. Justeru itu maklumat tentang orang tempatan hampir tidak ditemui.

Hal - ehwal sejarah gereja Katolik umum dikaji juga dalam kertas kerja *Portugal's Christian Policy in its drive to the East and the case of Malacca (*KP JB 111, 112*)* yang dibentang oleh M.J. Pindato untuk Persatuan Sejarah Melaka (Historical Society Melacca) pada tahun 1958. Pengarang menumpukan perhatian kepada bahan-bahan tentang zaman penjajahan Portugis pada kurun ke-17; kegiatan Francis Xavier dan para mubaligh yang lain; sejarah pelayaran orang Portugis di laut-laut Melayu sejak kurun ke-16. Disebutkan juga golongan orang Kristian Portugis yang wujud di alam Melayu sampai masa kini.

Kajian umum tentang sejarah gereja Katolik berdasarkan pelbagai dokumen yang tersimpan dalam arkib gereja Katolik di pelbagai negara. Dalam buku *Melaka Papers* yang menyerupai kumpulan makalah dari JMBRAS pada tahun sejak 1928 sehingga 1956 (KP JB 116) terdapat *Cataloque of Church Records, Malacca (1642-1898)* yang mengandungi senarai dokumen dari arkib gereja Katolik Melaka dengan keterangan mengenai tarikh, bentuk dan isi bahan-bahan simpanan tersebut.

Dalam Koleksi John Bastin disimpan juga beberapa buku tentang seni bina Eropah (KP JB 109, 115, 116, 118, 119, 159). Kebanyakannya adalah tentang kubu-kubu, bangunan gereja-gereja, kubur-kubur (batu-batu nisan) Kristian Katolik di Melaka.

Dalam makalah R. Cardon *The Old Church on the Malacca Hill"* (KP JB 109) terdapat maklumat tentang bangunan gereja Katolik yang dibina oleh D'Albuquerque

di Melaka pada tahun 1521. Disebutkan juga hal ehwal kegiatan Francis Xavier dan Orden Jesus di Melaka, India dan Jepun. Bahan-bahan tentang orang tempatan dan cara kehidupannya hampir tidak ada. Dalam makalah R. Cardon yang kedua tajuknya "*A Malay Tradition: is Bukit Gereja near Malacca Pindah, the Site of the Old Portuegese Settlement and Chapel of Nossa Senhora da Esperanca mentioned by Eredia in his 'Declaracam'*?" (KP JB 115) pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah penyebaran agama Kristian di Melaka, Rembau dan Naning serta menggambarkan beberapa bangunan gereja-gereja Katolik di kawasan tersebut.

Dalam buku *Melaka papers* terdapat satu lagi makalah R. Cardon yang bertajuk *Portuguese Malacca.* Pengarang menggambarkan bangunan hospital Katolik di Melaka dan menjelaskan beberapa nama tempat serta nama gereja Katolik. Ciri-ciri khas bangunan Gereja St. Paul dimaklumkan dalam makalah beliau yang bertajuk "*The Portuguese Church of St. Paul*". Subjek yang sama dinyatakan juga dalam makalah Fr. Schurhammer "The Church of St. Paul Malacca".

Analisis daripada koleksi John Bastin menunjukkan bahawa seni bina Katolik dan bangunan gereja di alam Melayu serta sejarah pembangunan Eropah di Nusantara ditarik perhatian ramai ilmuwan Barat, termasuk John Bastin sendiri.

Justeru, hanya dalam satu makalah kecil tentang gereja St. Paul kita menemui maklumat bahawa gereja tersebut dan juga kubu Melaka dibina di atas kuburan lama Muslim yang dimusnahkan oleh para penakluk Portugis. Hal tersebut menegaskan Graham Irwin dalam makalah beliau "*Malacca Fort*". (KP JB 117). Beliau menulis: "*a disregard for Muslim susceptibilities was typical of the time, the Christian Portuguese erected their fortress on the ruins of the Great Mosque of Malacca and conctructed it, in part at least, out of stones taken from a hill where lay the graves of former Malay sultanes*"

Batu-batu yang digunakan dalam pembinaan gereja dan kubu tersebut adalah batu-batu nisan sultan-sultan Melayu Muslim yang amat tua. Perampasan dan pemusnahan kuburan-kuburan Islam dan masjid-masjid dilaksanakan oleh orang Portugis secara sengaja untuk menghapuskan tamadun Islam dan menghilangkan setiap tulisan berhuruf Arab, setiap sebutan tentang Islam dari pada peringatan rakyat-rakyat tempatan[10]. Para ilmuwan Malaysia iaitu Dr. Othman Mohd. Yatim dan Abdul Halim Nasir dalam buku mereka yang bertajuk "Epigrafi Islam terawal di Nusantara"[11] menegaskan bahawa pada tahun 1511 orang Portugis merampas Istana Sultan Melaka, memusnahkan Masjid Jum'aa Utama iaitu Masjid Agung Melaka (di tepi pantai sungei Melaka) dan tanah perkuburan sultan-sultan Melaka di depan kaki gunung Bukit Melaka (nama

---

[10]Khazanah persuratan Melayu Islam, sejarah kajiannya dan keadaan moden dibincangkan dalam Seminar Antarabangsa yang telah diadakan pada tahun 1963 di Medan (Indonesia). Para peserta Seminar tersebut menyatakan bahawa: "Pentadbiran kolonial Belanda mengaturkan ekspedisi ke pelbagai daerah di Kepulauan Melayu (misalnya, ke Sumatra, Jawa, Riau-Lingga, Terengganu, Aceh, Pahang, Kelantan, Johor dan lain-lain.) untuk mencari dan mengumpulkan naskhah-naskhah lama dan peninggalan kesan sejarah yang lain. Pegawai-pegawai Eropah mewajibkan semua yang memiliki manuskrip-manuskrip Melayu lama menyerahkannya kepada suruhanjaya yang khusus. Kerap kali bahan-bahan yang dikumpulkan di dalamnya terhapus - kerana kebakaran atau banjir, tenggelam dalam ribut, rosak kerana cara penyimpanannya tidak baik, dicuri dan akhir-akhirnya hilang lama-kelamaan" (Haji Aboebakar Atjeh. Sekitar masuknya Islam ke Indonesia. Berita tentang Perlak dan Pase. dlm: *Sejarah masuknya Islam ke Indonesia. Risalah seminar.* Medan: Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia, 1963, h.104-105). Memang ada beberapa banyak naskhah yang pada akhirnya kekal hingga kini, dan disimpan dalam perpustakaan di London, Paris, Leiden, Berlin dan lain-lain. Tetapi kebanyakannya belum lagi disenaraikan dan diterbitkan. Ertinya naskhah-naskhah tersebut juga tidak dapat digunakan oleh pelbagai-bagai ilmuwan dan masih tertutup untuk para pembaca di Malaysia dan di seluruh dunia. (tentang kajian khazanah persuratan Melayu Islam lihat juga: Dr. Tatiana Denisova. Khazanah persuratan Melayu Islam sebagai sumber sejarah yang sempurna: masalah, tujuan dan kaedah penelitiannya (atas dasar kajian teks-teks sejarah Johor. Dalam: *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu (PABSBM) ke-2*, Kuala Lumpur:DBP, 2006.)

[11]Othman Mohd. Yatim Dr. Abdul Halim Nasir. *Epigrafi Islam terawal di Nusantara.* Kuala-Lumpur:DBP, 1990, ms. 61

modern ialah Bukit St.Paul). "Sekiranya kompleks makam diraja Melaka itu tidak dibongkar oleh Portugis, sudah pasti kita dapat melihat ratusan malah ribuan batu nisan bertulis di kawasan makam itu. Di situ terdapat makam yang penting dari segi sejarah seperti makam sultan Melaka, makam ulama, mubaligh Islam dan juga makam pembesar Melayu Melaka sejak akhir abad ke-14 hingga abad ke-16. Musnahnya kompleks makam diraja Melaka di kaki Bukit Melaka tersebut merupakan satu kerugian besar terkhadap khazanah kebudayaan Melayu yang berteraskan agama Islam"[12].

Tetapi buku tersebut dan karya-karya tentang khazanah budaya Melaka Islam yang dimusnahkan tersebut tidak ditemui dalam koleksi John Bastin. Sebabnya mungkin kerana karangan tersebut mewakili konsep sejarah yang berlawanan dengan para Orientalis Barat. Kajian Prof Naquib al-Attas, Dr. Othman Mohd. Yatim, catatan Abdul Haris Nasution dan lain-lain menumpukan perhatian kepada Islam di alam Melayu dan menjelaskan peranan Islam sebagai faktor utama yang melancarkan perkembangan masyarakat Melayu. Menurut pendapat Abdul Haris Nasution "*tidak perlu hairan bahawa Islam dalam alam Melayu belum dipelajari lagi secara sepatutnya. Selama penjajahan Eropah yang berlangsung selama 350 tahun itu, pemerintah kolonial selalu berusaha untuk mengaibkan Islam dan umat Islam, mempersembahkan orang Muslim sebagai golongan masyarakat yang paling mundur*"[13].

Satu lagi kajian tentang seni bina dan pembangunan di alam Melayu yang kita menemui dalam buku *Melaka papers* adalah makalah *Malacca buildings* dikarang oleh M. Macdonald. Kajian tersebut mengandungi bahan-bahan tentang bangunan dan seni bina di Melaka pada zaman Portugis serta tentang

---

[12] Ibid.

[13]Abdul Haris Nasution.Dr. Pidato restu/pembukaan Yang Mulia Wampa Bidang Pertahanan/ Keamanan, KASAB. dlm: *Sejarah masuknya Islam ke Indonesia. Risalah seminar*. Medan: Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia. 1963, h.37.

tamadun pembinaan rumah di alam Melayu. Hal ehwal pembinaan kubu (fort) Melaka dijelaskan dalam tulisan C.A Gibson-Hill "*The Fortification of Bukit China, Malacca*" (lihat juga KP JB 119) dan Tan Soo Chye. Dalam makalah Graham Irwin "*Malacca Fort*" disebutkan nama seorang ahli seni bina dan engineer yang membina kubu tersebut iaitu Giovanni Batista Cairati (Joao Batista) – orang Itali. Di dalamnya terdapat juga pelan-pelan kubu, gambaran senjata-senjata, cerita tentang sejarah pembinaan kubu tersebut serta analisis kelebihan dan kekurangan bangunan kubu tersebut dari pada sudut pendapat ilmu ketenteraan.

Tidak kurang pentingnya adalah buku kecil *Christian cementries amd memorials in Malacca and Rasah New Village (*KP JB 159) dikarang oleh A.G.Harfield. Buku tersebut mengandungi bahan-bahan lengkap tentang tanah perkuburan Kristian (pada kurun ke-17 hingga ke-19) di Melaka iaitu kuburan Portugis, Belanda dan Inggeris. Terdapat analisis batu-batu nisan dan tulisan di atasnya, gambar-gambar batu nisan, keterangan tentang tarikh dan nama orang yang dikuburkan di dalamnya. Terdapat juga data-data mengenai asal-usul dan riwayat hidup mereka dan bahan-bahan epigrafi yang lain.

A.G.Harfield menyatakan data-data sebagai berikut: tarikh perkuburan; usia (umur) orang yang meninggal dunia itu; jantina, taraf social (perhidmatan) dan lain-lain. Berdasarkan data-data tersebut kita boleh memahami jangka kehidupan medium para penduduk Melaka (seorang yang paling tua yang dikuburkan disini umurnya adalah 52 tahun); tarikh-tarikh peperangan (bila terdapat ramai lelaki askar yang dikuburkan pada tarikh yang sama) dan/atau tarikh-tarikh penyebaran wabak (bila terdapat ramai wanita dan kanak yang meninggal dunia pada tarikh yang sama).

Buku tersebut amat menarik kerana membantu kita untuk memahami siapa yang tinggal di Melaka pada kurun ke-17 sehingga ke-19. Misalnya disebutkan ramai orang pelaut, malim, kapten kapal-kapal, askar, paderi dan pegawai pentadbiran Eropah (pentadbiran Portugis, Kompeni Belanda dan Inggeris).

Bahan-bahan tersebut menunjukkan bahawa sejak zaman kerajaan Portugis ramai orang Eropah yang berkhidmat dalam pentadbiran penjajahan dan yang tinggal di Melaka kebanyakannya adalah orang Eropah tempatan iaitu orang Eropah yang lahir di alam Melayu dan/atau India. Pada zaman penjajahan Belanda disebutkan ramai orang Eropah yang lahir di pelbagai tempat di Indonesia; pada zaman penjajahan Inggeris disebutkan ramai tentera Inggeris yang bertugas di Madras – Madras Native Infantry dan lain-lain, dan di Bengal – Bengal Native Infantry.

Antara orang yang dikebumikan di tanah kuburan tersebut adalah orang-orang pelbagai bangsa iaitu Portugis, Sepanyol, Belanda, Inggeris. Disebutkan juga orang Perantis, Armenia dan lain-lain. Makam-makam *orang Kristian baru* (iaitu orang tempatan yang menjadi orang Kristian) tidak ditemui di dalam tempat kuburan tersebut. Hal tersebut menunjukkan bahawa *orang Kristian baru* mungkin dikuburkan dalam tempat kuburan yang lain berasingan daripada orang Kristian Eropah. Hal tersebut memberi alasan supaya kita merasa sangsi bahawa *orang Kristian baru* dianggap sebagai orang Kristian yang tulen dan mempunyai hak-hak yang sama dengan orang Kristian Eropah.

Karangan para mubaligh dan karya-karya tentang kegiatan misi-misi Katolik yang tersimpan dalam koleksi John Bastin mengandungi banyak bahan yang penting yang membantu kita untuk memahami sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu pada kurun ke-16 sehingga ke-18. Walaupun begitu dalam buku-buku tersebut hampir tidak ada maklumat tentang orang tempatan (terutama orang Muslim) dan tamadun Melayu. Ternyata karangan tersebut adalah sumber sejarah tentang orang Eropah di Melaka. Justeru itu bahan-bahan tersebut tidak boleh dianggap sebagai sumber sejarah yang komprehensif yang menyatakan hal ehwal sejarah dan perkembangan masyarakat Melayu secara lengkap.

Koleksi John Bastin turut mengandungi pelbagai catatan peringatan (memorials) orang Portugis yang dikarang oleh para pegawai pentadbiran

Portugis di Melaka dan orang saksi sezaman yang lain (iaitu pada kurun ke-16 sehingga ke-17). Di antaranya yang paling terkenal adalah buku *The Suma Orientalis of Tome Pires an Account of the East, from the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512-1515,* diterjemahkan dan disusun oleh A. Cortesao (KP JB 98). Karya tersebut dianggap sebagai sumber sejarah yang utama mengenai sejarah Melaka pada kurun ke-16.

Buku ini menyerupai penerbitan teks ilmiah *"Suma Orientalis"* iaitu catatan pengembara Tome Pires (1468 – 1540) dan mengandungi teks asli dalam bahasa Portugal, terjemahan ke dalam bahasa Inggeris, peta-peta, keterangan dan index. Buku ini juga mewakili contoh penerbitan ilmiah (kritikal) sumber sejarah lama. Buku tersebut boleh digunakan sebagai bahan pelajaran dalam bidang sejarah dan historiografi. Dalam Appendix terdapat peta-peta dari *Atlas* Francisco Rodriges[14].

Catatan Tome Pires mengandungi maklumat-maklumat tentang negara-negara Timur Tengah dan Afrika (Mesir, Ormuz, Persia, Belujistan), India, Ceylon, Bengal, Arakan, pegu, Siam, Burma, Cambodia, Champa, Cohin China, Cina, Jepun, Philipino, alam Melayu (Borneo, Sumatra, Java, Banda, Molukkas, Melaka dan lain-lain.) Terdapat bahan-bahan tentang jalan kapal-kapal, perdagangan, sistem cukai-cukai, sistem kerajaan, adat-istiadat di Melaka dan lain-lain.

Dalam catatan mengenai Melaka (ms. 229 – 289), Sumatra (ms. 135-165), Jawa (hlm. 166 – 200) dan pelbagai daerah Nusantara yang lain (ms. 201 – 228) Tome Pires menumpukan perhatian kepada masyarakat tempatan dan adat-istiadat

---

[14]Francisco Rodriges (kurun ke-16) – seorang pelaut Portugis yang ikut serta dalam Ekspedisi Portugis I (1512) yang menyelediki pulau-pulau Banda dan Moluku. Francisco Rodriges menjadi terkenal sebagai pengarang yang menyusun peta-peta pelbagai negara, termasuk alam Melayu. Atlas Francisco Rodriges adalah salah satu peta yang terawal yang dibikin oleh orang Eropah. Lihat antara lain: Heinrich Winter. "Francisco Rodrigues' Atlas of ca. 1513" dlm: *Imago Mundi*, Vol. 6, 1949 (1949), London: Imago Mundi LTD pp. 20-26

di dalamnya. Terdapat banyak sebutan tentang orang Melayu, orang Muslim (luar dan tempatan); Melaka (sejarah dan pada masa sezaman); raja-raja Melaka, undang-undang, agama, perdagangan dan lain-lain.

Misalnya mengenai orang Melayu Tome Pires menulis sebagai berikutnya:

> [Aru] - *People of Aru are presumptuous and warlike, and no one trusts them. If they do not steal they do not live, and therefore no one is friendly with them.*
>
> [Melaka] - *Malayans are jealous people and so you shall never see the wifes of the important people in the land, nor do they go out, except sometimes if they are entitled to do so, they go out in covered sedan chairs, and many women together, and this occasionally. Each men has one or two wives, and as many concubines as he likes, they live together peaceably.*

Analisis tulisannya menunjukkan bahawa Tome Pires menyebut tentang orang Melayu Muslim tersebut bersikap negatif terhadap orang Melayu. Hal tersebut mencerminkan kesalahfahaman yang tersebar di dalam pandangan awam orang Eropah terhadap orang-orang tempatan. Bila kita menyaksikan kebenaran maklumat-maklumat yang dirakamkan dalam catatan Tome Pires itu, kita perlu ingat, bahawa data-data tentang orang Melayu dalam karangan Tome Pires mungkin bukan diberikan oleh orang Melayu sendiri. Pada masa itu orang Portugis (mungkin termasuk Tome Pires) semestinya dianggap oleh orang Melayu Muslim sebagai musuh yang ganas dan licik, yang menakluk (menyerang) Melaka, merampas harta-hartanya dan membunuh ramai orang Muslim. Mungkin hal tersebut mengakibatkan bahawa orang Melayu tidak ingin "berkawan" dengan orang Portugis itu dan "menunjukkan" kepada Tome Pires keluarga mereka.

Hal tersebut dinyatakan oleh Tome Pires sendiri bila beliau menulis tentang Bandar Melaka, tentang orang Muslim di Melaka serta tentang peranan Islam dalam tamadun dan kemajuan Melaka:

> *Malacca is the city that was made for merchandise; fitter than any other in the world. The end of monsoons and the beginning of others. Malacca is surrounded and lies in the middle, and the trade and commerce between the different nations for a thousand leagues on every hand must come to Malacca. Therefore a thing of such magnitude and of such great wealth, which never in the world could decline, if it were moderately governed and favoured, should be supplied, looked after, prised and favoured, and not neglected; for* ***Malacca is surrounded by Mohammedans who cannot be friends with us unless Malacca is strong, and the Moors will not be faithful to us except by force, because they are always on the look-out, and when they see any part exposed they shoot at it.***

Tome Pires menegaskan juga bahawa sejak dulu Melaka menjadi pusat perdagangan antara bangsa yang dikepalai dan dikawal oleh orang Muslim dari pelbagai negara. Disebutkan juga para saudagar dari India iaitu dari Cambey (Gujarat). Walaupun saudagar-saudagar tersebut datang dari India, kebanyakannya, menurut Pires, adalah orang Arab dari Aden dan Kaherah. Mereka membawa dagangan ke Melaka dari Syria, Italy, dan Greek dan Cambey. Selepas itu mereka membeli di Melaka dan Pasai dagang-dagangan tempatan iaitu kain, rempah ratus, kayu. sutera, mutiara, porselin dan lain-lain. Beliau menulis:

> *"The Cambey merchants make Malacca their chief trading centre. They used to be thousands Gujarat merchants in Malacca, besides four or five thousand Gujarat seamen, who came and went. Malacca cannot live without Cambey nor Cambey without Malacca, if they are to be very rich and very prosperious".*

Sebagai saudagar yang berniaga di Melaka disebutkan orang Abyssinian, Ormuz Kilwa, Malindi, Mogadishu, Mombassa, Persian, Rum, Turkoman, Armenian, Guilyan, Khorasan dan Shiraz.

Tome Pires menggambarkan kemakmuran dan kekayaan Melaka:

> *"And since it is known how profitable Malacca is in temporal affairs, how much the more is it in spiritual [affairs], as Mohammad is cornered and cannot go farther, and flees as much as he can. And let people favour one side, while merchandise favours our faith; and the truth is that Mohammed will be destroyed, and destroyed he cannot help but be. And true it is that this part of world is richer and more prized than the world of the Indies, because the smallest merchandise here is gold, which is least prized, and in Malacca they consider it as merchandise. Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice. As far as from Malacca, and from Malacca to China, and from China to the Moluccas, and from the Moluccas to Java, and from Java to Malacca and Sumatra, all is in our power. Who understand this will favour Malacca, let it not be forgotten, for in Malacca they prize garlic and onions more than musk, benzoin and other precious things".*

Walaupun catatan Tome Pires tersebut lazimnya bersikap negatif terhadap Islam (dalam hal tersebut memang Tome Pires adalah *anak zaman beliau*), maklumat-maklumat yang terdapat di dalamnya mengandungi banyak data yang objektif. Misalnya Tome Pires menulis bahawa pada kurun ke-16 penduduk Sumatra kebanyakannya adalah orang Muslim, termasuk raja-raja Batak Aru (hlm. 146). Maklumat tersebut menafikan prasangka yang tersebar di antara para orientalis Barat, bahawa semua orang Batak adalah orang pegan dan mengikut kepercayaan-kepercayaan tempatan.

Justeru itu Tome Pires menulis bahawa raja-raja tempatan dan orang Melayu memeluk Islam kerana orang Muslim yang datang ke alam Melayu kebanyakannya adalah orang kaya dan berkuasa. Ertinya menurut pendapat beliau orang Melayu memeluk Islam supaya dapat menerima faedah dan kemudahan-kemudahan dalam perdagangan (hlm. 241). Pendapat tersebut menunjukkan kesalahfahaman yang tersebar di antara para ilmuwan Barat yang tidak memperhatikan unsur-unsur rohani (agama, iman) dalam sejarah penyebaran Islam di alam Melayu.

Tome Pires menyatakan juga bahawa:

> *"The Kingdom of Sunda doesn't allow Moors in it. … because it is feared that with their cunning they may do there what has been done in Java; because the Moors are cunning and they make themselves masters of countries by cunning, because apparently they have no power"* (hlm. 173)

Catatan tersebut mencerminkan pendapat Tome Pires dan para ilmuwan Barat moden bahawa orang Muslim (terutama orang Muslim Arab) menyebarkan Islam di alam Melayu hanya untuk menaklukkan negara-negara tempatan sekaligus mendapat kuasa yang tidak terhad. Para orientalis moden tidak melihat maklumat dari teks sejarah Melayu Islam bahawa ke dalam alam Melayu datang bukan hanya para saudagar yang berminat melancarkan perniagaan mereka dan mendapat faedah dan kekayaan, tetapi yang datang adalah terdiri daripada orang alim dan seyyid dari Hadhramaut. Menurut Prof. Naquib al-Attas mereka sengaja datang untuk menyebarkan Islam di sini dan mengajar usuluddin, fikah, akhlak, hikmah dan subjek Islam yang lain untuk penduduk tempatan. Pendapat Prof. Naquib al-Attas disahkan daripada pelbagai maklumat yang dirakamkan dalam teks-teks lama. Misalnya dalam *Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Tuhfat al-Nafis* dan teks-teks lain disebutkan nama tokoh-tokoh Islam yang datang ke dalam alam Melayu. Disebutkan juga pelbagai tajuk karya Islam yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Dalam teks tersebut terdapat hadith yang menjelaskan bahawa para mubaligh dari Mekkah datang ke alam Melayu kerena disuruh oleh Nabi Muhammad SAW *sengaja* supaya menyebarkan "iman yang tulen". Maklumat di *Hikayat raja Pasai* isinya sebagai berikut[15]:

[15]Di sini dan selanjutnya teks *Hikayat Raja Pasai* dipetikkan menurut edisi sbb: *Hikayat Raja Pasai. Dikaji dan diperkenalkan oleh Russel Jones*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan&Penerbit Fajar Bakti, 1999.

"Sekali persetua pada zaman Nabi Muhammad Rasulullah SAW tatkala lagi hayat hadirat yang maha mulia itu, maka bersabda ia kepada sahabat baginda di Makkah, demikian sabda baginda "Bahawa ada sepeninggalku wafat itu, ada sebuah negeri di bawah angin, Samudera namanya; apabila ada didengar khabar negeri itu maka kamu suruh sebuah kapal membawa perkakas alat kerajaan dan kamu bawa ia orang dalam negeri itu masuk agama Islam serta mengucap dua kalimat syahadat. Syahdan lagi akan dijadikan Allah SWT dalam negeri itu terbanyak daripada segala wali Allah jadi dalam negeri itu. Adapun pertama ada seorang fakir di negiri Mengiri namanya ia itulah kamu bawa serta kamu ke negeri Samudera itu" (hlm. 24(13))

"Hatta maka beberapa lamanya kemudian daripada hadirat Nabi SAW wafat, maka terdengarlah khabarnya kepada syarif yang di Makkah ada suatu negeri di bawah angin bernama Samudera, maka oleh Khalifah Syarif, maka ia menyuruh sebuah kapal akan membawa segala perkakas alat kerajaan ke negeri Samudera.Setelah sudah kapal itu lengkap maka disuruh Syarif Syeih Ismail itu singgah ke negeri Mengiri. Setelah sudah maka Syeih Ismail pun naik ia ke kapal maka lalu ia berlayar.

… Adapun raja dalam negeri itu Sultan Muhammad namanya.

…Adapun Sultan Muhammad itu daripada anak cucu hadrat Abu Bakar bin Siddik radiallahu'anhu. Maka sultan menyuruh hantarkan segala makan-makanan dan segala nikmat akan Syeikh Ismail.

… Maka sultan pun merajakan seorang anaknya yang tuha di negeri Mengiri itu akan gantinya kerajaan. Maka baginda dua beranak dengan anaknya yang muda memakai pakaian fakir meninggalkan kerajaannya, turun dari istana lalu naik kapal itu. Katanya pada orang kapal itu, "Kamu bawa hamba ke negeri Samudera" (hlm. 24-27(14-15)).

"Hatta berapa lamanya maka kapal syeikh Ismail pun sampai ke Teluk terli, maka kapal itu pun berlabuh. Maka fakir itu pun naik ke darat. Maka ia bertemu dengan seorang orang menyala ikan. Maka kata fakir itu "Apa nama negeri itu?" Maka sahutnya orang itu: "Ada pun nama negeri ini Samudera" (hlm. 29(16))

"Maka disuruh oleh Syeikh Ismail himpunkan segala hulubalang dan segala rakyat besar kecil dan tuha muda laki-laki perempuan. … Maka diajari oleh Syeikh Ismail mengucap syahadat akan mereka itu sekalian. Maka segala mereka itu relalah ia mengucap dua kalimah shahadat dengan tulus ikhlas yakin hatinya. Sebab itu lah dinamai Samudera itu Negeri Darussalam karena tiada sekaliannya orang itu dengan digagahi dan dengan tiada dimusakatkannya dan tiada dengan diperlelahkannya pada mengerjakan kerja masuk agama Islam".(hlm. 31(16))

Ternyata di antara orang Muslim Arab yang datang ke alam Melayu bukan hanya para saudagar yang berminat berniaga di sini. Malah juga terdapat para sayyid, ulama dan tokoh-tokoh Islam yang lain. Mereka disuruh pergi ke alam Melayu sengaja untuk menyebarkan iman yang tulen. Orang Melayu yang memeluk Islam mendapat banyak faedah dan kemudahan dari para sayid tersebut khususnya dalam mendalami Islam. Para penduduk tempatan kebanyakannya memeluk Islam secara sukarela. Unsur-unsur rohani adalah amat penting dalam sejarah penyebaran Islam. *Islamization* mengakibatkan perubahan terutama di semua bidang kehidupan masyarakat Melayu, bukan hanya dalam bidang ekonomi (perdagangan, kewangan, undang-undang, pelayaran dan lain-lain) tetapi juga dalam kehidupan intelektual secara keseluruhannya (agama, bahasa, sastera, falsafah, pendidikan, seni dan kebudayaan)[16].

---

[16]Tentang *Islamization* dan pengaruhnya dalam masyarakat dan tamadun Melayu lihat antara lain: Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur:ISTAC, 1993; Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*.

Dalam catatan Tome Pires terdapat juga bahan-bahan tentang ekonomi iaitu perdagangan, galian, cukai-cukai dan lain-lain. Beliau juga menyebut barang-dagangan yang terpenting. Misalnya, di antara dagang-dagangan yang dibawa dari Melaka ke Siam seperti kain, rempah ratus, opium, hamba-hamba (abdi), perak dan emas (ms. 108). Sumber-sumber emas yang terkenal adalah galian-galian di Minangkabau. Misalnya emas yang dijual-beli di Cochin China (Campa) kebanyakannya dari galian Minangkabau tersebut (hlm. 112).

Catatan Tome Pires *"Suma Orientalis"* mengandungi maklumat-maklumat tentang pelbagai bidang kehidupan masyarakat di Melaka pada zaman Portugis. Buku tersebut mencerminkan pendapat orang Portugis yang lazimnya bersifat euro-sentrism dan bersikap negatif terhadap Islam. Menurut Tome Pires zaman kerajaan Portugis lah adalah zaman emas dalam sejarah Melaka iaitu zaman kemakmuran dan kemajuan masyarakat dan ekonomi.

Karya ini dianggap sebagai sumber sejarah yang utama tentang alam Melayu dan Melaka pada kurun ke-16. Kajian para orientalis dan ilmuwan di seluruh dunia kebanyakannya menulis tentang Melaka berdasarkan bahan-bahan dari *Suma Orientalis* tersebut dan lazimnya mengikut pendapat-pendapat dan prasangka-prasangka yang dirumuskan di dalam karangan Tome Pires. Walaupun begitu sampai sekarang tidak ada data-data yang lengkap mengenai Tome Pires, iaitu mengenai riwayat hidup beliau. Misalnya sejarah lawatan beliau ke Cina dan tarikh kematian beliau.

Kuala Lumpur:UKM, 1972; T.Denisova Islam dan mitos-mitos Melayu tradisional mengenai asal usulnya raja-raja Melayu. dlm: Bulletin of *Moscow State University. "Oriental studies"*, N4; Moscow:MGU; 2000; T.Denisova. Karangan-karangan sejarah Melayu klasik mengenai perniagaan dan pelayaran. dlm*: Negara-negara Timur: masalah-masalah sejarah ekonomi dan pelayaran* , Moskow: Nauka; 2003; T.Denisova. Orang-orang Muslim dari Timur Tengah yang disebutkan di dalam karangan-karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX. dlm: *Bulletin of Moscow State University. "Oriental studies"*, N4; Moscow:MGU, 2003; T.Denisova. Islam di dalam alam Melayu ab. VII – XIII. dlm: *Sejarah perkembangan tamadun Islam*. Jilid 1-2. Moskow:ROSPEN, 2001-2002.

Subjek tersebut dikaji dalam makalah "*Malacca and the failure of the first Portuguese Embassy to Peking",* dikarang oleh T'ien-Tse Chang. (KP JB 117). Dalamnya terdapat analisis maklumat dari sumber sumber sejarah Cina mengenai utusan Portugis ke Cina pada tahun 1517 serta 1521. Dalam makalah itu, Tome Pires disebutkan di dalamnya sebagai duta besar Portugis. Amat menarik bahawa Tome Pires disebutkan di dalam sumber tersebut dengan nama Hoja Asan (Hasan). Dimaklumkan juga bahawa Tome Pires iaitu duta besar Hoja Asan ditangkap oleh kerajaan Cina pada tahun 1522 dan dihukum mati pada tahun 1523. Sebab-sebab tangkapan dan hukuman mati tidak dijelaskan. Karya tersebut berlawanan dengan pelbagai karangan para ilmuwan Barat yang menyatakan bahawa pada tahun 1524 selepas ditangkap, Tome Pires dihukum dibuang dari Kanton ke suatu bandar kecil namanya Sampitai (Cina Utara). Disana beliau berkahwin dengan seorang wanita tempatan yang kaya dan dikurniai dua anak perempuan. Tom Pires meninggal dunia 20 tahun kemudian iaitu sekitar tahun 1540. Maklumat yang sebenar belum ditemui lagi. Tidak dapat dipastikan maklumat yang betul tentang Tome Pires dan kenapa dalam teks cina itu, Tom Pires disebut dengan nama Muslim iaitu Hoja Asan (Hasan).

Perihal kerajaan Portugis di Melaka dinyatakan juga dalam makalah I.A Macgregor yang bertajuk *Notes on the Portuguese in Malaya* (KP JB 99). Pengarang menumpukan perhatian kepada sistem kerajaan Portugis di Melaka dan hal-ehwal kehidupan orang Portugis. Dalam Appendix terdapat senarai nama-nama Kapitan Melaka pada tahun 1512 sehingga 1560 dan daftar bahan-bahan tentang orang Portugis di Melaka yang disimpan di arkib Lisbon, Evora, London, Goa dan lain-lain. Maklumat mengenai orang Melayu hampir tidak ada. Yang disebutkan dalam makalah itu ialah orang Cina yang berniaga di Melaka pada zaman Portugis. I.A. Macgregor menyatakan bahawa "di antara orang Portugis dengan orang Cina tidak ada masalah. Mereka berniaga, kadang-kadang mencuri dan kadang-kadang bergaduh". Disebutkan juga orang Jepun yang berkhidmat sebagai pengawal di pejabat Kapitan yang mengepalai Melaka pada zaman Portugis.

Menurut pengarang, pada kurun ke-16 sehingga ke-17 bilangan orang Portugis yang tinggal di Melaka tidak ramai. Jumlah maksimum 600 orang. Lazimnya mereka tidak tinggal di Melaka secara tetap. Kebanyakannya ialah pegawai kerajaan dan berada di Melaka selama mereka berkhidmat dengan Raja Portugal. Justeru itu orang Belanda terbalik, kebanyakannya adalah pegawai syarikat perdagangan dan tinggal di alam Melayu secara tetap.

I.A. Makgregor menolak pendapat bahawa pada zaman Portugis tersebar rasuah di antara pegawai-pegawainya. Menurut beliau pendapat tersebut adalah prasangka yang disebarkan oleh orang Belanda bertujuan untuk memburukkan kerajaan Portugis di Melaka. Beliau menggambarkan para penakluk Portugis sebagai pahlawan yang adil dan mubaligh yang berkorban diri untuk menyebarkan agama Kristian di alam Melayu.

Karya tentang orang Portugis di Melaka terdapat juga dalam *Livro do Estado da India Oriental* iaitu catatan Pedro Barretto de Resende yang pernah tinggal di Melaka pada tahun 1638. Teks tersebut diterjemahkan oleh W. George Maxwell dan diterbitkan dalam *Journal Straits Branch Royal Asiatic Society (JSBRAS).* Tajuknya adalah *"Barreto de Resende's account of Malacca"* (KP JB 122). Karya ini mengandungi kajian tentang manuskrip *Livro* yang disimpan di British Museum. Manuskrip mengandungi 3 bahagian iaitu (1) gambar semua viceroy (yang dipertuan muda) Portugis; (2)peta kubu Melaka dengan keterangan. Disebutkan juga kubu-kubu di Mozambique, Mombasa, Maskat dan lain-lain; (3) Peta kubu yang terdapat di Goa dan alam Melayu. Catatan Barretto tersebut terdapat dalam bahagian ke-2 bersama dengan keterangan tentang kubu Melaka. Maklumat mengenai orang Melayu hampir tidak ada.

Bahan (karya) yang lebih lengkap tentang Portugis terdapat dalam monograf Manuel Joachim Pintado *"Portuguese documents on Malacca"*. (KP JB 113). Buku ini mengandungi pelbagai sumber sejarah Portugis kurun ke-16. Antaranya adalah:

- Surat Raja D.Manuel kepada salah seorang pembesarnya - D.Francisco de Almeida (6.04.1506)
  Tentang pembangunan kota (*fortress*) di Socotra dan Melaka; tentang lawatan ke Sumatera untuk mendapat informasi tentang perdagangan dan keamanan negara-negara tempatan. Teks juga mengandungi perintah Raja Portugal, yang mengarahkan semua kapal-kapal Muslim ditangkap di laut Merah. (hlm. 3) dan pesanan mencari informasi tentang kawasan di Sumatera dan Melaka yang dimiliki oleh raja-raja Muslim (hlm. 9)
- Codex Additonal (1508) iaitu teks "*Chronicle of the Discovery and Conquest India by the Portugese*"
  mengandungi karya umum tentang dan penduduk tempatan; tentang orang Muslim di Pedir dan Melaka dan tentang perniagaan di Melaka sebelum kedatangan Portugis
- Catatan pengembara Diego Lopes de Sequeira ke Melaka (1508)
- Karya Fernao Lopes de Castanheda. *Sejarah Penjajahan Melaka oleh Orang Portugis* serta gambaran kerajaan Melaka dan keadaan ekonominya.

Dalam sumber sejarah tersebut, terdapat pelbagai maklumat tentang masyarakat Melayu dan orang Muslim di Melaka. Misalnya dalam *Codex* disebutkan bahawa "para penduduk Sumatera kebanyakannya adalah orang Muslim. Lelaki berjanggut panjang" (hlm. 23) Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa pada kurun ke-16, penyebaran Islam (*Islamization)* hanya tertumpu di dalam bandar-bandar besar seperti Melaka. Justeru, penduduk di kawasan lain masih dianggap orang pagan.

Dalam teks Codex juga dirakamkan pelbagai data tentang perdagangan dan pelayaran di Melaka. Dimaklumkan bahawa kapal-kapal Melaka kebanyakannya mengikut model kapal-kapal Muslim iaitu kapal Arab (hlm. 29). Antara saudagar yang berniaga di Melaka ialah pelaut yang datang dari Gujerat, Parsi, Malabar, Kanarese (Pulau Kanari), Morocco, Jawa, Cina, Ghores dan lain-lain. Teks lama

ini juga menyebut tentang perundingan antara saudagar Muslim di Pedir dan Melaka dengan kapten (nakhoda) kapal Portugis mengenai perniagaan dan pekerjaan dalam pelbagai bidang(hlm. 25-27). Maklumat ini menafikan prasangka bahawa orang Muslim termasuk orang Melayu sejak awal-awalnya selalu bersikap agresif terhadap orang Eropah.

Dalam catatan pengembaraan Diego Lopes de Sequeira terdapat cerita mengenai situasi politik di dalam kerajaan Melaka sebelum diserang orang Portugis. Misalnya terdapat keterangan tentang pergaduhan di antara Bendahara Melaka dan orang Portugis. Teks mengandungi juga beberapa maklumat tentang orang Melayu di Melaka. Misalnya:

> *"The inhabitance of the country were called Malays. Although they were Muslims, who generally disliked the very name of Christians, the Malays didn't hold, prior to their experiencing the effect of their weapons, as much hatred for the Portugese as did the Arabs, Persian and Gujeratis, many of whom lived there, because they had received some damage from Portugese fleets" (hlm. 43)*

Pendapat yang sama terdapat dalam karangan Fernao Lopes de Castanheda:

> *"By throwing the Muslims out of Malacca the fire of the sect Muhammad will be extinguished and the creed will not extend itself any futher. It may also cause the Muslims to leave the Indies/ We have taken away from they their fountainhead in India, and if we take away this one also they will have no country to sustain them" (hlm. 341).*

Maklumat tersebut membuktikan sekali lagi bahawa para penakluk Portugis lah yang bersikap agresif terhadap orang Muslim di seluruh dunia. Permusuhan tersebut mengakibatkan penyebaran sikap negatif terhadap orang Kristian di alam Melayu.

Dalam karya tersebut ditemui pelbagai maklumat yang menarik dan objektif mengenai orang Melayu terutama tentang adat-istiadat tempatan. Namun, karya ini adalah pendapat peribadi pengarangnya.

Perhatikan:

– tentang orang Muslim dan bahasa Melayu di Melaka:

The sultan is a Muslim and so are all the natives. Their language is Malay, which is pleasant language and easy to learn. The people are light-complexioned, well featured and well built. The men are by nature gallants – polite and good lovers. The women are beautiful, and all like to live an easy life (hlm. 85)

– tentang buah durian:

Every four month there are durians, which are like artichokes in shape and of the size of large citron. Its flavour is so peculiar that it said it was the fruit that Adam ate when he sinned.

– tentang Melaka

… Malacca is the largest port for the commerce of the richest commodities in the world. (hlm. 85)

– tentang keberanian orang Melayu Muslim

"The Muslim fought as men fighting for their wifes, sons and property, having more to lose than the foreigners living in the region, they gained a reputation as ferocious warriors. Wherever they were found in force, they were daring in attack and persistent in their ambushes" (hlm. 175)

Pelbagai maklumat yang amat menarik tentang orang Melayu, bahasa Melayu dan hal ehwal kehidupan di Melaka terdapat juga dalam buku makalah "*Melaka papers*" iaitu kumpulan makalah dari JMBRAS (KP JB 116). Misalnya:

– tentang orang Melayu

(J.J.Sheehan. Seventeenth century visitors to the Malay peninsula)

"The Malayars or natives of Malacca are tawny, with long black hair, great eyers and flat noses; they deduce their origin from the Javanese, but their eyes are quite different, they are for the most part naked, wearing only a piece of stuff wrapt about the middle, with their arms and legs naked. … the women are extravagantly proud here, expecting more reverence than any other Indian women. … Most of the Malayers are either Christians or Mahometans, tho' they are likewise some pegans and Jews settled at Melacca for the conveniency of commerce".

Maklumat tersebut lazimnya digunakan oleh para pengarang moden untuk membuktikan bahawa orang Melayu memeluk Islam secara formal sahaja dan sehingga kurun ke-18 kebanyakannya masih mengikut adat-istiadat sebelum Islam. Dalam maklumat tersebut tidak dinyatakan secara jelas definisi "*The Malayars*". Yang dimaklumkan adalah bahawa "*The Malayars*" adalah "natives Melaka. Sebaliknya zaman tersebut tidak ramai orang Melayu Islam masih tinggal di Melaka. Sebaliknya penduduk Melaka masa itu kebanyakannya orang Jawa (Hindu), India dan Cina. Mereka lah yang lazimnya masuk agama Kristian. Hal ini dimaklumkan juga dalam pelbagai sumber lain tentang sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu (termasuk Melaka). Justeru, maklumat mengenai orang Melayu Muslim yang menukar agamanya dan menjadi Kristian tidak ditemui.

Dalam makalah J.J. Sheehan tersebut terdapat juga maklumat tentang bahasa Melayu dan peranannya dalam masyarakat pada kurun ke-17. Isinya dipetik sebagai berikut:

> *"The language used at Malacca is called Malaya tongue, from the natives of the country, being very famous throughout the East-Indies. For the general concourse of so many nations, different in their languages, has put them upon a necessity of compiling a certain language, composed of the best and choicest words of all the rest, which therefore is accounted the neatest and most agreeable of the East-Indies…".*

Teks tersebut mencerminkan sekali lagi bahawa bahasa Melayu pada masa itu digunakan sebagai lingua franca dan bahasa pengantar di seluruh Asia Tenggara.

Sejarah Melaka pada zaman Portugis dinyatakan juga dalam pelbagai kajian ilmiah yang disimpan dalam koleksi John Bastin dan yang dikarang oleh para orientalis pada kurun ke-20.(lihat KP JB 93, 120, 121, 123, 124). Kajian tersebut berdasarkan sumber sejarah Portugis yang disebutkan sebelumnya.

D.R. Sar Desai dalam kertas kerja beliau yang bertajuk "*The Portuguese administration in Malacca, 1511-1641"* (KP JB 93) menumpukan perhatian kepada tujuan kedatangan orang Portugis ke alam Melayu; sistem kerajaan orang Portugis dan hal ehwal kehidupan mereka di Melaka. Pengarang menjelaskan bahawa tujuan utama lawatan Vasco da Gama dan kedatangan orang Portugis ke alam Melayu adalah penyebaran agama Kristian dan perdagangan rempah ratus iaitu "*Christians and spices"* (hlm. 2).

Pengarang mengesahkan bahawa tidak ramai orang Portugis asli yang tinggal di Melaka pada kurun ke-16. Jumlahnya biasanya 60 – 200 orang sahaja. Misalnya pada tahun 1532 hanya 40 orang "casados" (lelaki dengan keluarganya) yang berada di Melaka. Yang lain kebanyakannya askar-askar dan saudagar-saudagar yang singgah ke Melaka untuk sementara sahaja.

D.R. Sar Desai mengesahkan juga maklumat dari sumber sejarah yang lain bahawa orang Portugis bekerja sama dengan golongan non-Muslim di Melaka. Mereka melantik orang Hindu sebagai syahbandar, bendahara dan orang-orang besar yang lain serta menyokong persengkataan (persaingan) mereka dengan orang Muslim (hlm. 14).

Beliau menegaskan bahawa orang Portugis menggunakan sistem kerajaan yang wujud di Melaka sebelumnya iaitu sistem kerajaan Muslim. Menurut sistem tersebut Melaka (bandar, pasar dan pelabuhan) dibahagikan kepada empat kawasan yang istimewa yang dikepalai oleh empat shahbandar dari pelbagai bangsa. Setiap shahbandar mempunyai tugas sendiri iaitu

(1) yang pertama mengawal kapal-kapal dan para saudagar dari Timur – Cina, kepulauan Liuchiu, Champa, Kalimantan Timur, Thailand

(2) yang kedua mengawal pelayaran dari Selatan: Jawa, Palembang, pulau-pulau Indonesia.

(3) yang ketiga memeriksa kapal-kapal dari Sumatra Utara, Bengal, Malabar, Coromandel (India)

(4) yang keempat mengawal kapal dan saudagar dari Gujarat (India Barat). Merupakan golongan yang paling ramai orang.

Pengarang menyatakan, bahawa orang Portugis memberikan hadiah sebagai salah satu cara pembayaran cukai dan sebagai salah satu sumber elaun untuk syahbandar tersebut. Justeru, menurut pendapat D.R. Sar Desai, perbezaan di antara sistem kerajaan Portugis dan Melayu Islam memang ketara. Beliau menegaskan bahawa raja-raja Muslim biasanya menyimpan harta-harta mereka di Melaka. Maksudnya harta-harta peribadi raja-raja Melaka tersebut digunakan di Melaka dan memajukan perkembangan ekonomi di Melaka Namun bagaimana harta tersebut diperoleh kurang jelas dan mungkin dengan cara tidak sepatutnya (rasuah, harta lanun dan lain-lain). Justeru itu orang Portugis menganggap Melaka hanya sebagai sumber kekayaan pribadi mereka. Harta yang diperoleh di Melaka biasanya dikeluarkan dari ekonomi Melaka dan dipindahkan balik ke Portugal (hlm. 10). Keadaan ekonomi di Melaka menjadi semakin lama semakin mundur. Perdagangan juga mundur. Rasuah juga menjadi semakin lama semakin teruk. Sistem kewangan rosak dan duit awam (pembendaharaan, state treasury) hilang. Orang Portugis terpaksa menambah kadar cukai. Hal tersebut mengakibatkan ramai saudagar keluar dari Melaka. Pentadbiran Portugis mengeluarkan perintah supaya menangkap semua kapal-kapal saudagar yang tidak mahu berniaga di Melaka dan merampas harta mereka.

D.R. Sar Desai menyatakan secara tepat tentang rampasan, rasuah-rasuah dan cukai-cukai yang tinggi itu memusnahkan perdagangan antarabangsa di Melaka dan mengakibatkan hubungan Melaka dengan Cina dan negara-negara lain terputus. Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa penjajahan Eropah (termasuk zaman Portugis) memajukan perkembangan masyarakat dan ekonomi di alam Melayu.

Dalam koleksi John Bastin disimpan karangan R.O. Winstedt *The Portuguese period (in Malacca*) (KP JB 121) yang menyerupai satu bahagian dari pada monograf beliau yang bertajuk "The History of Malaya". Karangan ini mengandungi bahan-bahan umum tentang zaman Portugis di Melaka sejak serangan Melaka oleh Alfonso d'Albuquerque sehingga kedatangan orang Belanda serta pergaduhan di antara kedua-duanya. R.O. Winstedt mengkaji sistem kerajaan Portugis di Melaka, keadaan ekonomi dan perdagangan di Melaka, hubungan Melaka dengan negara-negara yang lain (termasuk kawasan-kawasan berjiran); hubungan orang Portugis dengan penduduk tempatan dan lain-lain. Beliau menegaskan bahawa sejak awal orang Portugis menyokong golongan-golongan saudagar bukan Muslim dan bergaduh dengan orang Muslim (tempatan malah juga luar). R.O. Winstedt menyatakan secara tepat bahawa "semua orang Pegu (Burma) dan para saudagar Hindu menerima permit keluar dari Melaka dengan semua harta mereka sebelum penaklukan Melaka". Beliau menulis bahawa "*When all danger was past d'Albuquerque gave leave to sack the city, warning his men not to touch the houses of Ninachatu, the Hindu who had befriended Ruy da Araujo*" (hlm. 70).

Subjek yang sama dinyatakan dalam buku *Portugis dalam sejarah Melaka* (KP JB 120) yang dikarang oleh Abd. Zakaria bin Aziz. Karya tersebut ditulis dalam bahasa Melayu. Pengarang menumpukan perhatian kepada perdagangan di alam Melayu pada zaman Portugis, termasuk perdagangan rempah ratus. Terdapat juga teks tentang pelayaran dan kapal-kapal pelbagai jenis yang pernah singgah ke alam Melayu pada masa itu. Beliau juga membuat penyelidikan tentang hubungan perdagangan Melaka dengan China, India dan Eropah. Dalam buku tersebut terdapat juga cerita ringkas tentang sejarah kedatangan orang Spanyol dan Portugis ke alam Melayu; cerita ringkas tentang sejarah kedatangan orang Belanda/Inggeris; bahan-bahan tentang pergaduhan di antara orang Eropah iaitu orang Portugis, Orang Belanda dan orang Inggeris.

Buku ini tidak mengandungi bahan yang baru mengenai orang Melayu, masyarakat Islam dan adat-istiadat tempatan di Melaka pada zaman Portugis. Kajian dan penyelidikan pengarang adalah fokus kepada kajian para orientalis Barat. Malahan buku tersebut ditulis berdasarkan sumber sejarah Barat. Teks Melayu lama dan sumber-sumber historiografi Islam tidak dibincangkan.

Dalam makalah Steward Clyde yang bertajuk *Malacca Portugese* (KP JB 123) terdapat bahan-bahan umum tentang orang Portugis di Melaka. Makalah tersebut menyerupai makalah popular. Walaupun begitu karya tersebut mengandungi beberapa maklumat yang menarik. Pengarang membandingkan cara pemerintahan orang Portugis dan orang Belanda serta menyatakan perbezaannya. S. Clyde menegaskan bahawa orang Belanda datang ke alam Melayu hanya supaya mendapat rempah ratus, sedangkan orang Portugis menakluki alam Melayu, bukan hanya untuk menguasai perdagangan rempah ratus malah juga untuk menyebarkan agama Kristian. Hal ini menyebabkan orang Portugis bersikap agresif terhadap Islam dan orang Muslim. Maklumat mengenai kerjasama antara orang Melayu Muslim dan pentadbiran Portugis hampir tidak ditemui.

Hal ehwal kehidupan ekonomi, perdagangan dan pelayaran di alam Melayu pada kerun ke-16 sehingga ke-17 dijelaskan dalam buku *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago Between 1500 and about 1630 (*KP JB 124) dikarang oleh M.A.P.Meilink-Roelofsz. Buku ini merupakan salah satu kajian yang paling lengkap tentang subjek diatas.

Dalam Prakata (ms. 1-12) terdapat analisis kajian para Orientalis Barat tentang sejarah ekonomi dan perdagangan di alam Melayu dan keterangan mengenai kelemahan/kesilapan karangan tersebut. Pengarang menegaskan bahawa lazimnya kajian tersebut bersifat *euro-centrism* iaitu berdasarkan sumber Barat; dan menumpukan perhatian hanya kepada orang Barat di alam Melayu. Maklumat tentang orang tempatan terutamanya orang Melayu Muslim hampir

tidak ditemui. Pendapat tersebut mengesahkan bahawa ciri *euro-centrism* tersebut adalah kelemahan umum yang lazimnya terdapat di kajian para orientalis Barat.

Salah satu prasangka yang tersebar dalam pandangan ilmiah di Eropah adalah pendapat bahawa pada kurun ke-15 hingga ke-17 orang tempatan (terutama orang Melayu) melakukan hanya *peddling trade (*perniagaan runcit). Menurut J.C.Van Leur para saudagar Muslim adalah "*orang kecil yang tidak berwibawa dan tidak berperanan apapun sahaja*" (hlm. 7). M.A.P.Meilink-Roelofsz tidak setuju dengan pendapat tersebut. Beliau menegaskan secara tepat bahawa negara-negara di pantai-pantai Jawa Utara kebanyakannya dibangunkan oleh para saudagar Muslim (termasuk orang Arab). Ternyata orang Muslim adalah amat berwibawa dan dihormati dalam masyarakat Melayu. Pengarang juga menjelaskan bahawa J.C. van Leur dan para ilmuwan Barat yang lain tidak melihat perniagaan antarabangsa yang dilaksanakan oleh para saudagar Muslim (orang Muslim tempatan malah juga yang dari luar). Perdagangan antarabangsa tersebut berkembang di alam Melayu dan mengubah negara-negara Melayu (Pasai, Melaka, Aceh, Johor dan lain-lain) menjadi pusat ekonomi dan budaya yang terkenal di seluruh dunia. Justeru, pengaruh orang Barat (terutama orang Portugis dan Belanda) mengakibatkan kehinaan dan kemerosotan perdagangan dan ekonomi tempatan. Negara tempatan dianggap hanya sebagai tempat pengeluaran dagangan borong untuk Eropah. Perkapalan dan pelayaran tempatan mundur serta sistem peraturan perdagangan merosot dan digantikan oleh "undang-undang lanun'.

Dalam bab yang bertajuk *Perniagaan dan jalan-jalan perdagangan di alam Melayu sebelum 1500.* (hlm. 13-26) M.A.P.Meilink-Roelofsz menganalisis keadaan pelayaran dan perkapalan tempatan di Pasai, Melaka, Pedir dan lain-lain. Terdapat juga maklumat tentang para saudagar luar iaitu Arab, Cina dan India. Beliau menegaskan:

> *"the rise of the North Sumatran ports was directly connected with the introduction of Islam, which followed upon the great religious movement in the previous centuries throughout the mainland and along the coast of India. The was a great increase in Muslim shipping eastwards across Indian ocean and Arab commercial settlements were established on the east coast of Africa and the west coast of India. These Arab trading colonies became centres of Islamization, and through intermarriage with native women a mixed population of Muslim faith grew up in the ports"* (hlm. 20)

Maklumat tersebut membuktikan bahawa para saudagar Muslim pada masa itu adalah orang yang amat berwibawa di masyarakat Melayu. Justeru itu kita perlu menjelaskan sekali lagi bahawa di antara orang Muslim yang singgah ke alam Melayu sebelum kurun ke-16 adalah bukan hanya saudagar-saudagar dan pelaut-pelaut Arab malah juga dimaklumkan tentang ramai orang ulama dan sayyid. Menurut pendapat Prof. S.M. Naquib al-Attas kebanyakannya adalah para sayyid dari Hadramauth yang datang ke alam Melayu sengaja supaya menyebarkan agama Islam di sini.

Dalam bab yang sama terdapat cerita ringkas tentang Srivijaya dan Majapahit. Dalam bab yang berukut terdapat bahan-bahan mengenai Melaka dan sejarahnya yang terawal.

Cerita tentang *zaman emas* Melaka ditemui dalam bab yang ke-4 (hlm. 36-59). Terdapat bahan-bahan tentang para saudagar dari luar. Di antara saudagar yang paling berwibawa disebutkan orang Cina, Jawa, Kling (India), Bengali, Arab, Parsi, Gujerat. Menurut pengarang Gujerat lah yang pada masa itu menjadi rakan perdagangan Melaka yang utama.

Pengarang turut menegaskan bahawa saudagar Hindu dianggap sebagai orang yang amat kaya dan berkuasa - misalnya Ninan Chatu. Maklumat tentang

kekayaan para saudagar Hindu di kesultanaan Melaka menafikan prasangka bahawa hanya orang Muslim yang mampu berniaga di Melaka dan mendapat faedah dalam perniagaan. Hal ini membuktikan sekali lagi bahawa peraturan syariah mampu melindungi hak yang sama untuk semua ahli perdagangan dan mengharamkan monopoli dalam perniagaan.

Bab tersebut mengandungi juga maklumat sebagai berikut:

- tentang monsoon dan pelayaran
- tentang Bandar Melaka dan Pelabuhan Melaka
- tentang mata duit yang digunakan di Melaka (mata duit emas dan perak, duit tin dan lain-lain)
- tentang sistem kerajaan di Melaka. Orang-orang besar (bendahara, temenggung, laksmana, shahbandar, nahoda), kuasa dan kewajipan mereka.
- tentang sistem kewangan dan pembayaran di Melaka (cukai-cukai, hadiah-hadiah denda-denda dan lain-lain)
- tentang undang-undang laut dan peraturan mengenai anak kapal dan perdagangan.

M.A.P.Meilink-Roelofsz menumpukan perhatian kepada peranan orang Melayu tempatan dalam perniagaan antarabangsa di Melaka. Berbeza dengan pendapat J.C. Van Leur pengarang menyatakan bahawa dalam setiap syarikat perdagangan luar (termasuk syarikat-syarikat Hindu dari Coromandel) pegawainya kebanyakan ialah orang Melayu tempatan. Keadaan tersebut disahkan dan dirumuskan dalam undang-undang Melaka. Menurut beliau hal tersebut mengakibatkan penyebaran dan penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca dan bahasa pengantar di alam Melayu. Beliau menulis sebagai berikut: "*Thanks to them Malay became the lingua franca of the archipelago and, in addition, they must have been partly responsible for the spread of Islam*" (hlm. 57).

Maklumat tersebut mengesahkan sekali lagi bahawa pada zaman kesultanaan Melaka Islam bahasa Melayu menjadi *bahasa lingua franca* di alam Melayu. Justeru, pada pendapat saya maklumat tersebut dianggap *kepala menjadi kaki* iaitu sebab digantikan dengan akibat. Penyebaran Islam dan *Islamization* masyarakat mengubah bahasa Melayu dan menjadikannya *lingua franca* di alam Melayu. Penyebaran Islam adalah aras yang memajukan perkembangan perdagangan di kawasan tersebut. Oleh kerena itulah para saudagar dari luar (termasuk para saudagar yang bukan Muslim) terpaksa mengunakan bahasa Melayu dalam syarikat-syarikat mereka dan mengupah orang Melayu Muslim sebagai pegawai-pegawai dan wakil-wakil mereka itu. Hal tersebut menunjukkan juga bahawa pada masa itu semua penduduk Melaka dan dikelilingnya berbahasa Melayu dan juga para saudagar luar kebanyakannya mengunakan bahasa Melayu dalam perniagaan mereka.

Justeru itu M.A.P.Meilink-Roelofsz menyatakan bahawa orang Melayu ikut serta hanya dalam perniagaan tempatan iaitu yang bukan antarabangsa. (hlm. 57-58) Pendapat tersebut berlawanan dengan kesimpulan beliau sendiri iaitu maklumat mengenai peranan orang Melayu Muslim dalam perdagangan antarabangasa dan penyebaran bahasa Melayu sebagai bahasa mengantar dalam perniagaan tersebut.

Pendapat tersebut tersebar di antara para ilmuwan Barat dan lazimnya berdasarkan sumber-sumber sejarah Portugis (misalnya karangan Tome Pires). Menurut teks tersebut orang Portugis bertanggungjawab memajukan perdagangan antarabangsa yang dahulu dikuasai oleh para saudagar Muslim dari luar – iaitu orang Arab, Farsi, Turki dan lain-lain. Menurut pendapat pengarang orang tempatan (orang Melayu) tidak ikut serta dalam perdagangan antarabangsa serta tidak berperanan dalam perkembangan ekonomi dan masyarakat sendiri. Menurut pandangan tersebut Melaka dan semua akibat pencapaiannya yang gemilang itu adalah akibat kegiatan orang luar (pada awalnya India dan Arab; selepas itu orang Portugis, Belanda dan Inggeris)

dan bukan orang Melayu sendiri. Ternyata orang Melayu tidak boleh (atau tidak perlu) dianggap sebagai para pewaris keagungan Melaka dan tamadun Melaka. Pendapat tersebut merendahkan peranan orang Melayu dalam perkembangan tamadun sendiri serta pengaruh tamadun Melayu dalam proses perkembangan tamadun dunia.

Dalam buku M.A.P.Meilink-Roelofsz terdapat juga bahan mengenai perdagangan di Nusantara (terutama mengenai perdagangan rempah ratus) dan laluan perdagangan di sekeliling Melaka pada kurun ke-15 sehingga awal ke-16 (hlm. 60-88). Antara lain ditegaskan peranan orang Jawa dalam perniagaan rempah ratus.Terdapat juga maklumat-maklumat tentang wali songgo dan peranannya dalam penyebaran Islam di Nusantara (hlm. 89-115)

Bab ke-6 bertajuk "Pengembangan orang Portugis dan pengaruhnya atas perdagangan di Asia" (hlm. 116-135) mengandungi bahan-bahan tentang kedatangan orang Portugis ke alam Melayu dan kegiatan mereka dalam bidang ekonomi dan kehidupan intelektual. Disebutkan hal ehwal aktiviti para mubaligh agama Kristian (Francis Xavier dan lain-lain) dan pelbagai orden Kristian serta dinyatakan peranannya dalam perdagangan di alam Melayu.

Pengarang menganalisis ciri-ciri khas penjajahan Portugis. Beliau menulis bahawa *orang Portugis tidak menghapuskan sistem ekonomi tempatan* (hlm. 120). Mereka menggunakan sistem tersebut supaya mencapai monopoli dalam perdagangan rempah ratus. Justeru itu orang Belanda terbalik membina sistem ekonomi dan perdagangan sendiri. Sebagai ciri khas kerajaan Portugis disebutkan juga *aktiviti para mubaligh agama Kristian.*

Pengarang menegaskan juga bahawa *misi penyebaran agama Kristian tidak berjaya di antara orang Muslim* (hlm. 118). Maklumat tersebut membuktikan sekali lagi bahawa orang Melayu memeluk Islam secara sedar dan sukarela. Orang tempatan memeluk Islam bukan hanya subaya mencari faedah dalam

perdagangan dan/atau politik[17]. Unsur-unsur kerohanian dan keimanan adalah penting dalam proses *Islamization* masyarakat Melayu. Pada zaman Portugis malah juga Belanda dan Inggeris hampir tidak ada maklumat tentang orang Melayu Muslim yang menukar agama dan menjadi orang Kristian supaya menerima sokongan dan kemudahan dari pada pentadbiran Eropah. Mereka mengekalkan diri sebagai orang Muslim walaupun didorong dan dilawan oleh para penakluk Portugis dan lain-lain.

Terdapat maklumat-maklumat yang menarik tentang orang Kristian baru (*cristaos novos*) di alam Melaka. Antaranya orang Yahudi yang menukar agamanya dan menjadi *cristaos novos* supaya menyelamatkan diri dari Kegiatan Pasitan (Holy Inquisition) dan supaya melindungi harta-harta mereka dari perampasan. M.A.P.Meilink-Roelofsz menulis sebagai berikut:

> *"the intolerance which in Portugal had resulted in the banishment of that very important commercial element, the Portuguese Jews, made itself felt in Asia too. People wanted to deport the converted Jews, the so called cristaos novos who had established themselves in the Portuguese settlement, and to send them back to Portugal. But from the fact that the Portuguese government was afraid that such a measure would cause a scandal it may be gathered that these Jews must have occupied an important share they had in the sale of spices in Europe in the first half of the 16 century. No more "voyages" were allowed to be sold to Portuguese Jews in Asia, nor might the cristaos novos be appointed to official positions. This last measure of course applied to the unconverted Jews as well. The latter were even supposed*

---

[17]Pendapat tersebut dirumuskan dalam pelbagai sumber sejarah dan kajian ilmiah Barat. menurut Tome Pires "raja-raja tempatan dan orang Melayu pada keseluruhannya memeluk Islam kerana orang Muslim yang datang ke alam Melayu kebanyakannya adalah orang kaya dan berkuasa, iaitu orang Melayu memeluk Islam supaya menerima faedah dan kemudahan-kemudahan dalam perdagangan (ms. 241). Lihat: *The Suma Orientalis of Tome Pires an account of the East, from the Red Sea to Japan, written in Malacca and India in 1512-1515, diterjemahkan dan disusun oleh A. Cortesao*. London: Nendeln, 1967. (KP JB 98).

to be denied entry to Asia, but the numbers is already established there were too great for existence in Asia to be made altogether impossible for them and they were still grudgingly permitted to carry a little trade. The banishment of the Jews had highly detrimental effect on the commercial development of Portugal itself and it is probably safe to consider this one of the reasons why Portuegese-Asian trade did not receive adequate support and stimulation from the mother country". (hlm. 131)

Maklumat tersebut menunjukkan antara lain bahawa sikap negatif dan politik yang agressif terhadap orang yang beragama lain tersebar di semua golongan masyarakat Portugis pada kurun ke-15 sehingga ke-17. Permusuhan dan sikap tidak bertoleransi terdapat bukan hanya terhadap Islam dan orang Muslim malah juga terhadap orang beragama lain (Yahudi, Buddha dan lain-lain). Justeru, itu orang yang dulu beragama lain (misalnya orang Yahudi) tidak dianggap sebagai orang Kristian yang tulen walaupun dia menukar agamanya dan sudah menjadi orang Kristian. Orang Kristian yang baru tersebut tidak diberi kemudahan dan hak yang sama dengan orang Kristian asli.

Maklumat tersebut membuktikan sekali lagi bahawa para penakluk Portugis tidak memajukan masyarakat Melayu (dari sudut hubungan antara pelbagai bangsa), tidak membawa damai ke dalam kawasan tersebut. Terbalik orang Portugis menyebarkan sikap-sikap tidak bertoleransi dan permusuhan dan menambah masalah-masalah sosial di dalam masyarakat tempatan. Pengarang menyatakan secara tepat bahawa sifat permusuhan (terhadap orang Yahudi) tidak memajukan ekonomi dan perdagangan dan mengakibatkan kemunduran kerajaan Portugis di Asia Tenggara.

Dalam bab "*Melaka pada zaman Portugis dan perdagangan tempatan*" (hlm. 136-172) digambarkan kehidupan di Melaka dan keadaan dalam perdagangan di alam Melayu pada kurun ke-16 sehingga ke-17, iaitu pada zaman kerajaan Portugis. Pengarang mengkaji hubungan Melaka Portugis dengan Jawa (Japara, Gresik,

Mataram dan-lain-lain); Aceh, Moluku. Beliau menegaskan bahawa orang Portugis berkembang dan menyokong hubungan dengan negara-negara bukan Muslim iaitu India, Siam, Jawa Hindu dan lain-lain (hlm. 137). Beliau menyebutkan juga bahawa orang Portugis lazimnya bekerja sama dan mengunakan orang Shi'a (Parsi) supaya melemahkan orang Muslim Sunnah dan menghapuskan pengaruhnya dalam perdagangan rempah ratus (hlm. 121).

Justeru, Johor yang menjadi pusat kerajaan sultan-sultan Melayu Islam dan juga pusat perdagangan dianggap oleh pentadbiran Portugis sebagai musuh utama. Terdapat banyak maklumat tentang pergaduhan di antara orang Portugis dan Johor.

M.A.P.Meilink-Roelofsz mengkaji dan membandingkan zaman penjajahan Portugis dan zaman Belanda. Monograf mengandungi cerita ringkas tentang kedatangan orang Belanda ke alam Melayu pada kurun ke-17 dan tentang pergaduhan di antara orang Portugis dan orang Belanda. Terdapat juga bahan-bahan tentang perkapalan dan pelayaran Belanda dan ciri-ciri khasnya serta perbandingan dengan perkapalan dan pelayaran Portugis. Pengarang menegaskan bahawa "*untuk orang Portugis penyebaran agama Kristian dalam bentuk agama Katolik Portugis menjadi tujuan yang amat penting. Lazimnya para mubaligh Portugis adalah amat fanatic dan tidak bertoleransi. Orang Belanda sebaliknya menumpukan perhatian kepada hal ehwal perdagangan dan untungnya sahaja*" (hlm. 181) [18].

Berdasarkan analisis perbandingan sistem perdahangan Portugis dan Belanda pengarang menyatakan bahawa "*perdagangan Portugis lebih bergantung dari pada kegiatan dan harta pribadi (saudagar dan syarikat individu), Sementara itu*

---

[18]Pendapat yang sama dirumuskan dalam makalah Steward Clyde yang bertajuk *Malacca Portugese* (KP JB 123). Lihat: Clyde, Steward. Malacca Portugese. dlm: *The Straits Times Annual* for 1959, Singapore; ms. 40-43

perdagangan Belanda berdasarkan Kompeni Belanda iaitu modal gabungan". (hlm. 185).

Maklumat-maklumat tersebut menunjukkan arah utama dalam proses perkembangan ekonomi dan perdagangan antarabangsa serta peranan alam Melayu dalam kemajuan masyarakat di seluruh dunia.

Dalam karya tersebut terdapat data tentang keadaan perdaganagan di alam Melayu pada zaman Belanda serta analisis sistem monopoli Belanda dalam perniagaan rempah ratus, timah, opium, emas dan lain-lain (ms. 207 – 238); bahan-bahan tentang hubungan Kompeni Belanda dengan para saudagar asing pada kurun ke-17 (hlm. 239-268). Dalam bab tersebut dimaklumkan bahawa para saudagar Muslim dari negara-negara Arab, Turki dan Gujerat masih singgah ke dalam pelabuhan Melaka tetapi pengaruhnya berkurang. Justeru itu sejak zaman Portugis peranan orang Cina dan Pegu bertambah.

Perhatian yang istimewa ditumpukan oleh pengarang kepada perniagaan rempah ratus di Jawa Utara (Gresik, Jaratan dan lain-lain). Terdapat analisis susunan pasar dan sistem perdagangan rempah ratus serta data-data tentang dagang-dagangan import/eksport di Jawa.

Dalam buku tersebut tedapat juga bahan-bahan tentang period yang terakhir dalam sejarah penjajahan alam Melayu oleh orang Eropah iaitu kedatangan orang Inggeris dan kegiatannya di Asia Tenggara (termasuk Melaka).

Karangan M.A.P.Meilink-Roelofsz *"Asian Trade and European influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630"* adalah amat penting dan fundamental. Buku ini boleh digunakan sebagai buku pelajaran untuk mahasiswa dan PhD mahasiswa yang mengkaji hal ehwal ekonomi dan perdagangan di alam Melayu. Berdasarkan analisis pelbagai bahan dan sumber sejarah pengarang merumuskan beberapa kesimpulan yang penting. Beliau menegaskan bahawa perdagangan tempatan tidak dimusnahkan oleh aktiviti

orang Portugis dan Belanda, walaupun pengaruh pentadbiran Eropah tersebut pada masa itu adalah amat kuat. Sistem monopoli Kompeni Belanda dan Inggeris mengakibatkan kemunduran perkapalan, pelayaran dan perdagangan tempatan, tetapi hubungan perdagangan di antara alam Melayu dan rakan-rakan perniagaan tradisional (luar - Cina, India, Siam, Asia Barat dan lain-lain, dalam – Jawa, Sumatra, Johor, Bantam, Melaka, Moluku dan lain-lain) wujud dan mengekalkan sampai kurun ke-20.

Melaka pada zaman Belanda

Dalam katalog koleksi John Bastin disenaraikan 23 tajuk yang berkaitan dengan sejarah orang Belanda di alam Melayu. Analisis susunan koleksi tersebut menunjukkan bahawa didalamnya disimpan 10 judul berdasarkan catatan peringatan kakitangan-kakitangan Kompeni Belanda dan bahan-bahan Arkib pentadbiran Belanda di alam Merlayu (lihat: KP JB 128, 130, 131, 132, 135, 137, 138, 148, 153, 161). Sembilan (9) buku menyerupai karangan ilmiah mengenai zaman Belanda yang dikarang oleh para Orientalis (KP JB 125, 126, 127, 133, 134, 136, 151, 160); terdapat juga 2 karya mengenai misi mubaligh Belanda di alam Melayu (karangan Francios Valentyn – KP JB 149, 150) dan 2 buku mengenai batu-batu nisan Kristian dari pada zaman Belanda (KP JB 139, 159). Susunan koleksi tersebut mengesahkan pendapat bahawa tujuan utama kedatangan orang Belanda ke alam Melayu adalah alasan-alasan ekonomi dan perdagangan dan bukan hal ehwal agama[19]. Kalau dibandingkan dengan bahan-bahan mengenai penaklukkan Portugis di antaranya disenaraikan 15 judul tentang penyebaran agama Kristian dan kegiatan para mubaligh Kristian. Ternyata susunan koleksi John Bastin mencerminkan subjek/bidang utama dalam penelitian alam Melayu (Malay Studies) di seluruh dunia.

---

[19]Pendapat tersebut dirumuskan dalam makalah Clyde, Steward. Malacca Portugese. dlm: *The Straits Times Annual* for 1959, Singapore; ms. 40-43 (KP JB 123) dan dalam monograf M.A.P.Meilink-Roelofsz "*Asian Trade and European influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630",* The Hague: Nijhoff, 1962, ms. 181 (KP JB 124)

Sejarah terawal kedatangan orang Belanda ke dalam alam Melayu dan isu pergaduhan di antara orang Portugis dan orang Belanda diterangkan dalam makalah W.H.C Smith *The Portuguese in Malacca during the Duch period* (KP JB 125, 126) dan karangan J.V. Mills *Two Duch -Portuguese Sea-Fights* (KP JB 127). Dalamnya terdapat cerita ringkas tentang kerajaan orang Portugis di Melaka; mulai dengan kedatangan A. D'Albuquerque dan para pengikutnya; bahan-bahan tentang kedatangan orang Belanda ke Melaka (1640); maklumat mengenai pergaduhan di antara orang Kristian Katolik (Portugis) dan orang Protestan (Belanda). J.V.Mills menganalisis peperangan di laut di antara orang Portugis dan orang Belanda berdasarkan sumber sejarah Eropah (kurun ke-17). Makalah tersebut mengandungi juga bahan-bahan tentang kapal-kapal perang dan cara peperangan laut. Disenaraikan juga nama-nama pelaut dan panglima Belanda serta Portugis.

Buku kecil dalam bahasa Belanda yang bertajuk *Geschiedenis der verovering van Melakka, en der oorlogen tusschen de Portugezen en Maleijers* iaitu sejarah serangan Melaka oleh orang Belanda dan cerita ringkas tentang pergaduhan (peperangan) di antara orang Portugis dan orang Melayu (KP JB 129). Buku tersebut menyerupai pengambaran sejarah kerajaan Portugis di alam Melayu dikarang dari pada sudut pendapat orang Belanda. Pengarang menumpukan perhatian kepada hal ehwal ketenteraan, kepada peperangan dan unsur-unsur ketenteraan (military). Justeru, itu tidak terdapat di dalamnya analisis yang objektif mengenai kegiatan orang Portugis di kawasan tersebut. Penghargaan (nilaian) objektif kegiatan para penakluk Portugis tidak dinyatakan.

Karya P.A.Leupe yang bertajuk *"The siege and capture of Malacca from the Portuguese in 1640-1641. Extracts from the Archives of the Duch East India Company"* (KP JB 128) menyerupai makalah dari majalah "*Berigten van het Historisch Genootschap te Utrecht 1859"* iaitu "Bahan-bahan Lembaga Sejarah Utrecht, 1859". Makalah tersebut mengandungi maklumat tentang penawanan Melaka oleh orang Belanda pada tahun 1641 berdasarkan bahan-bahan

daripada Arkib Kompeni Belanda. Terdapat juga cerita tentang seorang Gabenor Portugis Melaka yang katanya bekerja sama dengan orang Belanda. Katanya beliau yang membuka pintu Melaka di depan para penyerang Belanda. Dalam karangan P.A. Leupe dinyatakan jumlah kapal dan askar Belanda dan Portugis yang ikut serta di dalam peperangan di Selat Melaka pada tahun 1636 sehingga 1639. Berdasarkan bahan-bahan arkib Kompeni Belanda pengarang menggambarkan hal ehwal pengepungan dan penawanan Melaka oleh orang Belanda pada tahun 1640 sehingga 1641 (hlm. 11-68). Dimaklumkan juga tentang askar-askar Melayu dari Aceh dan Johor yang ikut serta dalam serangan dan pengepungan Melaka. Berdasarkan warkah rasmi dan laporan para pegawai kompeni Belanda, pengarang menyatakan syarat-syarat kerjasama di antara Kompeni Belanda dan raja-raja Melayu. Terdapat juga bahan-bahan tentang kehidupan askar-askar Belanda iaitu tentang makanan, kesihatan, gaji dan lain-lain.

Karangan P.A. Leupe mengandungi juga teks Laporan Justus Schouten[20] tentang kunjungan beliau ke Melaka pada tahun 1640 sehingga 1641 (hlm. 69-145). Dalam laporan tersebut terdapat maklumat bukan hanya tentang kegiatan pegawai-pegawai Kompeni Belanda di Melaka malah juga tentang orang tempatan (di Melaka, Naning, Muar, Rembau dan lain-lain) serta sejarah Melaka (menurut pendapat Justus Schouten). Antaranya terdapat data yang nyata tentang:

– golongan orang Kristian di Melaka (terdapat data tentang empat biara (Monastery), tiga belas gereja, empat hospital dan organisasi Kristian yang lain);
– sistem kerajaan di Melaka pada zaman Portugis. Disenaraikan orang-orang besar dan tugasan mereka.

---

[20]Justus Schouten adalah seorang pegawai Kompeni Belanda yang pada tahun 1641 mengujungi Melaka sebagai Kommissaris Belanda yang disuruh dari Batavia supaya mengkaji keadaan di Melaka. Kommissaris adalah seorang pegawai pembekalan tentera.

- perdagangan, susunan pasar, barang dagangan, hubungan dengan Macao, Goa, Bengal, Manila dan lain-lain.
- sistem ukuran yang digunakan di Melaka (berat, isi padu dan lain lain)

Dalam laporan tersebut, J.Schouten membuat analisis tentang keadaan sebenar dikeliling Melaka pada masa pengepungan dan penawanan Melaka (termasuk hal ehwal perundingan serta syarat-syarat pekerjaan sama orang Belanda dengan raja-raja tempatan)

Kandungan buku tersebut adalah amat menarik kerana mengandungi banyak data yang tepat tentang cara serangan, pembekalan tentera, dan persenjataan (peluru). Data yang terdapat dalam kajian tersebut boleh juga dibandingkan dengan maklumat dari sumber sejarah Melayu, misalnya dalam *Tuhfat al-Nafis, Hikayat Siak* dan teks yang lain. Perbandingan tersebut akan membantu kita memahami peristiwa-peristiwa sejarah yang nyata sekaligus dapat mengetahui kebenaran teks-teks sejarah Melayu. Tujuan utamanya adalah amat penting untuk mempromosikan khazanah persuratan Melayu.

Sistem kerajaan dan hal ehwal orang Belanda di Melaka digambarkan dalam pelbagai laporan rasmi dikarang oleh para pegawai Belanda serta dalam beberapa kajian ilmiah berdasarkan bahan-bahan arkib kompeni Belanda.

Buku yang bertajuk, *Report of Governor Balthasar Bort on Malacca 1678, (KP JB 130)* merupakan teks Laporan Gabenor Balthasar Bort (1678) mengenai kegiatan orang Belanda di Melaka dan di alam Melayu. Buku diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh M.J. Bramer, tetapi prakata dan keterangannya disusun oleh C.O.Blagden. Blagden seorang ahli dalam bidang penelitian sumber sejarah dan mengumpul data-data tentang manuskrip, penerbitan, kajian sebelumnya dan lain lain.

Balthasar Bort (1626-1684) ialah gabenor Belanda di Melaka yang ke-enam. Dalam monograf tersebut, beliau menjelaskan keadaan dan hal ehwal di

Melaka (sejarah Melaka) pada zaman Belanda atau sebelum kedatangan orang Belanda. Karangan tersebut mengandungi bahan-bahan sebagai berikut:

- cerita ringkas tentang sejarah Melaka
- cerita ringkas tentang penjajahan Portugis
- kedatangan orang Belanda
- sistem kerajaan Belanda di Melaka
- kubu dan tentera (data tentang meriam, bentuk kubu, isi peluru, jumlah askar atau garison, pembekalan, senjata)
- jumlah penduduk dan status sosial
- orang Kristian di Melaka
- orang tempatan
- hubungan Melaka dengan jirannya (Kedah, Naning, Rembau, Minangkabau, Perak, Johor, Jambi dan lain-lain.)
- sistem perlindungan sosial (social insurance) untuk para pegawai Belanda.
- perdagangan, hasil dagangan, susunan pasar
- sistem kewangan dan cukai
- perlombongan dan galian, pembuatan alat-alat logam
- kapal-kapal, perkapalan, undang-undang laut

Hasil analisis maklumat tersebut menunjukkan bahawa gabenor Belanda dan pentadbiran penjajahan Belanda di Melaka menumpukan lebih banyak perhatian kepada masalah yang berkaitan dengan ekonomi, perdagangan, kewangan dan keadaan sebenarnya. Walaubagaimanapun dalam laporan tersebut, disebutkan juga tentang orang Kristian dan kegiatan mereka di alam Melayu, namun, subjek itu tidak dianggap sebagai subjek yang utama (seperti dalam sumber sejarah Portugis). Dalam karangan orang Belanda antara kurun ke- 17 sehingga ke-18, (saksi pada zaman tersebut), unsur-unsur permusuhan terhadap Islam agak berkurangan berbanding hal tersebut yang dirakamkan dalam teks Portugis. C.O. Blagden menegaskan bahawa: "*Unlike their Portuegese predecessors the Duch had no religious feud with their Muhammadan neighbours*". Pada zaman penjajahan Belanda, persaingan dalam bidang ekonomi dan

perdaganganlah menjadi alasan utama berlakunya pergaduhan. Menurut pengarang "*East India Companies, even to a much later period, pursued a similar policy. They all aimed at keeping the trade of the East as much as possible in their own hands and the basis of their charters was monopoly, not merely as against Orientals and European foreigners but also as against their own fellow citizen, whom our East India Company styled "interlopes".*

Buku tersebut amat menarik kerana mengandungi pelbagai data tentang sejarah ekonomi dan perdagangan dalam alam Melayu. Misalnya terdapat maklumat tentang penggunaan hamba (slaves) oleh orang Belanda, termasuk data mengenai jumlah hamba abdi, keperluannya (hamba), pembekalan, gender dan lain-lain. Gabenor Balthasar Bort melaporkan juga mengenai keperluan anak-anak (anak hamba) bukan hanya peribadi, rumahtangga malahan juga dalam kerja awam. Maklumat tersebut membuktikan bahawa kompeni Belanda menggunakan tenaga hamba secara luas dalam pelbagai bidang termasuk penggunaan tenaga anak-anak hamba. Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa orang Eropah (termasuk orang Belanda) memajukan masyarakat Melayu dan membuka laluan kepada penduduk tempatan tentang kaedah ekonomi yang paling *progressive.* Memang penggunaan tenaga hamba pada kurun ke-17 sehingga ke-18, iaitu pada zaman Sejarah Baru tidak boleh dianggap sebagai unsur kemajuan sesebuah masyarakat.

Laporan Gabenor Balthasar Bort serta catatan dan laporan rasmi pegawai-pegawai kompeni Belanda menyerupakan sumber sejarah yang lazimnya digunakan dalam kajian ilmiah sejarah Melayu pada kurun ke-17 sehingga ke-18. Misalnya makalah bertajuk, *Malacca in the Eighteenth Century Two Dutch Governor's Reports (KP JB 135)* yang dikarang oleh Brian Harrison mengandungi analisis keadaan di Melaka, maklumat tentang kegiatan kompeni Belanda berdasarkan laporan gabenor Balthasar Bort *(1678)*, dan bahan arkib yang lain.

Pengarang menumpukan perhatian kepada perniagaan dan ekonomi di Melaka. Dalam makalah beliau, terdapat juga teks memorandum tentang perniagaan timah tulisan W.B.Albinus, iaitu Gabenor Melaka pada tahun *1750*. Menurut memorandum tersebut, Kompeni Belanda menuntut hak-hak istimewa dalam perniagaan timah.

Karya Brian juga mengandungi teks memorandum oleh Thomas Schippers, iaitu Gabenor Melaka pada tahun *1773*. Dalamnya terdapat data mengenai sistem kerajaan dan perniagaan di Johor. Pengarang menyatakan hal ehwal mengenai kerajaan yang Dipertuan Muda Johor-Riau; hubungan orang Belanda dengan raja-raja tempatan, iaitu raja-raja Johor – Riau, Terengganu, Perak, Siak, Rembau, Naning dan lain-lain. Dijelaskan juga sistem percukaian, dan harga barang dagangan di pasar Johor. Terdapat juga amaran tentang kegiatan lanun.

Data yang dirakamkan dalam laporan tersebut kebanyakannya berkaitan dengan kegiatan orang Belanda di Melaka. Walaupun begitu di dalamnya ditemui juga maklumat yang mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu dan orang Muslim pada kurun ke-17 sehingga ke-18. Misalnya Gabenor Thomas Schieper menegaskan bahawa: ***The Arab priests of Mahomed's descent, called Sayyids, have spread everywhere throughout the Malay countries and have revealed too much to the natives… (hlm. 28-29).***

Maklumat ini membuktikan bahawa pada kurun ke-18, orang sayyid dianggap sebagai tokoh yang sangat berwibawa di alam Melayu[21].

---

[21]Mengenai golongan sayyid-sayyid di alam Melayu lihat antara lain: T.Denisova. Orang-orang Muslim dari Timur Tengah yang disebutkan dalam karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX. dlm: *Bulletin of Moscow State University. "Oriental studies",* N4., Moscow:MGU, 2003.

Dalam makalah yang kedua karya Brian Harrison yang bertajuk, *Trade in the Straits of Malacca in 1785. A memorandum by P.G. Bruijn, Governor of Malacca (KP JB 136),* terdapat teks memorandum oleh P.G. de Bruijn, Gabenor Melaka pada tahun *1786* tentang perdagangan di Johor dan Riau. Menurut teks tersebut kompeni Belanda menuntut melarang menjual timah, opium, lada dan dagang-dagangan yang lain kepada sesiapa pun, kecuali kompeni Belanda. Hal yang berkaitan dengan hak monopoli (hak istimewa) dalam perniagaan adalah subjek utama dalam hubungan antara orang Belanda dengan raja-raja tempatan. Cara pembahagian keuntungan (monopoli) kompeni Belanda dengan para pembesar tempatan lazimnya menjadi alasan untuk pergaduhan antara mereka. Hal ehwal agama atau tamadun hampir tidak disebutkan dalam teks tersebut. Misalnya dalam memorandum tersebut gabenor melaporkan bahawa raja-raja muda (Yang Dipertuan Muda Bugis) menjadi kaya-raya dan berkuasa kerana perniagaan sendiri, iaitu mereka menafikan hak-hak istimewa kompeni Belanda dalam perdagangan timah. Terdapat juga laporan tentang perdagangan opium dan keuntungan yang diperoleh daripada. Ternyata hubungan antara pentadbiran penjajahan Belanda dengan raja-raja tempatan dianggap sebagai hubungan antara rakan-rakan dalam perniagaan yang akhirnya menjadi pesaing.

Makalah berjudul, *Malacca under Jan van Riebeck (KP JB 131)* dikarang oleh W. Ph. Coolhaas berdasarkan bahan-bahan arkib yang dikutip dari Kompeni Belanda. Karya tersebut mengandungi maklumat tentang Commander Jan van Riebeck yang pada tahun *1662-1665* merajakan Melaka sebagai wakil kompeni Belanda. Terdapat data mengenai perniagaan dan pelayaran di Melaka, serta data hubungan Melaka dengan Aceh, Perak dan Kedah. Pengarang menegaskan bahawa: ***"Malacca for years had been only a shadow of its former self. The blockade of the harbour had gone on for years and so it had lost its raison d'etre: its importance for navigation through the Straits of Malacca had seriously diminished"*** (hlm. 175)

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa kegiatan orang Belanda mengakibatkan kemunduran Melaka pada kurun ke-17. Hal ini demikian kerana pentadbiran penjajahan Belanda tidak berminat memajukan ekonomi dan perdagangan di Melaka. Sejak dahulu, Melaka dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai pusat keagungan kebangsaan, iaitu sebagai pusat kerajaan Melayu Islam. Justeru, orang Belanda membina pusat kuasa yang baharu iaitu Batavia. Pusat tersebut tidak berkaitan dengan sejarah kebangsaan atau, zaman emas kerajaan Melayu Islam. Orang Belanda lebih berminat mengembangkan/membina Batavia sebagai pelabuhan yang utama untuk mengawal perdagangan dan keuntungannya.

Makalah E. Netscher yang bertajuk, *Twee Belegeringen van Malakka 1756/57 dan 1784* (KP JB 132) yakni, "Dua pengepungan Melaka pada tahun 1756 dan 1784" dikarang dalam bahasa Belanda. Makalah tersebut mengandungi maklumat tentang pergaduhan kompeni Belanda dengan raja-raja Melayu dan Bugis; cerita ringkas tentang raja-raja Bugis di Johor; analisis sistem pentadbiran kompeni Belanda di Melaka dan kakitangannya (hlm. 290-294). Kajian tersebut berdasarkan laporan daripada *Daghregister* iaitu catatan harian tentang kegiatan Kompeni Belanda. *Daghregister* tersebut diangap sebagai sumber sejarah Belanda yang paling terkenal dan lengkap[22]. Maklumat yang

---

[22]Judul yang lengkap adalah - *Dagh-Register gehouden in't Casteel Batavia van't passerende daer ter plaetse als over geheel Nederlandts-India. Anno 1624-1807.* Teks tersebut menyerupai catatan harian mengenai semua peristiwa yang terjadi di India Belanda pada tempoh sejak 1624 sehingga 1807. Dalamnya terdapat maklumat tentang semua kapal yang singgah ke pelabuhan Batavia dan yang keluar daripadanya; laporan tentang semua peristiwa yang dimaklumkan oleh nakhoda kapal tersebut; tentang warkah rasmi (surat-menyurat) antara pentadbiran Belanda dengan raja-raja tempatan dan lain-lain. Lihat antara lain: *Dagh-Register gehouden in't Casteel Batavia van't passerende daer ter plaetse als over geheel Nederlandts-India. Anno 1624-1682*. s'Gravenhage 1896 – 1928; Perskaya I.U. *Sumber-sumber Mengenai Sejarah Indonesia Sejak Zaman Purba sehingga 1917.* Moscow:Nauka, 1974; Denisova T. Karangan sejarah Melayu klasik mengenai perniagaan dan pelayaran. dlm: *Negara-negara Timur: masalah-masalah sejarah ekonomi dan pelayaran*, Moskow:Nauka, 2003.

disebutkan di dalam *DaghRegister* kebanyakannya berkaitan dengan orang Belanda di Nusantara dan dianggap penting oleh mereka. Data tentang kehidupan masyarakat Melayu hampir tidak diketemui dalam *DaghRegister*.

Dalam Koleksi John Bastin, disimpan juga satu lagi karya dalam bahasa Belanda iaitu monograf J.C.Baane yang bertajuk, "*Reis door een gedeelte van de nederlandsche Bezittingen in Oost-Indie: … een verslag van de expeditie … onder bevel van den Kapitein Ter Zee J.P. van Braam, vol voerd tegen de vorsten van Malakka, Salangor en Riouw"* (KP JB 138), bermaksud, "Lawatan ke salah satu daerah (kawasan) India Belanda: … laporan tentang ekspedisi tentera yang dikepalai oleh Kapten Laut (Laksmana) J.P. van Braam menentang (melawan) dengan raja-raja Melaka, Selangor dan Riau". Monograf tersebut menyerupakan catatan pengembaraan tentang lawatan ke Melaka dan beberapa negeri yang lain monograf itu mengandungi bahan tentang jalan-jalan laut, tentang kapal dan pelayaran di lautan Nusantara, tentang kehidupan di Melaka pada akhir kurun ke-18. Terdapat juga laporan tentang peperangan laut pada tahun 1784 di antara kelengkapan perang Belanda dengan Melayu di Selangor, dan Riau, termasuk pertempuran laut dengan raja-raja Bugis Johor.

Walaupun pengarang menumpukan perhatian kepada hal ehwal tentera, dalam karya tersebut terdapat juga pelbagai maklumat tentang sejarah, agama dan tamadun tempatan. Misalnya monograf tersebut mengandungi cerita tentang negara Ofir (Sofir, Suwarnadvipa, Sumatra)[23] dan King Solomon yang mengambil emas daripada negara Ofir itu. (hlm. 94). Disebutkan juga kapal Arab dan Turki serta orang Muslim yang menunaikan fardu haji.

---

[23]Tentang nama tempat Ofir (Ophir, Sophir) yang mungkin bererti (bermakna) Suwarnadvipa, Sumatra iaitu Pulau Emas lihat: Braddel, Sir Richard. *A* study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca and notes on ancient times in Malaya, dlm: *JMBRAS*, vol.7, Kuala Lumpur, 1980 (KP JB 5). Sir Richard Braddel (1880-1966) menyatakan bahawa nama tempat *Ophir atau Sophir* iaitu nama suatu negara dongengan

Karya J.C. Boone memang menarik kerana pengarangnya ialah seorang saksi sezaman dan semua peristiwa yang digambarkan dalamnya. Justeru, buku ini mengandungi bahan-bahan yang sama yang disebutkan dalam teks-teks Melayu lama iaitu *Tuhfat al-Nafis, Hikayat Siak, Peringatan Sejarah Negeri Johor* dan lain-lain. Misalnya disenaraikan nama kapal-kapal Belanda *De Dolphijn (hlm. 173-174), Utrecht (hlm. 168-169)* yang disebutkan juga dalam Tuhfat al-Nafis. Analisis perbandingan data tersebut akan menjadi amat menarik dan berguna untuk ahli sejarah dan historiografi. Analisis tersebut membantu kita memahami darjah kebenaran maklumat yang dirakamkan dalam teks Melayu lama. Buku tersebut boleh juga digunakan sebagai buku pelajaran dan buku rujukan untuk semua pelajar/pengkaji sejarah ketenteraan (*militery*) dan sejarah peperangan di alam Melayu.

Perlu ditegaskan juga bahawa karangan J.C. Boone ini adalah salah satu buku yang paling lama (1826) dalam koleksi John Bastin. Penerbitan tersebut adalah amat bernilai (berharga) sebagai contoh tamadun (cara) penerbitan (cetakan) yang lama.

Analisis buku dalam Koleksi John Bastin menunjukkan bahawa terdapat banyak karya yang dikarang berdasarkan bahan-bahan arkib. Memang dokumen arkib adalah sumber sejarah yang amat penting, terutamanya sejarah orang Eropah di alam Melayu. Ramai ilmuwan tempatan orientalis Barat menumpukan perhatian mereka kepada pengkajian bahan arkib tersebut. Walaupun

---

yang disebutkan dalam teks Injil mungkin bererti *Suwarnadwipa* atau Tanah Emas iaitu Sumatera atau Kepulauan Melayu pada keseluruhannya. Menurut cerita Injil Raja Solomon (dalam al-Qur'an – Nabi Sulaiman) mendapat emas sebagai keramat beliau daripada negeri Sophir iaitu dari Suwarnadwipa. Dalam teks-teks lama terdapat banyak maklumat tentang galian emas purba di alam Melayu. Di samping itu, hasil-hasil penggalian arkeologi turut membuktikan bahawa di Nusantara juga wujud tamadun perlombangan emas dan pembuatan barang-barang emas. Dalam sumber-sumber sejarah Greek Purba, Nusantara atau kawasan Kepulauan Melayu itu disebutkan juga sebagai *Khrisa* (Tanah Emas).

begitu, masih ada banyak persoalan tentang sejarah masyarakat Melayu yang kurang jelas, kerana bahan-bahan arkib tentang perkara tersebut tidak cukup. Kadang-kadang koleksi-koleksi arkib hilang atau rosak. Masalah mengekalkan (penyimpanan) bahan arkib dinyatakan dalam makalah F.R.J.Verhoeven berjudul *The lost archives of Dutch Malacca, 1641-1824. (KP JB 137a)*. Terdapat maklumat tentang sejarah penyimpanan arkib di alam Melayu; tentang bahan-bahan arkib yang dikekalkan sampai sekarang dan tentang kepentingan kajian bahan-bahan arkib tersebut. Pengarang menumpukan perhatian kepada bahan-bahan daripada Arkib Negara Malaysia yang hilang atau rosak pada masa Perang Jepun. Beliau menegaskan secara tepat bahawa tentera Jepun *sengaja* menghapuskan bahan arkib kebangsaan di kawasan yang mereka kuasa. Justeru, maklumat mengenai khazanah persuratan Islam dan bahan-bahan arkib Islam yang disimpan dalam masjid, madrasah, mahkamah dan koleksi peribadi tidak ditemui. Tidak dijelaskan mengapa pentadbiran penjajahan Eropah (termasuk orang Belanda) secara sengaja mencuri dan merampas manuskrip bahan-bahan arkib dan sumber sejarah Islam yang lain. Nasib bahan-bahan tersebut tidak diketahui sehingga kini.

Dalam koleksi John Bastin disimpan banyak karangan mengenai kegiatan Kompeni Belanda di alam Melayu dalam pelbagai bidang ekonomi iaitu galian, pertanian, perdagangan, harta dan hak milik, dan lain-lain. Ternyata hal subjek tersebut dianggap sebagai subjek kajian yang utama untuk memahami sejarah dan ciri-ciri khas penjajahan Belanda di Nusantara. Justeru, subjek-subjek inilah yang berjaya menarik perhatian ramai pengkaji (pengumpul), termasuk John Bastin sendiri.

Dalam makalah J.B.Westerhoud yang berjudul *Notes on Malacca (KP JB 148),* terdapat bahan-bahan tentang perlombongan emas dan timah di Melaka.

---

[24]Mengenai nasib arkib-arkib dan khazanh persuratan Islam pada zaman penjajahan lihat juga rujukan 8.

Disebutkan juga data tentang kaedah (teknologi) penggalian emas dan jumlah pengeluarannya setahun. Pengarang juga mengeluarkan data tentang jumlah penduduk pelbagai bangsa di Melaka. Beliau menganalisis ciri-ciri khas orang tempatan dari sudut penggunaan tenaga mereka semasa kerja penggalian tersebut. Namun, pendapat Westerhoud terhadap orang Melayu bersikap negatif. Beliau menulis: *The excavations made by the Malays are inferior to those dug by the Chinese as they are too lazy to work the layers which lie deep. (hlm. 173).* Perlu ditegaskan bahawa J.B.Westerhoud tidak berpuas hati dengan orang Melayu sebagai pekerja (buruh) dalam aktiviti penggalian. Walaubagaimanapun, beliau tidak menganggap orang Melayu Islam sebagai musuh cuma kerana mereka ialah orang Muslim. Lazimnya pandangan orang Belanda tentang orang tempatan dan tamadunnya bersifat *euro-centrism*. Tetapi *sifat* atau sikap euro-centrism tersebut telah berubah: pandangan tersebut mengandungi penilaian orang Melayu dari sudut yang praktikal, iaitu dari segi keperluan mereka sebagai tenaga kerja. Hal ewal agama langsung tidak disebut.

Makalah F.L.Baumgarten yang bertajuk *Agriculture in Malacca (KP JB 160)* mengandungi laporan dan nasihat mengenai tamadun tanaman dan pertanian di Melaka. Beliau menjelaskan bahawa ramai orang Belanda membeli tanah di Melaka. Tetapi lazimnya tanah tersebut tidak digunakan untuk tanaman dan pertanian, sebaliknya untuk tujuan spekulasi jual-beli. Pengarang beranalisis perkara yang berkaitan dengan sewaan di Melaka dan menerangkan sebab-sebab tersebarnya pelbagai spekulasi dalam urusan hartanah. Dinyatakan bahawa pada awalnya, orang Eropah (terutama orang Belanda) membeli tanah di kawasan tersebut untuk membina ladang untuk menanam kopi dan lada. Ramai orang Belanda yang bernasib baik dan mendapat faedah dalam perniagaan tersebut di Sumatera. Tetapi ternyata pengeluaran kopi dan lada di Melaka lebih mahal berbanding di Sumatera. Akhirnya ramai peladang kehilangan pendapatan dan menjadi bankrap di Melaka.

F.L. Baumgarten menjelaskan juga ciri-ciri khas tanah, air dan cuaca di Melaka. Beliau menegaskan bahawa pertanian di Melaka lebih sesuai untuk tanaman pelbagai buah-buahan dan kelapa. Makalah tersebut amat menarik juga kerana mengandungi nasihat dan data yang tepat tentang cara pembinaan ladang di Melaka. Terdapat juga data mengenai jumlah anggaran perbelanjaan membina ladang di Melaka, termasuk kos buruh (para pekerja Cina), yang biasanya bekerja di ladang tersebut.

Daripada kesimpulan analisis pertanian di Melaka, pengarang menasihatkan pentadbiran Kompeni Belanda agar menumpukan lebih banyak perhatian kepada tamadun pertanian tradisional yang tersebar di kawasan Melaka sejak dulu dan masih dilaksanakan oleh orang Melayu sehingga kini. Menurut beliau, pertanian di Melaka akan menghasilkan hasil yang lumayang dan semakin berkembang tradisi atau dan pengalaman orang tempatan yang mewarisi bidang ini turun temurun.

Subjek yang sama dijelaskan dalam karya bertajuk, *Groundbezit op Malakka* (KP JB 161), karya ditulis dalam bahasa Belanda. Dalamnya terdapat maklumat tentang hartanah dan hak pemilihan hartanah di Melaka. Dijelaskan juga cara penyusunan dan jenis tanah disekitar Melaka. Terdapat beberapa petikan tentang peraturan rasmi mengenai pemilikan hartanah. Disebutkan juga bahawa orang yang bertanggungjawab menguruskan dan menjaga undang-undang hartanah ialah Penghulu. Terdapat keterangan rasmi tentang hak dan kewajiban penghulu dalam bidang tersebut.

Pengarang menganalisis pelbagai masalah dan halangan pertanian di Melaka sejak dahulu sehingga sekarang (iaitu sehingga tahun 1857). Masalah yang disebutkan ialah cuaca, kekurangan jumlah penduduk, kurangnya peraturan undang-undang mengenai hartanah, dan *sistem kerajaan yang kurang adil*. Maksud pengarang, sistem kerajaan dalam kesultanaan Melaka Islam sebelum tahun 1511. Pengarang menyebut sistem kerajaan tersebut sebagai *Strengste*

Oostersche Despotisme yakni *Sistem Pemerintahan Kuku Besi Timur.* Menurut beliau hanya orang Eropah (terutamanya orang Belanda) yang membawa masuk ke alam Melayu undang-undang dan peraturan yang betul dan adil mengenai hak-hak pemilihan hartanah dan pertanian.

Hubungan perdagangan Melaka dengan saudagar India pada zaman kerajaan Belanda dianalisis dalam kertas kerja S. Arasaratnam yang berjudul *Some notes in the Dutch in Malacca and the Indo-Malayan trade 1641-1670* (KP JB 133). Pengarang meneliti keadaan perdagangan di antara India dan alam Melayu pada zaman penjajahan Belanda (selepas 1641). Kesimpulanya, kedatangan orang Eropah dan kegiatan Kompeni Belanda tidak memajukan hubungan di antara India dan alam Melayu. S. Arasaratnam memaklumkan bahawa para saudagar Muslim dari Surat, Coromandel, Bengal, Pegu dan daerah lain dilarang berniaga di Aceh dan di Semenanjung Tanah Melayu. Beliau menegaskan juga secara tepat bahawa hal tersebut mengakibatkan Melaka hilangkan peranannya sebagai pusat perdagangan dan aktiviti ekonomi.

Analisis kegiatan Kompeni Belanda yang lebih lengkap ditemui dalam tesis Ph.D yang berjudul *"The Dutch East India Company and the Straits Malacca, 1700-1784: Trade and Politics in the Eighteenth century" (KP JB 134)* oleh D. Lewis dari University National Australia di Canberra.

Antara sumber sejarah yang menjadi asas kajian ini ialah bahan-bahan daripada Arkib Negara Belanda di Hague. Antaranya surat-menyurat rasmi (Batavia, 1700 sehingga 1784); bahan-bahan dari Arkib Gereja Melaka; laporan-laporan tentang kegiatan Kompeni Inggeris (Arkib London) dan lain-lain.

Karangan tersebut mengandungi maklumat tentang subjek-subjek yang berikut:

– perdagangan di Melaka pada kurun ke-18;
– perniagaan timah di Melaka pada tahun 1700 sehingga 1784

- hubungan Kompeni Belanda dengan Johor (pada zaman semenjak 1700 sehingga 1718)
- sistem kerajaan Bugis di Johor (1715 sehingga 1740)
- kerjasama antara orang Belanda dengan raja-raja Melayu (1745 sehingga 1759)
- Riau sebagai pusat perdagangan tempatan (1760 sehingga 1777)
- Penawanan Riau oleh Kompeni Belanda (1777sehingga 1784)

Dalam Prakata terdapat cerita ringkas tentang sejarah ekonomi dan perdagangan di alam Melayu. Hampir semua data tentang perdagangan di Asia Tenggara diasaskan bahan-bahan yang terdapat dalam buku *Meilink-Roelofsz, M.A.P. Asian Trade and European influence in the Indinesian Archipelago between 1500 and about 1630. The Hague, 1962 (KP JB 124).*

Tesis tersebut mengandungi cerita ringkas tentang sejarah Johor dan tahap perkembangan perniagaan di Johor; data statistik tentang perniagaan timah di Johor (kurun ke-18); dan analisis hubungan antara orang Bugis dengan Belanda.

Dalam kajian tersebut disebutkan pelbagai data-data yang amat menarik yang menggambarkan secara tepat keadaan ekonomi dan ciri-ciri khas kehidupan Belanda di alam Melayu pada kurun ke-18. Berdasarkan data dan bahan-bahan arkib D. Lewis menjelaskan bahawa "Monopoli Belanda dalam perdagangan mengganggu dalam perdagangan borong kecil (runcit). Kemunduran perdagangan (termasuk perdagangan runcit) mengakibatkan kemunduran pelayaran di Selat Melaka dan di pelabuhan Melaka. Pada zaman kerajaan Belanda jumlah kapal yang datang berniaga ke Melaka semakin berkurang. Akhirnya, Melaka mundur dan peranannya sebagai pusat perdagangan antarabangsa semakin berkurangan. Kekayaan Melaka semakin berkurang juga kerana kemakmuran Melaka sejak dahulu bergantung cukai yang dibayar oleh kapal-kapal perdagangan. Pendek kata, tidak ada kapal-kapal, bermakna

tidak ada faedah" (hlm. 66-67). Keadaan tersebut disahkan dengan maklumat daripada saudagar Inggeris, Charles Lockyer yang pernah singgah di Melaka pada awal kurun ke-18. D.Lewis menulis: *"At the beginning of the 18 century an English merchant Charles Lockyer described Malacca as "a healthful place, but of no great trade". The port had lost all claim to be the centre of trade in the Archipelaago, and had became significant mainly because it was an outpost of the VPC'* (hlm. 37).

Ternyata penjajahan Melaka oleh orang Eropah selama 150 – 200 tahun mengakibatkan kemerosotan sistem ekonomi dan perdagangan sekali gus menyebabkan kemundurannya.

Justeru, pengarang menyebut bahawa banyak kapal asing yang singgah di pelabuhan Melaka dan berniaga di sana. Yang disebutkan kapal Inggeris, Muslim, Portugis, India, Armenia, Perantis, Denmark, Greek dan lain-lain. (hlm. 68). Maklumat ini membantu kita untuk memahami keadaan perdagangan antarabangsa di alam Melayu pada kurun ke-18[25].

Antara barang dagangan utama di pasar Melaka dan Johor pada kurun ke-17 sehingga 19 disebutkan timah, emas, lada, rempah ratus, kain, opium dan lain-lain. Barang dagangan tersebut dianggap oleh Kompeni Belanda sebagai barang yang penting. Pengarang menyatakan: *"In 1759 Governer Dekker felt that the warehouse on Pulau Gontong and the two vessels stationed in the Siak River vere not adequate to cope with the trade, 'which is of the greatest importance to the Company and ssuggested that a third vessel should be allocated*

---

[25]Tentang perdagangan di Selat Melaka, lihat antara lain: Ahmad Jelani Halimi. *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka. Abad ke 15 hingga ke-18.* Kuala Lumpur: DBP, 2006; T.Denisova. Karangan sejarah Melayu klasik mengenai perniagaan dan pelayaran. dlm: *Negara-negara Timur: Pasalah-masalah Sejarah Ekonomi dan Pelayaran*, Moskow:Nauka, 2003; T.Denisova. Refleksi Historiografi Alam Melayu. KL: UMPRESS, 2011.

to help in this matter" (hlm 44). Ternyata pada kurun ke-18, Siak menjadi pusat pengeluaran emas dan perdagangan emas. Maklumat tersebut sangat penting dan membantu kita supaya memahami keadaan sejarah yang nyata di alam Melayu pada zaman itu. Data itu turut menjelaskan tujuan kegiatan orang Belanda di kawasan tersebut. Perlombangan dan perdagangan emas menjadi alasan utama orang Belanda membina kubu di Pulau Gontong. Mereka berusaha mengawal pengeluaran emas dan perniagaan emas di kawasan tersebut. Bahan-bahan yang digunakan oleh D.Lawis dalam tesis Ph.D beliau mengesahkan kebenaran maklumat yang dirakamkan dalan teks Melayu lama iaitu "*Hikayat Siak*"[26] (kurun ke-18). D. Lewis menegaskan bahawa: "spectacular profits obtained from the sale of spices – *often over 1000% profit on an investment* (hlm. 61). Maklumat ini menunjukkan tahap keuntungan yang diperoleh dalam bidang perniagaan rempah ratus dan opium.

Perniagaan opium dianggap perniagaan paling penting. Justeru, persaingan dalam perniagaan tersebut amat tinggi. Pengarang menegaskan bahawa: *"The Company made litlle profit out of the opium trade in the Straits, and were not able to prevent traffic between the foreign traders who brought the drug there and small traders from Java, were the VOC was particularly anxious to maintain a monopoly of this trade. … In 1745 Governer Generaal Van Imhoff founded the Opium Society, which sole rights of trading in that article in the territories subject to the VOC. This had no effect on the importation of opium to the Straits. In the second half of the century especially, opium was brought in large quantities by English country traders to Riau, where it was sold to Bugis merchant for tin, pepper etc." (hlm. 58).*

Maklumat tentang peristiwa tersebut dirakamkan juga dalam teks *"Tuhfat al-Nafis"* yang karang oleh Raja Ali Haji pada tahun 1863. Hal ini membuktikan

---

[26]Mengenai "Hikayat Siak" lihat: Hashim, Muhammad Yusoff (ed.) *Hikayat Siak. Diriwayatkan oleh Tengku Said. Diselenggarakan oleh Muhammad Yusoff Hashim.* Kuala Lumpur: DBP, 1992.

kebenaran data yang terdapat dalam Karya tersebut tentang perniagaan opium yang dikawal oleh orang Bugis dan mengenai pekerjaan dalam bidang itu, antara raja muda Bugis dengan orang Eropah[27].

Sastera para mubaligh Kristian diwakili oleh dua buku dikarang oleh Francois Valentyn. Buku pertama bertajuk, Beschrijving van Malakka (Pengambaran Melaka) yang ditulis dalam bahasa Belanda (KP JB 149). Buku tersebut diterbitkan pada tahun 1726 dan merupakan edisi pertama karangan Fr. Valentyn, yang dianggap juga buku terawal dalam koleksi John Bastin. Buku yang kedua bertajuk Description of Malacca and Our Establishment There (KP JB 150). Buku tersebut merupakan karya Fr.Valentijn yang sama ke dalam bahasa Inggeris.

Seperti yang dinyatakan di atas, Francios Valentyn (1666-1727) ialah seorang tokoh Revormasi Gereja Belanda yang beberapa tahun pernah tinggal di pulau Jawa dan di Ambon. Beliau menulis pelbagai karya tentang sejarah, tamadun, dan ilmu bumi di kawasan-kawasan yang dijajah oleh Kompeni Belanda, termasuk alam Melayu.

Dalam buku itu, terdapat gambar litograf pemandangan Bandar Melaka yang amat cantik dan menarik. Buku itu mencerminkan tamadun penerbitan buku dan tahap perkembangan pencetakan di Eropah pada kurun ke-18.

Karya Francios Valentyn juga mengandungi maklumat tentang tempat geografis Melaka; tentang lendskap, sungai-sungai dan lain-lain. Digambarkan

---

[27]Mengenai *Tuhfat al-Nafis lihat*: Matheson Hooker,V. *Tuhfat al-Nafis. Sejarah Melayu-Islam.* Kuala-Lumpur:DBP, 1991; T.Denisova. *Tuhfat an-Nafis sebagai sumber sejarah Melayu kurun ke- XVII sehingga XIX.* Moskow:Nauka, 1998; T.Denisova. Tuhfat an-Nafis – dua karangan dengan nama yang sama. dlm: *Penelitian Sumber-sumber Sejarah Timur dan Cabang-cabang Ilmu Sejarah yang Istimewa,"* keluaran 4. Moskow:Nauka, 1995.

juga tentang kubu, rumah dan jalan-jalan di Bandar Melaka. Terdapat juga cerita tentang kedatangan orang Portugis dan orang Belanda ke alam Melayu; senarai kapal-kapal perang Belanda dan Portugis; dan cerita ringkas tentang sejarah penyebaran agama Kristian di Melaka. Justeru Valentyn menumpukan perhatian kepada orang Melayu dan adat-istiadat mereka (termasuk pakaian dan, makanan). Terdapat juga analisis ringkas tentang bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di alam Melayu.

Valentyn menulis seperti berikut "*Their language , Bahasa Melayu, that is, the Malayan language, is not only used on this coast, but is the general language of intercommunication between different nations throughout the Indies, and in all the Eastern lands, as the France and Latin in Europe and the Lingua Franca in Italy and the Levant; - so that people acquainted with this language are never at a loss for a medium of communication even as far as Persia, on the one side, and the Phillippines where it is much used, and generally understood, on the other. People in the East are considered to be very ill educated who do not understand this language, besides which the Malays themselves endcavour to to improve it by studying Arabic and Persian; indeed some among them acquire a knowledge of Sanscrit, the mother tong of most Eastern languages, with the same object in view*". (hlm. 699)

Valentyn mengkaji unsur-unsur bahasa Arab, Parsi dan Sanskrit yang terdapat dalam bahasa Melayu. Terdapat pelbagai maklumat tentang sastera klasik dan teks antaranya *Taj al-Salatin*, *Sulalat al-Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, dan lain-lain. Valentyn menegaskan secara betul bahawa "*raja-raja Muslim dan "hunne priesters" (their priests) adalah orang yang menyimpan buku-buku dalam bahasa Melayu. Masalah yang paling besar adalah memaksa mereka memberi buku itu kepada orang Belanda* (hlm. 316)

Maklumat tersebut membuktikan bahawa para ulama Islam ialah golongan yang menjaga/mengamalkan tradisi dan tamadun Melayu. Mereka yang menyimpan dan melindungi tamadun dan khazanah persuratan Melayu

itu. Mereka juga menghalang orang Belanda daripada mengumpulkan dan mengeluarkan teks lama dari alam Melayu.

Mengenai orang Melayu Valentyn menulis seperti yang berikut: *The Malayens are considered the most ingenious, the most crafty and the most civil people of the entire East. … The complexion are yellow and they are much fairer than any other Indians; they are also much more friendly and polite and generally so bland of speech, that no other people can compare with them (hlm. 699).*

Maklumat tersebut amat menarik kerana membantu kita memahami tahap pemikiran Valentyn, iaitu seorang mubaligh baru (iaitu mubaligh pada zaman reformasi Gereja Kristian). Perbandingan antara karya Valentyn dengan catatan para mubaligh Katolik Portugis menunjukkan bahawa karangan Valentyn mengandungi lebih banyak data yang objektif tentang tamadun Melayu dan orang Islam. Ternyata sikap permusuhan terhadap Islam dalam karangan Valentyn sedikit berkurangan jika dibandingkan dengan teks mubaligh Portugis pada kurun ke-16 sehingga ke-17. Catatan Valentyn membuktikan sekali lagi bahawa golongan orang alim Islam (sayyid, sheikh, fakih dan para ulama yang lain) memajukan tamadan orang Melayu dan mereka amat berwibawa dalam masyarakat Melayu.

Catatan Valentyn juga mengandungi cerita ringkas tentang sejarah Melaka sebelum kedatangan orang Eropah. Valentijn menyebutkan Sultan Muhammad Syah yang memerintah pada tahun 1276 sebagai raja ketiga Melaka, dan raja pertama memeluk Islam. Terdapat senarai nama 12 raja Melayu (termasuk raja Singapura dan Melaka), sejak tahun 1253. Tahun inilah yang disebutkan oleh Valentyn sebagai tarikh terawal sejarah Melaka. Pendapat Valentyn memang berbeza dengan pendapat para orientalis yang lain yang menyatakan bahawa sejarah Melaka mulai sejak tahun 1400 atau 1402. Mungkin pendapat Valentijn berdasarkan teks *Sejarah Melayu (Sulalat as-Salatin)* dan *Taj as-Salatin* Mungkin juga Valentyn menganggap sejarah kerajaan Pasai dan Singapura sebagai bahagian terawal sejarah Melaka.

Maklumat tentang orang Kristian di Melaka pada zaman kerajaan Belanda terdapat juga dalam dua buku mengenai epigrafi Kristian yang disimpan dalam koleksi John Bastin. Buku yang pertama ialah karya A.G. Harfield yang bertajuk *Christian Cementries and Memorials in Malacca and Rasah New Village (KP JB 159)*. Buku ini sudah dibincangkan sebelumnya, ketika batu-batu nisan daripada perkuburan Kristian (kurun ke-17 hingga 19) di Melaka, serta analisis data tentang batu nisan Portugis, Belanda, dan orang-orang Kristian yang lain.

Buku yang kedua berjudul *"Historical tombstones of Malacca mostly of Portuguese origin, with inscriptions in detail and illustrated by numerous photographs" (KP JB 139)*. Karya tersebut dikarang oleh Robert Norman Bland dan diterbitkan di London pada tahun 1905. Buku ini mengandungi analisis batu-batu nisan lama dari perkuburan Portugis dan Belanda di Melaka. Kebanyakannya bertarikh pada kurun ke-17 sehingga ke-18. Buku ini sangat menarik dan penting sebagai contoh terbitan epigrafi ilmiah. Dalam buku ini, terdapat gambar-gambar batu-batu nisan yang sangat jelas dan menarik.

Analisis teks yang disenaraikan dalam buku tersebut membantu kita supaya memahami tarikh dikuburkan, keadaan sosial orang yang dikuburkan, termasuk status dan asal-usul mereka. Data tersebut menggambarkan sejarah masyarakat Kristian di Melaka pada kurun ke-17 sehingga ke-19. Analisis tulisan yang terdapat di atas batu-batu nisan itu menunjukkan bahawa purata usia orang yang meninggal dunia ialah 20-30. Ada juga kubur kanak-kanak (enam kuburan) dan wanita (12 kuburan). Hanya satu seorang sahaja yang meninggal dunia dalam usia 52 tahun. Kesimpulannya, pada kurun ke-17 hingga ke-18, tahap kehidupan di Melaka adalah kurang memuaskan. Ramai kanak-kanak dan dewasa (pemuda/pemudi) dalam usia purata tersebut meninggal dunia terutamanya pada tahun 1650-1670.

Analisis tulisan epitaf dari sudut bahasa menunjukan bahawa terdapat banyak tulisan dalam bahasa Portugis, Belanda, Inggeris dan Armenia. Epitaf dalam bahasa Armenia memang adalah amat menarik kerana ia membuktikan

bahawa sejak kurun ke-16 di Melaka wujud satu golongan (kelompok) orang Armenia. Teks tersebut mengesahkan tentang para saudagar Armenia yang pernah singgah ke alam Melayu bersama dengan orang Eropah. Namun, bahan-bahan jarang ditemui. Antara nama orang Armenia yang dikuburkan di tanah perkuburan di Melaka ada yang dilahirkan di Persia; ada yang berasal dari Eropah, malahan ada juga yang datang dari Erevan iaitu dari negara Armenia. Teks tersebut amat penting untuk meneliti sejarah penyebaran orang Armenia di seluruh dunia selain dijadikan asas kajian hubungan antarabangsa Melaka pada zaman kerajaan Portugis dan Belanda.

Koleksi John Bastin juga mengandungi beberapa buku yang menggambarkan masa terakhir kerajaan Belanda dan zaman kedatangan orang Inggeris iaitu kurun ke-18 sehingga ke-19. Monograf Brian Harrison yang berjudul *"Holding the Fort: Melaka under two flags 1795-1845"* (KP JB 151) menggambarkan peristiwa yang terjadi di kubu Melaka pada zaman penjajahan Inggeris pada kurun ke-18 hingga ke-19, selepas perang Napoleon. Terdapat cerita ringkas tentang orang Belanda di Melaka (hlm. 8-20); teks tentang sistem kerajaan Belanda di Melaka; data mengenai penduduk di Melaka dan darjah perkembangan perdagangan dan ekonomi di kawasan tersebut. Pengarang memaklumkan bahawa pada tahun 1795 di Melaka, penduduknya sekitar 14 ribu orang. Kebanyakannya adalah Melayu, Cina, India, Arab, orang Jawa dan lain-lain.

Menurut pendapat B.Harrison, hak-hak istimewa (monopoli) orang Belanda, iaitu monopoli Belanda dalam perdagangan rempah ratus, timah, opium dan lain-lain menjadi masalah utama yang mengakibatkan kemunduran Melaka sebagai pusat perdagangan. Monopoli Belanda memusnahkan perniagaan antarabangsa di Melaka. Para saudagar dari negara-negara lain (terutama dari China) dilarang berniaga di Melaka. B.Harrison menulis sebagai berikut "*this was to be a period in which Melaka would sink further into disfavour and neglect until in the end it became reduced to a mere shadow of its self" (hlm. 47).*

Buku tersebut mengandungi cerita ringkas tentang persaingan antara orang Inggeris dan Belanda, serta antara Pulau Pinang dan Melaka sebagai pelabuhan persinggahan dan pengantaran dalam perniagaan borong.

Terdapat maklumat tentang serangan Melaka oleh orang Inggeris dan sejarah terawal kehadiran orang Inggeris di kawasan tersebut. Menjelaskan lagi ciri-ciri khas kerajaan Inggeris di alam Melayu, (termasuk Melaka), pengarang menegaskan bahawa tugas pentadbiran Inggeris yang pertama adalah menghidupkan perdagangan dan meningkatkan perkembangan ekonomi di Melaka. Salah satu cara ialah menanam gambir.

Pengarang juga menyatakan bahawa pentadbiran penjajahan Inggeris memberi kepada orang Cina hak-hak istimewa dalam pengeluaran dan perdagangan opium, minuman keras. dan penternakan babi. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa orang Inggeris menyokong orang Cina dan menganggap masyarakat tersebut sebagai dasar kerajaan Inggeris di Melaka.

Karangan B.Harrison juga mengandungi senarai nama dan riwayat hidup ramai tokoh Inggeris yang terkenal di alam Melayu. Misalnya terdapat data-data tentang Th. St.Raffles (1781–1826) dan Kapitan-Leftenan William Farquhar (1770 – 1839) iaitu komandan Melaka. Dimaklumkan bahawa W. Farquhar lahir pada tahun 1770 dan beliau bertugas dengan Kompeni Inggeris sejak tahun 1791. Beliau tinggal di Melaka sejak 1795. Dikatakan juga bahawa W. Farquhar itu pandai cakap bahasa Melayu. Selama menetap di alam Melayu beliau dikurnia empat anak (tiga anak perempuan dan seorang lelaki) hasil perhubungannya dengan seorang gundik Melayu (perempuan simpanannya). Pengarang menegaskan bahawa ramai pegawai Kompeni Inggeris yang berhidmat di Melaka ialah orang Eropah yang dilahirkan (berasal) di alam Melayu atau di Nusantara. Misalnya, Samuel Garling, iaitu residen-kaunselor Melaka (1826 - 1835).

Monograf Brian Harrison "Holding the Fort: Melaka under two flags 1795-1845" adalah berdasarkan pelbagai sumber sejarah termasuklah surat-surat rasmi, catatan saksi, laporan para pegawai Inggeris dan lain-lain. Justeru, teks lama Melayu Islam *(Tuhfat al-Nafis, Hikayat Siak, Peringatan Sejarah Negeri Johor dan lain-lain)* dan sumber-sumber sejarah yang lain yang mengandungi teks (peristiwa) yang sama tidak disebutkan.

Kajian Jennifer Mery Thomas yang berjudul, *Malacca 1795-1832: being a discussion of aspects of the Malacca resident's journal (KP JB 153)* mengandungi analisis hubungan antara orang Belanda dengan Inggeris di Melaka pada kurun ke-18 hingga ke-19. Terdapat juga maklumat tentang persaingan dalam perniagaan timah dan perdagangan yang lain antara orang Belanda, Inggeris dan raja-raja Melayu. Analisis tersebut berdasarkan *Malacca Resident's Journal* (pada kurun ke-19) dan sumber Eropah yang lain. Adapun sumber-sumber sejarah Melayu yang disebutkan *Hikayat Abdullah* sahaja.

Pengarang menumpukan perhatian kepada:

- sejarah dan keadaan ekonomi di negeri Johor pada kurun ke-17 hingga 19.
- perniagaan timah di Johor pada kurun ke-18.
- kegiatan Kompeni Inggeris di alam Melayu pada kurun ke-17 sehingga ke-19
- keterangan tentang Pulau Pinang dan peranannya dalam perdagangan tempatan.
- sistem kerajaan Inggeris di Melaka pada tahun 1824 sehingga 1830
- tentang hak milik tanah di Melaka pada tahun 1824 sehingga 1832.
- kehidupan masyarakat di Melaka pada kurun ke-18 sehingga ke-19.

Pengarang menyatakan bahawa pada zaman kerajaan Belanda, Melaka sangat mundur. Pada tahun 1737 Melaka masih dianggap sebagai pusat perdagangan tempatan, iaitu dengan dengan Jawa dan Sumatera. Justeru, perdagangan borong yang lebih besar, iaitu dengan China dan India diserahkan Belanda ke Batavia. Berdasarkan surat-surat rasmi dan laporan gabenor Inggeris di Melaka,

iaitu Gabenor Albinus (1737), J.M.Thomas membuktikan bahawa pada zaman tersebut, Melaka mengekalkan peranannya sebagai pusat perniagaan emas yang penting

Dalam karya tersebut terdapat juga analisis persaingan di antara Pinang dan Melaka. Orang Inggeris memajukan dan menyokong Pinang sebagai pusat perdagangan dan pengaruh mereka di Nusantara. Dimaklumkan bahawa ramai saudagar dari Aceh dan tempat-tempat yang lain datang ke Pinang kerana harga-harga lada dan timah lebih tinggi disana. Pada akhirnya Melaka mundur lagi dan hilangkan peranannya sebagai pusat perdagangan tempatan. J.M.Thomas menulis juga bahawa pada zaman tersebut pelabuhan Riau menjadi pusat yang baru dalam perniagaan tempatan. Beliau menegaskan bahawa *Riau menggantikan Melaka sebagai pusat perdagangan tempatan.* (hlm. 12)

Kajian tersebut berkaitan dengan sejarah Melaka dan kesultanaan Johor, iaitu negara Islam Melayu yang wujud sejak kurun ke-16 dan mengekalkan kebebasannya sehingga kurun ke-19. Walaupun begitu, dalam kajiannya tidak disebutkan sumber sejarah Melayu Islam malahan maklumat tentang Islam hampir tidak ditemui langsung. Maklumat tentang Islam terdapat hanya dalam cerita perang di Naning (1831-1832)[28]. Pengarang mengutip surat Gabenor

---

[28]Perang Naning (1831-1832) adalah perang di antara kerajaan Inggeris di Melaka dan kerajaan Melayu Naning. Penghulu Naning Dato' Dol Said, atau Abdul Said (1773 - 1849) mengetuai tentera Naning dan menjadi terkenal sebagai wira yang menewaskan orang Inggeris. Dalam Perang Naning yang berlangsung selama 18 hari antara 6 Ogos dan 24 Ogos 1831, Dol Said telah berjaya menewaskan pihak British selepas mendapat sokongan orang Melayu sebanyak 1,000 orang. Bagaimanapun dalam Perang Naning kedua pada Februari 1832, beliau terpaksa berundur ke Pasir Besar dan dalam tempoh empat bulan, Naning jatuh ke dalam tangan British pada 15 Jun 1832. Naning kemudiannya diletakkan di bawah peraturan Negeri-negeri Selat pada 27 Oktober 1832. Tentang Perang Naning lihat: Emrys Chew (University of Cambridge). The Naning War, 1831-1832: Colonial Authority and Malay Resistance in the Early Period of British Expansion. in: *Modern Asian Studies* prt. 32, Cambridge: Cambridge Univ.Press, 1998, ms. 351-387.

Ibbetson ke pentadbiran Inggeris di Bengal (1832). Beliau menyatakan bahawa, bahawa Negeri Naning tidak mahu mengikut arahan Melaka. Menurut Gabenor, hal ini terjadi kerana para ulama Islam sangat aktif di Naning: *This was probably due, in large part, to the activities of Muslim "priests" who were allowed to travel anywhere they wished and who seem to have stirred up a great deal of religious feeling in the countryside. (hlm. 178)*

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa pada kurun ke-19, para ulama Islam adalah sangat berwibawa di negeri Nanning, dan lazimnya mengetuai perjuangan kebangsaan di alam Melayu.

Analisis pelbagai buku mengenai Belanda di Melaka disimpan dalam koleksi John Bastin menunjukkan bahawa subjek utama dalam penelitian alam Melayu pada kurun ke-18 adalah kajian mengenai ekonomi dan sains gunaan misalnya dalam perlombangan, kewangan, penelitian dunia semulajadi, sejarah, etnologi dan hal ehwal politik yang boleh digunakan dalam kegiatan pentadbiran penjajahan Belanda yang praktis. Kajian mengenai ilmu, agama, falsafah, seni dan sastera di Melaka pada zaman kerajaan Belanda hampir tidak ada. Bahan (teks) mengenai Islam tidak ditemui[29]. Hal ini membuktikan bahawa arah kajian para orientalis *(Oriental Studies)* biasanya dipengaruhi dan ditentukan oleh tugas/tujuan pentadbiran penjajah dan kegiatan mereka yang praktis. Hal ini perlu diperhatikan apabila kita menyaksikan kebenaran kajian tersebut dan objektivitinya.

---

[29]Justeru itu dalam historiografi Belanda, terdapat banyak buku mengenai etnologi, budaya, agama (terutama Hindu-Buddha dan kepercayaan tempatan) di Jawa, Bali, Sumatera dan kawasan lain di Indonesia. Ternyata hal ehwal budaya dan agama di Melaka tidak dianggap sebagai subjek yang penting dalam kegiatan orang Belanda di Melaka. Ya,memang betul. Menurut keterangan sumber-sumber sejarah Belanda pada kurun ke-17 hingga ke-18, tujuan kedatangan orang Belanda yang utama adalah perniagaan dan faedah yang diperolehi daripada perdagangan rempah ratus, opium, hasil-hasil galian dan lain-lain.

Melaka pada zaman Inggeris

Dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin disenaraikan 21 tajuk mengenai zaman kerajaan Inggeris di Melaka. Sebenarnya ada banyak koleksi John Bastin buku tentang orang Inggeris di alam Melayu. Terdapat pelbagai catatan pengembaraan Inggeris, catatan kenangan (memoirs) dan catatan harian (diary) para pegawai pentadbiran Inggeris; kajian ilmiah tentang pelbagai kegiatan orang Inggeris di alam Melayu, termasuk Melaka dan bahan-bahan yang lain. Semua buku tersebut disenaraikan dalam bahagian katalog yang lain. Tetapi yang disebutkan dalam Bahagian kedua hanya 21 judul sahaja.

Karangan tersebut kebanyakannya adalah buku tentang kegiatan misi mubaligh Kristian di Melaka, dan khususnya tentang Kolej Inggeris Cina dan sekolah Gereja Kristian yang lain. Ternyata bahan-bahan tentang Kolej tersebut dan sistem pendidikan dalamnya menjadi puncak perhatian John Bastin. Karangan seperti ini amat menarik kerana memberi peluang kepada pengkaji supaya membandingkan kegiatan para mubaligh Inggeris pada kurun ke-18 hingga ke-19 dengan aktiviti mubaligh Portugis pada kurun ke-16 hingga ke-17. Berdasarkan analisis perbandingan itu, kita dapat memahami sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu, dan hubungan antara gereja Kristian dan sistem penjajahan Inggeris. Analisis bahan-bahan tersebut menunjukkan bagaimana misi mubaligh atau pusat pendidikan Kristian digunakan oleh Kompeni Inggeris dalam menyebarkan kerajaan (kuasa) mereka di seluruh alam Melayu, dan kegiatan pentadbiran penjajahan yang praktis.

Buku kecil bertajuk *Handbook to Christ Church Malacca (KP JB 155)* dikarang oleh paderi Revd. John Smith mengandungi bahan umum tentang gereja Inggeris di Melaka *(Christ Church)*. Terdapat senarai tarikh utama mengenai sejarah gereja Kristian di Melaka. Digambarkan juga pelbagai bangunan gereja dengan pelan bangunan, lengkap dengan keterangan ciri-ciri khasnya.

Dalam karangan paderi tentera di Melaka T.J.Hardy , paderi tentera di Melaka, yang berjudul *"Catalogue of Church records, Malacca, 1642-1898"*, terdapat katalog laporan-laporan tentang gereja Kristian di Melaka. Katalog tersebut disusun oleh bishop di kawasan uskup Melaka. Buku T.J.Hardly juga mengandungi bahan-bahan gereja yang lain iaitu catatan registrasi (pendaftaran) perkahwinan, kelahiran, kematian, protokol (tentang persidangan dewan gereja Kristian Melaka dan keputusannya), surat-surat paderi tentera (chaplain) dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut bertarikh sejak tahun 1642 sehingga 1898. Terdapat laporan rasmi mengenai Sekolah kanak-kanak perempuan Melaka *(Malacca Girls' school)*, laporan rasmi Lembaga Sokongan orang Pensen *(Christ Church Poor Fund Pensioners)* dan pusat-pusat kegiatan yang lain. Bahan tersebut juga mencerminkan kegiatan gereja Kristian Inggeris di Melaka dan pelbagai aktiviti para mubalighnya.

Bahan tentang Kolej Inggeris Cina *(Anglo-Chinese College)* ditemui dalam 10 buku yang disenaraikan dalam katalog koleksi John Bastin (KP JB 167, 168, 169, 169nn, 170, 171, 172, 173, 174, 177).

Monograf Marshall Broomhall yang berjudul *Robert Morrison a master-builder*, mengandungi cerita tentang *Robert Morrison* (1782—1834), iaitu seorang mubaligh agama Kristian dan ahli bahasa Cina. Pada tahun 1818 beliau mendirikan Kolej Inggeris Cina di Melaka sebagai pusat penyebaran agama Kristian di Melaka dan di Cina. Beliau menterjemahkan teks Injil ke dalam bahasa Cina (1810-1818). Beliau menjadi terkenal sebagai penyusun kamus bahasa Inggeris – Cina. Dalam karya tersebut, dijelaskan pelbagai ciri khas sistem pendidikan Inggeris untuk orang tempatan, merujuk hanya kepada orang Cina sahaja. Semua pelajar kolej Inggeris-Cina adalah orang Cina. Orang Melayu tidak dinyatakan. Mana-mana pembaca mungkin boleh membuat kesimpulan bahawa pada kurun ke-19, Melaka merupakan suatu kawasan "China-town" (kampung Cina) dan para penduduknya kebanyakannya ialah orang Cina juga.

Subjek yang sama dijelaskan dalam monograf William John Townsend yang bertajuk *"Robert Morrison the pioneer of Chinese missions" (KP JB 168, 169 – edisi kedua)*. Monograf ini mengandungi riwayat hidup R. Morisson dan sejarah pendirian Kolej Inggeris-Cina. Walaupun monograf tersebut setebal hampir 300 halaman, namun tiada langsung disebutkan tentang orang Melayu atau orang Islam.

Makalah kecil *"Malacca"* yang diterbitkan dalam majalah *"Missionary sketches"* pada tahun 1831 di Singapura (nama pengarang tidak ada) mengandungi maklumat tentang Kolej Inggeris-Cina serta dua gambaran litograf iaitu pemandangan Kolej dan bandar Melaka secara umumnya. Dalam jilid yang sama, terdapat juga makalah kecil yang bertajuk *"Sketch of the Malacca Mission and Anglo-Chinese College"*, yang diterbitkan pada tahun 1825 dalam majalah yang sama.

Kedua-dua makalah tersebut merupakan makalah popular yang diterbitkan dalam majalah lembaga mubaligh Kristian. Tujuannya untuk memperkenalkan adat istiadat Melaka dan tamadun tempatan kepada orang Kristian di England dan negara-negara lain. Dalam makalah terdapat data umum tentang Melaka dan tentang penduduk tempatan. Justeru, karangan yang popular tersebut mengandungi satu-satunya maklumat tentang orang Melayu yang bersikap negatif. Pengarang menulis sebagai berikut: *"The Malays as a people, are exceedingly ferocious and vindictive, faithless and treacherous, fond of conquest and plunder, much given to habits of piracy and dreadfully cruel to enemies and strangers. They are, however, in some measure intelligent and active, and exhibit evident marks of advancement in the arts of civilization…The natives were originally, it is probable, idolaters; and* **the Mohammedan delusion** *is supposed to have been introduced by the Arabs, when, long since, they took possession of the country".* Maklumat ini menggambarkan pandangan umum tentang orang Melayu yang tersebar dalam masyarakat Inggeris. Memang sikap permusuhan yang dicerminkan dalam petikan tersebut tidak memajukan kefahaman tamadun Melayu, dan tahap kerjasama orang Islam dengan penganut agama lain.

Sejarah Kolej Inggeris Cina dijelaskan juga dalam beberapa makalah, yang diterbitkan di dalam pelbagai majalah Kristian pada kurun ke-19, antaranya:

– *Anglo-Chinese College at Malacca* –Asiatic Journal, 1819 (KP JB 171) mengandungi cerita tentang pembinaan dan perasmian Kolej tersebut *(11 November 1818).* Antara nama-nama yang disebutkan ialah W.Farquhar *(Residen-Kapten Melaka)*, J.S.Timmerman Tyssen *(Gabenor Inggeris)*, dan lain-lain. Ternyata berdirinya Kolej tersebut dianggap sebagai peristiwa yang amat penting dan disokong oleh pentadbiran Inggeris. Terdapat juga cerita tentang konsep pendidikan di Kolej tersebut. Tujuan utama disebutkan: *The cultivation of Chinese and English literature, and the diffusion of Christianity.* Mahasiswanya ialah para pemuda yang beragama Kristian dari Eropah dan Cina. Orang Melayu sebagai mahasiswa tidak disebutkan Malahan tamadun Melayu dan agama Islam langsung tidak dibincangkan.

– *The Anglo-Chinese College (The Evangelical Magazine and Missionary-Chronicle, 1824)*, (KP JB 172) menjelaskan sistem pengajaran agama Kristian di Kolej. Disebutkan jumlah mahasiswa Cina pada tahun 1824 ialah 20 orang manakala mahasiswa Melayu tidak disebutkan.

– *Anglo-Chinese College - Asiatic Journal, 1829 (KP JB nn)* mengandungi laporan tentang kegiatan dan sistem pengajaran di Kolej tersebut. Terdapat senarai subjek pelajaran dan rancangan pengajarannya. Tamadun Melayu sebagai salah satu subjek (mata pelajaran) tidak disebutkan.

– *State of Education Among the Malays in Malacca–Asiatic Journal, 1820 (KP JB 177).* Dikarang oleh William Milne *(1785 – 1822)***,** iaitu seorang tokoh agama Kristian, mubaligh, pendiri Kolej Inggeris Cina. Terdapat bahan-bahan umum tentang Kolej dan sistem pengajaran dalamnya. Disebutkan juga tentang sistem pengajaran di sekolah Melayu, iaitu: *The whole of the education which the Malays receive at school consists in learning to recite the Koran in the Arabic, and something learning to write; but neither arithmetic, nor any other branch of common knowledge necessary for transacting business, is taught (hlm. 345).*

Pendapat tersebut tersebar dalam kalangan masyarakat umum Inggeris dan negara Eropah yang lain. Mereka berprasangka bahawa pendidikan di madrasah dan pusat pelajaran Islam yang lain mengandungi hanya subjek-subjek yang berkaitan dengan agama sahaja. Justeru, subjek yang lain tidak diajar. Pendapat tersebut tidak betul. Dalam sumber sejarah Melayu, terdapat banyak maklumat tentang ilmu dan sistem pendidikan di alam Melayu dan masyarakat Islam Melayu. Misalnya dalam, *Tuhfat al-Nafis* yang dikarang oleh Raja Ali Haji pada tahun *1865*, sebagai subjek (mata pelajaran) disebutkan ilmu bahasa (etimologi, saraf, nahu), falsafah (didaktik, tassawuf, akhlak), sejarah (historiografi, penelitian sumber sejarah), ilmu fikah (syariah, ilmu hukum); ilmu falakiah (ilmu nujum) dan lain-lain:

> *"... Raja Ahmad itu pergi berulang-ulang* **mengkaji ilmu falakiya** *... kepada Syeikh Abd al-Rahman Misri di dalam Betawi itu"* (TN:329.11(526)).
>
> *"Serta ada ia membawa satu orang alim namanya Syeikh Ahmad Jibrati dan seorang lagi orang Banjar anak Syeikh Muhammad Arsyad Banjar yang masyhur dengan ilmu besar di bawah angin yang* **mengarang beberapa kitab-kitab fikah** *dan lainnya. Maka adalah nama anaknya tuan itu iaitu Tuan Shahab al-Din"* (TN 415-417, 424-425)
>
> *"... Kemudian berbalik pula ia* **membaca nahu alfiyah** *Nazm ibn al-Malik. Maka tiada khatam sekira-kira bahagi dua lebih kurang sedikit"* (TN 422, 417)
>
> *"...Adapun sarafnya Zawani dan nahunya Awamil dan Ajurrumiyyah serta syarh-syarhnya"* (TN 410, 417)
>
> *"Adipati Terbaya satu anak raja Jawa yang pandai bahasa Arab dan Bahasa Melayu dan Bahasa Benggal dan Bahasa Inggeris dan Bahasa Holanda" (TN 343, 372)*

Pendapat yang dirakamkan dalam makalah William Millne tersebut menunjukkan berlakunya salahfaham dan perbezaan antara dua sistem pendidikan iaitu sistem Eropah (Inggeris) dan sistem Melayu (sistem pendidikan Islam). Ternyata para mubaligh Kristian tidak tahu apa-apa, dan tidak langsung cuba memahami ciri-ciri khas sistem pengajaran Islam yang tersebar di alam Melayu. Sistem tersebut berdasarkan usuluddin dan pengertian Islam sebenarnya, misalnya tauhid, hikmah, 'ilm, akhlak dan lain-lain. Untuk memahami sistem Pendidikan Islam perlu memahami pengertian (asas) tersebut.

Analisis karya sejarah Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19 menunjukkan bahawa dalamnya terdapat banyak bahan (teks) yang berkaitan dengan ilmu dan pendidikan. Bentuk dan gaya bahasanya adalah serbaneka.Ternyata ilmu adalah sangat penting dan mempengaruhi pemandangan umum negara-negara Melayu. Misalnya definisi *'ilm* atau *ilmu* memang mempunyai kaitan yang erat dengan Islam, dan amat mempengaruhi penyebaran ilmu di alam Melayu. Ilmu adalah salah satu unsur kehidupan intellektual yang penting. Dalam tamadun Islam difinisi *al-ilm* mempunyai makna yang istimewa: "*knowledge (al-ilm; ma'rifah; ilm) occupies a most important position in Islam, where in the Holy Qur'an alone we find more then eight hundred references to knowledge*"[30]. Satu lagi contoh iaitu istilah *Hikmah*. Definisi tersebut ditemui dalam semua teks sejarah Johor. Menurut tradisi Islam, definisi tersebut bermaksud "kebijaksanaan (wisdom)" yang tertinggi, yang boleh diterima hanya sebagai kurniaan daripada Allah SWT. *Hikmah* itu tidak boleh dicapai

---

[30]Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1993, p. 78. Tentang definisi "ilmu" di Islam lihat juga: Wan Daud Wan Mohd Nur Dr. The *Educational Philosophy and method of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Explosition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1995; Tentang unsur-unsur ilmu yang dirakamkan dalam teks-teks Melayu lama lihat: Denisova, Refleksi Mistoriografi: Alam Melayu. KL: UM Press, 2011 ms. 57-105.

oleh kehendak manusia sendiri. Melainkan atas izin Allah SWT. Definisi tersebut mencakupi salah satu unsur konsep *'ilm* yang dirakamkan dalam Al-Qur'an[31]. Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas menjelaskan sebagai berikut: *"…in the case of knowledge, man has to … know … what is true knowledge and what is learned guess and theory. … To know how to put what knowledge in its real place is wisdom hikmah"*[32] *D*i dalam *Tuhfat al-Nafis*, kita menemui istilah *hikmah* yang sama: *Hikmah Allah SWT ("wa hikmati-Hi" TN1, 3).*

Kadar (darjah) penyebaran ilmu dan pengaruhnya terhadap masyarakat umum menunjukkan darjah kemajuan kesedaran sosial dan perkembangan masyarakat. Maklumat tentang ilmu dan pendidikan di dalam teks Sejarah Melayu Islam tersebut menunjukkan juga kadar *Islamization* masyarakat Melayu sejak kurun ke-13 hingga-19, selain darjat kesedaran sosial serta kehidupan intellektual dalamnya.

Teks mengenai Kolej Inggeris yang lengkap terdapat dalam monograf Brian Harisson yang berjudul *"Waiting for China: the Anglo-Chinese College at Malacca, 1818-1843, and Early Nineteenth Century Missions". (KP JB 173).* Dalamnya terdapat maklumat tentang misi mubaligh Protestan di Melaka, (di alam Melayu) dan Cina. Dijelaskan juga peranan Kolej tersebut dalam penyebaran agama Kristian. Monograf itu mengandungi riwayat hidup Robert Morrison, William Milne, T.S.Raffles, Abdullah Munshi dan tokoh lain yang berkaitan dengan Kolej Inggeris Cina tersebut.

---

[31]"knowlegde has been understood to mean the Holy Qur'an; the Revealed Low (syari'ah), the Sunnah, Islam, Faith (iman), spiritual Knowledge (ilm al-laduniyy), Wisdom (hikmah) and Gnosis (ma'arifah)…" in: Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1993, p. 143.

[32]Ibid., hlm. 79

Pengarang menumpukan perhatian kepada kegiatan harian kolej. Terdapat bahan-bahan tentang sistem pengajaran dan subjek-subjek pengajaran di Kolej, tentang hubungan di antara Kolej dan Misi Mubaligh Kristian London, tentang bangunan Kolej, tentang staf dan guru, pekerja di Kolej dan tentang para mahasiswa yang belajar di Kolej.

Terdapat juga data tentang jumlah penduduk di Melaka dan susunan masyarakatnya iaitu pada tahun 1813 penduduk Melaka berjumlah sekitar 17 000 orang; dan kebanyakannya orang Cina, 10 000 orang. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa jumlah penduduk Melaka semakin berkurangan dan susunan masyarakatnya berubah.

Mengenai orang Melayu Brian Harrison menulis sebagai berikut:

> **"***Malacca Malays in general had long become reduced to a subordinate position in a multiracial community since governed by successive Portuguese, Dutch and English colonial administrations which were always closely assossiated with local Chinese and Indian commercial enterprise"* (hlm. 23).
>
> Ternyata pentadbiran penjajahan Inggeris, sama sahaja dengan para penakluk Portugis dan Belanda iaitu mereka menyokong dan bekerja sama dengan golongan Cina dan India tetapi tidak memperhatikan orang Melayu Muslim. Orang Melayu tidak disebutkan sebagai mahasiswa Kolej tersebut, malahan subjek yang berkaitan dengan tamadun Melayu tidak ditemui. Pengarang menyatakan bahawa **"***some time was reserved each day for study of the Malay written language, but William Milne (salah satu seorang pendiri Kolej) admitted:"Every moment taken from the Vhinese I seem to grudge*" (hlm. 26)

Dalam koleksi John Bastin terdapat juga pelbagai karya para mubaligh Kristian, seperti William Milne, Rev. David Collie, James Legge, D.Tyerman dan G.Bennet dari Lembaga Mubaligh London dan lain-lain. Antaranya ialah:

William Milne (Cathechism for Youth), (KP JB 178)

Teks dalam bahasa Cina. Buku pengajaran untuk pemuda tentang agama Kristian. Mengandungi soal jawab tentang pelbagai hal yang berkaitan dengan istilah Gospel, Tuhan, Manusia, Jiwa, Dosa, Wahyu dan lain-lain. Terdapat juga teks doa untuk kanak-kanak.

William Milne. A retrospect of the first ten years of the Protestant mission to China (now in conjunction with the Malay, denominated, the ultra-ganges Missions.) Accompanied with miscellaneous remarks on the literature, history and mythology of China. (KP JB 179)

Mengandungi laporan mengenai kegiatan Lembaga Mubaligh Protestan di Melaka selama 10 tahun. Terdapat cerita ringkas tentang sejarah gereja Kristian di China; tentang masyarakat Cina, pelbagai ciri khas masyarakat Cina; kritikan tentang asas palsu dalam falsafah Cina; tentang penyembahan berhala di China; tentang kegiatan lembaga mubaligh di China (Morrison, Milne dan lain-lain); tentang terjemahan Injil ke dalam bahasa Cina (R. Morrison); tentang pelbagai buku Kristian yang diterbitkan. Orang Melayu dan tamadunnya tidak disebutkan.

Collie, David

The Chinese Classical work commonly called The Four Books; translated and illustrated with notes, by the late Rev. David Collie,Principal of the Anglo-Chinese College, Malacca (KP JB 176)

Buku tersebut merupakan terbitan daripada teks falsafah Cina – Empat Buku *(The Four Books)* yang diterjemahkan oleh Davis Collie

dari Kolej Inggeris-Cina. Karya falsafah tersebut mengandungi: (1) *Ta Heo oleh Tsang Tsze (seorang pengikut Konfusius), (2) Chung Yung (Golden Medium, Pertengahan emas)* disusun oleh Kung Keih – anak cucu dan pengikut Konfusius (mengandungi pelbagai hal ehwal mistik Cina); *(3) Lun Yu (Dialogues)* – mengandungi pembincangan Konfusius dengan para pengikutnya (tentang asal usul dan ciri-ciri khas manusia); *(4) Shang Mung dan Hea Mung* oleh *Mung Tsze,* seorang ilmuwan Cina yang hidup 100 tahun selepas Konfusius. Beliau mengkaji karya-karya Konfusius. Buku tersebut merupakan contoh terbitan Mubaligh London di Melaka.

Helen Edith Legge. James Legge missionary and scolar (KP JB 180)
Terdapat riwayat hidup Dr. James Legge *(1815-1897)* iaitu seorang ahli tamadun Cina. Pada tahun 1840 beliau mengepalai Kolej Inggeris-Cina dan bekerjasama dengan lembaga mubaligh di Hong Kong dan Melaka. Disebutkan juga tentang Melaka (hlm. 13-26), tetapi maklumat-maklumat tentang para penduduk tempatan dan orang Melayu tidak ditemui.

Daniel Tyerman and George Bennet. Journal of voyages and traveles by… deputed from the London Missionary society, to visit their various stations in the South Sea Islands, China, India etc., between the years 1821 and 1829. (KP JB 182)

Monograf ini merupakan catatan pengembaraan D.Tyerman dan G.Bennet daripada Lembaga Mubaligh London yang pernah mengunjungi Cina, India dan pulau-pulau di laut-laut selatan (1821-1829), iaitu Tahiti, New Zealand, Sydney dan lain-lain. Monograf ini mengandungi cerita tentang orang Melayu di Melaka dan Singapura serta beberapa keterangan mengenai Kolej dan sistem pendidikannya. Mengenai orang Melayu pengarang menulis sebagai berikut:

> *"The Malays are also excluded, because they are, proverbially, too treacherous to be trusted. (hlm. 218)*
>
> *"… the tribes of the Pacific never practiced the disgusting method of blackening their teeth, and making their mouth and lips artificially red, as the Malays universally do. This is partly effected by chewing the pernicious betel-nut, wrappedin an aromatic leaf, with lime, and a gummy substance called gambier, of which a quid is made, and the whole mass of abominable ingredients is thrust together into the mouth, with the occasional addition of a large piece of tobacco, half of which projects outward, and completes the Malayan physiognomy of filth and ugliness. The teeth soon become jet black, and, as they decay early by the corrosive process, the mouth of these wretched people exhibit charnel-houses of rotten stumpf, which, for the purpose of breathing freely, or from idiotic listlessness, they keep continually open. (hlm. 285)*
>
> *"Some of the Mahomedan Malays expressed much displeasure at the idea that they should be thought to need the instructions of British Missionaries"* (hlm. 275)

Maklumat tersebut menunjukkan sekali lagi bahawa orang Inggeris bersikap negatif terhadap orang Melayu Muslim. Sikap permusuhan tersebut tidak memajukan kefahaman mereka tentang tamadun Melayu.

Pengarang memaklumkan juga bahawa di Singapura pada tahun 1821 sehingga 1829, para penduduknya ialah orang Melayu Muslim: *"The population is Malayan, and their religion – Mahommedan" (hlm. 234).* Maklumat tersebut amat penting. Hal ini membuktikan kerana pada kurun ke-19 sebelum Th. Raffles membina kubu Inggeris di Singapura penduduk tempatan di Singapura

ialah orang Melayu Muslim. Apa lagi Singapura dianggap sebagai negara Melayu Islam yang berperanan tinggi dalam sejarah Islam di alam Melayu[33].

Mengenai sistem pendidikan yang disebarkan oleh Lembaga Mubaligh Kristian London dijelaskan bahawa: *"Several attempts have been made to open schools here for girls, among the Malays; but these have hitherto been ineffective, the parents insisting that the Koran, and sundry books of their own, to the exclusion of all others, should be used; - terms to which no Christian teachers could ever agree, without themselves becoming renegades"*.(hlm. 274). Ternyata pada kurun ke-19 di Melaka, telah wujud sistem pendidikan Melayu Islam walaupun didorong oleh pentadbiran penjajahan Eropah. Agama Islam bukan sahaja mempengaruhi orang Melayu dan Muslim, tetapi pengaruhnya tersebar kepada orang Kristian dan orang Eropah. Terdapat maklumat sebagai berikut: *"Near this temple of the "beast" ("seat of Satan" – ini semua tentang suatu temple Hindu di India), there is another to "the false prophet"; a Mahommedan mosque, erected, we are informed, by a Christian, who appears to have fancied that the Mussulman's religion might be as good as his own*. (hlm. 303)

Keadaan yang sebenar di Melaka pada kurun ke-19 yakni pada zaman kerajaan Inggeris di dekat/gambarkan juga dalam satu lagi petikan ringkas yang berikut: "*It is a poor place, extending along the shore; the houses towards the centre are pretty compactly built together; but those at the extremities mean and straggling; the old church-tower (a ruin) and the light-house are most conspicuous objects, and the Missionary College is the best building".* (hlm. 271). Maklumat ini menafikan prasangka bahawa orang Eropah memajukan alam Melayu dan menyebarkan kepada masyarakat tempatan kaedah ekonomi yang paling progressif. Ternyata selepas 300 tahun kehadiran orang Eropah tersebut di alam Melayu

[33]Tentang Islam di Singapura lihat antara lain: T. Denisova. Islam di Singapura seperti yang dirakam dalam karangan sejarah Melayu klasik. dlm: *Bulletin of Moscow State University. "Oriental studies",* N4, Moscow, MGU, 2002.

Melaka (iaitu salah satu negara yang paling maju dan kaya) semakin mundur diakibatkan oleh kegiatan, para pengikut kaedah progresif itu.

Dalam katalog koleksi John Bastin, di senaraikan beberapa judul tentang kegiatan (misi) mubaligh Inggeris yang wujud di Melaka pada kurun ke-18 sehingga ke-19. Buku tersebut berdasarkan laporan-laporan yang rasmi tentang mubaligh London dan pusat pendidikan Kristian yang dibina di alam Melayu oleh para mubaligh tersebut. Dalamnya terdapat maklumat tentang sejarah kegiatan mubaligh dan Kolej Inggeris Cina di Melaka.

Terdapat dua karya Leona O'Sullivan. Yang pertama ialah tesis MA yang bertajuk *"Aspects of the History of the London Missionary Society's Malacca station. With special references to the period 1819-1843" (KP JB 174)* Karangan tersebut menceritakan tentang Lembaga Mubaligh Kristian Protestan. (London Missionary Society) yang didirikan pada tahun 1795. Pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah lembaga tersebut dan kegiatannya di Melaka, Cina, Singapura, atau tempat lain. Subjek yang kedua ialah sejarah Kolej dan sistem pendidikannya. Tesis L. O'Sullivan mengandungi beberapa maklumat tentang orang Melayu dan pendapat mereka terhadap agama Kristian. Isinya dipetik sebagai berikut:

> *"They highly approve of the morality of the Gospel, but they are avowed enemies of the Doctrine of Salvation" (hlm. 23)*
> *"Several have expressed their disappointment in not finding Mohamod and his coming mentioned in our S.S. (Sacred Scripture) and therefore think, the S.S. which we propagate must be corrupted"*
> *"Interest in Christianity among Malays lay, roughly, in three tiers of theit society: in the upper-class Malays and oriests, well versed in their own faith and interested mostly at this time in making rational comparisons between Islam and Christianity with the missionaries; in the lowest class which sought protection and refuge; and in a small but growing class of Malays who took practical advantage of the opportunity for education being offered in Christian schools". (hlm. 40)*

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa kegiatan mubaligh Inggeris tidak berjaya dalam masyarakat Melayu Islam. Perlu ditegaskan bahawa orang Muslim tidak pernah prejudis, memaki atau memperkecilkan agama Kristian. Pada pandangan orang Muslim, buku-buku Kristian (Bible dan Injil) dianggap sebagai buku suci juga.

Subjek yang sama juga dinyatakan dalam dua makalah L. O'Sullivan yang lain. Dalam makalah bertajuk "*The London Missionaty society: a written record of Missionaries and printing presses in the Straits Settlements, 1814-1847" (*KP JB 175) terdapat maklumat tentang sejarah kegiatan (cawangan) mubaligh London di Melaka (sejak 1815), di Singapura dan Pinang (sejak 1819); tentang kegiatan kegiatan Richard Morrison dan William Milne. Pengarang juga mengkaji sejarah percetakan Lembaga Mubaligh di Melaka termasuk alat dan bahan-bahan percetakan. Antara terbitan yang dikeluarkan oleh percetakan Lembaga Mubaligh London di Melaka ialah, *The Indo-Chinese Glearner (1817)*. Judul itu menyerupai terbitan berkala Barat yang pertama yang diterbitkan di alam Melayu. Disebutkan juga *Rukun Sepuluh* (*The Ten Commandments*) (1817). Judul itu merupakan buku Melayu pertama yang dicetak oleh misi. Disenaraikan juga pelbagai penerbitan Melayu yang lain, antaranya buku pelajaran bahasa dan kamus-kamus, buku pelajaran arithmetik (ilmu Hisab), *The Malay Magazine,* dan lain-lain.

Terdapat juga maklumat yang menarik mengenai Abdullah Bin Abdul Kadir Munshi (1797-1854). Beliau pernah bekerja di Lembaga Mubaligh London sebagai guru dan ahli transkripsi di pejabat penerbitan misi tersebut.

Dalam makalah L O'Sullivan yang berjudul, *The departure of the London missionary society from Malacca* (KP JB 181) terdapat maklumat tentang perpindahan Lembaga Mubaligh London dari Melaka ke Hong Kong. Dijelaskan bahawa lembaga tersebut tidak berjaya di Melaka. Walaupun lembaga, tersebut menerima sokongan yang amat luas (termasuk kewangan), para

penduduk tempatan, iaitu orang Melayu berasal dari Melaka tidak mengikut lembaga tersebut, mereka tidak mengubah agama Islam mereka, malah tidak bekerja sama dengan pentadbiran penjajahan Inggeris.

Tajuk tersebut juga mengandungi data tentang sistem kesihatan di Melaka dan Pinang yang disokong oleh lembaga mubaligh itu berdasarkan surat daripada Dr. Francis King yang tersimpan dalam India Office Library. Dr. Francis King bekerja di Pulau Pinang pada tahun 1857 sehingga 1865.

Dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin hanya disenaraikan dua tajuk mengenai sejarah umum penjajahan Inggeris di alam Melayu. Tajuk Yang pertama *Historical Guide of Malacca* (KP JB 157) disusun oleh *Malacca Historical Society.* Karangan ini merupakan buku kecil tentang Melaka. Diterbitkan untuk memperingati ulang tahun ke-100 ke pendudukan orang inggeris Melaka. Dalamnya juga terdapat cerita ringkas tentang sejarah Melaka.

Dalam buku itu, terdapat keterangan mengenai artifak sejarah di Melaka (patung-patung, bangunan lama, kubu, istana, gereja, batu-batu nisan dan lain-lain). Artifak yang berkaitan dengan tamadun Islam tidak disebutkan, namun terdapat senarai ringkas masjid-masjid di alam Melayu. Terdapat juga cerita ringkas tentang Francis Xavier.

Pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah orang Eropah di Melaka. Mengenai Melaka sebelum tahun 1511, dan sebab-sebab kejatuhannya terdapat maklumat seperti yang berikut: "*Meanwhile in spite of a prosperous trade and early success against feeble neighbours, The Malay Annals show a succession of Palace intrigues, murder and sudden death, and a state of degenerate tyranny which left Malacca ready to fall to the first determined attack*" (hlm. 3). Menurut pendapat tersebut tentera D'Albuquerque berjaya memasuki Melaka dan merampasnya hanya kerana kerajaan Melaka lemah dan mundur serta tidak mampu melawan musuhnya. Data mengenai pengkhianat yang membuka pintu Melaka untuk orang Portugis tidak disebutkan.

Terdapat analisis ringkas perbandingan pemerintahan antara zaman Portugis dengan zaman Belanda dan Inggeris. Mengenai sikap permusuhan terhadap orang Muslim, pengarang menegaskan sebagai berikut: *The Portuguese come to the East in an entirely different spirit to that of the English and Dutch adventurers, who followed them. They came not as traders, but as Crusaders. It was one more stage of the great struggle against the Moors. (hlm. 4) … the Dutch came frankly as traders with no special enmity against Mahometan inhabitants.* (hlm. 6)

Maklumat tersebut membuktikan bahawa sikap permusuhan terhadap Islam tidak memajukan perkembangan ekonomi serta hubungan antarabangsa. Peperangan dengan orang Muslim hanya mengakibatkan kemunduran orang Portugis di Melaka.

Karya yang kedua mengenai sejarah umum kerajaan Inggeris di Melaka pada kurun ke-18 sehingga ke-19 berjudul, *British Occupation of Malacca, 1795-1818* (KP JB 152). Karya tersebut menyerupai tesis Bachelor yang dikarang oleh Margaret Lee untuk Pejabat Sejarah Universiti Malaya. Dalam tesis tersebut, pengarang menumpukan perhatian kepada hal ehwal ekonomi dan perdagangan di Melaka pada zaman Inggeris. Beliau menulis tentang persaingan antara orang Belanda dan Inggeris; tentang perampasan Melaka oleh orang Inggeris (1795); tentang sistem kerajaan di Melaka pada zaman orang Inggeris (1795-1809). Margaret Lee mengkaji unsur-unsur sistem kerajaan Belanda dalam pemerintahan Inggeris di Melaka. Beliau menganalisis sebab-sebab kemunduran Melaka pada zaman Inggeris. Beliau turut menegaskan bahawa Kompeni Inggeris merancang untuk memusnahkan Melaka sebagai pusat penghantaran, pelabuhan persinggahan kapal dan perniagaan antarabangsa. Melaka pada zaman tersebut merupakan pesaing utama Pulau Pinang dan Singapura. Sedangkan orang Inggeris berusaha mengembangkan pusat kuasa yang baru (Singapura dan Pinang).

Bahan-bahan tersebut menunjukkan bahawa orang Inggeris tidak berminat untuk memajukan Melaka sebagai pusat perdagangan kerana Melaka dianggap

oleh orang tempatan sebagai pusat tamadun mereka, tamadun Islam. Zaman kesultanan Melaka disebutkan sebagai *zaman emas* dalam sejarah alam Melayu. Melaka dianggap sebagai lambang kesedaran kebangsaan (*national consciousness*) yang amat berwibawa. Sedangkan Pulau Pinang tidak mempunyai peranan yang besar dalam sejarah alam Melayu. Justeru, Pulau Pinang tidak berkaitan dengan tamadun Islam.

Kemusnahan Melaka dianggap sebagai suatu tindakan yang penting dalam perlawanan penjajah Inggeris dengan gerakan kemerdekaan kebangsaan yang diilhamkan oleh (gagasan) Islam dan tokoh-tokoh Muslim.

Dalam tesis tersebut, terdapat juga laporan Th. St. Raffles tentang Melaka. Beliau tidak setuju dengan kemusnahan Melaka. Beliau menegaskan bahawa "*Pembangunan balik Melaka sebagai pusat aktiviti ekonomi dan politik menurut pendapat Raffles akan (membantu) menerima sokongan dari raja-raja tempatan, termasuk ufti dan pembayaran lain yang biasanya negara takluk membayar kepada Yang Dipertuan Agung*".

Margaret Lee menulis berdasarkan sumber sejarah Eropah. Dalam Appendix (lampiran) bukunya terdapat teks Proklamasi tentang Melaka selepas pihak Belanda menyerah kalah dalam peperangan dengan Inggeris (Appendix A.); teks warkah rasmi daripada Kaptan Komandan Melaka W. Farquhar kepada kerajaan Pinang tentang pemindahan penduduk dari Melaka, (16.11.1805) dan dalam (Appendix B); teks perjanjian antara orang Inggeris dan Raja Naning (1801). Sumber-sumber sejarah Melayu Islam tidak disebutkan.

Analisis buku-buku tentang orang Inggeris di Melaka pada kurun ke-18 hingga ke-19, (yang disenaraikan dalam Bahagian kedua katalog koleksi John Bastin) menunjukkan bahawa buku tersebut kurang lengkap. Kebanyakan buku tersebut (18 dari 21) merupakan karya tentang kegiatan Lembaga Mubaligh London dan mubaligh Kristian Protestan di Melaka; pusat-pusat pendidikan,

percetakan, pusat rawatan dan lain-lain yang didirikan oleh lembaga mubaligh tersebut. Susunan koleksi tersebut menggambarkan minat ilmiah John Bastin sendiri, dan subjek inilah yang menjadi puncak perhatian beliau. Bahan-bahan tersebut sangat menarik dan merupakan sumber sejarah yang lengkap mengenai sejarah gereja Kristian di Melaka. Justeru, semua karya tersebut mempunyai kelemahan yang sama, iaitu mengandungi data tentang orang Eropah atau orang Cina di Melaka. Maklumat mengenai orang Melayu dan tamadun Islam hampir tidak ditemui.

Karangan tersebut membantu kita supaya memahami tujuan pentadbiran penjajahan Inggeris yang sebenar. Tujuan mereka adalah untuk menguasai perdagangan, galian dan sumber kekayaan (kewangan) yang lain di alam Melayu. Berbanding dengan penakluk Portugis dan Belanda yang lebih berminat mendapat faedah yang terbesar dalam jangka pendek (at the earliest possible date), tujuan orang Inggeris jelas berbeza. Mereka berminat mengawal ekonomi dan kekayaan alam Melayu untuk selama-lamanya. Hal inilah menyebabkan orang Inggeris melaksanakan aktiviti yang lebih lengkap dan kompleks di alam Melayu. Kompeni Inggeris dan pentadbiran penjajahan membina dan mengembangkan kubu-kubu (pusat berkuasa) sendiri seperti di Pulau Pinang dan Singapura. Mereka merancang untuk menjadikan Pulau Pinang dan Singapura sebagai pusat berkuasa dan pengaruh mereka yang baharu, selain pusat aktiviti perdangan. Justeru orang Inggeris bukan hanya membina pusat-pusat yang baru malah juga mereka berusaha untuk menggunakan pusat-pusat yang lama yang amat bermakna dalam sejarah dan pemandangan awam masyarakat Melayu iaitu, misalnya Melaka. Orang Inggeris menggunakan Melaka sebagai pusat kuasa sendiri supaya mengesahkan (legitimate) kuasa mereka dalam masyarakat tempatan. Orang Inggeris terpaksa bersaing dan berperang dengan orang Belanda dan raja-raja tempatan dalam usaha mereka menguasai kawasan tersebut. Mereka juga berusaha mendapat sokongan masyarakat Melayu. Pentadbiran penjajahan Inggeris berusaha melaksanakan perubahan dalam susunan masyarakat

tempatan iaitu perubahan dari segi agama dan bangsa. Mereka secara sengaja mengurangkan jumlah penduduk Melayu Islam di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang serta menggantikan dengan orang Cina, India dan non-Muslim lain. Inggeris mempengaruhi masyarakat umum khususnya generasi muda menyokong pentadbiran mereka dengan cara menyebarkan sistem pendidikan Inggeris di seluruh alam Melayu serta sekolah Kristian Protestan (dibina oleh Lembaga Mubaligh London) untuk anak tempatan, yang kebanyakannya non-Muslim (Cina, India dan lain-lain). Pengajaran dan pembelajaran sekolah tersebut tidak mengandungi subjek (mata pelajaran) yang berkaitan dengan agama Islam dan tamadun Melayu Islam. Kesan pentadbiran Inggeris dalam sistem pendidikan boleh dilihat sehingga kini.

Melaka dan orang Cina

Dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin disenaraikan beberapa judul mengenai orang Cina di Melaka. Jumlah ialah 21 tajuk[34]. Kebanyakannya merupakan karya ilmiah yang dikarang oleh para orientalis Barat dan ahli sejarah Cina. Terdapat dua tajuk terbitan sumber sejarah Cina iaitu catatan pengembara dan catatan kenangan (memoirs). Kita menemui hanya satu buku tentang sejarah umum masyarakat Cina di alam Melayu (KP JB 76). Semua buku yang lain adalah mengenai sejarah Melaka yang lama, iaitu sebelum kedatangan orang Eropah. Ternyata subjek tersebut (sejarah orang Cina di Melaka sebelum 1511) dianggap sebagai subjek yang amat penting oleh ilmuwan Barat dan Cina justeru menarik perhatian oleh John Bastin sendiri untuk mengkaji dan mengumpul. Karangan orang Melayu tentang subjek tersebut tidak ditemui.

---

[34]Dalam koleksi John Bastin, disimpan juga buku-buku mengenai Kolej Inggeris Cina yang dibina oleh Lembaga Mubaligh London di Melaka pada tahun 1818. Buku-buku tersebut sudah dianalisis di atas dalam fasal mengenai orang Inggeris di Melaka pada kurun ke-18 sehingga ke-19. Lihat KP JB 170, 171, 172, 173, 174, 176, 178, 179.

Hal ehwal sejarah Melaka yang terawal dijelaskan dalam makalah Sir Richard Winstedt yang bertajuk "*Malay History from Chinese sources*" (KP JB 69). Karya tersebut menganalisis pelbagai maklumat dari sumber sejarah Cina tentang Parameswara. R.O Winstedt membuktikan bahawa Parameswara dan Sultan Iskandar Shah ialah orang yang sama. Hal tersebut dibincangkan dalam diskusi dengan Christopher H.Wake, iaitu seorang orientalis yang lain.

Sumber sejarah China dikaji juga dalam monograf, *Notes on the Malay Archipelago and Malacca. Compiled from Chinese sources. (KP JB 72)* yang dikarang oleh W.P.Groeneveldt pada tahun 1877. Dalamnya terdapat senarai teks Cina yang digunakan sebagai sumber sejarah serta nama-nama pengarangnya. Antara yang disebutkan adalah sebagai berikut:

– Catatan Sejarah Dinasti (Dynastic Histories)
– *Ying –yai Sheng-lan (1416)*, catatan pengembara Ma Huan iaitu seorang peserta lawatan Cheng Ho.
– Hsing-ch'a Sheng-lan (1436), catatan pengembara Fei Hsin (Muslim) yang juga ikut serta dalam lawatan Cheng Ho.
– Hai Yu (Cerita tentang laut,1537), catatan yang dikarang oleh Hwang Chung. Beliau mengumpulkan cerita para pelaut yang pernah mengujungi Siam dan Melaka
– Tung his Yang K'au (kajian tentang laut Barat dan laut Timur, 1618) oleh Wang Ch'i-Tsung. Catatan tentang Indo-Cina dan Alam Melayu. Pengarang mengetahui pentadbiran cukai di Nankin.
– Fo Kuo Chi (400BC) ialah "laporan tentang Negara-Negara Buddha
– catatan yang dikarang oleh sami Buddha yang pernah singgah ke Jawa.

Terdapat juga petikan dari teks tersebut dengan keterangan. W.P. Groeneveldt menyebutkan juga laporan rasmi tentang raja di alam Melayu yang datang ke China untuk berniaga.

Sumber sejarah yang dikaji dalam buku tersebut mengandungi maklumat tentang kehidupan di alam Melayu, tamadun Melayu, para saudagar dan perdagangan dan lain-lain. Misalnya dalam *kronika Dinasti T'ang (618-906)* terdapat maklumat yang menarik tentang bahasa dan ilmu di alam Melayu: "*mereka (Java, Kaling) tahu huruf-huruf dan pandai sikit dalam ilmu falakiya (astronomi)".* Dalam petikan tersebut, para ilmuwan Islam tidak disebutkan, dan tidak jelas apakah huruf-huruf yang disebutkan ialah huruf Jawi (Arab) atau huruf java purba (Sanskrit dan lain-lain). Walaupun begitu, sebutan tentang ilmu falakiya mungkin boleh dianggap sebagai bukti, bahawa huruf/ilmu yang dinyatakan dalam petikan itu dibawa oleh orang Arab. Pada masa itu para pelaut Arab sangat pandai dalam ilmu falakinya.

Hal tersebut disahkan dalam maklumat yang lain iaitu mengenai orang Arab yang singgah di Jawa pada masa itu. Isinya dipetik*: "Ratu Sima merajakan negara secara adil. Pada masa itu tidak ada orang yang mencuri barang walaupun barang itu tertinggal di jalan. Raja Muda dari bangsa Arab mendengar tentang hal tersebut dan berkehendak peperiksa keadilan orang tempatan. Mereka membawa emas dan meletakkannya dekat batasan negara tersebut. Selepas 3 tahun tidak siapa pun yang ambil emas tersebut. Justeru itu seorang menteri memijaknya emas itu. Ratu Sima marah dan potong jari kaki menteri tersebut. Raja Arab terkejut dan tidak melanggar negara".* Maklumat tersebut membuktikan bahawa orang Arab pernah datang ke alam Melayu sebelum kurun ke-10. Dirakamkan unsur konsep keadilan yang wujud di masyarakat Melayu[35].

Dalam koleksi John Bastin juga disimpan teks Cina (1433) mengenai Cheng Ho dan pengembaraan beliau. Buku berjudul "*Ying-Yai Sheng-Lan 'The overall*

---

[35]Mengenai konsep keadilan yang dirakamkan dalam teks Melayu lama lihat: Denisova, Refleksi Historiografi Alam Melayu. KL:UMPress m.s.126-154 2010
T. Denisova. Konsep keadilan dalam teks-teks Melayu lama. dlm: *Afkar* bil. 8 Kuala Lumpur: API UM, 2007

survey of the ocean's shores', 1433 disunting oleh Feng Ch'eng-Chun dengan dan lampiran oleh J.V.G.Mills" (KP JB 74). Teks tersebut merupakan catatan harian Ma Huan. Beliau seorang Muslim, pandai dalam bahasa Arab dan Parsi. Pernah berkhidmat sebagai penterjemah semasa ekspedisi Cheng Ho ke Hormuz (pada tahun 1412, 1421 sehingga 1422).

Buku itu dikarang oleh J.V.G.Mills, seorang orientalis yang terkenal, merupakan penerbitan ilmiah terjemahan teks sejarah China dari kurun ke-15. Teks dilengkapi dengan data historiografi dan keterangan mengenai naskhah dan ciri-ciri khasnya, terbitan, variasi ejaan, cerita ringkas tentang sejarah hubungan di antara China dan Asia Tenggara pada kurun ke-15; peta, pelbagai appendix dan indeks.

Buku tersebut amat penting kerana mengandungi maklumat tentang riwayat hidup Cheng Ho (Ma ho, lahir 1371. Ayahnya adalah seorang haji). Terdapat juga cerita tentang lawatan Cheng Ho ke Jawa,Vietnam, Palembang, Siam, Melaka, Aru (Deli), Samudra, Acheh, Sri Langka, Kocin, Kalikut, Liu (Maldive), Dhufar, Aden, Bengal, Hormuz, Mekka dan lain-lain. Sebagai saksi semasa yang ikut serta dalam lawatan tersebut, Ma Huan menceritakan tentang kehidupan orang Melayu. Misalnya, terdapat maklumat bahawa "*semua orang Melaka, Aru, Lamri (Ach), Maldive dan lain-lain ialah Muslim yang soleh yang ikut semua peraturan Islam mengenai solat, puasa, pakaian, makanan halal dan lain-lain*". Pengarang menegaskan juga bahawa "*orang Melayu Muslim adalah adil dan berbudi*". Pendapat beliau tentang orang Melayu amat berbeza daripada maklumat yang terdapat di sumber sejarah Eropah, yang sudah kaji sebelumnya. Apakah perbezaan tersebut mencerminkan perbezaan yang terjadi dalam mentaliti orang Melayu? Atau perbezaan tersebut diakibatkan oleh perubahan dalam mentaliti seorang saksi?

Pada zaman Melaka, orang Melayu mulai sedar bahawa mereka merupakan bangsa yang mempunyai ciri-ciri yang istimewa. Adat istiadat dan mentaliti orang Melayu Muslim tidak berubah dalam tempoh masa 200 tahun, iaitu sejak

kemunculan catatan saksi Cina tersebut (kurun ke-14) sehingga kedatangan orang Eropah (kurun ke-16). Yang berubah ialah, "sudut pandangan" saksi tersebut yang dipengaruhi oleh pandangan umum masyarakat Eropah.

Teks *Ying-Yai Sheng-Lan* tersebut dilengkapi dengan beberapa peta lama. Peta tersebut bersama peta Cina yang lain dikaji dalam karangan J.V.G.Mills yang kedua, bertajuk "*Malaya in the Wu-Pei-Chih Charts*" (KP JB 75). Buku kecil ini mengandungi kajian pelbagai peta dan bahan-bahan kartografi yang terdapat dalam laporan militer Cina kurun ke-15. Teks dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengenai bahan dan peta perjalanan ke Afrika dari Pasai dan Sumatera. Bahagian kedua adalah tentang lawatan dari Sumatera ke China. Senarai nama-nama tempat di dalam Melayu juga disebutkan dalam peta tersebut. Pengarang menegaskan secara sebenar bahawa peta China berdasarkan peta dan sumber kartografi Arab.

Berdasarkan analisis bahasa yang dirakamkan dalam teks *Ying-Yai Sheng-Lan* dan sumber sejarah Cina pada kurun ke-15 yang lain, C.O.Blagden mengkaji kosa kata bahasa Melayu klasik yang terdapat di dalamnya. Makalah beliau berjudul "*A Chinese vocabulary of Malacca Malay words and phrases collected between AD 1403 and 1511*" (KP JB 70). C.O. Blagden meneliti istilah- istilah ilmu bumi, nama tanaman dan tempat, istilah yang berkaitan dengan tempoh dan masa, nama burung dan binatang, istilah yang berkaitan dengan status sosial dan susunan masyarakat (gelaran, profesion, susunan keluarga dan lain-lain), kosa kata yang menggambarkan anggota badan, pakaian dan lain-lain.

C.O. Blagden membuktikan bahawa pada kurun ke-16 dalam sumber-sumber sejarah Cina, mengandungi kosa kata Melayu, yang amat serbaneka dari segi bentuknya dan bidang pengunaannya. Pengarang menumpukan perhatian kepada istilah Islam yang beliau temui dalam teks Cina tersebut. Misalnya iaitu: "*an la*" (Allah); *chia lan* (kalam), *su tuan* (sultan), *ku fei ya* (kopiah). Ternyata dalam teks sejarah China tersebut dirakamkan pelbagai definisi berkaitan Islam. Bahan-bahan tersebut mengesahkan maklumat bahawa pada zaman

itu ramai orang Muslim (termasuk orang Melayu Muslim) singgah ke China dan berniaga di sana.

Teks *Ying-Yai Sheng-Lan* dan sumber China yang lain digunakan dalam pelbagai karangan mengenai Cheng Ho (1371–1433). Cheng Ho (nama Arab: Haji Mahmud) ialah seorang pelaut China terkenal yang melakukan beberapa lawatan antara tahun 1405 hingga 1433.

Dalam koleksi John Bastin tersimpan dua karangan yang lain mengenai Cheng Ho. Yang pertama ialah makalah popular bertajuk , "*The Amazing voyages of Admiral Cheng Ho*" yang dikarang oleh M.C.Sheppard dalam *The Straits Times Annual for 1955.* (KP JB 77). Makalah tersebut mengandungi riwayat hidup Cheng Ho dan cerita tentang lawatannya. Terdapat juga maklumat tentang ayahnya. Ayah Cheng Ho bernama Haji Ma. Dimaklumkan bahawa Haji Ma adalah seorang haji dan mewakili keturunan Muslim yang ke-6 dalam keluarga tersebut. Ternyata nenek moyang Cheng Ho itu memeluk Islam sekitar 300 tahun sebelumnya. Ertinya pada kurun ke-10 – ke-11, keluarga tersebut ialah keluarga orang Muslim. Maklumat ini amat penting dari sudut sejarah Islam di alam Melayu dan Asia Tenggara**.**

Karangan yang kedua ialah makalah kecil bertajuk, "*Zhen He, envoy of the emperor*" yang dikarang oleh Margaret Bocquet. Pengarang menggambarkan Cheng Ho sebagai utusan rasmi raja China dan menyebutkan beberapa data tentang beliau. Dimaklumkan juga bahawa Cheng Ho berkhidmat sebagai *eunuch* dan *superintendant* dalam provinsi Yunan. Pada masa itu, perniagaan dan jalan perdagangan laut dianggap sebagai perkara yang amat penting untuk raja-raja Cina. Pada tahun 1366 sehingga 1405, iaitu pada masa Tamerlane, dinasti Timurid (Maweranahar, Asia Tengah) melanggar dan menakluki kawasan yang amat luas iaitu dari Turkestan Barat hingga India Utara. Dinasti tersebut mengawal jalan-jalan perdagangan darat. Kawalan tersebut lazimnya mendorong perniagaan antarabangsa kerana ramai saudagar dari luar kena dirampas atau dirasuah oleh pentadbiran dinasti Timurid tersebut. Agar

perniagaan raja-raja Cina maju, mereka menumpukan lebih banyak perhatian kepada jalan-jalan perdagangan di laut. Justeru, ini dapat hal tersebut memacu minat China terhadap negara-negara di alam Melayu.

Pengarang menegaskan secara sebenar bahawa Cheng Ho dianggap di dalam alam Melayu sebagai pahlawan yang melindungi orang Muslim, dan negara Islam. Justeru itu dimaklumkan bahawa di Jawa wujud satu *kultus Sam Po Kong (*iaitu Cheng Ho). Menurut pengikut kultus tersebut, Cheng Ho dianggap sebagai anak dewa-dewi malah di Jawa Tenggah dekat Lasem ada sebatang tiang (15m) di atas sebuah batu kapur besar. Kononnya tiang dan batu kapur besar tersebut adalah bahagian dari pada kapal Cheng Ho. Tiang itu didirikan oleh Sunan Bonang – seorang daripada wali Songo (wali /orang sufi yang terkenal di Jawa) yang lazimnya berzikir disana. Orang tempatan mengadakan beberapa upacara untuk memuji 'batu' itu serta menghiasinya dengan bunga-bungaan, buah-buahan dan lain-lain. Kultus tersebut tersebar di Semarang, iaitu kawasan yang terdapat pelbagai *kuil Sam Po Kong (temple)*.

Maklumat tersebut amat menarik dari sudut sejarah penyebaran Islam di Nusantara kerana menggambarkan secara sebenar masalah yang terpaksa diselesaikan oleh para ulama dan mubaligh Islam yang menyebarkan dan memajukan Islam di alam Melayu. Lazimnya istilah dan definisi Islam bercampur dengan unsur-unsur kepercayaan tempatan dan agama Hindu-Buddha. Ramai orang dikelirukan oleh ulama palsu atau oleh mereka yang kurang faham Usuluddin. Pada kurun ke-16 hingga ke-17, terdapat pelbagai karya falsafah yang menjelaskan hal ehwal Tauhid yang tulen, dan menafikan unsur-unsur syirik. Misalnya buku Nuruddin ar-Raniri yang bertajuk "Hujjatul sidiq"[36] menjelaskan hal ehwal tassawuf dan tauhid yang tulen.

---

[36]Nuruddin al-Raniri merupakan anak kelahiran Aceh-Gujerat (*Achehnese-Gujeratis*) dengan itu gelarannya ar-Raniri (Ranir adalah nama tempat di Gujerat, India). Dia tinggal di Aceh antara 1637-1644 dan mempunyai hubungan rapat dengan Sultan. Salah seorang

Peranan orang Cina dalam penyebaran Islam di alam Melayu dikaji dalam makalah *The Ming Empire: Patron of Islam in China and South-East West Asia* (KP JB 71) yang dikarang oleh Haji Yusuf Chang. Karya tersebut mengandungi bahan-bahan tentang sejarah Islam di Cina dan hubungan antara orang Muslim Cina dan Melayu. Pengarang memulakan dengan cerita ringkas tentang keadaan agama di China sejak kurun ke-3 BC sehingga kurun ke-3 AD, iaitu sejak zaman kerajaan dinasti Han (206 BC – 220 AD). Pada waktu itu, di China tersebar *Confucianism, Taosism, Buddhism*. Menurut pendapat pengarang, pada kurun ketujuh, di China sudah wujud *agama Barat, seperti Nestorianism, Judaism, Zoroastrianism, Manichaeism, Islam*. Beliau menegaskan bahawa Islam disebarkan di China secara cepat dan meluas kerana tidak ada pertentangan antara Islam dan falsafah Confucian berkaitan akhlak dan konsep kerajaan.

Makalah tersebut mengandungi bahan yang menarik mengenai orang Muslim Cina. Dimaklumkan bahawa sejak dulu, orang Muslim Cina kebanyakannya daripada bangsa Hui. Pada kurun ke sembilan jumlah total orang Hui ialah sekitar 50 ribu orang, dan pada kurun ke-14 jumlahnya telah bertambah kepada empat juta orang. Maklumat tersebut menunjukkan penyebaran islam di cina amat menggalakkan.

---

bapa saudaranya, Muhammad Jilani al-Raniri turut mengajar di Aceh, pada awalnya mengenai fiqh tetapi kemudiannya juga berkenaan tasawwuf. Nuruddin al-Raniri menurut Rifa'iyya tariqa dan mengaku turut mendapat penbelajaran dari gurunya di Hadhramaut. Tarikat Rifaiyya kekal di Aceh sehingga abad ke 19. Syeikh Nuruddin al-Raniri merupakan salah seorang tokoh yang kuat menentang mengenai Fahaman Wujudiyyah. Ar Raniri memiliki pengetahuan luas yang meliputi tasawuf, kalam, fikih, hadis, sejarah, dan perbandingan agama. Selama masa hidupnya, ia menulis kurang-lebih 29 kitab, yang paling terkenal adalah "Bustan as-Salatin". Tentang Nuruddin ar-Raniri lihat: S.M.Naquib al-Attas *"Ar-Raniri and the Wujudiyyah of 17th century Aceh*. Singapore: Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, no. 3, 1966; S.M.Naquib al-Attas. *Comments on the re-examination of Al-Raniris Hujjatu'l-Siddiq : a refutation* / by Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas. Kuala Lumpur : Muzium Negara, 1975.

Haji Yusuf Chang mengkaji juga riwayat hidup dan kegiatan raja T'ai-tsu dinasti Ming (1328-1389). Menurut pendapat pengarang, raja tersebut ialah seorang Muslim. Berdasarkan sumber sejarah Cina, beliau menganalisis sejarah kegiatan Dinasti Ming di Asia Tenggara pada kurun ke-14. Beliau menggambarkan dinasti tersebut sebagai pembela dan penyokong Islam di dalam kawasan tersebut. Diceritakan juga data mengenai Cheng Ho dan lawatan beliau.

Pengarang juga mengkaji karangan ilmiah yang dikarang oleh orientalis Barat mengenai sejarah Islam di Cina. Beliau menegaskan bahawa karya tersebut lazimnya bersikap negatif terhadap Islam di China. Ciri-ciri khasnya ialah europocentrism dan Anti-Islam. Ternyata kelemahan tersebut tersebar di dalam kajian bukan hanya mengenai Islam di alam Melayu, malahan juga mengenai sejarah Islam di Cina dan negara-negara lain.

Haji Yusuf Chang menjelaskan peranan Cina sebagai penaung yang pada masa itu menyokong dan melindungi orang Muslim di alam Melayu dan memajukan penyebaran Islam disana. Pengarang menegaskan bahawa alam Melayu menerima Islam terus dari negara Arab, bukan dari Cina atau India. Beliau menyatakan juga bahawa orang Muslim Cina kebanyakannya bermazhab Hanafi. Justeru, orang Muslim Melayu kebanyakannya bermazhab Shafi'e, iaitu mazhab yang sama dengan para ulama dari Hadhramaut, Yaman dan Mesir.

Dalam koleksi John Bastin juga tersimpan pelbagai karya mengenai Melaka yang dikarang oleh para ilmuwan Cina. Analisis karya tersebut menunjukkan bahawa para ilmuwan Cina menumpukan perhatian kepada sejarah Melaka pada kurun ke-15, iaitu sebelum kedatangan orang Eropah. Mereka mengkaji hubungan di antara Melaka dan China pada zaman tersebut, peranan orang Cina di Asia Tenggara, kehidupan orang Cina di Melaka dan lain-lain. Dalam kertas kerja bertajuk "*The Diplomatic policy of the early Ming Emperors towards the South-East Asian countries*" (KP JB 79) yang dibentangkan oleh Su Chung Jen dalam Persidangan Antarabangsa mengenai sejarah Asia (Hong Kong,

1964) terdapat bahan-bahan tentang hubungan China dengan negara-negara di Asia Tenggara pada zaman dinasti Ming. Pengarang menegaskan bahawa pada masa itu hubungan luar negara menjadi puncak perhatian raja-raja Cina. *Diplomacy* dianggap lebih penting daripada perang, bukan sahaja dalam masyarakat Cina malahan juga dalam masyarakat Melayu.

Kertas kerja mengandungi juga maklumat tentang hubungan China dengan Vietnam, Jawa, Jepun, Cambodia, Thailand, Palembang, Sumatra Utara, Chola dan negara lain. Su Chung Jen menegaskan bahawa raja-raja Cina tidak menakluki negara di Asia Tenggara secara sepenuhnya walaupun negara tersebut menganggap raja Cina sebagai penaung (Yang Dipertuan Besar). Raja-raja Cina lah yang pada awalnya mengesahkan pelantikan sultan di Melaka (misalnya Sultan Iskandar Shah). Justeru, negara-negara Melayu mengekalkan kebebasannya dalam bidang politik dan ekonomi.

Dalam makalah bertajuk, *The opening of relations between China and Malacca, 1403-1405* (KP JB 80) yang dikarang oleh Wang Gungwu dijelaskan hal ehwal hubungan antara China dengan Melaka pada zaman Parameswara, iaitu Sultan Iskandar Syah. Berdasarkan sumber sejarah China, pengarang menggambarkan lawatan atau utusan rasmi dari China ke Jawa dan Melaka serta tujuan utusan tersebut. Wang Gungwu membuktikan bahawa raja-raja Cina pertama kali mendengar tentang Melaka daripada saudagar Muslim. Mereka yang memberitahu raja Cina (dinasti Ming) tentang pusat perdagangan yang baharu, iaitu Melaka. Menurut pengarang, saudagar Muslim itu datang dari India Selatan dan Malabar. Justeru, pengarang tidak menyebutkan bahawa pada kurun ke-15 saudagar Muslim dari Malabar dan Gujerat kebanyakannya ialah orang Arab.

Dalam makalah yang kedua yang bertajuk, *The first three rulers of Malacca* (KP JB 81), Wang Gungwu menulis tentang salasilah raja-raja Melaka dan perbincangan ilmiah mengenai Parameswara, tempoh kerajaannya, dan anak

cucunya. Berdasarkan sumber sejarah Cina, pengarang menyatakan pendapat tempoh kerajaan Parameswara (Iskandar Shah) – 1390-1413/14; Megat Iskandar Shah – 1414-1423/4; Sri Maharaja (Sultan Iskandar Shah) 1424-1444.

Maklumat yang lebih lengkap mengenai hubungan China dengan negara-negara di Asia Tenggara terdapat dalam makalah Wang Gungwu yang ketiga, yang berjudul *China and South-East Asia 1402-1424* (KP JB 82) pengarang menumpukan perhatian kepada hubungan China dengan negara-negara Asia Tenggara pada zaman dinasti Young(1271—1368) dan dinasti Ming ((1328-1389).

Terdapat maklumat tentang utusan rasmi dari China ke Champa (1403-1424, 14 lawatan); Cambodia (1403-1414, 3 lawatan), Siam (1402-1420, 11 lawatan), Melaka (1403-1423, 11 lawatan), Samudra (1402-1423, 11 lawatan), Jawa (1402-1423, 13 lawatan), Brunei (1405-1411, tiga lawatan).

Terdapat juga jadual lawatan rasmi utusan ke China daripada pelbagai negara Asia Tenggara, iaitu dari Champa (1403-1424, 19 lawatan), dari Cambodia (1404-14119, 7 lawatan), dari Siam (1403-1424, 22 lawatan), dari Melaka (1405-1424, 15 lawatan), dari Samudra (1405-1423, 14 lawatan), dari Jawa (1403-1422, 17 lawatan), dari Brunei (1405-1421, 8 lawatan).

Data statistik yang dinyatakan dalam karya tersebut menunjukkan bahawa hubungan di antara negara-negara Asia Tenggara dengan China pada kurun ke-15 adalah amat aktif, terutamanya hubungan China dengan Champa, Siam, Jawa dan Melaka.

Dalam makalah, *The Chinese of Malacca* (KP JB 83) yang dikarang oleh Yen Hua Fen *juga* terdapat analisis hubungan antara China dan Melaka. Pengarang mengesahkan maklumat yang disebutkan bahawa orang Arab yang memberitahu raja-raja Cina tentang pusat perdagangan yang baru iaitu

Melaka. (lihat KP JB 80). Pengarang juga menyatakan bahawa para pelaut China pernah singgah ke negara-negara Arab dan Parsi sejak zaman dinasti Tang (618-906). Pengarah turut menyentuh tentang lawatan Cheng Ho.

Berdasarkan sumber China, Yen Hua Fen menulis bahawa Melaka dibina di bawah naungan raja China. Beliau menceritakan ringkas tentang sejarah masyarakat Cina di Melaka. Pengarang menggambarkan kuburan (jirat) China yang tertua di Melaka iaitu kuburan di Bukit China yang wujud sejak zaman dinasti Ming ((1328-1389). Pengarang turut menegaskan peranan orang Cina dalam kemajuan ekonomi dan pertanian di Melaka.

Maklumat yang lebih lengkap mengenai penduduk Cina di Melaka sejak kurun ke-15 hingga ke-20 terdapat dalam karya Victor Purcell yang berjudul "*Chinese settlement in Malacca"* (KP JB 76). Maklumat adalah berdasarkan data statistik daripada sumber sejarah China, Eropah, Melayu dan lain-lain. Pengarang membuat dua kesimpulan iaitu (1) sebelum para saudagar asing (kebanyakannya orang Arab Muslim) datang ke China, orang Cina sendiri jarang berlayar di laut Selatan iaitu di alam Melayu; (2) sebelum kedatangan orang Eropah tidak ramai orang Cina tinggal di negara-negara Melayu sebagai penduduk tempatan, iaitu tinggal untuk jangka waktu yang lama (selama-lamanya).

Menurut Ma Huan (1433, pengikut Cheng Ho) sebelum lawatan Cheng Ho ke Melaka orang Cina yang kekal tinggal di Melaka tidak ditemui. Menurut pendapat V.Purcell *salah satu sebabnya adalah kerana di Melaka tersebar undang-undang syariat Islam yang melarangkan makan babi.* (ms. 117) Ternyata pada kurun ke-15 para penduduk tinggal di Melaka mengikut undang-undang Islam yang menjadi undang-undang dasar untuk semua penduduk termasuk yang bukan Muslim.

Dalam makalah itu, terdapat data dan statistik jumlah orang Cina di Melaka sejak kedatangan orang Eropah (kurun ke-16). Dimaklumkan bahawa

walaupun di Melaka wujud Kampung China, Alfonso D'Albuquerque tidak menyebutkan nama Kapitan Cina, iaitu seorang pegawai yang mengepalai golongan bangsa Cina di Melaka. Justeru, dalam catatan orang Portugis disebutkan nama-nama penghulu orang India dan saudagar yang lain. Ternyata orang Cina kebanyakannya datang ke Melaka untuk sementara sahaja. Orang Cina yang tinggal disana tidak ramai. Dalam laporan statistik mengenai jumlah dan susunan pendudukan Melaka sebelum kurun ke-17 yang disusun oleh Komisaris Justus Schouten (Belanda) orang Cina tidak disebutkan (disenaraikan) sebagai satu kaum yang tersendiri. Dalam catatan Valentijn (1646) orang Cina tidak disebutkan juga. Maklumat tentang kuburan China dan batu nisan Cina terdapat sejak zaman Portugis.

Pada zaman penjajahan Belanda (1641), jumlah penduduk Cina di Melaka mulai bertambah. Orang Belanda membawa orang Cina dari Batavia ke dalam Melaka sebagai tenaga kerja dalam taman dan pekerja ladang. Pada awalnya, mereka membawa 33 orang Cina ke Melaka, selepas itu mereka membawa sekitar 1000 orang lagi. Pada kurun ke-17 pada masa kerajaan Belanda jumlah penduduk di Melaka ialah sekitar 20000 orang. Pengarang menegaskan bahawa pada masa itu, orang India yang mengawal perdagangan di Melaka. (hlm. 121) Menurut data statistik pada tahun 1750, di Melaka tinggal sekitar 2,161 orang Cina.

Jumlah orang Cina di Melaka bertambah berkali ganda hanya pada kurun ke-19, iaitu pada zaman penjajahan Inggeris dan selepas Singapura menjadi pusat kuasa Inggeris (selepas 1819). V.Purcell menyatakan bahawa pada tahun 1941, di Melaka tinggal sekitar 92, 125 orang Cina. Justeru jumlah orang Cina di Malaya pada masa itu 2, 380, 000 daripada jumlah total keseluruhan penduduk di Malaya adalah sekitar 5, 561, 000 orang.

Bahan-bahan yang terdapat dalam karya V.Purcell adalah amat penting dan membantu kita untuk memahami sejarah perkembangan masyarakat Cina di Nusantara. Kajian tersebut menafikan prasangka bahawa Melaka dibina dan berkembang hanya oleh orang Cina sahaja.

Buku mengenai orang Cina di Melaka yang disenaraikan dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin kebanyakannya menyerupai karya ilmiah dikarang oleh para orientalis Barat dan ilmuwan Cina. Buku kajian yang dikarang dalam bahasa Melayu atau oleh orang Melayu tidak ditemui. Hampir semua karya tersebut menggambarkan hal ehwal sejarah lama, iaitu sebelum orang Eropah datang ke Nusantara; karya juga menjelaskan peranan orang Cina dalam perkembangan kemajuan alam Melayu. Para ilmuwan Cina menumpukan perhatian supaya membuktikan bahawa orang Cina wujud di alam Melayu sejak dahulu dan mereka menjadi sebahagian daripada penduduk tempatan yang tidak boleh dipisahkan. Kajian tersebut menunjukan bahawa ciri khas tamadun di alam Melayu ialah *keanekaragamaan* bangsa, bahasa, adat-istiadat dan lain-lain. Masyarakat Melayu bersifat terbuka terhadap orang yang berbahasa lain atau penganut agama lain. Keterbukaan dan sifat toleransi adalah asas utama kehidupan masyarakat dan kemajuan alam Melayu sejak dahulu sehingga sekarang.

Melaka dan negara lain (Jepun, Siam)

Dalam Bahagian kedua katalog koleksi John Bastin disenaraikan beberapa tajuk mengenai hubungan Melaka dengan negara-negara lain, misalnya dengan Jepun dan Siam. Dalam kertas kerja yang berjudul, *Notes on the relations between Ryukyu Islands and Malacca Sultanate during 1464-1511 AD* (KP JB 73) yang dikarang oleh Hsu Yun-Tsiao, terdapat cerita ringkas mengenai sejarah hubungan antara Jepun dan Melaka. Terdapat juga salasilah raja-raja Ryukyu. Pengarang menggambarkan situasi di Ryukyu pada kurun ke-15 sehingga ke-16, yang pada masa itu adalah daerah takluk China dinasti Ming. Pengarang menulis berdasarkan bahan daripada koleksi *Ryukyu documents* Li-Tai Pao, iaitu koleksi dokumen-dokumen diplomatik mengenai hubungan Ryukyu dengan China *(1424-1696)*. Disebutkan juga senarai dokumen-dokumen tersebut. Kebanyakannya ialah warkah rasmi dalam bahasa China. Teks kertas kerja Hsu Yun-Tsiao juga mengandungi beberapa terjemahan warkah rasmi tersebut. Karya itu menunjukkan bahawa pada kurun ke-15 hingga ke-16 telah wujud

dan berkembangnya hubungan antara Ryukyu dan Melaka, dalam bidang diplomatik dan perdagangan. Dalam teks kertas kerja terdapat senarai hadiah rasmi dan barang dagangan. Antara dagangan yang disebutkan misalnya iaitu kain satin, senjata, tembikar biru dan lain-lain. Ternyata barang-barang ini dianggap sebagai bahan dagangan yang paling bernilai.

Hubungan antara alam Melayu dengan Siam digambarkan dalam beberapa makalah yang dikarang oleh para orientalis terkenal, antaranya ialah D.K.Wyatt, C.O.Blagden dan G.E.Marrison. John Bastin turut serta dalam menyiapkan kertas kerja (bersama dengan D.K.Wyatt.), misalnya kertas kerja tersebut bertajuk *Mainland powers on the Malay Peninsula AD 1000-1511 (KP JB 86)*. Dalamnya terdapat cerita ringkas tentang aktiviti raja-raja Siam di alam Melayu pada kurun ke-11 hingga ke-12, dan pada kurun ke-14 hingga ke-16. Dimaklumkan juga tentang peperangan antara negara Pagan dengan negeri-negeri Melayu, iaitu perang dekat *Kra (1057)*, peperangan antara Cola dan Srivijaya dan lain-lain. Disebutkan tentang serangan Thai terhadap Tumasik dan Melaka. Terdapat maklumat tentang utusan rasmi dari Tambralinga ke Srivijaya. Pengarang juga menumpukan perhatian terhadap teks Ligor tentang *nagara Sri Dharmaraja.*

Dalam makalah C.O. Blagden yang berjudul, *"Siam and the Malay Peninsula" (KP JB 87)* dijelaskan sejarah penyebaran kuasa Siam di Semenanjung Tanah Melayu pada kurun ke-14 sehingga ke-15. C.O. Blagden menganalisis kajian C.Gerini mengenai peranan Siam di alam Melayu.

Menurut C.Gerini Tumasik dan Melaka sebelum kedatangan Parameswara ditakluki oleh orang Siam dan bukan orang Jawa (Majapahit). C.O.Blagden tidak setuju dengan pendapat tersebut. Beliau menjelaskan bahawa Raja China tidak akan menerima kemerdekaan Melaka, apatah lagi pada masa itu Melaka ditakluki oleh Siam. C.O. Blagden menegaskan secara tepat bahawa pada kurun ke-15, Melaka adalah negara bebas yang lazimnya berperang dengan Siam tapi tidak ditakluki oleh Siam. C.O. Blagden menegaskan juga: *"The King and people were Muhammadans, they had their own laws, their own administrative*

sistem their own customs and language…they had nothing whatever in common with Siam" (hlm. 112)

Menurut maklumat daripada *Nagarakertagama*, *Melaka pernah dilanggar oleh Siam 25 tahun* sebelum pembinaan kerajaannya, dan Siam tidak pernah menakluk Melaka walaupun sekali. C.O.Blagden juga menegaskan bahawa beliau tidak mendapat bukti bahawa tamadum Siam dan adat-istiadat Thai mempengaruhi tamadun dan kehidupan di Melaka.

Maklumat tersebut amat menarik kerana ia menunjukkan bahawa Melaka dianggap sebagai satu tempat yang selamat dan selesa sebelum kedatangan Sultan Iskandar Syah. Walau bagaimanapun, Melaka menjadi pelabuhan yang besar dan pusat perdagangan antarabangsa yang terkenal di seluruh dunia pada zaman kerajaan sultan-sultan Melayu Muslim.

Karangan G.E.Marrison yang bertajuk *"The Siamese wars with Malacca during the reign of Muzaffar Shah" (KP JB 84)* mengandungi cerita ringkas tentang dua peperangan berlaku di antara Siam dan Melaka pada zaman kerajaan Sultan Muzaffar Syah *(1445-1458)*. Analisis tersebut berdasarkan teks sejarah Siam *"Pongsawadan"(1680, dikarang oleh Luang Prasut)* dan Sejarah Melayu. Pengarang menegaskan bahawa tarikh peperangan adalah sama dalam kedua-dua teks sejarah tersebut, iaitu perang pertama terjadi pada tahun *1445*; dan perang yang kedua berlaku pada tahun *1456*. G.E.Marisson menegaskan bahawa hal tersebut membuktikan sekali lagi bahawa teks sejarah Melayu dan Siam mengandungi data yang tepat dan boleh dipercayai.

Maklumat tentang Melaka yang terdapat dalam teks lama Siam yang berjudul *"Kata Mandiarapala" (kanun undang-undang, sekitar 1468)*. Maklumat dijelaskan dalam makalah *The Thai 'Kata Mandiarapala' and Malacca" (KP JB 85)* yang dikarang oleh David K.Wyatt. Pengarang menumpukan perhatian kepada analisis tentang tarikh teks tersebut, serta kajian mengenai pelbagai nama tempat Melayu yang dirakamkan dalam kronika tersebut. Misalnya Ujung

Tanah, Malayu, Varavari (mungkin di pantai Sungai Malayu, Johor) dan lain-lain. Makalah tersebut menyerupai kajian dalam bidang penelitian sumber sejarah *(historical sources research)* dan historiografi.

Kajian dalam bidang *historical sources research* dan historiografi adalah amat penting supaya kita memahami sejarah alam Melayu dan hal ehwal kehidupannya terutama pada Zaman Pertengahan. Bahan seperti teks lama, warkah lama, batu nisan dan artifak adalah sumber sejarah utama untuk membina semula Sejarah Melaka (zaman emas Melaka iaitu sejarah kesultanan Melaka) sebagai sebuah negara Melayu Islam yang menjadi terkenal di seluruh dunia.

Melaka pada zaman kerajaan Melayu Islam

Karya yang mengandungi maklumat tentang zaman Melayu Islam dalam sejarah Melaka (iaitu sebelum *1511*) kebanyakannya berdasarkan sumber sejarah dan merupakan hasil penelitian dalam bidang tekstologi, epigraphy, geneology, toponimy, dan lain-lain.

Terdapat tujuh makalah yang dikarang oleh Sir Richard Winstedt *(1878 – 1966)* iaitu seorang pakar dalam bidang penelitian sumber sejarah Melayu, termasuk historiografi Islam. Antaranya disenaraikan dua karya mengenai batu-batu nisan Melaka. Yang pertama adalah makalah kecil yang bertajuk *"The Tomb of Mansur Shah, Sultan of Malacca, 1459-1475 AD" (KP JB 66)* diterbitkan di dalam majalah *Journal Straits Branch Royal Asiatic Society (JSBRAS)* pada tahun *1918*. Makalah mengandungi pelbagai gambar batu nisan dari kubur/makam Mansur Shah dilengkapi dengan transliterasi tulisan yang terdapat di atas batu nisan tersebut serta terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris. Makalah R.O.Winstedt merupakan terbitan ilmiah bahan-bahan epigrafi tetapi terbitan tersebut adalah tidak lengkap kerana di dalamnya tidak ada teks berhuruf Jawi, yakni huruf aslinya.

Makalah R.O. Winstedt yang kedua berjudul *Muslim Tombstones in Raffles Museum" (KP JB 68)* mengandungi senarai batu-batu nisan dengan gambarnya. Misalnya: *Batu nisan Mansur Shah (1477), Nakhoda Haji Cambey (1480)*, lengkap dengan transliterasi dan terjemahan tulisannya. Teks ditulis dengan huruf Jawi. Makalah tersebut dianggap terbitan ilmiah epigrafi yang lengkap.
Dalam koleksi John Bastin juga disimpan makalah *John N.Miksic* yang bertajuk *"From Seri Vijaya to Melaka. Batu Tagak in Historical and cultural context" (KP JB 61)*. Karya tersebut mengandungi bahan-bahan epigrafi dari pada kurun ke-11 hingga ke-16. Pengarang menumpukan perhatian kepada batu-batu nisan Malaysia dan penggalian arkeologi di Sumatera Barat yang bertarikh sekitar *1000* sehingga *1500*. John Miksic menyatakan hasil pengalian arkeologi tersebut serta membandingkannya dengan barangan yang terdapat di Negeri Sembilan dan Melaka.

Pengarang mengkaji *Batu tagak* (iaitu batu yang berdiri tegak) dan menjelaskan pelbagai definisi yang belum jelas. Misalnya beliau menjelaskan istilah *Melayu* seperti berikut, iaitu:

1. Melayu – seorang berbahasa Melayu dan beragama Islam
2. Melayu – orang Melayu yang membina rumah-rumahnya di atas air (menurut pendapat para naturalist Barat, misalnya Wallace)
3. Melayu – hamba Melaka, seorang yang menghambakan diri kepada raja-raja Melaka.

Pelbagai pendapat mengenai sejarah dan kehidupan di alam Melayu dirumuskan oleh pengarang berdasarkan hasil penggalian arkeologi. Misalnya mengenai emas dimaklumkan bahawa: galian emas utama ditemui di Bengkulen. Sejak dahulu sehingga kurun ke-20 (tahun *1900* sehingga *1940*) pengeluaran emas berjumlah 123 ton. Sebanyak 72% ialah emas dari Bengkulen. Menurut pendapat para jurutera Eropah, *penggalian (pengeluaran) emas telah dilaksanakan di Bengkulen semenjak dahulu kala oleh para penggali lama, iaitu sebelum orang Eropah mulai menggali emas di dalam Bengkulen tersebut*"(hlm. 40).

Berdasarkan hasil penggalian arkeologi dan kajian barang-barang yang terdapat di Bengkulen John Miksic menegaskan bahawa "*kedatangan Islam adalah proses yang berlangsung lama, bukan sementara sahaja. Walaupun Islam sudah tersebar, barang-barang dengan lambang-lambang (simbol-simbol) sebelum Islam masih digunakan*" (hlm. 40). Pendapat tersebut menafikan prasangka bahawa Islam bersikap agresif terhadap tamadun dan agama lain, dan menghapuskan semua artifak budaya purba. Maklumat tersebut membuktikan bahawa orang Melayu memeluk Islam secara sukarela. Data ini menunjukkan bahawa ciri khas masyarakat Melayu Islam adalah toleransi kepada tamadun dan adat-istiadat yang lain.

Dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin disenaraikan juga empat makalah R.O.Winstedt yang mengandungi bahan mengenai salasilah (genealogy). Makalah pertama adalah mengenai salasilah raja-raja Melaka berdasarkan data yang dikutip dalam *Bustan as-Salatin*. Judulnya *The genealogy of Malacca's Kings from a copy of the Bustanu's – Salatin". (KP JB 64)* Terdapat data tentang manuskrip, transliterasi dan terjemahan petikan dari pada *Bustan as-Salatin* mengenai keturunan raja-raja Melaka.

Makalah R.O.Winstedt yang ke-dua bertajuk *The Malay founder of Medieval Malacca (KP JB 69)* mengandungi hasil analisis salasilah raja-raja Melaka. Dinyatakan maklumat tentang pelbagai naskhah *Sejarah Melayu* dan *Bustan as-Salatin*. Terdapat analisis perbandingan teks tersebut dan data yang dirakamkan mengenai asal-usul Parameswara. Menurut RO Winstedt Parameswara adalah Sultan Iskandar Shah, ialah orang yang sama.

Makalah yang berjudul *The Bendaharas and Temenggongs (of Melaka) (KP JB 67)* mengandungi salasilah keluarga bendahara dan temenggung Melaka. salasilah tersebut dan senarai nama-nama orang-orang besar tersebut disusun berdasarkan teks-teks Melayu lama, iaitu *Sejarah Melayu, Hikayat Negeri Johor, Tuhfat al-Nafis* serta catatan dari *Dagh Register* iaitu Laporan Harian Pentadbiran

Penjajahan Batavia. Yang dikaji ialah salasilah Tun Muhammad (Tun Seri Lanang) serta pelbagai salasilah para bendahara Johor (sejak *1530*).

R.O. Winstedt menegaskan secara tepat, bahawa salasilah bendahara atau temenggung susah ditentukan kerana dalam teks sejarah tersebut nama-nama mereka tidak lengkap. Lazimnya terdapat hanya nama gelaran, tanpa nama yang sebenar. Misalnya Indra Bongsu menjadi bendahara. Istilah tersebut hanya gelaran semata-mata.

Karya R.O.Winstedt yang keempat berjudul *The Malay Empire of Malacca*, (KP JB 65) merupakan karya fasal III daripada monograf beliau, yang bertajuk "*Sejarah Melayu*". Dalamnya terdapat maklumat tentang asal-usul raja Melaka dan sejarah kesultanan Melaka berdasarkan catatan Tom Pires, *Sejarah Melayu*, catatan peringatan Joao de Barros' (*"Decadas da Asia"*, pada kurun ke-16), China dan sumber sejarah yang lain. Karangan R.O. Winstedt mengandungi pelbagai data yang menarik mengenai tamadun Melayu Islam dan sejarah Melaka. Menurut sumber sejarah China pada tahun 1413, Paramesywara memakai turban putih" (hlm. 49). Maklumat tersebut membuktikan bahawa pada masa itu Parameswara sudah memeluk Islam**.**

Pengarang menumpukan perhatian kepada salasilah raja-raja Melaka berdasarkan data daripada pelbagai sumber sejarah. Beliau membina semula keturunan raja Melaka dan sejarah kerajaan mereka. Yang disebutkan dalam salasilah tersebut ialah: Sultan Iskandar Syah (wft *1424*), Sri Maharaja (wft *1444*), Sri Parameshwara Dewa Syah *(1444-1446)*, Sultan Muzaffar Syah (Raja Kasim, wft *1456*); Sultan Mansur Syah (R.Abdullah, *1477*); Sultan Alauddin Riayat Syah *(1488)* Sultan Mahmud (sultan yang terakhir di Melaka, *1530*); Sultan Alauddin Syah (Sultan Johor, *1564*).

Karangan R,O.Winstedt mengandungi beberapa maklumat tentang Islam di alam Melayu. Pengarang menegaskan secara tepat bahawa *"Islam bringing a*

supply of fresh work, must have stimulated creative effort"(hlm. 55). Justeru itu menurut pendapat R.O.Winstedt, pada zaman Melaka di kawasan Majong, Selangor dan Batu Pahat, Islam disebarkan dengan paksaan, iaitu selepas Bendahara Tun Perak melanggar kawasan tersebut (hlm.51). Tetapi data yang mengesahkan kesimpulan tersebut tidak ditemui.

Berdasarkan data daripada karangan Tome Pires, R.O. Winstedt menulis juga bahawa "*though the influence of Muslim missionaries was great, spiritual pride, ignorance of Malay language and cowardice made them unpopular*" (hlm. 58). Pendapat tersebut tidak disahkan dengan data sejarah. Menurut teks sejarah Melayu, ulama Muslim yang datang ke alam Melayu dan menyebarkan Islam dianggap oleh masyarakat tempatan sebagai manusia yang ikhlas dan berwibawa. Oleh sebab itu, raja-raja menerima kehadiran mereka malahan mengizinkan (membenarkan) mereka berkahwin dengan wanita tempatan (termasuk anak raja sendiri). Lazimnya ulama tersebut menggantikan raja-raja di atas takhta kerajaan, dan masyarakat tempatan menganggap mereka sebagai raja yang sah.

Satu lagi pendapat R.O.Winstedt yang kurang jelas: *"Even the sultans sat at the feet of Indian missioners, who though Shafi'ites taugh the worship of saints both living and dead and inculcated a pantheism which became not as in Arabia the speculation of the view, but as an India the faith of mosque and market-place". (hlm. 55)* Teori bahawa Islam (termasuk tassawuf) datang ke alam Melayu dari India amat tersebar di antara para orientalis Barat. Pendapat tersebut menyerupai salah satu unsur *Konsep Greater India*. Konsep tersebut menganggap tamadun Melayu sebagai bahagian (atau versi lokal) tamadun India dan tidak memperhatikan unsur lain yang terdapat dalam tamadun Melayu, misalnya unsur budaya Melayu semulajadi. Konsep tersebut juga tidak memperhatikan Islam dan peranannya dalam pembinaan bangsa Melayu sebagai satu bangsa (*nation*) serta pengaruh Islam dalam kemajuan masyarakat Melayu.

Walau pun R.O. Winstedt bersikap negatif terhadap Islam dan peranan Islam dalam tamadun Melayu[37], beliau tidak menolak pengaruhnya dalam bidang ekonomi. Beliau menulis, bahawa: "*The acceptance of Islam admitted it (Malacca) into a freemasonry of commerce. Moors from Cairo, Mecca and Aden, Turks, Turcomans and Persians came from Gujerati parts, and Muslim missionaries sailing from Malacca had hastened the decay of majapahit and carried Islam and trade as far as banda and the Moluccas. (hlm. 63*). Pendapat tersebut menafikan prasangka bahawa Islam tidak mengubah kehidupan masyarakat di dalam alam Melayu dan tidak mempengaruhi kemajuan ekonomi tempatan.

Hal ehwal penyebaran Islam di Melaka dijelaskan juga dalam makalah Christopher H. Wake yang bertajuk *"Malacca's early Kings and the reception of Islam" (KP JB 63)*. Karya ini mengandungi bahan-bahan tentang dakwah Islam pada zaman kesultanan Melaka berdasarkan sumber Melayu dan Eropah, iaitu *Sejarah Melayu, Bustan as-Salatin;* catatan *D'Albuquerke, Tome Pires, J.de Barros, Couto, Daurte Barbosa* dan lain-lain.

Dalamnya terdapat analisis salasilah raja-raja Melaka serta salasilah Tun Perpateh Besar (Sri Nara Diraja), iaitu seorang menteri pada zaman kerajaan Sultan Muhammad Shah (1424 – 1445). Berdasarkan analisis tersebut, pengarang menulis bahawa nama Parameswara tidak ditemui di dalam sumber China mahu pun Melayu. Maklumat tentang Parameswara yang

---

[37]Sir Richard Winstedt menilai sastera dan historiografi Islam Melayu sebagai satu fenomena yang mundur dan serba kekurangan. Menurut beliau, semua ciri khas dan sifat sastera Melayu yang paling ternilai dari segi estetika timbul kerana dipengaruhinya oleh kebudayaan India dan Jawa. Hanya kerana itulah, sastera Melayu "mempunyai bau harum yang membangkitkan deria bau dan yang masih kekal waktu itu, tetapi harum itu hilang dengan segera dalam gurun Puritanisme Islam". Lihat: Winstedt R.O *A History of Classical Malay Literature.* By Sir Richard Winstedt 1991 revised, edited and introduced by Y.A. Talib. Petaling Jaya MBRAS. Reprint 12.,. 1939; T.Denisova. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

merajai Melaka selama 20 tahun terdapat hanya dalam naskhah Raffles MS dan catatan Tome Pires. Menurut pendapat pengarang maklumat tersebut tidak boleh dipercayai.Yang merajai Melaka pada masa itu adalah Megat Iskandar Syah (hlm. 112). Petikan itu menunjukkan antara lain bahawa kajian sumber-sumber sejarah termasuk teks-teks Melayu lama adalah amat susah kerana lazimnya maklumat-maklumat yang dirakamkan di dalamnya adalah kurang jelas dan susah supaya difahami. Kajian tersebut memerlukan kaedah-kaedah penelitian yang komprehensif.

Christopher H. Wake menumpukan perhatian kepada teks sejarah China yang bertajuk *Ying-yai Seng-lan* yang mengandungi maklumat tentang Islam di Melaka. *Ying-yai Seng-lan* teks sejarah zaman dinasti Yuing. Pengarangnya adalah seorang Muslim China yang ikut lawatan Cheng-Ho (1413-1415, 1421-1422, 1431-1433) sebagai ahli bahasa Arab. Teks tersebut dikarang pada tahun 1416. Menurut *Ying-yai Seng-lan "baginda dan semua orang di Melaka adalah Muslim mengamalkan peraturan Islam sangat betul"*. Pengarang juga menegaskan bahawa para ilmuwan Barat tidak mempercayai data tersebut. Menurut mereka, maklumat tersebut hanya muncul dalam teks *Ying-yai Seng-lan* versi yang kedua, iaitu pada tahun 1433, bukannya pada tahun 1416. Bukti-bukti yang mengesahkan pendapat tersebut tidak disebutkan.

Menurut *Ying-yai Seng-lan,* pada masa itu Melaka sudah dianggap sebagai pusat perdagangan Muslim antarabangsa. Dimaklumkan juga pelabuhan Melaka lebih aman dan selesa daripada pelabuhan Pasai. Para saudagar dari luar kebanyakannya adalah orang Muslim. Hal ini menyebabkan Islam tersebar secara meluas dalam masyarakat Melayu.

Justeru, Christopher H.Wake menegaskan bahawa selepas orang Melaka memeluk Islam, warisan dan tradisi Hindu-Buddha tidak hilang begitu sahaja. Hal ini digambarkan dalam teks *Sejarah Melayu*. Dalamnya terdapat cerita tentang raja Melaka iaitu Sri Maharaja yang memeluk Islam dan menerima nama baharunya sebagai Muhammad Syah. Menurut pengarang "*pada masa*

Sultan Iskandar Syah golongan Muslim di Melaka masih tidak berkuasa secara lengkap dan tidak mampu melawan dengan orang-orang besar Hindu-Buddha yang menyokong penyebaran agama dan tradisi lama semula. Hanya selepas Sri Maharaja (Sultan Muhammad Syah) masuk Islam, para bangsawan Hindu Buddha kalah secara muktamad. (hlm. 121)

Makalah tersebut menyerupai contoh kajian salasilah raja-raja Melaka. Berdasarkan hasil kajian tersebut, pengarang berusaha untuk membina semula hal ehwal sejarah Melaka yang nyata dan sejarah dakwah Islam di kawasan tersebut. Justeru itu Christopher H. Wake menumpukan perhatian kepada data yang dicatatkan dalam sumber sejarah Barat, dan tidak melihat maklumat yang lain, yang menyatakan bahawa penduduk Melaka menganggap diri sebagai orang Muslim tulen.

Bahan tentang raja-raja Melaka dan sejarah Melaka ditemui di dalam makalah R.J.Wilkinson yang berjudul *"The Malacca Sultanate"(KP JB 116).* Makalah tersebut dikarang berdasarkan teks Melayu lama iaitu *Bustan as-Salatin, Hikayat Raja Pasai* dan sumber-sumber yang lain. Di dalamnya dirumuskan pelbagai teori mengenai asal-usul nama tempat Melaka. Yang paling tersebar dalam golongan para ilmuwan Barat ialah pendapat yang menyatakan bahawa istilah *Melaka* berasal daripada nama *pokok Melaka* iaitu *Phyllantus emblica*. Disebutkan juga pendapat yang lain bahawa istilah Melaka berasal dari perkataan Arab *malakat* bermaksud "tempat jumpa". Pendapat tersebut nampaknya lebih tepat dari konteks sejarah, iaitu Melaka memang menjadi terkenal sebagai tempat jumpa para pedangan, iaitu pusat perdagangan. Ternyata nama "Melaka" yang bererti "tempat jumpa" sesuai dengan tempat tersebut dan fungsinya yang utama.

R.J.Wilkinson menumpukan perhatian kepada salasilah raja-raja Melaka Menurut beliau, Sultan Iskandar Syah ialah anak Parameswara, iaitu dua orang berbeza (bukan seorang/orang yang sama). Pendapat R.J.Wilkinson

bertentangan dengan pendapat Christofer H. Wake yang menjelaskan bahawa nama tersebut milik orang yang sama.

Berdasarkan analisis salasilah orang-orang besar Melaka pengarang menggambarkan susunan pentadbiran dalam kesultanaan Melaka dan sistem gelaran orang-orang besar. Beliau turut menyatakan peranan bendahara di Melaka. Terdapat juga cerita tentang Hang Tuah dan asal-usul beliau. Dimaklumkan, bahawa Hang Tuah "*was a man of humble birth, probably a proto-malayan sea-gypsy from Bentan*". Disebutkan juga pendapat yang lain, di antaranya hipotesis (andaian) bahawa Tuah berasal dari Cina atau Jawa atau Bugis.

Dalam makalah itu, disebutkan juga nama Maulana Abu Ishak, Maulana Abu Bakar dan ulama yang lain. Pengarang turut menyentuh soal tassawuf di Melaka dan Pasai.

R.J Wilkinson juga merujuk teks *Sejarah Melayu*, *Bustan as-Salatin, Hikayat Raja Pasai* dan lain-lain. Justeru, beliau menceritakan isi kandung teks tersebut dengan kata-kata beliau sendiri tanpa keterangan yang terperinci. Yang dijelaskan ialah nama orang dan nama-nama tempat sahaja. Analisis maklumat tentang peristiwa yang sebenar hampir tidak ada. Hal ini menunjukkan bahawa R.J. Wilkinson menganggap teks lama itu sebagai artifak sastera sahaja, bukan sebagai sumber sejarah yang boleh dipercayai.

Keterangan mengenai nama tempat seperti Melaka, Langka, Batu Sawar dan lain-lain ditemui dalam karya G.P.Rouffaer yang bertajuk **"***Was Melaka emporium voor 1400 AD, genaamd Malajoer? En waar lag Woerawari, Ma-hasin, Langka, Batoesawar", (*bermaksud adakah Melaka sebelum 1400AD dinamakan Melayu, dan di mana terletaknya Wurawari, Mahasin, Langka dan Batusawar) (KP JB 62). Karya tersebut mengandungi bahan-bahan tentang ilmu bumi lama, nama-nama tempat lama serta sejarah alam Melayu sebelum tahun

1400. Berdasarkan teks-teks sejarah dan catatan pengembara Eropah dan catatan tempatan pengarang menjelaskan bahawa nama tempat *Melayu* tidak bermaksud Melaka atau Jambi sahaja. Maknanya lebih umum dan berkaitan dengan kawasan yang luas. G.P.Rouffaer menentukan beberapa nama tempat yang lain, misalnya Woerawati = Langka = Johor; Mahasin = Tumasik = Singapura.

Dalam bahagian kedua koleksi John Bastin, disenaraikan empat karangan mengenai Undang-Undang Melaka. Ternyata subjek tersebut menarik perhatian ilmiah John Bastin. Kebanyakan karangan ditulis berdasarkan teks *Undang-undang Melaka*, *Undang-Undang Laut*, kanun yang lain, serta pelbagai bahan tentang adat istiadat tempatan.

Makalah "*Minangkabau custom – Malacca*" dikarang oleh C.O. Blagden (KP JB 162) mengandungi maklumat tentang undang-undang di Melaka dan Naning, terutama berkaitan dengan pemilikan hartanah. Dijelaskan ciri-ciri khas adat Minangkabau, misalnya pewarisan melalui keturunan wanita, iaitu "*harta daripada emaknya*". Adat tersebut masih wujud dalam masyarakat walaupun tidak sesuai dengan sistem pewarisan Islam. Sistem Islam menetapkan pembahagian hartanah antara lelaki dan wanita mengikut 2:1 yakni 2 untuk lelaki dan 1 untuk perempuan.

Adat istiadat tempatan digambarkan juga dalam karya Lord Jocelyn yang bertajuk, *The Benuas of Malacca* (KP JB 163). Di dalamnya terdapat maklumat tentang "*orang asli Melaka, iaitu orang Melayu*". Pengarang mengemukakan kenyataan sebagai berikut: *One of the tribes that infest the jungle and are supposed to be aborigines of the country are the Benuas. They seldom come down to the more civilized parts of the continent, unless caught and forcibly detained. Their stature is rarely above four feet four; and when the children reach the age of manhood, they destroy their parents, to make way for their own generation; and the skulls of their deceased parents are the only tokens that they keep to remind them of the aiythors of their being, and their unnatural fate.*

Sebenarnya maklumat tersebut kurang jelas. Susah difahami bangsa apakah yang disebutkan disini sebagai *orang asli benua*. Siapa yang disebutkan di sini orang Melayu atau orang asli? Gambaran tamadun Melayu seperti yang disebutkan tidak boleh dianggap sebagai gambaran yang lengkap. Pada kurun ke-15, penduduk Melaka merupakan masyarakat yang bertamadun dan maju. Pada masa itu, orang Melaka kebanyakannya sudah memeluk Islam dan mengikut/mengamalkan peraturan syariah (termasuk penganut agama lain). Islam menganggap pembunuhan sebagai dosa yang amat besar, terutamanya pembunuhan orang-orang tua. Karangan tersebut diterbitkan di dalam majalah popular berjudul *The Saturday Magazine* yang dibaca oleh ramai orang awam. Gambaran yang dirakamkan dalam makalah tersebut tidak semestinya membantu orang Eropah untuk memahami tamadun Melayu. Sebaliknya. Bahan-bahan tersebut mengakibatkan timbulnya salah faham dan pelbagai prasangka yang sampai sekarang masih tersebar di kalangan masyarakat di Eropah.

Bahan mengenai undang-undang Melaka yang lebih lengkap terdapat dalam monograf bertajuk *Undang-undang Melaka: a critical Edition*. (KP JB 164) yang dikarang oleh Liau Yock Fang. Monograf tersebut merupakan terbitan ilmiah daripada teks *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut* lengkap dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris. Dinyatakan juga keterangan tentang pelbagai naskhah, manuskrip, dan ciri-ciri khasnya; cerita tentang historiografi, dan sejarah kajian teks tersebut.

Pengarang menganalisis teks *Undang-Undang Melaka* dari sudut isi dan tekstologi. Terdapat juga *Apparatus Criticus,* iaitu keterangan mengenai perbezaan yang terdapat dalam pelbagai manuskrip teks tersebut.
Justeru terbitan tersebut kurang lengkap kerana tidak ada teks asli di dalamnya, yakni teks berhuruf Jawi. Teks dalam huruf Latin tidak lengkap. Teks tersebut mengandungi beberapa fasal dari pelbagai naskhah terpilih dan disusun oleh pengarang (penyusun), Liau Yock Fang. Ternyata teks itu tidak boleh dianggap sebagai sumber sejarah yang lengkap.

Dalam buku tersebut, tidak ditemui analisis undang-undang Melaka dari perspektif sejarah yang sebenar. Unsur-unsur Islam yang dirakamkan dalam *Undang-undang Melaka* dan *Undang undang Laut* juga tidak dijelaskan. Teks di analisis dari sudut ilmu tekstologi sahaja, tanpa dibuat kesimpulan mengenai tahap perkembangan undang-undang dan masyarakat Melayu pada masa yang tertentu.

Walau bagaimanapun, karya Liau Yock Fang ini menyerupai penerbitan ilmiah teks hukum kanun Melayu yang mencerminkan darjah perkembangan masyarakat Melayu pada kurun ke-15 sehingg ke-16. Oleh sebab itu, buku ini amat penting dan berguna untuk semua pembaca yang ingin memahami sejarah dan tamadun Melayu, khususnya pada zaman pertengahan.

Hukum kanun Melayu *Undang-Undang Melaka* dan *Undang-Undang Laut* serta pengunaannya di Melaka pada kurun ke-15 sehingga ke-16 dijelaskan dalam dua makalah yang dikarang oleh Muhammad Yusoff Hashim, iaitu seorang ilmuwan Malaysia, pakar dalam bidang penelitian sumber sejarah Melayu Islam yang terkenal. Karya yang pertama bertajuk *"Legal codes of the Melaka sultanate: an appraisal"* (KP JB 165) mengandungi analisis undang-undang Melaka. Pengarang menegaskan bahawa dalam undang-undang Melaka terdapat tiga unsur utama, iaitu: Pertama, Hindu/Buddha, kedua, hukum-adat, ketiga Islam. Setiap unsur tersebut dianalisis secara ringkas. Pengarang menumpukan perhatian kepada pengaruh Islam yang dicerminkan dalam *Undang-undang Melaka,* terutama dalam fasal tentang perdagangan, keluarga, dan sistem kerajaan (kewajiban sultan, bendahara, temenggung dan lain-lain). Beliau membandingkan teks tersebut dengan peraturan syariah.

Analisis tersebut membuktikan bahawa Islam sudah menjadi agama rasmi di Melaka. *Undang-undang Melaka* berdasarkan Hukum Syariah mengikut mashab Syafi'. Undang-Undang keluarga dan hukum jenayah, serta undang-undang mengenai perdagangan dan pembayaran disusun berdasarkan

hukum Syariah. Muhammad Yusoff Hashim menegaskan bahawa: "*the Malay family law was generally a translation of Islamic law. Muslim law was also used to furnish the Melaka law with provisions pertaining to marriage, crimes, sales and procedures. (hlm. 95)*. Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa masyarakat Melayu Melaka menerima Islam secara zahir sahaja. Ternyata pada kurun ke-15 sehingga ke-16, Islam mempengaruhi pelbagai bidang kehidupan, termasuklah bidang yang paling penting iaitu sistem kerajaan, perkahwinan, perkebumian, pemilik hartanah, sistem pewarisan dan lain-lain.

Makalah tersebut juga mengandungi analisis ringkas tentang peraturan hukuman jenayah berdasarkan syariah dan berdasarkan hukum adat. Terdapat keterangan mengenai pelbagai istilah syariah misalnya *hukum Allah*, *hukum hadd*, *zina*, dan lain-lain. Diterangkan juga tentang sifat-sifat orang yang mampu menjadi saksi, mengenai alasan yang dianggap cukup untuk berkahwin, bercerai dan hal yang lain.

Pengarang menegaskan secara tepat bahawa unsur-unsur tamadun Hindu/ Buddha masih kekal dalam adat istiadat istana, iaitu dalam sistem gelaran orang-orang besar (temenggung, bendahara, laksmana), peraturan mengenai pemakaian dan alat-alat (dilarang memakai baju kuning dan payung kuning) peraturan mengenai jamuan, dan lain-lain.

Dalam makalah beliau yang kedua yang berjudul, *"Kesultanan Melayu Melaka: pemikiran mengenai undang-undang"* (KP JB 166), Muhammad Yusoff Hashim menegaskan bahawa Undang-undang Melaka dalam bentuk kanun tertulis menentukan dan menjelaskan undang-undang dan peraturan yang digunakan dalam negara tersebut. Pengarang juga menganalisis sistem undang-undang berdasarkan *Undang-undang Melaka* yang tersebar di seluruh alam Melayu. Beliau menulis tentang perubahan yang terjadi dalam tamadun dan kehidupan masyarakat Melayu dipengaruhi oleh Islam. Beliau menyatakan secara tepat bahawa "*perubahan sejarah daripada periode Melayu-Hindu ke Melayu-Islam*

sebenarnya merupakan tanda titik-balik yang amat besar dan bermakna sekali dalam sejarah pertumbuhan kebudayaan dan masyarakat itu sendiri; untuk meminjam pendapat Prof. Dr. Mohd Taib Osman "… kebudayaan atau peradaban Melayu yang telah mengalami pasang surutnya" (hlm. 198).

Pendapat Muhammad Yusoff Hashim bertentangan dengan pendapat orientalis Barat yang menganggap Islam sebagai faktor negatif yang menghapuskan tamadun dan adat istiadat Melayu asli[38]. Beliau menyatakan bahawa: "*kedatangan Islam bukan bererti penyingkiran atau penepian unsur-unsur dan nilai peribumi, malahan adat dan resam serta hukum setempat yang meliputi kebiasaan (folk-ways), norma dan etika adalah menjadi 'part and parcel' seluruh undang-undang tadi"*.(hlm 200) Pengarang menjelaskan bahawa Undang-undang Melaka mencerminkan perubahan adat dalam masyarakat Melayu Islam yang dipengaruhi oleh penyebaran Islam. Beliau menulis bahawa, "*perubahan hukum memang jelas – dari hukum adat peribumi ke hukum Islam. Walau bagaimanapun, alternative penghukuman masih diberikan tempat, sama ada mahu mengikut hukum yang bercorak peribumi (hukum adat) kadi atau hendak menurut hukum Islam tergantunglah kepada budi bicara hakim kadi atau pembesar-pembesar yang berkenan*". (hlm. 201)

Kenyataan tersebut mengesahkan bahawa selepas kedatangan Islam masyarakat Melayu mengalakkan hukum adat, asal tidak bertentangan dengan peraturan Islam, iaitu *tauhid* dan prinsip-prinsip yang lain. Yang diubah (ditolak) ialah peraturan adat yang tidak sesuai dengan tamadun Islam atau yang mengandungi unsur-unsur syirik. Justeru, maklumat tersebut menggambarkan bahawa Islam memang menyebarkan prinsip *kebebasan intelektual (intellectual*

---

[38]Tentang prasangka tentang Islam yang tersebar dalam kalangan ilmuwan Barat dan pandangan umum, lihat: Denisova, T. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

freedom) dalam masyarakat Melayu. Ternyata definisi "*kemahuan bebas" (free will)* yang wujud pada masa itu, merupakan bukan hanya definisi Usuluddin dan falsafah yang bermakna mujarad. Prinsip *Kemahuan bebas* atau *pilihan bebas* dianggap sebagai prinsip dasar dalam bidang undang-undang juga. Menurut Undang-undang Melaka dan data sejarah yang lain hakim dan juga orang biasa berhak memilih sistem hukuman yang bersesuaian dengan kes tertentu, sama ada hukum peribumi (adat) atau hukum Islam (syariat).

Dalam makalah tersebut, terdapat analisis susunan undang-undang yang dirakamkan dalam hukum kanun Melaka, iaitu hukum adat, syariat (Syafi'e), titah raja, arbiterari pembesar dan hakim, naskhah dan dokumentasi undang-undang bertulis. Pengarang menegaskan bahawa "*salah satu ciri khas Undang-undang Melaka adalah wujudnya di dalamnya istilah "malu" atau "aib". Ternyata penghukuman moral adalah sangat effektif. Orang Melayu takut merasa malu di depan orang lain*. (hlm. 202-203)

Karangan Muhammad Yusoff Hashim merupakan sebuah contoh kajian ilmiah yang penuh dengan makna praktikal, iaitu perkara yang boleh dan perlu digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Kajian Muhammad Yusoff Hashim berbeza dengan karangan para orientalis Barat yang meneliti teks Melayu lama hanya dari sudut tekstologi, linguistik atau etnologi, tetapi tidak menganggap teks tersebut sebagai sumber sejarah yang boleh dipercayai. Muhammad Yusoff Hashim mengkaji teks lama dan sumber sejarah yang lain bukan hanya sebagai artifak sastera semata-mata. Beliau menganalisis teks tersebut dalam konteks sejarah yang nyata dan menonjolkan kepentingan Islam dalam kemajuan masyarakat. Fenomena ini amat penting!

Melaka: maklumat-maklumat umum

Dalam katalog koleksi John Bastin, disenaraikan pelbagai tajuk yang mengandungi maklumat umum tentang Melaka. Kebanyakannya adalah

terbitan popular dalam bentuk makalah atau buku kecil. Yang disenaraikan adalah sebagai berikut:

– *Tan Cheng Lock. "Three Hundred Years in Malacca and Shrine of the Goddess of Mercy"* (KP JB 141): Terdapat cerita ringkas tentang sejarah masyarakat China di Melaka sejak kurun ke-17; keterangan tentang kuil China *Cheng Hoon Teng* (Melaka, kurun ke-17) dan dua orang pendiri kuil tersebut, iaitu Li Kup dan Tay Kup (kedua-duanya mengepalai masyarakat China di Melaka sebagai kapitan China). Diterangkan juga tentang pelbagai patung dan unsur-unsur hiasan dalam kuil tersebut.

– George Wodcock *Malacca – the key to the East"* (KP JB 142). Terdapat cerita ringkas tentang sejarah Melaka dan beberapa gambar Melaka lama.

– Marcus Scott-Ross *"A short History of Malacca"* (KP JB 143) mengandungi cerita popular tentang sejarah Melaka berdasarkan bahan-bahan dari pelbagai sumber sejarah. Diceritakan secara ringkas tentang setiap raja Melaka dengan tarikh kehidupannya (pemerintahan). Disebutkan juga Hang Tuah dan Bendahara Tun Mutahir, dan dinyatakan nama-nama orang Eropah (Portugis, Belanda, Inggeris) yang paling terkenal dalam sejarah Melayu.

– Wendy Moore *Malacca* (KP JB 145) mengandungi data umum tentang Melaka dan penduduknya. Terdapat banyak gambar yang cantik dan berwarna-warni dibuat oleh Ian Lloyd. Mengandungi keterangan ringkas tentang sejarah dan budaya Melaka dan orang tempatan (Melayu, China, Hindu, Portugis-Melaka dan lain-lain).

– Sarnia Hayes Hoyt *Old Malacca* (KP JB 146) Terdapat cerita ringkas tentang sejarah Melaka dan data umum tentang penduduknya. Terdapat juga maklumat ringkas tentang raja-raja Melaka, tentang orang Eropah dan zaman penjajahannya, tentang para penduduk tempatan (orang Melayu, Cina, India dan lain-lain); tentang perdagangan rempah ratus. Bahan-bahan tersebut dilengkapi dengan banyak gambar yang cantik dan berwarna-warni.

- Robert Tan Sin Nyen "*Historic Malacca pot-pourry*" (KP JB 147). Terdapat cerita ringkas tentang sejarah Melaka dilengkapi dengan beberapa keping gambar Melaka lama serta keterangan tentang tempat-tempat menarik di Melaka (Istana Sultan; Obelisk Merdeka; memorial deklarasi Merdeka; kubu Portugis Porta de Santiago; Gereja St. Paul, muzium sejarah Melaka Fountain Queen Victoria dan lain-lain). Tempat yang mewakili tamadun Islam yang disebutkan ialah Masjid di Kampung Keling dan Masjid Terengganu sahaja.

- K.T. et al Joseph *Illustrated Historical guide to Melaka* (KP JB 158). Kumpulan makalah popular yang mengandungi maklumat ringkas tentang sejarah Melaka (sejak zaman pra-Sejarah sehingga kurun ke-20). Terdapat gambaran mengenai artifak sejarah di Melaka, iaitu patung-patung, bangunan lama (kubu, istana, gereja), batu-batu nisan yang dilengkapi dengan gambar. Diceritakan juga secara ringkas tentang orang Eropah dan zaman kerajaan mereka (Portugis, Belanda, Inggeris). Makalah kecil ini juga mengandungi cerita ringkas tentang kependudukan Melaka oleh Orang Jepun; cerita ringkas tentang industri getah di Malaysia Barat; cerita ringkas tentang adat-istiadat pelbagai bangsa di Melaka (China. Melayu, Hindu); dan cerita ringkas tentang sejarah Rotary Club di Melaka (1930-1973).

Bahan-bahan popular ini diterbitkan untuk para pelancong. Karangan tersebut kebanyakannya berdasarkan data yang terdapat dalam pelbagai kajian para orientalis yang lazimnya mengulangi prasangka dan kesilapan mereka. Maklumat-maklumat tentang tamadun Islam dan peranan Islam dalam sejarah alam Melayu hampir tidak ditemui.

Bahan-bahan umum yang lebih lengkap mengenai Melaka di rakamkan dalam buku, *Melaka - the Transformation of a Malay Capital, c. 1400-1980* (KP JB 140), yang di susun oleh Kernial Singh Sandhu dan Paul Wheatley. Karangan tersebut merupakan kumpulan makalah mengenai Bandar Melaka dalam

pelbagai zaman. Mengandungi juga bahan-bahan tentang sejarah Melaka, sistem kerajaan dan pentadbiran, ekologi dan hal ehwal kehidupan masyarakat. Buku yang mengandungi dua jilid ini disiapkan dan diterbitkan oleh Oxford University Press bersama dengan Institute of South East Asian Studies (Singapura). Pengarang terdiri daripada ilmuwan tempatan dan pakar luar.

Jilid I mengandungi bahan-bahan seperti berikut:

1. Sejarah (Kesultanan Melaka; masyarakat Islam, budaya, undang-undang, penjajahan Portugis, Belanda, Inggeris; sistem pendidikan, penjajahan Jepun, Melaka selepas Perang Dunia kedua)
2. Wilayah/kawasan Melaka dan sekitarnya (hubungan perdagangan dengan daerah pedalaman; pertanian, undang-undang mengenai tanah pada zaman Inggeris; tamadun tanaman padi; lanun; sistem kerajaan dan susunan administrasi).
3. Bandar Melaka (pelabuhan Melaka; pusat Bandar Melaka; pinggir Bandar; saudagar dan pekedai dan seni bina Melaka; kubu Melaka).

Jilid II mengandungi bahan-bahan seperti berikut:

1. Susunan masyarakat dan bangsa (masyarakat Melaka moden; orang Cina di Melaka; lembaga-lembaga, persatuan dan organisasi yang lain masyarakat Cina di Melaka; orang India di Melaka; perubahan dalam masyarakat orang India di Melaka: susunan bangsa, agama, pangkat sosial dan lain-lain; orang Eropah dan Asia di Melaka)
2. Modernisasi Melaka (makna istilah *Modernisasi* di Asia Tenggara; perkembangan masyarakat bandar, keadaan ekonomi di Melaka masa kini dan akan datang; perubahan dan perkembangan kebudayaan di Melaka; Melaka dalam sejarah perkembangan sosial di Malaysia; perspektif dan harapan Melaka pada masa akan datang.

Buku ini juga menceritakan secara ringkas tentang sejarah umum perbandaran di Nusantara sebelum zaman Melaka serta pelbagai peta dan senarai buku yang berkaitan dengan kajian tentang Melaka.

Dalam bab mengenai ekologi, terdapat analisis peletakan Melaka, cuaca (hlm. 81-84), angin/monsun, sumber air dan pelbagai peraturan kehidupan yang lain. Disebut juga data *physiography* kawasan Melaka (sungai-sungai, pergunungan, paya, dan lain-lain (hlm. 77); dan analisis tanah (hlm. 79, 87, 89).

Bahan-bahan yang terdapat dalam buku tersebut kebanyakannya hasil kajian mengenai Melaka masa kini atau tentang masalah kehidupan di Bandar Melaka (ekologi, pengangkutan awam, sistem keamanan dan hubungan dengan pelbagai bangsa). Bahan-bahan tentang sejarah kebanyakannya hasil kajian para Orientalis Barat. Mereka tidak menumpukan banyak perhatian kepada orang Melayu dan tamadun Islam serta peranannya dalam pembangunan bandar. Kita menemui beberapa maklumat antaranya:

Datuk Zeinal Abidin bin Abdul Wahid dalam makalah beliau bertajuk, "*Power and authority in Melaka Sultanate: the Traditional view*" (hlm. 101-112) menegaskan secara tepat bahawa kedatangan Islam memajukan sistem kerajaan di Melaka dan peraturan dalam bidang pembandaran (hlm. 102-103). Dinyatakan hanya maklumat umum sahaja tentang kepentingan Islam. Keterangan tentang peranan Islam dalam pembangunan bandar tidak ditemui. Justeru, itu dalam Islam wujud konsep perbandaran yang istimewa. Konsep tersebut dirakamkan dalam karya Ibn Haldun, al-Gazali, ar-Raniri dan lain-lain. Definisi *Madina (*Bandar) dijelaskan secara lengkap dalam buku Prof Syed Mohd Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*"[39].

Dalam makalah bertajuk, *"Masyarakat Melaka zaman kesultanan dan sifat kosmopolitannya"* (dikarang oleh Muhammad Yusuff Hashim) disebutkan nama-nama mubaligh yang menyebarkan Islam di Melaka. Misalnya Sayyid Abdul Aziz (penyebar Islam di Melaka), Abu Bakar, Yusoff, Menawar, Sadar

---

[39]al-Attas, Syed Muhammad Naquib. Proff. *"Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC, 1995.

Jahan, Jalaluddin, Muhammad Kabungsuan, dan Karim al-Makhdum. Mereka semua memakai gelaran agama yang berasal dari bahasa Arab.: *kadi, maulana, awliya, syariff, sayyid.* (hlm. 116)

Dalam makalah C.H.Wake yang bertajuk "*Melaka in Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization*" (hlm. 128-161), terdapat maklumat umum tentang sejarah kedatangan Islam di alam Melayu berdasarkan sumber sejarah China, Portugis dan Melayu (teks lama). Sumber Arab tidak disebutkan. Antara sumber Melayu disebutkan *Sejarah Melayu* dan *Bustan as-Salatin* (1638). Sumber yang lain (*Hikayat Raja-Raja Pasai, Hikayat Aceh, Tuhfat al-Nafis* dan lain-lain) tidak disebutkan. Pengarang menganggap Islam sebagai faktor negatif dalam perkembangan masyarakat Melayu. Beliau menegaskan bahawa para penduduk tempatan memeluk Islam kerana dipaksa oleh raja Muslim yang memerintah Melaka. Beliau menulis bahawa "*not only at Melaka, but in Javaneese pasisiran and elsewhere in the Indonesian world, local aristocracies, Hindu-Buddhist in cultural inspiration, ruled over predominantly alien and Muslim commercial communities, and were themselves subject to overlords inimical to the intrusion of Muslim cultural values and commercial interests.(*hlm. 128)

Petikan tersebut mencerminkan sikap permusuhannya terhadap Islam. C.H.Wake menggambarkan para bangsawan Hindu-Buddha sehaluan dengan *strangers* (orang luar/asing) yang menyebarkan Islam hanya semata-mata untuk mendapatkan faedah dan keuntungan perdagangan. Pengarang menulis berdasarkan sumber sejarah Hindu-Buddha sahaja.

Sementara itu, pelbagai sumber sejarah dan karangan ilmuwan di Malaysia dan di negara lain menyatakan bahawa di antara orang Muslim yang datang dari negara Arab bukan hanya para saudagar sahaja. Sebaliknya yang datang dengan kapal-kapal perdagangan ialah para ulama terkenal yang datang sengaja untuk menyebarkan Islam di alam Melayu[40]. Justeru perlu menegaskan sekali lagi bahawa orang Melayu kebanyakannya memeluk Islam secara

sukarela atas kesedaran mereka sendiri. Hal ini digambarkan dalam pelbagai sumber sejarah Melayu, misalnya di *Hikayat Raja Pasai*, seperti yang telah dibincangkan sebelumnya[41].

Kesimpulan:

1. Kajian bahan-bahan yang disenaraikan dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin menunjukkan bahawa dalamnya disimpan banyak karangan mengenai Melaka. Kebanyakannya dalam bentuk makalah (59 judul), dan monograf (46 judul). Karya tersebut diterbitkan antara tahun 1726 sehingga 1993: susunan koleksi menggambarkan historiografi kajian mengenai Melaka selama 267 tahun. Ternyata Melaka adalah subjek kajian yang penting dan berjaya menarik perhatian para Orientalis sejak kurun ke-18 sehingga 20.
2. Analisis perbandingan susunan bahagian pertama (Arkeologi dan sejarah purba) dengan bahagian kedua (Melaka) dari sudut tempoh penerbitan menunjukkan bahawa buku yang terakhir yang disenaraikan dalam katalog tersebut diterbitkan pada masa yang sama. Ternyata koleksi tersebut disusun (dikumpulkan) secara aktif sehingga tahun 1992-1993. Buku dengan tarikh penerbitan selepas itu tidak ditemui.
3. Kajian koleksi John Bastin menunjukkan bahawa dalamnya tersimpan

---

[40]Lihat: al-Attas. Syed Muhammad Naquib. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM, 1972..

[41]Dalam Hikayat Raja Pasai terdapat: "*Maka disuruh oleh Syeikh Ismail himpunkan segala hulubalang dan segala rakyat besar kecil dan tua muda laki-laki perempuan. …Maka diajari oleh Syeikh Ismail mengucap syahadat akan mereka itu sekalian. Maka segala mereka itu relalah ia mengucap dua kalimah shahadat dengan tulus ikhlas yakin hatinya. Sebab itu lah dinamai Samudera itu Negeri Darussalam kerana tiada sekaliannya orang itu dengan digagahi dan dengan tiada dimusakatkannya dan tiada dengan diperlelahkannya pada mengerjakan kerja masuk agama Islam".(hlm. 31(16))*. Lihat juga rujukan N14.

bahan-bahan yang diterbitkan dari pelbagai tempat. Perbandingan bahagian pertama dan bahagian kedua dari sudut statistik menerangkan bahawa tempat penerbitan yang paling kerap ditemui ialah Singapura. Ternyata Singapura menjadi pusat penerbitan/percetakan bahan-bahan tentang alam Melayu sejak kurun ke-19.

4. Dalam koleksi John Bastin terdapat makalah dan monograf yang diterbitkan di pelbagai majalah. Ditemui juga majalah yang diterbitkan oleh lembaga mubaligh Kristian. Para mubaligh dan pengikutnya membuat penyelidikan secara aktif di alam Melayu, menulis catatan pengembaraan, catatan harian, laporan dan lain-lain. Ternyata majalah dan terbitan mubaligh dianggap oleh para Orientalis sebagai sumber sejarah penting mengenai Melaka dan alam Melayu sejak kurun ke 18 sehingga ke-19.Karangan tokoh agama Kristian (mubaligh, paderi-paderi, rahib dan lain-lain) itu dianggap sebagai karangan yang istimewa dalam historiografi kajian Timur di Barat. Karangan tersebut ditulis oleh orang yang datang ke alam Melayu (atau negara Islam yang lain) dengan tujuan yang amat praktikal. Mereka mengumpulkan bahan-bahan yang boleh digunakan untuk menyebarkan agama Kristian, (melawan agama lain). Senario ini berbeza dengan karangan/kedatangan tokoh Islam dan penganut agama lain ke alam Melayu. Mereka datang untuk mendapatkan kekayaan dan kawalan perniagaan menjadi negara di bawah dan di atas angin. Tujuan orientalis Berat ialah untuk memastikan subjek tulisan mereka bersifat *eura-centrism,* kesombangan dan anti-Islam.

5. Analisis susunan koleksi dari sudut bentuk penerbitan menjelaskan bahawa pada kurun ke-20, terbitan berkala (*periodical*) telah diubah, iaitu majalah yang berkaitan dengan lembaga mubaligh tidak ditemui lagi. Bahan-bahan mengenai Melaka pada kurun ke-20 kebanyakannya diterbitkan dalam majalah ilmiah (muncul banyak penerbitan baharu). Analisis data mengenai tempat penerbitan buku tersebut menunjukkan bahawa bahan-bahan mengenai Melaka dan alam Melayu diterbitkan

bukan hanya di tempat yang dianggap sebagai pusat penelitian alam Melayu (Singapura, London, Kuala Lumpur, Hague) tetapi juga dari pelbagai negara dan institusi yang lain (Cambridge, Oxford, Johannesburg, Lisbon, Hong Kong, Melaka, Manila, Canberra).

6. Buku-buku yang disenaraikan dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin kebanyakannya dikarang oleh para orientalis yang terkenal, misalnya *Sir Richard O. Winstedt, J.V.Mills, C.O.Blagden, V.P.Grueneveldt, E.Netsher, David K.Wyatt, C.A. Gibson-Hill, C.R. Boxer* dan lain-lain. Disenaraikan juga karangan para mubaligh tokoh agama Kristian yang pernah singgah di alam Melayu sejak kurun ke-16 hingga 19, misalnya: *G.E.Marrison, Francois Valent tijn, Revd. John Smith, T.J.Hardy, David Collie, William Milne, Manuel Teixeira* dan lain-lain. Dalam koleksi John Bastin disimpan juga pelbagai catatan semasa yang merupakan "karangan saksi", iaitu orang Eropah yang menggambarkan dan melihat sendiri peristiwa dan keadaan di Melaka dan alam Melayu, dan mereka adalah sebahagian daripadanya. Misalnya: *Francisco de Sa de Menesis, Tome Pires, Francesco Carletti, Walter De Gray Birch, Manoel Godinho de Eredia, Baretto de Resende, Balthasar Bort, J.C. Baane, J.B. Westerhoud* dan lain-lain. Karya yang dikarang oleh orang Melayu hampir tidak ada. Analisis susunan koleksi dari sudut pengarang (penulis, editor) menunjukkan bahawa bahan tentang Melaka kebanyakannya dikarang oleh orang Eropah. Karangan mengandungi data tentang orang Eropah di Melaka dan zaman penjajahan Eropah. Karya lazimnya menggambarkan peristiwa yang berlaku di alam Melayu dari sudut pandangan dan pendapat para penjajah.

7. Analisis susunan koleksi John Bastin menunjukkan bahawa situasi yang sama berlaku pada bahagian pertama katalog koleksi tersebut. Bahan-bahan yang disenaraikan dalam Bahagian kedua kebanyakkannya karangan orang Barat dan bersumberkan Barat. Hal ini menggambarkan prinsip penyusunan koleksi atau mencerminkan bahawa John Bastin lebih banyak memilih karya Barat berbanding karya pengarang

tempatan (terutama Muslim). Dalam bahagian kedua katalog tersebut hampir tidak ditemui karangan tentang tamadun Islam di Melaka dan zaman kerajaan Melayu Melaka yang lebih tertumpu kepada peranan orang Melayu di dalam sejarah dan perkembangan Melaka. Kajian ini menjelaskan kepentingan Islam dalam sejarah dan tamadun Melaka. Ternyata John Bastin dan para Orientalis Barat menganggap sumber sejarah Eropah lebih 'bernilai'. Sumber sejarah tempatan (termasuk kajian para ilmuwan tempatan) lazimnya dianggap sebagai sumber yang tidak boleh dipercayai.

8. Hasil-hasil analisis susunan koleksi John Bastin daripada sudut isi bahan-bahan menunjukkan bahawa karangan para orientalis Barat tentang Melaka kebanyakannya menumpukan perhatian hanya kepada kegiatan orang Eropah di Melaka dan tidak mengandungi maklumat-maklumat tentang orang tempatan, terutama tentang orang Melayu Islam. Hal tersebut mencerminkan sikap *euro-centrism* yang menyerupai ciri khas kajian Barat mengenai sejarah alam Melayu termasuk Melaka.

9. Bahan-bahan tentang orang Eropah di Melaka yang tersimpan dalam koleksi John Bastin amat menarik dan penting untuk memahami sejarah penjajahan dan kegiatan orang Eropah di alam Melayu. Antara karangan tersebut ialah: catatan pengembara Eropah (kurun ke-16 sehingga 19); laporan rasmi pegawai pentadbiran jajahan (Portugis, Belanda, Inggeris); catatan kenangan (peringatan) peribadi yang dikarang oleh 'saksi' dan para perakam peristiwa sezaman; laporan dan catatan para mubaligh; kajian ilmiah mengenai orang Eropah di Melaka. Buku tentang orang Eropah di Melaka menggambarkan zaman utama dalam sejarah penjajahan alam Melayu, iaitu zaman Portugis, zaman Belanda dan zaman Inggeris.

10. Bahan-bahan tentang orang Eropah di Melaka yang tersimpan dalam koleksi John Bastin lazimnya mencerminkan pelbagai konsep sejarah alam Melayu dan Islam secara am. Misalnya, Konsep "Zaman Pembukaan

Dunia yang Agung" (*The Age of Discovery or Age of Exploration*). Konsep tersebut bersikap *eurocentrism*. Menurut konsep tersebut sebelum kedatangan orang Eropah, semua negara di seluruh dunia berada dalam kegelapan dan keadaan jahiliyah. Berdasarkan prasangka tersebut, para orientalis Barat membahagikan sejarah alam Melayu ke dalam dua *period: period* pertama adalah zaman yang sebelum kedatangan orang Eropah - Zaman Sejarah Purba *(Ancient History)"* dan *period* kedua, "zaman selepas kedatangan orang Eropah - zaman Sejarah Moden *(Modern History)".* Walaupun dalam katalog koleksi tersebut disenaraikan banyak tajuk tentang sejarah kedatangan orang Eropah ke negara Timur (termasuk Asia Tenggara dan alam Melayu), buku-buku yang menggambarkan peristiwa kedatangan tersebut dari sudut pandangan yang berbeza tidak dinyatakan.

11. Dalam koleksi John Bastin terdapat bahan-bahan mengenai sejarah penjajahan Portugis berdasarkan catatan pengembara, catatan harian orang Portugis dan sumber sejarah yang lain. Walaupun teks tersebut tidak boleh dianggap sebagai sumber sejarah yang objektif (kebanyakannya bersikap anti-Islam), di dalamnya terdapat juga maklumat penting yang membantu kita supaya memahami hal ehwal sejarah yang sebenar. Maklumat tersebut membantu kita supaya memahami ciri-ciri khas zaman penjajahan Portugis. Tujuan utama penaklukan Portugis adalah untuk memusnahkan Islam; mengusir orang Muslim; menyebarkan agama Kristian; mengawal perdagangan rempah ratus dan faedahnya. Ciri-ciri khas kegiatan (politik) Portugis di alam Melayu adalah untuk merampas harta dan kekayaan negara takluknya (terutama negara-negara Muslim); mengusir orang Muslim dari negara mereka; menyokong golongan bangsawan khususnya saudagar Hindu yang bersengketa dengan Muslim; menebarkan agama Kristian secara paksa untuk melemahkan/ menghapuskan pengaruh Islam; serta menggalakkan perkahwinan campur orang Portugis dengan perempuan tempatan bertujuan membina masyarakat Kristian di Melaka.

12. Analisis karya para mubaligh Kristian (yang disimpan dalam koleksi John Bastin) membantu kita membina semula sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu, disampai itu kita dapat mengetahui hubungan antara orang Kristian Portugis dengan orang Muslim dan penganut agama lain (termasuk orang Armenia, Yahudi, Buddha). Karangan tentang Francis Xavier dan pengikutnya menunjukkan bahawa para mubaligh tersebut sejak awal-awal bersikap bermusuhan terhadap Muslim dan orang Yahudi. Kedua-duanya dianggap sebagai musuh agama Kristian yang berkongsi untuk memusnahkan "agama yang tulen" (Kristian). Pada kurun ke-15 hingga 17 di seluruh Eropah tersebar prasangka dan berlaku diskriminasi terhadap penganut agama lain. Justeru, sumber Portugis membuktikan bahawa para mubaligh ialah 'anak-anak' sezaman mereka. Karangan tokoh gereja Katolik pula memperihalkan kaedah penyebaran agama Kristian: perkahwinan campur; pembinaan sekolah Jesuist; pengajaran hal ehwal agama Kristian dalam bahasa Melayu (tempatan); terjemahan buku agama Kristian ke dalam bahasa Melayu; penyebaran agama Kristian kepada kanak-kanak tempatan dan penggunaan orang Kristian baru (kebanyakannya orang Hindu tempatan) sebagai para mubaligh agama Kristian. Namun, maklumat tentang orang Melayu Muslim yang menjadi Kristian tidak ditemui.

13. Karangan para mubaligh dan kegiatan Katolik yang tersimpan dalam koleksi John Bastin mengandungi banyak maklumat penting yang membantu kita memahami sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu pada kurun ke-16 sehingga 18. Walau bagaimanapun, buku tersebut hampir tidak ada maklumat tentang orang tempatan (terutama orang Muslim) dan tamadun Melayu. Ternyata karangan tersebut ialah sumber sejarah tentang orang Eropah di Melaka. Justeru, bahan-bahan tersebut tidak boleh dianggap sebagai sumber sejarah yang sempurna yang menyatakan hal ehwal sejarah dan perkembangan masyarakat Melayu secara lengkap.

14. Dalam Koleksi John Bastin disimpan juga beberapa buku tentang seni bina Eropah. Kebanyakannya tentang kubu, bangunan gereja, kuburan (batu-batu nisan) Katolik (Kristian) di Melaka. Analisis koleksi John Bastin menunjukkan bahawa seni bina Katolik, bangunan gereja, serta sejarah seni bina Eropah di Nusantara menarik perhatian ramai ilmuwan Barat, termasuk John Bastin sendiri. Maklumat tentang perampasan masjid dan pemusnahan kubur Muslim hampir tidak ditemui. Perampasan dan pemusnahan itu dilakukan oleh orang Portugis secara sengaja, bertujuan untuk menghapuskan tamadun Islam menghilangkan kesan berhuruf Arab, dan meluntur kan sebarang imej Islam daripada rakyat tempatan.

15. Koleksi John Bastin mengandungi pelbagai catatan peringatan (memorial) orang Portugis yang dikarang oleh pegawai pentadbiran Portugis di Melaka dan saksi sezaman yang lain (pada kurun ke-16 sehingga ke-17). Dalamnya terdapat maklumat yang lazimnya menafikan prasangka yang tersebar dalam kalangan orang Eropah mengenai alam Melayu dan sejarah dakwah Islam di Nusantara. Antara prasangka tersebut ialah: Pada kurun ke-16 penyebaran Islam (*Islamization)* hanya berjaya dalam di bandar-bandar besar seperti Melaka. Justeru, penduduk di kawasan lain masih dianggap orang pagan; seterusnya, orang Muslim termasuk orang Melayu sejak awalnya selalu bersikap agressif terhadap orang Eropah; seterusnya penjajahan Eropah (termasuk zaman Portugis) yang memacu perkembangan masyarakat dan ekonomi di alam Melayu.

16. Dalam koleksi John Bastin disimpan pelbagai karya ilmiah moden dikarang berdasarkan sumber Portugis. Karya tersebut mengulangi prasangka dan kesilapan yang dirakamkan dalam teks lama. Walau bagaimanapun dalamnya terdapat juga kajian yang *fundamental* dan objektif. Misalnya, karangan M.A.P.Meilink-Roelofsz menafikan prasangka bahawa pada kurun ke-15 hingga ke-17, orang Melayu hanya menjalankan perdagangan runcit sahaja. Beliau menegaskan secara tepat bahawa kekayaan dan keagungan Melaka disebabkan oleh orang Melayu sendiri. Mereka memeluk Islam

dan bekerja sama dengan ilmuwan dan saudagar Muslim dari luar supaya memajukan Melaka. Beliau menyatakan bahawa perdagangan tempatan tidak dimusnahkan oleh orang Portugis dan Belanda, walaupun pengaruh pentadbiran Eropah pada masa itu adalah amat kuat. Sistem monopoli kompeni Belanda dan Inggeris mengakibatkan kurang aktiviti perkapalan, pelayaran dan perdagangan tempatan, tetapi hubungan perdagangan antara alam Melayu dengan rakan perniagaan tradisional dari luar - Cina, India, Siam, Asia Barat dan lain-lain, dalam – Jawa, Sumatra, Johor, Bantam, Melaka, Moluku dan lain-lain) masih wujud dan kekal hingga kurun ke-20.

17. Dalam katalog koleksi John Bastin disenaraikan 23 tajuk yang berkaitan dengan sejarah orang Belanda di alam Melayu. Analisis susunan koleksi tersebut menunjukkan bahawa dalamnya disimpan buku berdasarkan perkara berikut: catatan peringatan kakitangan kompeni Belanda dan bahan-bahan arkib pentadbiran Belanda di alam Melayu; karangan ilmiah zaman Belanda yang dikarang oleh Orientalis Barat; karya mengenai misi mubaligh Belanda di alam Melayu; buku mengenai batu-batu nisan Kristian daripada zaman Belanda dan lain-lain. Susunan koleksi ini mengesahkan pendapat menyatakan tujuan utama kedatangan orang Belanda ke alam Melayu atas sebab ekonomi dan perdagangan tetapi, bukan hal ehwal agama. Susunan koleksi John Bastin mencerminkan arah utama dalam kajian, penelitian alam Melayu (Malay Studies) di seluruh dunia.

18. Bahan-bahan mengenai kerajaan Belanda di Melaka menggambarkan sejarah orang Belanda dan kegiatan mereka di Melaka (di alam Melayu). Kebanyakannya bersifat *euro-centrisme* dan mereka tidak menumpukan perhatian kepada tamadun dan kehidupan orang Melayu. Justeru, sifat atau sikap *euro-centrism* telah berubah, yakni pengarang Belanda tidak menganggap orang Melayu Islam sebagai musuh kerana mereka orang Muslim. Orang Belanda kurang menilaikan orang Melayu dari sudut yang

praktikal iaitu dari segi penggunaan mereka sebagai tenaga kerja. Hal ehwal agama langsung tidak disebutkan.

Karangan tersebut membantu kita memahami tujuan utama kedatangan orang Belanda ke alam Melayu, dan ciri-ciri khas kerajaannya. Analisis isi buku zaman Belanda di Melaka menunjukkan bahawa subjek utama dalam penelitian alam Melayu pada kurun ke-18 ialah kajian tentang ekonomi dan sains gunaan, iaitu perlombangan, kewangan, penelitian dunia semulajadi, sejarah, etnologi dan hal ehwal politik yang digunakan dalam pentadbiran Belanda yang praktikal. Kajian mengenai ilmu, agama, falsafah, seni dan sastera di Melaka hampir tidak ada. Bahan-bahan tentang Islam tidak ditemui juga. Hal tersebut membuktikan sekali lagi bahawa arah-arah kajian para orientalis (Oriental Studies) selalu dipengaruhi dan ditentukan oleh tujuan pentadbiran penjajahan dan kegiatan praktikal. Situasi ini perlu diperhatikan lebih-lebih lagi apabila kita menyaksikan 'kebenaran kajian' dan objektivitinya.

19. Tujuan kedatangan Belanda di alam Melayu adalah berkaitan dengan ekonomi dan bukan dengan hal ehwal agama. Kompeni Belanda datang ke Nusantara (termasuk Melaka) untuk mendapat hak-hak istimewa (monopoli) dalam perdagangan dan mengawal semua kekayaan dan kewangan di negara-negara penjajahannya, pengeluaran logam-logam (termasuk emas), kain perkapalan dan pelayaran, tanah, pertanian dan lain-lain.

20. Bahan-bahan mengenai Melaka yang disenaraikan dalam bahagian kedua mengandungi maklumat tentang perdagangan hamba yang dikawal oleh Belanda. Terdapat data mengenai jumlah hamba (abdi), bidang penggunaannya, pembakalan, gender, tenaga kerja anak-anak hamba, dan lain-lain. Maklumat tersebut membuktikan bahawa kompeni Belanda menggunakan tenaga hamba (termasuk anak-anak hamba) secara meluas dalam pelbagai bidang. Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa orang Eropah memajukan masyarakat Melayu, dan

mengembangkan ekonomi secara *progressive*. Penggunaan tenaga hamba pada kurun ke-17 sehingga ke-18, iaitu pada zaman Sejarah Baharu tidak boleh dianggap sebagai unsur kemajuan masyarakat tersebut.

21. Analisis maklumat tentang perdagangan dan monopoli Belanda menunjukkan bahawa hak-hak monopoli dalam perniagaan adalah isu yang utama dalam hubungan di antara orang Belanda dan raja-raja tempatan. Cara pembahagian keuntungan antara kompeni Belanda dan para pembesar tempatan lazimnya menjadi alasan pergaduhan antara mereka. Hal ehwal agama atau tamadun hampir tidak disebutkan dalam karya tersebut. Banyak maklumat yang membuktikan bahawa kegiatan orang Belanda mengakibatkan kemunduran Melaka pada kurun ke-17. Pentadbiran penjajahan Belanda tidak berminat memajukan ekonomi dan perdagangan di Melaka yang sejak dahulu dianggap dalam masyarakat Melayu sebagai pusat keagungan kebangsaan dan pusat kerajaan Melayu Islam. Lagipun, orang Belanda membina pusat kuasa yang baharu iaitu Batavia. Pusat tersebut tidak berkaitan dengan sejarah kebangsaan dan zaman emas kerajaan Melayu Islam. Orang Belanda lebih berminat mengembangkan Batavia sebagai pelabuhan utama untuk mengawal perdagangan dan semua kewangan (untung). Menurut pengarang, kedatangan orang Eropah dan kegiatan kompeni Belanda tidak memajukan hubungan antarabangsa di alam Melayu. Saudagar Muslim dari Surat, Coromandel, Bengal, Pegu dan daerah yang lain dilarang berniaga di Aceh dan di Semenanjung Tanah Melayu. Politik dan monopoli Belanda mengakibatkan Melaka hilangkan peranannya sebagai pusat perdagangan dan aktiviti ekonomi. Penjajahan Melaka oleh orang Eropah selama 150 – 200 tahun mengakibatkan kemerosotan sistem ekonomi, perdagangan, dan kemunduran Melaka.

22. Dalam koleksi John Bastin juga tersimpan karya yang berkaitan dengan sejarah mubaligh Protestan Belanda yang pernah singgah di Melaka.

Misalnya karangan Francios Valentyn. Analisis perbandingan karya Valentyn dengan catatan para mubaligh Katolik Portugis menunjukkan bahawa karangan Valentyn mengandungi lebih banyak data yang objektif tentang tamadun dan orang Islam Melayu. Ternyata sikap permusuhan terhadap Islam dalam karangan Valentyn berkurang sedikit jika dibandingkan dengan teks ditulis oleh mubaligh Portugis pada kurun ke-16 hingga ke-17. Catatan Valentyn membuktikan bahawa golongan ulama Islam (sheikh, fakih dan para ulama) memajukan tamadan Melayu dan mereka cukup berwibawa dalam masyarakat Melayu.

23. Bahan-bahan tentang orang Kristian di Melaka pada zaman kerajaan Belanda terdapat juga dalam dua buku mengenai epigrafi Kristian. Analisis tulisan epitaf dari sudut bahasa menunjukan bahawa terdapat banyak batu nisan ditulis dalam bahasa Portugis, Belanda, Inggeris dan Armenia. Epitaf dalam bahasa Armenia amat menarik kerana ia membuktikan bahawa sejak kurun ke-16 di Melaka telah wujudnya golongan tersebut. Bahan ini mengesahkan data tentang saudagar Armenia yang pernah singgah alam Melayu bersama dengan orang Eropah. Bahan ini amat penting untuk penelitian sejarah penyebaran orang Armenia di seluruh dunia, selain untuk hubungan antarabangsa Melaka pada zaman kerajaan Portugis dan Belanda.

24. Koleksi John Bastin juga mengandungi beberapa buku yang menggambarkan masa terakhir kerajaan Belanda dan zaman kedatangan orang Inggeris iaitu kurun ke-18 hingga ke-19. Terdapat maklumat tentang serangan Melaka oleh Inggeris dan sejarah terawal kehadiran Inggeris di kawasan tersebut. Sebagai ciri-ciri khas kerajaan Inggeris di alam Melayu (termasuk Melaka), disebutkan bahawa tugas pentadbiran Inggeris yang pertama adalah memajukan perdagangan dan mengembangkan ekonomi di Melaka. Salah satu caranya ialah melalui aktiviti penanaman gambir. Dinyatakan bahawa pentadbiran Inggeris memberi kepada orang Cina hak-hak istimewa dalam pengeluaran dan perdagangan opium, ternakan babi dan minuman keras. Maklumat tersebut menunjukkan

bahawa orang Inggeris menyokong orang Cina dan menganggap masyarakat tersebut sebagai dasar kerajaan Inggeris di Melaka.

25. Dalam Bahagian kedua disenaraikan 21 tajuk mengenai zaman kerajaan Inggeris di Melaka. Sebenarnya dalam koleksi John Bastin disimpan banyak buku tentang orang Inggeris di alam Melayu. Terdapat pelbagai catatan pengembara Inggeris, catatan kenangan (*memoirs*) dan catatan harian (*diary*) pegawai pentadbiran Inggeris; kajian ilmiah tentang pelbagai unsur kegiatan orang Inggeris di alam Melayu, termasuk Melaka. Tetapi semua buku tersebut disenaraikan dalam bahagian katalog yang lain.

26. Bahan-bahan tersebut menggambarkan sejarah orang Inggeris dan kegiatan mereka di Melaka (di alam Melayu). Kebanyakannya bersifat *euro-centrisme*. Mereka tidak menumpukan perhatian kepada tamadun dan kehidupan Melayu.

26. Banyak karangan tentang orang Inggeris di Melaka mengenai misi mubaligh Kristian serta kolej Inggeris-China yang dibina oleh mubaligh tersebut. Buku-buku tersebut menarik perhatian ramai pengkaji termasuk John Bastin. Dalam karya tersebut dijelaskan pelbagai ciri khas sistem pendidikan Inggeris untuk orang tempatan. Orang tempatan yang disebutkan adalah orang Cina. Malahan semua pelajar kolej Inggeris-China ialah orang Cina. Orang Melayu sebagai mahasiswa, tidak disebutkan. Tamadun Melayu sebagai mata pelajaran di kolej itu langsung tidak dinyatakan.

Terdapat analisis perbandingan antara dua sistem pendidikan: iaitu pendidikan Inggeris dan sistem pendidikan Islam Melayu. Analisis tersebut dilakukan oleh para mubaligh dari sudut pandangan orang Eropah. Menurut mereka sistem pendidikan Islam mengandungi hanya pengajaran al-Qur'an dan bahasa Arab. Subjek lain tidak diperhatikan. Penilaian kurang mubaligh Kristian terdapat sistem pendidikan Islam menyebabkan salah faham yang ketara dalam kalangan masyarakat Eropah. Sebenarnya mubaligh Kristian tidak tahu apa-apa malah tidak

cuba memahami ciri-ciri khas sistem pengajaran Islam yang tersebar di alam Melayu. Sistem tersebut berdasarkan Usuluddin, ilmu tauhid, hikmah, 'ilm, akhlak dan lain-lain. Untuk memahami sistem pendidikan Islam perlu memahami Usuluddin. Definisi 'ilm atau ilmu mempunyai kaitan yang erat dengan Islam, dan mempengaruhi penyebaran ilmu dalam di alam Melayu. Ilmu merupakan salah satu unsur kehidupan intellektual yang terpenting. Menuntut ilmu dianggap wajib bagi seorang Muslim soleh. Kadar penyebaran ilmu dan pengaruhnya dalam masyarakat Melayu menunjukkan darjah kesedaran sosial dan kemajuan masyarakat tersebut. Pelbagai maklumat tentang ilmu dan pendidikan ditemu dalam teks sejarah Melayu Islam menunjukkan kadar Islamisasi masyarakat Melayu sejak kurun ke-13 hingga-19.

Ternyata pada kurun ke-19 di Melaka, telah wujud sistem pendidikan Melayu Islam, walaupun menghadapi tekanan oleh pentadbiran Eropah. Terdapat banyak maklumat mengatakan bahawa agama Islam bukan sahaja mempengaruhi orang Melayu, tetapi juga mempengaruhi kalangan orang Kristian dan orang Eropah.

Dimaklumkan juga bahawa kegiatan mubaligh Inggeris tidak berjaya dalam masyarakat Melayu Islam. Muslim tidak memaki para mubaligh atau penyebar agama Kristian. Malah menurut orang Muslim, buku-buku Kristian (Bible dan Injil) dianggap sebagai buku suci, tetapi kandungannya tidak lengkap kerana sebahagian daripadanya telah diputarbelitkan dikelirukan oleh mereka yang tidak berpengetahuan atau berlakunya salah tafsiran.

27. Dalam koleksi John Bastin ditemui buku mengenai politik dan kegiatan Inggeris dalam bidang politik sosial. Maklumat ini menunjukkan bahawa pada zaman Inggeris, susunan masyarakat Melaka telah berubah, iaitu jumlah penduduk Melayu berkurang tetapi jumlah orang Cina bertambah. Ternyata pentadbiran Inggeris adalah sama dengan pentadbiran Portugis dan Belanda. Mereka yang menyokong dan bekerjasama dengan

golongan Cina dan India, tetapi tidak mempedulikan orang Melayu Muslim.

28. Dalam karangan mengenai kerajaan Inggeris di Melaka, digambarkan bahawa kompeni Inggeris merancangkan memusnahkan Melaka sebagai pusat perdagangan pelabuhan persinggahan kapal, dan pelabuhan penghantar dalam perniagaan antarabangsa. Melaka pada zaman tersebut dianggap sebagai pesaing utama kepada Pulau Pinang dan Singapura. Sedangkan Inggeris berusaha mengembangkan pusat pengaruh (kuasa) baharu mereka – di Singapura dan Pinang. Hal ini demikian kerana Melaka dianggap sebagai pusat tamadun tempatan, terutamanya tamadun Islam. Zaman kesultanan Melaka disebutkan sebagai zaman emas dalam sejarah Melayu. Melaka merupakan lambang kesedaran kebangsaan (national consciousness) yang amat berwibawa. Sebaliknya Pinang tidak mempunyai peranan yang besar dalam sejarah Melayu malahan Pinang tidak berkaitan dengan tamadun Islam. Pemusnahan Melaka dianggap sebagai suatu tindakan yang penting dalam perlawanan para penjajah Inggeris terhadap gerakan kemerdekaan kebangsaan yang diilhamkan oleh gagasan dan tokoh-tokoh Muslim.

Analisis buku tentang orang Inggeris di Melaka (pada kurun ke-18 hingga ke-19), menunjukkan bahawa bahan-bahan itu adalah kurang lengkap. Buku tersebut kebanyakannya (18 dari 21) adalah tentang Lembaga Mubaligh London, kegiatan para mubaligh Kristian Protestan di Melaka; pusat dan pendidikan, percetakan, pusat rawatan yang didirikan oleh Lembaga Mubaligh tersebut. Susunan koleksi secara tertib menggambarkan minat ilmiah John Bastin sendiri. Ternyata subjek inilah yang menjadi puncak perhatian beliau. Bahan-bahan tersebut memang sangat menarik dan dianggap sebagai sumber sejarah yang lengkap mengenai sejarah gereja Kristian di Melaka. Karya ini mempunyai kelemahan yang sama iaitu mengandungi cuma data tentang orang

Eropah dan orang Cina di Melaka. Maklumat mengenai orang Melayu dan tamadun Islam hampir tidak ditemui.

29. Walau bagaimanapun karangan tersebut membantu kita supaya memahami tujuan penjajahan Inggeris di alam Melayu. Orang Inggeris ingin menguasai perdagangan, galian dan sumber kekayaan (kewangan) yang lain di alam Melayu. Bagi penakluk Portugis dan Belanda, mereka lebih berminat mendapat keuntungan besar dalam jangka pendek (at the earliest possible date), tetapi Inggeris lebih berminat mengawal ekonomi dan kekayaan alam Melayu untuk selama-lamanya. Jadi, orang Inggeris melaksanakan aktivitinya di alam Melayu secara lebih lengkap dan komprehensif. Kompeni Inggeris dan pentadbiran Inggeris membina kubu-kubu (fort) mereka sendiri misalnya Pulau Pinang dan Singapura. Kubu tersebut dirancang untuk dijadikan pusat kuasa dan pengaruh Inggeris yang baharu serta pusat aktiviti perdagangan. Orang Inggeris bersaing berperang dengan orang Belanda dan raja-raja tempatan untuk mengawal kawasan tersebut. Orang Inggeris juga berusaha mendapatkan sokongan (asas sosial) kuasa daripada masyarakat Melayu. Pentadbiran Inggeris melakukan perubahan dalam susunan masyarakat tempatan, terutamanya berkaitan agama dan bangsa. Mereka secara sengaja mengurangkan (menyingkirkan) jumlah penduduk Melayu Islam di Melaka, Singapura, Pinang dan tempat lain serta menggantikannya dengan orang Cina, India dan non-Muslim yang lain. Tujuan Inggeris adalah mempengaruhi masyarakat termasuk generasi muda menyokong pentadbiran mereka. Pentadbiran Inggeris menyebarkan sistem pendidikan Inggeris seluruh di alam Melayu. Mereka mendirikan sekolah-sekolah Kristian Protestan (yang dibina oleh Lembaga Mubaligh London) untuk anak-anak tempatan yang kebanyakannya ialah non-Muslim (Cina, India dan lain-lain). Pengajaran pembelajaran sekolah tersebut tidak mengandungi subjek yang berkaitan dengan agama Islam dan tamadun Melayu Islam. Kesan pentadbiran Inggeris itu boleh dilihat dalam pendidikan sekarang.

30. Buku mengenai orang Cina di Melaka yang disenaraikan dalam Bahagian kedua kebanyakannya ialah karya ilmiah yang dikarang oleh para orientalis Barat dan ilmuwan China. Buku kajian yang dikarang dalam bahasa Melayu oleh orang Melayu tidak ditemui. Hampir semua karya tersebut menggambarkan hal ehwal sejarah lama, sebelum orang Eropah datang ke Nusantara, karya turut menjelaskan peranan orang Cina dalam perkembangan alam Melayu. Para ilmuwan Cina menumpukan perhatian dan membuktikan bahawa orang Cina wujud di alam Melayu sejak dahulu lagi. Mereka adalah sebahagian daripada pendudukan tempatan alam Melayu yang tidak boleh dipinggirkan. Kajian tersebut menunjukan bahawa ciri khas tamadun di alam Melayu ialah keanekaragamaan bahasa, adat-istiadat dan lain-lain. Masyarakat Melayu sentiasa bersifat terbuka terhadap orang yang beragama lain. Keterbukaan dan toleransi adalah asas utama kehidupan masyarakat Melayu dari dahulu hingga sekarang.

31. Sumber sejarah China mengandungi pelbagai maklumat tentang tamadun Melayu. Dimaklumkan bahawa "orang Melayu ialah orang Muslim soleh yang ikut semua peraturan Islam mengenai solat, puasa, pakaian, makanan halal dan lain-lain". Dinyatakan juga bahawa orang Melayu Muslim kebanyakannya bersifat adil dan berbudi. Justeru, pengarang Cina menumpukan perhatian kepada peranan orang Cina dalam penyebaran Islam di alam Melayu. Terdapat pelbagai buku tentang Cheng Ho (1371–1433) dan Orang Cina Muslim yang lain. Bahan-bahan yang terdapat dalam teks lama China dan karangan ilmuwan Cina tentang Melaka menjelaskan lagi peranan China sebagai penaung yang pada masa itu menyokong dan melindungi orang Muslim di alam Melayu. Mereka juga menyokong/memajukan penyebaran Islam di sini. Justeru, para pengarang turut menegaskan bahawa alam Melayu menerima Islam terus dari negara Arab, bukan dari China atau India.

    Terdapat juga bahan-bahan tentang unsur bahasa Melayu dalam bahasa Cina, yang menyerupai definisi Islam. Bahan-bahan tersebut

mengesahkan maklumat bahawa pada zaman tersebut, ramai orang Muslim (termasuk orang Melayu Muslim) singgah ke Cina dan berniaga disana.

32. Dalam bahagian kedua katalog koleksi John Bastin disenaraikan beberapa tajuk mengenai hubungan Melaka dengan negara lain, misalnya dengan Jepun dan Siam. Karya tersebut menunjukkan bahawa pada kurun ke-15 sehingga ke-16, wujud hubungan Melaka dengan Ryukyu dan Siam dalam bidang diplomasi, dan perdagangan. Bahan-bahan tersebut mengesahkan bahawa pada masa itu, Melaka merupakan pusat perdagangan antarabangsa tersohor. Ditegaskan juga bahawa Melaka mencapai puncak keagungan dan kekayaannya di bawah kuasa dan diperintahkan oleh sultan Muslim. Dalam kerajaan Muslim wujud sikap keterbukaan dan toleransi terutamanya terhadap penganut beragama lain. Semua saudagar, termasuk yang non-Muslim juga, mempunyai hak untuk berniaga secara bebas di Melaka dan mendapat perlindungan sepenuhnya daripada pemerintah Muslim daripada serangan lanun dan penjahat yang lain. Semua penduduk dan saudagar Melaka mempunyai hak yang sama untuk menerima/dijatuhi hukuman yang adil.

33. Koleksi John Bastin juga mengandungi pelbagai buku yang lain mengenai zaman Melayu Islam di Melaka (sebelum 1511). Karya tersebut kebanyakannya berdasarkan sumber khazanah persuratan dan merupakan hasil penelitian dalam bidang tekstologi, epigraphy, geneology, toponimy dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut kebanyakannya dikarang oleh para orientalis Barat (R.O.Winstedt, C.O. Blagden, J.Miksic, Christopher H. Wake, R.J.Wilkinson).

    Lazimnya karangan para orientalis Barat bersifat euro-centrism dan anti-Islam. Ulama Muslim digambarkan sebagai orang luar yang datang ke dalam alam Melayu hanya untuk menjalankan perdagangan dan memperoleh keuntungan daripadanya. Menurut orientalis tersebut orang Muslim luar memaksa orang Melayu memeluk Islam supaya mereka dapat

mengaut kekayaan dan kuasa dalam masyarakat tempatan. Pendapat tersebut berbeza dengan data sejarah yang sebenar. Ulama Muslim datang ke alam Melayu untuk menyebarkan Islam. Mereka dianggap oleh masyarakat tempatan sebagai orang yang ikhlas dan berwibawa. Oleh sebab itu raja-raja tempatan lazimnya mengkahwinkan mereka dengan anak-anak sendiri. Akhirnya ulama tersebut menggantikan raja-raja itu di atas takhta kerajaan, dan masyarakat tempatan menganggap mereka sebagai pemimpin yang sah.

Karangan ilmuwan Barat mengandungi juga unsur-unsur konsep 'Greater India'. Konsep tersebut menganggap tamadun Melayu sebagai sebahagian (versi lokal) daripada tamadun India. Konsep tersebut tidak melihat unsur-unsur lain dalam tamadun Melayu, misalnya budaya Melayu tempatan, yang semulajadi. Mereka langsung tidak melihat peranan Islam dalam pembinaan bangsa Melayu dan pengaruh Islam dalam kemajuan Melayu. Pengikut konsep tersebut menjelaskan bahawa Islam yang disebarkan di alam Melayu datang dari India. Islam daripada kaca mata mereka adalah campuran kepercayaan lama (Hindu-Budhha dan pegan) dengan beberapa unsur Islam.

34. Dalam bahagian kedua Koleksi disenaraikan beberapa tajuk yang dikarang oleh ilmuwan Nusantara, misalnya Liau Yock Fang, Muhammad Yusoff Hashim dan lain-lain. Kedua-dua pengarang tersebut mengkaji undang-undang Melaka dan hukum kanun Melayu yang lain. Hasil kajiannya membuktikan bahawa di alam Melayu pada kurun ke-15 sehingga ke-16, wujud dan berkembangnya sistem undang-undang berdasarkan undang-undang Islam (syariah) dan pelbagai unsur adat (yang sebelum Islam). Bahan-bahan yang dicatat dalam kajian tersebut menafikan prasangka bahawa masyarakat Melayu Melaka menerima Islam secara zahir sahaja. Ternyata pada kurun ke-15 sehingga ke-16 Islam mempengaruhi kehidupan masyarakat tempatan terutamanya dalam bidang perkahwinan, kematian/perkuburan, pemilikan (hartanah) sistem pewarisan dan lain-lain.

Pengarang menegaskan bahawa unsur-unsur tamadun Hindu/Buddha terdapat dalam adat istiadat istana sahaja, iaitu dalam sistem gelaran orang-orang besar (temenggung, bendahara, laksmana), peraturan mengenai pakaian dan alat-alat (dilarang memakai baju kuning dan payung kuning) peraturan mengenai jamuan dan lain-lain.

Kajian tersebut mengesahkan bahawa selepas kedatangan Islam, masyarakat Melayu menggalakkan mana-mana hukum adat yang tidak bertentangan peraturan Islam. Sebaliknya, mereka menolak mana-mana peraturan adat yang tidak sesuai dengan tamadun Islam atau yang mengandungi unsur-unsur syirik. Maklumat yang terdapat dalam Undang-undang Melaka, Undang-undang Laut dan hukum kanun yang lain membuktikan secara jelas bahawa Islam menyebarkan, "kebebasan intelektual (intellectual freedom)" dalam masyarakat Melayu. Ternyata definisi "kemahuan bebas (free will)" dianggap bukan hanya sebagai definisi usuluddin dan falsafah yang mujarad semata-mata. "Kemahuan bebas" serta "pilihan bebas" menjadi dasar dalam bidang undang-undang juga. Hakim dan juga orang biasa boleh memilih sistem hukuman yang akan digunakan untuk menyelesaikan kes-kes tertentu, sama ada mengikut hukum peribumi (adat) atau hukum Islam (syariat).

35. Dalam katalog koleksi John Bastin disenaraikan pelbagai tajuk yang mengandungi maklumat umum tentang Melaka. Kebanyakannya terbitan popular dalam bentuk makalah kecil atau buku kecil. Bahan popular tersebut diterbitkan untuk para pelancong. Kebanyakannya berdasarkan data para orientalis yang lazimnya mengulangi prasangka dan kesilapan mereka tentang islam dan alam Melayu. Maklumat tentang tamadun Islam dan peranan Islam dalam kemajuan alam Melayu hampir tidak ditemui.

Kesimpulan yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa koleksi John Bastin ialah sumber sejarah yang penting dan mengandungi banyak bahan mengenai historiografi Melaka. Susunan koleksi tersebut menggambarkan secara betul

periodisasi dan "arahan utama" dalam penelitian alam Melayu di seluruh dunia. Analisis bahan daripada koleksi John Bastin membantu kita memahami ciri-ciri khas sumber-sumber sejarah Eropah (Portugis, Belanda, Inggeris), sumber sejarah China dan sumber sejarah Melayu. Analisis perbandingan sumber sejarah tersebut memberi peluang kepada kita membina semula sejarah Melayu secara lengkap dan objektif. Pemahaman terhadap sejarah dan tamadun kebangsaan amat penting dalam membina dan mengukuhkan kesedaran kebangsaan *(national self-understanding)* di dalam masyarakat Malaysia.

GAMBAR-GAMBAR
BAHAGIAN 2
MELAKA

Kubu Melaka pada Zaman Portugis

7. Malacca at the time of the Achehnese siege, 1629, showing the wooden palisade surrounding the whole town, from Antonio Bocarro, *Livro das Plantas de Tôdas As Fortalezas, Cidades, e Povoaçoes do Estado da India Oriental.* (Sloane

Kubu Melaka Tahun 1629

THE

COMMENTARIES

OF THE GREAT

AFONSO DALBOQUERQUE,

SECOND VICEROY OF INDIA.

TRANSLATED FROM THE

PORTUGUESE EDITION OF 1774,

With Notes and an Introduction,

BY

WALTER DE GRAY BIRCH, F.R.S.L.,

SENIOR ASSISTANT OF THE DEPARTMENT OF MANUSCRIPTS IN THE BRITISH MUSEUM; HONORARY LIBRARIAN OF THE ROYAL SOCIETY OF LITERATURE; HONORARY SECRETARY OF THE BRITISH ARCHÆOLOGICAL ASSOCIATION, ETC.

VOL. III.

"Se as acções d'Albuquerque fossem communs, e ordinarias; se as suas emprezas não passassem as metas do possivel, nem a posteridade o collocaria na ordem dos Héroes, nem o seu nome chegaria a merecer o reverente pasmo dos seculos futuros."—Elogio *por Fr. Xav. de Oliveira.*

LONDON:

PRINTED FOR THE HAKLUYT SOCIETY.

M.DCCC.LXXX.

Muka depan buku catatan peringatan Alfonso D'Albuquergue (1453-15-15) disusun dan diterjemahkan oleh Walter De Grey Birah. (London, 1880) Buku disimpan di koleksi John Bastin

Para pelayar dan penjajah Portugis di Melaka (kurun ke-16 hingga ke-17)

1. Diego Lopes De Sequeira - seorang Laksamana yang mengujungi Melaka pada tahun 1509-1510 supaya dapat maklumat tentang perdagangan dan sistem pertahanan Melaka
2. Don Andre Furtado de Mendoca - Gabermen Melaka pada tahun 1603 hingga 1606
3. Alfonso De Albuquerque (1453-1515) - Pendiri Empayar Penjajah Portugal; seorang jeneral tentera Laut Portugis, yang menyerang dan menakluk Melaka pada tahun 1511

AUTOTYPE.

BRIT. MUS., SLOANE MS. 197, FOLIO 18.
P. Barretto de Resende's Portrait of
DOM VASCO DA GAMA.

Gambar Dom Vasco da Gama (1460/69-1524)

THE LIFE OF

ST. FRANCIS XAVIER

Evangelist, Explorer, Mystic

BY

EDITH ANNE STEWART

With Translations from his Letters by

DAVID MACDONALD, B.D.

HEADLEY BROS. PUBLISHERS, LTD.

KINGSWAY HOUSE, KINGSWAY, W.C.

MCMXVII

Muka depan buku "The life of St. Francis Xavier" (Riwayat Hidup St. Francis Xavier) dikarang oleh Edith Anne Stewart. (dondon,1917)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

Satis est Domine, satis est.

P. Franciscus Xauerius: qui primus ex Societate Iesu fidem in Indiam inuexit. Obijt an. 1552. Decemb. 2.
Hieronymus Wierx fecit et exc.

CHRISTE ſat eſt, clamas: exundant vbere cæli
Pectora: nec tantum mens capit arcta Deum.
Pande ſinus, FRANCISCE Pater, totum accipe numen.
In quos effundas, quod ſuperabit, erunt.

Gambar Francis Xavier (1506-1552)

OF TOMÉ PIRES

AN ACCOUNT OF THE EAST, FROM THE RED SEA TO JAPAN, WRITTEN IN MALACCA AND INDIA IN 1512–1515

AND

THE BOOK OF FRANCISCO RODRIGUES

RUTTER OF A VOYAGE IN THE RED SEA, NAUTICAL RULES, ALMANACK AND MAPS, WRITTEN AND DRAWN IN THE EAST BEFORE 1515

Translated from the Portuguese MS in the Bibliothèque de la Chambre des Députés, Paris, and edited by

ARMANDO CORTESÃO

VOLUME I

Muka surat pertama dari penerbitan Hakluyt Society buku "Suma Oriental"
oleh Tome Pires dan buku"The book of Fransico Rodrigues"
Buku disimpan dalam Koleksi Jonn Bastin

Keurlyke BESCHRYVING van
CHOROMANDEL,
PEGU, ARRAKAN, BENGALE, MOCHA,
Van 't Nederlandſch Comptoir in PERSIEN; en eenige fraaje Zaaken van PERSEPOLIS overblyfzelen.
Een nette BESCHRYVING van
MALAKKA,
't Nederlands Comptoir op 't Eiland SUMATRA,
Mitsgaders een wydluftige LANDBESCHRYVING van 't Eyland
CEYLON,
En een net Verhaal van des zelfs Keizeren, en Zaaken, van ouds hier voorgevallen;
Als ook van 't Nederlands Comptoir op de Kuſt van
MALABAR, en van onzen Handel in JAPAN,
En eindelyk een Beſchryving van
KAAP DER GOEDE HOOPE,
En 't Eyland MAURITIUS,
Met de Zaaken tot alle de voornoemde Ryken en Landen behoorende.
Met veele Prentverbeeldingen, en Landkaarten opgeheldert.
DOOR
FRANÇOIS VALENTYN,
Onlangs Bedienaar des Goddelyken Woords in AMBOINA, BANDA, *enz.*
VYFDE DEEL.

Te {DORDRECHT, AMSTERDAM,} by {JOANNES VAN BRAAM, GERARD ONDER DE LINDEN,} Boekverkoopers.
M D C C X X V I.
MET PRIVILEGIE.

Muka depan buku catatan pengembaraan dan peringatan Francois Valentyn (1666-1727) yang mengandungi gambaran Melaka diterbitkan di Asterdam/ Dordrecht, 1726 , buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

First page of text of the *Book* of Francisco Rodrigues, showing the signature of Bishop D. Jerónimo Osório (p. xv)

Muka surat dari manuskrip "Book of Francisco Rodrigues" (1515)

PLATE I

First page of Tomé Pires' original letter from Malacca, to Afonso de Albuquerque, 10th Jan., 1513

Muka surat pertama surat Tome Pires kepada Al fonso D'Albuquerque (10.01.1513)

HISTORICAL
TOMBSTONES
OF
MALACCA.

Muka surat pertama buku "Historical Tombstones of Malacca"
(Batu nisan bersejarah dari Melaka), 1905 dikarang oleh
R.N. Beond. Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

IN THE PORTUGUESE CHURCH OF ST. PETER, MALACCA.

(29)

Batu nisan dengan tulisan campur (bahasa Armenia dan bahasa Portugis) dari gereja St.Peter, Melaka. Gambar dari buku "Historical Tombstones of Melaka

POLITICAL AND COMMERCIAL

CONSIDERATIONS

RELATIVE TO

The Malayan Peninsula,

AND THE

BRITISH SETTLEMENTS

IN THE

Straits of Malacca.

By JOHN ANDERSON,

Of the Honorable East India Company's Civil Service, Pinang.

Prince of Wales Island,

PRINTED UNDER THE AUTHORITY OF GOVERNMENT,

BY WILLIAM COX.

1824.

Muka surat pertama buku "Political and Commercial consideration relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca" (1824) dikarang oleh John Anderson. (Pendedahan Politik dan perniagaan dalam Semenanjung Melayu dan settlements British di Selat Melaka), buku disimpan di koleksi John Bastin

IMAGES OF ASIA

Old Malacca

SARNIA HAYES HOYT

OXFORD UNIVERSITY PRESS

Muka surat pertama buku "Melaka Lama" ("Old Malacca") dikarang oleh Sarina Hayes Hoyt. Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

22. Government House at Malacca, 1807, engraving based on a drawing by Edward H. Locker, from Pinkerton's *General Collection of Voyages*, 1811. Part of the fortress walls, overgrown with weeds, is visible on the left. (Antiques of the Orient)

Rumah Gobermen Melaka, 1807. Litografi berasaskan gambar dari buku "General Collection of Voyages"
Koleksi Umum Pengembara'an 1811, disusun oleh Pinkerton, Pelukis-Ed. H. Locker

JANUARY, 1825.

Missionary Sketches, No. XXVIII.

For the Use of the Weekly and Monthly Contributors to the London Missionary Society.

BIRD'S EYE VIEW OF THE ANGLO-CHINESE COLLEGE-HOUSE AT MALACCA.

No. 1. Chinese Printing-Office. No. 2. English Printing-Office. No. 3. Chinese School, No. 4. Western Gate of Malacca.

Bangunan Kolej Inggeris China di Melaka (1825)

成祖文皇帝像

Portrait of the emperor Ch'eng-tsu (Yung-lo)

Gambar Raja Cheng-tsu (Yung-Lo) (1360-1424). Dinasti Ming (1368-1644)

MA HUAN

YING-YAI SHENG-LAN

'THE OVERALL SURVEY OF
THE OCEAN'S SHORES'

[1433]

*Translated from the Chinese text
edited by Feng Ch'eng-Chün
with introduction, notes and
appendices by*

J. V. G. MILLS

*formerly Puisne Judge
Straits Settlements*

CAMBRIDGE
Published for the Hakluyt Society
AT THE UNIVERSITY PRESS
1970

Muka surat depan buku "Ying-Yai sheng-Lan" (The Overall Survey of The Ocean's Shores/ Gambaran umum pantai-pantai Lautan) dikarang oleh Ma Huan (1433). Disusun dan diterjemahkan oleh J.V.G. Mills (Cambridge, 1970). Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

Kulit buku (muka depan) karya "Robert Morrison. The Pioneer of Chinese Missions" (Robert Morrison. Pendiri Mission China). Di karang oleh W.J.Townsend (London, 1935). Buku disimpan dalam koleksi John Bastin

ASIAN TRADE AND EUROPEAN INFLUENCE

IN THE INDONESIAN ARCHIPELAGO BETWEEN 1500 AND ABOUT 1630

BY

M. A. P. MEILINK-ROELOFSZ

ALLES KOMT TERECHT M·N 4

THE HAGUE
MARTINUS NIJHOFF
1962

Muka depan buku "Asian Trade and European Influence" (Perniagaan di Asia dan Pengaruh Eropah) dikarang oleh M.A.P Meilink-Roelofsz. The Hague. 1962, buku di simpan dalam koleksi John Bastin

Kulit buku (muka depan) karya Liaw Yock Fang "Undang-undang Melaka" (Hague, 1976). Buku di simpan dalam koleksi John Bastin

BAHAGIAN 3

ORANG MELAYU, TAMADUN MELAYU

Koleksi peribadi John Bastin mengandungi banyak bahan mengenai orang Melayu dan tamadunnya yang disenaraikan dalam katalog yang bertajuk "*The Malays and Malay Culture*". Spesifikasi lengkap dinyatakan di bawah:

Jumlah Keseluruhan:

Jumlah keseluruhan adalah 125 judul (KP JB 1421 – 1544).

Format penerbitan/simpanan

Formatnya adalah seperti berikut:
monograf (buku) – 69 (55,2%)
bahagian monograf – 2 (1,6%)
buku kecil – 8 (6,4%)
makalah – 40 (32%)
kertas kerja – 4 (3,2%)
taipskrip – 2 (1,6%)

Data statistik menunjukkan bahawa format "monograf" menyerupai bentuk yang paling sering ditemui dalam koleksi tersebut (69 dari 125). Hal ini adalah ciri khas Bahagian Ketiga. Jika dibandingkan data-data statistik tersebut dengan data statistik Bahagian Pertama (19 dari 60 iaitu 31,6%) dan Bahagian Kedua (46 dari 126 iaitu 36,5%) ternyata dalam Bahagian Ketiga itu format "monograf" lebih sering ditemui iaitu 55,2% dari jumlah keseluruhannya. Salah satu sebabnya mungkin kerana subjek "orang Melayu" dan "tamadun Melayu" dianggap sebagai subjek yang amat penting. Sebab yang kedua adalah kerana

tajuk 'orang Melayu' dan 'tamadun Melayu' merupakan definisi umum yang luas maknanya (lebih luas daripada subjek 'Melaka'). Memang subjek tersebut memerlukan format kajian yang lebih besar – iaitu monograf (buku).

Format penerbitan "makalah" Bahagian Ketiga ialah 32% (Bahagian kedua – 46,8%; Bahagian pertama – 56,6%). Semua format yang lain adalah hanya 12,8% dari jumlah umum sahaja. Format "tesis" tidak ditemui.

Tarikh Penerbitan

Tarikh yang terawal: 1815 (KPJB 1424)
Tarikh yang terakhir: 1993 (KPJB 1421, 1438, 1489, 1494)

Bahan-bahan mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu yang disimpan dalam koleksi John Bastin mencerminkan historiografi kajian alam Melayu selama 178 tahun. Hal tersebut menunjukkan bahawa orang Melayu dan tamadun Melayu adalah subjek kajian yang sangat penting. Subjek tersebut menarik perhatian para orientalis sejak kurun ke-19 sehingga ke-20.

Tahun 1993 merupakan tarikh yang terkini, yang sama, dalam Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua. Hal ini mengesahkan kesimpulan bahawa koleksi John Bastin dikumpulkan sehingga tahun 1993. Tarikh selepas tahun ke 1993 tidak ditemui[42].

Karya Terawal

Tajuk yang terawal adalah makalah yang bertajuk "*Visit to the Malay malefactors in Newgate, the night before their execution*" (KP JB 1424). Nama pengarang tidak ada. Diterbitkan pada bulan Mac tahun 1815 dalam majalah "*The Evangelical*

---

[42]Data-data tersebut berdasarkan analisis statistik hanya tiga bahagian koleksi John Bastin yang menjadi subjek kajian tersebut.

*Magazine and Missionary Chronicle***".** Makalah kecil itu mengandungi cerita tentang empat orang banduan yang dipenjarakan di Penjara Newgate dan dihukum mati. Digambarkan pelaksanaan hukuman mati tersebut.

Banduan tersebut dikunjungi oleh Paderi Kristian bertujuan untuk mengkristiankan mereka. Antara lain disebutkan juga seorang Muslim yang bersolat dalam penjara. Menurut pendapat pengarang "orang yang tidak menerima kata-kata Tuhan yang tulen, adalah bodoh (*stupid*) dan tidak sedar (*senseless*).

Karya Terkini

Dalam Bahagian Ketiga katalog koleksi John Bastin disenaraikan empat tajuk yang diterbitkan pada tahun 1993, iaitu:

1. Monograf yang bertajuk *Zapin: Folk dance of Malay World* (KP JB 1489)**,** dikarang oleh seorang cendekiawan moden Mohd. Anis Md Nor dan diterbitkan di Singapura.
   Monograf mengenai tarian *zapin* di Malaysia.

2. Monograf yang bertajuk *"Bangsawan: a social and stylistic history of popular Malay opera"***,** (KP JB 1494), dikarang oleh Tan Sooi Beng dan diterbitkan di Singapura. Monograf mengenai teater baru di Asia Tenggara dalam bentuk (genre) *Bangsawan* iaitu satu jenis persembahan teater bandar *(urban theatre)* diikuti dengan muzik, tarian, gurauan dan lain-lain.
3. Monograf yang bertajuk "*Myths and the Malay ruling class*" (KP JB 1438), yang dikarang oleh Sharifah Maznah Syed Omar dan diterbitkan di Singapura. Monograf mengandungi bahan-bahan tentang mitos dan raja-raja Melayu.

4. Makalah yang bertajuk "*The International classification of the Malayic Subgroup*" (KP JB 1421) dikarang oleh seorang ilmuwan dan pakar dalam bidang linguistik iaitu Alexander Adelaar dan di terbitkan dalam majalah BSOAS (Bulletin of the School of Oriental and African Studies, London). Makalah mengenai hal ehwal bahasa: linguistik dan kumpulan-kumpulan

bahasa. Dijelaskan definisi 'Sub/kumpulan Melayu'. Disebutkan juga klasifikasi bangsa Iban (*dayak laut*) sebagai sub/kumpulan bahasa yang istimewa.

Senarai tajuk-tajuk yang diterbitkan hanya dalam satu tahun sahaja, iaitu pada tahun 1993 mencerminkan bahawa makna definisi "orang Melayu" dan "tamadun Melayu" amat luas.

Penerbitan pada kurun ke-19

Bahan yang diterbitkan pada kurun ke-19: enam tajuk (KP JB 1424, 1425, 1432, 1452, 1456, 1484,); formatnya adalah satu monograf dan lima makalah; dua judul diterbitkan di Singapura, satu tajuk diterbitkan di London dan di Tulle (Perantis), dan dua tajuk lagi tidak dinyatakan tempat penerbitannya. Data-data tersebut mengesahkan data-data dari analisis bahagian katalog yang ke-dua (Melaka), iaitu bahawa salah satu pusat penerbitan bahan kajian di alam Melayu pada kurun ke-19 adalah Singapura.

Ditemui karangan yang diterbitkan dalam majalah Lembaga Mubaligh Kristian (*The Evangelical Magazine and Missionary Chronicles*) dikarang oleh tokoh gereja Kristian (misalnya, P.H.D. Borie, KP JB 1425). Karya-karya tersebut kebanyakannya tentang adat-istiadat orang Melayu dan etnologi. Subjek utama adalah sebagai berikut: kegiatan para mubaligh Kristian, adat istiadat dan adab orang Melayu; orang lanun dan laut, pendapat orang Barat tentang orang Melayu dan ciri-ciri khasnya, *magik* dan ilmu sihir Melayu, kepercayaan dan upacara-upacara pagan dan, etiket Melayu.

Dari sudut kriteria klasifikasi "Pengarang" perlu menyebutkan nama Walter William Skeat (1866-1953) seorang ilmuwan Inggeris yang terkenal, pakar dalam bidang etnologi dan folklore, yang pernah berkhidmat dalam pentadbiran Inggeris di Selangor. Beliau menumpukan perhatian kepada kajian tentang *magik* Melayu dan adat istiadat orang *pagan*.

Data tersebut mencerminkan definisi dan subejek yang pada kurun ke-19 dianggap oleh para pengarang sebagai subjek utama Tamadun orang Melayu. Karya tentang tamadun Islam Melayu tidak ditemui.

Penerbitan antara tahun 1901-1930

Bahan yang diterbitkan pada tahun 1901 sehingga 1930: 14 tajuk (KP JB 1446, 1448, 1450, 1457, 1459, 1460, 1461, 1463, 1476, 1509, 1510, 1530, 1542); formatnya: enam monograf, satu bahagian monograf, enam makalah, dan sebuah buku kecil. Tempat penerbitan buku-buku tersebut adalah seperti berikut: London (empat tajuk), Singapura (empat tajuk), Kuala Lumpur (tiga tajuk), Cambridge (sebuah tajuk), Jakarta (sebuah tajuk). Data-data tersebut menunjukkan bahawa pada masa itu terdapat dua pusat penerbitan bahan-bahan tentang alam Melayu iaitu London dan Singapura. Kedua-duanya menyerupai tradisi penerbitan Inggeris.

Dalam tempoh ini, makalah-makalah mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu diterbitkan dalam pelbagai majalah (terbitan berkala): JMBRAS (*Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society)*, FMJ (*Federal Museum Journal*), TBG (*Tijdschrift Bataviaasch Genootschap*). Data-data tersebut mengesahkan hasil-hasil kajian Bahagian Pertama dan Kedua katalog koleksi John Bastin, iaitu majalah-majalah ilmiah inilah yang menjadi pentas perbincangan untuk orientalis yang mengkaji tentang alam Melayu. Antara pengarangnya ialah ilmuwan yang terkenal, iaitu R.O.Winstedt, W.W. Skeat, R.J. Wilkinson, Ivor N.M. Evans dan lain-lain.

Karya-karya yang diterbitkan pada tempoh masa tersebut kebanyakannya tentang subjek berikut: adat- istiadat orang Melayu, kepercayaan Pagan dan upacara sihir, seni dan kraftangan. Terdapat juga kajian tentang hasil galian arkeologi, pembuatan senjata, kegiatan lanun dan sistem kerajaan Inggeris di alam Melayu. Ternyata pada awal kurun ke-20 menurut orientalis, definisi utama tamadun Melayu adalah sama, iaitu adat-istiadat orang Melayu, kepercayaan dan upacara pagan dan kraftangan. Bahan-bahan tentang agama Islam dan Kristian tidak ditemui.

Penerbitan antara tahun 1931-1960

Bahan yang diterbitkan pada tahun 1931 sehingga 1960: 28 tajuk (KP JB 1422, 1436, 1440, 1449, 1458, 1460, 1462, 1464, 1469, 1474,1475, 1485, 1486, 1487, 1488, 1493, 1519, 1520, 1522, 1523, 1525, 1529, 1531, 1532, 1534, 1535, 1536, 1539); formatnya adalah: 12 monograf, 13 makalah, dua buku kecil, satu kertas kerja. Tempat penerbitannya yang disebutkan adalah Singapura (sembilan judul), London (sembilan judul), Kuala Lumpur (dua judul), Paris (dua judul), Leiden (satu judul), Manila (satu judul), Cape Town (satu judul), tanpa tempat penerbitan – empat judul. Ternyata pada tempoh masa itu Singapura dan London mengekalkan peranannya sebagai pusat penerbitan utama bahan-bahan mengenai alam Melayu. Ditemui pusat-pusat pengkajian yang baru, iaitu Paris, Manila, Cape Town dan lain-lain.

Data-data statistik tersebut menunjukkan bahawa pada tahun sejak 1931 sehingga 1960, diterbitkan lebih banyak buku tentang alam Melayu. Hal ini mengesahkan hasil kajian Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua, iaitu pada tempoh tersebut alam Melayu menarik perhatian ilmuwan bukan sahaja di pusat-pusat pengkajian yang sudah terkenal (Singapura, London, Paris, Kuala Lumpur, Leiden) malah juga di negara-negara lain – (Manila dan Cape Town). Salah satu sebabnya adalah kerana pada masa ini (1957), Malaysia mencapai kemerdekaan.

Banyak karya-karya tersebut diterbitkan di dalam pelbagai majalah ilmiah, iaitu *JMBRAS, The Free World* (Manila), *Travax et Memorials de L'Institute d'Etnologie* (University de Paris, France), *The Straits Times Annual, Malaya in History* dan lain-lain. Terdapat 10 tajuk yang diterbitkan di JMBRAS. Hal ini mengesahkan bahawa *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society* boleh dianggap sebagai pentas utama untuk perbincangan ilmiah tentang alam Melayu.

Antara pengarang-pengarang yang disebutkan dalam katalog koleksi John Bastin terdapat nama-nama I.D. du Plessis, R.O. Winstedt, R.J. Wilkinson, T.

Beamish, M.S. Sheppard, C.A. Gibson-Hill (1911-1963), F.M. Douglas, M.A.P. Meilink-Roelofsz dan lain-lain. Terdapat juga nama cendekiawan tempatan (orang Melayu dan China) iaitu Abdul Jalil Ajmain, Haji Abdul Majid, Syed Bin Ismail Nasir, Zeinal Abiddin Zaba' (1895-1973), Abu Bin Pawanchee Bakar, Wang Chungwu dan lain-lain.

Analisis nama pengarang menunjukkan bahawa pada tempoh 1931 sehingga 1960, ramai Orientalis Barat menumpukan perhatian terhadap kajian alam Melayu. Terdapat banyak nama-nama sama yang disebutkan dalam analisis kajian Bahagian Pertama dan Kedua, misalnya T, Beamish, R.O. Winstedt, R.J. Wilkinson, C.A. Gibson-Hill dan lain-lain. Justeru, dalam Bahagian Ketiga ini muncul nama-nama ilmuwan yang tidak ditemui sebelumnya. Kemerdekaan Negara memajukan kehidupan intellektual orang tempatan dan ramai cendekiawan mengambil peluang ini, mengeluarkan dan menerbitkan hasil-hasil kajian mereka.

Bahan-bahan mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu yang diterbitkan pada masa itu mengandungi maklumat tentang hal ehwal kehidupan masyarakat Melayu. Subjek utama adalah sebagai berikut: adat istiadat orang Melayu, kepercayaan Orang Asli dan *magik* Melayu, etiket, kraftangan, seni. Ternyata dalam tempoh antara tahun 1931 sehingga tahun 1960, pandangan umum tentang definisi (makna) "tamadun Melayu" tidak berubah dan mengandungi subjek (kriteria) yang sama sejak kurun ke-19. Justeru, dalam bahagian ini disenaraikan buku-buku tentang pelbagai subjek yang baru, misalnya tentang orang Melayu di luar Malaya (di Afrika Selatan, Cina dan lain-lain), tentang masyarakat Melayu moden dan unsur-unsur *matriarchy* di dalamnya; serta tentang teater moden dan tarian-tarian. Terdapat pelbagai-bagai karangan tentang senjata dan barang-barang kraftangan. Kebanyakannya tentang keris dan meriam (lela-rentaka) yang pelbagai jenisnya. Ternyata pada masa itu, keris menjadi salah satu *brand name* budaya Melayu. Maklumat tentang kegiatan para mubaligh Kristian tidak lagi ditemui.

Penerbitan antara tahun 1961-1993

Bahan Yang diterbitkan pada tahun 1961 sehingga 1993: 78 tajuk (KP JB 1421, 1423, 1426, 1427, 1428, 1429, 1430, 1431, 1433, 1434, 1435, 1437, 1438, 1439, 1441, 1442, 1443, 1444, 1445, 1447, 1451, 1453, 1454, 1455, 1465, 1466, 1467, 1468, 1470, 1471, 1472, 1473, 1477, 1478, 1479, 1480, 1481, 1482, 1483, 1489, 1490, 1491, 1492, 1494, 1495, 1496, 1497, 1498, 1499, 1500, 1501, 1502, 1503, 1504, 1505, 1506, 15-7, 1508, 1511, 1512, 1513, 1514, 1515, 1516, 1517, 1518, 1521, 1524, 1526, 1527, 1528, 1533, 1537, 1538, 1540, 1541, 1543, 1544); formatnya – 50 monograf, satu bahagian monograf, 17 makalah, lima buku kecil, 2 taipskrip dan tiga kertas kerja. Bahan-bahan dalam bentuk 'tesis' tidak ditemui. Tempat penerbitannya: Singapura (26 judul), Kuala Lumpur (25 judul), London (13 judul), Oxford (dua judul), Chicago (dua judul). Ditemui juga Tucson, Cambridge, Cape Town, New York, Melbourne, Karachi, Hong Kong.

Data data tersebut menunjukkan bahawa Singapura dan London mengekalkan peranannya sebagai pusat penerbitan utama buku-buku tentang alam Melayu. Justeru dalam tempoh tersebut jumlah penerbitan di London menurun tetapi penerbitan di Kuala Lumpur meningkat. Ternyata selepas kemerdekaan Kuala Lumpur menjadi sebuah pusat ilmiah yang penting berbanding London. Sementara itu, disebutkan juga tempat penerbitan yang baru iaitu di Amerika Syarikat, Kanada, Afrika Selatan, Pakistan, Hong Kong dan lain-lain. Ternyata kajian mengenai alam Melayu pada zaman tersebut tersebar secara meluas dan berjaya menarik perhatian para ilmuwan di seluruh dunia.

Analisis koleksi John Bastin dan data statistik menunjukkan bahawa di dalamnya terdapat bahan-bahan yang diterbitkan secara terbitan berkala. Dalam tempoh antara 1961 sehingga 1993, muncul banyak majalah ilmiah yang baru yang menjadi pentas perbincangan mengenai hal ehwal tamadun orang Melayu. Antara yang disenaraikan dalam katalog (Bahagian ketiga tempoh masa 1961-1993) adalah seperti berikut: *BSOAS* (*Bulletin of the School of Oriental and African Studies, London*), *JMBRAS*, *Journal of the Anthropological Soceity of*

Oxford, Historia (Kuala Lumpur), Modern Asian Studies (Cambridge), Memories of the National Museum (Singapura), Malaysia in history, National Museum (Kuala Lumpur), The Straits Times Annual (Kuala Lumpur); FMJ (Federal Museum Journal, Kuala Lumpur), Islamic Studies (Karachi). Terdapat 11 tajuk yang diterbitkan di *JMBRAS*. Ternyata majalah tersebut mengekalkan peranannya sebagai terbitan berkala ilmiah utama berkaitan dengan kajian alam Melayu.

Antara pengarang-pengarang disenaraikan: Alexander K. Adelaar (ahli bahasa), Syed Hussein al-Attas (ilmu sosiologi), J.M. Gullick (ilmu etnologi), Khasnor Johan (ilmu sosiologi), Jan Mabett (sejarah), Mahathir Mohammad (tokoh politik), A.C. Milner (sejarah), Sharifah Maznah Syed Omar (sejarah, sosiologi); Brien K. Parkson (sejarah, ekonomi); I.D. du Plessis (etnologi), J.C. Pritchard (etnologi); William R. Roff (sociologi), Shaharuddin b. Maaruf (sosiologi); David E. Sopher (etnologi), Abdul Maulud Yusof (ekonomi), WW. Skeat (etnologi), C.Laderman (etnologi); K.M. Endicott (etnologi); R.O. Winstedt, S. Alisjahbana (etnologi); M.Harris (etnologi); Heidi Munan (etnologi); Syed bin Ismail Nasir (etnologi); Mohamad Taib Osman (etnologi); N.J. Ryan (etnologi), Wazir Jahan Karim (etnologi); Thelma R. Newman (etnologi); Mubin Sheppard (etnologi), Abdullah bin Ali (etnologi), D.D.Wharton (seni), Alwi bin Sheih Alhadi (etnologi); Mohd Anis Md.Nor (seni), Tan Sooi Beng (seni), Mustapha Kamil Yassin (seni), Amin Sweeny (sastera), Affan Seljuk (sejarah), J. Manson (etnologi), R. Werner (seni), Shahrum bin Yub (seni), Iskandar Carey (seni), S. Howell (seni), R. Needham (seni), Norwani Mohd Nawawi (kraftangan), G.I. Selvanayagam (kraftangan), F. Sulliwan (kraftangan), Cheong Soo Pieng (seni), H. Ling Roth (kraftangan), Khoo Joo Ee (seni), Jean Martin (kraftangan), B. Singh (kraftangan), Abdul Halim Nasir (kraftangan), Phillip Gibbs (seni bina), Lim Yee Yan (seni bina), Edward Frey (kraftangan); A.H. Hill (kraftangan), S.Q. Fatimi, Ku Ahmad b. Ku Mustaffa (seni), C.R. Boxer (kraftangan), A. Chan (kraftangan), David B. Ralston (kraftangan), A.G. Course (lanun), H. Miller (lanun), Alfred P. Rubin (lanun), O. Rutter (lanun), N. Tarling (lanun).

Analisis senarai nama-nama menunjukkan bahawa terdapat karya yang bukan sahaja ditulis oleh ilmuwan yang terkenal (misalnya M. Sheppard, A.A. Adelaar, J.M. Gullick, I.D. du Plessis, WW. Skeat, R.O. Winstedt, A. Sweeny, S.Q. Fatimi, Syed Hussein al-Attas, S. Alisjahbana dan lain), tetapi juga ditulis oleh nama-nama baru. Disebutkan banyak cendekiawan tempatan – 25 nama (kebanyakan orang Melayu – 17 nama). Ternyata selepas Kemerdekaan, cendekiawan tempatan menjadi aktif berkarya terutamanya dalam bidang tamadun Melayu.

Dalam katalog koleksi John Bastin (Bahagian Ketiga, 1961-1993) disenaraikan pelbagai subjek yang kebanyakan sudah dibincangkan sebelumnya iaitu: budaya Melayu (umum), adat istiadat orang Melayu, kepercayaan dan sihir Melayu, adat istiadat orang asli, adat istiadat orang Melayu di luar Nusantara, bahasa, sastera, seni, kraftangan, etiket, tarian, teater, muzik, senjata dan barang hiasan, lanun dan lain-lain. Terdapat juga karangan tentang pelbagai barang seni dan kraftangan Melayu yang terkenal di seluruh dunia dan mewakili budaya Melayu. Misalnya: keris, songket, batik, barang-barang perak, barang-barang kayu. Ditemui juga banyak karangan tentang rumah Melayu, silat, muzik, gamelan, tarian (zapin, joget, manora), drama Bangsawan, drama Taman Saujana dan unsur-unsur budaya Melayu yang lain. Secara umumnya, pengetahuan tentang budaya Melayu menjadi lebih luas dan bayak perkara yang baru dianggap sebagai *brand name* tamadun Melayu moden.

Dalam pada itu, muncul beberapa kajian yang baru, iaitu bahan-bahan tentang sosiologi dan susunan masyarakat Melayu moden, sistem kerajaan moden, ilmu politologi moden, pendidikan, nasionalisme Melayu, ethnophsyhologi dan lain-lain. Bahan-bahan tentang Islam sebagai bahagian tamadun Melayu dan Malaysia moden tidak ditemui.

Ternyata selepas kemerdekaan (1961-1993) susunan kajian tentang Melayu mengandungi subjek yang amat serbaneka, termasuk hal ehwal kehidupan masyarakat Malaysia moden. Perlu ditegaskan, bahawa karangan mengenai kehidupan masyarakat Melayu moden disenaraikan dalam bahagian katalog

yang bertajuk "Orang Melayu. Tamadun Melayu", beserta dengan buku-buku seni, kraftangan, *sihir*, kepercayaan orang asli dan lain-lain. Nampaknya, John Bastin menumpukan perhatian terhadap penelitian masyarakat Melayu moden sebagai subjek kajian etnologi, dan bukan sebagai subjek kajian ilmu sosiologi, politologi, etnopsikologi atau bidang ilmu moden yang lain.

Bahan dan subjek utama.

Analisis bahan-bahan mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu yang disimpan dalam koleksi John Bastin menunjukkan bahawa subjek yang menjadi puncak perhatian oleh para ilmuwan yang mengkaji hal ehwal tamadun Melayu adalah seperti berikut:

- bahan-bahan umum (buku popular, album-album, kaedah ilmiah dan lain-lain) – 18 judul
- etnologi (asal usul, orang asli, adat istiadat, etnopsihologi, kepercayaan dan magik, etiket) – 34 judul
- kraftangan (barang-barang hiasan, kain, senjata, seramik, barang-barang kayu, rumah, pakaian dan lain-lain) – 31 judul
- seni (tarian, teater, lukisan, muzik, silat) – 16 judul
- sastera dan bahasa – 5 judul
- sosiologi (gerakan politik, nationalism dan lain-lain) – 7 judul
- sistem kerajaan – 5 judul
- lanun – 9 judul

Subjek tersebut dianggap oleh John Bastin sebagai unsur-unsur tamadun Melayu atau perkara-perkara yang berkaitan dengan definisi 'orang Melayu'. Data-data tersebut menunjukkan bahawa tajuk-tajuk yang disenaraikan kebanyakannya mengenai ilmu etnologi, kraftangan dan seni orang Melayu. Perlu ditegaskan juga bahawa buku tentang kegiatan lanun juga dimasukkan oleh John Bastin ke dalam bahagian "Orang Melayu. Tamadun Melayu". Nampaknya aktiviti lanun dianggap oleh beliau sebagai salah satu ciri khas kehidupan orang Melayu. Walau bagaimanapun bahan-bahan tentang Islam dan unsur-unsur Islam dalam tamadun Melayu tidak ditemui.

Bahan-bahan yang disenaraikan dalam bahagian ini *"The Malays and Malay Culture"* boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

(1) karya yang menyerupai karangan para ilmuwan Barat dan mengandungi pendapat para orientalis mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu – 91 tajuk;

(2) karya-karya yang dikarang oleh para cendekiawan tempatan dan mengandungi pendapat orang Melayu mengenai diri sendiri, mengenai masyarakat dan tamadun Melayu – 34 tajuk.

Analisis perbandingan bahan dari pada kedua-dua bahagian tersebut membantu kita memahami perbezaan pendapat para ilmuwan Barat dengan pengarang tempatan tentang orang Melayu dan tamadunnya. Analisis tersebut amat penting untuk mengkaji pelbagai konsep ilmiah dan kaedah ilmiah, atau mengekalkan salah faham ilmuwan Barat pandangan umum tentang orang Melayu. Orang Melayu yang tersebar pada pandangan awam.

Bahan Umum

Dalam koleksi John Bastin terdapat pelbagai karangan yang mengandungi maklumat-maklumat umum tentang orang Melayu dan tamadun Melayu. Subjek dan formatnya amat serbaneka. Ditemui buku kecil, makalah popular dalam pelbagai terbitan berkala, cerita ringkas yang dikarang oleh para pengembara, album-album dengan gambar-gambar berwarna, karangan ilmiah yang mengandungi hasil-hasil analisis umum tamadun Melayu dalam konteks budaya dunia.

Makalah yang bertajuk *"Visit to the Malay malefactors in Newgate, the night before their execution"* (KP JB 1424) dikarang oleh seorang *anonym* dan diterbitkan pada bulan Mac tahun 1815 dalam majalah *"The Evangelical Magazine and Missionary Chronicle"*. Makalah tersebut mengandungi maklumat umum tentang para penjenayah yang dihukum mati. Tujuannya untuk menakutkan para pembaca (dalam kalangan Kristian) dengan menggambarkan orang

Melayu sebagai orang jahat dan ganas. Maklumat dilengkapi dengan cerita tentang pelaksanaan hukuman mati. Terdapat juga pendapat yang bersikap negatif terhadap orang Melayu Muslim, yang menolak tawaran supaya menjadi orang Kristian sebelum mati: "orang yang tidak menerima kata-kata Tuhan yang tulen, adalah bodoh *(stupid)* dan tidak sedar *(senseless)*". Maklumat tersebut lazimnya ditemui dalam terbitan berkala pada kurun ke-19.

Dalam buku "*Presqu'le de Malacca les malais et les sauvages*" (Semenanjung Melaka: orang Melayu dan orang primitif) (KP JB 1425) dikarang oleh P.H.D. Borie pada tahun 1886 terdapat maklumat umum tentang Melaka dan orang Melayu di Melaka. Digambarkan sistem kerajaan/ kesultanan Melaka dan pelbagai adat-istiadat Melayu. Terdapat juga cerita umum tentang alam semulajadi. Pengarang adalah seorang mubaligh Kristian yang pernah mengunjungi Melaka, Singapura, Johor Bharu dan tempat-tempat yang lain. Beliau menumpukan perhatian kepada agama Kristian di alam Melayu. Terdapat data-data statistik tentang orang Kristian di Semenanjung Melaka dan kegiatan misi-misi mubaligh di alam Melayu (hlm. 43). Terdapat juga maklumat ringkas tentang sistem kerajaan pentadbiran Inggeris di Melaka. Perlu ditegaskan bahawa dalam buku tersebut orang tempatan dianggap sebagai *sauvages, ertinya* orang primitif (biadab). Buku tersebut merupakan catatan pengembaraan seorang mubaligh Kristian. Catatan mubaligh Kristian dianggap oleh John Bastin sebagai sumber sejarah yang terpenting mengenai sejarah Melaka[43].

Dalam koleksi John Bastin (Bahagian Ketiga) terdapat banyak karangan ilmiah yang mengandungi maklumat umum tentang sejarah dan budaya orang Melayu.

---

[43]Lihat Kajian Koleksi John Bastin, Bahagian kedua "Melaka"

Dalam buku "*Researches into the History of man*" (KP JB 1442) dikarang oleh James Cowles Pritchard, terdapat bahan-bahan umum tentang asal-usul manusia dan ciri-ciri khas pelbagai tamadun, termasuk orang Melayu dan tamadun Melayu (hlm. 298-315). Pengarangnya James Cowles Prichard (1786-1848) ialah seorang ilmuwan yang terkenal dalam bidang etnologi, antropologi dan sejarah purba. Dalam bab mengenai orang Melayu, beliau menumpukan perhatian kepada asal-usul, bahasa dan agama orang Melayu.

Dalam analisis ringkas tentang bahasa Melayu, pengarang menegaskan bahawa kata-kata pinjaman yang ada di dalam bahasa Melayu kebanyakannya dari bahasa Sanskrit. Kosa kata bahasa Arab adalah dalam posisi yang kedua. Beliau menjelaskan bahawa negara-negara Melayu sejak dulu pernah ditakluki oleh Jawa dan menjadi daerah-daerah takluknya. "*the Malay states … were originally colonies from Jawa, which were settledon the Peninsula long before the arrival of the Arabs*" (hlm. 303) . Terdapat juga cerita ringkas mengenai Moluku, Celebes (Sulavesi) Philippino dan lain-lain. Maklumat tersebut dilengkapi dengan jadual perbandingan bahasa-bahasa (Melayu, Madagaskar, Jawa, Philippino, New Zealand India Timur dan lain-lain).

Mengenai unsur-unsur Islam dalam tamadun Melayu dan peranannya dalam kehidupan orang Melayu J.C. Pritchard menulis sebagai berikut: "*They have generally mixed more or less with the former inhabitants, and have promulgated in all the districts with which they have any connexion, the tenets of Islamizm, for they were the first people in these regions who adopted that superstition. They converts every where assume the name Malays together with their new faith, and that term is now in the eastern parts of India synonymous with Moslem, as in ithe appellation of Moor, in the Western Peninsula*" (hlm. 299)

Maklumat tersebut amat penting. Walaupun James Cowles Prichard nampaknya bersikap negatif kepada Islam (beliau mengunakan istilah: *tenets of Islam*, *superstition* dan lain-lain), beliau menegaskan bahawa orang Melayu

dan tamadun Melayu mempunyai kaitan dengan Islam yang amat kuat. Mereka dianggap sebagai orang tempatan yang pertama memeluk Islam dan menyebarkan Islam di seluruh alam Melayu. Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa Islam tidak berubah kehidupan orang Melayu dan tidak bermakna dari segi sejarahnya.

Maklumat tentang tamadun Melayu yang lebih lengkap terdapat dalam monograf "*The Malays. A Cultural History*" (KP JB 1464, 1465), dikarang oleh seorang *coryphaeus* dalam bidang kajian alam Melayu iaitu oleh R.O.Winstedt. Buku tersebut mengandungi bahan-bahan tentang asal usul orang Melayu dan bahasa Melayu (hlm. 5-17); sejarah agama dan kepercayaan (hlm. 18-44); susunan masyarakat (hlm. 45-62); sistem kerajaan (hlm. 63-90); sistem undang-undang (hlm. 91-119); sistem ekonomi (hlm. 120-138); sejarah sastera Melayu (hlm. 139-160); sejarah perkembangan kraftangan dan seni (hlm. 161-175). Terdapat juga pendapat-pendapat R.O. Winstedt mengenai masa depan orang Melayu. (hlm. 176-181)

R.O. Winstedt menyebutkan tempat tinggal orang purba pada zaman pra-sejarah, menyatakan hal ehwal budaya Hoabinhian, unsur-unsur kepercayaan purba, menjelaskan makna istilah "semangat", "mana" (*impersonal power attached to men, animals, fruits, stones, canoes and water and responsible for the success and failure of men and crops* – hlm. 7) dan lain-lain. Kajian tersebut berdasarkan maklumat-maklumat tentang cara kehidupan orang-orang asli iaitu Negrito, Senoi (Sakai, Indonesian), Jakun (Malay-Proto, Mongoloid Indonesian).

Pengarang menganalisis kepercayaan orang primitif mengenai penciptaan dunia (misalnya mitos tentang lawatan Ketam Agung, yang selalu keluar dan masuk ke dalam air laut. Inilah yang mengakibatkan air pasang), mengenai *semangat* iaitu satu tenaga yang menghidupkan semua makhluk; mengenai bayang-bayang manusia dan pengaruhnya dan lain-lain. *Shamanism* dianggap

sebagai jenis kepercayaan primitif Melayu yang paling lama (terawal). Orang yang melaksanakan semua acara *shamanism* tersebut adalah pawang iaitu suatu *shaman* Melayu. (hlm. 23)

R.O. Winstedt menegaskan bahawa penelitian kepercayaan terawal membantu kita memahami pelbagai ciri-ciri khas orang Melayu, misalnya asal-usul perkataan latah dan amok. Beliau menulis: "*Study of the shaman though a revealing light on one side of the Malay character. The use of such medium is commonest where Arctic hysteria is prevalent, and there is the closest resemblance between the hysteria of the Samoyed and the latah of the Malay and Dayak. Both of these nervous maladies will cause sufferers to mimic the words and gestures of those who startle them*". (hlm. 24) Maklumat tersebut membuktikan bahawa asal-usul orang Melayu-Proto mungkin mempunyai kaitan dengan para penduduk purba Siberia, Mongolia dan kawasan-kawasan Timur Jauh yang lain. Menurut pendapat pengarang, ulama Muslim Melayu menolak unsur-unsur histeria atau *trance* (keadaan bersawai) dalam ibadat. Walaupun begitu tradisi latah memudahkan penyebaran pelbagai kaedah zikir Sufi Melayu (hlm. 25)

R.O. Winstedt juga menumpukan perhatian kepada sejarah penyebaran Islam (hlm. 33-44). Terdapat cerita ringkas mengenai raja-raja Pasai dan Melaka yang memeluk Islam. Cerita tersebut berdasarkan data dari *Suma Orientalis* dikarang oleh Tome Pires. Bab tersebut mengandungi juga analisis pelbagai unsur Islam Shi'a (dari India) dalam tamadun Islam Melayu. (hlm. 37) Beliau menulis: "*This elements were a crude pantheism, a Gnostic concern with mystic names and formulae and the worship of innumerable saints. The reverence for saints permitted offering at the graves of ancestors, founders of settlements, rulers, religious teachers and even before rocks and trees. Immediately after his enthronement, for example, a Sultan of Perak is supported to pay a piligrimage to the graves of former rulers*". (hlm. 37)

Sebenarnya adat istiadat ziarah dan acara peringatan tempat perkuburan orang alim dan tempat-tempat suci yang lain tidak berpunca daripada pengaruh

Islam Shi'a sahaja. Tradisi ziarah tersebut tersebar di dalam alam Melayu sejak dahulu lagi yakni, sejak zaman animism, shamanism dan kepercayan-kepercayaan pegan yang lain. Unsur-unsur kepercayaan *pagan* yang sama kita boleh melihat di seluruh dunia dan di semua agama sampai masa kini. Terdapat juga cerita ringkas tentang penyebaran Tasawuff di alam Melayu, mengenai tokoh tokoh Sufi (Hamsah Fansuri, kurun 1600; Shams al-Din Pasai, wft.1630; Nuruddin ar-Raniri dan lain-lain); konsep-konsep tasawuf yang utama dan pengaruhnya terhadap kehidupan intelektual.

R.O. Winstedt menggambarkan keadaan undang-undang dalam masyarakat Melayu, hal ehwal keluarga, status wanita, perlindungan sosial terhadap anak-anak dan orang tua-tua. Pengarang menegaskan bahawa wanita dalam masyarakat Melayu Islam memang mempunyai hak-hak yang luas dan istimewa: "*Malay women can hardly be dscribed as an inferior sex, … the income too of a Muhammedan women from her own private property or settlements is independent of control by her husband*".

RO Winstedt turut bersetuju bahawa *"… in fishing community there was the freedom of the women especially in economic matters. Not only do they exercise an important influence on the control of the family finances, commonly acting as bankers for their husbands, but they also engage in independent enterprises, which increase the family supply of cash. …*

A Malay woman does all the house-work, cooks, sews and looks after the children. She also plants out rice and reaps it. She may be a weaver. She may work on the home garden, or she may angle. If there is alluvial mining near, she may wash for tin or gold, or she may tap rubber on her own land or as a wage-earner on an estate. Heavy work is done by men. They plough the rice-fields, build houses and make fences, build boats, are smith and sea-fishermens". (hlm. 50)

Pengarang menganalisis dan membandingkan pelbagai sistem undang-undang: iaitu:

- adat perpatih (Law of Ministers, mathriarchal law; bangsa Minangkabau di Sumatra dan di Negeri Sembilan);
- adat temenggung *(*pathriarchal law, tercampur unsur-unsur Hindu, tempatan, shari'ah, biasanya tersebar di dalam masyarakat orang bandar, pelabuhan – Pahang, Kedah, Melaka dan dll.)
- *adat laut (undang-undang laut)* – iaitu peraturan dalam laut yang timbul dan dicatat pada zaman Melaka. Biasanya digunakan oleh raja Johor terhadap orang laut Bugis dan saudagar-saudagar dari Makassar.
- *syari'at* – undang-undang Islam Shafi'e diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Digunakan dalam bidang hal ehwal keluarga dan perdagangan, agama dan hal ehwal jenayah. (hlm. 91-92)

Terdapat juga analisis keadaan ekonomi dan darjah perkembangan kebudayaan, termasuk sastera dan bahasa.

Monograf R.O. Winstedt merupakan sebuah analisis ilmiah yang mendalam dan lengkap. Hasil kajian tersebut amat berguna, kerana bahan-bahan yang terdapat di dalamnya kebanyakannya bersikap objektif. Buku tersebut tidak mengandungi unsur-unsur makiah terhadap Islam. Justeru itu perlu ditegaskan bahawa pengarang tidak memperhatikan dan tidak mengkaji peranan Islam dalam kemajuan masyarakat Melayu, termasuk ekonomi dan kehidupan intellektual.

Terdapat sebuah buku, yang mengandungi analisis ilmiah hal ehwal tamadun Melayu dan peranannya dalam tamadun dan sejarah Asia Tenggara, iaitu monograf "*The Cultural Problems of Malaysia in the context of South-East Asia*" (KP JB 1466) dikarang oleh para ilmuwan terkenal S. Takdir Alisjahbana, Syed Husain al-Attas, Syed Naquib al-Attas dan lain-lain. Buku tersebut menyerupai terbitan bahan-bahan dan kertas kerja yang dibentangkan pada waktu Persidangan Lembaga para Orientalis Malaysia *("First Conference of the Malaysian Society of Orientalists"*) yang diadakan di Kuala Lumpur pada 22.10 sehinga 25.10.1965.

Buku mengandungi 18 kertas kerja, prakata dan bahan-bahan mengenai Malaysian Society Orientalis dan daftar nama-nama para anggotanya. Terdapat juga bahan-bahan umum mengenai politik dan sistem kerajaan; agama dan sejarah, budaya dan persuratan di alam Melayu.

Kertas kerja yang bertajuk "*Malaysian Pre-History: some current problems*" dikarang oleh B.A.V. Peacock mengandungi bahan-bahan umum tentang sejarah purba dan tamadun purba iaitu zaman *Paleolithic* dan *Upper Paleolithic*. Makalah diisi dengan pelbagai maklumat mengenai historiografi kajian dalam bidang arkeologi alam Melayu. (hlm. 40-55)

Dalam makalah "*The collection of Malay Artifacts: a brief General Survey*" (hlm. 75-79) dikarang oleh Shahrum bin Yub dari Muzium Negara (*National Museum*) terdapat maklumat tentang pelbagai barang simpanan dari koleksi muzium tersebut lengkap dengan klasifikasinya. Dalam koleksi muzium, disimpan alat-alat kerja dari logam, batu, tulang dan kayu; senjata, pakaian, alat-alat sihir, alat-alat kebesaran diraja (*regalia*). Pengarang menjelaskan bidang penggunaannya dan asal usul alatan tersebut. Dalam koleksi muzium, terdapat artifak-artifak yang dibeli sendiri oleh pihak muzium ada yang diberi sebagai hadiah atau pusaka (warisan). Ditemui juga barangan hasil pertukaran dengan barang lain. Ada juga artifak yang dipinjam dari muzium atau dipinjam dari pemilik asalnya untuk tempoh tertentu. Diceritakan juga secara ringkas tentang sejarah koleksi artifak Melayu di Muzium Negara.

Xavier S. Thani Nayagam menyatakan ciri-ciri khas dan unsur-unsur umum dalam budaya dan tamadun Asia Tenggara (hlm. 80-89). Beliau menumpukan perhatian kepada bidang agama, sistem kerajaan, pendidikan dan sastera. Beliau tidak menyebutkan Islam sebagai unsur tamadun Nusantara sebaliknya menyatakan hanya hal ehwal budaya Hindu-Budhha sahaja. Justeru analisis dianggap sebagai kajian yang lengkap.

S.Takdir Alisjahbana dalam karya beliau menganalisis hal ehwal pekerjaan sama dan hubungan antara pelbagai budaya (agama) yang wujud dalam satu negara (hlm. 20-39). Beliau membandingkan alam Melayu dengan negara-negara yang kuno seperti negara Greek, Rom, budaya German-Kristian dan lain-lain. Beliau turut menegaskan peranan Islam dalam masyarakat Melayu dan menjelaskan asal-usul Islam yang tersebar di Nusantara. Beliau menulis:

> "*The great cultural conflict took place with the arrival of Islam,< …> through its expantion towards the East, Islam came into contact with Iran and India and to certain extent under the impact of Indian pantheism. Islam which arrived in Southeast Asia … in general it can be said, that in contrast to Indian culture, which came to these areas as a culture of the same attitudes, concepts and logic as the local culture, Islam as an absolute monotheistic religion brought a totally different attitude, system of concept and logic. It reject the concept of the basic unity of animals, human beings and supernatural powers, and gives man a special position above the animal and vegetative world. … Man is given opportunity to build his own world guided by his own intelligence*". (hlm. 35).

Pengarang menegaskan secara tepat bahawa Islam memajukan masyarakat Melayu dan membebaskan masyarakat tersebut daripada sistem Kasta yang muncul bersama agama Hindu. Justeru itu S.T. Alisjahbana menulis, bahawa "*Islamic society and culture in Southeast Asia were not able to maintain their expansion and growth. This decline was not only a phenomenon of Islam in Southeast Asia, but a general one in the whole Islamic world*". (hlm. 37).

Pendapat tersebut kurang jelas. Sebenarnya Islam tersebar di seluruh alam Melayu dan mengekalkan pengaruhnya pada zaman penjajahan Eropah selama 300 tahun. Islam mempengaruhi pelbagai bidang kehidupan intellektual dan rohani dalam masyarakat Melayu, termasuk juga bidang-bidang yang paling konservatif (yang sukar diubah) seperti: mitos, upacara

sihir tradisional, tamadun masakan, adat istiadat perkahwinan, kelahiran, kematian dan sebagainya.

Analisis mayarakat Melayu moden dan ciri-ciri khasnya terdapat dalam makalah *"A note on Malay Society and culture"* (hlm. 65-75) dikarang oleh S.Husein Ali. Menurut beliau, masyarakat Melayu adalah masyarakat peralihan (*society and culture of transition*) iaitu dari masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Pengarang menegaskan bahawa masalah utama yang timbul dalam masyarakat Melayu masa kini adalah masalah yang berkaitan dengan peralihan masyarakat dari *feodalisme* kepada pangkat kapitalisme *post-industrial* tanpa melalui pangkat pertengahan.

Hal ehwal Islam dan peranannya dalam masyarakat Melayu moden dibicarakan juga dalam dua karya, iaitu makalah "*The Islamic conception of religion and social Ideal*" (hlm. 108-122) dikarang oleh Syed Hussein Al-Atas dan di dalam kertas kerja "*Islamic Culture in Malaysia*" (hlm. 123-130) dikarang oleh Prof. Syed Naquib al-Attas.

Kedua-duanya merupakan karya ilmu moden di Malaysia. Kedua-duanya menunjukkan darjah perkembangan pengetahuan ilmiah dalam bidang kajian Islam dan sejarah serta budaya kebangsaan. Karangan Syed Hussein Alatas mengandungi cerita ringkas tentang sejarah Islam terawal, tentang riwayat hidup Nabi Muhammad SAW. Terdapat juga analisis prinsip-prinsip Islam utama, termasuk konsep kerajaan dalam Islam.

Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam kertas kerja beliau menumpukan perhatian kepada sejarah penyebaran Islam di Nusantara dan peranan Islam dalam tamadun Melayu. Pengarang turut menyatakan peranan tamadun Hindu-Buddha dalam seni dan budaya Nusantara dan membandingkannya dengan pengaruh Islam. Beliau menegaskan bahawa:

> *"Philosophical influence of Hinduism upon the Nusantara world view has been unduly magnified. The people of Nusantara were more aesthetic than philosophical by nature; they either did not fully grasp the subtleties of Hindu methaphysics, or they ignored it in favour of that which was less complicated and more readily acceptable to their own world view. Philosophy was transformed into art at the expense of the rational and intellectual elements. … In Hindu-Malay translations of Hindu-Indian religious literature such as Mahabharata, the Bhagavad Gita … and the Bharatayuddha, it is significant to note, that the philosophical expositions so important in the original suffered great neglect.*
>
> *… the same could also be said of Buddhism in the Nusantara. For many centuries, from the 6th to the 11th centuries, Sumatra seemed to have a great centre of Buddhism and Buddhist philosophy. Yet the influence of the Buddhist clergy in Sumatra did not seem to make itself felt in the realm of philosophy, but again in that art. … it is strange and surprising that Buddhist philosophy did not flourish as well in Sumatra itself. It is possible that Buddhism, not being a missionary religion charged with an expansive movement, was not interested in imparting a new world view to the people of Nusantara.* (hlm. 123-125)

Mengenai peranan Islam Syed Naquib al-Attas menyatakan, bahawa:

> *"Spiritual refinement and knowledge was shared with the people; Islam brought the intellectual and rational impetus not only to the courts but also to the people in general so evidenced by the fact that not all philosophical treatises were written solely for the pleasure of kings. …One of the most important single cultural phenomena directly caused by the influence of Islamic culture was the spread of the Malay language as a vehicle not only for epic and romantic literature, but even more so for philosophical discource".* (hlm. 127)

Syed Mohd Naquib al-Attas juga menyebut tentang pengaruh Islam dalam bidang undang-undang, sistem kerajaan dan ekonomi. Beliau menafikan prasangka bahawa kedatangan Islam tidak mengubah apa-apa pun dalam kehidupan masyarakat Melayu. Beliau menjelaskan pelbagai kesilapan dan kesalahfahaman yang tersebar dalam karya-karya para Orientalis Barat mengenai Islam di Nusantara.

> *"Western scholarship engaged in Nusantara History has neglected and minimized the importance of the study Islam here. Prejudice against and fear of Islam have influenced Western imperialism in attempting a consistent policy of separating Muslims from their religion, as has been the case with the Dutch and British powers in Nusantara."* (hlm. 129)

Maklumat-maklumat tersebut adalah amat penting. Syed Naquib al-Attas merumuskan secara tepat masalah dan kekurangan utama yang tersebar dalam kajian Melayu di Barat. Hal tersebut perlu selalu diperhatikan oleh semua ilmuwan tempatan terutamanya, yang mengkaji sejarah dan tamadun kebangsaan. Lazimnya para cendekiawan tersebut mengikut pendapat dan kaedah penelitian para orientalis Barat dan tidak memperhatikan prasangka-prasangka dan kesalahfahaman yang kadang-kadang terdapat di dalam karya ilmiah tersebut.

Jan M. Pluvier dalam makalah beliau yang bertajuk *"The Cultural Aspects of the Colonial period of Malayan History"* (hlm. 220-234) membuktikan pendapat beliau yang sebaliknya. Beliau menegaskan bahawa seorang ilmuwan semestinya mengikut cara objektif. Justeru, beliau menulis bahawa:

> *"It is true, of course, that there was a large amount of hypocrisy in the Western contention that the West was bringing civilization and enlightenment to the East. Its also true that the first specimina of Western Man coming to these shores hardly qualified as the exponents of Western Culture. But is not this true for all similar developments? … It is true that Hindu civilization and Islam spread peacefully into*

> *Southeast Asia, while Western cultural elements were in general introduced only after Europe had fought its way into this region by force. But this did not place Western culture in a disadvantage. It is, after all, not the conquistadores who count in this respect, but the men who followed in their wake: the priests, the administrators, the civil servants … the doctors, the teachers, the scolars, the scientist and all those other private persons and their families who built up a thriving European community, a European enckave, radiating its influence in the Asian world.* (hlm. 223)

Pendapat beliau memang betul. Perlu ditegaskan bahawa semua unsur-unsur positif yang melibatkan orang alim, doktor, penasihat dan usahawan Eropah datang ke alam Melayu dan berusaha memajukan masyarakat tempatan, hanya selepas sistem kerajaan Melayu Islam dan sistem kehidupan tempatan sudah dihapuskan oleh pentadbiran Eropah. Orang Eropah datang ke Nusantara bukan untuk memajukan masyarakat tempatan dan memberi pengetahuan dan teknologi yang baru kepada orang tempatan. Tujuan utama pentadbiran penjajahan orang Portugis, Belanda dan Inggeris adalah untuk menguasai sumber kekayaan di kawasan tersebut, terutama perdagangan, galian, rempah ratus dan lain-lain.

Tujuan mereka memang berbeza dengan tujuan para ulama Muslim, sheikh-sheikh dan syed-syed yang datang ke dalam alam Melayu sejak kurun pertama Hijrah. Mereka datang untuk menyebarkan Islam yang dianggap sebagai *iman yang tulen*. Niat mereka adalah membahagikan dan menyebarkan kepada orang tempatan khazanah yang paling bernilai dan sempurna, iaitu *iman yang tulen*, jalan penyelamatan diri dan cara perkembangan masyarakat dan kerajaan yang adil dan sempurna. Tidak disebutkan tujuan kedatangan para ulama tersebut semata-mata untuk mengaut kekayaan perdagangan di alam Melayu. Justeru itu penyebaran Islam tidak merosakkan tamadun dan adat istiadat masyarakat Melayu.

Analisis buku tersebut amat menarik kerana bahan-bahan yang terdapat di dalamnya mencerminkan subjek kajian alam Melayu di seluruh dunia. Bahan-bahan dalamnya juga menganalisis tentang asal-usul orang Melayu, analisis peranan pelbagai tamadun dalam sejarah dan tamadun Melayu, penelitian aktiviti orang Eropah dan lain-lain. Buku tersebut amat penting kerana mengandungi bahan-bahan objektif mengenai Islam dalam masyarakat Melayu. Subjek tersebut kurang diperhatikan oleh para ilmuwan Barat.

Dalam bahagian Ketiga (Orang Melayu/Tamadun Melayu) terdapat tiga tajuk yang mengandungi bahan-bahan tentang sejarah kajian alam Melayu dan kegiatan penulisan para ilmuwan Barat yang terkenal.

Makalah yang bertajuk "*W.W. Skeat and Malayan ethnography. An Appreciation*" (KP JB 1427), dikarang oleh J.M. Gullick mengandungi data tentang W.W.Skeat (1866 – 1953) seorang arkeologis yang terkenal. Beliau mengkaji adat istiadat Melayu pagan, kepercayaan tradisional dan hal ehwal berkaitan dengan *sihir* Melayu. Diceritakan riwayat hidup W.W.Skeat dan senarai karya-karya beliau. Karya tersebut mengandungi juga cerita tentang ilmuwan Barat yang mengkaji alam Melayu, termasuk alam semula jadi. Karya tersebut turut menyentuh tentang orientalis yang pernah bekerjasama dengan W.W.Skeat. Antara yang disebutkan ialah R.J. Wilkinson, Nelson Anandale (1876 – 1924); Richard Henry Yapp (1871-1925), Frank Laidlaw (1876-1963), R.O. Winstedt dan lain-lain. Dalam *Appendix* terdapat cerita ringkas tentang karya utama W.W.Skeat berjudul "*Malay Magic*" ((1900), "*Pagan Races of the Malay Peninsula*" (1906) dan lain-lain.

Sebuah lagi makalah J.M. Gullick bertajuk "*The Skeat collection of Malay Ethnography"* (KP JB 1428) meneruskan cerita tentang kegiatan W.W. Skeat dan menggambarkan koleksi barang-barang (artifak) *ethnography* beliau. Dinyatakan juga tentang riwayat hidup W.W.Skeat dan senarai karya-karya beliau.

Dalam makalah ketiganya J.M. Gullick menumpukan perhatian kepada kegiatan William Maxwell (1846 – 1897) iaitu seorang orientalis yang terkenal yang mengkaji manuskrip Melayu, sastera Melayu dan bahasa Melayu. Beliau mengumpulkan koleksi naskah Melayu yang amat kaya dan bernilai sejarah. Dalam koleksi tersebut disimpan manuskrip *Sejarah Melayu*, *Hikayat Abdullah*, *Hikayat Sri Rama* dan lain-lain. Terdapat riwayat hidup W. Maxwell dan senarai karya-karya beliau. Dimaklumkan bahawa W. Maxwell bukan hanya seorang ilmuwan malahan juga beliau berkhidmat sebagai pegawai pentadbiran penjajahan Inggeris; Pada tahun 1892 beliau menjadi *Colonial Secretary Selangor*; dan pada tempoh masa 1893 sehingga 1894 W.Makswell adalah *Governor of the Straits Settlements.* Pada masa itu beliau berjaya mendapat banyak naskah Melayu yang sebenarnya merupakan khazanah persuratan kebangsaan.

Namun, J.M. Gullick tidak menjelaskan keadaan naskhah yang disimpan dalam koleksi W. Makswell. Nasib manuskrip Melayu yang telah dikumpul oleh para pegawai dan orientalis Barat kurang jelas. Banyak naskhah yang hilang pada zaman penjajahan Eropah di alam Melayu. Masalah tersebut pernah dibincangkan oleh para pembentangan seminar "Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia" (Medan 1963). Antara lain, mereka menegaskan: "*Pentadbiran kolonial Belanda mengaturkan ekspedisi-ekspedisi dan menyuruhnya ke berbagai daerah kepulauan Melayu (misalnya - ke Sumatra, Jawa, Riau-Linga, Terengganu, Aceh, Pahang, Kelantan, Johor dll.) untuk mencari dan mengumpulkan naskah-naskah lama dan peninggalan kesan sejarah yang lain. Pegawai-pegawai Eropah mewajibkan semua yang memiliki manuskrip-manuskrip Melayu lama menyerahkannya kepada Suruhanjaya yang istimewa. Kerap kali bahan-bahan yang dikumpulkan di dalamnya terhapus - kerana kebakaran atau banjir, tenggelam dalam ribut, rosak kerana cara penyimpanannya tidak baik, dicuri dan akhir-akhirnya hilang lama kelamaan*"[44]. Menurut maklumat Abdullah

---

[44]Haji Aboebakar Atjeh. Sekitar masuknya Islam ke Indonesia. Berita tentang Perlak dan Pasei. dalam: *Sejarah masuknya Islam ke Indonesia. Risalah seminar*. Medan: Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia 1963, h.104-105.

Munsyi yang pada waktu itu bekerja sebagai setiausaha dengan Thomas Stamford Raffles Gabenor Syarikat Hindia Timur Inggeris (1811-1816), dan pendiri Singapore moden T.S. Raffles turut mengumpulkan koleksi manuskrip Melayu lama. Di dalamnya ada lebih daripada 300 naskah. Hampir kesemua naskah tersebut musnah dalam kebakaran yang berlaku di atas kapal "Fame" yang berangkat balik ke England. Yang berjaya diselamatkan, hanya sekitar 80 naskhah, yang menjadi dasar pengumpulan manuskrip-manuskrip Melayu yang disimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society di London. Salah satu nashkah adalah nashkah yang dianggap sebagai manuskrip yang paling awal - iaitu *Hikayat Raja Pasai*[45].

Memang ada banyak naskhah yang akhirnya kekal sampai kini, dan masih disimpan dalam perpustakaan-perpustakaan di London, Paris, Leiden, Berlin dll. Tetapi kebanyakannya belum lagi disenaraikan dan diterbitkan. Ertinya naskhah-naskhah tersebut tidak boleh digunakan oleh ilmuwan dan masih tertutup untuk para pembaca di Malaysia dan di seluruh dunia[46].

Tiga makalah tersebut yang dikarang oleh J.M.Gullick adalah amat menarik, kerana mengandungi historiografi kajian alam Melayu di Barat dan data-data tentang para ilmuwan yang terkenal. Turut disenaraikan ialah terbitan popular mengenai hal ehwal umum budaya Melayu.

Buku "*History and Culture of Malaysia*" (KP JB 1467) dikarang oleh Max Harris, merupakan album bergambar dengan keterangan popular tentang pelbagai unsur budaya dan sejarah Melayu. Terdapat gambar dan maklumat umum tentang zaman pra-sejarah dan sejarah purba, artifak-artifak tamadun Hindu-Buddha dan China, khazanah tamadun Islam, unsur-unsur tamadun Eropah, dan juga pakaian, makanan, kraftangan, hari-hari raya, acara-acara dan lain-lain.

---

[45]Denisova, T. "Islam di dalam alam Melayu ab. VII – XIII. dlm: *Sejarah perkembangan tamadun Islam.* Jilid 1-2. Moskow: ROSPEN; 2001-2002.
[46]Lihat juga: Denisova, T. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

Karya *"Cultures of the World: Malaysia"*(KP JB 1468) dikarang oleh Heidi Munan, juga mengandungi album bergambar yang lengkap dengan keterangan umum mengenai sejarah dan budaya Malaysia. Tujuan terbitan popular tersebut adalah untuk kegunaan para pelancong dan bacaan kanak-kanak. Terdapat maklumat umum tentang ilmu bumi, sejarah, sistem kerajaan, ekonomi, bangsa-bangsa dan susunan masyarakat (rakyat-rakyat), adat istiadat, agama, bahasa, seni, permainan (*game*), hari raya dan makanan.

Kertas kerja "*Malay Culture: talk delivered to participants of Woman Institute Leader's Course, at the Women Institute Headquarters, Petaling Jaya, on 7th July 1959, Kuala Lumpur, 1959*" (KP JB 1469, 1470) yang dibentang oleh Syed bin Ismail Nasir diterbitkan dalam bentuk buku kecil. Di dalamnya terdapat teks dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa Melayu Jawi. Buku mengandungi maklumat umum tentang sejarah dan unsur-unsur utama budaya Melayu. Walaupun karya tersebut hanyalah buku kecil popular tanpa data-data yang terperinci, dalamnya ditemui juga bahan-bahan yang menarik dan penting, misalnya sifat-sifat budaya Melayu asli sebelum kedatangan orang India (Hindu). Antara yang disebutkan oleh pengarang adalah sifat-sifat seperti berikut:

1. Orang Melayu tidak hidup dengan mengembara (*It was sedentary and not nomadic)*

2. Orang Melayu mengerjakan sawah padi dengan menggunakan cara pengairan yang tertentu. Dengan adanya kaedah pengairan ini pengarang dapat menyatakan bahawa masyarakat Melayu pada waktu itu tidak boleh dianggap sebagai masyarakat primitif.

3. Orang Melayu pada masa itu sudah mempunyai pengetahuan (pandai) dalam bidang navigasi dan astronomi (ilmu bintang) dan pernah berlayar ke Madagaskar.

4. Orang Melayu memakai barang-barang perhiasan daripada logam gangsa, tembaga, besi, emas. Mereka juga memelihara lembu dan kerbau.

5. Orang Melayu dikebumikan dalam kubur yang ditimbus dengan batu-batu dan ada tanda-tanda yang mereka menyembah roh nenek-moyang mereka.
6. Terdapat unsur-unsur kesedaran sebagai satu kesatuan dalam rombongan tertentu.
7. Orang Melayu sebelum kedatangan orang Hindu sudah mempunyai kalendar sendiri.
8. Orang Melayu waktu itu sudah mempunyai cara/alat sukatan mereka sendiri
9. Dalam lapangan pertukangan, orang Melayu-Polinesia ini pandai bertukang khususnya membuat perahu yang mereka gunakan untuk berulang-alik di antara pulau-pulau" (hlm. 5-6)

Menurut pengarang bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa orang Melayu di alam Melayu telah hidup dan mengembangkan tamadun sendiri selama lebih dari pada 2000 tahun, iaitu sebelum kedatangan orang India.

Buku "*Bungai Rampai: Aspects of Malay culture*" (KP JB 1471) yang dikarang oleh Mohd Taib Osman menyerupai kumpulan makalah yang diterbitkan selama beberapa tahun. Terdapat juga makalah tentang sastera dan sajak Melayu[47], historiografi kajian budaya Melayu, hal ehwal agama dan sejarah penyebaran Islam di alam Melayu.

Terdapat juga dua karya mengenai pawang (bomoh) dan perawatan tradisional di dalam budaya dan sejarah Melayu. Tajuknya adalah seperti berikut: "*Bomoh and the practice of Malay medicine*" (hlm. 148-161) dan "*Patterns and supernatural premises underlying the institution of the bomoh in the Malay culture*".(hlm. 162-

---

[47]Makalah tentang sastera tersebut kami akan membincangkan nanti bersama dengan buku-buku kesusasteraan yang lain.

177). Di dalam makalah tersebut dijelaskan beberapa istilah seperti: bomoh, shaman, tukang urut, dukun, tok puteri, tukang bekam, tok mudim, bidan, keramat hidup, nama-nama pelbagai penyakit dan lain-lain. Disebutkan pelbagai buku tib (ubatan).

Pengarang menegaskan bahawa: "*The bomoh and what he stands for is an old institution in Malay culture. Despite the conversion to Islam, which, ideally speaking is uncompromisingly monotheistic, the institution has survived and in fact has even taken over elements brought about by the Islamic civilization. Writing on medicine is evidenced by the kitab tibs, have not been objected to by the religious authorities. It is only those aspects which involve trafficking with the spirit world not acceptable to strict Islamic tenets that the religious authorities object to*. (hlm. 157)

Maklumat tersebut membuktikan sekali lagi bahawa kedatangan Islam tidak menghapuskan budaya dan adat istiadat Melayu yang sebelumnya. Sebagai satu sistem kehidupan dan pemikiran yang amat rasional dan komprehensif tamadun Islam tidak menolak pengalaman dan ilmu rawatan tempatan yang memang kaya dan berguna.

Dalam bab yang bertajuk "*Religion and bureaucracy: the development and organization of Islamic religious administration in Peninsula Malaysia*" (hlm. 255-260) Mohd Taib Osman menganalisis sejarah perkembangan sistem pentadbiran agama masa kini, iaitu selepas tahun 1948. Dijelaskan pelbagai hal ehwal yang berkaitan dengan institusi-institusi kadi, mahkamah syariah; kutipan duit zakat dan fitrah dan lain-lain. Maklumat berdasarkan data-data mengenai Kelantan.

Makalah yang bertajuk "*Islamization of the Malays: a transformation of culture*" (hlm. 261-272) mengandungi analisis pelbagai data tentang dakwah Islam di alam Melayu. Pengarang menegaskan bahawa penyebaran Islam

mengakibatkan perubahan dalam tamadun dan budaya kebangsaan di seluruh dunia. "*The transformation of the culture through a change in religion is possible because Islam stressed not only correct belief but also right conduct. In Islam belief and conduct are ideally one.*" (hlm. 261) Pengarang memaklumkan bahawa para ilmuwan Barat tidak memperhatikan perubahan tamadun (budaya) di alam Melayu yang diakibatkan oleh penyebaran Islam di sini. Pengarang merujuk kepada pelbagai sumber dan karya ilmiah untuk menjelaskan bahawa sejarah dan cara penyebaran Islam adalah amat berbeza daripada sejarah penyebaran agama Hindu di alam Melayu. Mohd Taib Osman menegaskan bahawa orang Melayu memeluk Islam bukan hanya untuk berjaya dalam bidang perdagangan, atau mendapat keuntungan daripadanya. Para cendekiawan tempatan tertarik kepada usuluddin, akhlak, falsafah dan ilmu yang mereka peroleh dalam tamadun Islam. Mengikut pendapat W.F. Wertheim bahawa "*Islam gave the small man a sense of individual worth as a member of the Islamic community. According to Hindu ideology he was merely a creature of lower order than the members of the higher castes. Under Islam he could, as it were, feel their equal, or even, in his quality as a Muslim, the superior of such of them as were not Muslim themselves, even though he still occupied a subordinate position in the social structure*. (hlm. 264)

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa Islam memajukan masyarakat Melayu dan menyebarkan unsur demokrasi tulen ke dalam masyarakat tersebut.

Buku "*The cultural heritage of Malaya*" (KP JB 1472) dikarang oleh N.J. Ryan mengandungi maklumat umum tentang warisan budaya pelbagai bangsa di alam Melayu, terutama orang Melayu, China dan India. Terdapat analisis budaya di alam Melayu dari sudut sejarah, iaitu asal usul orang Melayu, kedatangan orang China dan India ke Semenanjung Tanah Melayu, penyebaran agama Hindu dan Buddha; dakwah Islam, pengaruh budaya Barat pada zaman penjajahan Eropah (hlm. 1-27)

Pengarang menjelaskan hal ehwal sejarah agama dalam masyarakat Melayu, iaitu ciri-ciri khas kepercayaan tradisional (animisme), agama Hindu, dan Islam. Disebutkan pelbagai upacara dan perayaan; digambarkan pelbagai persembahan tradisional – tarian, nyanyian, wayang dan lain-lain. Terdapat juga maklumat ringkas tentang seni dan sastera Melayu serta tamadun perawatan tradisional. (hlm. 28-73)

Buku tersebut juga mengandungi analisis tamadun orang China (hlm. 74-129), India (hlm. 130-152) dan Eropah (hlm. 153-174) yang tinggal di alam Melayu.

Buku disertakan dengan beberapa *Appendix* yang mengandungi bahan-bahan tentang bahasa (*Words from Sanskrit*: app.A; *Glossary of Malay words*: app. D), persembahan dan hari raya. (app. B, C)

Pengarang menyatakan bahawa Islam datang ke kawasan Asia Tenggara dari India: "*Like the earlier foreign cultural influence … Islam was introduced into South-East Asia from India. This is an important fact to remember when examining the reason for the preservation of old tradition in Malay Muslim Society*" (hlm. 14) Maklumat tersebut menunjukkan bahawa pengarang ialah salah seorang pengikut "konsep Greater India" yang menganggap India sebagai sumber asli budaya Melayu. Menurut beliau, pengaruh India mengakibatkan pengekalan (keabadian) unsur-unsur tamadun lama selepas penyebaran Islam.

Sebenarnya unsur-unsur budaya tradisional terdapat di dalam tamadun Melayu Islam sehingga kini. Islam tidak bersikap negatif kepada budaya-budaya kebangsaan sebelumnya. Sifat keterbukaan tersebut adalah ciri khas Islam yang boleh dilihat di seluruh dunia. Misalnya di Afrika, terdapat unsur-unsur budaya bangsa Afrika; di Eropah – unsur budaya Eropah; di Caucasus – bekas-bekas tamadun Caucasus dan lain-lain. Perlu diingatkan bahawa unsur-unsur tamadun kebangsaan (tempatan), lazimnya tamadun pagan, ditemui bukan hanya di dalam Islam, malah juga di dalam agama Kristian. Misalnya adat-istiadat dan ciri-ciri khas Kristian di Filipina dan Amerika Latin amat berbeza

dengan tamadun Kristian di Itali dan Jerman. Walaupun adat Islam dari pelbagai negara adalah berbeza, prinsip dasar (asas) Islam tetap sama di seluruh dunia, iaitu berpaksikan tauhid, solat, zakat, haji dan amalan berpuasa.

Buku N.J. Ryan amat berguna kerana mengandungi maklumat-maklumat umum tentang agama-agama yang tersebar di Asia Tenggara, misalnya, animisme, Hindu, Buddha, Kristian, Islam. Maklumat tersebut berdasarkan data-data umum dan hasil kajian yang diterbitkan oleh para pengarang yang lain. Justeru bahan-bahan /atau kesimpulan yang baru hampir tidak ditemui.

Bahan-bahan umum tentang perayaan dan cara sambutannya di Malaya dirakamkan di dalam buku kecil bertajuk "*Festivals of Malaya*" (KP JB 1498), dikarang oleh J.Manson. Di dalamnya terdapat maklumat popular tentang perayaan orang Islam, pesta-pesta Buddha, China, Hindu, pesta Kristian dan Yahudi. Dijelaskan juga gambaran perayaan secara terperinci dan sejarah pesta keagamaan tersebut. Contohnya:

Perayaan Melayu: Hari Raya 'Aidilfitri (Hari Raya Puasa); Hari Raya 'Aidiladha (Hari Raya Haji); Hari Keputeraan Nabi Muhammad, Ashura dan Mandi Safar. Kesemuanya berkaitan dengan tamadun Islam. Disebutkan juga pesta Puja Pantai yang dirayakan di Pantai Timur Malaya (yang menyerupai pesta orang nelayan) dan Pesta Semangat Padi iaitu pesta golongan petani. Kedua-duanya mengandungi unsur adat sebelum kedatangan Islam.

Pesta Buddha: Hari Vesak Prya (Full Moon Day); Hari Poson (Full Moon Day), Esala (Asadga Full Moon Day); Asalha (Dhamma Chakkra Day); Khao Barnsa (permulaan Puasa Buddhist); Ok Barnsa (akhir Puasa Buddhist); pesta Magha Puja; pesta Wan Atthami; pesta Kuan Yin, pesta Amitabha Buddha dan lain-lain.

Pesta China: Tahun Baru China; Pesta Ch'ing Ming; Pesta Perahu Naga (Dragon Boat festival); Pesta Hantu Lapar (Feast of Hungry Ghoast); Pesta Tujuh Adik Beradik (Feast Seven Sisters) dan lain-lain.

Pesta Hindu: Hari Pongol (pesta tuaian), Thaipusam, Mahashivrati, Tahun Baru Tamil, Baisakhi; Tahun Baru Ceylon; Navratri; Vijaya Dashmi; Onam, Deepavali.

Pesta Kristian: Hari Natal, Tahun Baru, Hari Epiphani, Puasa Kristian, Good Friday, Hari Easter dan lain-lain.

Pesta Yahudi: Shabat; Yom Kippur; Rosh Hashannah; Purim; Pesakh; Shavout, Khanukah; Simhat Torah. Terdapat juga maklumat mengenai empat bangunan saumaah (synagogue) yang terdapat di Malaya (Pulau Pinang) dan – di Singapura.

Walaupun buku tersebut menyerupai terbitan popular dan tidak mengandungi bahan-bahan ilmiah yang *fundamental*, data-data yang terdapat di dalamnya menentukan sifat keterbukaan masyarakat Melayu yang boleh dianggap sebagai salah satu ciri khas tamadunnya.

Etnologi

Dalam Bahagian Ketiga (Tamadun Melayu. Orang Melayu) disenaraikan banyak judul yang mengandungi kajian tentang ilmu etnologi (*ethnography, social anthropology*). Yang disebutkan adalah 34 tajuk tentang asal usul orang Melayu, orang asli, adat-istiadat orang Melayu, kepercayaan dan *magik* Melayu, akhlak dan etiket Melayu. Terdapat pelbagai makalah tentang etnopsikologi (*ethnopsychology*). Subjek tersebut menjadi perhatian ilmuwan Barat malah juga cendekiawan tempatan. Kajian tersebut diterbitkan dalam pelbagai format antaranya: monograf, makalah, buku kecil, kertas kerja dan lain-lain.

Monograf yang bertajuk "*Emotions of culture: a Malay perspective*" (KP JB 1473), merupakan kajian dalam dua bidang iaitu psikologi dan anthropologi yang berkaitan dengan emosi (perasaan) dalam tamadun Melayu dan ciri-ciri khasnya. Buku tersebut adalah amat menarik kerana menjelaskan peranan

psikologi dalam ilmu anthropologi dan menganalisis budaya Melayu dari sudut *ethnopsychology*. Beberapa bab dalam buku tersebut dikarang oleh ilmuwan Melayu dan para ilmuwan Barat.

Ilmuwan Malaysia
Wazir Jahan Karim – Professor Madya dalam bidang antropologi (*anthropology of women, anthropology of religion, medical anthropology*) dalam University Sains Malaysia (Pulau Pinang).

Razha Rashid – Pakar dalam bidang antropologi (urbanization, sistem kerajaan) di Universiti Sains Malaysia (Pulau Pinang)

Mohamed Chouse Nasuruddin – Ketua pengarah Pusat Seni di Universiti Sains Malaysia (Pulau Pinang). Pakar dalam bidang seni tarian dan muzik.

Ilmuwan Barat
Robert Winzeler – Professor dalam bidang antropologi dan *ethno-psychology* di dalam Universiti Nevada di Rino (USA). Mengkaji ciri-ciri khas *ethnic*, keadaan amok dan latah di Kelantan.

Mikhael G. Kenny – Professor Madya dalam jawatan *anthropology* dan *sociology* di Simon Fraser University (USA). Pakar dalam bidang *ethno-psychology*, *medical anthropology*, sejarah sosial, sejarah pemikiran (kajian) *anthropology*.

Dalam monograf tersebut, terdapat bahan-bahan tentang amok, latah, keadaan bersawai *(trance),* upacara-upacara hubungan/pemujaan dengan hantu (*spirit possession cult*), histeria pada masa tarian upacara amal (*ritual dance, trance dance*), dan lain-lain.

Pengarang menganalisis pengaruh emosi (perasaan) dalam upacara keagamaan, adat istiadat dan upacara perbomohan (pawang). Emosi merupakan sebahagian daripada budi kebangsaan dan perlu dikaji dalam rangka kajian *anthropology* dan *ethnography*.

Dalam Prakata, terdapat maklumat umum tentang historiografi kajian dalam bidang tersebut. Pengarang menyebut beberapa karya ilmuwan Barat yang mengandungi pelbagai bahan tentang *ethno-psychology* dalan perasaan (emosi) dalam budaya Melayu. Pengarang menegaskan secara tepat bahawa emosi amat mempengaruhi imej orang Melayu yang digambarkan dalam historiografi Barat.

Makalah "*Language of emotion in courtship and early marriage" (*hlm. 21-63) yang dikarang oleh Wazir Jahan Karim mengandungi analisis hal ehwal perasaan wanita dalam keadaan histeria, gila marah dan lain-lain yang berkaitan dengan perkahwinan, sama ada sudah kahwin atau belum kahwin. Pengarang menegaskan bahawa wanita Melayu tidak memisahkan unsur-unsur perasaan (*emotion*) dan akal (*intellect*). Kajian tersebut berdasarkan pelbagai teks sejarah dan sastera serta sumber persuratan yang lain. Pengarang juga mengkaji pelbagai kosa kata yang berkaitan dengan perkahwinan dan hubungan di antara pasangan. Misalnya: teruna, anak dara; menengok, meminang, hati,cinta, kasih-sayang, nafsu, dendam, dan lain-lain.

Wazir Jahan Karim juga menganalisis pantun sebagai sejenis tulisan yang biasanya digunakan untuk menyatakan perasaan (emosi). Pengarang menegaskan bahawa wanita biasanya lebih bimbang mengenai perkahwinan kerana diusik/diberikan gelaran oleh masyarakat sebagai "anak dara tua" bila belum kahwin sehingga umurnya 25 tahun. Pengarang menganalisis keadaan wanita *gila kahwin* – iaitu sejenis histeria yang lazimnya terjadi pada wanita yang hendak berkahwin secepat mungkin. Kata pengarang, "*Observable symptoms of gila kahwin may be seen as a person's behaviour towards the opposite sex; in a women, public flirtation, expressed envy of a friend's married state, children, willingness to accept just any proposal, and the like*". (hlm. 34) Terdapat juga keterangan definisi *gila cinta* – iaitu histeria yang terkena pada lelaki dan/atau wanita kerana hendak kahwin dengan seorang yang disayangi iaitu seorang yang tertentu yang dipilih sebagai subjek cinta.

Menurut pengarang, salah satu sebab *gila kahwin* dan *gila cinta* adalah kerana mereka berasal takut melakukan sesuatu yang haram atau tidak sopan. "*Emotional of gila cinta and gila kahwin attributed to unavoidable biological sex drives are said to lead to gangguan fikiran or temporary/short-term emotional disorders. … If the symptoms of hysteria are prolonged and become more extreme by the day, gangguan fikiran becomes associated with the more sinister acts of witchcraft and sorcery involving elders and ritual specialists in the act of spirit possession*. (hlm. 35) Emosi tersebut lazimnya menjadi alasan untuk melakukan sesuatu yang dianggap dosa dalam Islam.

Kajian tersebut menunjukan bahawa dalam masyarakat Melayu hingga sekarang, wujud peraturan yang cukup ketat *(strong*) dari aspek moral berkaitan hubungan di antara lelaki dan wanita. Ternyata sistem pendidikan dan pengasuhan tradisional (terutama pendidikan dan ahlak Islam) masih kuat dan tersebar di seluruh masyarakat Melayu.

Dalam makalah yang bertajuk "*Martial Arts and the Malay Supermen*" yang dikarang oleh Razha Rashid (hlm. 64-95) mengandungi analisis emosi dalam seni mempertahankan diri (*martial art*), misalnya pencak silat. Pengarang menegaskan bahawa pencak silat lazimnya berkaitan dengan "*ilmu kebatinan*" dan "*ilmu ghaib*" (kedua-duanya dalam rangka tradisi Islam di alam Melayu). Lazimnya pecak silat itu mengandungi juga unsur-unsur nationalisme. Silat perlu dirahsiakan kepada bukan Melayu: "*to open up the discipline [silat] to Non-Malays is seen by many to be equivalent to training the enemy. Some silat forms that rely on Islamic ritual knowledge would include non-Malays, who are Muslims, but even there other criteria are applied – recent converts to Islam are generally excluded*" (hlm. 84)

Pengarang menegaskan juga bahawa dalam perjuangan (pertandingan) "*person to person*' (seorang melawan seorang) lazimnya muncul unsur-unsur keadaan *amok* yakni unsur-unsur keganasan spontan. Dalam sastera tradisional

keadaan tersebut lazimnya dianggap sebagai unsur keberanian. Misalnya, Hang Tuah dalam keadaan amok melawan tentera Jawa yang bersenjata lengkap.

Unsur-unsur nationalisme masih wujud sehingga kurun ke-20. Terdapat banyak pertubuhan silat yang diketuai oleh guru silat yang ikut serta dalam perjuangan menentang penjajahan Inggeris. Guru tersebut dianggap sebagai pahlawan dan teladan untuk para pemuda. Misalnya, Tok Janggut dari Kelantan.

Dalam makalah yang bertajuk "*Amok: historical and cultural perspectives*" dikarang oleh R.Winzler, terdapat analisis keadaan amok sebagai fenomena tamadun Melayu dari sudut sejarah, budaya dan ilmu *psychology* (hlm. 96-122). Diceritakan tentang kes amok pada zaman penjajahan.

Menurut pendapat ilmuwan Barat keadaan *amok* disebabkan (diakibatkan) oleh tiga unsur: opium, Islam, pembunuhan diri (*suicide*) (hlm. 103). Opium juga disebutkan dalam pelbagai karangan pada kurun ke-18 sehingga ke-20. Namun, Raflles dan Marsden menegaskan bahawa opium bukan penyebab utama kejadian amok. Menurut mereka, opium dan keadaan amok sebenarnya adalah akibat perhambaan (*slavery*) dan kemiskinan yang tersebar dalam masyarakat Melayu.

Prasangka bahawa Islam yang mengakibatkan keadaan *amok* tersebar dalam kalangan umum di Barat sejak kurun ke 17. Pendapat tersebut terdapat dalam catatan pengembara Barat (misalnya Tavernier, 1676) Pada kurun ke-19, T.S.Raffles menafikan prasangka tersebut. Beliau menegaskan bahawa *amok* biasanya terjadi kepada hamba-hamba Jawa: "*Raffles claimed that amok was distinctly Muslim act. Amok accured in Java it did not among the Muslim Javanese. … was almost confined to the class of non-Muslim slaves*" (hlm. 104). Prasangka yang sama tersebar antara pegawai-pegawai pentadbiran penjajahan Inggeris sehingga kurun ke-20. Seorang hakim iaitu Judge Norris yang pada tahun 1849 menulis seperti berikut: "*But all the atrocities you have committed are of a*

peculiar character and such as are never perpetuated by Christian, Hindos, Chinese or any other class than Mahomedans, especially Malays, among whom they are frightfully common, and may, therefore, be justly branded by way on infamous distinction, as Mahomedan Murders"[48].

Seorang ilmuwan Barat yang lain, iaitu J.D. Vaughan dalam karyanya menyatakan sebab kejadian amok adalah berkaitan dengan peraturan Islam, misalnya perceraian menurut syariah, dan sifat fatalisme. "*What Vaughan did suggest was that Islamic divorce practices were a 'predisposing cause' of amok … he went to suggest that fatalism, which was also a doctrine of the Koran, was another cause of amok. 'A Mahomedan never check his feelings or actions, he considers them inevitable and rushes headlong into any course thay may dictate.*" [49]

Maklumat tersebut bersikap negatif terhadap Islam. Hal ini menunjukkan salahfahaman yang terdapat dalam pandangan pengarang tersebut tentang Islam dan prinsip dasarnya. Pengarang tidak memperhatikan perbezaan antara konsep fatalisme dan konsep kadar yang terdapat dalam Islam. Konsep kadar dalam Islam dilengkapi dengan konsep tangungjawab manusia atas semua kelakuannya. Menurut konsep tersebut, manusia mengikut arahan yang dikadarkan oleh Allah SWT secara sukarela. Justeru itu, setiap orang bertanggungjawab secara peribadi (individu) di hadapan Allah SWT atas semua kelakuannya. Konsep fatalisme tidak mengandungi definisi kebebasan kehendak *(free will)*, dan tiada unsur tangungjawab manusia sebagai pemilik kebebasan tersebut.

---

[48]W. Norris. Malay Amoks reffered to Mahomedanism. dlm: *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*., 1849, 3, Singapore: J.R. Logan, pp. 462-463
[49]J.D.Vaughan. Notes on the Malays of Pinang and Province Wellesley. in: *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia.*, 1854, 2 (new series), Singapore: J.R. Logan; pp. 115-175

Pada kurun ke-19 tersebar pendapat menyatakan *amok* ialah sejenis pembunuhan diri Orang Melayu – "*Malay form of suicide*". "*Amok is the national and therefore the honourable mode of suicide among the natives oh the Celebes and is the fashionable way of escaping from their difficulties*".

Dalam makalah tersebut, terdapat analisis tentang amok dari sudut pendapat ilmu perubatan (kedoktoran). Para ahli ilmu *psychiatry* Barat menyatakan bahawa amok adalah "*masked epilepsy*" atau "*epilepsy of mind*" atau "*paroxysm of mania*". Ditemui juga senarai ciri-ciri khas amok tersebut. Pengarang mengkaji keadaan amok dan kaedah perawatan moden di Malaysia dalam masyarakat yang bukan Melayu.

Dalam makalah "*Latah: the logic of Fear*" yang dikarang oleh M.G. Kenny, menjelaskan asal-usul dan ciri-ciri khas *latah,* iaitu keadaan penyakit mental yang diikuti dengan rasa marah, pencerobohan, tutur yang rosak dan maki-hamun yang tidak sengaja atau keadaan yang tidak mampu dikawal oleh manusia. Latah biasanya berlaku kepada golongan berstatus rendah, terutama wanita tua, yang sebabkan oleh perasaan ketakutan, kejutan dan panik. Terdapat pelbagai cerita latah yang benar-benar berlaku (dalam masyarakat) turut dimuatkan dalam makalah ini.

Buku "*Emotions of culture: a Malay perspective*" amat menarik dibaca kerana memberi peluang kepada kita membandingkan pendapat-pendapat para ilmuwan Barat dan ilmuwan Melayu tentang subjek tersebut dalam rangka kajian yang sama (dalam rangka kerjasama ilmiah).

Unsur-unsur *ethnopsychology* dirakamkan dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat, terutama dalam adat istiadat kebangsaan. Ahli ilmu etnologi menumpukan banyak perhatian kepada adat istiadat orang Melayu dan ciri-ciri khasnya. Awal kurun ke-20 boleh dianggap sebagai "zaman emas" dalam kajian tersebut. Dalam katalog koleksi John Bastin juga disenaraikan beberapa judul tentang adat-istiadat dan pelbagai upacara tradisional orang Melayu.

Buku yang bertajuk "*Life and customs*" (KP JB 1463) mengandungi tiga bahagian yang dikarang oleh para orientalis yang paling terkenal, mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian pertama (*The Incidents of Malay Life. Part I.*); Bahagian kedua *(The Circumstances of Malay life the Kampong: the House: Furniture: Dress: Food. Part II),* pengarangnya R.O.Winstedt dan Bahagian Ketiga (*Malay amusements. Part III.*) dikarang oleh R.J. Wilkinson

Dalam Bahagian Pertama terdapat analisis adat istiadat orang Melayu yang berkaitan dengan kehidupan manusia iaitu yang berkaitan dengan kelahiran manusia dan masa kecilnya; pertunangan dan perkahwinan; kehidupan orang dewasa, penyakit dan kematian. Pengarang menegaskan bahawa upacara dan adat istiadat orang Melayu lazimnya mengandungi unsur pelbagai tamadun, termasuk kepercayaan tradisional dan tradisi Islam. Misalnya kelahiran diikuti dengan pelbagai upacara yang berasal daripada tradisi sebelum Islam (acara perlindungan bayi daripada hantu; acara pemilihan nama, acara pijak tanah dan lain-lain). Justeru, itu dilaksanakan juga acara memandikan bayi dan acara korban menurut peraturan Islam. R.J. Wilkinson menyebutkan juga bahawa lazimnya bayi itu mempunyai dua nama, iaitu nama Muslim yang digunakan selama kehidupannya dan dianggap sebagai nama rasmi, dan juga nama pagan (bukan Muslim) yang digunakan sementara sahaja dan yang boleh diubah seandainya terjadi satu kecemasan atau penyakit. Pengarang turut menganalisis sistem pendidikan dan pengasuhan (ta'dib) dalam masyarakat Melayu dan menegaskan peranan Islam di dalamnya.

Tentang sifat 'percampuran agama' yang terdapat di pelbagai adat-istiadat Melayu R.J. Wilkinson menulis: "*The Malay cares nothing for consistency; he does not exchange old customs for new; he keeps both the new and the old. Indeed he is afraid to give up the old. … The Malay has not retained these old ceremonies for their own sake, or because he loves them. He has preserved them as mere formalities, dead things for the satisfaction of his dead ancestors. … Malay ceremonial is a museum of dead customs kept for the benefit of the dead. It is unlabelled and unexplained*" (hlm. 56-57)

Berdasarkan hal tersebut R.J. Wilkinson (dan orientalis yang lain) berpendapat bahawa Islam di alam Melayu adalah satu sistem agama campur yang tidak boleh dianggap sebagai Islam tulen. Sebenarnya maklumat tersebut cuma mengesahkan sekali lagi, bahawa keterbukaan dan toleransi (tasamuh) adalah ciri-ciri khas budaya Melayu. Perlu ditegaskan bahawa adat istiadat dan kepercayaan ialah bidang kehidupan intelektual yang paling konservatif. Sistem hubungan sosial (masyarakat) selalu bersifat *cumulative*, iaitu sifat mengumpulkan dan mengekalkan unsur-unsur dan "pengalaman" tamadun yang lama. Adapun tradisi-tradisi agama dan hubungan antara manusia dalam rangka agama (kepercayaan, upacara-upacara, tahyul-tahyul dan lain-lain), bidang kehidupan tersebut adalah yang paling *static* dan konservatif (kolot) dan amat susah diubahnya"[50].

Biasanya unsur-unsur budaya lama kekal dalam rangka tradisi yang baru selama ratusan tahun. Unsur tamadun lama bukan sahaja terdapat dalam Islam, tetapi juga dalam agama Kristian dan agama-agama lain. Ternyata Islam tidak memusnahkan adat-istiadat lama, cuma mengunakannya dalam pelbagai acara, apabila unsur-unsur tersebut tidak bertentangan dengan prinsip dasar agama Islam.

Dalam Bahagian Kedua *(The Circumstances of Malay life: the Kampong: the House: Furniture: Dress: Food*) yang dikarang oleh R.O. Winstedt terdapat analisis adat-istiadat Melayu di kampung dan sistem atur caranya; rumah Melayu tradisional dan ciri-ciri khasnya; barang-barang perabot tradisional; pakaian, makanan dan lain-lain.

Dalam Bahagian ketiga (*Malay amusements*) yang R.J. Wilkinson menganalisis pelbagai hiburan dan permainan Melayu, iaitu permainan kanak-kanak, tarian,

---

[50]V.D.Plakhov. *Tradisi dan masyarakat. Kajian falsafah dan sosiologi,* Moskow: Misly, 1982, ms. 28, 169-174.

persembahan dengan muzik, permainan judi, sabung ayam dan pertandingan binatang. Digambarkan pelbagai jenis permainan tradisional dan hiburan yang tertentu (*main pokok, tuju kepala, sepak raga, main jaka, main seremban* dan lain-lain) Terdapat juga cerita tentang *wayang, bangsawan*, *tarek papan* (tarian), *bandan* (tarian), *ronggeng* (tarian), *hathrah* (tarian), *boria, mendora* dan lain-lain. Pengarang juga menjelaskan pelbagai mainan judi dan menyatakan bahawa orang Melayu amat suka berjudi. Justeru itu R.J. Wilkinson tidak menyebutkan bahawa Islam menolak permainan judi sebaliknya menggangap judi itu sebagai nafsu dan dosa.

Adat istiadat orang Melayu dikaji juga dalam buku "*Malay Customs and Traditions*" (KP JB 1483). Buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris berdasarkan karya Syed Alwi Bin Alhadi yang bertajuk "Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu". Buku mengandungi bahan-bahan tentang adat-istiadat Melayu, termasuk tradisi kehidupan dalam keluarga di kampung, kelahiran bayi, acara berkhatan, acara perkahwinan, acara perkuburan dan lain-lain.

Bahagian Kedua buku ini diisi dengan maklumat tentang adat istiadat raja-raja Melayu, iaitu peraturan kehidupan di istana mengenai budi bahasa, mengenai gaya pakaian, pelbagai acara (perasmian, pelantikan raja, majlis rasmi, jamuan rasmi dan lain-lain), tugas-tugas penghulu istana, acara perkahwinan, permakamam raja-raja dan lain-lain

Maklumat-maklumat yang terdapat dalam buku tersebut amat penting dan boleh dianggap sebagai maklumat 'seorang saksi' kerana bapa pengarang (iaitu ayah Syed Alwi Bin Alhadi) ialah anak angkat dalam keluarga al-marhum Raja Haji Kelana ibn al-Marhum Sultan Muhammad Yusoff. Ternyata pengarang sendiri mempunyai hubungan yang erat dengan keluarga Sultan Johor. Bahan-bahan tersebut berdasarkan adat istiadat dan kehidupan sehari-hari Johor.

Pengarang menyatakan pelbagai adat istiadat yang menunjukkan rasa hormat terhadap orang tua, orang alim, tetamu, wanita, jiran-jiran dan lain-lain. Justeru

itu pengarang menegaskan bahawa banyak adat-adat lama sudah hilang dalam masyarakat Melayu moden diakibatkan oleh pengaruh tradisi Barat.

Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa tamadun dan adat istiadat Melayu kebanyakannya daripada adat istiadat Islam. Unsur-unsur Hindu-Buddha hampir tidak ditemui.

Subjek yang sama disebutkan dalam karya J. Logan yang bertajuk "*The Manners and Customs of the Malays"* (KP JB 1484). Tajuk tersebut mengandungi dua makalah mengenai adat istiadat Melayu. Makalah yang pertama adalah tentang pakaian (lelaki, wanita, anak-anak); dan makalah yang kedua adalah tentang makanan. Pengarang menganalisis *sarong* sebagai pakaian kebangsaan yang tersebar di alam Melayu dan semua golongan masyarakat. Terdapat juga keterangan mengenai baju kurung, baju sikat, baju cari Linga, baju pesa sabla, baju tangan kanching, baju ayit kurang, baju kurung cekak musang dan lain-lain. Sumber data disebutkan daripada Undang-undang Melaka dan Sejarah Melaka. Terdapat juga petikan dalam huruf Jawi. Makanan yang paling popular disebutkan nasi pelbagai jenisnya. Dimaklumkan bahawa jamuan atau makanan di rumah biasanya di mulai dengan bacaan "Bismillah".

Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa tamadun Melayu serta adat istiadat Melayu kebanyakannya berdasarkan adat istiadat Islam. Unsur-unsur Hindu-Buddha hampir tidak ditemui.

Dalam buku kecil bertajuk "*Adat-adat Melayu (Anglo-Malay version)"* (KP JB 1422) dikarang oleh Abdul Jalil Ajmain, terdapat maklumat tentang pelbagai adat istiadat orang Melayu, iaitu adat nikah kahwin; adat berlenggang perut; adat melahirkan anak; adat bercukur (bergunting) rambut; adat menurun (jejak) tanah; berkhatam dan berkhatan; adat bertindek; adat mati; adat menjunjung duli dan lain-lain.Digambarkan juga perayaan tempatan, antaranya: Hari Raya Puasa, Hari Awal Muharam; Maulud Nabi; Isra' dan Miraj, Hari mandi Safar; Hari Raya Haji dan lain-lain. Buku kecil itu hanya mengandungi maklumat ringkas tanpa penjelasan yang lengkap.

Amat penting diketahui bahawa hampir semua adat istiadat Melayu yang disebutkan di atas berkaitan dengan Islam. Hal ini membuktikan bahawa tamadun Melayu ialah tamadun Islam dan merupakan sebahagian daripada tradisi Islam antarabangsa yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain.

Para ilmuwan Barat menumpukan perhatian kepada adat istiadat yang berkaitan dengan kehidupan wanita dan peranannya dalam masyarakat Melayu. Dalam karya tersebut ditegaskan bahawa wanita dalam masyarakat Melayu mempunyai posisi yang amat tinggi dan terhormat. Menurut pendapat para ilmuwan Barat peranan istimewa wanita Melayu berdasarkan unsur-unsur *matriarchy* sejak dahulu dikekalkan dalam masyarakat tradisional. Hal ini dijelaskan dalam monograf bertajuk *"Matriarchy in the Malay Peninsula and Neighboring Countries"* (KP JB 1436), dikarang oleh G.A. DeC. Moubray. Buku ini mengandungi kajian sistem kuasa dan pewarisan wanita di Asia Tenggara berdasarkan analisis perbandingan sistem *matriarchy* di Sumatera, Malaya, India Selatan, Semenanjung Tanah Melayu dan negara-negara berjiran yang lain. Aspek yang dikaji ialah status (taraf) lelaki dalam masyarakat di Nusantara; status wanita; status orang tua dalam keluarga, sistem hubungan di dalam masyarakat dan suku (*tribe*); ciri-ciri khas *matriarchy*; hal ehwal hak milik dan sistem pewaris; adat istiadat perkahwinan dan perceraian, adat istiadat pengebumian, dan adat istiadat yang berkaitan dengan anak-anak angkat.

Pengarang menganalisis taraf kemajuan masyarakat berdasarkan analisis pelbagai adat istiadat Melayu. Antara kaedah dan konsep yang digunakan oleh pengarang ialah konsep hubungan atau pengaruh timbal balik antara pelbagai budaya dan adat istiadat; konsep evolusi (*Darwinism*); konsep fungsi (*Functional school*) atau konsep sebab-akibat (iaitu kajian peristiwa dan/atau adat-istiadat dari sudut masa/zaman, iaitu dalam konteks situasi sejarah yang tertentu).

Terdapat juga analisis susunan masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu (Negeri Sembilan), Minangkabau, Canara dan Malabar (hlm. 19-33);

terdapat keterangan tentang pelbagai definisi dan istilah, misalnya: kampong, perut (jumlah anggota keluarga); lembaga, suku, kampung besar kampung (penghulu kampung); giliran (rotation); pusaka; waris betina, waris jantan; semenda (perkahwinan) dan lain-lain. Pengarang menegaskan bahawa keluarga (perkahwinan) bersifat *monogamy*, dan sementara itu wanita sebagai pewaris mempunyai hak-hak istimewa.

Karya tersebut mengandungi kajian yang fundamental yang menjelaskan pelbagai unsur kehidupan masyarakat Melayu dan peranan wanita dalamnya. Justeru, terdapat beberapa kekurangan. Pada pendapat saya, kekurangan tersebut adalah seperti berikut:

(1) Pengarang tidak menyatakan (dari konteks zamannya) bila, muncul adat istiadat yang itu semua. Adakah adat dan ciri-ciri khas yang dijelaskan ialah adat-istiadat orang Melayu moden (awal kurun ke-20 semasa buku ini ditulis) atau adat istiadat tersebut merupakan hal ehwal budaya yang lama? Tarikh dalam karya ini hampir tidak ditemui.

(2) Pengarang tidak memperhatikan unsur agama dalam kajian adat istiadat kebangsaan. Agama adalah unsur yang amat penting dalam budaya dan adat. Yang disebutkan hanyalah unsur-unsur agama Hindu sahaja. Tradisi Islam tidak disebutkan walaupun masyarakat Melayu (termasuk penduduk Malabar yang dikaji) sejak dahulu ialah masyarakat Muslim.

Pengarang tidak memperhatikan unsur Islam dalam kebudayaan tempatan, walaupun unsur itulah paling tersebar dalam masyarakat Melayu. Penilaian yang kurang tentang Islam sudah menjadi kebiasaan dalam kajian ilmuwan Barat. Penilaian tersebut berdasarkan prasangka bahawa Islam di alam Melayu tersebar secara kebetulan, dan Islam merosakkan adat istiadat Melayu yang tulen[51].

---

[51]Tentang pelbagai prasangka yang terdapat dalam kajian alam Melayu lihat antara lain: Denisova, T. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

Terdapat juga maklumat mengenai sejarah perkembangan sistem *matriarchy* dalam masyarakat Melayu berdasarkan sumber Barat semata-mata (catatan pengembara, catatan kenangan, laporan dan lain-lain). Sumber Arab, China, India, Melayu dan lain-lain tidak disebutkan.

Pengarang menjelaskan ciri-ciri umum yang terdapat dalam susunan sosial dan peraturan dalam masyarakat kampung Melayu dan masyarakat kampung India. Justeru itu pengarang tidak memperhatikan Islam sebagai unsur kehidupan masyarakat walaupun menggambarkan pelbagai acara Muslim. Misalnya, beliau menggambarkan acara pernikahan (nikah ta'alik) yang diikuti oleh pembacaan Khutbah oleh wali. Beliau menegaskan bahawa:

> "*Mohammedan law, in these matter of rithual, has probably an unusually great influence, direct by supporting the forms directly sanctioned by it, and indirect in supporting parentalas against matriarchal customs. The custom as regards divorce, to which matriarchal custom was not favourable, has become almost pure Mohammedan law.* (hlm. 112)

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa Islam memang mempengaruhi dan mengubah kehidupan masyarakat Melayu, termasuk bidang *rithual (*upacara amal) yang menyerupai unsur-unsur kehidupan sosial yang paling konservatif dan susah diubah[52]. Perubahan dalam upacara tradisional itu mencerminkan hakikat bahawa Islam menjadi dasar kehidupan masyarakat Melayu, dan juga orang Melayu memeluk Islam secara mendalam.

Adat istiadat wanita Melayu juga dijelaskan dalam buku "*Women of all nations*" (KP JB 1446). Dalamnya terdapat makalah berjudul *The Malay Peninsula,* dikarang oleh W.W. Skeat, seorang pakar dalam bidang etnologi yang amat terkenal.

---

[52]Tentang peranan tradisi di dalam masyarakat dan hal ehwal perubahannya lihat juga: Plakhov,V.D *Tradisi dan masyarakat. Kajian falsafah dan sosiologi,* Moskow: Misly, 1982

Buku tersebut merupakan sebuah *encyclopedia* mengenai adat istiadat wanita di seluruh dunia. Maklumat tentang Semenanjung Tanah Melayu mengandungi bahan tentang asal usul pelbagai bangsa tempatan, tentang masakan dan pakaian wanita, tentang barang-barang kemas, hal ehwal kehidupan wanita di rumah; tentang kraftangan dan kerja rumah wanita; mengenai pelbagai upacara (perkahwinan, kelahiran, perkuburan dan lain-lain). Maklumat-maklumat tersebut dilengkapi dengan pelbagai gambar. Kebanyakannya menunjukkan orang asli yang hampir tidak berpakaian.

Sebenarnya pengarang menumpukan perhatian kepada orang asli (Jakun, Sakai dan lain-lain). Hanya orang asli itu yang dianggap oleh WW.Skeat sebagai orang Melayu tulen dan sebagai pembawa tamadun dan adat istiadat Melayu yang semula jadi. Menurut WW.Skeat, kedatangan Islam merosakkan tamadun Melayu. Beliau menegaskan bahawa kebanyakannya orang asli (iaitu orang Melayu yang tulen) adalah pagan. Paganisme tersebut dianggap sebagai asas tamadun Melayu. Walaupun orang Melayu memeluk Islam, tetapi di dalam hati mereka masih pagan:

> *"The aboriginal races of the Peninsula are all pegan and thus easily to be distinguished from the Buddhist of the North and the Malays, who without exception ptofess (superficially at least) the tenets of Muhammedanism, though the great majority of them are animist and shamanists at heart".* (hlm. 188)

Pendapat tersebut amat tersebar dalam kalangan Orientalist Barat. Pengarang tidak memperhatikan peranan Islam dalam alam Melayu dan akhirnya tidak mahu menanggap orang Melayu Muslim sebagai pembawa tamadun kebangsaan yang tulen.

Berdasarkan prasangka tersebut, WW.Skeat dalam karya beliau menggambarkan adat istiadat sebelum Islam sahaja berkaitan pakaian dan masakan bukan Muslim. Misalnya, maklumat tentang pakaian mengandungi data umum tentang *sarong* dan *kebaya*. Pakaian Muslim Melayu tidak disebutkan.

Pengarang memaklumkan bahawa: *"[female] will be going to school in covered bullock-carts to learn cooking, embroidery and the Koran"* (hlm. 194) Ternyata wanita Melayu Muslim mampu mendapat pendidikan, dan pendidikan tersebut mengandungi unsur-unsur pendidikan Islam. Maklumat mengenai pengaruh Islam dalam kehidupan wanita mengandungi hanya separuh halaman dan bersikap negatif: "*The influence of Mohammedanism reappears in the jealousy with which the husband regards his wife…* (hlm. 197)

Dalam koleksi John Bastin juga ditemui monograf yang mengandungi bahan-bahan tentang adat istiadat orang Melayu moden (termasuk orang Jawa dan Aceh), iaitu pada masa awal kurun ke-20 (buku tersebut diterbitkan pada tahun 1928). Tajuknya *"The Modern Malay"* (KP JB 1450), dikarang oleh L. Richmond Wheeler. Pengarang menjelaskan tentang historiografi kajian alam Melayu dan beliau mengatakan bahawa terdapat dua kategori karangan mengenai orang Melayu, iaitu:

(1) Karangan orang yang baru sampai ke alam Melayu dan menggambarkan pendapat yang terawal mengenai orang tempatan tanpa kajian yang *fundamental*;

(2) Karangan orang yang selama hidupanya tinggal di satu tempat dan kesimpulan dan pandangan mereka berdasarkan keadaan di dalam tempat yang kecil tanpa lawatan dan analisis tamadun orang Melayu di tempat lain.

Monograf tersebut juga mengandungi maklumat tentang orang Melayu sejak Zaman Pertengahan sampai kurun ke-20. Terdapat cerita ringkas tentang asal-usul pelbagai bangsa di alam Melayu; sejarah migrasi di kawasan tersebut; dan tentang bahasa dan sejarah orang Melayu. Disebutkan negara-negara Melayu pada Zaman Pertengahan (Pasai, Melaka, Aceh, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kedah , Perlis, Kelantan, Terengganu), Terdapat bahan-bahan tentang sejarah kedatangan orang asing ke alam Melayu seperti orang India, China, Arab, Siam dan lain-lain serta kedatangan orang Eropah seperti Portugis, Belanda, Inggeris.

Perlu ditegaskan bahawa dalam senarai para pelawat asing, pengarang menyebutkan orang Aceh, Bugis, Minangkabau. Pengarang menganggap penduduk tersebut sebagai orang luar iaitu sama dengan orang Arab, China dan Eropah. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang menganggap orang Melayu *tulen* ialah penduduk Semenanjung Melayu. Pengarang tidak memperhatikan pembinaan bangsa Melayu sebagai satu bangsa (bersama dengan orang Melayu dari kawasan yang lain), terutama pada zaman penyebaran Islam.

Richmond Wheeler menumpukan perhatian kepada sistem kerajaan orang Inggeris dan kegiatannya terhadap orang tempatan. Pengarang menganalisis sistem pendidikan tempatan, iaitu pendidikan Melayu tradisional, sistem pendidikan Inggeris, sekolah-sekolah tinggi, pendidikan untuk anak-anak perempuan. Beliau menjelaskan tentang sistem kerajaan moden, peranan golongan raja-raja di dunia kini, pengaruh orang Barat (terutama Inggeris) dari konteks pandangan awam masyarakat Melayu moden.

Pengarang juga mengkaji susunan sosial dalam masyarakat Melayu moden (termasuk "middle class"). Sebagai ciri-ciri khas bangsa Melayu, beliau menyebutkan: *'stolidity', loyality, indolence, thrift, adaptability, conservatism, "amok", "latah", morality, humour',* dan lain-lain.

Terdapat juga maklumat umum tentang keadaan ekonomi, keluarga dan peranan wanita dalam masyarakat. Berdasarkan kajian tersebut, pengarang menggambarkan masyarakat Melayu dan arah-arah kemajuannya pada masa kelak. Terdapat data dan statistik tentang jumlah penduduk Melayu dari pelbagai negara/negeri Singapura, Pulau Pinang, Melaka, Perak, Selangor, Pahang, Johor, Kedah, Perlis dan Kelantan pada tahun 1921. (hlm. 35) Pengarang membahagikan masyarakat Melayu kepada tiga golongan iaitu rakyat, raja-raja dan para bangsawan; "*middle class*". Sebagai *middle class*, pengarang menyebutkan golongan-golongan pegawai yang tamat sekolah Inggeris atau sekolah Islam; ahli perniagaan dan pemilik perahu, kadi, ustaz dan imam; penghulu dan lain-lain.

Mengenai orang Melayu, Richmond Wheeler menulis: "*The Malays does not flourish in cities, and has done nothing to develop them* (hlm. 21) Pendapat tersebut tersebar dalam kalangan umum di Barat. Justeru peristiwa sejarah yang nyata menunjukkan bahawa orang Melayu bukan hanya orang kampung sahaja. Kita perlu ingat bahawa orang Melayu yang bersama-sama bangsa-bangsa lain membina dan mengembangkan bandar yang terkenal di seluruh dunia, iaitu Melaka, dan pusat perdagangan penting Pasai, Johor, Aceh, Kelantan, termasuk Singapura.

Justeru, pengarang menulis secara benar, bahawa: *"Malakka was indeed an independent Malay State, which held an important position owing to the absence of all competition. The ruler and all the high officials were Malays, the whole organization and customs were Malay in form and spirit* (hlm. 70)

Buku tersebut juga mengandungi satu bab mengenai Islam di Asia Moden, termasuk alam Melayu. (hlm. 173-182). Pengarang menganalisis keadaan Islam pada masa penjajahan Inggeris. Beliau menulis:

"For centuries Islam throughout the Malay Archipelago was in the condition in which it remains in the more remote parts today. Its spiritual and world-wide characteristics were alike eclipsed, its moral code was relaxed, so that opium-smoking, excessive drinking and adultery, to say nothing of frequent murder among the faithful as among the infidels, were rampant". (hlm. 176)

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa kegiatan pentadbiran penjajahan Eropah (termasuk Inggeris) merosakkan sistem kehidupan tradisional dan menghapuskan pengaruh Islam dalam masyarakat Melayu. Hal ini mengakibatkan keruntuhan akhlak dan kemunduran masyarakat tempatan.

Sementara itu, pada zaman yang sama pada kurun ke 18 - 19, di Johor yang beragama Islam dan menyokong Islam sebagai agama rasmi, tidak terdapat kemerosotan akhlak dan kemunduran masyarakat secara total. Dalam kehidupan intelektual muncul pelbagai karya ilmiah dan sastera (misalnya

Tuhfat al-Nafis, Peringatan Sejarah Negeri Johor, Hikayat Siak), dan ramai tokoh Islam menjadi terkenal misalnya al-Palimbani, Raja Ali Haji, Za'ba dan lain-lain[53].

Dalam katalog koleksi John Bastin disenaraikan beberapa tajuk tentang protokol Melayu dan adat-istiadat istana. Antara yang disebutkan ialah:

1. Abdullah bin Ali. "*Malaysian protocol*" (KP JB 1482), Singapore, KL, 1988.
2. Sheppard, M.C. ff., *"Malay courtesy: a narrative account of Malay manners and customs in everyday use"*, (KP JB 1485), Singapore, 1957.
3. Zainal-'Abidin. *Malay manners and etiquette*. (KP JB 1487), JMBRAS, XXIII, 3, 1950

Dalam karya tersebut, dijelaskan hal ehwal budi dan etiket Melayu. Buku kecil yang dikarang oleh M.C. Sheppard mengandungi bahan-bahan popular tentang etiket harian yang berkaitan dengan soal berpakaian di rumah, peraturan mengenai pertemuan dan ucapan selamat; protokol perkahwinan, perkuburan, kelahiran, peraturan mengenai sembahyang Juma'at dan ibadat lain. Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa tamadun serta adat istiadat Melayu kebanyakannya berdasarkan adat istiadat Islam. Unsur-unsur Hindu-Buddha hampir tidak ditemui.

Makalah yang dikarang oleh Zainal-'Abidin menyatakan adat istiadat berkaitan sapaan, pertemuan dengan kawan-kawan dan tetamu; berjabat tangan, kartu jemputan dan ucapan terima kasih; dan berbudi bahasa (termasuk peraturan tentang bahasa bertulis). Pengarang menegaskan bahawa menurut etiket Melayu kesombongan dianggap sebagai unsur kekurangan budi dan tidak beradab. Sama halnya dengan pujian yang berlebih-lebihan (sanjungan) dan penghambaan diri. Pengarang menegaskan bahawa peraturan dalam

---

[53]Mengenai hal ehwal kehidupan intelektual di Johor lihat antara lain: Denisova, T. Refleksi Historiografi Alam Melayu. KL: UMPRESS., 2011.

pemakanan dan pemakaian Melayu sesuai dengan tradisi Islam. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu, timbul dan berkembangnya suatu sistem akhlak dan adab yang lengkap. Sistem tersebut berdasarkan peraturan syariat dan tamadun Islam yang tersebar di seluruh alam Melayu untuk semua golongan masyarakat Melayu.

Dalam monograf Abdullah Bin Ali, terdapat bahan-bahan yang lengkap tentang protokol rasmi dan peraturan tentang gelaran dan sapaan kepada orang besar; tentang adat istiadat pertemuan dengan raja-raja dan pembesarnya dan tentang bahasa rasmi dan ciri-ciri khasnya. Buku berdasarkan data tentang protokol rasmi dari pelbagai negeri iaitu di Johor, Melaka, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu. Terdapat penjelasan tentang cara pakaian rasmi dan jamuan rasmi, tentang kad undangan dan surat menyurat , tentang cara menghormati sultan dan orang besar-besar di Malaysia moden. Ditemui juga maklumat tentang darjah kebesaran (*orden*) dan pingat *(medal*); tentang bendera dan alat-alat perkakasan yang lain.

Buku tersebut amat berguna kerana mengandungi contoh pelbagai acara dan ucapan menurut protokol rasmi. Namun dalam buku ini tidak dapat dijelaskan tentang asas peraturan rasmi dan protokol. Walau bagaimanapun, pengarang menegaskan bahawa sistem kerajaan moden, adat istiadat acara rasmi, sistem gelaran dan sapaan adalah berdasarkan tradisi kerajaan Melayu lama yang sejak dahulu dipengaruhi oleh Islam. Beliau menulis "*Islam had a deep impact on the Peninsula and was undoubtedly a major influence in shaping the principal features of Malay society*".

Bahan-bahan tentang adat-istiadat orang Melayu di Afrika Selatan dijelaskan dalam buku "*The Cape Malays*" (KP JB 1440, 1441) yang dikarang oleh I.D. du Plessis. Terdapat keterangan tentang orang Melayu di Cape Town (Afrika Selatan), maklumat tentang agama (hlm. 11-26), adat-istiadat (hlm. 27-68), budi Melayu (hlm. 69-76); kawasan-kawasan tinggal orang Melayu (hlm. 77-82),

keadaan masyarakat Melayu di Cape Town (hlm. 83-88). Bahan-bahan tersebut dilengkapi dengan banyak gambar yang berwarna. Terdapat data statistik mengenai susunan masyarakat orang Melayu di Cape Town, termasuk jumlah orang Muslim serta orang Melayu asli. Buku mengandungi maklumat umum tentang asal-usul orang Melayu, bahasa Melayu dan unsur-unsur budaya Melayu yang lain di Cape Town.

Pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah kedatangan orang Melayu ke Afrika Selatan. Tarikh peristiwa sejarah yang disebutkan ialah:

– Pada tahun 1667 kumpulan Melayu yang pertama datang ke Cape Town. Pengarang menjelaskan bahawa terdapat kenyataan tentang orang Melayu yang pernah singgah di Afrika Selatan sebelum tahun tersebut. Orang Melayu tersebut ialah bukan Muslim. (hlm. 3)
– Pada tahun 1710 dalam buku pendaftaran penduduk tempatan ditemui pertama kalinya nama-nama orang Melayu yang berasal dari Jawa dan Cylon.
– Dalam tempoh antara tahun 1725 sehingga 1749 di Cape Town, muncul ramai orang buangan politik dari alam Melayu.

Antara orang buangan politik yang disebutkan ialah Syeikh Yussuf, iaitu Saudara Raja Makassar. Beliau dilahirkan pada tahun 1626. Sejak tahun 1646 beliau menyebarkan Islam di Bantam dan Jawa. Beliau berkahwin dengan anak perempuan Sultan Agung Bantam. Syeikh Yussuf menjadi terkenal sebagai seorang pembela Islam yang amat aktif berperang menentang Kompeni Belanda. Akhirnya orang Belanda berjaya menangkap anak perempuan Sheikh Yussuf sebagai tebusan. Beliau terpaksa menyerah diri. Selepas ditangkap oleh pentadbiran Belanda, Syeikh Yussuf dipenjarakan di Batavia dan di Cylon. Pada tahun 1693, beliau dibuang ke Cape Town, Para pengikutnya cuba membebaskan Syeikh untuk membawa beliau balik ke Makassar, tetapi mereka kalah. Syeikh Yussuf meninggal dunia pada tahun 1699 di Cape Town. Beliau dianggap sebagai mubaligh yang pertama yang membawa Islam ke

Afrika Selatan. Selepas beliau meninggal dunia, timbul pelbagai cerita ajaib mengenai amalan Syeikh Yussuf atau peristiwa ajaib yang berkaitan dengan nama beliau.

Maklumat tentang orang Muslim di Afrika Selatan juga mengandungi sebutan tentang masjid di Afrika Selatan. Yang disebutkan ialah enam masjid di daerah Melayu (*Malay quarter*) serta 25 masjid di seluruh Selat Afrika Selatan. Terdapat juga cerita ringkas mengenai haji dan cara Melayu menunaikan fardu haji Muslim dari Cape Town ke Mekah. Pengarang menegaskan bahawa pada tahun 1855 di Cape Town, ditemui ramai orang yang berbahasa Melayu (bahasa Melayu-Portugis). Kosa kata Melayu juga terdapat dalam bahasa Afrika. Keterangan tentang bahasa orang Melayu Cape Town dilengkapi dengan teks pelbagai cerita popular serta lagu-lagu dengan not muzik.

Dalam buku I.D. du Plessis, terdapat bahan-bahan mengenai pakaian dan makanan Melayu. Ditemui juga maklumat tentang orang Melayu yang ikut serta dalam aktiviti tentera. Digambarkan juga pelbagai acara Melayu di Cape Town, iaitu tentang adat-istiadat perkahwinan, perkuburan, ziarah ke wali (kubur Syeikh Yussuf); tarian dengan pedang (tarian Khalifah) dan lain-lain. Terdapat juga penjelasan mengenai rumah-rumah Melayu dan cara/gaya kehidupan dalamnya. Pengarang menegaskan bahawa salah satu ciri khas tamadun kehidupan orang Melayu ialah kebersihan dan darjah kesihatan diri (*hygiene*). Beliau menulis, bahawa "*cleanliness is still a feature of the Malay home, but slum conditions make it difficult to maintain the old standards*".(hlm. 42) Justeru pengarang tidak menjelaskan bahawa undang-undang kesihatan dan kebersihan diri yang sempurna adalah berdasarkan peraturan syariat dan tamadun Islam. Dalam Islam, kebersihan dianggap sebagai kewajipan untuk orang yang beriman.

Analisis susunan katalog koleksi John Bastin menunjukkan bahawa terdapat banyak karangan tentang kepercayaan dan sihir orang Melayu dan tentang

adat-istiadat orang asli. Subjek tersebut adalah paling popular dalam bidang ilmu etnologi. Dalam katalog itu, disenaraikan 10 tajuk tentang kepercayaan dan *sihir* dan enam buku tentang orang asli. Sebuah buku yang dianggap sebagai karya asas dalam bidang kajian kepercayaan dan *sihir* Melayu, ialah buku yang bertajuk "*Malay magic being an introduction to the folklore and popular religion of the Malay Peninsula*" (KP JB 1452, 1453), dikarang oleh WW.Skeat.

William Walter Skeat ialah, seorang doktor dan professor Anglo-Saxon di Cambridge University. Beliau di lahirkan pada 14 Oktober 1866 dan menamatkan pengajiannya di Kolej Kristian di Cambridge (Christ's Colledge). Pada tahun 1891, WW. Skeat berkhidmat di Selangor Civil Service sebagai *District Officer* di Klang. Dalam tahun 1898, beliau berkhidmat *District Magistrate* di Larut (Perak). WW. Skeat dianggap sebagai tokoh (pakar) dalam bidang Ethnography dan kajian mengenai adat-istiadat Melayu (misalnya bangsa Sakai). Semasa lawatan ilmiahnya, beliau mengkaji pelbagai kumpulan dan kampung orang asli, W.W. Skeat pernah mengunjungi Kelantan, Senggora, Pahang, Kedah dan tempat-tempat lain. Monograf beliau yang paling terkenal tentang *magik* Melayu dihasilkan pada tahun 1900 di London. Pada tahun 1951, beliau dipilih sebagai *Honorary member of the Malay Branch of the Royal Asiatic Society*, dan memperolehi pelbagai gelaran dan anugerah ilmiah. Pada Beliau meninggal dunia pada tahun 1953.

Monograf beliau bertajuk "*Malay magic…*" mengandungi bahan-bahan tentang adat-istiadat Melayu dan *magik* Melayu sebelum Islam. Terdapat juga maklumat tentang pandangan orang asli mengenai manusia dan penciptaannya, mengenai tubuh manusia dan kesuciannya, mengenai jiwa manusia, binatang, tumbuhan (pokok), batu (mineral) dan lain-lain. (hlm. 16-55)

Pengarang menumpukan perhatian kepada hubungan antara manusia dengan dunia yang lain (alam atas, alam bawah), dan menjelaskan peranan ahli sihir

(*pawang*, *magician*), ciri-ciri khas upacara dan tempat-tempat upacara. (hlm. 56-82) Terdapat juga satu bab yang istimewa yang bertajuk "*Malay pantheon*" tentang dewa-dewi Melayu lama, pelbagai makhluk halus (spirit), hantu dan roh. (hlm. 83-106)

Paling menarik ialah kajian tentang upacara yang berkaitan dengan pelbagai unsur dunia semula jadi misalnya udara (cuaca dan angin, burung dan sihir burung); bumi/tanah (rumah dan sihir yang berkaitan dengan rumah; binatang dan sihir binatang; sihir yang berkaitan dengan pokok-pokok; sihir batu dan sihir galian; air yakni upacara pembersihan dengan air; sungai, laut dan arus air; binatang reptilia dan sihir yang berkaitan dengannya; upacara yang berkaitan dengan ikan; dan unsur semula jadi seperti api (pengeluaran/penghasilan api, sihir api) (hlm. 107-319)

W.W. Skeat juga menganalisis pelbagai upacara yang berkaitan dengan manusia dan kehidupannya. Upacara yang disebutkan ialah sihir yang berkaitan dengan kelahiran; upacara mengenai keremajaan; upacara mengenai kehidupan peribadi; upacara perkahwinan, perkuburan, perubatan/rawatan, tarian sihir dan persembahan sihir yang lain; sihir yang berkaitan dengan perang dan senjata; sihir ilmu hitam (*black magic*) (hlm. 320-580). Gambaran pelbagai upacara-upacara Pagan terdapat dalam buku tersebut dalam bentuk yang lengkap. Karya ini boleh digunakan sebagai sumber rujukan tentang ilmu sihir Melayu.

Walaupun pengarang membicarakan sistem kepercayaan dan *magik* pagan, dalam sistem tersebut terdapat juga unsur Islam, atau disebut juga nama Allah (SWT) dan Nabi Muhammad (SWT). Misalnya dalam cerita tentang penciptaan pokok: *"Kun" said God, "payah kun" said Muhammad and a seed was created. The seed became a root (sinew), the root a tree, and the tree brought forth leaves. "Kun" said God, "payah kun" said Muhammad… than were created heaven and Earth, Earth of the width of a tray, Heaven of the width of an umbrella"* (hlm.4)

Mitos mengenai penciptaan manusia juga mengikut cerita Arab berkaitan dengan Allah (SWT) malaikat Jibrail dan Nabi Adam. Nama Allah disebutkan juga dalam pelbagai upacara yang lain yang dilaksanakan oleh pawang. Misalnya: *Here take the first midrib, fumigate it, and lay it upon the head of the grave, repeating 'Kur, Allah' seven times.* (hlm. 61)

Amat menarik dalam mitos tentang penciptaan manusia pertama, nama anak-anak kembar yang muncul dari darah ular "Sakatimuna" ialah Qabil dan Habil. Hal ini membuktikan bahawa unsur-unsur agama wahyu (agama Yahudi, Nasrani dan Islam) terdapat dalam tamadun Melayu sejak dahulu lagi.

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa unsur-unsur Islam memang terdapat dalam kepercayaan orang asli. Ternyata penyebaran Islam di alam Melayu mengakibatkan perubahan bukan sahaja dalam bidang politik dan ekonomi sahaja, malahan juga Islam mempengaruhi bidang kehidupan rohani orang Melayu. Unsur-unsur Islam muncul dari sudut pandangan yang amat dalam dan konservatif, iaitu dalam mitos mengenai penciptaan dunia. Hal ini menafikan prasangka bahawa orang Melayu memeluk Islam secara formal (zahir) sahaja.

Makalah bertajuk "*Magic of the Malays*" (KP JB 1456) yang diterbitkan dalam majalah *Asiatic Journal* pada tahun 1821 merupakan maklumat yang terawal mengenai ilmu sihir Melayu. Makalah kecil itu mengandungi maklumat umum tentang subjek tersebut. Terdapat gambaran ringkas pelbagai upacara sihir: *tuju* (sihir perawatan); *tuju jantong* (sihir balasan dendam), *tuju Jindang* (sihir supaya menyakitkan orang lain, membalas dendam); *pontianak* (hantu anak yang meninggal dunia).

Satu lagi makalah yang bertajuk "*Main Peteri: Sinopses of three shamanistic performances***"** (KP JB 1454), dikarang oleh Carol Laderman**,** mengandungi cerita ringkas (*synopses*) tentang tiga upacara "*main peteri*" yang diadakan

oleh pawang atau bomoh. Semasa upacara tersebut berlangsung, bomoh cakap dengan hantu.

Pengarang menggambarkan upacara *main peteri* dilaksanakan oleh bomoh Kelantan bernama Pak Long Awang Bin Ali dan Mat Din di Terengganu. Tujuan upacara tersebut adalah untuk mengeluarkan hantu jahat daripada seorang pesakit. Antara roh yang membantu pawang merawati pesakitnya disebutkan Hantu Raja yang menggelarkan dirinya sebagai – Wak Haji Putih Kepiah Lembek – iaitu hantu atau jin Muslim (hlm. 67) Roh tersebut dianggap sebagai Raja Hantu yang lebih kuat (berkuasa) daripada hantu yang bukan Muslim. Maklumat tersebut amat menarik kerana mencerminkan pengaruh Islam dalam upacara-upacara *magik atau sihir*.

Buku yang bertajuk "*Paper on the ethnology and archaeology of the Malay Peninsula"* (KP JB 1459) dikarang oleh Ivor H.N. Evans, mengandungi bahan-bahan tentang orang Negrito dan kepercayaan mereka. Terdapat kajian mengenai orang Negrito di Siam dan Pahang. Disebutkan juga orang asli Sakai-Jakun, Jo-Ben; orang laut Singapura, orang gipsi laut (Siam) dan lain-lain. (hlm. 1-44)

Pengarang menganalisis pelbagai kaedah peramalan Melayu dan alat ramalan (termasuk keris) (hlm. 45-55). I.H.N. Evans menumpukan perhatian kepada pelbagai unsur kraftangan yang berkaitan dengan upacara sihir iaitu: pembuatan senjata, alat peramalan, alatan kerja dan barang kemas. (hlm. 55-80). Kajian tersebut berdasarkan data yang diperolehi daripada penggalian arkeologi di Negeri Sembilan, Kedah, Perak, Langkawi, Siam dan lain-lain (hlm. 81-162).

Analisis hal ehwal kepercayaan Pagan di alam Melayu yang lebih lengkap ditemui dalam monograf "*An analysis of Malay Magic*" (KP JB 1455). Monograf tersebut merupakan tesis Sarjana Muda *(bachelor)* yang dikarang oleh Kirk

Michael Endicott dan diterbitkan di London. Karangan tersebut berdasarkan kajian WW.Skeat.

Monograf ini mengandungi maklumat tentang pawang (bomoh), pelbagai upacara dan peristiwa yang biasanya diselitkan dengan sihir. Disebutkan *sihir padi, sihir penangkapan ikan, sihir perburuan, perumahan dan perkapalan*. Pengarang juga mengkaji pelbagai upacara yang berkaitan dengan kehidupan manusia (kelahiran, keremajaan, perkahwinan, perkuburan) dan perawatan. Terdapat analisis sihir yang berkaitan dengan air, pokok (rimba, hutan), manusia dan lain-lain. Pengarang turut menganalisis pelbagai upacara, salah satu subjek utama ialah analisis definisi *semangat.*

Pengarang menumpukan perhatian kepada unsur Islam dalam sihir Melayu. Bacaan al-Qur'an dianggap oleh K.M.Endicott sebagai salah satu 'sihir'. "*Another way to obtain ilmu is through tuntut, seeking after it by practices such as praying, fasting and reciting the Koran until a revelation comes in a dream or spell of temporary madness … Winstedt reports that the aspiring magician may 'sit fasting and shrouded to hear the prayers for the dead read over him and he would repeat the name of Allah 5000 times until hysteria brought nightmare vision of tiger or serpent to be succeeded by visions of angels and saints instructing him in mystic knowledge*. (hlm. 14)[54]

Maklumat tersebut menunjukkan salah faham mengenai Islam yang tersebar dalam kalangan ilmuwan Barat. Mereka menggangap pelbagai amalan Islam (bacaan al-Qur'an, solat, zikir dan lain-lain) sebagai upacara '*sihir*'. Sihir ialah kepercayaan dan praktik berdasarkan kepercayaan pagan iaitu politeisme. Politeisme (sirik) dianggap oleh Islam sebagai dosa yang paling besar. Memang terdapat ramai bomoh yang menggunakan unsur-unsur Islam dalam kegiatan

---

[54]Lihat juga: R.O.Winstedt. *The Malay magician: being shaman, saiva and sufi*. London: Routledge and Kegan Paul, 1961, ms. 73

'sihir' mereka. Walau bagaimanapun, upacara tersebut tidak boleh dianggap sebagai amalan Islam yang tulen. Apa lagi ibadat Islam (solat, puasa, zikir, bacaan al-Qur'an) memang tidak boleh dianggap sebagai upacara 'sihir', kerana ibadat tersebut tidak memuji sesuatu subjek (benda) yang nyata, yang wujud dalam bentuk kebendaan (misalnya, pokok, batu, sungai, matahari, gambar, patung dan lain-lain). Solat dalam Islam dianggap sebagai puji-pujian kepada ALLAH SWT sahaja.

K.M.Endicott tidak memperhatikan perbezaan antara upacara sihir dengan zikir orang Sufi. Menurut beliau, makna definisi *semangat* yang digunakan dalam upacara-upacara sihir adalah hampir sama dengan definisi Sufism: "*the fundamental conception that the universe is of the one essence which is variously manifest in the multiplicity of things in it … seems to be a paraphrase of Sufic pantheism with the mere substitution of the term* **semangat** *for Allah*. (hlm. 42)

Tentang Sufism beliau menulis: *Sufism probably introduced to Malaya around the middle of the fifteenth century … It came from India as did the more orthodox forms of Islam. This Indian Sufism had developed some distinctive features, undoubtedly under the influence of Hinduism and Buddhism, at least in its external form* (hlm. 43-44)

Maklumat tersebut mencerminkan salah faham mengenai Sufism yang tersebar dalam kalangan ilmuwan Eropah. Para orientalis menyatakan bahawa Sufism (terutama Sufism di India dan Asia Tenggara) mengandungi unsur yang sama dengan agama Hindu-Buddha. Misalnya definisi *fana'* (Sufism) mereka sama dengan definisi *nirvana* (Hindu-Buddha) kerana kedua-duanya berkaitan dengan suatu keadaan istimewa, iaitu keadaan perpaduan (*unity*) antara manusia (makhluk) dan Tuhan. Justeru itu mereka tidak memperhatikan perbezaan yang *fundamental* makna Tuhan (*God)* yang terdapat dalam tradisi Hindu-Buddha dan Islam. Perbezaan paling utama adalah seperti berikut: Islam menegaskan dan menentukan tauhid (*monotheism*) sebagai sikap utama dan

ciri-ciri khas definisi Allah (SWT). Justeru, definisi Tuhan dalam tradisi Hindu-Buddha merupakan sikap politeisme. Hal tersebut telah dijelaskan secara lengkap dalam beberapa karya Prof. Syed Mohd. Naquib al-Attas[55] .

Bahan mengenai sihir Melayu dan perbandingannya dengan tasawuf terdapat juga dalam karya R.O. Winstedt yang bertajuk "*Shaham Saiva and Sufi: A study of the evaluation of Malay magic*" (KP JB 1457, 1458). Monograf tersebut mengandungi cerita ringkas tentang sejarah agama dan kepercayaan Melayu sejak zaman animisme sehingga penyebaran Islam (bab i-iv). Terdapat juga analisis sistem kepercayaan animisme (bab v, vi); analisis upacara pawang (bab vii-viii); analisis unsur Hindu dalam *magik* Melayu (bab ix); dan analisis pengaruh Islam (bab x, xi).

Pengarang mengkaji sistem *magik* dan kepercayaan tradisional dari pelbagai negeri Melayu iaitu: Singapura, Pulau Pinang, Melaka, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu, Patani dan lain-lain. Digambarkan pelbagai upacara sihir yang berkaitan dengan kehidupan manusia (kelahiran, perkahwinan, keremajaan, perkuburan dan lain lain) (hlm. 116-154). Terdapat maklumat tentang pelbagai hantu dan pontianak (hlm. 20-21). Dijelaskan ciri-ciri khas dan fungsi pelbagai hantu yang berkaitan dengan orang yang meninggal dunia: *badhi, jinggi, genaling* (hlm.26-27).

Dalam teks *jampi* (mantera) untuk melindungi daripada hantu tersebut terdapat nama Allah SWT, Nabi SAW dan unsur-unsur Islam yang lain. Terdapat juga maklumat tentang mitos, malaikat, jin, unsur-unsur Islam dalam mitos mengenai kemunculan (penciptaan) dunia. (hlm. 29-32)

---

[55]Lihat antara lain: al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1995, 2002; al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. KL, UKM, 1972.

R.O.Winstedt menjelaskan pelbagai cerita kegiatan pawang (shaman) Melayu (hlm. 41-51). Pengarang membandingkan kepawangan (*shamanism*) Melayu dengan *shamanism* di dalam tamadun Ural-Altaik, Cina, Tibet dan lain-lain. Menurut R.O.Winstedt analisis perbandingan tersebut menunjukkan ciri-ciri yang sama seperti yang terdapat dalam sistem kepawangan tamadun tersebut. Menurut beliau orang Melayu memperkenalkan tamadun tersebut pada zaman kerajaan dinasti Mongol di Cina. Ternyata hubungan antara negara-negara tersebut memang wujud sejak dahulu dan terus berkembang.

R.O. Winstedt menegaskan pengaruh Islam yang terdapat dalam aktiviti pawang Melayu. Beliau menulis: "*When Islam came, the Malay magician sat at the feet of its pundits, studied their art of divination, and borrowed their cabalistic talismans. Before his old incantations he set the names of Allah and Muhammad, often in impious contexts. … A magician of this type is generally a disciple of a crude form of Sufism derived from India*. (hlm. 47) Dalam maklumat tersebut R.O. Winstedt menyatakan, bahawa pawang tersebut adalah sebenarnya ahli sihir yang tidak boleh dianggap sebagai orang Sufi yang tulen.

Dalam rangka analisis berkaitan unsur Islam dalam kegiatan bomoh, R.O. Winstedt merujuk kepada satu teks *jampi* (mantera) yang amat menarik, yang sudah disebutkan sebelumnya. Dalam teks jampi itu, bercampur pelbagai unsur animisme dengan unsur-unsur Islam. Hal tersebut menunjukkan bahawa Islam sudah tersebar dalam masyarakat Melayu dan mempengaruhi, secara mendalam. Contoh jampi aalah seperti yang berikut:

> *Om! Virgin goddess, Mahadewi! Om!*
> *Cub am I of mighty tiger!*
> *Ali's line through me descends!...*
>
> dan selesaikan dengan kata-kata:
> *By virture my charm got from Ali*
> *And of Islam's confession of faith! (59)*

R.O. Winstedt menegaskan pelbagai ciri khas percampuran tersebut. Beliau menulis bahawa *"The mystic Om symbolical of the Hindu tried, Vishnu, Siva and Brahma, still remains a word of power with … Muslim magician, though almost supplanted by the Arabic 'kun' the creative word of Allah"* (hlm. 60)

Tentang Islam dan penyebarannya, pengarang menyatakan bahawa: *"This change of creed from Hinduism to the presence of many Indian Muslim trader at that port. (hlm. 155) … The early missioners came from the Coromandel Coast and Malabar, and therefore made the Malays Sunnis of the school of Shafe'i".*

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa R.O. Winstedt mengikut konsep *"Greater India".* Beliau menyatakan bahawa Islam datang ke alam Melayu dari India, dibawa oleh saudagar Muslim India. Justeru itu RO Winstedt tidak memberitahu bahawa sejak kurun ke-10 saudagar dan penduduk Malabar kebanyakannya orang Arab. Disebut juga seorang pengembara Arab alim yang al-Mas'udi (kurun ke-10).

Justeru itu R.O. Winstedt menyatakan bahawa para sayyid dari Hadramaut amat berwibawa dalam masyarakat Melayu. Beliau menulis: "*Later arrived missioneries from the Hadramaut. In the seventeenth and eighteenth centures Sayids of the great Hadramaut house, descendants of 'Alawi, of 'Isa al-Mohajir, gained enourmous influence at the Perak court, one of them marrying a sister of Perak's most famous ruler and becoming the father of a Sultan of that state …*
… The Malays of the Peninsula have been Muslims for some five hundred years. No zealots, they are orthodox and convinced believers. But in their beliefs and their magic the influence of the early Indian missionaries of their latest faith is marked.(hlm. 156). Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa Islam yang disebarkan di alam Melayu merupakan agama campur iaitu kepercayaan Hindu Buddha dengan unsur-unsur Islam.

Unsur-unsur Islam dalam kepercayaan tradisional orang Melayu juga disebutkan dalam makalah "*Notes on Malay Beliefs*" (KP JB 1460), yang dikarang

oleh Anker Rentse. Makalah mengandungi cerita ringkas tentang mitos dan isinya. Yang dimaklumkan ialah mitos tentang perkahwinan Raja Iskandar (Iskandar Zhulkarnain) dengan anak raja China, tentang King Sulaiman dan tentang burung Geruda. Terdapat juga mitos tentang *Kandang Balok* iaitu satu tempat tinggal binatang harimau di rimba atau di pergunungan.

Makalah tersebut memperihalkan pelbagai tanda buruk atau baik (*omens*) dalam bahasa Melayu dan terjemahannya. Teks dikarang (disalin) oleh Che Ahmad (Kota Baharu, Kelantan). Turut ditemui ialah peraturan dan pengambaran umum tentang pelbagai permainan tradisional yang mengandungi unsur sihir Melayu (*berlaga buah keras; tebar jala*).

Maklumat tentang Islam dalam sistem kepercayaan orang Melayu dan orang asli dijelaskan dalam monograf Richard James Wilkinson[56] yang bertajuk "*Malay beliefs*" (KPJB 1461, 1462). Monograf mengandungi maklumat tentang agama dan kepercayaan Melayu, termasuk data umum tentang Islam dan syariat. Terdapat juga analisis sistem kepercayaan kepada hantu (hantu-hantu binatang; hantu burung) serta pontianak dan lain-lain. (hlm. 18-32). Ada pelbagai maklumat mengenai teks Melayu Islam lama, iaitu: *Masa'il Sa-ribu, Bustan as-Salatin; Sejarah Melayu, Hikayat Marong Mahawangsa, Hikayat Hang Samba, Hikayat Indera Mengindera, Shaer Ibarat Manikam Peri* dan lain-lain.

R.J. Wikinson menumpukan perhatian kepada mitos mengenai syurga dan neraka, mengenai sejarah (mitos asal-usul raja-raja), dan dunia (misalnya cerita tentang gunung Kaf (Caucasus), kawasan Gog dan Magog. Diceritakan secara ringkas tentang sejarah Islam yang terawal. Ternyata pengarang menganggap

---

[56]Richard James Wilkinson (1867-1941) seorang pegawai pentadbiran penjajahan Inggeris dan ilmuwan yang terkenal, pakar dalam bidang bahasa Melayu dan sastera Melayu. Menghasilkan banyak karangan ilmiah, di antaranya yang paling terkenal adalah *A Malay-English Dictionary,* part 1-2 (Tokyo, 1932).

sejarah Islam seperti riwayat hidup Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya sebagai mitos, yakni sebagai unsur yang kwazi-bersejarah dan tidak boleh dipercayai.

Dalam bab yang bertajuk *"Malay Muhammadanism"* terdapat beberapa pendapat R.J. Wilkinson tentang Islam. Isinya seperti berikut:
"Muhammadanism itself is intolerant; it allots special division of hell to rival creeds, punishes a renegade as murderer, and refused to borrow any belief from living religions that are in arms against it. (hlm. 1-2)

Pendapat tersebut tersebar di antara orang bukan Muslim. R.J. Wilkinson menyebutkan bahawa Islam tidak *tolerant* kerana tidak mengizinkan pinjaman idea dari agama lain dan menganggap orang Muslim yang menukar agama (menjadi Kristian, misalnya) sebagai orang murtad yang menolak iman yang tulen. Sebenarnya peraturan yang sama ditemui pada Zaman Pertengahan dalam semua agama yang lain. Dalam subjek tersebut agama Kristian dan agama Yahudi lebih "*intolerant*", kerana para pengikutnya dikenakan hukuman seksaan dan mati dalam unggun api bukan hanya orang yang beragama lain, malah juga orang Kristian sendiri yang dianggap *heretic*. Orang Yahudi menggangap seorang Yahudi yang menukar agama Yahudi menjadi Kristian atau Muslim sebagai seorang yang sudah meninggal dunia (walaupun dia masih hidup dan sihat). Mereka melaksanakan acara perkuburan terhadap orang yang masih hidup itu.

Tentang Islam pengarang menulis juga:

> *"The Peninsular Muhammadans who are strict enough to reject every unortodox cult however much disguised, are in distinct minority. The average Malay may be said to look upon God as upon a great King or Governor – mighty, of course and just, but too remote, a power to trouble himself about villager's petty affairs, - whereas the spirits of the district are comparable to the local police, who may be corrupt*

> *and prone to error, but who take a most absorbing personal interest in their radius of influence and whose ill-will has to be avoided at all costs"* (hlm.2)
>
> *"In certain respects, Muhammadanism has done a noble work in the Malay Archipelago. In Jawa it destroyed a great material civilization, but it is also put an end to widow-burning, abolished the degrading influence of caste, and gave the people a happier religion, than the pessimistic faith of the Hindoos".* (hlm. 16)

Menurut pendapat R.J. Wilkinson Islam datang ke alam Melayu dari India: "*Purely Muhammadan elements … were mainly introduced from Southern India*". Pendapat tersebut adalah amat popular di antara para pengikut konsep "Greater India". Pengarang menegaskan di alam Melayu tersebar Islam Shi'a dan pengaruhnya boleh dilihat dalam budaya dan sastera Melayu. Beliau menulis: "*In the Malay Peninsula traces of Schiite influence are visible in the Muharram festivities, in the peculiar respect paid to Ali, Hasan and Husain, and in the tone of much of the old Malay literature*". (hlm. 2). Maklumat tersebut menunjukkan bahawa di alam Melayu tersebar Islam dalam pelbagai aliran, termasuk Islam Shi'a dan tasawuff. Perlu ditegaskan bahawa unsur-unsur Islam Shi'a ditemui dalam pelbagai karya sastera pada zaman Melaka. Kebanyakannya diterjemahkan daripada bahasa Pasri. Dalam kehidupan orang Muslim seharian dan dalam karya tentang usuluddin dan falsafah, unsur-unsur shi'a tidak ditemui[57].

Analisis kepercayaan tradisional dalam adat-istiadat orang asli terdapat dalam pelbagai karya ilmiah tentang bangsa (tribe) orang asli tertentu yakni bangsa

---

[57]Tentang Islam Shi'a di alam Melayu lihat: T. Denisova. "Islam di dalam alam Melayu abad. XIII sehingga XVII". Dlm. *Sejarah perkembangan tamadun Islam*. Jilid 2. Moskow, 2002; al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM, 1972.

Jah-Het dan Mah-Meri yang tinggal di Semenanjung Tanah Melayu (Pahang, Selangor dan lain-lain).

Hal-ehwal budaya dan kepercayaan Jah-Het dianalisis dalam monograf bertajuk *"Jah-het of Malaysia, art and culture"* (KP JB 1499), dikarang oleh Roland Werner[58]. Monograf tersebut merupakan album bergambar seni arca kayu kecil dibuat oleh Jah-Het. Gambar utama ialah patung hantu dan dewa-dewi, dilengkapi dengan keterangan tentang ciri-ciri khas hantu tersebut. Buku itu amat penting dan menarik. Hal ini demikian kerana album bergambar tersebut boleh digunakan sebagai katalog patung hantu (untuk menentukan jenis barang-barang budaya orang asli dan menjelaskan maknanya)

Dalam buku tersebut terdapat pelbagai maklumat umum tentang sejarah dan asal-usul orang asli Jah-Het; tentang susunan masyarakatnya; adat-istiadat, rumah dan kampung mereka, pesta-pestaan, muzik dan alatannya, tentang upacara harian yang berkaitan dengan kehidupan manusia: seperti kelahiran, perkahwinan, kematian dan perkuburan.

Pengarang turut menganalisis pandangan orang asli Jah-Het tentang dewa-dewi, kemunculan dunia dan manusia, mitos-mitos tentang jiwa orang, jiwa pokok dan jiwa benda. Dalam bab yang ke tiga terdapat gambar dewa-dewi dan hantu yang ditemui mengikut kepercayaan orang Jah-Het tersebut.

Analisis bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa kepercayaan orang asli Jah-Het merupakan kepercayaan *pagan animisme*. Ternyata dalam kepercayaan

---

[58]Ronald Werner (lahir 1925) adalah tokoh dalam bidang *medicine* (perawatan) dari Univesiry Wuerzburg (Bavaria, German). Dalah tempoh sejak 1967 sehinga 1973 beliau bekerja sama dengan University Malaya dan juga bersama pelbagai university di Indonesia, Nigeria, Iraq; Turki dan Arabia Saudia. Di Malaysia beliau mengkaji dua kumpulan orang asli iaitu Jah-Het dan Mah-Meri. hasil-hasil kajian beliau diterbitkan dalam pelbagai buku dan makalah.

animisme, terdapat pelbagai unsur agama lain, misalnya Islam. Unsur-unsur Islam yang di temui adalah seperti yang berikut:

1. *Kalendar Muslim*. Pengarang menyatakan bahawa "*Jah-Het festivals follow Muslim calendar and are held according to the moon*. (hlm. 13)

2. *Jibrail*. Salah satu hantu yang utama yang disebutkan oleh Ronald Werner ialah hantu yang bernama *Ebrahil atau Jibrail*. Hantu tersebut muncul dari matahari terbenam. Fungsinya yang utama adalah sebagai utusan dan penghantar dewa utama Peruman kepada semua "*anak-anak Adam*" menyerahkan pesanan kepada manusia dan melancarkan hubungan antara peruman dengan manusia. Jibrail memasukkan roh/ jiwa kehidupan (*spirit of life*) ke dalam tubuh manusia yang pertama iaitu *Nabi Adam*. (hlm. 33)

3. *Nabi Adam*. Nama orang yang pertama muncul di dunia: "*His name shell be Nabi Adam. He will, for the time being, live with the elephant" Peruman replied*. (hlm. 34)

4. *Nabi Musa AS, Nabi Isa AS, Nabi Muhammad SAW*. Diceritakan juga mengenai anak pertama yang lahirkan daripada pasangan pertama iaitu Adam dan isterinya: "*After procuring the knowledge from Peruman, he **(Jibrail**) he unstructed the Man in the act of procreation. In due course a child was born. But the child was only half-complete. Only the Man's contribution was developed; the Woman's part was totally missing. They named this deformed child **Nabi**. Soon another child was born. He was a fully developed baby boy. He was named **Nabi Musa**. Than came a girl named Mayan Maha, next was **Nabi Esa** a boy, followed by Dayand Sati, a girl, **Nabi Muhammad**, a boy, and finally a girl Dayand Sri Jadi.* (hlm. 35)

Ternyata semua anak perempuan mempunyai nama tradisional tidak berkaitan dengan Islam manakala anak lelaki mempunyai nama yang berkaitan dengan tamadun Islam. Sebabnya mungkin kerana wanita dianggap oleh Jah-Het sebagai pewaris adat-istiadat tradisional. Sedangkan lelaki dianggap unsur

yang aktif, iaitu unsur tamadun yang baru. Perlu ditegaskan bahawa senarai nama dalam cerita tersebut mengikut sejarah Nabi-nabi yang sesuai dengan Islam: Nabi Adam - Nabi Musa – Nabi Isa – Nabi Muhammad SAW.

5. *Nabi Muhammad SAW*. Unsur-unsur wahyu, terdapat dalam cerita yang berikut: "*In time Adam's children populated north, south, east and west of the country until food became insufficient. The three king then were Raja Noor, Raja Alim and Raja Sulaiman. The overall king was* ***Nabi Muhammad***". (hlm. 35)

6. *Jin.* Satu lagi unsur/pengaruh Islam mengikut kepercayaan Jah-Het ialah hantu-hantu yang disebutkan sebagai *jin:* misalnya Bes *Jin* Teh (Hantu *Jin* Tanah); Hantu *Jin* Teh (Hantu Lidah Tanah); Bes *Jin* Teh Isap Nihim (Hantu Jin Tanah Hisap Darah); Jin Chem Tampang Tokoh (Jin Lautan); Jin Chep Lentak (Hantu Pegang Lidah); Jin Gunung dan lain-lain (hlm. 296-297, 620-621).

Maklumat tersebut mencerminkan bahawa kepercayaan orang asli Jah-Het dipengaruhi oleh agama lain, terutama Islam. Nama dan plot yang dirakamkan dalam mitos Jah-Het tentang penciptaan dunia dan manusia kebanyakannya berkaitan dengan tamadun Islam - nama watak utama, cerita tentang pembunuhan seorang saudara oleh saudara yang lain; cerita mengenai banjir dan bot dan lain-lain.

Hal tersebut membuktikan bahawa Islam masuk ke dalam masyarakat Melayu bukan secara formal "zahir" sahaja. Islam mempengaruhi bidang kehidupan intelektual dan rohani yang amat konservatif, iaitu kepercayaan tradisional.

Mitos Jah-Het mengandungi juga unsur-unsur tamadun Hindu, iaitu nama dewa utama adalah *Peruman.* Nama tersebut ditemui dalam tradisi Hindu. Perlu ditegaskan bahawa dalam sistem kepercayaan orang Jah-Het, terdapat hanya satu nama dewa Hindu iaitu Peruman. Nama dewa-dewi yang lain (Krishna, Shiva, Brahma dan lain-lain) tidak ditemui.

Timbul persoalan mengapa daripada semua dewata (pantheon) Hindu, orang Jah-Het hanya menerima Peruman sahaja? Mengapalah Peruman dianggap sebagai dewa yang utama? Sebabnya mungkin seperti kenyataan berikut: Menurut keterangan[59], Peruman ialah salah satu inkornasi Krishna. Peruman dihormati oleh orang Hindu sebagai dewa yang sentiasa membantu orang miskin supaya mendapat makanan dan duit. Fungsi Peruman juga membantu orang yang memohon untuk mendapatkan anak. Boleh dikatakan bahawa orang miskinlah yang biasanya berdoa kepada Peruman agar menunaikan segala permintaan/keperluan mereka. Hal tersebut mencerminkan bahawa orang Jah-Het itu mungkin pernah berjumpa dan tinggal bersama dengan orang Hindu yang miskin, yang selalu menyebutkan nama dewa Peruman semasa memohon bantuan. Ternyata orang Jah-Het menumpukan perhatian kepada masalah yang sama dengan orang Hindu - mereka mengutamakan makanan, duit, anak-anak yang sihat dan lain-lain. Mungkin itu sebabnya nama dewa Peruman dikekalkan dalam sistem kepercayaan Jah-Het, dan mengetuai pantheon dewa-dewi itu.

Satu hal yang menarik, iaitu watak atau nama-nama Islam dianggap oleh Jah-Het sebagai manusia (bukan dewa-dewi), kecuali Jibrail, yang menurut tradisi Islam ialah malaikat, bukan manusia. Sebenarnya pendapat itu tidak bertentangan dengan Islam, malahan dipengaruhi oleh Islam juga. Pelaku dengan nama-nama Muslim itu dianggap sebagai nenek-moyang (manusia pertama) orang Jah-Het, dan sebagai pemilik kuasa yang aktif. Merekalah dihormati sebagai wira yang melaksanakan semua perubahan yang penting dalam kehidupan Jah-Het dan memajukan masyarakatnya.

---

[59]Keterangan mengenai Peruman dalam tradisi orang Hindu Malaysia saya menerima dari Puan Anusia Muniandi, pegawai Pusat Maklumat Malaysiana, PNM. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada beliau atas bantuan dan keterangan tersebut.

Analisis maklumat dalam monograf Ronald Werner bertajuk *"Jah-Het of Malaysia. Art and culture"* membantu kita memahami ciri-ciri khas budaya orang asli. Ternyata pelbagai patung dan hantu yang disebutkan dalam karya tersebut adalah berkaitan dengan kehidupan seharian, berbanding perkaitannya dengan agama (kepercayaan). Hantu dan patung tersebut kebanyakannya boleh mendatangkan pelbagai penyakit dan petaka menakutkan manusia. Patung tersebut lazimnya dilengkapi dengan keterangan tentang cara merawat penyakit tertentu atau melindungi daripada bahaya (jelmaan Patung) satu cara rawatan/perlindungaan (jelmaan patung) *air suci*: misalnya Bes Kubor (hantu kubur) yang menggangu sesiapa yang mengunjungi tanah perkuburan secara berseorangan. Untuk melindungi diri daripada gangguan hantu kubur, mereka perlu minum air suci. (*Blessed water*) tersebut.

Dalam buku Ronald Werner yang kedua, bertajuk "*Mah Mery of Malaysia: art and culture"* (KP JB 1502) menganalisis budaya dan seni orang asli Mah-Meri, yang tinggal di pantai Sungai Bumbun, Kuala Langat, Selangor. Monograf mengandungi bahan-bahan yang lengkap tentang suku bangsa Mah Meri[60]. Terdapat maklumat tentang asal usul suku bangsa tersebut, sistem kepercayaan dan adat-istiadat harian Mah Meri. Dijelaskan pelbagai acara yang berkaitan dengan kelahiran anak, perkahwinan dan perkuburan. Bahan-bahan tersebut kebanyakannya berdasarkan maklumat daripada orang Mah Meri sendiri (misalnya Singam bin Muntil). Pengarang menumpukan perhatian kepada analisis *pantheon* dewa-dewi dan hantu tempatan dan kepada peranannya dalam sistem perawatan tradisional. Pengarang turut menyatakan mitos Mah Meri dan ciri-ciri khasnya.

Dalam bab yang pertama R.Werner memberikan keterangan tentang perkara yang beriktu:

---

[60]Tentang suku bangsa Mah Meri lihat juga KP JB 1500; 1501.

- asal usul dan lokasi suku bangsa Mah Meri
- rumah Mah Meri (rumah tradisional dan rumah baru yang dicadangkan oleh kerajaan).
- susunan keluarga dan masyarakat Mah Meri, termasuk istilah-istilah kerabat (*kingship*) dan gelaran orang yang mengetuai kampung atau persatuan di kampung tersebut (penghulu, jinang, batin dan lain-lain)
- pelbagai acara perawatan tradisional yang dilaksanakan oleh bomoh, termasuk bantuan semasa kelahiran bayi.
- acara perkahwinan
- acara perkuburan
- pesta-pestaan Mah Meri misalnya: Hari Moyang
- cerita sejarah tempatan Mah Meri, iaitu: *Cerita Asal Dunia Zaman Dahulu; Cerita Asal Melayu Zaman Dahulu; cerita Batin Lijik Kuala Selangor; Cerita Moyang Kapis dan Moyang Bertam Berasal Batu Hunjo (Kelang); Hantu Jin Bulu Makan Manusia Zaman Dahulu)*

Teks lama orang asli ini amat menarik kerana mengandungi banyak unsur-unsur tamadun Islam. Menurut *Cerita Asal Dunia Zaman Dahulu,* Tuhan yang satu-satunya wujud, mencipta Nabi (*Prophet)* dan pembantunya. Selepas itu, Nabi yang mencipta manusia pertama iaitu Muslim: "*God, I have created two followers Muhammad, one man and one women…*" (hlm. 71) dan memberikan mereka jiwa (*soul).* Apabila manusia yang pertama itu melahirkan anak yang pertama, Nabi yang mengajar mereka acara khatan. Diceritakan juga tentang dua anak kembar yang dilahirkan sudah berkhatan dan mampu cakap. Ternyata anak kembar itu orang Muslim. Maklumat tersebut berupa sama dengan cerita tentang anak kembar dari *Hikayat Raja Pasai* dan juga dengan cerita mengenai pengislaman Merah Silu yang bangun selepas mimpi ajaib sudah berkhatan dan mampu membaca al-Qur'an. Dalam mimpi tersebut beliau berjumpa dengan Nabi Muhammad dan memeluk Islam. Cerita itu mirip juga dengan cerita tentang Nabi Isa. Menurut al-Qur'an bila Nabi Isa baru lahir beliau sudah pandai bercakap seperti orang alim.

Dalam buku tersebut dirakamkan juga satu mitos tentang seorang Sultan yang berkehendak memaksakan seorang dari pada suku bangsa Mah Meri menjadi Muslim. Tetapi pisau yang digunakan waktu acara khatan tidak mahu mengkhatamkan orang itu (kerana dia dipaksa memeluk Islam). Tiba-tiba pisau itu menjadi tumpul dan mata pisau itu mulai berbunyi semacam violin. Nampaknya semua itu terjadi kerana sultan tersebut melarang peraturan Islam dan berkehendak memaksakan orang memeluk Islam.

Satu lagi plot yang nampaknya dipengaruhi oleh Islam, adalah cerita mengenai buku-buku suci yang dikirim oleh Tuhan kepada semua bangsa: "*before the fleet of boats set sail, God sent down … books of guidance. God gave the written books and said: "Give these books to those, who are going away. Every race has its own book.*" (hlm. 72) Tetapi hanya orang asli itu tidak diterima buku dari Tuhan. "*Only the original people did not have a book*" (hlm. 72)

Unsur Islam juga ditemui dalam cerita tentang manusia yang memberi nama kepada semua binatang dan burung yang ada di dalam dunia ini.

Analisis maklumat yang terdapat dalam monograf R.Werner menunjukkan pengaruh Islam dalam sistem kepercayaan orang asli. Bahan-bahan tersebut membantu kita memahami bagaimana Islam tersebar di alam Melayu dan bagaimana Islam mengubah adat-istiadat pagan, memajukan masyarakat, mencipta sistem kepercayaan yang baru. Data-data tersebut membuktikan sekali lagi bahawa Islam tersebar di alam Melayu secara damai. Orang tempatan memeluk Islam secara sukarela tanpa paksaan. Justeru, perubahan/pelaksanaannya memakan masa yang lama dan dilakukan secara beransur-ansur.

Hal ehwal seni suku bangsa Mah Meri dimaklumkan juga dalam buku kecil yang bertajuk "*Mah-Meri Masks*" (KP JB 1500) yang dikarang oleh Shahrum bin Yub. Buku kecil tersebut mengandungi bahan-bahan mengenai koleksi topeng-

topeng orang asli Mah Meri (Sungai Bumbun, Kuala Langat, Selangor) yang disimpan di dalam Muzium Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Terdapat tujuh topeng yang dibuat daripada kayu tempatan iaitu kayu pulai (*Alsonia scholaris*). Topeng tersebut biasanya digunakan untuk tarian upacara amal (*Ritual dance*) terutamanya semasa perkahwinan dan pesta pestaan yang lain. Penari yang memakai topeng biasanya orang lelaki dewasa (umurnya melebihi 14 tahun). Diceritakan juga secara terperinci tentang topeng tersebut yang dilengkapi dengan gambar (ukiran) berwarna-warni.

Terdapat maklumat tentang tukang kayu yang membuat topeng tersebut. Kebanyakannya dibuat oleh Ahmad Bin Kassim (empat topeng) dan Si Lingam bin Said (dua topeng). Ternyata semuanya dibuat oleh orang Muslim. Di Malaysia, moden barang-barang tersebut dianggap sebagai artifak seni yang berkaitan dengan tamadun orang asli. Barangan tersebut (topeng) mungkin dianggap sebagai barang dagangan yang menarik perhatian para pelancong dan tidak dianggap sebagai alat-alat untuk upacara keagamaan (misalnya, pagan).

Kajian suku bangsa Mah Meri dan budaya orang asli terdapat juga dalam makalah bertajuk "*A brief Account of Mah Meri*" (KP JB 1501) dikarang oleh Iskandar Carey. Dalamnya terdapat data umum Mah Meri, iaitu tentang lokasi, jumlah umum (sekitar 1400 orang), sistem kepercayaan dan cara kehidupan mereka. Mah Meri menjadi terkenal sebagai tukang kayu yang mahir membuat patung dan *topeng* yang masyhur.

Pengarang menegaskan bahawa terdapat banyak soal mengenai Mah Meri yang masih belum dikaji. Misalnya, dari segi sistem sosialnya orang Mah Meri merupakan suku bangsa Proto-Malay. Bahasa pertuturan harian mereka ialah bahasa Senoi, iaitu bahasa yang serupa dengan bahasa keluarga Mon-Khmer yang tidak berkaitan dengan bahasa Melayu. Asal-usul dan keturunan Mah Meri tidak dapat dipastikan. Orang asli yang lain kebanyakannya berbahasa Melayu.

Pengarang menjelaskan juga bahawa nama Mah Meri adalah dalam bahasa Senoi bermaksud "orang asli hutan". Tetapi nama itu biasanya digunakan oleh orang lain yang disebut sebagai suku bangsa *aborigen.* Justeru, orang Mah Meri mengelarkan diri mereka dengan nama *Besisi* (iaitu 'manusia'). Khabarnya mereka datang dari Johor Utara ratusan tahun yang lampau. Sebab-sebab penghijrahan mereka tidak diketahui.

Pengarang menumpukan perhatian kepada susunan masyarakat dan sistem sosial Mah Meri. Beliau menjelaskan pelbagai gelaran (jawatan) yang disandang iaitu *penghulu, penggawa, jinang, jukra, batin, mangku dan lain-lain.* Terdapat maklumat tentang adat istiadat perkahwinan dan keluarga mereka. Acara perkahwinan dilakukan secara sederhana dan mirip dengan tradisi Melayu. Kes-kes *poligyny* (isteri lebih daripada satu) jarang ditemui. Kes poligami (suami lebih daripada satu) tidak ditemui. Perkahwinan dengan orang luar (iaitu yang bukan keturunan Mah Meri itu) tidak dilarang tetapi jarang ditemui.

Tentang perkahwinan orang Mah Meri dengan orang luar, pengarang menulis seperti berikut: "*There are several instances of marriages of Mah Meri girls to Chinese, and no objection is raised to such marriages. This is because in all cases, the Chinese concerned become culturally assimilated to the Mah Meri, and their children are brought up in the normal Mah Meri way. Marriage with Malays is very infrequent and public opinion is hostile, first because of religious difficulties, and also because the Mah Meri feel that the attitude of the average Malay villager towards marriage is too light-hearted. In other words, the Mah Meri feel that Malay marriage is too brittle, that divorce is too frequent, and that a Malay is likely to take a second wife. But the fundamental objection to marriage with Malays is that the girl concerned would become part of the Malay community, and that in this way she would be lost to the tribe*" (hlm. 193). Maklumat tersebut menunjukkan bahawa hal ehwal agama adalah amat penting dalam masyarakat Melayu.

Kepercayaan Mah Meri adalah animism. Pengarang menegaskah, bahawa: "*There are no Mah Meri Christian or Muslim converts. Islam is felt to be a rather onerous religion, especially as far as such features as circumcision, fasting and daily prayers are concerned*" (hlm. 193)

Justeru, menurut buku kecil "Mah-Meri Masks" (KP JB 1500), yang dikarang oleh Shahrum bin Yub, *topeng* kayu Mah Meri yang tersimpan dalam koleksi Muzium Negara semuanya dibuat oleh orang Muslim. Maklumat tersebut bertentangan dengan maklumat Iskandar Carey yang menegaskan bahawa orang Mah Meri tidak ada yang Muslim. Apakah *topeng* yang disebutkan di atas dibuat oleh orang lain, selain Mah Meri?

Adat-istiadat dan budaya orang asli yang lain, iaitu suku bangsa Siwang (Chewong) dalam monograf bertajuk "*Chewong Myths and legends*" (KP JB 1503), yang dikarang oleh Signe Howell. Suku bangsa Chewong berjumlah sekitar 250 orang. Suku bangsa tersebut tinggal di Pahang Utara (di Krau Game Reserve dan Raub Utara). Karya Signe Howell ini mengandungi bahan-bahan tentang budaya dan mitologi orang Chewong. Terdapat teks yang lengkap 71 mitos yang dicipta oleh orang Chewong itu.

Dalam Prakata dan Pendahuluan, pengarang memaklumkan tentang asal-usul suku bangsa Chewong, tentang lokasinya, bahasa dan seni Chewong, adat-istiadatnya dan sistem kepercayaannya. Pengarang menegaskan bahawa "seni utama orang asli Chewong itu adalah cerita-cerita lisan (*spoken word*). Mereka tidak mempunyai tradisi membuat patung atau melukis gambar. Namun, terdapat juga pelbagai ukiran kayu dengan pisau tetapi diselaputi jelaga. Ukiran tersebut mempunyai kuasa sakti dan digunakan di dalam acara sihir tempatan.

Antara mitos utama yang dirakamkan dalam buku tersebut ialah cerita tentang pencipta dunia dan manusia; tentang orang Melayu yang datang ke tanah

Melayu; tentang binatang, burung, gunung, dan pokok-pokok dan lain-lain. Mitos tersebut biasanya dipersembahkan dalam bentuk lagu yang dinyanyikan oleh pawang (bomoh) semasa upacara amal (*rithual*). Ditemui juga cerita yang wujud dalam bentuk legenda. Legenda biasanya mengandungi maklumat tentang wira-wira agung dan data umum mengenai akhlak, adat-istiadat dan sejarah suku bangsa tersebut. Legenda tersebut lazimnya digunakan untuk mengajar dan membimbing kanak-kanak.

Dalam mitos Chewong juga terdapat unsur-unsur Islam. Misalnya, nama Tuhan utama suku bangsa Chewong adalah *Allah Ta Alla.* Allah Ta Alla menyeru *Nabi* mencipta manusia di dunia.

> "*Allah told his Nabi to make people out of earth. The Nabi didn't know what people were supposed to look like, so he first made the shape of an elephant. When Allah Ta'Alla saw it he said: That is not people (beri) that is an elephant; make them so they look like us" So the Nabi tried again and this time he made the shape of a human being. He made two shapes, one man and one women, but they were not alive"*

Kemudian terdapat cerita tentang Nabi yang berjumpa Tuhan dan minta menghidupkan manusia yang pertama. Tuhan memberikan Nabi 'pernafasan '(*breath*) untuk menghidupkan manusia yang pertama itu. Plot tersebut adalah sama dengan mitos Mah-Meri.

Subjek yang sama dijelaskan dalam makalah bertajuk "*Chewong (siwang) in perspective*" (KP JB 1504), dikarang oleh Rodney Needham. Makalah tersebut mengandungi maklumat tentang sejarah kajian Siwang (historiografi kajian), iaitu tentang karangan Charles Ogilvie; Signe Howell, K. Endicott (*Malay Magic*) dan lain-lain. Para ilmuwan yang disebut dalam karangan Rodney Needham kebanyakannya menumpukan perhatian kepada orang asli Siwang berkaitan asal usulnya, suku bangsa, bahasa, budaya, adat-istiadat dan kepercayaan mereka.

Pengarang menegaskan bahawa dalam kajian orang asli, terdapat banyak masalah yang belum dijelaskan. Misalnya, apakah sebabnya orang asli masih mengekalkan cara kehidupan primitif? Menurut Dr. Howell, cara kehidupan dan adat-istiadat dikekalkan kerana masyarakat tersebut agak terpisah atau terasing (*isolation)* dengan bangsa yang lain. Situasi yang sama berlaku kepada orang asli di Amerika (American Indian), Australia dan lain-lain. Maklumat tersebut membuktikan bahawa hubungan antara bangsa dengan negara, dan hubungan dalam bidang perdagangan mahupun budaya merupakan faktor penting dalam kemajuan masyarakat manusia.

Salah satu subjek utama dalam bidang ilmu etnologi adalah kajian tentang kraftangan dan seni Melayu. Subjek tersebut menarik perhatian ramai ilmuwan Barat, dan ilmuan tempatan. Dalam katalog John Bastin (Bahagian ketiga) disenaraikan 33 tajuk tentang pelbagai kraftangan serta 18 tajuk tentang seni, termasuk karya teater, tarian dan muzik. Data statistik menunjukkan bahawa senjata Melayu menjadi punca perhatian dalam kajian tentang kraftangan Melayu. Terdapat 18 tajuk tentang senjata (keris, pedang, meriam dan lain-lain), termasuk tajuk berkaitan kubu. Karangan tentang batik, seramik, logam, kayu, dan perumahan berjumlah 15 tajuk sahaja.

Paling menarik ialah makalah yang bertajuk "*Malaysian weapons in Arabic literature: a glimpse of early trade in the Indian Ocean*" (KP JB 1524), yang dikarang oleh S.Q. Fatimi. Makalah tersebut amat penting kerana mengandungi bahan-bahan tentang senjata Melayu yang terdapat di dalam sastera Arab. Diterangkan pelbagai istilah dan definisi, yang berkaitan dengan subjek tersebut. Misalnya, pengarang menjelaskan bahawa istilah *al-sayf al-Hind* (pedang Hindi) kerap ditemui dalam puisi Arab sebelum Islam. Terdapat juga keterangan kosa kata *hinduwani; tahnid; muhannad* dan lain-lain. Pengarang menegaskan bahawa pada awalnya istilah Hindi dalam bahasa Arab digunakan untuk kawasan Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan India.

Dalam makalah tersebut terdapat cerita ringkas tentang asal usul keris dan sejarah penyebarannya di Nusantara. Terdapat juga maklumat umum tentang darjah perkembangan galian dan pembuatan barang-barang logam di Nusantara pada zaman pra-sejarah dan pada kurun 1-2 Masihi. S.Q. Fatimi merujuk kepada pendapat R.C. Majumdar[61], yang menulis bahawa "*the Javanese possessed a high degree of civilization and had developed various industries and excelled in making various articles of iron, bronze, copper, silver, gold, ivory, tottoise-shell and horn of rhinoceros … in these graves of Java, which are over 2000 years old, we can still find objects like iron lance-points and short iron swords properly ascribed to the people o peoples who settled in Java before the Hindu civilization*" (hlm. 204)

Pengarang menegaskan bahawa *"…the eminence of the pande vesi (Pandai besi – tukang besi) was so deep rooted in the Malaysian society that it survived in the triumph of Hinduism of Malaysia*" (hlm. 204). Terdapat juga petikan dari karya bertajuk *Nuzhat al-Mushtaq* yang dikarang oleh Al-Idrisi (1100-1165). Beliau yang memaklumkan tentang penduduk Zabaj dan kawasan berjiran yang mempunyai banyak galian logam terutamanya besi. Mereka menjual besi atau barangan berkaitan besi di seluruh alam Melayu … Dan juga mereka membuat pedang daripada besi itu yang disebutkan *al-Hind* (hlm. 205)

Umar bin Wardi (wafat pada 1340) memaklumkan tentang *pedang Hind* yang dibuat di negara Zabaj. Maklumat lain daripada al-Idrisi, menyatakan bahawa orang Zabaj datang *ke negara Zanj* (*Bilal az-Zanj* = Afrika, mungkin – Afrika Timur) dan berniaga di sana. Antara lain mereka menjual barangan besi seperti al-Hind. (hlm. 207). Sumber-sumber sejarah Arab memaklumkan tentang hubungan yang erat di antara orang Khmer dan orang Melayu, terutama

[61]Majumdar, R.C. *Ancient Indian Colonies in the Far East*, vol.II, Dacca: Suvarnadvipa, 1937.

dalam bidang perdagangan. Dalam makalah tersebut, disebutkan tentang orang Khmer yang ditemui dalam teks Arab lama. Misalnya dalam karya al-Biruni dan Ibn Said.

Pengarang juga menumpukan perhatian kepada maklumat tentang *Kalah (*Kedah*)*, iaitu pelabuhan di Semenanjung Tanah Melayu yang terkenal di negara Arab. Definisi lain bagi Kalah ialah *timah*. Istilah 'kalah' dengan maksud "timah' bukan sahaja terdapat di dalam bahasa Arab, tetapi juga dalam bahasa Parsi, Turki, Urdu, Perantis (*calim*) dan Portugis (*calin*).

Maklumat tersebut mencerminkan bahawa alam Melayu menjadi terkenal di seluruh dunia sebagai pusat pengeluaran logam dan perbuatan alat-alat besi. Hal ini menunjukkan bahawa alam Melayu mempunyai hubungan perdagangan yang luas, bukan sahaja dengan India dan Cina, malahan juga dengan negara Arab, Eropah dan Afrika. Istilah 'kalah' yang terdapat di dalam bahasa Eropah dipinjamkan dalam bentuk kata Arab. Hal tersebut membuktikan sekali lagi bahawa Kedah dan pelabuhan Melayu yang lain menjadi terkenal pada masa Islam. Ramai saudagar Arab Muslim datang ke dalam alam Melayu pada zaman itu. Boleh dikatakan bahawa perkembangan perdagangan dan kraftangan di alam Melayu melonjak dengan penyebaran Islam disini.

S.Q. Fatimi menegaskan bahawa: "*pedang made in Kland, al-sayf al-Qala'i, have a unique position among Hindi swords. It became a weapon praised by the Prophet, prized by the hero, song by the poets, and immortalized in the proverbs in Arabia*. (hlm. 212)

Terdapat juga petikan daripada karangan al-Jahiz (wft. 869). Beliau (Jahiz) menulis bahawa "*theirs is (the industry of) the Qala'I swords; they are the most adept of all peoples in sword-play; and the best swordsmen*" *Fatimi menjelaskan ungkapan "sword-play" daripada petikan Jahiz itu bermaksud "traditional Malaysian sword-play known as main silat or bersilat*".

Pengarang memaklumkan tentang seorang ilmuwan dari Andalusia yang bernama Ibn Abd Rabbih (860-940). Dalam karangan beliau terdapat maklumat tentang *raja al-Hind* (mungkin Vijayaditya II) yang mengutuskan Kaliph Harun al-Rashid (768-809) agar mempromosikan pelbagai barang dagangan di negara Arab, termasuklah pedang *Qala'i. U*lama Arab seperti Yaqub bin Ishaq al-Kindi (wft. 850) dan Abu Dulaf (kurun ke-10) menyebutkan sebilah pedang yang bernama *al-faqrun*. Menurut pengarang, *al-faqrun* bermakna *parang* (parong): "*there is a Javanese word, Paron (or Parong) describing a Hindi swords … a sword with exceptional number of waves. a wavy snake-like kris*".

SQ Fatimi menegaskan bahawa dalam sumber sejarah Arab pada kurun ke-9, tidak disebutkan pedang *Qala'i*. Hal ini demikian kerana "*under Abbasids the demands of the Muslim Empire had become sophisticated, peaceful and luxurious. Qala'i tin, to make utensils look like silverware and to be used extensively in the artistic bronze and inlay work; spices from al-Zabaj, for the sumptuous feasts; and fragrant herbs of Hind for perfumes – all these had now taken the place of swords*" (hlm. 216)

Maklumat tersebut adalah amat menarik hasil analisis barang dagangan boleh dijadikan panduan atau digunakan untuk memahami peristiwa dan fakta sejarah yang sebenarnya.

Pengarang menyatakan juga bahawa orang Arab bukan hanya mengetahui tentang *pedang* Melayu, tetapi juga senjata seperti keris. Istilah *keris* ditemui dalam bentuk *k-r-i* atau *k-r-z-i*. Abu Zayd al-Sirafi pada tahun 916 menyebutkan seorang dari Hind yang memakai keris dan istilah *k-r-z-i* terdapat dalam karangan al-Mas'udi. Menurut S.Q. Fatimi "*The modern Arabic kilij, the Turkish kiling, and the Urdu kirich – all curiously appear to have a common origin, the Malay keris*". (hlm. 216)

Menurut sumber sejarah China (seperti yang ditegaskan Fatimi), orang Arab pernah singgah ke China Selatan dan membina perkampungan mereka

sebelum kurun ke-4 Masihi. Data yang sama juga ditemui dalam sumber sejarah Greece dan Rom. Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa Kalah (Kedah) dan barang-barang logam dari Kalah menjadi terkenal di negara Arab sebelum kedatangan Islam.

Maklumat tentang alat perkakas memanah di Asia Tenggara dan kepulauan Pasifik terdapat dalam makalah bertajuk "*Archery in South East Asia and the Pacific*" (KP JB 1525), dikarang oleh N.W.Simmonds. Dalamnya ditemui bahan-bahan tentang pelbagai cara memegang dan menggunakan panah (*pinch hold; assisted pinch hold; Mediterranian hold; Mongolian hold*). Makalah tersebut juga pelbagai jenis anak panah dan penyebarannya di Asia Tenggara dan kawasan Pasifik, terutamanya di Polinesia, Fiji dan Tonga; kepulauan Hebrides; kepulauan Solomon; Guinea dan Papua; Filippina; Formosa, Indonesia; kepulauan Andaman; China Selatan, Indocina, Thailand dan Burma; India Timur Laut dan lain-lain. Terdapat juga maklumat tentang pelbagai kaedah membuat perkakasan (alat) memanah dan pengunaannya. Makalah tersebut membantu kita memahami tamadun perbuatan senjata (termasuk busur/ibu panah) di alam Melayu.

Kertas Kerja yang bertajuk "*The revolt of K'Ung Yu-Te (1631) and the use of firearms*" (KP JB 1528) yang, dikarang oleh Albert Chan, mengandungi tentang pemberontakan K'ung Yu-Te (1631) dan sejarah penggunaan senjata api (tempatan dan Eropah) di Asia Tenggara. Diceritakan tentang peristiwa sejarah China pada kurun ke-16 sehingga ke-17 berdasarkan sumber sejarah China. Pengarang menyatakan bahawa penggunaan senjata api pada kurun ke-17 dipengaruhi oleh Barat, pada masa itu wujud, "*total westernization of the use of firearms*" (hlm. 3) Maklumat tersebut menunjukkan bahawa orang Barat di alam Melayu tidak boleh dianggap sebagai pendamai (peace maker). "Sumber sejarah Melayu Islam membuktikan bahawa kegiatan orang Barat di tanah Melayu bukan sebagai misi pendamai (peacemaker) yang menjaga dan memajukan perkembangan masyarakat tempatan. Orang Eropah pada waktu itu dianggap sebagai "anak zaman tempatan sama seperti", orang Melayu. Mereka terpaksa

duduk bersama-sama, berniaga dan menjadi lanun, bekerjasama dan berperang, walaupun orang Melayu memang mempunyai alasan yang lebih konkrit untuk melawan Barat yang menjajah tanah air mereka"[62].

Pengaruh Eropah dalam perkembangan teknologi perbuatan senjata dan peneyebarannya di diluar Eropah dianalisis dalam buku yang bertajuk "*Importing the European Army: the Introduction of European Military techniques and institutions into the Extra-European world, 1600-1914*" (KP JB 1533), yang dikarang oleh David B.Ralston. Dalamnya terdapat maklumat tentang penyebaran senjata Eropah di Rusia (hlm. 13-42); di Empayar Ottoman (hlm. 43-78), di Mesir (hlm. 79-106), di Cina (hlm. 107-141) dan Jepun (hlm. 142-173). Pengarang menjelaskan sejarah penyebaran senjata Eropah dan kawasan sekitarnya, dan di kawasan jajahannya di Asia, Afrika dan Timur Jauh. Terdapat maklumat tentang pembaharuan (reformasi) dalam ketenteraan Asia yang dipengaruhi oleh ilmu tentera Eropah. Pengarang menjelaskan bahawa pembaharuan tentera dan ilmu ketenteraan lazimnya mengakibatkan pembaharuan masyarakat secara umumnya. Maklumat tentang penyebaran senjata Eropah di alam Melayu tidak ditemui.

Dalam koleksi John Bastin tersimpan 6 tajuk tentang keris (KP JB 1518, 1519,1520, 1521, 1522, 1523). Memang keris dianggap sebagai simbol (brand) budaya Melayu. Hal ini dicerminkan dalam buku bertajuk "*The Kris mystic weapon of the Malay world*" (KP JB 1518), yang dikarang oleh Edward Frey. Buku kecil ini mengandungi maklumat tentang keris Melayu dan peranannya dalam tamadun Melayu keris dianggap sebagai lambang budaya Melayu dan sebagai simbol sifat kelelakian, terutama dalam budaya Jawa. Keris tersebar di seluruh alam Melayu dari Sumatra dan Malaysia sehingga ke Mindanao. Keris juga dianggap sebagai senjata istimewa yang ditemui hanya di alam Melayu.

---

[62]Denisova, T. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

Pengarang menyebutkan pendapat ilmuan mengenai asal-usul keris. Menurut pendapat ilmuwan Barat (S.T.Raffles dan lain-lain) keris berasal dari tamadun Hindu India dan berkembang di Jawa Tengah pada kurun ke-14. Pendapat lain menyatakan bahawa keris muncul lebih awal dan berasal dari Jawa. Menurut sumber sejarah Jawa, keris pertama dibuat pada kurun ke-3 (230-280AD) di Jawa. Namun, pendapat yang paling popular tentang keris yang pertama ialah senjata kegunaan Nakarta Pati, iaitu raja Janggala (Jawa Timur). Pengarang mengadaikan bahawa tamadun keris mungkin berdasarkan tamadun pisau belati Dong Shon. (hlm. 9) Asal-usul keris sampai masa kini masih belum ditentukan.

Dalam karya tersebut, dinyatakan bahawa keris adalah sumber kuasa sihir. Keris yang paling dihormati di dalam masyarakat Melayu disebutkan '*keris bertuah*' (kris yang memberi 'nasib baik' kepada pemiliknnya), *kris pusaka* (lazimnya memberi 'nasib malang'). Pengarang menceritakan perihal keris yang terkenal. Misalnya, dihuraikan cerita tentang keris Mataram, keris Hang Tuah, keris Gandring (teks Pararaton). Disebutkan juga bahawa kuasa sakti (magic) keris berkaitan dengan air. Pengarang menggambarkan kemampuan pawang mengeluarkan air daripada keris dalam upacara tertentu. Terdapat juga maklumat penggunaan keris sebagai senjata untuk membunuh orang (hlm. 23-29).

Pengarang menegaskan bahawa keris dianggap sebagai *talisman,* iaitu barang azimat yang melindungi pemiliknya daripada kemalangan dan kuasa jahat. Biasanya lelaki tidak akan keluar tanpa keris. "*Malay never moved without kris; when he bathed it was with him and also when he slept. … Malay without kris would fill naked*" (hlm. 18). Pengarang menjelaskan pelbagai istilah yang berkaitan dengan tamadun pembuatan keris, misalnya istilah *keris gayang; keris gabus; keris hulu kenchana* dan lain-lain.

Buku tersebut mengandungi maklumat tentang klasifikasi keris mengikut bentuk matanya atau keloknya (*blade*) (hlm. 30-40) iaitu *dapor* (garis bentuk*),*

prabot (unsur pahat dan hiasan yang lain); *pamor* (corak tatah dalam dari emas dan perak – *damscene design*) dan pelbagai jenis mata keris. Klasifikasi keris juga mengikut bentuk sarung dan hulunya (hlm. 41-54). Pengarang menyatakan pelbagai peraturan dan pantang larang keris cara menyimpan keris atau kaedah penjagaannya.

Buku ini amat penting kerana menunjukkan darjah perkembangan seni perbuatan keris dan senjata lain di Asia Tengara dan alam Melayu. Maklumat tersebut membuktikan bahawa di alam Melayu sejak zaman dahulu lagi, telah wujud tamadun pembuatan senjata dan barang-barang kemas yang asli dan tulen.

Bahan-bahan yang lebih lengkap tentang keris terdapat dalam buku yang bertajuk "*Keris and other Malay weapon*" (KP JB 1519), yang dikarang oleh G.B. Gardner. Buku ini mengandungi maklumat yang terperinci tentang bentuk keris dan bahagian-bahagiannya. Diceritakan secara ringkas tentang sejarah (asal-usul) keris dan pembuatannya di alam Melayu. Pengarang menegaskan bahawa keris berasal dari Malaya. (hlm. 11) Beliau menyatakan bahawa bentuk keris yang paling terkenal (bentuk berombak, *berlok*) datangnya dari India pada kurun ke-15. *katanya "I think the waves (lok) came from Indian weapons"* (hlm. 12)

Pengarang menjelaskan juga beberapa kaedah atau cara pembuatan keris di dalam tradisi Melayu: "*According to Malay tradition a keris must be made of at least two kinds of iron, and a good keris of seven. The keris of Hang Tuah, the hero of Malacca history, was of twenty kinds, and these had been obtained from many places from Bali to Stamboul*" (hlm. 14)

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa kraftangan besi dan pembuatan barangan logam tersebar di seluruh alam Melayu. Maklumat tersebut juga mencerminkan bahawa proses pembuatan keris amat rumit dan memerlukan logam yang bermutu.

Dalam karya tersebut, dijelaskan tentang pelbagai rekaan keris, misalnya tentang keris berpamor (*damascened blade*).

Pengarang juga mengkaji pelbagai jenis hulu keris (hilt) antaranya:

- Sundang
- Bali
- 'jawa demam' (jara demam)
- Patani
- Madura (bunga)
- Majapahit
- Bugis
- 'bahari'

Keterangan tersebut dilengkapi dengan gambar.

Terdapat juga klasifikasi sarong keris (hlm. 27) keris yang umum (kompleks) mengikut rekaan: *pamor,* logam, bentuk mata keris, dan hulu keris (hlm. 33-52).

Buku kecil ini mengandungi mitos mengenai asal usul keris penggunaannya, pelbagai kepercayaan dan adat-isitiadat yang berkaitan dengan keris. (hlm. 53-62)

Pengarang turut menggambarkan senjata Melayu yang lain, misalnya pedang *(sword)*, lembing *(spears)*, meriam, senapang, baur panah dengan anak panah dan lain-lain. Dimaklumkan juga tiga jenis pedang, iaitu *pedang*; *golok* dan *parang.* (hlm. 69-83); tujuh jenis lembing iaitu *serunjong*, *chandak*, *sodok*, *ranggas*, *kujur*, *tombak pengawinan*, *tombak benderang* (hlm. 85- 90), empat jenis meriam iaitu *meriam, lela*, *rentaka, ekur lotong* (hlm. 91-98), sembilan jenis senapang iaitu *senapang batu, senapang kembar, senapang perdiul, senapang kapok, senapang kulai, senapang terkul, senapang pukol, senapang bedil, senapang bedil istinggar* (hlm. 99-100). Disebutkan juga senjata dayak.

Buku ini amat penting kerana menunjukkan darjah perkembangan seni pembuatan keris dan senjata lain di alam Melayu dan Asia Tenggara.

Pengarang yang sama, (G.B.Gardner), mengarang sebuah lagi makalah tentang keris yang bertajuk "*Notes on two uncommon varieties of the Malay Kris*" (KP JB 1520). Makalah kecil ini menyebut dua jenis keris Melayu yang jarang ditemui iaitu *keris majapahit* dan *keris picit*. Diterangkan juga tentang asal usul dan lagenda kedua-dua keris tersebut. Pengarang juga menggambarkan spesifikasi keris, misalnya pamor, logam, bentuk mata keris, hulu keris, sarong keris, dan lain-lain.

A.H.Hill dalam monograf beliau yang bertajuk *"The Keris and other Malay weapons"* (KP JB 1521), menumpukan perhatian kepada klasifikasi keris secara umumnya berasaaskan: jenis hulu, mata keris dan sarungnya. Pengarang membahagikan keris kepada beberapa kategori (jenis) seperti berikut:

- Bali, Lombok atau Madura
- Jawa
- Semenanjung Malaya Utara
- Bugis
- Sumatra
- Patani
- Sundang atau Sulu

Hill mengklasifikasikan keris berdasarkan klasifikasi G.B. Gardner (lihat KP JB 1519). Monograf tersebut dilengkapi dengan makalah bertajuk "*Keris Types and terms*" yang dikarang oleh Geoffrey Hodgson. Makalah tersebut menyenaraikan perkara/hal yang berkaitan dengan keris dan jenis-jenis keris (glossary) (hlm. 68-90).

Monograf mengandungi maklumat tentang kaedah pembuatan keris, cara mengukurnya bahan-bahan yang digunakan untuk membuat keris dan lain-lain.

Pengarang turut menjelaskan juga pelbagai kegunaan keris. Misalnya, beliau menganalisis peranan keris sebagai sebahagian pakaian Melayu klasik (hlm. 48-50), fungsi keris dalam acara perkahwinan (hlm. 51-52), penggunaan keris sebagai alat hukuman mati (*execution*) (hlm. 52-53) dan lain-lain. Terdapat maklumat tentang kepercayaan, mitos-mitos dan legenda mengenai keris.

Pengarang menegaskan bahawa tamadun keris mungkin dipengaruhi oleh tamadun *Dong-shon*. Tentang asal-usul keris pengarang menulis:

> "*Beyond doubt the keris originated in Java, the only country in which its history can be traced back to the fourteenth century, had still earlier keris been made anywhere else it is inconceivable that all trace of them should have been lost in the century of their birth. Javanese tradition supports this view*" (hlm. 18)

Pengarang menegaskan secara tepat bahawa keris berasal dari Jawa, (alam Melayu).

Makalah yang bertajuk *The Malay Kris* (KP JB 1522), yang dikarang oleh R.O. Winstedt, merupakan makalah kecil dimuatkan dalam majalah popular. Karya tersebut mengandungi maklumat umum tentang asal usul keris dan peranannya dalam tamadun Melayu. R.O. Winstedt menegaskan secara tepat, bahawa kris amat dihormati oleh orang Melayu dan dianggap sebagai senjata yang mempunyai kuasa sakti. Beliau menulis bahawa: "*Even now it is the natural or accidental marking of a blade that commands the deepest respect of the superstitious, although centuries ago with coming first of Hinduism and than of Islam, and with improved technique the efficacy and luck of a keris were reinforced by designdeliberately compassed, by association with supernatural beings from the Hindu pantheon and by inlaid Arabic texts*" (hlm. 48)

Pengarang setuju dengan pendapat bahawa keris dipengaruhi oleh tamadun Dong-Shon dan mitos Hindu. Menurut R.O.Winstedt *"A foreign origin for the keris is obvious, as no aboriginal weapon in Malayan region can have been the*

model for a two edged dagger. Nor can the model have been Indian, as the name of the keris is not Sanskrit and no keris is depicted in the sculpture of Borobudur or other early Indo-Javanese monuments". (hlm. 50)

Maklumat yang lebih lengkap tentang asal usul keris dan sejarah perkembangannya terdapat dalam kumpulan makalah yang diterbitkan dalam JMBRAS , jilid XX pada tahun 1947 (KP JB 1523).

Dalam makalah pertama yang bertajuk, *The Malay Keris: Its origin and development*, dikarang oleh G.C.Wooley, terdapat keterangan tentang pelbagai jenis mata keris. Pengarang sependapat dengan R.O. Winstedt yang menyatakan keris berasal dari Jawa dan menjelaskan beberapa pendapat yang lain. Menurut G.B. Gardner, keris meminjam bentuknya yang paling terkenal daripada sengat (*sting*) ikan pari yang ditemui di alam Melayu. Sengat ikan pari itu digunakan sebagai alat kerja, misalnya seperti pisau.

Makalah tersebut mengandungi maklumat tentang tempoh kemunculan keris. Menurut T.S. Raffles keris muncul pada kurun ke-14 (pendapat pengarang sama dengan pendapat tersebut); menurut G.B. Gardner keris wujud sejak kurun ke-7, iaitu sejak zaman Besi di Jawa.

Gardner mengklasifikasikan (KP JB 1519) keris seperti berikut:

- Bali, Lobok dan/atau Madura
- Jawa
- Semenanjung Utara
- Bugis
- Sumatra (bahari)
- Patani
- Sulu

G.C.Wooley menumpukan perhatian kepada kaedah pembuatan keris dan penggunaannya. Yang disebutkan adalah penggunaan keris dalam acara-acara

rasmi, sebagai salah satu alat perkakasan sebahagian daripada pakaian lelaki Melayu; alat yang digunakan dalam acara perkahwinan, sebagai senjata untuk membunuh pesalah (*execution*) dan lain-lain. Makalah dilengkapi dengan gambar-gambar keris dan bahagian-bahagiannya (hulu, mata pisau, sarong dan lain-lain)

Makalah ini amat penting kerana menunjukkan darjah perkembangan seni pembuatan keris dan senjata-senjata lain di alam Melayu dan Asia Tenggara. Bahan-bahan tersebut membuktikan bahawa di alam Melayu sejak zaman dahulu, wujud tamadun pembuatan senjata dan barang-barang kemas yang asli dan bermutu.

Makalah "*Some Notes on Keris Measurements*", dikarang oleh G.M.Laidlaw, menjelaskan beberapa hal tentang ukuran keris dan tentang pelbagai kepercayaan (mitos) yang berkaitan dengan keris.

Satu lagi makalah yang bertajuk *"Notes on two knives in the Pitt-Rivers Museum",* yang dikarang oleh G,C.Wooley, (disebutkan sebelumnya)mengandungi maklumat tentang dua bilah mata pisau dari koleksi Pitt-Rivers Museum (Oxford). Mata pisau pertama mempunyai hulu dan mata pisau berbentuk campuran antara: keris Majapahit dengan tumbok lada. Keris tersebut mungkin digunakan sebagai azimat (talisman). Pisau yang kedua bentuknya tidak sama dengan keris. Mata pisaunya tidak simetrik, hulu dibuat untuk memotong dan bukan untuk alat radakan (*thrusting weapon*). Penggunaan pisau tersebut tidak berapa jelas mungkin pisau itu untuk ujikaji *experiment*, iaitu campuran pelbagai kaedah pembuatan senjata untuk mendapat pisau yang baharu.

Karangan terakhir dalam kumpulan makalah tersebut ialah makalah bertajuk, *An unusual Keris Majapahit,* yang dikarang oleh Abu bin Pawanchee Bakar. Dalam makalah tersebut, dijelaskan hal ehwal tentang sejenis keris Majapahit. Keris dibeli oleh Major Robert Hoey (Singapore) di Semenanjung Malaya dan

dikenali sebagai *kris pechit*. Bentuk dan hiasankeris itu tidak seperti biasa, mata pisaunya tidak berlok (berombak). Menurut pengarang, keris itu dibuat pada kurun ke-15.

Kumpulan makalah tersebut amat menarik kerana mengandungi pelbagai data tentang sejarah keris dan kaedah pembuatannya. Maklumat tersebut mengesahkan bahawa keris ialah senjata atau hasil tamadun Melayu yang berasal dari Nusantara.

Dalam Bahagian ketiga ini (Orang Melayu. Tamadun Melayu) disenaraikan juga tujuh tajuk yang berkaitan dengan meriam pelbagai jenisnya dan dua tajuk tentang kubu. Ternyata senjata tersebut menarik perhatian para ilmuwan , malahan menjadi subjek utama dalam kajian dalam bidang etnologi. Kesemuanya dalam bentuk makalah.

Karya yang bertajuk *Asian Potentates and European Artillery in the 16th-18th century* (KP JB 1527), yang dikarang oleh C.R. Boxer mengandungi bahan-bahan tentang sejarah meriam di alam Melayu. Pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah artileri di negara-negara Timur (iaitu di Persia, Jepun; Turki, India, Asia Tenggara dan lain-lain) dan di Barat (Portugis, Sepanyol, Itali dan lain-lain). Maklumat tersebut berdasarkan sumber-sumber sejarah Eropah (*Carnulite Chronicle of Basra*; *Lembranca d'algunas cousas, O'Soldado Practico,* pelbagai catatan pengembara dan lain-lain). Sumber-sumber sejarah tempatan atau sumber Arab, Cina, Parsi mahu pun India tidak disebutkan.

Dalam makalah kecil yang bertajuk *The Floating canon of Butterworth* (KP JB 1529), yang dikarang oleh A.E.Coope, terdapat maklumat mengenai meriam terapung (*meriam timbul*) dari Pinang (kurun ke-17). Terdapat data-data tentang ukuran dan bahan membuatnya (logam). Terdapat pelbagai pendapat mengenai sejarah meriam tersebut dan pemiliknya.

Karangan ilmuwan Belanda K.C.Crucq, yang bertajuk *De Drie Heilige Kanonen* (KP JB 1530) merupakan satu makalah kecil dalam bahasa Belanda tentang tiga meriam yang disimpan di Banten, Batavia dan Solo. Meriam Banten yang bernama *Si Amuk* (Si Amoek) mungkin dimiliki oleh raja Banten. Meriam tersebut berasal dari Belanda. Meriam Batavia yang bernama *Si Djagor* dimiliki oleh Kyai (Kjai) Setama (kurun ke-19). Meriam yang ketiga ialah meriam yang bernama *Sapu Djagad* (kurun ke-18) yang disimpan di Solo. Dinyatakan juga tentang bentuk meriam-meriam tersebut, tanda-tandanya, bahan pembuatannya, inskripsi dan lain-lain. Disebutkan bahawa di atas meriam Banten terdapat inskripsi dalam bahasa Arab. Inskripsi tersebut mengandungi ungkapan yang biasanya berkaitan dengan tradisi Islam Shi'a. iaitu: *'la fattah illa Ali radija 'llahu anhu la saif illa Dhu Ifakar illa huwa lam kufu Ahad*". Berdasarkan inskripsi tersebut, pengarang menyatakan bahawa mungkin meriam itu berasal dari Parsi. Meriam Batavia mungkin berasal dari Eropah (Portugis) dan meriam Solo mungkin dibuat di negara Portugis juga.

Makalah kecil yang bertajuk *The Penang cannon, Si Rambai* (KP JB 1531) dikarang oleh Douglas F.M. mengandungi maklumat tentang meriam dari Pulau Pinang yang bernama *Si Rambai.* Mungkin yang disebutkan di sini adalah meriam Pinang yang sama yang disebutkan dalam makalah *The Floating canon of Butterworth* (1529), dikarang oleh A.E. Coope. Menurut F.M Douglas pemilik meriam tersebut mungkin adalah Sultan Sulaiman iaitu baginda Johor pada kurun ke-17. Maklumat tersebut berdasarkan kajian satu inskripsi berhuruf Jawi yang terdapat pada plat perak di atas meriam tersebut. Meriam tersebut amat dihormati di Pinang oleh penduduk tempatan.

Dalam karya C.A.Gibson-Hill yang bertajuk "*Notes on the Old Cannon found in Malaya, and known to be of Dutch origin*" (KP JB 116), terdapat maklumat tentang sebuah meriam tua yang ditemui di Malaya dan mungkin berasal dari Belanda. Pengarang menyatakan bahawa senjata api yang digunakan oleh orang Melayu boleh dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu:

(1) meriam dengan pengangkut (*carriage, cradle* dan lain-lain);

(2) meriam dengan cagak pusing iaitu dengan dasar berpusing (*fork, crutch*). Dalam bahasa Melayu, jenis yang kedua itu dinamakan *lela, lela rambang; rentaka, tomong* dan *ekor lotong.*

Menurut pengarang, istilah *meriam* berasal dari nama Arab Miriam (*Mary, Virgin Mary*). Hal tersebut menunjukkan bahawa orang Arab mungkin menerima ilmu tentang artileri dari orang Kristian.

Terdapat juga analisis maklumat tentang meriam yang terdapat dalam karya-karya para orientalis yang terkenal iaitu J.Crawfurd; R.J. Wilkinson, R.O. Winstedt; H.D.C Wales dan lain-lain.

Berdasarkan data-data dari karangan oleh D'Albuquerque dan Tome Pires pengarang menegaskan bahawa di Melaka wujud tradisi pembuatan alat-alat senjata api tempatan: "*doubdless the Malays were making ordnance there (di Malaka) under the sultanate, and they may even have continued to do so at Riau and later in Johor*. (hlm. 147)

Justeru, pengarang menjelaskan bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa di utara Semenanjung Tanah Melayu, wujud tuangan (pembuatan) meriam. Tidak ada bukti yang menyatakan bahawa di alam Melayu terdapat meriam yang benar-benar tempatan – iaitu asli – dari segi bentuknya, hiasannya, ciri-ciri khasnya dan lain-lain. Meriam yang dibuat oleh orang tempatan mengikut model (contoh) meriam Eropah, India atau Arab. (hlm. 148)

Terdapat data dan statistik mengenai meriam Belanda yang disimpan di Melaka, dari aspek: tarikh pembuatan, kaliber, ukuran panjang, ukuran berat dan lain-lain. Digambarkan juga beberapa meriam buatan Belanda yang ditemui di Melaka, Terengganu, Kota Bharu, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Makalah tersebut membuktikan bahawa antara orang Eropah dengan raja-raja tempatan wujud hubungan perdagangan yang amat aktif. Bahan-bahan tersebut menunjukkan bahawa orang Belanda mengawal perniagaan senjata di alam Melayu. Lazimnya, orang Belanda menjual senjata kepada pihak-pihak tertentu seperti raja-raja atau kepada pihak yang bermusuhan bertujuan untuk melemahkan kedua-duanya

Makalah kecil bertajuk "*Malay Cannon*" (KP JB 1534), yang dikarang oleh R.O. Winstedt mengandungi maklumat umum tentang sejarah penyebaran meriam-meriam di alam Melayu pada zaman kedatangan orang Eropah. R.O. Winstedt menulis bahawa orang Eropah mulai menggunakan meriam-meriam sekitar kurun ke-14. Pada zaman yang sama, disebutkan senjata yang digunakan oleh orang Arab di Sepanyol. Dinyatakan juga bahawa apabila orang Portugis datang ke India, mereka menyaksikan pelbagai jenis meriam di kubu-kubu India. Pada tahun 1509 utusan D'Albuquerque yang bernama Sequeira singgah di Melaka dan melaporkan bahawa di Pelabuhan Melaka itu terdapat sekitar 8 000 buah meriam (hlm. 42)

R.O. Winstedt juga menyatakan bahawa meriam Melayu kebanyakannya diperbuat daripada loyang (*brass*) dan besi, 30% (1/3). R.O. Winstedt mengesahkan bahawa istilah *meriam* berasal dari nama Arab "Miriam" iaitu nama *Virgin Mary.* Hal ini menunjukkan bahawa orang Arab menerima ilmu tentang artileri daripada orang Kristian (lihat C.A.Gibson-Hill, KP JB 1532).

Makalah kecil yang bertajuk "*Malay cannon*" (KP JB 1535), yang dikarang oleh G.C. Woolley menjelaskan pelbagai hal yang berkaitan dengan pembuatan senjata api di alam Melayu. Pusat pembuatan meriam dan senjata api yang lain disebutkan juga Brunei, Palembang, Aceh, Minangkabau dan Terengganu (hlm. 35). Pengarang menyatakan dalam perbuatan meriam di Brunei terdapat unsur dan pengaruh Cina; di Palembang dan Aceh – dipengaruhi oleh Arab dan di Jawa dipengaruhi oleh Hindu.

Maklumat tersebut mengesahkan, bahawa di alam Melayu, wujud tradisi pembuatan senjata api yang mengandungi pelbagai unsur teknologi negara-negara lain. Senjata dianggap sebagai salah satu bahan dagangan utama dalam masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Dua tajuk tentang tradisi pembangunan kubu turut ditemui dalam katalog tersebut.

Dalam makalah bertajuk *The Forts at Kuala Selangor,* (KP JB 1536) yang dikarang oleh M.A.P. Meilink-Roelofsz, terdapat pelbagai maklumat tentang kubu di Kuala Selangor. Diceritakan secara ringkas sejarah pembinaan kubu, lengkap dengan gambar serta peta kubu tersebut. Sumber makalah juga berdasarkan bahan-bahan dari arkib kompeni Belanda (archive VOC), surat-surat para pegawai Belanda dan laporan rasmi Jakob Peter Van Braam.

Buku kecil bertajuk *Malayan Forts,* (KP JB 1537), yang dikarang oleh Mubin Sheppard, mengandungi maklumat umum tentang kubu di Kedah (Kota Kuala Bahang); kubu Belanda di Pulau Pangkor; kubu Melayu di Kuala Selangor; kubu Raja Mahdi di Klang; kubu Lukut, kubu-kubu di pantai Sungai Lingga, kubu Kota Batu di Johor Lama. Terdapat maklumat ringkas tentang sejarah kubu-kubu tersebut yang dilengkapi dengan gambar dan peta.

Analisis bahan-bahan tentang senjata dan kubu ini menunjukkan bahawa:
- subjek tersebut dikaji dalam rangka kajian etnologi
- subjek tersebut menarik perhatian oleh ramai orientalis, termasuk John Bastin;
- bahan-bahan tentang senjata membuktikan bahawa di alam Melayu wujud tamadun pembuatan senjata yang maju;
- tamadun pembuatan senjata yang maju yang wujud di alam Melayu berdasarkan tamadun pengeluaran dan pembuatan logam yang maju juga.

Dalam koleksi John Bastin juga disenaraikan pelbagai bahan tentang hasil kraf tangan yang lain, iaitu tentang barangan perak, barangan kayu, kain, seramik dan lain-lain.

Dalam monograf yang bertajuk *"Contemporary South East Asian arts and crafts: ethnic craftsmen at work with how – to instructions for adapting their crafts"* (KP JB 1477) yang dikarang oleh Thelma R.Newman, terdapat bahan-bahan umum tentang kraftangan dan seni moden di Nusantara. Buku tersebut menyerupai album yang diisi dengan gambar-gambar dan keterangan. Monograf tersebut mengandungi juga maklumat umum tentang seramik, sulaman, barang-barang tikar; tenunan, barang-barang kemas (emas, perak, loyang), senjata (keris dan lain-lain), pengukiran kayu dan lain-lain.

Terdapat juga maklumat ringkas tentang sejarah dan penyebaran pelbagai jenis budaya di Asia Tenggara sejak zaman pra-sejarah sehingga kurun ke-20. Pengarang menyatakan unsur-unsur budaya lain yang mempengaruhi budaya Melayu, iaitu Thailand, Jawa, Cina, India, tamadun Islam.

Terdapat analisis beberapa unsur ukiran dan hiasan tradisional yang tersebar di kawasan Asia Tenggara dan yang dianggap sebagai ciri-ciri khas seni Nusantara: misalnya kerbau, naga, perahu dan lain-lain.

Buku tersebut mengandungi keterangan yang terperinci tentang cara pembuatan batik dan cara hias-hiasannya. Diikuti dengan gambar-gambar alat-alat kerja dan gaya hiasan (ornament: *parang rusak, cancing, kain kepala dan lain-lain*). Pengarang menjelaskan gaya-gaya sulaman di Thailand dan Indonesia, tenunan di Bali, Semenanjung Malaya, Filipina, Sulawesi dan tempat-tempat lain. Maklumat tentang tenunan diikuti dengan menggambarkan cara-cara membuat kain dan baju di Asia Tenggara.

Terdapat juga satu bab yang mengandungi gambaran dan keterangan yang terperinci tentang barang-barang tikar dan cara pembuatannya. Bab yang

selanjutnya adalah tentang barang-barang dari bamboo (buluh) dan sampang (*lacquer*).

Amat menarik adalah maklumat tentang tamadun kraftangan kayu (pengukiran kayu). Terdapat pelbagai artifak yang amat purba yang membuktikan bahawa orang Melayu mempunyai tamadun seni kayu yang semulajadi (original) dan tulen.

Dalam karangan Thelma R.Newman juga terdapat juga satu bab tentang seramik yang diisi dengan gambar dan keterangan mengenai cara pembuatan dan perhiasannya.
Dalam bahagian tentang kraftangan logam (perbuatan barang-barang dari logam), terdapat cerita tentang seni arca daripada logam dan seni pembuatan barang-barang kemas.

Maklumat yang terdapat dalam monograf album ini menunjukkan bahawa kraftangan dan hasil seni di Asia Tengara merupakan suatu yang kompleks (kesatuan), iaitu tamadun umum yang tersebar di Asia Tengara, dan tamadun tersebut mempunyai ciri-ciri khas yang ditemui di semua negara Nusantara. Ditemui pelbagai unsur istimewa dari setiap negara tersebut. Namun Thelma R.Newman tidak menyebut unsur-unsur tamadun Islam dalam pelbagai jenis kraftangan Melayu.

Buku yang bertajuk *Living Crafts of Malaysia* (KP JB 1480) yang disusun oleh Mubin Sheppard, merupakan buku bergambar. Buku tersebut mengandungi maklumat umum tentang kraftangan Melayu, iaitu ukiran kayu, barang-barang kemas dari perak dan emas; pembuatan barang-barang besi; pembuatan kain (sutera), seramik, pembuatan boneka wayang, hiasan-hiasan dari manik kecil; gasing; layang-layang dan lain-lain. Maklumat tersebut dilengkapi dengan cerita-cerita mengenai pakar (tokoh) kraftangan, serta riwayat hidup dan kegiatan mereka.

Disenaraikan juga beberapa tajuk tentang kraftangan Melayu perak.

Makalah bertajuk "*Malaya's rural craftsmen*" (KP JB 1474) merupakan makalah kecil dimuatkan dalam dalam majalah popular. Makalah tersebut mengandungi maklumat umum tentang kraftangan Melayu dan pembuatan barang kemas daripada perak. Disebutkan juga beberapa nama tokoh kraftangan Melayu yang menghasilkan barang-barang perak.

Dalam makalah kecil bertajuk *Malay Filigree work* (KP JB 1510) yang dikarang oleh I.H. Evans, terdapat bahan-bahan tentang seni kerongsang filigri emas di Malaya (Kuala Pilah) dan cara pembuatannya dicatatkan. Dalam makalah dirakamkan teks doa yang dibaca oleh tukang besi sebelum membuat filigri tersebut. Dalam doa disebutkan nama *Allah, Raja Jibrail, Nabi Musa, Nabi Muhammad*. Disebutkan juga surat Yassin untuk melindungi diri daripada keburukan (mudarat), tukang besi membaca doa pendinding seperti berikut:

Allah Tuanku rasul Allah
Dihadapan aku Raja Jibrail
Di-kiri di-kanan 'ku segala sidang malaikat
Meninding aku Salam laut sipatu-u'llah
Ya Musa kalam u'llah
Ya Hanan, ya dayan
Yasin dalam Koran tiga puloh.
Tutup terkunci hati mulut
Barang-barang satu bahaya 'kan lawan ku
Terbuka terkenbang segala pintu rezeki-ku
Tajam mengadap aku lagi tawar
Chunching (kancing) pada harap aku lagi momah (mamah)
Aku dalam kandang kalimah
La-ilaha ila Llah. Muhammad Rasul Allah (hlm. 25-26)

Makalah kecil ini amat penting kerana menunjukkan bahawa tukang filigri adalah orang Muslim dan mereka membaca doa memulakan/membuat barang-barang filigri tersebut.

Maklumat yang lebih lengkap tentang kraftangan dan pembuatan barang-barang Melayu terdapat dalam monograf yang bertajuk *"Oriental Silverwork Malay and Chinese. A Handbook for connoisseurs, collectors, students and silversmiths*, (KP JB 1511), yang dikarang oleh H.Ling Roth.

Monograf tersebut merupakan katalog barangan perak Melayu dan Cina. Dalamnya terdapat pelbagai gambar barangan perak lengkap dengan keterangannya. Teks monograf ini dapat supaya menentukan asal-usul barang perak yang ditemui di Asia Tenggara.

Bahagian Pendahuluan monograf ini mengandungi bahan-bahan tentang sejarah pembuatan barangan perak di alam Melayu dan ciri-ciri khasnya. Dimaklumkan antara lain bahawa barang-barang perak Melayu itu biasanya tidak mempunyai hiasan (*ornamentation*), cuma terdapat sedikit corak di permukaan. Pengarang menegaskan: pada barangan perak Melayu biasanya tidak ditemui bentuk badan manusia atau binatang. Yang ada hanyalah pelbagai corak bunga-bungaan buah-buahan, daun-daun atau corak-corak jalur dan bentuk-bentuk geometri yang lain.

Pendahuluan dilengkapi dengan pelbagai kaedah perbuatan barang-barang perak dan pelbagai alat-alat pertukangannya. Terdapat pelbagai gambar pada barang perak tersebut, di antaranya kotak-kotak tobakoo 'celpa, cawan, piala, cepu (peti kecil); kotak untuk betel (cimbul), cawan untuk air, bekas kapur; kotak barang kodi; penutup mangku (tudung mangku); bekas minyak, bekas sirih; piring; pinggan, batil; alat mengukur beras (*rice measurer*); buntal (*pillow and plate*); pending; sangku; rantai untuk gantung pelbagai barang, caping, buah hara (*kerchief rings*); sikat (sisir); sudu, kepala labu dan lain-lain.

Buku tersebut menunjukkan darjah perkembangan kraftangan perak (pembuatan dan tamadun perhiasanny) di alam Melayu.

Monograf yang bertajuk *Malay Brassware*, (KP JB 1514) yang dikarang oleh Balder Singh, mengandungi bahan-bahan tentang barang-barang logam dan tamadun pembuatannya di Nusantara. Monograf tersebut merupakan katalog koleksi barang-barang loyang yang tersimpan dalam Muzium Negara Singapura (National Museum Singapore). Koleksi tersebut adalah koleksi barang logam yang paling banyak di muzium tersebut. Koleksi mengandungi lebih daripada 700 artifak dari Terengganu, Kelantan, Sumatra, Jawa dan Brunei. Terdapat juga barang-barang dari Cina, India, Burma, Thailand dan Hong Kong.

Monograf tersebut mengandungi cerita ringkas tentang sejarah pembuatan logam di Nusantara, keterangan tentang unsur-unsur tamadun Dong Shon, Cina dan India dalam tamadun kraftangan Melayu. Pengarang menganalisis pelbagai unsur yang mempengaruhi kraftangan logam di Asia Tenggara. Balder Singh menegaskan bahawa: "*Islam had a profound impact on the decorative art of the Malay Archipelago. Generally, Islamic art employs four major design elements: geometric, abstract vegetal, calligraphic and figural. Malay brassware illustrates this basic character of Islamic art, the brass artifacts revealing the above design elements repeatedly in many guises, a single element used alone, or several in juxtaposition*" (hlm. 5)

Terdapat bab mengenai pembuatan barangan loyang di Terengganu. Dijelaskan juga istilah tembaga kuning dan tembaga putih dan perbezaannya dari segi kaedah pengeluarannya.

Pengarang menyatakan bahawa di alam Melayu wujud barang-barang loyang pelbagai jenisnya dan gayanya (*style*). Barangan loyang dari Brunei dan Sumatera diukir dengan corak yang pelbagai reka bentuknya. Barangan dari Terengganu biasanya sederhana, malahan tidak mempunyai ukiran. Barangan

dari Brunei diukir dengan figura binatang seperti naga, ular, cicak, katak dan lain-lain. Diterangkan juga kegunaan barangan loyang tersebut.

Barangan daripada koleksi Muzium Negara Singapura disertakan dengan data tentang tempat asal usulnya, ukuran dan kod simpanan.

Monograf ini menunjukkan darjah perkembangan kraftangan dan pembuatan barangan loyang di Asia Tenggara dan alam Melayu.

Ditemui beberapa tajuk makalah yang berkaitan dengan kajian kraftangan Melayu yang memperihalkan tentang kain, iaitu batik, songket, tenunan dan lain-lain. Antaranya L.Wray dalam makalah L.Wray yang bertajuk *Kain pelangi* (KP JB 1509) menyentuh tentang kain pelangi, iaitu kain berjalur-jalur dan berwarna-warni. Pengarang menjelaskan bahawa kain pelangi ialah kain sutera bercorak jalur-jalur. Dijelaskan juga tentang pelbagai jenis kain pelangi, corak-coraknya, warna jalur dan maknanya.

Makalah yang bertajuk, *The Batik art of Khalil Ibrahim; the art of Seah Kim Joo,* (KP JB 1507) ialah salah sebuah tulisan oleh Frank Sullivan yang dikumpulkan dalam satu buku. Kumpulan makalah tersebut mengandungi bahan-bahan popular yang diterbitkan secara berkala dalam *The Straits Times Annuals.* Makalah tersebut dilengkapi dengan gambar-gambar berwarna.

Dalam makalah tersebut terdapat maklumat tentang Khalil Ibrahim iaitu seorang tukang pelukis batik (Straits Times Annuals, 1970 (hlm. 54-59). Maklumat tersebut dilengkapi dengan gambar lukisan Khalil Ibrahim dalam pelbagai gaya (genre), termasuk batik dalam gaya Bizantine (*Byzantine manner*).

Kumpulan makalah tersebut mengandungi juga maklumat tentang lukisan batik oleh Teng, iaitu seorang pelukis batik dari Singapura (Straits Times Annuals, 1962); makalah kecil tentang pameran lukisan batik yang diadakan di

Balai Seni Lukis Negara di Kuala Lumpur (Straits Times Annuals, 1962); makalah tentang Seah Kim Joo – iaitu pelukis batik yang terkenal di Malaysia dan di Singapura (Straits Times Annuals, 1969 hlm. 50-55). Semua bahan dilengkapi dengan gambar berwarna.

Bahan-bahan ini mencerminkan darjah perkembangan kraftangan tradisional (batik) Melayu pada masa ini dan menunjukkan bahawa kraftangan batik adalah karya seni tempatan yang tulen dan amat berharga. Hal yang berkaitan dengan kain songket dijelaskan di dalam dua buku. Buku yang pertama bertajuk *Malaysian Songket* (KP JB 1505) dikarang oleh Norwani Mohd Nawawi. Karangan tersebut merupakan album dengan gambar-gambar berwarna, mengandungi bahan-bahan tentang kain songket dan cara tenunannya. Diceritakan secara ringkas tentang sejarah umum alam Melayu, sejarah perkembangan songket di alam Melayu dan tamadun tenunan secara umum. Dijelaskan juga seni songket ini dipengaruhi oleh tamadun India, Cina, Khmer, negara-negara Arab.

Pandangan pengarang senada dengan pandangan G.P.Rouffaer. Beliau menulis: "*it was not until the sixteenth century that with the enfluence from Indian emigrants, two centres of Chindi weaving were established on the eastern coast of Malaya*" (hlm. 10). Ternyata tradisi tenunan songket datang dari India dan Vietnam Utara.
Pengarang menegaskan bahawa:

> "*People of South Vietnam of ancient Malay stock were Muslim spoke Malay language. They were driven out of their country when it was overrun by the Annamese in 1471 AD. A few of the Cham refugees, including a Cham prince, flied to Malacca. Other brought along artisyic tradition with them to Kelantan and Terengganu and reinforced the existing weaving skills of the east coast Malays while being absorbed into the local population*" (hlm. 10) Kawasan ini dianggap sebagai tempat penyebaran tenunan songket Melayu yang paling terkenal.

Alat-alat tenunan dan cara pembuatan kain songket dijelaskan dalam bab berikutnya, iaitu bab II (hlm. 13-18), bab III (hlm. 19-28); bab IV (hlm. 29-52). menurut pengarang, kaedah tenunan songket dan ikat datang dari Mesir. Kain yang sama jenisnya tersebar di sana sejak kurun ke-8. Dalam bab VII pengarang menyatakan jenis-jenis kain dan penggunaannya.

Dalam bab V, VI dijelaskan teknik mencelupkan (*dyeing*) kain dan coraknya. Disebutkan corak yang popular ialah flora (bunga, pokok, daun, buah-buahan, pucuk rebung dal lain-lain); corak fauna (burung, binatang dan lain-lain), corak benda (keris, mahkota, tapak catur, ombak-ombak dan lain-lain), corak makanan (*food motifs*) dan lain-lain. Maklumat tersebut dilengkapi dengan katalog berwarna-warni dan bercorak.

Buku ini boleh digunakan untuk menentukan asal usul songket dan panduan berguna kepada mereka yang ingin terlibat dalam industri perusahaan kain.

Buku yang kedua bertajuk "*Songket Malaysia's women treasure*" (KP JB 1506) yang dikarang oleh Grace Inpam Selvanayagam, juga merupakan sebuah album bergambar mengenai kain songket. Dalamnya terdapat maklumat tentang penggunaan songket (hlm. 1-19); kaedah tenunan (hlm. 20-44); sistem ukiran songket-badan, kepala, puncak dan lain-lain (hlm. 45-68); corak-corak badan songket dan maknanya (hlm. 69-118); corak-corak kepala songket (hlm. 119-147); corak-corak punca songket (hlm. 148-170); dan corak tepi kaki songket (hlm. 171-183; 184-192). Asal-usul corak tersebut dan makna pelbagai simbol dari sudut pandangan ilmu etnologi dan semiotik (*semiothics*) tidak ditemui.

Satu lagi bentuk kraftangan yang menjadi subjek kajian oleh ahli etnologi ialah barang-barang seramik dan cara pembuatannya. Dalam monograf yang bertajuk *Kendi pouring vessels in the University of Malaya collection* (KP JB 1512) yang dikarang oleh Khoo Joo Ee, ditemui analisis kendi seramik yang disimpan di Muzium Seni Asia di Universiti Malaya. Monograf berupa

album dengan gambar-gambar berwarna. Koleksi utama dibeli oleh muzium tersebut pada tahun 1978. Kebanyakan koleksi dari Indonesia dan dibuat daripada tanah liat, tembikar dan porselin. Terdapat juga barang-barang dari China, Thailand, Jepun, Vietnam, Persia dan lain-lain.

Koleksi kendi tersebut adalah koleksi kendi yang terbesar di dunia. Koleksi barangan kendi itu menunjukkan perkembangan tamadun seramik di Asia Tenggara selama 1000 tahun. Pengarang turut menjelaskan sejarah pembuatan kendi di China, Vietnam, Thailand, Jepun dan di alam Melayu sejak zaman Pra-Sejarah. Dimuatkan juga sejarah perubahan bentuk kendi mengikut zaman.

Istilah Melayu 'kendi' berasal dari kata Sanskrit "kundi" iaitu "periuk dengan muncung" (*pot with a spout*). Walaupun begitu, menurut pengarang terdapat pelbagai jenis kendi yang berasal dari Asia Tenggara. Misalnya kendi maling. Pengarang menegaskan bahawa tradisi kendi di Persia juga dipengaruhi oleh tamadun pembuatan kendi China.

Khoo Joo Ee menumpukan perhatian kepada sejarah perdagangan seramik di Asia dan sekitarnya. Barangan seramik daripada Han (25-220 AD) ditemui di Indonesia. Hal ini membuktikan bahawa hubungan perdagangan di antara China dan alam Melayu wujud sejak dahulu lagi.

Zaman emas perniagaan seramik adalah zaman kerajaan Dinasti Tang (618-906). Pengarang menyatakan bahawa pada masa itu, berkembangnya hubungan di antara China dan Khalifah Ummayad (600-749AD) serta Khalifah Abbassid (700-820AD). Terdapat juga maklumat tentang perniagaan seramik pada zaman Mongol iaitu dinasti Yuang (1280-1368) dan dinasti Ming (1368-1644); pada zaman kerajaan Melaka dan juga pada zaman penjajahan Eropah.

Dalam buku tersebut, diberikan juga maklumat tentang penggunaan kendi di pelbagai bidang, iaitu untuk keperluan seharian, upacara keagamaan dan acara-acara rasmi. Maklumat tersebut dilengkapi dengan gambar (*pictures*)

lukisan kecik, patung dan lain-lain. Hal ini menunjukkan pelbagai fungsi kendi tersebut di India, Persia, Thailand.

Cara perbuatan kendi, alatan kerja dan kaedah pembakaran seramik dijelaskan dalam bab IV "Ceramic Processes" (hlm. 27-30). Katalog koleksi terdapat dalam bab V (hlm. 30-135). Katalog mengandungi gambar artifak lengkap dengan keterangan mengenai tarikhnya, jenis, bahan mentah, ukuran dan data-data yang lain.

Buku tersebut menunjukkan darjah perkembangan kraftangan dan pembuatan barangan seramik di Asia Tenggara dan alam Melayu.

Makalah kecil yang bertajuk *A ceramic legacy of Asia's Maritime trade on Tioman Island* (KP JB 1513), yang dikarang oleh Jean Martin, mengandungi kenyataan tentang perniagaan barangan seramik di Asia khususnya di Pulau Tioman. Barang-barang tersebut pernah dipamerkan di Kuala Lumpur di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya pada 12 April 1985. Pulau Tioman menjadi 'mata rantai' dalam perniagaan tersebut iaitu pelabuhan persinggahan untuk para saudagar yang menjual seramik. Salah satu sebabnya kerana di pulau tersebut terdapat air segar dan pelabuhan yang selamat dan selesa.

Pulau Tiomah (*Betumah*) disebut buat pertama kalinya dalam teks Arab "Akhbar as-Sin wa'l Hind" (dikarang sebelum tahun ke-1000). Kenyataannya seperti berikut: "*Then the ships travel to a place called Betumah wich has fresh water for anyone who desire it*" (hlm. 81).

Pengarang turut menyatakan dalam sumber China dan Eropah yang banyak menceritakan tentang pulau tersebut.

Dalam makalah tersebut, diterangkan juga aktiviti perdagangan seramik pada zaman Song (960-1279 AD) dan kurun-kurun lain. Bahan-bahan tersebut dilengkapi dengan gambar-gambar artifak.

Karangan tersebut memberi peluang kepada kita memahami sejarah perkembangan tamadun seramik selain menganalisis ciri-ciri khasnya di Asia Tenggara termasuk alam Melayu. Penting diketahui bahawa dua karya tersebut menyebutkan karangan para pengembara Arab sebagai sumber sejarah utama dalam kajian tamadun kraftangan di Nusantara.

Justeru, bukan hanya barang-barang seramik menjadi simbol tamadun Melayu. Barang-barang yang dianggap sebagai lambang kraftangan Melayu adalah barangan daripada kayu, iaitu *seni ukir kayu* dan *rumah tradisional*. Hal ini dinyatakan dalam pelbagai karangan yang disimpan dalam koleksi John Bastin.

Buku yang bertajuk *Traditional Malay woodcarving* (KP JB 1515) yang dikarang oleh Abdul Halim Nassir, merupakan album gambar berwarna tentang seni ukir kayu Melayu. Terdapat maklumat tentang sejarah perkembangan seni ukiran kayu di alam Melayu, ciri-ciri khas dan tamadunnya susun atur peralatannya dan ukiran kayu di rumah Melayu tradisional. Buku itu turut mengandungi juga maklumat tentang seni ukir batu dan logam.

Pengarang menegaskan bahawa ukiran kayu ialah seni yang paling tersebar di alam Melayu. Unsur-unsur ukiran kayu bukan hanya terdapat di rumah swasta (persendirian), malah juga di masjid, madrasah, istana dan bangunan-bangunan awam yang lain.

Dalam buku tersebut terdapat banyak gambar dengan barang-barang ukiran kayu yang amat cantik dan halus. Terdapat juga banyak barang dengan unsur kaligrafi berhuruf Arab. Tulisan tersebut lazimnya menyerupai petikan dari al-Qur'an.

Pengarang turut mengingatkan tentang maklumat daripada *Sejarah Melayu* dan *Misa Melayu* yang mengandungi seni ukiran kayu di istana sultan Mansur

Syah (1459-1477) di Melaka dan di istana sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1780) di Perak.

Buku mengandungi gambar pelbagai rumah Melayu yang dihiasi dengan pelbagai ukiran kayu (hlm. 44-92). Gambar dilengkapi dengan keterangan tentang tempat letaknya, coraknya dan lain-lain. Antara corak yang disebutkan ialah *'itik pulang petang', 'badak mudik', 'awan Sa'mayang', 'awan boyan', awan jawa', 'pola bujang', pola pemidang', 'sikup dada', 'tahi ayam',* pelbagai bunga, daun dan lain-lain.

Pengarang turut menjelaskan pelbagai unsur lain dalam seni ukiran kayu Melayu, antaranya unsur-unsur kosmik (mata hari), unsur-unsur geometrik; unsur-unsur kaligrafik dan unsur-unsur flora.

Pengarang memasukkan pelbagai contoh kaligrafi iaitu tulisan berhuruf Arab dalam bahasa Arab. Namun itu analisis isi tulisan dan maknanya tidak ditemui.

Bahan-bahan tersebut mengesahkan bahawa kraftangan Melayu, terutamanya tradisi ukiran kayu, dipengaruhi oleh tamadun Islam. Justeru, dalam tradisi ini terdapat perubahan yang penting. Selepas penyebaran Islam di alam Melayu, corak yang menyerupai wajah dan badan manusia (patung-patung manusia) hampir tiada. Sebelum kedatangan Islam corak yang bersumberkan manusia dianggap asas dalam ukiran kayu di Nusantara (misalnya dalam tradisi ukiran Bali, Jawa, Sabah, Sarawak dan lain-lain). Pada zaman Islam, unsur-unsur tersebut digantikan dengan pelbagai corak ukiran yang mengandungi tulisan kaligrafi Arab, dan corak dengan unsur tanaman (pokok, bunga dan lain-lain), dan corak-corak mujarad.

Karangan Abdul Halim Nassir yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa seni ukiran kayu adalah salah satu unsur pembinaan rumah Melayu. Sementelahan pula, bahan asas yang digunakan untuk membuat rumah ialah

kayu. Kebanyakan rumah Melayu mempunyai ukiran kayu yang pelbagai bentuk dan coraknya. Kayu dianggap sebagai bahan yang amat sesuai dan memenuhi syarat-syarat kehidupan di alam Melayu dari sudut pandangan ilmuwan ilmu ekologi dan iklim (climatology).

Penduduk alam Melayu mempunyai sistem rumah yang amat menarik dan semula jadi. Hal ini dijelaskan dalam buku bertajuk *Building a Malay House* (KP JB 1516) yang dikarang oleh Phillip Gibbs dan Yahya Abdul Rahman. Buku tersebut mengandungi maklumat yang lengkap tentang tamadun perumahan Melayu dan jenis-jenis rumah Melayu tradisional. Pengarang juga menegaskan secara betul bahawa "*the Malay house is a sophisticated system that evolved with Malay culture, over many centuries. The system incorporates the believes of the Malays and responds to their way of life*". (hlm. 1)

Pengarang menyatakan juga bahawa orang Melayu amat menghargai dan menghormati rumah. Setiap barang dan unsur bangunan mempunyai nama sendiri. Beliau menegaskan bahawa tamadun perumahan berkaitan dengan hal-ehwal agama dan juga dipengaruhi oleh cara kehidupan orang Melayu. Menurut pendapat beliau: "*The Malay house system, based on a set of rules from the tradition of Malay culture, ensures that harmony is achieved … The Malay house system is not the simple transformation of wood into a place of habitation but is rather a response to the complex beliefs if Animism, Hinduism and Islam*". (hlm. 7)

Pengarang menganalisis sistem perumahan Melayu dan pelbagai unsur tamadun Melayu tradisional yang dicerminkan dalam rumah tersebut. Beliau menulis antara lain bahawa bahagian utama dalam rumah Melayu tradisional adalah *rumah ibu.* Hal tersebut mencerminkan peranan tinggi yang mempunyai wanita dalam masyarakat Melayu. "*The women still remains the custodian of all property. Not only does the land and house belong to her, but she is responsible for its upkeep. The house is the domain of the women*" (hlm. 8)

Pengarang menegaskan juga bahawa *rumah* adalah unsur tamadun Melayu yang digunakan oleh semua orang Melayu iaitu oarng bandar dan orang kampung, orang kaya dan miskin, orang tua dan muda. *"The Malay house belongs to all Malays. It is not only for the cultured, the rich or the privileged, but it something to be enjoyed by ordinary folk."* (hlm. 9)

Dalam karangan tersebut terdapat maklumat tentang perumahan di kampung dan kaedah pembangunan rumah kampung. Antara ciri-ciri khas rumah Melayu yang disebutkan ialah sistem pengalihan udara (*ventilation*) yang istimewa. Dijelaskan juga bahawa atap rumah Melayu dibuat daripada daun pokok palma dan kayu. Ternyata kayu dan daun-daunnya dianggap sebagai bahan asas yang paling sesuai dengan syarat kehidupan di alam Melayu. Besi jarang digunakan.

Pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah perumahan di alam Melayu pada zaman penjajahan Eropah. Dimaklumkan bahawa pada kurun ke-19, raja-raja Melayu berpindah dari istana tradisional ke bangunan yang moden di Barat. Pengarang menyatakan tamadun perumahan Melayu dipengaruhi oleh budaya Barat.

> *"The royal families moved from their traditional istana ... to airconditioned buildings of concrete. They adopted lifestyles modeled increasingly on the European nobility. As always, the Malays aspired to follow their leaders. The villager began to acquire furniture and the scale of the house had to adjust. Floor covering were laid and ceiling hung. During the day, the house became hot. Modern industrial products appeared and Western clothing was worn. Storage was provided. School children had to study, so partitioning was introduced. Reticulated water was brought to the house, and part of the building dropped to the ground on a concrete slab"* (hlm. 19)

Maklumat tersebut membuktikan bahawa tamadun perumahan memang bergantung kepada cara kehidupan orang Melayu. Cara kehidupan itu

diakibatkan oleh keperluan kehidupan yang tertentu iaitu cuaca tropikal (panas, hujan, angin, rimba dan lain-lain). Kedatangan orang Eropah mempengaruhi perubahan dalam pembinaan rumah tradisional. Antaranya rumah tradisional sekarang dipasang dengan sistem pengalihan udara.

Dalam monograf tersebut diceritakan juga tentang kaedah dan teknologi pembangunan rumah Melayu tradisional. Diceritakan secara terperinci tentang pembangunan atau peringkat pembangunan rumah. Cerita dilengkapi dengan draf-draf dan sumber sokongan

Pengarang menyebutkan pelbagai jenis rumah Melayu tradisional, iaitu:

- rumah Negeri Sembilan atau rumah tiang dua belas
- rumah Melaka dengan laman dalam (*Courtyard house*)
- rumah Gajah Menyusu di Bukit Mertajam
- rumah tikar (*matting house*) di Kuala Kangsar
- rumah Pulau Pinang

Dalam bab yang terakhir pengarang menjelaskan sistem perumahan Melayu berdasarkan dua sumber sejarah iaitu *Buku Pawang* (*pawang book*) dan *Tajul Muluk*. Dalamnya terdapat peraturan Pembinaan pembangunan rumah. Misalnya:

> *Pawang Book*:
> *"If the door faces the east, it is a good sign. If it is to the north, it is a good sign. If it faces the south, it is a bad sign"*
>
> Tajul Muluk:
> *"The main door of the house must not face the east – it is bad for the house occupants. Apart from the East , the door can face any other derection". (hlm. 61)*
>
> Pengarang menyatakan bahawa:
> *"In preparing their sleeping places the Malays, especially those immersed in tradition, have a strongly held belief that in order to avoid*

misfortune the head shoud face towards the north. When sleeping, the head should never face south as this is the position of dead body in a grave. The bed should not face south as this will make the person forget religion and the greatness of Allah". (hlm. 62)

Maklumat tersebut mencerminkan adat Melayu yang amat menarik. Menurut tradisi tersebut, arahan S*elatan* lazimnya dianggap sebagai unsur negatif. Misalnya dalam *Tuhfat al-Nafis,* terdapat banyak maklumat bahawa "lanun datang dari Selatan", "angin Selatan merosakkan rumah" atau "kapal tenggelam kerana ribut dari Selatan".[63]

Pengarang juga menganalisis maklumat tentang rumah dan pembangunannya yang terdapat dalam teks-teks Melayu lama. Ternyata sumber tersebut mengandungi nasihat tentang cara-cara membuat rumah tradisional, iaitu bagaimana memilih tempat yang sesuai, kayu yang lebih baik dan memilih waktu (tempoh) binaan yang terbaik. Disebutkan juga tentang peralatan kerja, ukuran dan lain-lain. Dinyatakan juga maklumat tentang sistem ukuran Melayu tradisional dan istilah-istilah yang digunakan, misalnya *buku, ketak, jengkal, hasta. depa'* dan lain-lain (hlm. 72-78). Buku ini amat penting kerana menunjukkan darjah perkembangan sistem pembangunan rumah di Asia Tengara dan alam Melayu.

Sebuah lagi monograf yang mengandungi maklumat tentang rumah Melayu tradisional, bertajuk *"The Malay House. Rediscovering Malaysia's indigenous shelter system"* (KP JB 1517) yang dikarang oleh Lim Yee Yan. Monograf ini merupakan album dengan gambar-gambar berwarna tentang sistem

[63]Mengenai angin selatan di dalam teks-teks Melayu lama lihat: T. Denisova. "Karangan-karangan sejarah Melayu klasik tentang perniagaan dan pelayaran" dlm: *"Negara-negara Timur: masalah-masalah sejarah ekonomi dan pelayaran"*, Moskow: Nauka, 2003.

perumahan di alam Melayu. Di dalamnya terdapat maklumat tentang subjek seperti berikut:

- sejarah pembangunan rumah di alam Melayu;
- tamadun pembangunan rumah Melayu dan ciri-ciri khasnya, bentuk,
- ukiran dan susun atur rumah;
- jenis-jenis rumah;
- rumah dan cuaca (iklim);
- rumah dan cara kehidupan orang Melayu;
- kaedah pembinaan rumah;
- perubahan dalam sistem pembangunan rumah Melayu dan perkembangannya pada masa depan.

Pengarang menumpukan perhatian kepada keadaan rumah Melayu tradisional dalam konteks kehidupan masa kini. Beliau menegaskan bahawa "*modern Western-type housing, which is the cornerstone of housing policy in most developing countries, cannot solve the shelter needs of the poor*." (hlm. 10) Pengarang menyatakan bahawa masalah perumahan amat penting kerana pemilikan rumah sendiri dianggap di dalam masyarakat Melayu sebagai keperluan yang utama dan tanda kejayaan seseorang individu. Menurut data statistik pada tahun 1980, daripada keseluruhan rumah di Malaysia, 64% adalah rumah milik swasta persendirian dan hanya 23% rumah yang disewa. (hlm. 15)

Pengarang menyebut bentuk-bentuk rumah Melayu tradisional yang utama, iaitu *bumbung panjang; bumbung perak dan bumbung limas*. Disebutkan juga pelbagai jenis rumah tempatan Melayu. Misalnya: *rumah selang* (Negeri Sembilan); *rumah gajah menyusu* (Pantai Barat); *rumah Minangkabau*; *rumah dengan laman dalam* (Melaka), *rumah dengan loteng* (attic); *rumah Kelantan/ Terengganu*.

Dalam karya Lim Yee Yan, dijelaskan juga istilah rumah, iaitu *serambi gantung, rumah ibu, selang* dan lain-lain. Terdapat keterangan tentang ukiran dan corak yang menghiasi rumah tradisional; sistem pengalihan udara di rumah tradisional dan masalah pengalihan udara dalam bangunan moden. Buku ini amat penting kerana menunjukkan darjah perkembangan sistem pembinaan rumah di Asia Tengara dan alam Melayu. Maklumat ini membuktikan sekali lagi bahawa di alam Melayu sejak zaman dahulu lagi, wujud tamadun perumahan tempatan yang asli dan penuh tradisi.

Dalam Bahagian Ketiga katalog Koleksi John Bastin disenaraikan 18 buku tentang *seni orang Melayu*. Karangan tersebut mengandungi maklumat tentang seni lukis, seni bina, hiasan, teater, tarian dan muzik. Terdapat juga beberapa karya umum. Subjek-subjek tersebut menarik perhatian ramai ilmuwan, tokoh dalam bidang ilmu etnologi, ilmu arkeologi, ilmu semantik (*semantics*), ilmu sastera dan juga ahli kaji seni, ahli kaji muzik dan teater. Ditemui karangan para orientalis yang terkenal, misalnya Tony Beamish (tokoh arkeologi), Mubin Sheppard (tokoh etnologi), Ivor H.N. Evans (tokoh etnologi dan kaji agama), Jeanne Cuisinier (ahli kaji seni), Amin Sweeny (tokoh kaji sastera) dan lain-lain. Kajian tersebut menyatakan bahawa seni Melayu mewarisi ciri-ciri khas tamadun orang Melayu dan mencerminkan gaya kehidupan masyarakat Melayu dan adat-istiadat orang Melayu yang purba.

Buku kecil bertajuk "*The Arts of Malaya*" (KP JB 1475), yang dikarang oleh T. Beamish, mengandungi bahan maklumat tentang seni di alam Melayu, termasuk seni penduduk Melayu, India dan China. Di dalamnya terdapat maklumat ringkas tentang artifak dan barang-barang kraftangan purba. Pengarang menggambarkan ciri-ciri khas seni lukis; seni bina; seni arca; muzik dan sastera, pembuatan barang-barang kemas dari emas dan perak, pakaian seramik dan lain-lain.

T. Beamish menganalisis unsur-unsur tradisi India dan China di dalam seni dan tamadun Melayu. Beliau menyatakan pengaruh budaya Barat dalam kesenian

tempatan. Peranan tamadun Islam hampir tidak disebutkan (yang disebutkan hanyalah unsur dalam seni bina Islam).

Karya betajuk "*Malay Arts and Crafts*" (KP JB 1476), yang dikarang oleh Ivor H.N. Evans, merupakan buku kecil popular yang diterbitkan untuk pameran "*British Empire Exhibition"* yang diadakan di London pada tahun 1924. Buku ini mengandungi maklumat umum tentang seni dan kraftangan di alam Melayu, iaitu: seramik, sulaman, barang-barang tikar; tenunan, barang-barang kemas (emas, perak. loyang), senjata (keris dan lain-lain), pengukiran kayu dan lain-lain. Peranan tamadun Islam tidak dikaji.

Monograf bertajuk"*Taman Indera a royal pleasure ground: Malay decorative arts and pastimes*" (KP JB 1478, 1479), yang dikarang oleh Mubin Sheppard, merupakan monograf berupa album yang diisi gambar dengan keterangan. Di dalamnya terdapat maklumat tentang seni ukiran kayu; seni bina (pembinaan istana dan kubu); alat muzik dan senjata; alat perkakas; tentang tarian, silat dan persembahan drama; tentang pakaian dan barang hiasan. Dinyatakan juga cara permainan gasing *(spinning top);* layang-layang dan lain-lain.

Dalam Prakata monograf ini diceritakan secara ringkas tentang sejarah alam Melayu dan perkembangan seni dan budayanya. Diberikan maklumat tentang sejarah Langkasuka, Srivijaya, Singapura, Melaka dilengkapi dengan gambar artifak-artifak yang berwarna-warni. Digambarkan pelbagai bentuk istana dan gambar-gambar hiasan (ukiran) kayu. Terdapat juga gambar bertulisan berhuruf Arab atau Jawi yang digunakan sebagai perhiasan di istana raja. Biasanya tulisan tersebut merupakan ayat-ayat daripada al-Quran. Cara dan gaya penulisan kebanyakannya mengikut contoh Arab.

Terdapat satu bab tentang alat-alat muzik dan pelbagai upacara/ persembahan tarian tradisional (*Ma'yong*). Maklumat tersebut diisi dengan pelbagai gambar dan keterangannya yang terperinci.

Buku Mubin Sheppard ini mengandungi maklumat umum tentang wayang Melayu: cerita ringkas tentang sejarah wayang, pelbagai jenis wayang; dinyatakan permainan teater di rumah (*shadow play theatre*) dan alat-alatnya. Dalam Bab tentang pakaian Melayu, diterangkan tentang baju kebangsaan yang dipakai dalam pelbagai acara, termasuk perkahwinan, majlis-majlis rasmi dan pakaian dalam kehidupan seharian. Maklumat yang terdapat dalam monograf beralbum ini menunjukkan bahawa kraftangan dan seni Asia Tengara merupakan suatu kesatuan, iaitu tamadun umum yang tersebar di kawasan Asia Tengara. Tamadun tersebut mempunyai ciri-ciri khas yang ditemui di negara Nusantara, dan pelbagai unsur istimewa yang terdapat dalam setiap negara yang tertentu.

Buku yang bertajuk "*Contemporary Artists of Malaysia: a biographic survey*" (KP JB 1481), yang disusun oleh Dolores D.Wharton, merupakan album popular tentang artis di Malaysia (1960-1970). Buku ini mengandungi data tentang riwayat hidup dan kegiatan mereka, iaitu 32 orang artis serta tokoh kraftangan. Buku ini menunjukkan ciri-ciri khas seni di Malaysia dan arahan perkembangannya. Pengarang menganalisis unsur tradisi lama dalam kegiatan seni moden dan juga pengaruh tradisi seni yang berasal dari tamadun yang lain (China, India, Eropah, USA, Singapura dan lain-lain). Dalam album ini, terdapat maklumat tentang tokoh batik; pelukis; tokoh arca (batu, logam, kayu); tokoh grafica dan lain-lain.

Dalam buku kecil yang bertajuk *"Cheong Soo Pieng Retrospective*" (KP JB 1508), terdapat katalog pameran lukisan oleh Cheong Soo Pieng. Pameran diadakan pada tahun tahun 1983 di Galeri Seni Lukis Museum Negara (National Museum Art Gallery di Singapura). Cheong Soo Pieng ialah seorang pelukis dari Singapura yang melukis karyanya dengan cat minyak dan dakwat (tinta) China. Terdapat data mengenai riwayat hidup beliau dan senarai lukisan/ karyanya yang dipamerkan di galeri semi tersebut. Lukisan yang dipamerkan digaleri itu dilukis dari tahun 1947 sehingga 1983.

Bahan-bahan tersebut mencerminkan darjah perkembangan seni lukis pada masa kini. Bahan-bahan tersebut menunjukkan juga gaya seni lukisan Singapura dalam pelbagai bahan lukisan (cap minyak, dakwat China).

Bahan-bahan tentang tarian kebangsaan dan ciri-ciri khas tamadun tarian Melayu dirakamkan dalam pelbagai karya yang disenaraikan dalam katalog koleksi John Bastin, iaitu:

1. Monograf yang bertajuk *Danses magiques de Kelantan* (KP JB 1488) yang dikarang oleh Jeanne Cuisinier (dalam bahasa Perancis). Monograf mengandungi maklumat tentang tarian sakti (*magic dance*) dan ilmu sihir di Kelantan. Dalam Bahagian I monograf, terdapat maklumat umum tentang ilmu sihir Melayu dan ciri-ciri khasnya. Bahagian II mengandungi analisis simbol dan metafora yang digunakan dalam pelbagai acara pawang dan teks-teks sihir. Dalam Bahagian III, pengarang mengkaji tarian magik (ajaib) dan menjelaskan ciri-ciri khasnya. Yang disebutkan ialah tarian *Ma'yong, Belian, Putrid*, tarian bertopeng dan lain lain.

Dalam monograf terdapat teks sajak (lagu) yang digunakan semasa persembahan tarian magik atau dan pada waktu upacara yang lain. Teks tersebut terdapat dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Perancis. Pengarang mengkaji juga tarian magik Siam dan membandingkan tarian tersebut dengan tradisi tarian Melayu. Berdasarkan perbandingan tersebut, J. Cuisinier menegaskan bahawa di Asia Tenggara timbul dan berkembangnya sistem sihir yang umum dan istimewa. Lazimnya adat-istiadat tarian magik, fungsinya serta bidang pengunaannya adalah sama dalam negara-negara di Asia Tenggara.

2. Monograf yang bertajuk *Zapin: Folk dance of Malay World* (KP JB 1489), yang dikarang oleh Mohd. Anis Md. Nor. Monograf mengandungi maklumat tentang tarian magik *zapin* di Malaysia moden. Pengarang menjelaskan sejarah penyebaran tarian *zapin* dan perubahannya (transformasi). Beliau menegaskan bahawa pada zaman pertengahan, tarian *zapin* merupakan suatu persembahan yang berkaitan dengan

upacara keagamaan dan magik tradisional. Namun, pada masa ini, tarian zapin tidak lagi dianggap sebagai tarian untuk upacara magik. Tarian tersebut sudah berubah menjadi tarian kebangsaan iaitu unsurnya berlandaskan seni sahaja.

Pengarang menegaskan bahawa tarian Zapin dibawa ke alam Melayu oleh orang Arab dari Hadhramaut pada kurun ke-14. Pada awalnya *zapin* tersebar di dalam Johor. Diterangkan juga tentang dua jenis tarian zapin iaitu tarian *Zapin Melayu* dan *Tarian Zapin Arab*. Istilah *zapin* berasal daripada perkataan arab – *zafah* (iaitu: perkahwinan di Hadhramaut) dan *zafanan* (iaitu: tarian perkahwinan).

Pengarang menganalisis sistem dan susunan tarian *zapin*. Terdapat maklumat yang lengkap tentang pelbagai gerakan asas dan posisi dalam tarian tersebut. Dalam *appendix,* terdapat catatan not dan catatan skema *tarian zapin*. Berdasarkan analisis tersebut, pengarang menyatakan secara tepat bahawa tradisi persembahan tarian zapin berasal daripada tamadun Arab dan dipengaruhi oleh budaya Islam. Beliau menulis seperti berikut: "*It is believed that both Zapin Arab and Zapin Melayu originated from the traditions of the Hadhrami Arabs, who were known to be extremely conservative and orthodox Muslim, and that the divergence of the two forms of zapin was the result of the selective process of adaptation and assimilation by the Malays and Arab-Muslims in Johor*" (hlm. 7)

Maklumat tersebut membuktikan peranan istimewa orang Arab dari Hadhramaut. Para sayyid Arab dari Hadhramaut datang ke alam Melayu untuk menyebarkan Islam di sini. Prof. Syed Mohd Naquib al-Attas dari keturunan para sayyid Hadhramaut menegaskan secara tepat bahawa penyebaran Islam dianggap sebagai misi yang istimewa oleh para alim dari keturunan sayyid Hadhramaut itu.

Dalam buku terdapat juga terdapat maklumat tentang *industri movies* (perbuatan wayang) Melayu pada tahun ke-1950an. Pengarang menegaskan bahawa tarian *zapin* menjadi simbol (lambang) tamadun Melayu dalam sinematograf Malaysia moden. Disebutkan filem P.Ramle dan persembahan *zapin* dalamnya.

3. Monograf yang bertajuk "*Taman Saujana: dance, drama, music and magic in Malaya long and not so long age"* (KPJB 1490), dikarang oleh Mubin Sheppard. Monograf mengandungi maklumat umum tentang seni dan muzik di Malaya. Terdapat keterangan tentang pelbagai persembahan seni tarian dan alat-alat muzik, iaitu:
   - tentang tarian *Joget Gamelan*;
   - tentang alat muzik *Nobat* dan pengunaannya dalam orkestra moden;
   - tentang tarian drama Mak Yong; tentang persembahan wayang kulit dan ciri-ciri khasnya di Malaysia;
   - tentang Lagu Kebangsaan di Malaysia dan sejarah penulisannya.

Maklumat tentang persembahan tarian pada masa kini dilengkapi juga dengan cerita tentang pelbagai cara tenungan (tilikan nasib), yang masih digunakan di Malaysia –untuk meramal masa hadapan. Yang disebutkan ialah *batu magik, tulang magik, patung lilin* dan lain-lain. Dalam monograf ini ditemui juga maklumat tentang silat (pencak silat) yang dianggap sebagai seni mempertahankan diri kebangsaan. Susunan monograf ini menunjukkan bahawa Mubin Sheppard mengkaji tarian kebangsaan sebagai satu persatuan yang mengandungi unsur-unsur tarian, muzik dan unsur kegiatan *magik*. Hal ini mengesahkan bahawa di alam Melayu wujud tamadun tarian dan muzik yang amat menarik dan sempurna.

4. Makalah "*Joget-Gamalan of Terengganu"* (KP JB 1491), dikarang oleh Mubin Sheppard. Makalah popular ini mengandungi maklumat umum tentang tarian *Joget Gamelan* di Terengganu. Pengarang menganalisis ciri-

ciri khas dan bidang pengunaannya. Disebutkan nama Tengku Ampuan Mariam, seorang balu al-Marhum Sultan Sulaiman Terengganu yang menyokong dan mengembangkan tarian *Joget Gamelan* Terengganu. Beliau mengetahui 32 jenis tarian Joget tersebut. Tarian *Joget Gamelan* masih mengekalkan kepopularannya sehingga sehingga kini.

5. Makalah "*Manora in Kelantan*" (KP JB 1492), merupakan satu lagi karangan oleh Mubin Sheppard. Makalah tersebut mengandungi maklumat tentang tarian *Manora* iaitu drama tarian Thai di Kelantan. Disebutkan tentang tujuh kelompok (team) penari Manora. Kebanyakannya dari kampung Balai (Bachok). Terdapat senarai para watak dan pelakon yang ikut serta dalam tarian tersebut serta diterangkan tentang cerita tarian Manora. Maklumat tentang asal usul tarian dan fungsi persembahannya tidak ditemui.
6. Monograf kecil yang bertajuk "*Silat Melayu: The Malay Art and defence*" (KP JB 1526), dikarang oleh Ku Ahmad bin Ku Mustaffa and Wong Kiew Kit. Buku tersebut mengandungi maklumat tentang *silat Melayu* iaitu seni mempertahankan diri kebangsaan. Monograf diisi dengan gambar-gambar yang menjelaskan pelbagai posisi dan gerakan silat tersebut. Diterangkan juga maklumat tentang asal usul silat dan sejarah penyebarannya di alam Melayu. Terdapat klasifikasi pelbagai jenis silat, keterangan tentang posisi dan gerakan silat; keterangan tentang pengunaan pelbagai alat senjata dalam silat.

Pengarang tidak dapat menerangkan asal-usul silat. Menurut satu lagenda, pendiri silat dianggap Hang Tuah dari Melaka; menurut mitos yang lain – tokoh silat yang pertama ialah tiga saudara Burjanuddin, Shamsuddin dan Aminuddin yang pada kurun ke-13 mereka singgah di tanah Utara (mungkin Thailand) untuk belajar agama yang baharu iaitu Buddhism daripada satu guru yang terkenal. Di situ mereka mula belajar satu sistem pertempuran yang baharu iaitu silat.

Maklumat tersebut kurang jelas: Tiga bersaudara itu menggunakan nama Muslim, justeru mereka sebenarnya orang Muslim. Kononya mereka datang untuk mempelajari agama Buddha. Namun maklumat menyatakan orang Muslim belajar agama lain tidak ditemui dalam sumber sejarah. Tidak dinyatakan tiga bersaudara itu datang dari mana, dan asal usul mereka tidak disebutkan. Kita boleh mengandaikan bahawa mereka datang dari India atau Parsi, kerana nama-nama Burhanuddin, Shamsuddin dan Aminuddin lebih tersebar di negara tersebut.

Pengarang juga menyatakan tujuan silat dan ciri-ciri khasnya. Tujuan utama yang disebutkan adalah untuk perlindungan diri daripada serangan atau provokasi. Silat mengandungi gerakan yang lembut dan lancar seperti tarian Melayu, tetapi memerlukan sistem latihan mental. Digambarkan pelbagai prosedur/tatacara berkaitan dengan silat iaitu acara pelantikan sebagai murid; acara ujian; acara pelantikan *master*; acara pertempuran umum dan lain-lain. Disebutkan pelbagai gaya (jenis) silat iaitu; Silat Minangkabau; Silat Sendeng; Silat Patani; Silat Kelantan; Silat Kedah; Silat Java. (hlm. 7-12)

Pelbagai kaedah pertempuran, posisi dan gerakan khas dijelaskan dalam bab III - VII (hlm. 13-52). Maklumat tentang cara penggunaan alat-alat senjata dalam silat terdapat dalam bab VIII - IX (hlm. 53-71).

Monograf ini amat penting kerana menunjukkan darjah perkembangan seni perlindungan diri "silat" di Asia Tengara dan alam Melayu. Seni pertempuran ini menjadi tanda istimewa *"brand"* tamadun Melayu yang terkenal di seluruh dunia, serupa dengan batik, keris, songket dan lain-lain.

Monograf ini boleh digunakan sebagai buku pelajaran untuk murid-murid yang berminat belajar silat.

Sebuah lagi karangan Jeanne Cuisinier yang sudah disebutkan sebelumnya ialah monograf yang bertajuk *Le theatre D'Ombres a Kelantan* (KP JB 1493).

Monograf ini dikarang dalam bahasa Perancis, mengandungi bahan-bahan tentang tamadun teater Melayu, iaitu tentang persembahan wayang. Kajian berdasarkan data tentang wayang kulit di Kelantan. Terdapat juga maklumat umum tentang sejarah wayang kulit di India dan Jawa; dan sejarah penyebaran budaya Indonesia di Kelantan.

Bab II (hlm. 45-92) mengandungi maklumat tentang boneka wayang kulit, alat-alat muzik dan tok *dalang*. Dalam Bab III terdapat analisis *repertoire* wayang kulit iaitu pelbagai teks drama yang dipersembahkan dalam wayang kulit itu. (hlm. 93-126) Pengarang menumpukan perhatian kepada cerita Hindu iaitu Ramayana, Mahabharata, cerita Panji dan lain-lain. Pengarang juga menjelaskan tentang unsur mitos dan sejarah yang sebenarnya dalam persembahan wayang kulit tersebut.

Paling menarik ialah Bab IV yang mengandungi maklumat tentang cara persembahan dan upacara amal wayang kulit itu. Dalam Appendix terdapat teks cerita yang digunakan dalam persembahan wayang kulit. Antara tajuknya *Hikayat Kelaparan Putra Kala*. Teks hikayat dalam bahasa Melayu dilengkapi dengan terjemahannya ke dalam bahasa Perancis.

Satu lagi karya tentang teater ialah karangan oleh Tan Sooi Beng yang bertajuk *Bangsawan: a social and stylistic history of popular Malay opera* (KP JB 1494). Monograf tersebut mengandungi maklumat tentang teater baharu di Asia Tenggara dalam bentuk (genre) *Bangsawan,* iaitu sejenis persembahan *teater bandar* (urban theatre) diikuti dengan muzik, tarian, gurauan dan lain-lain. Dalam Prakata, pengarang menganalisis definisi *teater tradisional*" dan "*teater baharu*" dan menjelaskan ciri-ciri khasnya. Pengarang menegaskan bahawa *Bangsawan* sebagai gaya (*genre*) teater yang mencerminkan sifat ke anekaragam budaya dan adat istiadat para penduduk Malaysia (dan alam Melayu).

Monograf Tan Sooi Beng ini mengandungi cerita ringkas tentang sejarah perkembangan umum dan teater komersil di Malaya dari tahun 1880 hingga 1930. (hlm. 8-34). Terdapat juga maklumat tentang pelbagai jenis persembahan teater, termasuk *variety* (keanekaragaman pertunjukan); tentang plot *(skrip*), pertunjukan (*spectacle*) dan lain-lain. Pengarang mengkaji tentang teater bangsawan sebagai suatu teater komersil mampu menyesuaikan diri dengan penonton secara umumnya. (hlm. 35-59)

Satu bab yang istimewa mengandungi data tentang para pelakon dan riwayat hidupnya. (hlm. 60-72): Pengarang menerangkan sejarah perkembangan muzik dan orkestra di Malaya dalam tahun 1920-an hingga 1930-an serta menganalisis susunan skrip dan pertunjukan bangsawan tersebut. Amat menarik adalah maklumat mengenai persembahan Hamlet di dalam teater Melayu.

Dalam bab yang terakhir terdapat maklumat mengenai sejarah teater *Bangsawan* sejak tahun 1920-an hingga ke-1980-an. Pengarang menegaskan bahawa pada tahun 1920 hingga 1930-an, pertunjukan *Bangsawan* amat popular di alam Melayu. Salah satu sebabnya kerana teater ini mengandungi unsur-unsur pertunjukkan tradisional (wayang kulit, tarian-tarian dan lain-lain). Pengarang menegaskan bahawa *"The Malays preferred bangsawan to the silent movie or the talkie; they used to call the silent movie wayang mati… The Malays could not really understand the Western tolkie, …"* (hlm. 28) Ternyata dalam masyarakat Melayu persembahan teater yang berdasarkan tradisi tempatan, iaitu *Teater Bangsawan,* menjadi lebih popular daripada cinema (tanpa suara). Hal ini membuktikan bahawa di alam Melayu wujud tamadun persembahan mereka yang sendiri (tempatan). Salah satu ciri khas tamadun persembahan teater tempatan ini adalah sifat "keterbukaan" dan "keanekaragam". Hal ini dicerminkan dalam jadual (repertoire) persembahan Bangsawan itu. Tan Sooi Beng menulis seperti yang berikut: *"Sometimes within a week a theatrical company might offer as the evening's feature play a Hindustani or Arabic fairy-tale; a Shaksperian tragedy, a Chinese Romance and an English or Dutch play*" (hlm. 35)

Persembahan yang sama iaitu teater Bangsawan dibicarakan juga dalam makalah bertajuk, *The Malay "Bangsawan"* (KP JB 1495), yang dikarang oleh Mustapha Kamil Yassin untuk **"**Federal Museum Journal". Makalah tersebut mengandungi cerita ringkas tentang sejarah teater di alam Melayu (Teater Turk atau "wayang stambul", Seri Penglipor Lara, opera Cina Yap Chow Tong Opera dan lain-lain). Pengarang membandingkan teater Bangsawan dengan gaya teater Perancis *Commedia dell'arte,* yang tersebar di negara-negara Barat. Pengarang turut menjelaskan ciri-ciri umum dan ciri-ciri khas kedua-duanya genre tersebut.

Dalam koleksi John Bastin terdapat sebuah lagi monograf tentang wayang iaitu yang bertajuk "*The Ramayana and the Malay Shadow-Play*" (KP JB 1496), dikarang oleh Amin Sweeny. Pengarang menganalisis unsur-unsur Ramayana di dalam pertunjukan wayang kulit Melayu. Monograf tersebut mengandungi maklumat tentang wayang kulit Siam serta analisis pelbagai teks tempatan berdasarkan Ramayana (misalnya *Cerita Maharaja Wana*) yang digunakan dalam pertunjukan wayang kulit. Monograf dilengkapi dengan kajian teks dalam bahasa Melayu lengkap dengan keterangan mengenai tekstologi, sejarah dan lain-lain. Terdapat juga maklumat tentang alat-alat muzik dan boneka-boneka yang digunakan dalam persembahan Wayang Siam tersebut.

Pengarang menegaskan bahawa di alam Melayu terdapat empat jenis wayang kulit iaitu *Wayang Siam, Wayang Jawa, Wayang Gedek, Wayang Kulit Jawa*. Beliau menumpukan perhatian kepada Wayang Siam yang tersebar di Kelantan, Terengganu, Patani, Kedah dan Perak. Repertoirnya berdasarkan Ramayana dalam pelbagai variasi cerita misalnya *Cerita Maharaja Wana*.

Dalam Prakata pengarang menjelaskan sejarah kajian ilmiah mengenai wayang kulit dan sejarah penyebaran tradisi tersebut di alam Melayu (hlm. 3-25)

Amin Sweeny mengkaji juga hal ehwal ekonomi dalam persembahan wayang kulit (pembayaran, faedah, harga tiket, cukai, pembayaran sewa panggung;

gaji dalang dan lain-lain). Dimaklumkan bahawa wayang biasanya tidak/kurang mendatangkan faedah. "*Dalang rarely seems to grow rich on their incomes from the wayang, and their homes are no grander than those of their neighbours. Those dalang who own no land and have no regular secondary occupation are usually in considerable worse financial straits than their follows*" (hlm. 32)

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa wayang kulit tidak berkaitan dengan faedah atau keuntungan perniagaan. Lazimnya dalang ialah seorang *enthusiast*, yang sering terlibat dalam pertunjukkan percuma atau dengan pembayaran yang *simbolik* sahaja. Dari segi status, dalang kebanyakannya berasal dari keluarga petani. Lazimnya mereka tidak mempunyai pendidikan, malahan sesetengahnya adalah buta huruf.

> *"All Malay dalangs acknowledge themselves to the Muslims, and none deny the doctrine of Islam; and although many of their side beliefs are far from orthodox, they do not consider themselves heretic. … A number of dalangs do not fast during Ramadhan, but the majority, probably, do. Likewise regarding compulsory prayer, both daily and Friday, some more lax while others are regular, although I feel that majority, at least in Kelantan, tend to be somewhat lax in observing these times of prayer. When a dalang readily admits to not observing these tenets of Islam – and it is rarely that he does – his reason will be that he is lazy, and he will acknowledge this as a dereliction of duty. No dalang has ever informed me his laxity is due to lack of belief.*
> (hlm. 34-35).

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa orang Melayu menganggap persembahan wayang kulit sebagai sejenis seni yang tidak berkaitan dengan kepercayaan, dan bukan sebagai upacara keagamaan. Peranan dan fungsi (pengunaan) Ramayana dan Cerita Maharaja Wana dalam masyarakat Melayu sudah berubah. Teks tersebut menjadi karya sastera dan tidak dianggap sebagai teks agama.

Dalam bab ketiga (ms. 41-48) pengarang menyatakan pelbagai kategori dalang: iaitu *dalang tajali, dalang tiru, dalang budak, dalang muda*. Beliau turut menjelaskan hubungan antara guru dalang dengan muridnya.

A. Sweeny juga menganalisis tok dalang berdasarkan pelbagai teks Melayu yang digunakan semasa persembahan wayang kulit. Teks tersebut dilampirkan. Terdapat keterangan tentang teks *Cerita Maharaja Wana* dari sudut tekstologi. Manuskrip tersebut dalam huruf Latin dilampirkan (hlm. 295-352). Terdapat *scenario* lakon drama yang sama dengan keterangan untuk pelakonnya (hlm. 353-416). Monograf ini amat menarik kerana merupakan suatu kajian lengkap tentang wayang kulit ini.

Dalam katalog koleksi John Bastin, kita menemui sebuah karangan yang berkaitan dengan seni muzik. Nampaknya John Bastin tidak begitu berminat subjek tersebut. Karya tersebut ialah makalah kecil yang bertajuk "*Some Notes on the origin and development of naubat*" (KP JB 1497), dikarang oleh Affan Seljuq dan diterbitkan di JMBRAS.

Dalam makalah tersebut, terdapat cerita tentang sejarah penyebaran *naubat* di alam Melayu. Menurut pengarang "*naubat came to Malayan archipelago by the ship of Sheikh Ismail a saint through whom SULTAN Malik al-Saleh the ruler of Pasai embraced Islam*". (hlm. 141). Pengarang menegaskan bahawa Sheikh Isma'il membawa nobat yang bernama Ibrahim Khalil. Nobat tersebut digunakan dalam acara pelantikan Sultan Malik as-Saleh. Menurut pengarang, hal tersebut mencerminkan bahawa selepas penyebaran Islam, status negara Pasai berubah. Kerajaan Pasai menjadi sebahagian daripada "Dar al-Islam". Selepas itu, nobat selalu digunakan dalam acara pelantikan sultan.

Pengarang menulis seperti yang berikut: *"It may be concluded here that the Naubat which Sheikh Ismail broght with him was sent by the ruler of Mecca as a gesture of royal favour and honour for Sultan Malik as-Saleh: it was a traditional*

form of bestowing royal favours." (hlm. 142). Makalah tersebut, diceritakan secara ringkas mengenai sejarah nobat di negara Islam yang lain, seperti di Iran, Iraq, Suria, Turki, Mesir, Afrika Utara, Spanyol, India dan lain-lain. Terdapat rujukan daripada teks "Syah-nama" iaitu puisi yang masyur yang dikarang oleh Firdausi. Walaupun makalah ini agak kecil tetapi dalamnya terdapat maklumat penting yang membuktikan hubungan alam Melayu dengan Mekah. Hal ini mencerminkan pengaruh orang Muslim Arab kepada sejarah dan tamadun Melayu.

Sastera dan Bahasa

Dalam bahagian *"The Malays and Malay culture"* katalog koleksi John Bastin disenaraikan hanya sebuah tajuk buku tentang bahasa (KP JB 1421) dan hanya empat tajuk tentang sastera (KP JB 1437, 1444, 1449). Justeru, banyak buku membincangkan subjek tersebut. Buku itu disenaraikan dalam bahagian katalog yang lain, iaitu bahagian *"Malay: dictionaries, grammars, manuals, language and Malay studies"*. Sistem dan susunan katalog yang demikian mencerminkan cara pemikiran pemilik koleksi iaitu John Bastin. Menurut beliau, definisi "Malay culture" tidak boleh diertikan sebagai "bahasa dan sastera". Sebenarnya kurang jelas mengapakah tajuk berkenaan dipisahkan dari karangan yang lain dan disenaraikan dalam Bahagian Ketiga *"The Malays and Malay culture".*

Karangan tentang bahasa ditemui dalam makalah yang bertajuk "*The International classification of the Malayic Subgroup*" (KP JB 1421), dikarang oleh Alexander K. Adelaar, seorang pakar dalam bidang linguistik dan ilmu etimologi. Makalah tersebut mengandungi maklumat tentang klasifikasi dan kumpulan bahasa, termasuk Subkumpulan Melayu. Terdapat banyak bahan linguistik dan hasil analisis perbandingan kosa kata bahasa tempatan dengan bahasa lain.

Pengarang menumpukan perhatian kepada bahasa Iban (dayak laut) dan menjelaskan bahawa bahasa tersebut mewakili subkumpulan bahasa yang istimewa. Dalam karangan Aleksander K. Adelaar, disebutkan juga diskusi dengan B.Nothofer mengenai susunan definisi subkumpulan *Melayu* (*Malayic subgroup*), semasa Persidangan Antarabangsa tentang sejarah alam Melayu yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1988. A. Adelaar tidak memasukkan ke dalam subkumpulan Melayu pelbagai bahasa tempatan, iaitu bahasa Iban, Rejang – Salako dan lain-lain. Sebaliknya B. Nothoter menganggap semua bahasa tersebut sebagai sebagaian daripada subkumpulan bahasa Melayu. Makalah ini menarik untuk ahli bahasa kerana menunjukkan penelitian bahasa Melayu yang tersebar dalam ilmu linguistik di Barat.

Karya yang bertajuk "*The Melayu peoples in Hai-Kuo-Wen-Chien Lu*", (KP JB 1449) merupakan kertas kerja yang dikarang oleh Wang Chungwu, tentang orang Melayu, yang ditemui dalam teks sejarah China *'Hai-kuo Wen-Chien Lu'*. Teks tersebut dikarang oleh Ch'en Lun-Chiung pada tahun 1730. Pengarang teks sejarah tersebut tinggal di antara dua pelabuhan China yang terkenal, *Ch'uan-chou* dan *Chang-chou* (dekat Amoy). Kedua-duanya mempunyai hubungan yang aktif dengan Maluku, Semenanjung Tanah Melayu, Borneo (Kalimantan), Jawa, Sumatra dan lain-lain. Karya sejarah tersebut mengandungi enam bab. Dalam Bab pertama, terdapat maklumat tentang China dan lautan sekelilingnya, Bab kedua - tentang Jepun dan Ryukyu, Bab ketiga tentang Laut Tenggara (jalan-jalan laut dari Taiwan ke Maluku). Dalam Bab yang keempat terdapat maklumat umum tentang Asia Tenggara dan Indonesia; dalam Bab lima – disebutkan tentang lautan India dan dalam Bab enam terdapat maklumat tentang lautan Atlantik. Maklumat tentang orang Melayu dirakamkan dalam Bab ketiga dan keempat teks sejarah tersebut. Karangan Wang Chung Wu dimuatkan juga dengan petikan-petikan daripada teks sejarah tersebut yang mengandungi sebutan tentang orang Melayu. Dalam monograf yang bertajuk *"Bungai Rampai: Aspects of Malay culture" (KP JB 1471*), yang dibincangkan sebelumnya, terdapat beberapa bab tentang sastera dan budaya Melayu.

Monograf ini menceritkan secara ringkas tentang sastera Melayu klasik, sastera Melayu moden dan puisi dalam bahasa Melayu. Terdapat analisis kegiatan Raja Ali Haji sebagai seorang pujangga klasik.

Pengarang meneliti unsur mitos dalam historiografi dan sastera Melayu. Beliau menjelaskan ciri-ciri khas muzik Melayu klasik dan pengaruhnya kepada muzik moden. Amat penting ialah, maklumat tentang kaedah teknologi Melayu tradisional yang digunakan dalam perindustrian moden.

Mohd Taib Osman juga mengkaji pengaruh Islam dalam dua sistem kehidupan masyarakat Melayu, iaitu dalam sistem kerajaan ("*Religion and bureacracy: the development and organization of Islamic Religious Administration in Peninsula Malaysia*" (hlm. 255-260)) dan dalam bidang budaya ("*Islamization of the Malays: a transformation of culture*", hlm. 261-172)

Pengarang menegaskan secara tepat bahawa karya Raja Ali Haji mencerminkan unsur-unsur perubahan sosial yang diakibatkan oleh kegiatan Eropah di alam Melayu. Perubahan tersebut berlaku juga dalam bahasa Melayu dan kosa kata yang digunakan oleh Raja Ali Haji. Salah satu unsur baharu ialah maklumat tentang peristiwa, dengan tarikhnya yang lengkap. Terdapat analisis pelbagai karya Raja Ali Haji: iaitu *Tuhfat al-Nafis, Silsilah Melayu dan Bugis, Kitab Pengetahuan bahasa* dan lain-lain. Ternyata karya historiografi Melayu Islam mencerminkan kehidupan yang sebenarnya terdapat pelbagai unsur quazi-sejarah dalamnya.

Dalam Bab tentang unsur mitos dalam historiografi Melayu, pengarang menyatakan, bahawa mitos tidak boleh dianggap sebagai unsur-unsur *folklore* (budaya rakyat) sahaja. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa karya sejarah bukan sahaja bersifat "*socio-cultural product*" malahan "*psycho-cultural expression*". Hal ini amat penting untuk memahami cara pemikiran orang Melayu dan kefahaman mereka sendiri (bagaimana orang Melayu memahami

diri sendiri). Lazimnya *cerita ajaib* tentang zaman dahulu kala mencerminkan peristiwa semasa dan mengandungi maklumat kehidupan yang nyata dalam bentuk *mitos*. Unsur-unsur tersebut digunakan untuk menyatakan pendapat atau kepentingan tertentu.[64] Pengarang menyatakan bahawa: "*The Malay sejarah was not merely a literary effort, but one that was central to the ideology of the traditional Malay Society*" (hlm. 136)

Dalam makalah yang bertajuk "*Za'ba dan pendidikan orang Melayu: tinjauan terhadap pandangan awalnya 1916-1923*" (KP JB 1437), yang dikarang oleh Adnan Haji Nawang, terdapat maklumat tentang sasterawan dan cendekiawan Melayu yang amat terkenal, iaitu Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) (1895-1973). Pengarang menganalisis pendapat Za'ba tentang pendidikan orang Melayu dan tentang kelemahan sistem pendidikan yang diaturkan oleh pentadbiran Inggeris.

Pengarang memetik pendapat Za'ba 'pelajaran dunia ini' tidak boleh dipisahkan dengan 'pelajaran agama'. Beliau menulis seperti berikut: *"Kedua-duanya saling melengkapi dan berfaedah bagi kehidupan manusia di dunia dan di akhirat"* Akan tetapi Za'ba (menurut pengarang) menegaskan bahawa pendidikan itu mestilah "*betul bawaannya*", iaitu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam (hlm. 308). Pengarang menjelaskan konsep Za'ba tentang "*pelajaran yang sempurna*".

Adnan Haji Nawang mengkaji pemikiran Za'ba tentang buku pelajaran yang digunakan dalam sistem pendidikan Melayu, termasuk karya sastera.

---

[64]Tentang subjek tersebut lihat juga: Denisova, T. "Historiografi negeri Johor (XVII – XIX): tradisi-tradisi, tujuan-tujuan dan cara-cara dicapainya oleh pengarang" dlm: *Penelitian sumber-sumber sejarah Timur dan cabang-cabang ilmu sejarah yang istimewa* Keluaran 6. Moskow: Nauka, 2003; Denisova, T. "Islam dan mitos-mitos Melayu tradisional mengenai asal usulnya raja-raja Melayu" dlm: *Bulletin of Moscow State University*. *"Oriental studies"*, Moskow: MGU, 2000, N4.

Beliau menyatakan bahawa: "Ini dijelaskan daripada kritikan Za'ba terhadap penggunaan buku-buku seperti *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* juga hikayat-hikayat Melayu lama yang mengisahkan jin-mambang, tuan puteri yang baik paras dan cerita-cerita ajaib dan buku-buku seumpama itu di sekolah-sekolah Melayu. Menurut Za'ba, buku tersebut tidak sepatutnya dijadikan teks-teks utama kerana ia dikatakan tidak sesuai dengan otak kanak-kanak dan ia juga tidak akan "mengangkatkan akan dia [anak-anak Melayu] ke daratan pelajaran dan pengetahuan zaman ini" (hlm. 310)

Maklumat ini amat penting kerana mencerminkan pendapat para ulama dan sasterawan Melayu tentang karangan Abdullah Munshi. Ternyata karangan Abdullah Munshi tersebut tidak diterima oleh semua para cendekiawan Melayu Islam. Justeru karya tersebut tersebar dan menjadi popular dalam golongan para orientalis Barat yang menganggapnya (karya hikayat) sebagai satu ensiklopedia kehidupan dan tamadun orang Melayu.

Za'ba juga mengkritik R.O. Winstedt dan R.J.Wilkinson kerena mereka menerbitkan teks tersebut sebagai buku pelajaran di sekolah Melayu. (hlm. 311). Za'ba menyatakan juga bahawa R.O. Winstedt dan para orientalis yang lain memang layak menulis buku dalam bahasa Inggeris untuk sekolah Inggeris sahaja, bukannya untuk sekolah Melayu. (hlm. 311)

Justeru, Za'ba menyebutkan bahawa masih belum ada *'kamus bahasa yang sempurna',* walaupun pada masa itu sudah diterbitkan *Kamus RJ Wilkinson (1900)* dan *An Abridged Malay English Dictionary (1908*) yang disusun oleh pengarang yang sama. Hal ini menunjukkan bahawa Za'ba mungkin tidak menaruh keyakinan terhadap kebolehan R.J. Wilkinson dalam soal bahasa Melayu. (hlm. 312)

Maklumat tersebut amat menarik kerana dimuatkan dengan kritikan ilmuwan Melayu terhadap orientalis Barat. Hal ini membuktikan dalam masyarakat

Melayu wujud dan berkembangnya tradisi pemikiran ilmiah sendiri yang tidak terikut-ikut dengan pandangan ilmuwan Eropah.

Pengarang menyatakan pendapat Za'ba: "kerajaan kolonial Inggeris mendiskriminasikan sekolah Melayu, tetapi memberi layanan yang istimewa kepada sekolah Inggeris. … kerajaan kolonial Inggeris bertanggungjawab … kemunduran pendidikan bagi anak-anak Melayu keseluruhannya" (hlm. 313-314)

Adnan Haji Nawang mengkaji pendapat dan tulisan Za'ba tentang pelbagai subjek yang lain iaitu:
- pendidikan Melalui aliran Inggeris (hlm. 314)
- pendidikan vokasional dan teknik (hlm. 315)
- pendidikan menengah Melayu (hlm. 316)
- pendidikan universiti (hlm. 317)
- pendidikan agama orang Melayu (hlm. 320-324)

Menurut Za'ba salah satu masalah besar dalam sistem pendidikan untuk kanak-kanak Melayu adalah kekurangan pengetahuan dan pengajaran tentang Islam. Antara lain Za'ba menegaskan bahawa taraf pendidikan agama Islam dalam masyarakat Melayu amat rendah dan mundur. Untuk mengatasi masalah tersebut, Za'ba mencadangkan pendidikan agama melalui sistem persekolahan formal (sekolah Melayu dan Inggeris) dan mengadakan pembaharuan dalam sistem pendidikan agama orang kampung iaitu sekolah pondok. (hlm. 321). Za'ba menyatakan bahawa "sistem pendidikan agama perlu mengandungi bukan hanya pengajian al-Qur'an sahaja, malahan juga perlu dilengkapi dengan kurikulum baharu iaitu ilmu nahu, saraf, usul dan fikah" (hlm. 322).

Pendapat yang sama ditemui dalam karya Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Dr. Wan Mohd Nur Wan Daud. Mereka mengembangkan pandangan Za'ba dan melengkapinya dengan cita-cita yang baharu. Konsep pendidikan

yang dibina (dirumuskan) oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas pernah diamalkan dalam ISTAC iaitu dalam Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (Institut of Islamic Thought and Civilisation), yang diasaskan oleh Prof. al-Attas pada tahun 1987 dan diketuai oleh beliau sehingga tahun 2001[65].

Hal pendidikan dan sastera teladan dibincangkan dalam buku "*Concept of a Hero in Malay Society*" (KP JB 1444), dikarang oleh Shaharuddin Bin Maaruf. Dalamnya terdapat analisis tentang *konsep pahlawan* yang wujud dalam masyarakat Melayu. Kajian tersebut mengandungi analisis dari sudut ilmu sosiologi. Kajian berdasarkan teks *Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu, Misa Melayu* dan karya-karya Abdullah Munshi. Monograf tersebut mengandungi analisis konsep dari sudut ilmu sejarah dan budaya umum, iaitu dalam konteks tamadun antarabangsa. Pengarang menumpukan perhatian kepada peristiwa sejarah Melayu moden (kurun ke-20) dan menjelaskan kegiatan tokoh politik Melayu dan golongan elit Melayu dari sudut *konsep pahlawan* tersebut.

Pengarang menjelaskan pengaruh Islam dalam konsep pahlawan tersebut. Beliau menulis seperti berikut:

> *"Important Islamic values which are conducive and harmonious to progress are not emphasizes by the Malay elite; the Islamic conception of leadership is relegated to the background while feodal ideas concerning leadership are encouraged and propagated". (hlm. 2)*

---

[65]Tentang sistem pendidikan oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas lihat: Wan Mohd Noor Wan Daud. *The educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas. An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1998; tentang sejarah ISTAC lihat: Sharifah Shifah al-atlas. "ISTAC illuminated: a pictorial tour of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC). Kuala Lumpur: ISTAC, 1998.

Maklumat tersebut mencerminkan konsep sejarah iaitu *konsep formasi* (*formation's consept of human history*). Menurut konsep tersebut, sejarah umat manusia boleh dibahagikan kepada beberapa *formasi* yang tertentu, iaitu zaman primitif (*primitive society*), zaman sistem perhambaan (*slave-owning society*), zaman feudal, zaman kapitalism, zaman post-kapitalism dan lain-lain. Formasi tersebut menunjukkan pelbagai tingkat kemajuan alat-alat kerja (*implements*); tenaga produktif (*productive forces*) serta hubungan pengeluaran (relations of production) dan unsur ekonomi yang lain. Konsep tersebut tidak menganggap agama dan kehidupan intelektual sebagai unsur yang mempengaruhi dan menentukan darjah perkembangan masyarakat.

Pengarang menumpukan perhatian kepada zaman feudalism Melayu dan ciri-ciri khasnya (hlm. 6). Beliau juga menganalisis pelbagai golongan sosial dalam masyarakat Melayu Islam, termasuk golongan tertinggi iaitu golongan elit. Amat menarik ialah pendapat Shaharuddin Bin Maaruf, bahawa golongan *elit* lazimnya lebih berikhtiar untuk mencapai tujuannya dalam bidang praktikal iaitu dalam bidang politik (pemerintahan kerajaan, pengaruh politik) atau perdagangan. Justeru, mereka melaksanakan ibadat secara formal sahaja. Beliau menulis:

> "*Basically the Malay elite has shown interest only in observing the ritualic aspects of its religion. There is no genuine and conscious move to translate Islamic values into functional philosophy to be collectively and consciously upheld by members of the Malay elite in their social roles. The criticism of Muslim thinkers on such a lop-sided approach to religion are applicable to the Malay elite".* (hlm. 2)

Sebenarnya wujud salah faham dalam petikan tersebut, iaitu pemahaman Islam (atau agama lain) sebagai satu *upacara* sahaja atau satu *alat* yang boleh digunakan dalam kegiatan praktikal, tersebar bukan hanya kepada golongan elit Melayu sahaja tetapi juga dalam golongan para pemimpin dan raja-raja di seluruh dunia. Tokoh Islam dan cendekiawan Melayu menegaskan bahawa dalam tradisi Islam, terdapat beberapa nasihat dan peraturan untuk

menyelesaikan masalah tersebut. Menurut peraturan Islam baginda (khalif, sultan) negara Islam bukan sahaja perlu menyerupai kuasa '*emirat*' (pemimpin secular) tetapi juga kuasa '*imamat*' (pemimpin rohaniah, keagamaan). Pemimpin Islam seharusnya dalam kalangan orang yang ikhlas dan berakhlak.

Pengarang membandingkan versi *konsep pahlawan* yang wujud dalam pelbagai masyarakat pelbagai zaman. Analisa perbandingan tersebut berdasarkan maklumat tentang watak sejarah, yang dianggap sebagai wira/ pahlawan kebangsaan misalnya:

– Umar Ibn Khattab (wft. 644) – seorang pahlawan terkenal dalam dunia Islam; -
– Jose Rizal (1861-1896) – seorang tokoh politik yang dianggap sebagai pahlawan kebangsaan di Filipina;
– Jeneral Sudirman (1915-1950) – seorang pahlawan yang amat berjasa dan terkenal semasa perjuangan kemerdekaan di Indonesia pada kurun ke-20.

Berdasarkan analisis perbandingan tersebut, pengarang menegaskan bahawa istilah 'pahlawan' (*hero*) difahami oleh golongan elit Melayu sebagai definisi yang bersifat feudal atau materialistic. (hlm. 16). Shaharuddin b. Maaruf membandingkan hero tersebut dengan watak Hang Tuah dan Hang Jebat iaitu pahlawan Melayu tersohor. Menurut pengarang kedua-duanya merupakan arketip pahlawan feudal (*feudal archetyipe of hero*) (hlm. 16). Beliau menulis seperti berikut:

> *"Hang Tuah is praised for his blind loyality which superseded ethical considerations. Hang Jebat is glorified because his anarchic and erotic tendencies are mistaken for altruism.… Both these models deviate from the Islamic and humanitarian type of hero, which are characterized by lofty ideals, genuine struggles and achievements*. (hlm. 16)

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa konsep pahlawan mempunyai kaitan yang erat dengan akhlak dan etika. Dalam masyarakat Melayu selepas penyebaran Islam, muncul sistem akhlak dan etika umum berdasarkan tradisi

Islam. Dalam kehidupan seharian pemuda Melayu (seperti pemuda di negara Islam yang lain) mengikut contoh dan nasihat-nasihat Nabi Muhammad SAW dan tokoh-tokoh Islam yang lain. Justeru, itu mereka tidak mengikut watak Hang Tuah dan Hang Jebat sahaja. Ternyata Hang Tuah dan Hang Jebat dianggap sebagai pahlawan dalam karya sastera iaitu pahlawan kesusasteraan. Mereka mencerminkan tamadun sastera Melayu tetapi mereka tidak boleh dianggap sebagai pahlawan dan contoh teladan yang benar-benar mempengaruhi akhlak masyarakat Melayu.

Kesimpulannya golongan elit dalam masyarakat Melayu tidak boleh dianggap sebagai golongan yang berkembang secara lengkap. Pengarang menyebut golongan tersebut sebagai "*underdeveloped elite*" dan menjelaskan bahawa golongan elit tidak mampu mengembangkan diri sendiri iaitu tidak mempunyai sifat yang diperlukan untuk memajukan diri dan masyarakat. (hlm. 97)

Pengarang juga menegaskan bahawa golongan elit Melayu lazimnya bersifat lemah dan tidak bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan senang mengikut arahan pentadbiran Eropah walaupun arahan tersebut mengurangkan kemajuan masyarakat dan bangsa Melayu. Mereka berminat menjaga kepentingan sendiri dan mendapat faedah daripada pentadbiran tersebut:

"*The underdeveloped Malay elite thrived under the colonial regime. Because of aloofness towards the Malay masses suited the British divide-and-rule policy, and also because its members could easily be bought over, the underdeveloped Malay elite ensured itself its community and propagation under the colonial regime. Colonial education nourished the underdeveloped traits of the Malay elite. … Intellectual development was not its main aspect, though its retardation certainly was*" (hlm. 98)

Pengarang menjelaskan hal yang berkaitan dengan golongan elit Malaysia dan menegaskan bahawa golongan tersebut lazimnya mempunyai sifat yang sama yang disebutkan di atas. Golongan elit Melayu moden perlu sedar bahawa

mereka adalah sebahagian daripada masyarakat dan mereka perlu memahami peranan mereka dalam masyarakat, justeru berusaha mengembangkan diri sendiri dan memajukan masyarakat.

Buku ini penting dan menarik kerana mengandungi pendapat cendekiawan Melayu tentang masyarakat dan adat istiadat Melayu sejak dahulu sehingga kini. Lazimnya pendapat tersebut berbeza atau bertentangan dengan pendapat ilmuwan Barat berkaitan alam Melayu dan masyarakat Melayu. Misalnya Shaharuddin b. Maaruf menegaskan bahawa kelemahan golongan elit dalam masyarakat Melayu disebabkan oleh kurangnya nilai-nilai dan ahlak Islam. Justeru, ilmuwan Barat menganggap Islam sebagai unsur negatif yang mengakibatkan kemunduran masyarakat Melayu.

Tajuk yang merupakan terbitan teks Melayu lama serta buku mengenai ilmu tekstologi tidak dimasukkan dalam Bahagian Ketiga ini, "Orang Melayu dan tamadun Melayu". Walaupun begitu, kita perlu menyatakan serba sedikit tentang koleksi terbitan teks lama yang terdapat di dalam koleksi John Bastin. Teks Melayu lama merupakan sebahagian daripada tamadun Melayu yang tidak boleh dipisahkan. Dalam masyarakat Melayu, wujud tamadun persuratan yang amat kaya dan menarik. Tamadun persuratan tersebut boleh dikaji berdasarkan teks Melayu lama seperti karya-karya sastera, teks sejarah, teks yang berkaitan dengan usuludin, falsafah dan tassawuf, karangan mengenai bahasa dan lain-lain. Kebanyakannya ditulis dalam huruf Jawi dan muncul pada zaman Islam di alam melayu. Hal ini mengesahkan pendapat prof. Naquib al-Attas bahawa Islam yang membina bahasa Melayu yang baharu yang kita sebutkan sekarang iaitu *Bahasa Melayu Klasik* dan Islam juga memajukan kehidupan intelektual terutama dalam bidang ilmu, sastera dan bahasa[66].

---

[66]Tentang pengaruh Islam di dalam kehidupan intelektual di dalam masyarakat Melayu lihat: al-Attas, Syed Muhammad Naquib. Proff. *"Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu"*, Kuala Lumpur: UKM, 1972.

Dalam katalog koleksi John Bastin (Bahagian *Malay Texts*) disenaraikan 138 tajuk tentang sastera dan bahasa Melayu. Antaranya terdapat 50 tajuk yang berkaitan dengan teks sejarah lama iaitu dengan subjek yang dicetak sebagai tajuk bahagian tersebut. Tajuk lain ialah karya tentang bahasa, pantun, sastera moden dan cerita rakyat (*folk-tales)*. Hal ini mencerminkan bahawa ilmuwan dalam bidang kajian Melayu (*Malay studies)* menumpukan perhatian kepada bahasa dan sastera (terutama sastera sebelum Islam dan cerita-cerita rakyat) Melayu. Justeru, khazanah persuratan Islam dan historiografi Islam belum lagi dikaji sepenuhnya.

Teks Melayu lama (50 tajuk) yang disenaraikan dalam katalog Koleksi John Bastin kebanyakannya merupakan terbitan teks yang terkenal dan popular dan segi tekstologinya, pengarangnya dan pelbagai hal yang lain. Yang disenaraikan adalah sebagai berikut:

- *Sejarah Melayu* – tujuh terbitan teks, satu terjemahan dan tiga karangan ilmiah tentang tekstologi.
- *Hikayat Raja Pasai* – tujuh terbitan teks dan satu karangan ilmiah
- *Tuhfat al-Nafis* – satu terbitan teks satu terjemahan
- *Hikayat Hang Tuah* – dua terbitan teks dan dua karangan tekstologi
- *Misa Melayu* – satu terbitan teks dan tiga makalah mengenai tekstologi
- *Hikayat Sri Rama* – tiga karangan tekstologi
- *Silsilah Melayu dan Bugis* – tiga terjemahan ringkas
- *Hikayat Abdullah* – tujuh terbitan teks, lima terjemahan, lapan karangan tekstologi

Senarai tersebut menunjukkan secara jelas, bahawa ilmuwan Barat menumpukan perhatian hanya kepada beberapa teks sahaja, iaitu *Hikayat Abdullah, Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah*. Karangan yang lain belum dikaji sepenuhnya. Teks yang berkaitan dengan ilmu usuluddin atau falsafah, Karangan Nuruddin ar-Raniri, Abd ar-Rauf Bin Singkel, Palimbani, Mula Sadra dan lain-lain tidak disebutkan. Karangan Hamzah Fansuri dan analisis

karyanya terdapat dalam buku Prof. Naquib al-Attas, yang sudah dibincangkan sebelumnya. Justeru buku ini tidak disenaraikan dalam bahagian katalog "Malay texts".

Terdapat sebuah buku mengenai warkah Melayu (KP JB 1676), tujuh buku dengan teks pantun dan kumpulan peribahasa, sembilan buku dengan teks-teks cerita rakyat, tujuh buku terbitan karya-karya sastera moden, tujuh buku pelajaran dan antologi sastera, 11 buku mengenai bahasa dan 14 tentang *"Malay Studies"*, Dalam Katalog ini terdapat bahagian istimewa yang mengandungi maklumat tentang bahasa dan kajian melayu yang bertajuk "*Dictionaries, Grammars, Manuals, Language and Malay studies"Bahasa".* Sebenarnya tajuk-tajuk yang ini dalam bab ini kesemuanya mengenai bahasa.

Terdapat nama-nama ilmuwan Barat yang terkenal, iaitu C.C. Brown (KP JB 1593, 1594, 1656, 1688 - 1690); C.A. Gibson-Hill (KP JB 1595); R.Roolvink (KP JB 1597, 1698, 1705, 1706); W.Linehan (KP JB 1598); W.G. Shellaber (KP JB 1599 – 1602, 1611, 1618, 1693); R.O. Winstedt (KP JB 1603, 1604, 1608, 1659, 1669, 1670, 1671, 1685 – 1687), A.H. Hill (KP JB 1605); E.U. Kratz (KP JB 1606, 1676); V.Matheson (KP JB 1609); M.C. Sheppard (KP JB 1612, 1660, 1667), T.Iskandar (KPJB 1613, 1620, 1714), H. Overbeck (KP JB 1619, 1666); D.K. Wyatt (KP JB 1623, 1624); H.F. Traill (KP JB 1641, 1642, 1652, 1653); H.A. Klingkert (KP JB 1650); J. Crawfurd (KP JB 1655); R.J. Wilkinson (KP JB 1658, 1684, 1728), A.W. Hamilton (KP JB 1661, 1662, 1672, 1673, 1691), W.E. Maxwell (KP JB 1664), A. Sweeny (KP JB 1668), J.S. Bottoms (KP JB 1700), G.W.J. Drewes (KP JB 1701), Russell Johns (KP JB 1703) dan John Bastin sendiri (KP JB 1651, 1699).

Antara ilmuwan tempatan yang disebutkan ialah Prof. Syed Mohd Naquib al-Attas; Ismail Hussein, Mohd Bin Isman Taib, Syed Bin Ali Hussein, Mohd Haji Salleh dan lain-lain. Analisis bahagian katalog mengenai sastera dan bahasa ini mencerminkan subjek utama dalam kajian alam Melayu oleh para ilmuwan Barat iaitu tentang bahasa, pantun dan sastera rakyat dan sastera moden.

Lanun dan Orang Laut

Dalam Bahagian Ketiga Katalog yang bertajuk "The Malays and Malay culture" tidak disenaraikan buku tentang bahasa dan teks lama, seperti yang dijelaskan sebelumnya. Namun dalam bahagian ini dimuatkan tajuk berkaitan lanun. Ternyata subjek tersebut dianggap oleh John Bastin sebagai sebahagian daripada tamadun Melayu dan salah satu ciri khas adat istiadat atau kehidupan seharian masyarakat Melayu. Menurut ilmuwan dan orientalis istilah *orang Melayu* lebih berkaitan dengan *lanun* tetapi tidak berkaitan dengan sastera dan khazanah persuratan Melayu.

Dalam katalog disenaraikan sembilan tajuk buku tentang lanun dan orang laut. Kebanyakannya berbentuk monograf (lapan tajuk) dan satu tajuk sahaja berbentuk makalah. Makalah bertajuk *Note of Maritime Malays* (KP JB 1432), dikarang oleh D.J.MacGowan dan diterbitkan dalam JIA (*Journal of Indian Archipelago*) pada tahun 1850. Makalah mengandungi maklumat umum tentang orang laut Melayu dan lanun. Dalam karangan tersebut Pengarang menyatakan pendapat tentang orang melayu dan penduduk malaya terdapat beberapa pendapat orang tentang orang Melayu dan para penduduk Malaya yang lain. Beliau menulis:

> *"Malay sailors are best known to the world as sanguinary pirates, a character which they possessed long before their coasts were visited by Europeans, but the trait was not fully developed until the whole race had bean goaded by the cruelty of the latter, whose valuable cargos were tempting to their cupidity, rending revenge peculiarly sweet".*
> (hlm. 687)

Maklumat tersebut mencerminkan pendapat tentang orang Melayu yang tersebar di dalam pandangan umum di Barat pada kurun ke-19 sehingga awal kurun ke-20. Lazimnya orang Melayu dianggap sebagai penjahat yang ganas dan juga kegiatan melanun dianggap sebagai ciri khas dan adat yang

istimewa orang Melayu sahaja. Pendapat tersebut kekal dalam kalangan orang Barat sekaligus mempengaruhi pandangan cendekiawan Barat yang mengkaji tamadun dan sejarah orang Melayu. Mungkin kerana inilah John Bustin memasukkan cerita lanun dalam dalam Bahagian "The Malays and Malay culture".

Tentang orang Melayu D.J.MacGowan menulis seperti berikut:

> *"There are too many officers having Malays under them, who abuse their authority: deeming them an indolent and perfidious race, they imagine it necessary to govern by brute force and to preserve discipline by inspiring terror*. (hlm. 688)
>
> *"The Malay is a better sailor without flogging than with it – incomparably better. Kindness so far from being incompatable with good discipline will prove when fairy tried its best support; it should of course be blended with firmness, and it will be appreciated by none more than Malays*" (hlm. 688)
>
> *"Compared with Indians, Malay are less amiable and patient, but capable of ebduring greater fatigue, occupuing a middle position between these and Europeans, and on the whole they are preferable to their latter for hard service in equatorial regions" (hlm. 689)*

Maklumat tersebut amat menarik kerana ia merupakan nasihat amali untuk pentadbiran penjajahan Eropah mengenai penggunaan tenaga kerja Melayu. Justeru nasihat tersebut mencerminkan sikap *euro-sentrisme* yang mengakibatkan juga salah faham terhadap orang Melayu dan tamadun Melayu. Salah satu punca utama adalah sikap permusuhan para penjajah Eropah terhadap Islam. D.J.MacGowan menulis seperti berikut:

> *"The greatest defect of Malay sailors is owing to their religion, which however sits more lightly on them than on other Mahomedans, and therefore remedies are more available. Belivers in fate, they are quickly paralysed when menaced by danger*" (hlm. 691).

Subjek yang sama dikaji dalam monograf *"The Sea Nomads. A Study based on the literature of the maritime boat people of South-East Asia"* (KP JB 1447) yang dikarang oleh David E. Sopher.

Monograf tersebut mengandungi kajian tentang orang laut di Asia Tenggara. Dalamnya terdapat 5 bab. Subjek adalah seperti berikut:

(1) Maklumat tentang laut-laut dari sudut ilmu bumi dan ekologi: digambarkan pantai, gunung, karang, pasir dan bakau; digambarkan juga tentang lautan lengkap dengan keterangan cuaca dan pelayaran

(2) Kajian dari segi deskriptif dan statistik: maklumat umum tentang pelbagai definisi yang digunakan dalam kajian alam Melayu, maklumat tentang adat-istiadat Melayu, taraf kemajuan ekonomi; nama-nama tempat di alam Melayu; ciri-ciri khas pelbagai bangsa di Semenanjung Tanah Melayu. Yang disebutkan ialah orang laut dari Pantai Barat Semenanjung Malaya; Laut Cina Selatan, kepulauan Riau Lingga, Pulau Tujuh; Bangka, Borneo (Kalimantan) Utara; kepulauan Sulu; Indonesia Timur dan lain-lain

(3) Analisis pembandingan orang laut: ciri-ciri khas fizikal, bahasa pertuturan, kapal dan perkapalan, penangkapan ikan; kegiatan ekonomi (pembalakan, pembuatan barang-barang, perkapalan, kegiatan melanun, kraftangan); agama, susunan masyarakat dan lain-lain.

(4) Kajian tentang sejarah orang laut: catatan Thomas Forrest dan Valentijn tentang orang *bajau*; catatan Valentijn tentang orang *bajau*; catatan C.Combes dan para ilmuwan yang lain tentang orang laut di Nusantara pada zaman Portugis (dilengkapi dengan catatan Barros mengenai selat); maklumat tentang orang laut di selat dan peristiwa sejarah sejak kurun ke-18 sehingga-ke-19; catatan pengembara China dan Arab tentang orang laut (sebelum tahun 1500)

(5) Kajian deduktif dan spekulatif: kesimpulan: jalan dan sejarah migrasi dan asal-usul orang laut.

Monograf tersebut dilengkapkan dengan pelbagai gambar, peta, indeks dan bibliografi. Karya David E. Sopher mengandungi juga maklumat tentang ikan, binatang, burung dan tanaman yang tersebar di kawasan Nusantara karyanya menyentuh tentang cara kehidupan orang laut sejak zaman pra sejarah hingga kurun 19.

Karangan tersebut berdasarkan karya para ilmuwan Barat dan pelbagai catatan pengembaraan. Diceritakan secara ringkas tentang historiografi kajian orang laut di Barat.
Hanya sedikit maklumat mengenai Islam Pengarang menegaskan bahawa terdapat ramai orang laut Muslim. Beliau menulis seperti berikut: "*Orang Laut Islam are superficially Muslim most of the time, but Buddhist on occasion; … most of their domestic ceremonies have the Muslim form*" (hlm. 83).

Maklumat mengenai kegiatan melanun terdapat dalam monograf "*Pirates of the Eastern Seas*" (KP JB 1538), yang dikarang oleh A.G.Course. Monograf tersebut mengandungi maklumat tentang sejarah lanun di seluruh dunia termasuk Madagaskar (hlm. 44-61), Malabar dan Selat Parsi (hlm. 62-83), di Malaya, Borneo dan Sulu (hlm. 84-103), di Sabah (hlm. 104-126), di laut China Selatan (hlm. 127-236) dan lain-lain. Tempoh kajian antara kurun ke-17 sehingga kurun ke-20.

Pengarang menegaskan secara tepat bahawa lanun merampas semua kapal yang mereka mampu rampas. Perampasan tersebut tidak mempunyai kaitan dengan hal ehwal agama para pemiliknya sama ada kapal orang Kristian, Islam, Hindu atau Buddha. Semua kapal tersebut akan dirampas apabila lanun-lanun mempunyai peluang untuk menyerang. Hal ini membuktikan bahawa dalam kegiatan melanun motivasi yang paling penting adalah keuntungan bukannya agama. Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa kegiatan melanun merupakan adat dan ciri khas orang Melayu atau orang Muslim.

Dalam monograf tersebut terdapat juga cerita tentang sejarah lanun Eropah di Timur Tengah dan Madagaskar dan juga cerita tentang lanun tempatan

di Malabar dan Selat Parsi, misalnya tentang Kanhoji Angria (kurun ke-17 sehingga ke-18) dari keluarga Sambo Abgria iaitu seorang "Arabian Kafir" (hlm. 63). Disebutkan juga Rahma dan Jabir iaitu lanun dari Kuwait. Diceritakan juga tentang orang tempatan, orang Eropah, dan sesetengah raja tempatan yang berperang dengan lanun.

Salah Satu bab (bab V) mengandungi maklumat tentang lanun di Malaya, Borneo dan Sulu. Pengarang menegaskan bahawa lazimnya anak-anak raja Melayu juga ikut serta dalam kegiatan melanun tersebut. Disebutkan pusat lanun - Dinding, Riau dan Singapura. Pengarang merujuk pendapat residen Belanda di Riau yang menyatakan seperti berikut: "*It is known – the English themselves acknowledge it – that a vast number of these robbers (pirates) find an asylum at Singapore itself as well as in the neighbourhood. At the same time piracies are more deplorable and more frequent at Singapore than in Rhio*". (hlm. 85)

Sebenarnya maklumat tersebut mencerminkan pendapat residen Belanda tentang orang Inggeris di Singapura berdasarkan pendapat seorang kakitangan pentadbiran penjajahan Belanda tentang pesaingnya. Pendapat tersebut tidak objektif. Namun maklumat itu membuktikan sekali lagi bahawa lanun digunakan sebagai alat pengugutan dalam persaingan di antara Belanda dan Inggeris (Belanda – Inggeris) serta raja-raja tempatan. Hal ini menafikan prasangka bahawa orang Eropah lah yang kerap berperang dengan lanun dan melindungi penduduk dari ancaman lanun tersebut.

Dalam karya A.G.Course tersebut dimaklumkan juga pelbagai data tentang kapal lanun, jumlah anak kapal, persenjataan lanun dan lain-lain. Pengarang menyatakan bahawa pada kurun ke-18 sehingga ke-19, perahu lanun biasanya merupakan kapal dilengkapi dengan 1 meriam besar dan 4 lela rentaka. Jumlah anak kapal sekitar 20-30 orang.

Dalam monograf tersebut terdapat juga maklumat tentang peristiwa sejarah yang nyata iaitu cerita tentang rampasan dan peperangan di antara lanun tempatan dan kapal Barat (Eropah dan Amerika) di kawasan Johor dan sekitarnya.

Dalam monograf tersebut, terdapat maklumat tentang pengarang mengkaji juga susunan bangsa-bangsa golongan lanun tersebut. Peristiwa sejarah yang nyata disebutkan orang *ilanun* di Brunei dan Filipina, lanun Melayu, Dayak, Sakarran dan suku bangsa yang lain.

Monograf mengandungi juga cerita tentang James Brooke yang menjadi raja Sarawak pada kurun ke-19.

Monograf *Pirates of the Eastern Seas* itu yang dikarang oleh A.G. Course adalah amat menarik kerana mengandungi maklumat mengenai sejarah lanun yang sebenarnya sebab-sebab kegiatan melanun tersebut dari sudut politik, ekonomi dan sosiologi tidak ditemui dinyatakan.

Karya Charles Low yang bertajuk "*Secret Asia*" (KP JB 120) mengandungi cerita popular tentang pelbagai hal ehwal kehidupan di Asia, termasuk adat istiadat purba iaitu adat-istiadat kanibal, upacara-upacara sihir dan unsur-unsur perhambaan. Cerita tersebut berdasarkan bahan-bahan tentang China, India, Asia Tenggara, Nusantara.

Buku ditulis berasaskan catatan persembahan. Subjek utama disebutkan adalah seperti berikut:

- bazaar di negara Timur dan adat-istiadatnya. Pengarang menumpukan perhatian kepada pencuri dan cara hukumannya. Tujuannya adalah maklumat menunjukkan betapa ganasnya perlaksanaan hukuman yang tersebar di negara-negara Asia.

> Justeru itu pengarang tidak menyebutkan apa-apa pun tentang hal ehwal positif yang memang boleh disaksikan di dalam bazaar (pasar) di negara-negara Timur, iaitu misalnya sistem kewangan dan pembayaran yang maju; kekayaan pilihan dagang-dagangan; sistem keamanan dan lain-lain. Hal yang positif langsung tidak disebutkan dalam buku Charles Low. Pengarang hanya menggambarkan opium dan kokain; pelacuran dan kegiatan jenayah yang lain.

Dalam monograf tersebut terdapat cerita tentang upacara-upacara pegan dan sihir (termasuk acara persembahan korban berdarah) dilaksanakan oleh orang Dayak di Borneo dan orang pegan yang lain. Disebutkan persembahan wayang di Jawa dan pelbagai acara di istana raja Thai (hlm. 26-43); hal keadaan amok (hlm. 66-73) latah (hlm. 74-78); adat-istiadat para pemburu kepala (*head-hunter*) di Borneo, Sumatra, Filipina (hlm. 116-127) dan para kanibal di India, Siberia (*orang Buriat*), New Guinea, Formosa dan lain-lain.

Ternyata pengarang hanya menyentuh tentang isu kritikal dan menumpukan perhatian kepada hal ehwal jenayah dan upacara yang ganas sahaja walaupun hal tersebut memang jarang ditemui di negara Asia. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa *cerita-cerita ganas* (violent stories) berjaya menarik perhatian para pembaca di Barat. Berdasarkan bacaan tersebut dalam pandangan umum di negara Barat dan tersebar pelbagai prasangka tentang keganasan orang di Asia termasuk orang Melayu yang dianggap sebagai 'pembunuh yang ganas dan sering mengamuk".

Maklumat tentang kegiatan melanun yang lebih lengkap terdapat dalam monograf yang bertajuk "*Pirates of the Far East*" (KP JB 1540), dikarang oleh Harry Miller. Monograf tersebut mengandungi bahan-bahan tentang lanun di kawasan Timur Jauh. Pengarang menumpukan perhatian kepada tindakan-tindakan penjajahan Inggeris melawan lanun Melayu dan Cina. Terdapat juga maklumat tentang kelompok lanun Melayu dan Cina dan juga pemimpin

penaungnya. Dimaklumkan bahawa "*Malaysian pirates were in many instances backed by rulers of small kingdoms and nobles*". (hlm. 13)

Pengarang juga menulis: "*Malaysian and Chinese pirates were callous robbers and murderers at sea. They were held in considerable fear, and owed their supremacy simply to sheer weight of numbers and to the absence of any disciplined opposition – until the warships of Western nations initiated anti-piracy operations to protect the routes leading to new settlements and to ports established during the first phase of creating empires*" (hlm. 14)

Maklumat tersebut bersikap negatif terhadap orang dan raja-raja tempatan. Menurut petikan tersebut hanya orang Barat melawan lanun mulai sejak kurun ke-17 sahaja, iaitu setelah muncul *empayar penjajahan* yang besar – kawasan penaklukan Belanda dan Inggeris. Justeru pengarang tidak memerhatikan maklumat tentang kegiatan sultan dan laksamana Melayu di Melaka, Aceh dan Johor sejak dahulu kala melindungi laluan perdagangan antarabangsa dan pelabuhan persinggahan lanun dan orang jahat yang lain. Pergaduhan antara raja-raja tempatan dan lanun-lanun dijelaskan dalam teks di *Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Tuhfat al-Nafis, Peringatan Sejarah Negeri Johor*.

Terdapat maklumat tentang orang Ilanun, iaitu para penduduk Mindanao dan Filipina yang menjadi lanun. Pengarang menyatakan, bahawa sejak awal kurun ke-19 lanun-lanun di kawasan Malaya itu kebanyakannya adalah orang Ilanun. Digambarkan juga tentang perahu Ilanun dan senjatanya. Perahu panjangnya 100 kaki (ft) boleh dinaiki 150 anak kapal. Disebutkan senjata yang digunakan oleh Ilanun disebutkan keris, lembing, pedang berdua tangan, (*two handed sword*), senjata api (*pistol)* dan lain-lain.

Pengarang turut menyatakan lanun dari bangsa Dayak dan Balanini. Dalam bab kedua terdapat maklumat tentang tentera laut Inggeris yang ikut serta dalam peperangan dengan lanun tersebut (hlm. 24-31). Cerita tersebut dilengkapi

dengan data -data tentang pelabuhan utama Inggeris di alam Melayu iaitu Pulau Pinang dan Singapura (hlm. 32-44). Pelabuhan tersebut menarik perhatian para lanun tempatan yang menyiapkan angkatan kapal mereka di Kedah (melanggar Pulau Pinang) dan Kerimun serta Lingga (menyerang Singapura).

Menurut pengarang, lanun Melayu biasanya ada hubungan atau menerima sokongan dari raja-raja tempatan. Beliau merujuk kepada catatan gabenor Fullerton (gabenor Pulau Pinang dan Singapura pada tahun 1823), yang menulis seperti berikut:

> "*That pirates may accasionally emerge from the rivers of the Malay peninsula within the scope of our political relations in the countries of Selangor, Johor and even Kedah, I can not deny. The chief of Selangor has generally been suspected of piratical connections; the Sultan of Johore, residing in our Settlement of Singapore, has also been suspected; some of his relations and dependents ascertain to have been engaged in Piracy*" (hlm. 36)

Pada tahun 1811 Th.S. Raffles, menulis bahawa "*prevalence of piracy … is an evil of ancient date and …has struck deep in the Malay habits.The Old Malay romance and the fragments of their traditional history, constantly refer to piratical cruises*" (hlm. 37).

Maklumat tersebut merupakan pendapat yang amat tersebar di negara Barat, bukan hanya dalam pandangan orientalis tetapi juga dalam pandangan umum. Menurut pandangan tersebut ramai orang Melayu dan raja-rajanya ialah lanun. Mereka akan merampas kapal-kapal dan menyusahkan kehidupan pentadbiran Eropah. Orang Ilanun, Filipina biasanya dianggap sebagai lanun Melayu. Kegiatan melanun itu lazimnya dianggap Barat sebagai ciri khas tamadun Melayu. Aktiviti lanun Eropah di Nusantara tidak diperhatikan.

Ditemui juga cerita tentang James Brooke (1803-1868) dan pentadbiran Inggeris yang melawan lanun-lanun di Borneo (hlm. 45-54), lanun Dayak di Borneo (hlm. 55-115) dan lanun China (hlm. 116-161). Terdapat juga maklumat tentang lanun moden (kurun ke-20).

Dalam Koleksi John Bastin terdapat satu lagi monograf tentang kegiatan melanun di alam Melayu. Buku tersebut bertajuk "*Piracy paramountcy and protectorates*" (KP JB 1541), dikarang oleh Alfred Rubin**.** Karya tersebut mengandungi maklumat tentang sejarah lanun di Kedah, Terengganu dan Kelantan pada kurun ke-18 sehingga kurun ke-20. Terdapat maklumat tentang serangan orang Inggeris terhadap Kedah dan hubungan Sultan Taju'd-din iaitu mantan sultan Kedah dengan pentadbiran Inggeris. Terdapat juga cerita tentang dakwaan terhadap Sultan Taju'd-din, kononnya baginda terlibat dalam kegiatan melanun. Pengarang menyatakan pelbagai masalah undang-undang yang timbul dalam kes itu di mahkamah: iaitu masalah yang berkaitan dengan definasi yang kurang jelas, dan perbezaan dalam agama. Status orang yang terdakwa itu tidak ditentukan juga.

Monograf mengandungi pendapat yang lebih objektif tentang sejarah lanun dan tentang sejarah dakwaan menentang lanun-lanun. Pengarang menegaskan secara tepat bahawa:

> "*It is nessessary merely to note that the concept [dakwaan sebagai lanun] was used against politically organized and motivated non-European groups in North Africa and Malay Archipelago while felt improper for use against the political expeditions of unrecognized governments composed of Europeans in most cases*" (hlm. 5)

Owen Rutter dalam karya beliau yang bertajuk "*The Pirate wind: tales of the Sea-Robbers of Malaya*" (KP JB 1542,1543) menumpukan perhatian kepada sejarah lanun di alam Melayu (iaitu di Brunei, Terengganu, Kedah, Filipina dan lain-lain) dan kepada ciri-ciri khasnya. Terdapat maklumat tentang kaedah peperangan (serangan) dan mengenai susunan kelompok lanun.

Monograf tersebut merupakan kumpulan cerita yang berbentuk novel, catatan pengembaraan atau catatan seorang saksi. Cerita tersebut perlu dianggap sebagai karangan sastera, dan bukan sebagai karya ilmiah dan bersejarah. Sebenarnya monograf tentang lanun kebanyakannya mengandungi unsur-unsur genre tersebut. Para pengarang lazimnya menumpukan lebih banyak perhatian kepada pengambaran peperangan dan kegiatan melanun yang amat mengasyikkan. Walaubagaimanapun analisis peristiwa dari sudut latar belakangnya dan fakta-fakta yang nyata hampir tidak ditemui.

Dalam karangan Owen Rutter terdapat juga maklumat tentang perhambaan dan pasar hamba (*slaves markets*) di kepulauan Melayu. Pengarang menyatakan bahawa hamba adalah subjek rampasan dan subjek perdagangan yang amat penting. Lanun bukan saja menangkap orang tempatan, malah juga orang Eropah. Antara pasar hamba yang paling terkenal di dalam kurun ke-19 disebutkan pasar hamba di Batavia, Aceh, Brunei. Perlu ditegaskan bahawa perniagaan hamba memberikan keuntungan yang lumayan, bukan sahaja kepada lanun dan raja-raja tempatan tetapi kepada pentadbiran dan ahli perniagaan Eropah.

Tentang hubungan antara lanun dan para penduduk tempatan pengarang menulis bahawa lanun Melayu dan Dayak "*nevertheless became a menace to the fishing villages along the coast. Their neighbours the Dayaks they did not plunder, partly because these folk had little worth taking, but even more because they [Dayaks] for themselves are powerfull and warlike tribe, having been headhunters from time immemorial*. (hlm. 93)

Monograf "*The Pirate wind: tales of the Sea-Robbers of Malaya"* tersebut mengandungi cerita tentang James Brooke dan kegiatannya di Sarawak. Terdapat juga maklumat tentang kegiatan Captain Henry Keppel (1809-1904) dan peperangannya dengan lanun di Borneo.

Dalam teks Melayu lama, ada beberapa catatan tentang perhambaan dan perdagangan abdi (hamba, budak). Dalam karya-karya yang dihasilkan pada kurun ke-13 sehingga ke-17 muncul istilah-istilah seperti berikut: *hamba raja, hamba tawanan dan abdi/hamba tebusan* dan lain-lain. Sebelum kurun ke-17 hamba tersebut biasanya bekerja di rumah atau di istana. Dalam *Tuhfat al-Nafis* terdapat maklumat tentang seorang perempuan hamba tebusan yang bernama Nusameh, yang menjadi ibu Sultan Sulaiman, iaitu Yang Dipertuan Besar Johor.

Sejak kurun ke-17, susunan keadaan sistem perhambaan dan perdagangan 'hamba-hamba' telah berubah dan jumlahnya juga semakin bertambah. Hamba tersebut telah digunakan sebagai pekerja ladang (lada, gambir dan lain-lain) dan bekerja di kawasan perlombongan galian. Sikap dan layanan terhadap hamba abdi tersebut turut berubah, yakni menjadi ganas dan kejam. Pada akhir kurun ke-17, 'budak-budak' (hamba, abdi) dijual beli dan diperdagangkan. Di Betawi sahaja pada setiap tahun jumlahnya melebihi 3000 orang. Antara mereka terdiri daripada lelaki, wanita dan kanak-kanak, yang berasal dari Sulawesi, Bali, Maluku, sesetengahnya berasal dari China, India, Melanesia dan lain-lain[67].

Maklumat yang dirakamkan dalam buku Owen Rutter atau daripada teks Melayu lama menafikan prasangka bahawa orang Eropah memajukan ekonomi di alam Melayu dan membawa kaedah ekonomi yang baru dan progresif.

Kompani Belanda menyokong dan menyebarkan sistem perhambaan ladang di kawasan alam Melayu. "Sejarah penjajahan Belanda tidak dapat dibandingkan dengan penjajahan yang lain, yang penuh dengan pengkhianatan,

---

[67]Tentang perhambaan dan perdagangan abdi lihat antara lain: Sutherland, H. "Slavery and the slave trade" dlm: *Indonesian Heritage. Early modern History*. Jakarta, 1996, hlm. 94 – 95.

penyogokan pembunuhan dan kezaliman. Salah satu contoh kezaliman tersebut ialah penculikan orang di Sulawesi yang dilakukan oleh orang Belanda untuk memenuhi jumlah hamba abdi di Pulau Jawa. Pada masa itu, Belanda menyediakan penculik khas yang ditugaskan untuk menangkap orang. Penculik, perancang dan si pembeli menjadi ejen yang utama dalam "perdagangan" tersebut. Para penjual yang utama ialah raja-raja tempatan. Kanak-kanak dan pemuda yang diculik itu dikurung di penjara-penjara rahsia di Sulawesi sehingga mereka dewasa dan kemudian dipindahkan dengan kapal-kapal"[68]. '*Bapa*' sistem perhambaan ladang di kawasan kepulauan Melayu ialah Yaan Peterson Koon (1587 - 1629) iaitu *Gabernor Jenderal Oost India* dan pendiri Batavia. Sistem tersebut wujud selama 240 tahun[69].

Subjek yang sama (lanun) dikaji juga dalam monograf yang bertajuk "*Piracy and politics in the Malay World: a study of British imperialism in nineteenth-century South-East Asia"* (KP JB 1544), yang dikarang oleh Nicholas Tarling. Monograf tersebut mengandungi maklumat tentang sejarah lanun di alam Melayu.

Dalam Prakata pengarang menegaskan secara nyata bahawa "*concept of 'piracy' carries from its European context certain shades of meaning and overtones which render inexact its application even to ostensibly comparable Asian phenomena. … Sometimes 'piracy was used as an excuse for intervention…"* (hlm. 1-2)

Buku tersebut dilengkapi juga dengan maklumat ringkas tentang sejarah Nusantara dan penyebaran agama-agama di kawasan tersebut. Terdapat juga analisis sistem kerajaan Portugis, Belanda dan Inggeris.

---

[68]Marks, K., Engels, F. *Kumpulan karya-karya*. Jil. XVII. Moscow: Politizdat, 1981, hlm. 824

[69]Tentang sistem perhambaan ladang lihat antara lain: Bandilenko, G., Gnevusheva, E., Deopik, D., Tsiganov, V. *Sejarah Indonesia*. Bahagian I. Moskow: MGU, 1992, hlm. 178 – 181.

Tentang Islam pengarang menulis secara tepat:
"Islam come to the Archipelago not only as a religion, but as a state-building, state supporting ideology. The new sultanate of Malacca, a great fifteenth century entreport, … spread its power conterminously with the worship of Allah, … The influence of Islam spread also in reaction to the incursions of the Portuguese, the Spaniards and the Dutch". (hlm. 5)

Monograf mengandungi juga bahan-bahan tentang situasi di Johor dan Riau-Lingga pada kurun ke-19, iaitu tentang raja-raja Melayu dan Bugis dan aktiviti lanun pada masa itu. Digambarkan secara terperinci peperangan di antara orang Barat dan lanun-lanun tempatan. Terdapat juga maklumat tentang keadaan di Borneo dan Acheh dan kegiatan melanun di dalamnya. Disebutkan juga kegiatan lanun-lanun China.

Analisis monograf tersebut menunjukkan bahawa pengarang menumpukan lebih banyak perhatian kepada peperangan dan kegiatan melanun yang amat mengasyikkan. Yang digambarkan adalah peristiwa dan peperangan yang sebenarnya. Maklumat tersebut berdasarkan catatan peringatan para pelaut dan pegawai pentadbiran penjajahan Eropah serta sumber sejarah Barat yang lain. Namun analisis peristiwa sejarah dari sudut ilmu sejarah, ekonomi, sosiologi tidak ditemui.

Sosiologi, Sistem Kerajaan, Nasionalisme

Analisis koleksi koleksi John Bastin menunjukkan bahawa dalamnya terdapat pelbagai bahan yang berkaitan dengan ilmu sosiologi, termasuk kajian sistem kerajaan dan gerakan nasionalisme di Malaysia moden. Terdapat 11 tajuk buku tentang tema tersebut (sistem kerajaan – 5, kajian sosiologi umum – 5, nasionalisme – 1). Analisis bahan maklumat tersebut memberi peluang untuk membandingkan hasil kajian masyarakat Melayu yang dilaksanakan oleh para ilmuwan Barat dengan karangan cendekiawan Malaysia tentang masyarakat

Melayu dan merumuskan pendapat mereka tentang sejarah dan tamadun Melayu. Analisis perbandingan tersebut membantu kita memahami cara kajian ilmiah di Barat dan di Malaysia Paling penting membetulkan beberapa salah faham Barat tentang masyarakat Melayu.

Buku bertajuk *Malay Society in the late nineteenth century: the Beginning of Change"* (KP JB 1426) yang dikarang oleh Gullick, J.M. merupakan suatu kajian dalam bidang sosiologi dan konsep kerajaan Melayu. Buku ini mengandungi pendapat seorang ilmuwan Eropah tentang orang Melayu dan tamadun Melayu pada kurun ke-19. Karangan tersebut mengandungi maklumat tentang raja-raja Melayu, orang-orang besar dan sistem kerajaan Melayu terdapat juga maklumat tentang orang kampung dan hal-ehwal ekonomi di kampung Melayu; tentang cara kehidupan orang Melayu dari segi adat-istiadat seharian dan ciri-ciri khasnya. Pengarang menganalisis sistem kesihatan dan sistem pendidikan kebangsaan.

Dalam Prakata terdapat gambaran secara umum pelbagai tempat/kawasan Malaya dan para penduduknya pada kurun ke-19. Terdapat senarai buku dan maklumat tentang historiografi kajian masyarakat Melayu.

Pengarang menganalisis tugas (kewajipan) dan hak baginda (sultan, raja dan lain-lain) dalam masyarakat umum (di depan orang ramai) dan dalam kehidupan peribadi (keluarga dan lain-lain). Analisis tersebut dilengkapi dengan keterangan pelbagai definisi dan istilah, yang berkaitan dengan sistem kerajaan Melayu, misalnya:

balai, istana (sebagai tempat/kediaman pentadbiran kerajaan),

keris (sebagai alat perkakas),

kesepakatan (sebagai salah satu prinsip dasar pemerintah)

dan pelbagai gelaran (*paduka ayahanda, paduka anakanda*) sebagai tanda hierarki dalam sistem kerajaan. Diceritakan secara ringkas tentang

pelbagai acara di istana. Maklumat tersebut adalah maklumat umum tanpa penilaian atau analisis lengkap.

Pengarang juga menganalisis pelbagai istilah yang berkaitan dengan kehidupan peribadi raja atau kehidupan dalam istana. Yang disebutkan adalah kata sebagai berikut: *orang balai, orang lepau, orang nobat, orang tunggu, budak dalam*, *gundik, budak raja* – iaitu pelbagai pembantu, pekerja dan kakitangan istana yang lain.

Terdapat maklumat yang menarik tentang kelebihan (kemudahan) yang raja miliki dalam perniagaan. Misalnya raja Pahang membeli emas dengan harga yang tertentu (fixed price) iaitu $22 per auns (ounce), berbanding harga pasar pada tahun 1887 adalah $30-40 per auns. (hlm. 53). Contoh yang kedua adalah cerita tentang Raja Terengganu yang terlibat dalam perniagaan rempah ratus. Pada tahun 1909 beliau menerima sebahagian daripada faedah dari ladang-ladang lada. (hlm. 53) Di pantai Barat raja mendapat sebahagian faedah dari perniagaan opium. Dimaklumkan juga bahawa ramai raja-raja memiliki perniagaan sendiri.

Selain itu digambarkan maklumat tentang pelbagai acara di istana Sultan Johor dan kerjasama sultan dengan orang Eropah. Gambaran tersebut berdasarkan maklumat mengenai kegiatan Sultan Abu Bakar Johor. Terdapat juga cerita tentang kunjungan raja-raja Melayu ke London, Singapura (pada zaman T.S. Raffles).

Perlu ditegaskan bahawa maklumat tersebut kebanyakannya berdasarkan catatan dan warkah orang Barat iaitu catatan para saudagar, pegawai pentadbiran Inggeris, residen dan lain-lain. Rujukan kepada teks Melayu lama dan sumber sejarah Melayu hampir tidak ditemui.

Analisis kehidupan manusia di kampung Melayu terdapat dalam bab ke-lima, ke- enam dan ke- tujuh buku tersebut. Di dalamnya ditemui maklumat tentang

masyarakat berkaitan dengan adat-istiadat di kampung dan tentang kegiatan ekonomi. Pengarang menyatakan bahawa ramai orang kampung bekerja di ladang atau dusun sendiri. Mereka mempunyai hak milik persendirian ke atas tanah dan harta-harta lain. Disebutkan juga tanah kerajaan (hak milik kerajaan) yang diusahakan oleh orang kampung tersebut.

J.M. Gullick turut menjelaskan pelbagai ciri khas sistem pemerintahan di kampung serta menganalisis tugas (kewajipan, fungsi) penghulu dan orang-orang besar yang lain. Digambarkan sistem tersebut yang masih diamalkan di Kelantan, Kedah, Perak, Selangor, Terengganu dan lain-lain.

Pengarang menegaskan bahawa kegiatan ekonomi dan perniagaan lazimnya dilaksanakan oleh pendatang, imigran (*immigrant*) dan orang haji (*hajjas*). Hal ini membuktikan bahawa peranan orang Muslim dalam perniagaan adalah amat penting. Pada zaman penjajahan orang Muslim dari Timur Tengah ikut serta secara aktif dalam perniagaan dan kegiatan ekonomi yang lain, walaupun aktiviti mereka tidak disokong oleh pentadbiran penjajahan yang berusaha supaya mengawal perdagangan secara sepenuhnya. (hlm. 100 – 103)

Bab tersebut mengandungi juga cerita ringkas tentang pelbagai jenis ladang dan taman, tentang tanaman yang utama, tentang ternakan dan burung-burung (ayam itik) yang dipelihara oleh orang Melayu kampung. Disebutkan tentang pertanian yang dihasilkan oleh petani tempatan dan yang menjadi barang dagangan/perniagaan antarabangsa.

Terdapat juga maklumat tentang peranan masjid dalam masyarakat Melayu kampung; tentang petugas masjid (*imam, bilal, khatib, kadi*) berdasarkan data tentang Kelantan, Perak, Kedah, Negeri Sembilan, pahang Terengganu turut diselitkan data-data statistik tentang haji.

Adat-istiadat dan cara kehidupan orang Melayu digambarkan dalam bab yang bertajuk "The Malay style of living" (hlm. 181-209). Terdapat maklumat tentang

rumah, alat-alat perumahan dan dapur, makanan, baju, adat (gaya) pakaian (dipengaruhi oleh Islam); perihal budi pekerti dan akhlak secara umumnya maklumat tersebut kebanyakannya merupakan petikan daripada catatan para ilmuwan Barat (misalnya Wilkinson, R.O.Winstedt. E.Innes, Swettenham dan lain-lain). Gambaran tidak dilengkapi dengan keterangan tentang ciri-ciri khas dan cara kehidupan orang Melayu. Analisis asal-usul dan adat-istiadat Melayu tidak ditemui juga tetapi pengarang menyentuh unsur-unsur Islam dalam kehidupan orang Melayu pengaruh Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu tidak dikaji secara lengkap.

J.M.Gullick menumpukan perhatian kepada adat-istiadat keluarga Melayu. Beliau menganalisis peranan lelaki dalam keluarga mengkaji peranan wanita dan kehidupan wanita dalam keluarga sebelum dan selepas kahwin. Yang dikaji adalah wanita daripada pelbagai peringkat masyarakat. Unsur Islam dalam adat-istiadat keluarga Melayu hampir tidak disebutkan. Terdapat sedikit maklumat tentang hal ehwal penceraian dan poligami. Wanita dalam Islam dan taraf perlindungan sosial wanita berdasarkan peraturan syariat tidak dijelaskan**.**

Maklumat tentang Islam terdapat dalam bab yang bertajuk "*The organization of Islam*" (hlm. 277 – 315). Pengarang menegaskan secara tepat bahawa: "*Every Malay was a Muslim. It was a national status as much as a religion. A convert to Islam was said to become a Malay* (*masuk Melayu*) (hlm. 277)

Justeru J.M.Gullick ikut pendapat R.J. Wilkinson dan M.B.Hooker dan para orientalis yang lain bahawa Islam yang tersebar di alam Melayu berasal dari Iran dan India, dan bahawa orang Melayu tidak menerima Islam secara sepenuhnya. Beliau menulis:

> "*The Koran reflects social conditions and political ideas, norms and values, of an Arabian commercial and pastoral society of several centuries before Islam came to South East Asia in the fifteenth century. Moreover Islam came to Malaya with accretions and modifications from*

Iran, India and elsewhere through which it had passed in its long jorney to Eastern Asia[70]*. Malay society did not accept in full the civilization, for it was hardly less than that, of Islam as a world movement. Malay culture had its ancient traditions (adat), especially in the practice of magic and in the beliefs on which magical practice was founded. It also preserved considerable elements of Hindu practice since the Malays had been Hindus before they were converted to Islam".*

Petikan tersebut mencerminkan pendapat tentang Islam Melayu yang tersebar dalam tradisi Oriental studies di Barat. Pendapat tersebut dianalisis dan dikritik dalam pelbagai karangan ilmiah, misalnya dalam karya Prof. Syed Naquib al Attas, Thomas Arnold, T. Denisova dan lain-lain[71].

Analisis sistem kerajaan tempatan juga terdapat dalam kumpulan makalah "*Patterns of Kingship and authority in traditional Asia*" (KP JB 1431) yang disusun oleh Ian Mabett. Karangan tersebut mengandungi analisis perbandingan sistem kerajaan di negara Asia: Jepun, Cina, Korea, India, negara-negara Arab, alam Melayu, Burma dan lain lain.

Dalam makalah A.C. Milner "*Malay Kingship in a Burmese perspective*' (hlm. 158-84) terdapat analisis perbandingan sistem kerajaan Burma dengan Malaysia menurut pengarang kedua-dua sistem tersebut dipengaruhi oleh sistem kerajaan Eropah.

---

[70]Terdapat rujukan kepada buku seperti berikut: M.B.Hooker (ed*) Islam in South East Asia,* Leiden: E.J.Brill, 1983.

[71]Tentang hal tersebut lihat: al-Attas. Syed Muhammad Naquib. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM, 1972. Arnold, T. *Preaching of Islam*. London: Constable and Co., 1913; Denisova, T. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

Kajian juga mengandungi keterangan tentang pelbagai definisi yang berkaitan dengan sistem kerajaan. Misalnya *kerajaan, raja, adat, undang-undang, syaria, derhaka, merdeka, bodhisattva, nirvana, haj.*

Kajian A.C. Milner berdasarkan pelbagai sumber, termasuk teks *Undang-undang Melaka, Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Abdullah* dan lain-lain. Pengarang menegaskan secara tepat undang-undang di Malaya berdasarkan syariat dan tamadun Islam.

Justeru itu A.C. Milner menyatakan bahawa sistem kerajaan tradisional telah berubah dan dipengaruhi oleh sistem penjajahan Eropah. Mengenai pemusnahan sistem kerajaan dan kemerosotan peranan sultan atau raja pada zaman penjajahan Eropah A.C.Milner menulis sebagai berikut:

> *"From 1874 the rulers of the different states of Malaya began to submit the the British demand that they maintain at their courts British adviser called "Residents". Numerous modern historians have argued that, despite the fiction that the "independence and sovereignity of the Sultan" continue into the colonial period, it was the British who held power in, and administrated Malaya" … "Sultans became ceremonial heads of state who "retired from any active part in government, and were recompensed after a fashion by increases in their wealth, ceremonial and formal honours"* (hlm. 164)

Keadaan tersebut dicerminkan juga dalam pelbagai teks sejarah Melayu pada kurun ke-18 sehingga ke-19. Dalam teks *Tuhfat al-Nafis* terdapat maklumat bahawa sultan Johor kehilangan kuasa yang mutlak. Sebagai pemimpin yang paling berwibawa di Johor dianggap Yang Dipertuan Muda Bugis yang mempunyai kuasa tersebut. Yang Dipertuan Muda Bugis dan golongan bangsawan Bugis adalah amat berkuasa di Johor, bukan para residen Inggeris atau Belanda. Orang Bugis yang pemerintahan sendiri di Johor walaupun kelazimannya mereka terpaksa mencari persetujuan atau lulusan dari residen Inggeris.

Orang Bugis bersaing dengan pentadbiran Inggeris bukan sahaja dalam bidang pemerintahan kerajaan tetapi juga dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Lazimnya persaingan tersebut mengakibatkan konflik (pergaduhan) bersenjata. Hal ini dimaklumkan juga dalam pelbagai teks Melayu lama yang lain, misalnya di Hikayat Siak dan Peringatan Sejarah Negeri Johor[72].

Pengarang menegaskan bahawa sistem kerajaan Melayu masih kekal pada zaman penjajahan Inggeris dan sultan Johor (atau yang dipertuan Muda Johor) masih mempunyai kuasa mutlak dalam negaranya. Beliau menulis:

> *"To see Malay sovereignity in British Malay as a"fiction" as thus to misconstrue completely the relationship between the British and Malaya. It must be admitted that the rulers role, to the modern eye, appears to have been largely concerned with religion and ceremony, but this had always been the character of Malay rajaship. The Malay Sultan continued to be a dominant figure in precisely the same ideological; and ceremonial spheres which he had occupied in pre-colonial times".* (hlm. 175)

Peluang menarik ialah keterangan tentang aktiviti orang Melayu dalam bidang politik. A.C.Milner menegaskan, bahawa:

> *"The British aimed to implement a Malayan Union in which all the Malay states under British protection, together with Penang and Melaca would be incorporated into a unified administration under British rule. … To the surprise of many foreign observers who had assumed Malays were invariably lethargic as regards political matters,*

[72]Tentang persaingan di antara orang Bugis dan pentadbiran penjajahan Inggeris lihat juga: Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka. Abad ke 15 hingga ke-18*. Kuala Lumpur: DBP, 2006; Andaya L.Y. *Kerajaan Johor 1641-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Kuala Lumpur: DBP, 1987; Denisova T. *Tuhfat an-Nafis sebagai sumber sejarah Melayu ab. ke- XVII – XIX*. Moskow: Nauka, 1998.

the Malay response to the Union scheme was dramatic. Traveling into the peninsula from Singapore, a British member of parliament found "demonstrations running to thousands of people" at every town and concluded that the country had become acutely politically conscious overnight".

Ternyata orang Melayu pada masa itu telah sedar dirinya sebagai bangsa dan sebagai warganegara serta bergiat aktiviti politik dan mempunyai tanggungjawab sosial.

Maklumat yang lebih lengkap tentang sistem kerajaan Melayu dan budaya pemerintahan tempatan terdapat dalam sebuah lagi buku yang dikarang oleh A.C. Milner. Tajuknya "*Kerajaan: Malay Political Culture on the eve of colonial rule*" (KP JB 1435). Karangan tersebut berdasarkan pelbagai sumber sejarah iaitu sumber Barat dan juga teks Melayu lama (*Sejarah Melayu, Hikayat Siak, Hikayat Pahang, Hikayat Deli* dan lain-lain).

Pengarang menegaskan bahawa karya Barat yang dikarang pada zaman penjajahan lazimnya menggambarkan peristiwa yang berkaitan dengan orang Eropah sahaja. Dalam Prakata beliau menulis seperti berikut:

> *"Colonial development is too often studied in a vacuum"* (ms. vii)
> *"European colonial archieves and the unofficial accounts of Western visitors to Malay world … were less helpful for the study of political culture than for the study of political institutions".* (hlm. viii)

Dalam buku tersebut terdapat juga maklumat seperti berikut:

– cerita ringkas tentang sejarah alam Melayu pada zaman penjajahan (kurun ke 16 sehingga 20);
– maklumat tentang politik, ekonomi dan peperangan di Malaya (hlm. 14 sehingga 29);
– ciri-ciri khas sistem kerajaan tempatan pada zaman kesultanan Melayu dan pada zaman penjajahan (hlm. 53-117).

Diterangkan juga tentang istilah *kerajaan* (9), *raja* (94-117), *hikayat* (37-38, 37 – 39) dan lain-lain. Buku dilengkapi juga dengan pelbagai peta, index dan keterangan.

Pengarang menyatakan pendapat beliau tentang definisi "orang Melayu" (*Malays*). A.C. Milner mengikut pendapat T.S. Raffles bahawa orang Melayu tidak dianggap sebagai satu bangsa (nation) yang mempunyai ciri-ciri umum iaitu bahasa, adat-istiadat dan budaya. Dalam teks terdapat rujukan seperti berikut:

> *"I cannot but consider the Malay nation, wrote Sir Stamford Raffles 'as one people, speaking one language, though spread over so wide a space, and preserving their character and customs"* (hlm. 20)

Pengarang menyebutkan ciri-ciri umum bangsa Melayu seperti berikut: adab (budi) Melayu, bahasa Melayu, cara pakaian Melayu, sastera Melayu (hikayat) undang-undang yang sama, Islam, cara mengerjakan tanah (padi dll). Justeru A.C. Milner menegaskan bahawa terdapat pelbagai variasi bahasa Melayu tempatan, misalnya bahasa Kelantan, bahasa Sabah, bahasa Terengganu. Semua bahasa (pertuturan, ucapan) berbeza satu sama lain dan tidak boleh dianggap sebagai satu bahasa umum. Penduduk Melayu di pelbagai tempat dan negeri mempunyai ciri-ciri khas mereka yang tersendiri. Ini sebabnya orang Melayu tidak boleh dianggap sebagai satu bangsa umum.

Pendapat tersebut adalah tidak betul. Pendapat itu berdasarkan keterangan tentang definisi *nation,* yang tersebar dalam ilmu Eropah pada kurun ke-19. Menurut makna definisi tersebut "*Nation*" perlu mempunyai bahasa umum, asal-usul umum, kawasan kediaman umum, sejarah umum, adat-istiadat (atau tamadun) umum. Kekurangan konsep tersebut adalah tidak memasukkan hal agama ke dalam senarai ciri-ciri (kategori) tersebut.

Memang bahasa Kelantan berbeza dengan bahasa Melayu Johor atau Brunei. Namun analisis variasi bahasa Melayu tempatan berdasarkan data linguistik

menunjukkan bahawa semua bangsa tersebut menggunakan satu bahasa umum iaitu bahasa Melayu.

Orang Melayu sebagai bangsa mempunyai bahasa umum, sejarah umum, asal-usul umum, kebudayaan umum, iaitu semua sifat-sifat "nation". Apatah lagi orang Melayu mempunyai agama umum iaitu Islam. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu boleh dianggap sebagai satu bangsa iaitu satu **Nation**, walaupun orang Melayu tinggal di dalam pelbagai negara/negeri.

Walaupun orang Melayu tidak dianggap oleh pengarang sebagai satu bangsa, A.C, Milner menyebut beberapa ciri adat dan budaya Melayu sebagai sifat umum yang tersebar di seluruh dunia Melayu. Yang disebutkan antara lain adalah *piracy (kegiatan lanun)*. AC. Milner menggambarkan *piracy* sebagai satu cara perniagaan yang tersebar disemua negara Melayu. Beliau menulis, bahawa: *"Malays moved from trade to piracy with apparent easy"* (hlm. 20)

Sistem kerajaan tempatan dianalisis berdasarkan maklumat tentang Pahang. Terdapat analisis *Hikayat Pahang* sebagai sumber sejarah, terdapat gambaran pelbagai acara di istana Raja berdasarkan *Hikayat Pahang* (hlm. 53-71). Diterangkan tentang fungsi dan kewajiban raja berdasarkan juga maklumat tentang Pahang iaitu Raja Ahmad Pahang. Terdapat cerita tentang perang Pahang (kurun ke-19) yang dirakamkan dalam pelbagai teks Melayu lama, misalnya *Hikayat Siak* dan *Hikayat Pahang*. Cerita Pahang turut dianalisis daripada teks Melayu yang bertajuk hikayat Deli.

Kelebihan buku ini adalah pengunaan oleh pengarang sumber-sumber sejarah Melayu yang jarang dirujuk dan promosi teks tersebut sebagai sumber sejarah yang komprehensif.

Manakala kekurangan buku ini adalah kerana dalamnya tidak ditemui analisis unsur-unsur Islam dalam sistem kerajaan Melayu. Definisi "Islam" disebutkan

hanya empat kali sahaja walaupun tamadun Melayu dan tradisi kerajaan berdasarkan Islam dan undang-undang syariah.

Menurut pendapat A.C.Milner sistem kerajaan Melayu masih dipengaruhi oleh tradisi Hindu-Buddha. Kesimpulan beliau berdasarkan hasil analisis kerajaan Srivijaya. Pengarang menggunakan analisis sistem kerajaan kuno iaitu kerajaan Srivijaya untuk memahami konsep kerajaan di negara-negara Melayu moden iaitu kerajaan Deli dan Pahang pada kurun ke-19. Pengarang membuktikan pengaruh tamadun Hindu dengan memberikan keterangan istilah yang berasal dari bahasa Sanskrit (raja = bodhisattva, taat = bhakti, anugeraha). Justeru pengarang "tidak nampak" unsur-unsur Islam dalam sistem kerajaan dan konsep kerajaan Melayu.

Sejarah kemunculan dan perkembangan golongan "elit" Melayu moden diterangkan dalam buku "*The Emergence of the modern Malay Elite*" (KP JB 1430) yang dikarang oleh Khasnor Johan.

Sebagai "elit moden" pengarang menyebut suatu golongan masyarakat Malaysia iaitu golongan pegawai dengan pentadbiran kerajaan.

Cerita tentang sejarah perkembangan golongan tersebut bermula dengan maklumat tentang *Civil Service* yang dibina oleh orang Inggeris pada zaman sebelum kemerdekaan. Lembaga tersebut mengandungi division *Malay Administrative Centre* (MAC) yang dipenuhi dengan pegawai Melayu. Terdapat cerita yang lengkap mengenai sejarah dan sistem (susunan) MAC.

Menurut pengarang pembinaan *division* tersebut mencerminkan bahawa pentadbiran Inggeris berusaha untuk memperkenalkan Malaysia satu sistem administrasi tempatan yang akan mengikut perintah dan/atau nasihat orang Inggeris selepas kemerdekaan. Pengarang menulis bahawa pegawai tersebut kebanyakannya dari keluarga orang-orang besar Melayu.

Sebagai persiapan sistem pentadbiran yang baru itu pengarang menyebut sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh orang Inggeris untuk raja Melayu dan anak-anak baginda. Antara guru yang ditugaskan elit Melayu tersebut ialah seorang ilmuwan Barat yang terkenal iaitu R.J. Wilkinson. Pada 24 Februari 1904 R.J. Wilkinson menawarkan pembinaan sekolah istimewa untuk anak-anak raja dan orang-orang besar Melayu. Pengajaran di dalam sekolah tersebut akan dilaksanakan dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan akan mengandungi pelbagai subjek pengajaran, termasuk agama dan tamadun kebangsaan. Tujuan utama sekolah tersebut adalah untuk menyiapkan pegawai untuk pemerintah (government) dan bertugas di kementerian dan kerajaan.

Terdapat cerita tentang *Malay Kolej di Kuala Kangsar* (dibuka 1905). Menurut pengarang salah satu ciri khas kolej tersebut adalah menyelitkan pengajaran dan pelajaran Islam. Disebutkan nama guru (ustaz) yang mengajar al-Qur'an. Anak-anak Melayu di dalam kolej tersebut menerima pengajaran Islam termasuk bersolat dan melaksanakan semua ibadat Islam. Khasnor Johan menulis seperti berikut:

> *"That Islam was taught at the College indeed showed prudence on the part of the British. One of the main reasons for the reluctance of Malay parents to send their children to English schools had been their fear that these schools were centre of Christian proselytizing activities. The teaching of Islam in Malay Colledge helped to allay the fears of Malay parents". (hlm. 39)*

Kenyataan tersebut disahkan dengan maklumat tentang Kolej Inggeris Cina di Melaka yang dibuka pada kurun ke-18. Kolej tersebut dan pusat-pusat pendidikan Eropah lazimnya dijadikan pusat penyebaran agama Kristian. Sistem pengajaran dalamnya berdasarkan agama Kristian dan tidak mengandungi subjek yang berkaitan dengan Islam. Oleh sebab itulah orang Melayu (termasuk orang-orang besar, raja-raja dan bangsawan) tidak menghantar anak-anak mereka belajar di kolej tersebut. Malay Kolej di Kuala Kangsar merupakan kolej

pertama yang dilengkapi dengan pengajaran Islam. Ternyata hanya selepas 200 tahun penjajahan Eropah di alam Melayu pentadbiran Inggeris faham bahawa Islam merupakan syarat yang utama dalam proses pembinaan golongan elit Melayu Moden.

Dalam buku tersebut terdapat juga maklumat tentang *Higher Subordinate Class Scheme* (hlm. 48-68) iaitu tentang cara ujian dan sistem pelantikan para pegawai Melayu untuk berkhidmat dengan kerajaan. Sistem tersebut mengandungi pelbagai latihan dan ujian untuk calon-calon dan pegawai yang akan berkhidmat di pejabat kerajaan. Yang perlu diuji ialah adalah kemahiran dalam bidang seperti berikut:

dalam bahasa Inggeris; surat-surat rasmi (*Official correspondence*),
typewriting
bahasa Melayu (termasuk ejaan dan terjemahan),
sejarah dan ilmu bumi Malaya,
geometria,
mekanika,
algebra,
undang-undang
dan lain-lain.

Disenaraikan secara lengkap tentang tingkat dan skema pemarkahan yang digunakan dalam ujian tersebut.

Khasnor Johan juga menumpukan perhatian kepada hubungan antara orang Inggeris dan orang Melayu yang berkhidmat dalam MAC (ms. 147-168) Beliau turut menyentuh imej pegawai Melayu yang berkhidmat dalam pentadbiran Inggeris dalam masyarakat Melayu (hlm. 169-183).

Sejarah perkembangan masyarakat Melayu dan sejarah kemunculan golongan elit dijelaskan juga dalam monograf "*Malay ideas on development from feudal lord to capitalist*" (KP JB 1445) yang dikarang oleh Shaharuddin b. Maaruf.

Dalam monograf tersebut terdapat keterangan tentang pelbagai definisi, yang digunakan dalam ilmu sosiologi, misalnya '*feodalism*', '*elite feodal*', '*kapitalism*', '*nationalism*' dan lain –lain. Pengarang meneruskan kajian golongan elit Melayu melalui monograf beliau yang bertajuk "*Concept of a Hero in Malay Society*" (KP 1444). Pengarang menumpukan perhatian kepada konsep perkembangan (*development's concept*) masyarakat Melayu, masalah dan ciri-ciri khasnya. Beliau menggunakan pelbagai sumber sejarah, iaitu *Sejarah Melayu, Misa Melayu, Taj as-Salatin, Bustan al-Salatin, Hikayat Raja-raja Pasai; Hikayat Hang Tuah; Tuhfat al-Nafis, karangan Abdullah Munshi* dan lain-lain.

Shaharuddin b. Maaruf menganalisis pandangan tentang sistem kerajaan dan cara pemerintahan yang tersebar dalam golongan elit Melayu sejak Zaman Pertengahan. Beliau menafikan "pandangan romantis" dan "puji-pujian" terhadap zaman Melaka yang dianggap sebagai *zaman emas* dalam sejarah Melayu. Pandangan tersebut ditemui di dalam pelbagai karya tentang kerajaan Melaka.

Pengarang mengkaji konsep kerajaan dan konsep perkembangan sosial yang dirakamkan dalam karya-karya Abdullah bin Abdulkadir Munshi. Lazimnya A. Munshi dianggap sebagai pengikut Inggeris dan seorang pembela kepentingan pentadbiran Inggeris. Konsep dan pandangan Abdullah Munshi berbeza (bercanggah) dengan pendapat para ilmuwan Melayu yang lain. Shaharuddin b. Maaruf menyatakan bahawa karangan Abdullah mengandungi kritikan terhadap sistem kerajaan dan sistem masyarakat Melayu. Pengarang menganggap A. Munshi sebagai seorang pembaharu yang pertama dalam bidang tersebut. Beliau menyatakan bahawa karangan A. Munshi merupakan "*the earliest Malay social criticism based on Islamic values and his critical and reformist thinking stands out in glaring contrast to the ritualistic and dogmatic religious life of his time*" (hlm. 25)

Dalam monograf tersebut dinyatakan beberapa pendapat Abdullah Munshi berkaitan kemunduran masyarakat dan sebab-sebab keadaan tersebut.

Tentang kemunduran dalam sistem pendidikan Melayu Abdullah Munshi menulis seperti berikut:

> "*They do not study their own language; instead all of them right from young start reading the Quran without understanding … in a thousand may be not one understands the Quran properly*" (hlm. 28)

Abdulah Munsyi menumpukan perhatian kepada kemiskinan dan kemunduran orang Melayu. Beliau menyalahkan raja tempatan dan orang-orang besarnya yang tidak mengambil berat terhadap rakyatnya tetapi berminat hanya atas kepentingan diri sendiri.

Karya Shaharuddin b. Maaruf mengandungi juga analisis "unsur-unsur kapitalisme" dalam kehidupan dan kegiatan golongan elit Melayu. Pengarang menegaskan bahawa raja-raja tempatan yang biasanya dianggap sebagai pahlawan yang berperang melawan para penjajah, sebenarnya bekerja sama dengan pentadbiran kolonial dalam bidang perniagaan supaya mendapat kekayaan dan faedah.

Shaharuddin b. Maaruf mengkaji juga pandangan sosial Syed Syeikh Alhadi dan Za'ba, tokoh reformasi Islam yang mewakili aliran nasionalisme Melayu. Terdapat juga maklumat mengenai Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad yang dihormati sebagai pendiri/pengasas kewartawanan Melayu dan tokoh yang mengetuai aliran 'radikal' dalam gerakan nasionalisme Melayu.

Monograf turut mengandungi analisis pandangan Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri pertama Malaysia yang disebutkan sebagai Bapa Malaysia) mengenai perkembangan masyarakat dan nationalisme. Pengarang menganalisis konsep perkembangan masyarakat dan konsep nasionalisme yang dirakamkan dalam buku "*The Malay Dilemma*" dikarang oleh Dr. Mahathir Muhammad.

Asal-usul gerakan nasionalisme Melayu juga dikaji dalam monograf yang bertajuk "*The origins of Malay Nationalism*" (KP JB 1443), yang dikarang oleh William R.Roff. Monograf tersebut mengandungi maklumat tentang gerakan politik "nationalism" dalam masyarakat Melayu dan definisi 'Malay nationalism'.

Dalam Prakata terdapat cerita ringkas mengenai historiografi kajian alam Melayu. Dimaklumkan tentang dua sifat kajian tersebut iaitu pertama yang bersifat *Europocentric*, dan kedua yang bersifat *Pro-Malay* atau anti-British atau *Asia-centric.*

Pengarang W.R. Rauf dianggap sebagai ilmuwan terkenal yang merumuskan "*first sociological history of modern Malay society*" (ms. ix). Menurut pendapat beliau, dalam masyarakat Melayu moden terdapat tiga golongan 'elite', iaitu:

(1) golongan orang Muslim, aslinya dari bangsa Arab Muslim, India Muslim atau Melayu Muslim. Kebanyakannya adalah orang Bandar. Mereka yang menyebarkan idea-idea reformasi (*Islamic reformism*) pada akhir kurun ke-19.

(2) Cendekiawan Melayu (*Malay intelligentsia*). Mereka menganggap diri dan mempromosikan diri sebagai Muslim. Mereka menumpukan lebih banyak perhatian kepada masalah 'kommunal' daripada hal ehwal agama. Mereka menyebarkan dan mempromosikan cita-cita nasionalisme Melayu (*Pan –Malay nationalism*);

(3) orang besar tempatan dari sekolah Inggeris (*English schooled*), iaitu yang menerima pendidikan Eropah. Mereka menikmati gaya kehidupan tradisional dengan kelebihan pendidikan moden.

Analisis susunan masyarakat Melayu tersebut dilengkapi dengan maklumat tentang pelbagai bidang kehidupan orang Melayu di Nusantara. Maklumat bahan yang dilengkap adalah seperti berikut:

- kajian tentang masyarakat Melayu pada zaman penjajahan Inggeris;
- analisis ciri-ciri khas sistem kerajaan Inggeris dan kesan kerajaan tersebut untuk masyarakat Melayu (hlm. 1-32)

- analisis keadaan masyarakat Melayu Muslim di Singapura dan sekitarnya;
- kajian hal-ehwal migrasi penduduk tempatan negeri di dalam alam Melayu;
- cerita tentang haji.
- maklumat tentang bahasa, sastera dan surat khabar Melayu Muslim. (hlm. 32-55)

Buku William R.Roff. juga mengandungi analisis hubungan antara '*orang muda*' dan '*orang tua*', iaitu hubungan pelbagai generasi dalam masyarakat Melayu. Pengarang menyatakan pengaruh para ulama Islam, imam dan tokoh Muslim dan kesannya kepada golongan pemuda Melayu. Analisis tersebut dilengkapi dengan cerita tentang sejarah surat kabar *Al Imam* yang diterbitkan sejak tahun 1906 di Singapore) (hlm. 56-90)

Dalam monograf W.R.Roff juga terdapat maklumat tentang Malay kolej Kuala Kangsar yang mengutamakan sistem pedidikan Inggeris untuk orang Melayu[73]. Disebutkan pelbagai masalah yang wujud dari segi persiapan para pegawai Melayu untuk pentadbiran Inggeris. Terdapat juga analisis politik *Pro-Melayu* yang dilaksanakan oleh pentadbiran Inggeris (hlm. 91-125)

Pengarang turut menjelaskan sejarah kemunculan dan perkembangan golongan para cendekiawan tempatan (*intelligentsia*) dan perkembangan sistem pendidikan kebangsaan (berdasarkan Sultan Idris Kolej). Disebutkan peranan akhbar-akhbar tempatan dalam kehidupan masyarakat Melayu. (hlm. 126-177)

---

[73]Subjek-subjek tersebut telah dimaklumkan dalam buku "*The Emergence of the modern Malay Elite*" (KP JB 1430) dikarang oleh Khasnor Johan. Lihat: Khasnor Johan. *The Emergence of the modern Malay Elite*. Singapore: Oxford Univ.Press, 1984.

Buku tersebut juga analisis pelbagai lembaga dan organisasi politik tempatan dan peranannya dalam kehidupan masyarakat Melayu pada tahun ke-1920an dan selanjutnya. (hlm. 178-210) Pengarang menumpukan perhatian kepada sejarah kemunculan (pembinaan) golongan '*elite yang baru*' pada tahun ke-1930an. (hlm. 211-248)

Buku W.R. Roff amat menarik kerana mencerminkan pendapat para ilmuwan moden tentang masyarakat Melayu dan tentang pelbagai bidang kehidupan sosial dalamnya, termasuk peranan agama. Pengarang menyatakan pengaruh imam dan katib di dalam masyarakat Melayu pada tahun ke-1930 an. Beliau menulis seperti berikut:

> *"Many imam dan khatib had performed the haj, the pilgrimage to Mecca, a recognized means in Malay society of enhancing one's status, and perhaps stayed there long enough to study for a while with religious teacher. This and a small knowledge of Arabic sufficed to ensure them recognition as ulama, a standing sharing with those itinerant Malay, Indonesian and Arab divines who throughout the peninsula found respect, and sometimes veneration, in village society for their saintky qualities and necromantic skills. The authority wielded by traditional religious leadership of this kind, though persuasive within its terms of competence, was essentially derived from the peasant community itself, of which the ulama were a part, and was dedevoid of external sanction except where the rulingclass found interest in enforcing it" (hlm. 9)*

Maklumat tersebut membuktikan bahawa para ulama merupakan orang yang berwibawa bukan hanya dalam bandar dan istana sultan sahaja, tetapi juga di kampung-kampung. Ilmu dan pendidikan ulama dianggap dalam masyarakat kampung sebagai kelebihan yang amat besar. Hal tersebut mencerminkan bahawa masyarakat Melayu telah diislamisasikan secara mendalam.

Menurut pengarang penyebaran Islam yakni proses mengislamkan masyarakat Melayu secara mendalam mengakibatkan pengaruh para ulama Arab di dalamnya dan peranan istimewa para syed dari Hadhramauth, yang kekal sehingga kurun ke-20. Tentang hubungan di antara orang Arab dan orang Melayu W.R. Roff menulis secara berikut:

> *"The Arab connection with the Arab world was of long standing, going back at least to the ninth century. The earliest permanent settlements at Siak in Sumatra and Pontianak in Borneo, date from the late 17 c. and wandering Arab traders, adventurers and religious scholars had been a feature of Malay life for many hundreds of years. In the 19 cent. however with the arrival of more stable and economically advantageous conditions in the peninsula and on its periphery, and better sea communication with the Middle East, the Arab elements in the population began to increase. By far the larger part of the movement was from the single area, the Hadhramauth. … By 1936 between 20 percent and 30 percent of all Hadrami Arabs were estimated to live in the East Indies, East Africa and the red Sea countries, and the majority of these in the Indies".* (hlm. 40)

Situasi yang sama wujud di Singapura, yang dianggap sebagai pusat Islam dan pusat pengaruh Arab sejak dahulu kala sehingga kurun ke-20, iaitu sebelum dan selepas terdirinya kubu Inggeris (iaitu Singapura Baru) oleh T.S. Raffles. Beliau menulis:

> *"The Dutch scolar L.WC. Van den Berg described Singaporein 1886 as "the most flourishing, though not the largest, Arab colony in all Indian Archipelago'. … Singapore's reputation as a centre of Islamic life and learning in the late 19 century was widespread, though it rested less on possession of a scool of religious thought (or even on particular teachers) than on its position in relation to the pilgrimage and Arab migration, and not least on its role as a publication and distribution center for religious writings".* (hlm. 43)

Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa ulama Arab tidak dianggap sebagai orang yang berwibawa dan tidak mempengaruhi kehidupan intelektual Melayu.

Dalam katalog koleksi John Bastin, terdapat sebuah makalah berkaitan ilmu sosiologi yang mengandungi analisis keadaan masyarakat Melayu di kampung. Makalah tersebut menerangkan tentang sebab-sebab kemunduran masyarakat kampung tersebut. Makalah yang dimaksudkan bertajuk "*Non-Economic factors in the economic retardation of the rural Malays*" (KP JB 1439) yang dikarang oleh Brien K. Parkinson. Dalam makalah tersebut terdapat maklumat ringkas tentang susunan masyarakat Malaysia pada kurun ke-20. Dimaklumkan bilangan bahawa orang Melayu menyerupai 70% daripada semua orang kampung di Malaysia; orang Cina – 17%; orang India – 11%. Di kawasan bandar penduduk bandar berbangsa Melayu adalah hanya 23%; orang Cina – 65%; serta orang India – 10%.

Pengarang menyatakan bahawa pendapatan orang Melayu di kampung adalah kurang jika dibandingkan dengan pendapatan para usahawan di bandar. Terdapat data-data statistik yang amat menarik. Dimaklumkan bahawa pada tahun 1957 pendapatan (*income*) per tahun untuk seorang lelaki yang dewasa adalah (hlm. 31):

orang Melayu – 1.463$;
orang China – 3.223$;
orang India – 2.031$.

Data tersebut menafikan prasangka yang disebarkan sehingga sekarang bahawa orang India di Malaysia adalah golongan yang paling miskin, mundur dan tertindas.

Pengarang mendedahkan bahawa lazimnya ilmuwan Barat menyalahkan orang Melayu sebagai penyebab kemunduran mereka. Dikatakan orang

Melayu adalah pemalas dan penakut dan tidak berminat terhadap kemajuan masyarakat sendiri.

Parkinson bersetuju dengan pendapat ilmuwan tersebut. Beliau menegaskan bahawa orang Melayu akan menolak semua perubahan dan teknologi (kaedah) yang baru, sekiranya perubahan tersebut akan memisahkan mereka dengan tamadun (tradisi, adat-istiadat) lama mereka. Misalnya Brien K. Parkinson merujuk kepada maklumat yang menyatakan, bahawa orang Melayu kampung tidak mahu berubah cara tanaman padi, walaupun kaedah yang baru (teknologi campur)[74] akan memberi peluang supaya menerima pendapatan lebih tinggi; nelayan tidak berminat menjadi nelayan laut dalam (*deep sea*) yang mungkin memberi mereka hasil tangkapan yang lumayan. Pengarang menulis bahawa: *"Malays themselves have expressed their great dislike of being away from home and say that they will not go deep sea fishing for this reason"* (hlm. 35)

Brien K. Parkinson turut menegaskan bahawa "*Malays have accepted changes that can be grafted on their existing techniques (motors and nylon nets) but have not accepted those changes that would radically upset their whole way of life*. (hlm. 35)

Pengarang bersetuju dengan pendapat R.J. Wilkinson yang menyatkan bahawa orang Melayu tidak mahu berubah dan menerima kaedah kehidupan baru yang lebih maju (*progressive)*. Pengarang menegaskan bahawa pada zaman penyebaran Islam, orang Melayu tidak lupa dan tidak menolak adat-adat dahulu kala, yakin sebelum Islam. Beliau menulis seperti berikut:

> *"Islam is intolerant religion. It will not accept more than one God nor any idols. It demands absolute attention and the dismissal of all alien beliefs. But the rural Malay is unable to conform to such rigidity, even*

---

[74]Teknologi yang baru tersebut menyerupai tanaman campur iaitu ladang dan sawah padi.

though he would never regard himself a a lax Muslim because of it. Nor do many Malays realize the conflict between the Quran and what they sometimes practice" (37)

Pendapat tersebut mencerminkan kesalahfahaman Barat terhadap Islam. Sebenarnya dalam kehidupan seharian Melayu Muslim di kampung dan bandar kecil terdapat pelbagai unsur kepercayaan pegan. Kepercayaan para ulama (dan sudut usuluddin, falsafah, adat) berbeza dengan pemikiran orang kampung Perbezaan tersebut wujud dalam semua agama, termasuk agama Kristian, Hindu, Yahudi, Islam dan lain-lain. Perbezaan tersebut dicerminkan dalam definisi *agama rasmi* dan *agama rakyat*. Paling penting dari sudut ilmu sosiologi ialah orang Melayu kampung menganggap diri sendiri (mengidentifikasikan diri) sebagai orang Muslim yang soleh.

Pengarang meneruskan pembincangan tentang unsur-unsur *agama rakyat*. Beliau menegaskan bahawa acara di masyarakat Melayu kampung kebanyakannya berdasarkan tradisi Hindu dan/atau kepercayaan pegan. Brien K. Parkinson turut menyentuh pelbagai tarikat *tasawuff* dalam masyarakat Melayu yang mengandungi juga unsur-unsur tamadun yang sebelum Islam.

Pengarang menyatakan bahawa "*Indonesian Islam, although his statement applies to Malaya also, is 'a complex syncretic theosophy largely familiar to the Indonesian, but which subordinate to, although an enlargement on the fundamental dogmas of Islam (the Sufis) were prepared to preserve continuity with the past and use the terms and elements of pre-islamic culture in an Islamic context"* (hlm. 37)[75]

---

[75]Dalam teks makalah tersebut terdapat rujukan kepada karangan A.H.Johns, yang mengikut pendapat yang sama. Lihat: A.H.Johns. "Sufism in Indonesia" dlm: *Journal of South-east Asian History*. 2, 2, Singapore: History Department, National University of Singapore, 1961, p. 15.

Pendapat tersebut tidak betul. Perbezaan antara tasawuff dengan sistem metafizik yang wujud dalam tamadun Hindu-Buddha dijelaskan beberapa kali oleh Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas[76]. Memang di Nusantara wujud pelbagai aliran tasawuff yang mengandungi unsur tamadun Hindu-Buddha dan kepercayaan pegan dalam amalannya. Justeru pengarang tidak menyebut kegiatan para ulama dan orang Sufi Melayu (misalnya Nuruddin ar-Raniri), yang bergaduh dengan pengamal *tasawuff yang palsu* dan ulama berkenaan turut memberikan asas tasawuff dan usuluddin yang tulen.

Dalam makalah tersebut ditemui juga pendapat Brien K. Parkinson tentang Islam dan peranannya di dalam kegiatan ekonomi dalam masyarakat Melayu. Pengarang masih beranggapan Islam sebagai unsur negatif dalam perkembangan masyarakat. Beliau menulis seperti berikut:

> *"The Islamic beliefs that all things are emanations from God is another important force affecting the Malays economic behaviour, for iy tends to make them fatalistic in their approach to life. The Malay is very prone, after receiving a setback, to give up striving, and say that he has no luck, that it is the will of God. In economic affairs this is most clearly seen in the concept rezeki, a person's divinely inspired economic lot"*[77].

Karangan Brien K. Parkinson amat menarik kerana mengandungi pelbagai pendapat tentang orang Melayu dan tamadun Melayu yang tersebar dalam kalangan ilmuwan Barat. Paling penting antara pendapat tersebut ialah

---

[76]Hujah-hujah yang lebih lengkap mengenai subjek tersebut lihat: al-Attas, Syed Muhammad Naquib. Proff. "*Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*" Kuala Lumpur:UKM, 1972; al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam.* KL, ISTAC, 1995, 2002

[77]Lihat juga: M.G. Swift. "Malay peasant society in Jeleb" dlm*: Monographs on Social Anthropology* 1965, London: School of Economics, p.29-30

pelbagai prasangka tentang Islam yang mencerminkan kesalahfahaman terhadap Islam dan tamadun orang Melayu.

Hujah dan analisis keadaan masyarakat Melayu yang menjelaskan salah faham/ prasangka terhadap orang Melayu dan tamadun Melayu terdapat dalam karya para cendekiawan Malaysia moden. Dalam koleksi John Bastin tersimpan buku Syed Hussein al-Attas dan Dr. Mahathir bin Mohamad. Kedua-duanya merupakan tokoh ilmu sosiologi dan tokoh intelektual yang amat terkenal dalam Malaysia Moden.

Dalam buku yang bertajuk "*The Malay Dilemma*" (KP JB 1433, 1434), yang dikarang oleh Dr. Mahathir bin Mohamad terdapat maklumat tentang hal ehwal politik Malaysia. Buku tersebut dikarang oleh seorang tokoh politik yang amat berwibawa iaitu oleh Dr. Mahathir bin Mohamad sebelum beliau menjadi perdana menteri Malaysia (sejak 1981 sehingga 2003).

Buku tersebut mengandungi maklumat tentang ciri-ciri khas orang Melayu sebagai satu bangsa, tentang hak-hak bumiputera, tentang status bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Malaysia dan lain-lain.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa semua imigran perlu bercakap dalam bahasa Malaysia. Menurut beliau orang imigran (orang dari luar) tidak akan menjadi orang Malaysia sepenuhnya jika mereka tidak pandai berbahasa Melayu. Dr. Mahathir menawarkan konsep "*Constructive protection*" (perlindungan konstruktif), iaitu satu konsep perlindungan dan sokongan kepada orang Melayu. Menurut beliau konsep tersebut amat penting untuk menyokong orang Melayu dan memberi mereka peluang supaya memajukan diri.

Tentang keadaan para penduduk Melayu di Malaysia beliau menulis seperti berikut:

> "*Now, as before, the Malays seem to be teetering between the desire to assert their rights and arrogate to themselves what they consider*

> *to be theirs, and the overwhelming desire to be polite, courteous and thoughtful on the rights and demands of others. Deep within them there is conction that no matter what they decide or do, things will continue to slip from their controle; that slowly but surely they are becoming the dispossessed in their own land. This is the Malay Dilemma"*. (hlm. 3)

Beliau menegaskan bahawa terdapat beberapa masalah dalam hubungan antara orang Melayu dan orang China dan India.

Menurut pendapat pengarang: "*there never was true racial harmony. There was a lack of inter-racial streife. There was tolerance. There was accommodation. There was a certain amount of give and take. But there was no harmony*. (hlm. 5)

Dr. Mahathir menganalisis hubungan di antara tiga golongan tersebut iaitu orang Melayu, China dan India dalam pelbagai zaman. Beliau menulis bahawa pada zaman penjajahan Eropah, orang Eropah menyokong orang India dan China iaitu non Muslim dan melawan (merendahkan) Melayu iaitu para penduduk Muslim. Semasa zaman perang Jepun, orang Jepun juga menyokong orang China dan tidak memerhatikan orang Melayu yang dianggap sebagai orang yang tidak berguna untuk tujuan Jepun di Malaysia. Bila orang Inggeris datang ke Malaya pada kurun ke-20, mereka "*berkawan*" dengan orang Melayu. Inggeris melaksanakan beberapa program sokongan orang Melayu tujuannya supaya masyarakat Melayu memberi sokongan pada mereka dalam beberapa perkara. Pada zaman penyebaran idea-idea Komunisme, orang Komunis (kebanyakannya orang China), bergaduh dengan orang Melayu. Pengarang menegaskan bahawa perlindungan hak-hak orang Melayu menjadi unsur dan tujuan perjuangan politik selepas kemerdekaan. Beliau menulis seperti berikut:

> *"UMNO came into being because of the Malay fear of losing out to the Chinese"* (hlm. 10) … *What went wrong? In the first place the Government started off on the wrong premise. It believed that*

there had been racial harmony in the past and that the Sino-Malay cooperation to achieve Independence was an example of racial harmony. It believed that the Chinese were only interested in business and acquisition of wealth, and that the Malays wished only to become Government servants. These ridiculous assumptions let to policies that undermined whatever superficial understanding there was between Malays and Non-Malays. (hlm. 15)

Dalam buku tersebut terdapat cerita tentang kedatangan (immigration) orang China ke dalam alam Melayu. Pengarang menegaskan bahawa kedatangan orang China disokong oleh pentadbiran Inggeris. Beliau menulis:

"The Chinese who flooded Malaya with the subsequent encouragement of British were therefore adventurous and resourcefull. (hlm. 25)

Menurut pendapat Dr. Mahathir Mohamad kedatangan dan tersebarnnya orang China di Malaya mengakibatkan perubahan dalam masyarakat tempatan. Ramai orang Melayu terpaksa menjual syarikatnya dan berpindah ke kawasan yang lain, semakin jauh dengan pusat bandar. Beliau menyatakan:

"Seeing how the Chinese had destroyed the self-reliance of the Malays in craftsmanship, skilled work and business, the British encouraged Chinese immigration until the Malays were completely excluded from these fields of employment. (hlm. 27)

Buku "*The Malay Dilemma*" juga mengandungi analisis berkaitan peranan orang Melayu dalam ekonomi dan perdagangan (hlm. 32-61) dan keadaan masa kini. Dinyatakan situasi pada pelbagai zaman, iaitu sebelum penjajahan, pada zaman penjajahan, zaman perang Jepun, selepas kemerdekaan. Berdasarkan data RIDA (*Rural and Industrial Development Authority*) orang Melayu lazimnya direndahkan oleh pentadbiran Eropah. Malahan orang Melayu tersebut kalah dalam persaingan dengan orang Cina. Pengarang menegaskan persaingan tersebut sebenarnya tidak adil.

Salah satu cara sokongan bumiputera adalah dengan memperkenal beberapa peraturan yakni perkhidmatan orang Melayu di dalam syarikat-yarikat swasta. Menurut peraturan tersebut (seperti yang disarankan oleh Dr. Mahathir) diantara para pengurus (pemilik) setiap syarikat yang baru perlu hadir seorang Melayu iaitu bumiputera. Pengarang menjelaskan sebab-sebab dan makna peraturan tersebut seperti berikut:

> *"Everyone knows that more often than not these Malay directors have neither a single cent invested, nor probably have they the personal capacity to contribute to the all important job of making profits for the company. Everyone knows that some of these Malays are merely selling their names and taking advantage of the policies of a government which wants to see a more equitable distribution of wealth. Everyone knows that this is not really what the Malays or anyone else want. But everyone also knows that there is no alternative if the Malays are to get acquainted with the nerve centres of big business rapidly, as they must, if the gap between them and non-Malays is not to be permanent"* (hlm. 43)

Dr. Mahathir Mohamad menafikan pendapat yang menyatakan bahawa peraturan tersebut tidak membantu orang Melayu serta mengakibatkan penyebaran rasuah dan kemunduran masyarakat Melayu. Beliau menyebutkan "Ali Baba business" iaitu aktiviti seorang Melayu yang dapat duit supaya nama dia digunakan untuk mendirikan syarikat non-Melayu. Dr. Mahathir menulis seperti berikut:

> *"Are the critics of these Malays who have lent their names to business ventures completely right? Good or bad, able or incapable, the presence of these Malays on the various boards means that they must at least become familiar with the ways of business. Most of them are not entirely stupid. They definitely have capacity to learn, and evidence shows that most of them are now sufficiently conversant with business methods to be able to actually impart a lot of know-how to new*

ventures launched by Malays. Then again their presence on the boards prevents the bias against the Malays in general, and employing Malays in particular, from being as absolute as it was in the past. because of them Malays can not be rejected off-hand as employees, and Malays can actually do business with these firms – something that was almost impossible before". (hlm. 43)

Pengarang menegaskan bahawa sehingga sekarang terdapat ramai orang yang merasa kecewa terhadap sistem sokongan orang Melayu tersebut dan menganggap sebagai peraturan yang tidak adil. Menurut pendapat pengarang orang itu sebenarnya nampaknya sudah lupa, bahawa pada zaman penjajahan Inggeris syarikat British mempunyai hak yang istimewa dalam semua bidang perniagaan dan perdagangan dan hak tersebut tidak boleh dibandingkan dengan syarikat tempatan. Beliau menulis seperti berikut:

"During the British regime there was no real competition between the British firms and the local firms. The British firms were protected, not legally but by race loyality or chauvinism. The British businessmen and the British administration together ensured that certain business remained in "British hands" … Independence in 1957 put an end to British monopoly, but the Chinese became the principal beneficiaries" (hlm. 52)

Dr. Mahathir menegaskan bahawa peraturan tentang hak-hak istimewa orang Melayu dalam perdagangan dan perusahaan di Malaysia pada kurun ke-20 itu merupakan satu langkah terpaksa. Menurut beliau pemerintah terpaksa melindungi hak-hak orang Melayu kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk berkembang tanpa sokongan. Beliau juga menyatakan bahawa syarikat orang Cina di Malaysia juga tidak mengenakan syarat-syarat yang sama kepada pekerja Melayu. Menurut beliau, aktiviti syarikat China berdasarkan beberapa kaedah dan kaedah utama adalah seperti berikut:

– taat terhadap keluarga, lembaga dan bangsa;

– simpan semua dalam rahsia;
– melaksanakan perniagaan berdasarkan peraturan-peraturan peribadi (bukan berdasarkan undang-undang umum untuk semua).

Dr. Mahathir membandingkan hak dan status sosial orang Melayu dan orang bukan-Melayu di Malaysia (hlm. 62-97). Beliau menegaskan bahawa:

> *"Employment opportunities for Malays are limited because of discrimination in commercial and business circles controlled by non-Malays"* (hlm. 91)

> *"The Malays claim to being discriminated against in Malaysia is based not on laws but on the character and behaviour of the major racial groups in Malaysia. The Malays are spiritually inclined, tolerant and easy-going. The Non-Muslim and especially the Chinese are materialistic, aggressive and have an appetite for work.* (hlm. 97)

Dalam buku tersebut terdapat juga pandangan Dr. Mahathir tentang orang Melayu dan tamadun Melayu (lihat hlm. 116-117):

> *"The Malay is courteous and self-effacing. His word is full of nobility and he is never far from his rajas and chiefs. He gives way and he shows them deference. it is good manners to do so. It is not degrading. it is in fact a mark of breeding. It is typical of the Malay to stand aside, but he inclines himself in seeming obeisance. And the Malay who avails himself of this courtesy shows his breeding by not completely taking the path proffered. He too gives way and inclines himself. Each expects these little courtesies of the other. But this expectation stops as soon as the other party is not a Malay. The non-Malay is excused. He does not know. He is not to blame. The non-Malay is always privileged. He is not expected to conform. He can say and do things which would be considered rude or illmannered of a Malay. He can even conduct himself in the presence of the Malay's rajas and chiefs in a manner mostun becoming to a Malay, and get away with it. The fact that the*

Malay is prepared to forgive and tolerate the non-Malay on every occasion is in itself a mark of good breeding to him. It is bad manners to embrass your guest and the non-Malay is always a guest to the Malay, a guest in his country. … But unfortunately what is merely good manners to the Malays is wrongly interpreted by non-Malays. The British consider the deference and the constant giving way on the part of the Malays as evidence of weakness and interiority. The Malay habit of calling them ***tuan*** *or "master" was taken as an acceptance that Europeans were in fact the master of Malays. Winstedt in one of his English Malay dictionaries, even went so far as to say that the correct way for Malays, including rajas, to address any European is to append the honorific* ***tuan*** *to the name. If this arrogance has never been openly resented or if the mistake has never been corrected, it was because the Malays considered is bad manners to correct mistakes in etiquette committed by foreigners.*

"The Chinese and Indians coming from countries with vast populations are less concerned about good behaviour and manners. In their lives, nobility, which is always assossiated with breeding , was totally absent. Age and riches are the only things they defer to. The Chinese and Indians have never understood the Malay habit of giving way. They saw nothing in it which be spoke good breeding. They do not admire it and they have never felt the need to copy it. But they certainly found it to their advantage. They found that they do not have to conform, that they can get away with anything. They found it their advantage that they can do things which the Malay cannot: they found in fact that in the land of the Malays they are privileged".

Maklumat tersebut amat menarik kerana mencerminkan pendapat seorang tokoh politik tempatan dan Muslim tempatan tentang orang Melayu dan ciri-ciri khasnya. Maklumat tersebut amat penting juga kerana membantu kita

supaya memahami hujah-hujah dan cita-cita asas gerakan nasionalism dalam masyarakat Melayu.

Dalam buku tersebut Dr. Mahathir Mohamad mengemukakan konsep kerajaan dan unsur utama pemerintahan di alam Melayu. Beliau menegaskan bahawa terdapat beberapa alasan penting mengapakah satu negeri atau satu kawasan boleh dianggap sebagai satu negara kebangsaan (national state). Alasan pertama: siapa yang pertama membina kerajaan terawal di dalam kawasan tersebut? Dan Dr. Mahathir menerangkan bahawa di Malaya orang Melayu yang membina kerajaan (pemerintah terpusat) yang pertama. Ini sebabnya Malaya dianggap di seluruh dunia sebagai negara orang Melayu. Di Singapura moden pemerintah Cina-Inggeris dianggap sebagai pemerintah pertama. (hlm. 127)

Alasan yang kedua: orang China mahu pun orang India yang menghadapi kemunduran dan/atau peperangan atau kerana sebab-sebab yang lain, mereka boleh balik ke negara mereka iaitu ke China atau ke India, yang dianggap (negara) mereka. Justeru orang Melayu mempunyai hanya satu negara kebangsaan sahaja iaitu negara Malaya. (hlm. 132)

Dr. Mahathir menolak slogan "Malaysia cuma untuk orang Melayu" (*Malaysia for Malays*) yang begitu tersebar dalam kalangan nasionalis di negara-negara Barat. Beliau menegaskan bahawa Malaysia ialah negara majmuk, mempunyai pelbagai bangsa dan budaya. Hal tersebut disahkan dengan bukti sejarah, misalnya keadaan masyarakat pada zaman Melaka. Beliau menegaskan peranan bahasa sebagai satu syarat utama kewujudan negara kebangsaan. Beliau menulis seperti berikut:

> *"The Chinese and Indians who came to Malaya before the British extended their influence, showed some evidence of undergoing a typical process of assimilation. In Malacca the Chinese and Indians lost the use of their own languages and adopted the Malay language. They also adopted Malay dress and Malay culture. Although they retained their own religion. It is certain that had the British not encouraged the*

Chinese and Indians to immigrate in unmanageable numbers and then segregated them from Malays, these people would have fewer differences with the Malays, and the Malay problem would not have emerged". (hlm. 134)

Maklumat tersebut dilengkapkan dengan analisis bahasa Melayu sebagai asas konsep kebangsaan.

Menurut Dr. Mahathir salah satu kaedah utama supaya mencapai kesatuan masyarakat ialah sokongan dan penyebaran Islam dalam masyarakat Malaysia, atau mempromosi Islam sebagai dasar kemajuan masyarakat. (hlm. 105)

Pengarang menganalisis ciri-ciri khas Islam di Malaysia, menyatakan masalah-yang berkaitan dengan sistem pendidikan di sekolah Muslim serta pengaruh Islam dalam sejarah dan tamadun Melayu. Beliau menulis seperti berikut:

"The influence of Islam on the Malays was tremendous. The Arabic language and culture which are part and parcel of Islam were absorbed by the Malays and caused drastic changes in their way of life. Adaptation of the Arabic script by Malay scolars resulted in increased literacy and an easier acquisition of the philosophy and sciences of the Middle East. Unfortunately all the cultural and educational changes brought about by Islam remained for the most part in the town areas. Later on, when teachers moved into, and established religious schools in the rural areas. Their teaching was limited to religion only. Philosophy and sciences did not find ready acceptance. The influence of custom or adat and the strong animist beliefs on the rural areas limited Islamic teaching, and caused the practice of Islam to merge with Malay adat and its animist basis" (hlm. 22-23).

Walaupun dalam sistem pedidikan Islam wujud pelbagai masalah dan kekurangan, terutama di kawasan kampung Melayu, Islam tetap menjadi asas

kehidupan masyarakat Melayu dan mengekalkan peranannya selama ratusan tahun. Dr. Mahathir menyatakan secara tepat bahawa "*Islam is the greatest single influence on the Malay value concept and ethical code*". (hlm. 155)

Beliau menegaskan bahawa Islam dianggap sebagai asas kesedaran kebangsaan orang Melayu. Peranan Islam dalam proses integrasi masyarakat Malaysia begitu penting sehingga semua orang Muslim dalam masyarakat tersebut dianggap seperti orang Melayu juga, walaupun berasal dari bangsa lain. Beliau menulis seperti berikut:

> *"The only extra limitation is the insistence that a Malay by definition, is one who professes the Islamic faith. This insistence has confined the acquisition of Malay citizenship to Indonesians, Arabs and Indian Muslims. Thus we have Malays who are distinctly Arab, Indonesian or Indians. The important thing is that these people not only conform to all the Malay characteristics but insist on the criteria for becoming Malays being perpetuated"*. (hlm. 135)

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa Islam di alam Melayu menjadi asas kehidupan masyarakat termasuk budaya dan kesedaran kebangsaan. Definisi *orang Melayu* sejak dulu dianggap sinonim definisi *orang Muslim.* Hal tersebut merupakan ciri khas tamadun Islam di alam Melayu dan tidak ditemui di negara Islam yang lain. Misalnya istilah *orang Arab* tidak semestinya dianggap *orang Muslim*, walaupun orang Arab yang pertama memeluk Islam.

Buku tersebut adalah amat penting kerana menunjukkan pandangan tokoh-tokoh politik Malaysia dan khususnya Dr. Mahathir Mohamad yang selama 22 tahun menerajui negara tersebut dan banyak berjasa dalam perkembangan Malaysia. Buku tersebut mengandungi "jawapan' seorang cendekiawan dan tokoh politik Melayu atas pelbagai salah faham terhadap orang Melayu dan tamadun Melayu yang tersebar di dalam pandangan awam di Barat, malah juga di negara-negara berjiran.

Dalam buku Dr. Mahathir Mohamad "*The Malay Dillema*" disebutkan beberapa sifat negatif yang lazimnya ditemui dalam masyarakat orang Melayu, misalnya adat tidak menepati waktu atau membuang waktu tanpa tujuan (*wasting time*). Beliau menulis seperti berikut:

> *"Disregard for time is seen in the careless way in which it is spent. Doing nothing, or sipping coffee, or talking is almost a Malay national habit! An invitation to a khenduri in a kampong is invariably for an indefinite time. … No one ever arrives on time for a meeting but once started there is no limit to the time it can last".* (hlm. 163)

Berdasarkan maklumat tersebut tersebar prasangka bahawa orang Melayu adalah bangsa pemalas dan tidak mampu bekerja keras. Mitos dan prasangka yang lain tentang orang Melayu dikaji dalam buku yang bertajuk "*The Myth of the lazy native: a study of the image of Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalism*" (KP JB 1423), yang dikarang oleh Syed Hussein al-Attas.

Buku tersebut mengandungi analisis maklumat tentang orang Melayu, orang Jawa dan orang Filipina yang terdapat dalam sumber Inggeris sejak zaman Thomas Stamford Raffles (1781 – 1826) sehingga kurun ke- 20.

Pengarang menumpukan perhatian kepada "*myth of the lazy native*" (mitos tentang bangsa yang malas) iaitu prasangka-prasangka mengenai orang Melayu, Jawa dan Filipina yang tersebar dalam kalangan Barat pada kurun ke-16 sehingga ke-20.

Dalam Prakata dijelaskan definisi *ideology* dan *colonial capitalism* iaitu dua unsur utama yang mempengaruhi pandangan umum tentang bangsa-bangsa tersebut. Pengarang menulis secara tepat bahawa *ideologi penjajahan* mempemgaruhi pandangan umum bukan hanya di negara barat, malah di Nusantara juga. Beliau menulis seperti berikut:

"*all powers (in Indonesia, Malaya dan Filipina - T.D.) are agreed that Western rule and Western culture were superior; that Western peoples should lead the world; that they were most suited to exploit the natural wealth of the East; and they were the best administrators. Consequently, the ideology of colonial capitalism played down the capacities of Southeast Asian societies. Every conceivable item was invoked to denigrate the Southeast Asian, including his size and physiognomy*. (hlm. 7)

Dalam buku tersebut terdapat banyak maklumat yang bersikap negatif terhadap orang tempatan terutamanya orang Muslim. Pengarang merujuk kepada pendapat Geoffrey Gorer iaitu seorang ahli antropologi yang menulis tentang orang Jawa seperti berikutnya:

"I did not personally find the Javanese very sympathetic; despite their fertility they give somehow the impression of being a race of old and exhausted people, only half alive. This impression may I think be due partly to their religion, and to the abysmal poverty of the greater number. Poverty, especially uncomplaining and involuntary poverty, is numbing and repulsive anywhere; ***and Mohammedanism is the most deadening of all creeds.*** *A purely personal point which prevented me enjoying their company was the question of size; I do not like being among people who appear smaller and weaker than I am, unless they have corresponding superiority elsewhere; I dislike the company of those I feel to be my inferiors".* (hlm. 8)

Pengarang menegaskan bahawa sikap negatif tersebut berdasarkan data bukan ilmiah: "*The ideological denigration of the native and his history and society ranged from vulgar fantasy and untruth to refined scholarship*".

Syed Hussein al-Attas mengkaji pandangan umum tentang masyarakat Melayu dari sudut sejarah. Beliau menegaskan bahawa selepas Kemerdekaan pendapat tentang orang Melayu, Indonesia dan Filipina telah berubah. Tulisan tentang

"*negative image*" iaitu tentang sikap atau image orang tempatan sudah tidak ditemui lagi. Justeru itu prasangka lama yang menyatakan orang tempatan semuanya adalah malas, lembab, tidak bersemangat dan yang khianat, sudah digantikan dengan prasangka yang baru, iaitu bahawa orang Melayu tidak mampu berkembang secara bersendirian, kecuali dengan bantuan dan bimbingan untuk mencapai kemajuan.

Dalam buku tersebut diceritakan ringkas mengenai sejarah penjajahan dan periodisasi sejarah tersebut; analisis pengambaran (imej) orang Melayu sebelum zaman Raffles; analisis pengambaran (imej) orang Melayu dikarang oleh orang Inggeris sejak kurun ke-19 sehingga 20.

1. Imej (gambaran) orang Melayu sebelum zaman Raffles (hlm. 35-42)
   Disebutkan beberapa pendapat orang Barat tentang penduduk tempatan:
   - Tome Pires, dan Duarte Barbossa (pegawai pentadbiran Portugis di Melaka).
     "*orang Melayu suka merasa cemburu, kerana tidak sesiapa pun diizinkan melihat isteri-isteri orang-orang besar"* (hlm. 35).

   - Emanuel Godhino de Eredia tentang orang Melayu.:
     "… they are cheerful, roguish and very wanton. They were also ingenious and intelligent but negligent and careless about studies and art. They spend their time amusing themselves."(hlm. 37)

   - John Francis Gemelli Carerri (pengembara Itali, doktor dalam bidang undang-undang) yang singgah pada tahun 1695 di Melaka:
     "The Malays Minangkabaus who were Muslim were very great thieves. They were such mortal enemies of the Dutch that they refused to have any commerce with them and were wild people living like beasts, who could not easily submit to the Dutch (hlm. 37)

   - Francious Valentyn (1726):
     "They were of a very lively nature, witty, with a great self-conceit. They

were the most cunning, most ingenious, and the politest people of the whole East, not much to be relied upon" (hlm. 38)

– Kapten Portugis de Vellez Guirreiro tentang orang Melayu di Johor:
"*they are barbarians … they accursed Mohammedan sect, treacherous by nature and of little loyality*" (hlm. 38)

SirThomas Stamford Raffles tentang orang Melayu:

"*a nation within the greater context of the racial and ethnic configuration embracing Indonesia and the Philippines … I cannot but consider the Malayan nation as one people, speaking one language, though spread over so wide a space, and preserving their character and customs, in all the maritime states lying between the Sula and the Southern Ocean, and bounded longitudinally by Sumatra and the Western side of Papua or New Guinea*" (hlm. 38)

"*The Malays were degraded when the British found them. Before the coming of Islam … the Malays had in general made considerable progress in civilization. The combined influence of Islam and the Arabs, the Dutch and the Chinese led to their decline*" (hlm. 39)

Pendapat Raffles bersikap negatif terhadap Islam. Raffles tidak memahami bahawa Islam mengubah masyarakat Melayu. Orang Melayu mulai sedar mereka adalah satu bangsa. Islam memajukan ekonomi dan kehidupan intelektual, termasuk bahasa, sastera, falsafah dan lain-lain.

Syed Husein al-Attas menegaskan secara tepat, bahawa:

"The present Malay nation was more or less the creation of Islam. The most obvious and natural theory of the origin of the Malays is, that they did not exist as a separate and distinct nation until the arrival of the Arabians in the Eastern Seas. At the present day they seem differ from the more original nations, from which they sprung in about the

same degree… [the Malays] have been gradually formed as nations, and separated from their original stock by the admixture of Arabian blood, and the introduction of the Arabic language and Muslim religion" (hlm. 41)

2. Imej gambaran orang Melayu yang dikarang oleh orang Inggeris pada kurun ke-19 sehingga 20. (43-51)

   Disebutkan beberapa pendapat pegawai kompeni Inggeris dan para pengembara Barat yang pernah singgah di alam Melayu pada masa tersebut:

   – Hugh Clifford and Frank Swettenham (kedua-duanya sebagai residen Inggeris di alam Melayu):

     "The leading characteristic of the Malay of every class is disinclination to work". (hlm. 44)

     "Malay are Muslims, fatalists, very superstitious" (hlm. 44)

   – Tentang orang Melayu pada zaman penjajahan iaitu selepas orang Eropah datang ke alam Melayu, Clifford menulis:

     "*Pahang Malays think chiefly of deeds of arms, illicit love intrigues, and sports forbidden by his religion. They are ignorant, irreligious, unintellectual and arrogant. Their good qualities are their manliness and recklessness. They are capable of extraordinary loyality to their chiefs*" (hlm. 47)

   – Tentang orang Melayu sebelum zaman penjajahan Clifford menulis:

     "*First and foremost they are men of peace. Their sole interest is their trade and occupation. They have none of the pride of rice and country alleged to be market among the Pahang Malays. They have none of the "loyal passion" for their intemperate rulers".* (hlm. 48)

Ternyata sifat negatif yang disebutkan oleh Crifford menurut pengarang orang Melayu tidak melambangkan ciri-ciri khas orang Melayu. Sebenarnya sifat

tersebut menggambarkan kekurangan budi yang lazimnya ditemui dalam kalangan orang yang tidak berpendidikan dan tipis budi pekerti. Ternyata kedatangan orang Eropah merendahkan masyarakat Melayu telah merosakkan adat dan adab dalamnya, serta meletakkan orang Melayu ke dalam peringkat sosial yang paling rendah.

– Sir Richard O.Winstedt:
"The Malay has great pride of race – due, perhaps, as much to his Muhammedan religion as to a past he has forgotten …"
"The Malay has not only undergone the discipline of Hindu etiquette but has been affected by his Muslim teaching much as an English boy has been affected by the public school, acquiring poise and confidence. (hlm. 49-50)

Mengenai hal tersebut Syed Hussein al-Attas menegaskan secara tepat bahawa tidak boleh dianggap sebagai pemalas seorang yang tiada pekerjaan atau tidak berpeluang untuk mendapat rezeki. Maksud pemalas ialah seorang yang mempunyai kerja (atau tanah atau bot dan lain-lain) atau perniagaan sendiri tetapi tidak mahu kerja keras untuk memperoleh sumber kehidupan untuk keluarga dan diri sendiri.

Pengarang menganalisis alasan yang mengakibatkan tersebarnya prasangka (pendapat) bahawa orang Melayu adalah orang pemalas.

Beliau menulis seperti berikut:

"It was this unwillingness to become a tool in the production system of colonial capitalism which earned the Malays a reputation of being indolent". (hlm. 72)

"Malays didn't come into a close functional contact with the Europeans who were predominantly concentrated in the urban areas. The Europeans there had very little experience of Malays serving them".

"[Malay] is never a drunkard (thanks for his excellent religion – Mohammedanism), he never begs, he is always clean and spruce in his dress and dignified courteous in his manner; and, he is great a contrast to the Australian "sundowner" and "larrikin" - who cumber and foul the parks of Sydney and Melbourne, burn barns, and scare women and children" (hlm. 74-75)

"The Chinese were considered industrious because they supplied the lowest form of labour. The Malays were considered indolent, not because they were really indolent, but because they avoided the type pf slave labour which Chinese and Indians were compelled to do owing to their immigrant status. The system … trapped them into the worst type of mining and estate labour. here was the sociological and ideological origin of the image of the indolent Malays". (hlm. 75)

Pengarang menyatakan secara tepat:

"Winstedt said the Malays 'is diligent where his interest as aroused". Is that not the same for all people? If the Malays preferred to be independent cultivators, did this make them indolent? Did not the Europeans in the colonies avoid manual labour? Did they not avoid coolie labour? Why were they not called indolent? It is clear through available records that industriousness meant working at sub-human level in colonial capitalist setting. (hlm. 77)

"The accusation of indolence against the Malays was nor due to actual indolence but to their refusal to work as plantation labourers. (hlm. 79)… and their non-involvement in the colonially-controlled urban capitalist economic activity. … They did not respond enthusiastically to cash crop cultivation; they had to be forced" (hlm. 80).

"The Malays like many other peoples in history, were not idlers. Their activities in farming, industry, trade, commerce, war and government are recorded in history. Only after the arrival of the Portuguese did the Malay merchant class decline". (hlm. 80)

> *"No region in South East Asia had been attacked and occupied by so many forces from so many parts of the world. The Portuguese, the Dutch, the Siamese, had all attacked and occupied certain parts of the Malay peninsula. … If the Malays were that lazy they would have lost their independence long ago".* (hlm. 117)

Menurut pengarang salah satu sebab prasangka tersebut adalah kerana orang Eropah terlalu membesarkan diri dan merendahkan orang tempatan, mereka selalu bersifat *euro-centrism* dan *anti-Islam*. Beliau menulis seperti berikut:

> *"It was the product of an ethnocentric and arrogant outlook. The snobbery, the conceit and the naivity of this outlook were further characterized by a lack of inhibition and refinement in their modes of expression*. (hlm. 119)

Maklumat tersebut yang bersikap "eurocentrism" dan "anti-Islam" pengarang merujuk kepada tulisan S.T. Raffles, yang menyebutkan Islam sebagai "*a robber-religion* (hlm. 119) Pengarang juga merujuk pendapat Sir William Norris, yang menyatakan, bahawa: "*only Malays committed amok, and that they were Muslim, who 'alone of all mankind can ever attach to such base cowardly and brutal murders, notions which none but the devil himself, the father of lies, could ever have inspired*" (hlm. 120)

Syed Hussein al-Attas menegaskan bahawa menurut undang-undang tempatan dan menurut teks Melayu lama (berdasarkan *Hikayat Abdullah*) sifat malas dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai dosa yang besar. Pemalas tidak dihormati oleh masyarakat. Beliau mengingatkan secara tepat bahawa: *"The Malay Islamic attitude towards labour is: the Quran, the Prophet Mohammed and his faithful companions all stressed the value of hard work and serious effort. No one is to bear the burden of another. Man can have only what he strives for".* (hlm. 136)

Syed Husein al-Attas menyatakan prasangka tersebut mempengaruhi bukan hanya pandangan umum dan para ilmuwan. Beliau menjelaskan, bahawa kajian alam Melayu (*Malay studies)* pada masa penjajahan Eropah selalu mengandungi unsur-unsur *ideologi penjajahan*.

Beliau menegaskan, bahawa :

> *"What we are saying is that during the colonial period and to a large extent thereafter, the study of the Malays, Javanese and Filipinos has been overwhelmingly dominated by ideological forces of the uncritical and superficial kind. A scholar who is nature and objective may be allow ideological considerations in his choice of subject but his study on the subject itself will have to follow normal scientific procedures and seek objectivity".*

Maklumat tersebut disahkan berdasarkan analisis historiografi kajian alam Melayu di Barat. Misalnya tidak banyak karangan ilmiah tentang Islam dan Orang Muslim di alam Melayu. Maklumat tentang sejarah dakwah Islam terawal juga jarang ditemui. Memang tidak ramai orientalis Barat yang memilih Islam di alam Melayu sebagai subjek kajiannya. Karangan-karangan fundamental yang mengandungi pendapat objektif tentang subjek tersebut memang kurang jumlahnya. Kekurangan tersebut dianggap ciri khas kajian alam Melayu sampai sekarang.

Buku tulisan Syed Hussein amat menarik dan penting, kerana mengandungi pendapat seorang cendekiawan dan ilmuwan tempatan tentang kajian alam Melayu di Barat dan tentang pelbagai prasangka yang tersebar di dalamnya. Dalam buku tersebut terdapat juga analisis asal-usul dan alasan-alasan prasangka dan pelbagai mitos negatif yang muncul dalam pandangan orang luar terhadap orang Melayu. Karangan Syed Hussein al-Attas tersebut merupakan "jawapan" seorang ilmuwan Melayu Muslim kepada para orientalis tersebut.

Dalam koleksi John Bastin, dijelaskan juga tentang kurangnya kajian tentang Islam dan peranannya dalam sejarah dan tamadun Melayu.

Mengenai Islam:

Sebenarnya buku mengenai Islam tidak dimasukkan oleh John Bastin kepada bahagian "Orang Melayu dan tamadun Melayu". Tajuk yang berkaitan dengan Islam terdapat dalam bahagian "Religion, Islam, Christian Missions, Education and Social" (KP JB 1732-1830). Terdapat hanya 13 buku sahaja. Maklumat tentang Islam disenaraikan bersama-sama dengan karya tentang kepercayaan pagan dan tentang hal ehwal Islam secara umum. Terdapat juga pelbagai karangan tentang misi mubaligh Kristian dan mengenai sistem pendidikan di Malaya.

Menurut pendapat saya sistem susunan katalog tersebut kurang sesuai kerana susah untuk mencari tajuk di dalamnya. Misalnya buku tentang historiografi Islam dipisahkan daripada buku tentang usuluddin atau falsafah; maklumat tentang sistem pendidikan Islam terdapat dalam bahagian "*Education*" tetapi tidak disenaraikan dalam bahagian "Islam".

Hal tersebut mencerminkan sekali lagi bahawa Islam tidak dianggap oleh ramai Orientalis Barat sebagai sebahagian daripada tamadun Melayu yang tidak boleh dipisahkan. Nampaknya John Bastin terikut-ikut konsep bahawa Islam di alam Melayu datang kebetulan sahaja dan tidak begitu penting dari segi sejarah dan tamadun Melayu.

Walau bagaimanapun kita memutuskan untuk mengkaji buku yang berkaitan tentang Islam yang disimpan di dalam koleksi John Bastin. Ini kerana Islam dan tamadun Islam adalah unsur yang penting untuk memahami kebudayaan orang Melayu dan ciri-ciri khasnya.

Tajuk yang berkaitan dengan Islam dan yang disenaraikan dalam katalog koleksi John Bastin tersebut adalah sebagai berikutnya:

1. *Anwar, Zainah*. Islamic revivalism in Malaya. Dakwah among student. Petaling Jaya, 1987, first edition, hlm. xii, 122 (KP JB 1740);
2. *Chandra, Muzaffar*. Islamic resurgence in Malaysia. Petaling Jaya, 1987, first edition, hlm. x, 114 (KP JB 1741)
3. *Fatimi, S.Q.*, Two letters from Maharaja to the khalifah. A studying the early history of islam in the East. Islamic Studies, Karachi, II, 1, 1963, hlm. 121-140, (KP JB 1742)
4. *Hooker, M.B.*, Islam in South East Asia. Leiden, 1983, first edition, hlm. viii, 262,(KP JB 1743)
5. *Hussin, Mutalib*. Islam and ethnicity in Malay politics, Singapore, 1990. first edition, hlm. xv, 211, (KP JB 1744)
6. *Lee Cheng San*. A fifty year's Mohammedan-English calendar Alor Star, 1960, first edition, hlm. 50; (KP JB 1745)
7. *Rauf, M.A*. A brief history of Islam with special reference to Malaya. Kuala Lumpur, 1964, first edition, hlm. vi, 115; (KP JB 1746)
8. *Roff, William, R. ed*. Islam and the political economy of meaning. Comparative studies of Muslim discourse, London, 1987, first edition, hlm. x, 295; (KP JB 1747)
9. *Roff, William, R.* , The conduct of the haj from Malaya and the first Malay pilgrimage officer. Occasional Papers N1; Institute of Malay Language, Literature and Culture; National university of Malaysia, hlm. 81-112, (KP JB 1748)
10. *Roff, William. R.,* Sanitation and security: the imperial powers and nineteenth century hajj, Arabian Studies, VI, 1982, hlm. 143-160; (KP JB 1749)
11. *Sheppard, Mubin*. The hajj. The Straits Times Annual for 1962 hlm. 24-27. (KP JB 1750)
12. *al-Attas, Syed Muhammad Naquib*. The Mysticism of Hamzah Fansuri Kuala Lumpur, 1970, first edition, hlm. xvii, 556; (KP JB 1751)

13. *Yegar, Moshe*. Islam and Islamic institutions in British Malaya: politicies and implementation; Jerusalem, 1979, first edition, hlm. ix, 302; (KP JB 1752).

Analisis senarai tersebut menunjukkan bahawa dalam koleksi disimpan buku mengenai pelbagai subjek tamadun Islam. Di antaranya terdapat maklumat tentang: sejarah Islam terawal di alam Melayu, sejarah dakwah Islam, haji dan ibadat dalam Islam, gerakan Islam pada kurun ke-20 dan masa kini, sumber-sumber sejarah Melayu Islam; pengaruh Islam dalam adat-istiadat dan Tamadun Melayu; sastera Islam, undang-undang Islam (syari'a), sistem kerajaan Islam dan ekonomi Islam. Maklumat mengenai usuluddin tidak ditemui. Terdapat hanya satu buku yang lengkap tentang falsafah dan tassawuf di alam Melayu, iaitu buku Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas "*The Mysticism of Hamzah Fansuri*" (KP JB 1751). Terdapat hanya satu makalah mengenai penelitian sumber sejarah Islam iaitu makalah tulisan S.Q. Fatimi (KP JB 1742).

Maklumat tentang ekonomi dan perdagangan hampir tidak ditemui. Hanya satu kumpulan makalah yang bertajuk "*Islam and the political economy of meaning. Comparative studies of Muslim discourse*" mengandungi karangan tentang sistem ekonomi Islam moden (KP JB 1747). Justeru di antara 13 buku tentang Islam yang tersimpan dalam koleksi tersebut terdapat 7 karya mengenai keadaan masa kini dan sejarah moden. Karya berbentuk buku dan makalah (atau kumpulan makalah). Kebanyakannya (9 dari 13) diterbitkan dalam tempoh masa 1970-1990, dan 4 tajuk pada tahun ke 1960an. Tempat penerbitannya adalah Kuala Lumpur (6 dari 13 tajuk). Penerbit yang lain adalah Singapura, London, Leiden, Cambridge, Karachi dan Jerusalem.

Dalam bahagian "Islam" itu disenaraikan karya para ilmuwan Barat dan para cendekiawan tempatan. Antaranya William Roff, Mobin Sheppard, M.B. Hooker, M.A.Rauf, S.Q.Fatimi. S.M.N.al-Attas dan lain-lain.

Hal ehwal *sejarah Islam Melayu yang terawal* dirakamkan dalam makalah S.Q. Fatimi yang bertajuk "*Two letters from Maharaja to the khalifah. A studying the early history of Islam in the East*" (KP JB 1742). Kajian tersebut berdasarkan sumber sejarah Arab sejak kurun ke-8 sehingga ke-13. Terdapat maklumat yang dirakamkan dalam *Kitab al-Hayawan* yang dikarang oleh Amr b.Bahr al-Jahiz (163/783 – 255/869). Maklumat tersebut adalah tentang satu surat dari pada *malik as-Sind* kepada Khalif Muawiyah (41H/661 – 61H/680 AD). Pengarang menganalisis maklumat mengenai alam Melayu yang terdapat dalam karya Buzurg Shahriyar (342H/953 AD); Mutahhar b. Tahir al-Maqdisi (wft 355H/966 AD); Ibn Khurdadhbih (280H/893 AD) dan lain-lain.

Disebutkan pelbagai nama tempat di alam Melayu iaitu *Lamuri, Fansur, Siribizah, Kalah, Waqwaq, Chamorris (Filippina), Qamar (Khmer*) dan lain-lain. Pengarang juga menegaskan bahawa nama-nama tempat dari *Lembah Gang* (Valley Gang) dan India (kecuali kawasan-kawasan pantai laut) jarang ditemui di dalam sumber sejarah Arab sebelum Mahmud Ghaznawi (970-1030 AD) menyerang kawasan tersebut pada tempoh masa 1001 – 1026 AD. Hal ini menunjukkan bahawa sejak dahulu wujud hubungan secara langsung antara negara Arab dan alam Melayu, iaitu hubungan tanpa pengantaran India. Menurut maklumat tersebut hubungan di antara dunia Arab dan Nusantara adalah mungkin lebih lama daripada hubungan dengan India.

Makalah tersebut juga mengandungi maklumat tentang sepucuk surat daripada *malik al-amlak* iaitu Maharaja Hind (Maharaja Srindravarman (wft. 726 AD) kepada Khalifah Umayyad Umar b. Abd al-Aziz (717 - 720 AD). Dalam surat itu Maharaja Sri Vijaya memaklumkan kepada khalifah tersebut bahawa maharaja mengirimkan beberapa hadiah kepada khalifah untuk dikirimkan pula para ulama yang mampu mengajar Islam di dalam Sri Vijaya itu. Disebutkan juga bahawa Maharaja itu (*Raja Jay Siva*) pada tahun 726 AD menerima usulan (tawaran) khalifah Umayyah dan menjadi Muslim.

Maklumat tersebut adalah amat penting kerana menunjukkan bahawa orang Melayu pada kurun ke-8 AD sudah Islam dan orang Muslim. Ternyata pada zaman Islam yang terawal itu sudah ada raja yang memeluk Islam. Dan para seyyid dan ulama sudah datang kepada alam Melayu. Mereka datang secara sengaja, dengan satu misi yang tertentu, iaitu untuk menyebarkan Islam di sini. Konsep tersebut dinyatakan oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam pelbagai ceramah dan perbincangan.

Hal ehwal sejarah Islam terawal dan penyebarannya di alam Melayu dikaji dalam buku yang bertajuk "*A brief history of Islam with special reference to Malaya*" (KP JB 1746) yang dikarang oleh M.A.Rauf. Karya tersebut mengandungi bahan mengenai sejarah Islam Klasik sejak zaman Nabi Muhamad SAW sehingga akhir zaman Khalifah Abbasid (1517AD). Terdapat maklumat yang menarik mengenai sejarah Islam di alam Melayu (hlm. 77-102)

Mengenai peranan Islam dalam sejarah alam Melayu pengarang menulis secara tepat bahawa: "*Thus with a short span of time, the lives of millions inhabiting the thousands of islands in the Malay Archipelago were radically changed. Civilization replaced barbarism, ignorance gave way to knowledge and literacy, organization and order superseded anarchy; and heathenism was replaced by belief in God*. (hlm. 80)

Pengarang juga menegaskan bahawa penyebaran Islam secara berdamai mengambil banyak masa. Beliau menyatakan bahawa proses penyebaran Islam mempunyai zaman, iaitu zaman kontak pertama dan adaptasi Islam terawal – "*the stage of incubation*"; yang kedua kemunculan kerajaan-kerajaan Islam, yakni penyebaran Islam sebagai agama rasmi. (hlm. 81-82) "*stage of mass conversion*" (hlm. 84).

Menurut M.A. Rauf orang Arab yang membawa Islam ke dalam alam Melayu. Beliau menyatakan bahawa kampung pertama orang Arab Muslim muncul di Sumatra sudah pada tahun 674 AD (hlm. 84).

Maklumat tersebut menafikan prasangka mengenai sejarah Islam terawal di alam Melayu yang tersebar dalam kajian orientalis Barat[78].

Pengarang turut menegaskan aktiviti atau kegiatan orang Sufi di Nusantara dan peranannya dalam penyebaran Islam di kawasan tersebut. Dinyatakan juga maklumat tentang Islam pada zaman penjajahan Eropah.

Buku M.A. Rauf "*A brief history of Islam with special reference to Malaya*" kerana mengandungi pendapat objektif mengenai sejarah penyebaran Islam di Nusantara dan asal-usulnya. Pendapat tersebut berbeza dari pendapat yang tersebar di Europa.

Pendapat yang sama dirumuskan dalam buku "*Islam and Islamic institutions in British Malaya: politicies and implementation*" yang dikarang oleh Moshe Yegar dari Hebrow Universiti di Jerusalem. Buku ini menyentuh tentang sejarah Islam dan konsep kerajaan Islam di alam Melayu pada zaman penjajahan Inggeris. Terdapat juga analisis perbandingan sejarah Islam di Malaya dan di negara-negara Islam yang lain. Pengarang menumpukan perhatian kepada subjek-subjek sebagai berikutnya:

- asal-usul Islam di Malaya dan ciri-ciri khasnya (hlm. 5-15);
- sejarah pentadbiran Inggeris di alam Melayu (hlm. 22-54);
- undang-undang tradisional dan perubahannya pada zaman kerajaan Inggeris (hlm.55-93)
- analisis kegiatan orang Inggeris dalam bidang agama (hlm. 94-118)
- analisis sistem undang-undang Malaya (termasuk peraturan syariah) pada zaman penjajahan Inggeris (hlm. 119-186)

[78]Tentang prasangka-prasangka tersebut lihat: Denisova, T. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

- sistem kerajaan dan sistem pentadbiran agama (hlm. 187-134)
- analisis kegiatan Inggeris dalam bidang pendidikan agama (hlm. 235-261)

Pengarang menyatakan bahawa orang Melayu mengenali Islam dan orang Muslim pada kurun Hijrah pertama dan orang yang membawa Islam ke dalam alam Melayu adalah orang Arab. (hlm. 6) Beliau menulis bahawa "*introduction Islam was a break from the complete Indian dominance of previous centuries. The Arabic alphabet replaced Indian script and liturgical Arabic entered the Malay language, dislodging Sanskrit in many cases. In this and many other ways – eating habits, clothing, ceremonial – Islam supplanted Hindu practice. But although it weakened the force of Malay customary law (adat), it could not displace it".* (hlm. 7) Moshe Yegar menegaskan bahawa selama ratusan tahun zaman penjajahan Eropah juga "*Arabs contributed to the shaping of Muslim civilization of Malaya, and its religion, morals, language, political organization, customs and law are still marked by their influence*" (hlm. 11)

Maklumat tersebut mengesahkan bahawa Islam merupakan agama yang lengkap dan sempurna yang terjadi semua bidang kehidupan masyarakat, mulai upacara sembahyang sehingga makanan, pakaian dan lain-lain. Ternyata Islam yang tersebar di alam Melayu adalah bukan *Islam in Indian variety,* tetapi Islam yang tulen. Tentang unsur adat yang terdapat dalam tamadun Islam Melayu, hal merupakan suatu perkara (ciri) yang umum yang boleh ditemui di semua agama dan di semua negara di seluruh dunia. Ternyata pengaruh tamadun India mengekalkan diri hanya dalam unsur-unsur adat, bukan dalam Islam.

Kadang kala pengarang bercanggah dengan diri sendiri. Misalnya Moshe Yegar menulis bahawa para saudagar Arab yang membawa Islam ke alam Melayu. Terus selepas rumusan tersebut, pengarang menyatakan secara tepat bahawa '*the haji … were held in high esteem and were extremely influential through their proselytizing efforts, as reformers and missionaries alike*" (hlm. 7) Ternyata yang dianggap oleh pengarang sebagai mubaligh dan penyebar Islam di dalam

masyarakat Melayu adalah bukan para saudagar, tetapi orang haji dan tokoh-tokoh Islam yang lain.

Mubaligh dan murshid tersebut menganggap penyebaran Islam di alam Melayu sebagai satu misi yang suci. Pengarang menegaskan peranan para Syed dalam Islamization alam Melayu, terutama syed dari Hadramaut. Beliau menulis:

> "*The Hadramautis were prominent in the Arab community*". (hlm.13)
>
> *"the Malays… stood in awe of them, and addressed them in the same respectful terms as they used towards their rajas". (hlm. 11)*
>
> "*The Sayyids were the only group of outsiders accepted by royalty as equal in status. Once married into a dynastic family, there were addressed "Yang Mulia Engku Sayyid"*[79].
>
> *Children of such marriages were addressed and treated as members of the royal house*". (hlm. 12)

Maklumat tersebut memang betul dan mencerminkan situasi yang sebenarnya. Sehingga kini para syed mengekalkan gelaran raja-raja dan pangkat yang amat tinggi. Misalnya di Malaysia ada seorang mursyid dari keturunan Syed yang amat terkenal di seluruh dunia, iaitu Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas. Gelaran dan nama penuh beliau adalah *Yang Mulia Engku* Syed Muhammad Naquib al-Attas. Jasa beliau dalam kemajuan Islam, ilmu dan budaya Melayu amat besar tetapi belum dihargai secara sepatutnya[80].

---

[79]Mengenai sistem gelaran di masyarakat Melayu lihat juga. Dato Muhammad Ghazzali. The Court language and Ettiquette of the Malays. dlm: *JMBRAS*, vol. XI, pt.2 (December 1933), p. 274.

[80]Mengenai Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dan kegiatan beliau lihat juga: Wan Mohd Noor Wan Daud. *The educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas. An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur:ISTAC, 1998.

Dalam karya Moshe Yegar terdapat juga cerita ringkas mengenai orang Muslim dari India dan Cina. Pengarang menegaskan bahawa orang Muslim India kebanyakannya datang ke Malaysia pada zaman penjajahan Inggeris. "*Indian Muslim did not contribute to anyfuther expansion of Islam. There was very little assimilation of the Indian Muslims into Malay society*". (hlm. 15)

Kesah atau akibat penyebaran Islam di alam Melayu pengarang menulis:

> "*The adoption of Islam has had profound effects on the Malays. It not only brought them new religious thoughts, but enlarged their contact with other peoples, strengthened their feeling of solidarity with the rest of the Islamic world and sanctioned many of their basic social and economic codes*". (hlm. 21)

Pengarang menjelaskan juga pelbagai makna yang terdapat dalam istilah *Orang Melayu.* Dijelaskan juga mengenai ciri-ciri khas istilah Islam Melayu, iaitu mengenai pelbagai unsur kepercayaan rakyat (*folk religion*) iaitu misalnya adat-istiadat *keramat,* acara *menurun batu,* kepercayaan kepada *Hantu,* kegiatan *bomoh* dan *pawang.*

Buku Moshe Yegar mengandungi juga maklumat tentang keadaan masyarakat Islam Melayu pada zaman penjajahan Eropah, terutama Inggeris. Dalam analisis politik dan kegiatan pentadbiran Inggeris terhadap masyarakat Muslim di Malaya pada kurun ke-19 hingga ke-20 pengarang menegaskan bahawa "*policies affecting Muslim religious life were not absent, and, indeed, restrictions on Islamic practices did exist*." (hlm. 95)

Menurut beliau, pelanggaran hak orang Muslim untuk melaksanakan ibadat dan larangan pelbagai adat-istiadat Islam bukan kerana sikap anti Islam tetapi kerana pergaduhan di antara orang Muslim dengan Non-Muslim pada tahun 1857 dan 1867, iaitu supaya "*melindungi para penduduk tempatan dan mengukuhkan keamanan di dalam negara*". Justeru, dalam rangka usaha

tersebut, pentadbiran Inggeris memutuskan untuk memberikan beberapa kemudahan kepada masyarakat pelbagai agama di Malaya. Misalnya, sejak tahun 1879 mereka memberi keizinan untuk merayakan Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji (Muslim), Thaipusam (Hindu) Tahun Baru Cina, dan Hari Raya Kristian. Tetapi hanya pada tahun ke-1930an Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, Maulud, dan hari raya lain menerima taraf hari raya umum.

Pengarang menegaskan bahawa orang Inggeris berusaha mengawal kehidupan masyarakat Muslim dalam pelbagai perkara. Misalnya mereka menentukan pilihan imam di masjid. Untuk memajukan hubungan dengan masyarakat Islam pada tahun 1915, pentadbiran Inggeris mendirikan *Muhammedan Advisory Board*. Salah satu tujuannya adalah mengatur kerjasama dengan orang Inggeris dan Non-Muslim. Kegiatan Muhammedan Advisory Board mengakibatkan bantahan di dalam masyarakat orang Muslim di Malaya dan Singapura, terutama dalam golongan orang Muslim bukan Melayu.

Menurut pendapat pengarang, politik Inggeris terhadap orang Muslim di Malaya dan Singapura adalah lebih "*liberal*" jika dibandingkan dengan keadaan orang Muslim di India dan Indonesia. Akibatnya aliran *Pan-Islamism* tidak begitu tersebar di Malaya dan Singapura.

Orang Inggeris berusaha mencapai persetujuan dan kerjasama dengan tokoh Islam dan keluarga Arab yang paling berwibawa, misalnya dengan *clan* syed-syed Hadramaut iaitu *Syed Abdallah al-Juneid*, *Syed Muhammad Alsagoff* dan lain-lain (hlm. 111). Maklumat tersebut membuktikan sekali lagi bahawa para Syed Hadramaut selalu mengambil peranan yang istimewa dalam masyarakat Melayu.

Pengarang mengkaji cita-cita dan gerakan politik Islam pada zaman sejarah baharu dan menumpukan perhatian kepada pengaruh gerakan Aga Khan, idea-idea Ataturk dan aliran gerakan Islam yang lain.

Pengarang menganalisis juga sistem undang-undang di tanah Melayu pada zaman penjajahan Inggeris termasuk sistem *syari'a* di Malaya dan di seluruh Straits Settlements. Terdapat keterangan berkaitan istilah-istilah *adat, syari'a, adat perpateh, adat temenggung, hukum, kathis (kadhi), harta, harta syarikat* dan lain-lain.

Buku ini juga mengandungi maklumat yang berkaitan dengan unsur-unsur ekonomi dalam Islam, misalnya tentang hak milik dan jenis-jenisnya (swasta, kerajaan, wakaf dan lain-lain); sistem cukai dan pembayaran (zakat, fitrah, derma, denda dan lain-lain).

Terdapat juga maklumat mengenai sistem pendidikan dalam Islam (madrasah; pusat-pusat pelajaran fikah, tahfis, tajwid, universiti-universiti Islam dan lain-lain); sistem pengajaran terpisah untuk gadis dan budak dan juga peranan pentadbiran Inggeris dalam sejarah pendidikan Islam di Malaya.

Buku tersebut adalah amat menarik kerana mengandungi hasil-hasil kajian istimewa tentang Islam dan masyarakat Muslim Malaya pada zaman pentadbiran Inggeris. Buku ini juga boleh digunakan sebagai buku rujukan dalam bidang sejarah Islam di alam Melayu dan sejarah penjajahan Eropah di kawasan tersebut. Buku ini juga mengandungi maklumat yang terperinci (cukup lengkap) mengenai pelbagai bidang kehidupan masyarakat Muslim di Nusantara dan bidang-bidang kerjasama (hubungan) badan-badan Islam dan pentadbiran penjajahan Inggeris pada kurun ke-19 sehingga ke-20.

Perihal Sejarah Baru (iaitu kurun ke 18 sehingga ke-20) dan Sejarah Moden (kurun ke-20) diterangkan juga dalam karya-karya lain. Hakikatnya subjek ini menjadi paling popular dan puncak perhatian para Orientalis Barat (7 tajuk daripada 13 judul).

Buku kecil yang bertajuk "*Islamic revivalism in Malaya. Dakwah among student*" oleh Zainah Anwar mengandungi maklumat umum tentang gerakan kebangkitan semula agama Islam dikalangan mahasiswa Malaysia. Buku tersebut berdasarkan data-data Universiti Malaya pada tahun 1966-1975 serta Universiti-universiti Inggeris pada tahun 1971-1979.

Pengarang menumpukan perhatian kepada keadaan masyarakat Malaysia moden. Beliau menegaskan bahawa ramai orang muda menganggap Islam sebagai alternatif kepada cara kehidupan Barat dan *Westernisation* yang merosakan tamadun manusia dan akhlak di dalam masyarakat. Gerakan semula dakwah Islam berteraskan golongan muda-mudi iaitu mahasiswa-mahasiswa dan para ahli (specialists) muda yang mendapat pendidikan bukan hanya di dalam Malaysia malah juga di luar, termasuk Amerika Syarikat, Inggeris, Belanda dan lain-lain.

Berkenaan peranan Islam di dalam masyarakat Melayu, pengarang menulis: *"The influence of Islam on Malaysia indigenous population, the Malays, is deep-rooted. From the time they discarded their animistic beliefs and embarrassed Islam (15th century) the Malays have never changed their religion. While they may not all be devout Muslims, Islamic sentiments, beliefs, values and loyalties have always existed and permeated the Malay culture and value system in varying degrees of intensity"* (hlm. 9)

Walaupun buku tersebut diterbitkan dalam format buku kecil, isinya mengandungi maklumat-maklumat yang menarik tentang para cendekiawan Malaysia moden dan para ahli politik yang mengambil peranan dalam gerakan Islam di Malaysia. Sebagai pemimpin gerakan dakwah semula Islam disebutkan Anwar Ibrahim, yang pernah berkhidmat sebagai Menteri Pendidikan di dalam Kabinet Dr. Mahathir Mohamad. (ms. 11) Pada masa itu beliau (Anwar Ibrahim itu) masih belajar sebagai mahasiswa tahun ke-2 di UM.

Ada di antara guru-guru dan pensyarahnya disebutkan tokoh-tokoh terkenal. Terdapat sebutan mengenai Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, yang pada masa itu pernah mengajar di UM. Zainal Anwar menulis sebagai berikut: *"closer to home, Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas, the then Dean of the Art Faculty, was an other important source of idea at this earliest stage of the Islamic movement. Syed Naquib, according to Kamaruddin Muhammad Nor, identified himself with the Islamic group and its course. Instead of going to the library after lectures, the students were often at his office or house, holding lengthy discussions with him on Islam as a force to change in all fields and Islam as a source of modernism and modernization".* (hlm. 13)

Berkaitan dengan maklumat tersebut perlu ditegaskan, bahawa Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas di dalam ceramah-ceramah beliau selalu menjelaskan, bahawa Islam tidak perlu modernisasi, kerana Islam adalah sistem yang sempurna. Yang perlu diubah dan yang dimodenisasikan itu adalah manusia itu sendiri yang telah keliru dan hilang arah tuju yang betul.

Dalam buku kecil tersebut terdapat juga cerita tentang sejarah gerakan dakwah semula Islam dan organisasi-organisasi yang ikut serta di dalamnya. Perjuangan untuk dakwah semula Islam dianggap sebagai perjuangan melindungi hak-hak bangsa Melayu.

Salah satu unsur yang mempengaruhi gerakan dakwa semula Islam di Malaysia adalah gerakan yang sama seperti di Indonesia. Disebutkan nama Imadudin Abdul Rahim seorang pensyarah dari Institut Teknologi Bandung yang menjadi pusat gerakan Islam yang terkenal. Beliau bekerja di Malaysia di Institut teknologi Malaysia (UTM, Kuala Lumpur). Beliau mulai berkuliah dan mengajar mahasiswa bahawa Islam adalah cara kehidupan yang istimewa (style of life). Menurut beliau supaya berjaya dan memajukan diri masyarakat Melayu perlu balik kepada peraturan-peraturan al-Qur'an. Justeru itu menurut pendapat para saksi Imadudin menjadi terlalu ekstrimis: "*some people are ready to die for*

Islam others are not and that doesn't make them renegades. But for Imaduddin, if you are not ready to sacrifice your life, you are out". (hlm. 20)

Pada tahun akhir ke-1970 mulai gelombang yang kedua dalam gerakan dakwah semula Islam di Malaysia. Peringkat tersebut dipengaruhi oleh *Ihwan Muslimin* (Mesir) dan *Jamaati Islami* (Pakistan). Pada masa itu gerakan tersebut menjadi lebih radikal. Timbul rayuan supaya membina Malaysia sebagai satu negara Islam berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah.

Terdapat maklumat mengenai golongan mahasiswa Melayu di luar, iaitu di universiti-universiti Inggeris, Australia dan New Zealand. Golongan mahasiswa Malaysia merupakan golongan mahasiswa luar yang terbesar di negara-negara tersebut. Mahasiswa-mahasiswa ini ikut serta dalam gerakan dakwah semula Islam dan kebanyakannya mengikut aliran yang lebih radikal.

Terdapat cerita-cerita mengenai peristiwa-peristiwa yang nyata, misalnya tentang kegiatan '*dakwagirls*". Golongan tersebut merupakan satu aliran radikal. Lazimnya mereka berusaha supaya menakutkan dan mendorong orang yang tidak ikut peraturan mereka (gadis tanpa tudung, orang Muslim dari aliran lain, orang yang beragama lain). Terdapat juga cerita para pengikut dakwa mengenai pandangannya tentang Islam dan gerakan dakwa semula Islam tersebut.

Subjek-subjek yang sama diterangkan dalam monograf "*Islamic resurgence in Malaysia*" dikarang oleh Chandra Muzaffar. (KP JB 1741). Buku mengandungi bahan-bahan mengenai kebangkitan semula Islam di Malaysia dari sudut pendapat ilmu sosiologi. Terdapat analisis sebab-sebab kemunculan gerakan Islam di Malaysia dan ciri-ciri khasnya iaitu para peserta dan susunan sosial golongan tersebut. Pengarang menyatakan pelbagai definisi yang berkaitan dengan gerakan dakwah Islam semula; pelbagai data umum mengenai masyarakat Islam di Malaysia, pelbagai ciri khas peraturan-peraturan Islam di Malaysia.

Terdapat analisis definisi *capitalism* dan peranannya dalam kemunculan gerakan dakwah semula Islam di Malaysia. Terdapat juga maklumat tentang hubungan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera di dalam masyarakat Malaysia. Pengarang menegaskan bahawa kehidupan bersama dengan bukan Muslim dan kadang kadang persaingan di antara Bumiputera (Malays Muslim) dan bukan Bumiputera memajukan penyebaran gerakan kebangkitan semula Islam di Malaysia.

Pengarang memperingatkan bahawa sejak 1957 Islam dianggap sebagai agama rasmi di Malaysia. Menurut pendapat beliau semua orang adalah Muslim. Orang Melayu Muslim itu dianggap sebagai bumiputera iaitu para penduduk tempatan. Sementara itu para penduduk yang bukan tempatan (*non indigenious*) kebanyakannya adalah bukan Muslim. Pengarang menegaskan juga bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam secara rasmi. Tetapi Islam dilindungi dan disokong oleh kerajaan sebagai agama yang paling tersebar di Malaysia. Pengarang menyatakan bahawa istilah *resurgence of Islam* bermakna penyebaran peraturan-peraturan Islam semula sebagai dasar kehidupan seharian, sebagai "*style of life*". Satu lagi unsur yang penting adalah bahawa gerakan kemunculan semula Islam dianggap sebagai perkembangan rasa kesedaran diri kebangsaan. Pengarang menegaskan bahawa: "*The state has been responding to Islamic resurgence. … State – specifically the government – becomes part of Islamic resurgence*" (hlm. 5) Terdapat juga maklumat tentang kegiatan PAS dan peranannya dalam gerakan Islam di Malaysia.

Sebagai tanda-tanda khas gerakan tersebut pengarang menyebutkan penyebaran pakaian Muslim untuk wanita dan lelaki, kemunculan di dalam bahasa Melayu banyak perkataan dan istilah dari bahasa Arab, penyebaran makanan halal di dalam semua masyarakat Malaysia, kawalan yang tegas terhadap syarat-syarat pengeluaran makanan dan bahan-bahan halal; peraturan mengenai muzik, tarian dan drama (*movies*) dari Barat dari sudut akhlak Islam; buku-buku, kuliah, perbincangan (diskusi) mengenai Islam menarik perhatian ramai orang-orang dan sudah disenaraikan dalam

rancangan pelajaran di universiti-universiti, kolej-kolej, sekolah-sekolah dan lain-lain.

Chandra Muzaffar menyatakan juga bahawa pembandaran (*urbanization*) dan perkembangan industri yang menjadi salah satu alasan kemunculan gerakan Islam (*resurgence Islam*). Dalam rangka *urbanization* ramai orang kampung datang ke Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain. Kehidupan di bandar besar memaksa mereka melupakan pelbagai peraturan dan adat istiadat yang mereka ikuti di kampung. Ternyata orang kampung itu yang baru datang ke bandar merasa diri keliru dan susah hati. Untuk melindungi diri dan identiti sendiri 'para penghijarah' tersebut mulai menumpukan lebih banyak perhatian kepada hal ehwal agama Islam. Sebabnya kerana hanya rukun-rukun Islam sahaja yang tidak berubah selepas mereka berpindah ke tempat tinggal mereka yang baru itu. Mereka mengenali peraturan-peraturan Islam sejak kecil lagi. Hal tersebut membantu 'para penghijrah' tersebut menyedari diri dalam kehidupan yang baru. Mereka merasa takut dan bersendirian tanpa perlindungan keluarga dan kawan-kawan dari kampung mereka. Justeru, untuk melindungi diri atau menguatkan keyakinan diri, mereka perlu mencari di bandar orang-orang yang menghadapi masalah yang sama dan yang mempunyai pandangan yang sama. Hal tersebut mengakibatkan bahawa ramai orang kampung itu masuk ke dalam pelbagai organisasi Islam.

Alasan yang lain (secondary causes) yang memacu Gerakan Semula Dakwah Islam di Malaysia adalah seperti yang berikut:

(1) Tujuan dan kepentingan peribadi tokoh politik dari pelbagai golongan yang menyokong gerakan tersebut, demi mendapatkan pengaruh atau mencapai kejayaan dan faedah politik mereka.

(2) penyebaran idea pembangunan kerajaan Islam yang sempurna berlawanan dengan proses *Westernization;*

(3) pengaruh revolusi di Iran pada tahun 1979;

(4) persaingan dengan PAS dan lain-lain.

Pengarang menumpu perhatian kepada menganalisa kegiatan organisasi-organisasi pengikut gerakan kemunculan semula Islam iaitu *kumpulan Tabligh, gerakan Darul Arqam (Ustaz Ashaari Muhammad)*, *Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM); PAS* dan lain-lain.

Terdapat juga penjelasan mengenai istilah *asabiyah (nationalism tribalism)*. Dimaklumkan bahawa PAS menolak prinsip-prinsip *asabiya* dalam kegiatannya dan menyokong kemajuan orang Melayu tetapi tidak setuju dengan sistem hak-hak istimewa bumiputera. "*PAS sees asabiyyah as a product of colonial thinking, preserved and perpetuated by Western intellectual dominance… it is because of practice of asabiyyah in an oppressive manner that the Malays have become backward, according to PASS president" (*hlm. 56)

Pengarang menjelaskan juga pelbagai hal tentang ehwal kegiatan kerajaan dan pemerintah Malaysia mengenai bukan Muslim.

Buku ini amat menarik kerana mengandungi bahan-bahan yang berkaitan dengan kegiatan politik dan peristiwa-peristiwa politik yang nyata. Terdapat analisis yang lengkap pelbagai unsur negatif yang muncul dalam masyarakat Melayu Muslim yang dipengaruhi oleh penyebaran idea-idea modernism dalam islam. Justeru itu, analisis peranan Islam yang positif dalam kehidupan masyarakat moden dan pengaruhnya dalam pembangunan masyarakat yang maju tidak ditemui di dalamnya.

Pendapat tersebut adalah tipikal untuk ahli sosiologi Barat yang lazimnya tidak menganggap unsur agama (termasuk Islam) sebagai faktor yang positif dalam perkembangan masyarakat. Ilmu sosiologi moden timbul dan berkembang dalam masyarakat Eropah (atau Barat) berdasarkan tamadun Kristian. Dalam tamadun dan falsafah Kristian sejak dahulu, timbul konflik (kontradiksi) antara agama (gereja) dengan ilmu. Pada Zaman Pertengahan, kontradiksi tersebut mengakibatkan penindasan dan hukuman mati untuk ilmuwan yang

mengeluarkan idea/gagasan yang baharu. Pada masa kini, kontradiksi tersebut masih wujud dalam bentuk diskusi antara ilmuwan dengan tokoh gereja dalam bidang falsafah dan kajian alam. Menurut para ilmuwan, pandangan agama di negara Barat dianggap pandangan mundur; gereja tidak memajukan ilmu -kerana inilah peraturan dan pandangan yang dirakamkan dalam buku agama perlu dimodenkan, iaitu menyesuaikan agama dengan ilmu moden. Menurut tokoh Islam, pertentangan antara agama dengan ilmu tidak ada dalam Islam, kerana pencarian ilmu dianggap sebagai kewajiban dan amalan untuk semua orang Muslim. Oleh sebab itu, Islam tidak memerlukan modenisasi.[81]

Maklumat mengenai gerakan Islam di dalam pelbagai negara (Malaysia, Indonesia, Nigeria, Iran, Pakistan, negara-negara Maghrib; Mesir dan lain-lain) pada tempoh masa sejak kurun ke-18 sehingga ke-20 dirakamkan juga dalam buku bertajuk, *Islam and the political economy of meaning* yang disusun oleh William R. Roff (KP JB 1747).

Buku tersebut menyerupai kumpulan makalah mengenai gerakan Islam di dalam pelbagai negara (Malaysia, Indonesia, Nigeria, Iran, Pakistan, negara-negara Maghrib; Mesir dan lain-lain) pada tempoh masa sejak kurun ke-18 sehingga ke-20. Terdapat juga analisis hal ehwal perkembangan masyarakat Muslim dari sudut ilmu ekonomi, sosiologi dan politik.

---

[81]Tentang kontradiksi di antara ilmu dan agama dalam tamadun ilmiah di barat lihat: al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1993; Wan Mohd Nur Wan Daud. *The concept of knowledge in Islam and its implications for education in a developing country*. London – New York: Mansell Publishing, 1989, Wan Mohd. Nor Wan Daud. Konsep *Ta'dib* oleh Prof. S.M.N. al-Attas sebagai sistem pendidikan Islam yang tulen dan komprehensif. dlm: *Falsafah pembandingan: akhlak dalam konteks kepelbagian budaya" (Sravnitel'naya filosofiya: moral'naya filosofiya v kontekstemnogoobraziya kul'tur)*. Moscow: Vostochnaya Literatura, 2004; Wan Mohd Nor Wan Daud. *Masyarakat Islam hadhari*. Kuala Lumpur: DBP, 2006.

Buku ini mengandungi makalah mengenai gerakan pemuda Muslim di Indonesia dan Malaysia dikarang oleh Muhammad Kamal Hassan. Pengarang menumpukan perhatian kepada kegiatan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) di Indonesia dan Angkatan Belia Islam Malaysia). Disebutkan juga pelbagai partai politik yang lain, iaitu UMNO, PERKIM, PAS, Darul Arqam, Jamiah Tabligh dan lain-lain. Pengarang menganalisis Gerakan Semula Dakwah Islam, alasan kemunculannya, asas sosial dan ciri-ciri khasnya. Dinyatakan juga cerita mengenai aktiviti Anwar Ibrahim. Terdapat senarai tujuan dan tugas-tugas ABIM (hlm. 185).

Sebagai tujuan yang utama dirumuskan "*the aim of istablishing Islam as a divinely prescribed way of life in all aspects of human life*." Disebutkan juga "*the need to'return to Islam', not 'Look West'* or '*Look East', but back to the Qur'an and the Sunnah*". Cita-cita tersebut dianggap sebagai asas ideologi dan slogan Gerakan Semula Dakwah Islam.

Bagi mencapai tujuan tersebut, seseorang itu perlu meneruskan proses *Islamisasi* dalam diri sendiri, keluarga sendiri, masyarakat dan negara sendiri sehingga pembinaan suatu negara Islam di seluruh dunia, *Islamic Khalifah.*

Keaedah Islamisasi tersebut disebarkan melalui pendidikan, *reform* (perubahan sosial) dan jihad dalam pelbagai bentuk. ABIM mencadangkan agar menggantikan pemerintah sekular dengan pemerintah Muslim. ABIM mencadangkan kepada orang Muslim supaya menggunakan hanya organisasi Islam (Islamic University, Islamic Bank, Islamic Insurance dan lain-lain) dan tidak menggunakan syarikat yang Non-Muslim. Justeru, para pengikut ABIM menegaskan bahawa hak utama manusia akan terjamin dan dilindungi, termasuk hak penyataan secara bebas (kebebasan bersuara) dan hak membina pelbagai persatuan.

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Islam di alam Melayu menghadapi masalah yang sama dengan masyarakat Islam lain di dunia, yakni berasa keliru dan tidak berpuas hati dengan keadaan masa kini (dalam masyarakat tempatan atau dunia) pelbagai cara dicuba untuk memutuskan masalah sosial, ekonomi dan politik, untuk melaksanakan perubahan dalam masyarakat (refomasi) berdasarkan asas Islam klasik, dan lain-lain. Islamisasi dan *Gerakan Semula Islam* lazimnya dianggap sebagai gerakan kesedaran kebangsaan di kebanyakan negara. Ternyata pada masa ini, umat islam di Malaysia adalah sebahagian daripada umat Islam di seluruh dunia atau umat manusia global.

Sejarah gerakan Islam dan hubungan di Malaysia, antara 1969 hingga 1987 dijelaskan dalam buku dengan pelbagai bangsa bertajuk *Islam and ethnicity in Malay politics* (KP JB 1744) yang dikarang oleh Mutalib Hussin. Beliau menganalisis peranan Islam sebagai asas kesedaran kebangsaan orang Melayu dan sebagai faktor yang menentukan hubungan di antara orang Melayu dan dan bangsa-bangsa lain. (*Non-Malay*).

Pengarang menumpukan perhatian kepada pengaruh Islam dalam masyarakat Melayu sebelum tahun 1963 (hlm. 11-41); pengaruh Islam dalam proses kesedaran diri orang Melayu pada tahun sejak 1963 sehingga 1970 (hlm. 41-72); gerakan dakwah semula Islam dan organisasi-organisasi 'dakwah'(ABIM, Darul Arqamm Perkim dan lain-lain), konsep nationalism Melayu pada tahun ke-1970an (ms. 73-105); kegiatan PAS dan konsep kerajaan dan politik oleh Dr. Mahathir Mohamad (hlm. 106-169).

Di dalam Prakata terdapat senarai buku-buku tentang Islam di Malaysia dan historiografi kajian tersebut; dalam bab 1 terdapat cerita ringkas mengenai sejarah penyebaran Islam di alam Melayu serta bahan-bahan tentang keadaan Islam pada zaman penjajahan Eropah.

Pengarang menyatakan juga bahawa pada awal kurun ke-20 di antara para pembela hak-hak orang Melayu terdapat ramai orang Muslim, iaitu Non-Melayu. Yang aslinya Indian-Arab. Mereka yang mengetuai gerakan tersebut pada tahun 1906-1930an. Justeru itu Mutalib Hussein menganalisis alasan-alasan kemunculan sistem hak-hak istimewa utuk orang Melayu. Dalam rangka analisis tersebut beliau menegaskan bahawa sejak dahulu orang Melayu dianggap sebagai para penduduk asas tempatan (*title-nation*) di negara-negara Melayu. Pada zaman penjajahan situasi tidak berubah sangat, kerana orang Eropah terpaksa mendapat persetujuan dengan raja-raja Melayu. Walaupun pentadbiran penjajahan membawa ramai orang India dan Cina (iaitu bukan Muslim) kepada alam Melayu, orang India dan Cina tersebut kebanyakannya tidak dianggap berhak sama dengan orang Melayu. Mereka dianggap sebagai orang yang baru masuk alam Melayu itu.

Satu lagi alasan kemunculan sistem hak-hak istimewa Bumiputera adalah persetujuan di antara negara Inggeris dan Malaya (1948). Menurut persetujuan tersebut status sultan disahkan tanpa syarat; orang Melayu menerima hak-hak istimewa dalam bidang milik tanah dan dalam bidang pentadbiran kerajaan. Selepas itu Tunku Abdul Rahman bersetuju dengan beberapa kompromis iaitu orang bukan Melayu dijamin menerima hak-hak warganegara yang sepenuhnya. Sementara itu orang Melayu diangap sebagai warga negara *primus inter pares* (pertama di antara yang sama, *first among equals*). Peraturan yang sama masuk ke dalam Undang-Undang Dasar Malaya (1957) yang menetapkan hak-hak istimewa orang Melayu dalam bidang bahasa, kebudayaan dan status sultan-sultan Melayu.

Pengarang menegaskan bahawa keistimewaan orang Melayu dalam bidang politik berdasarkan sejarah gerakan mencapai kemerdekaan. Orang Melayu yang ternyata menyerupai golongan yang paling teratur dan mempunyai organisasi yang paling kuat iaitu UMNO. UMNO berjaya menyatukan masyarakat Melayu, justeru itu golongan-golongan Non-Malay adalah berpecah-belah.

Pengarang menyatakan juga bahawa orang Muslim yang Non-Malay dianggap sebagai "Melayu" juga kerana mudah berasimilasi dengan orang Melayu tulen. Mereka berkahwin dengan orang Melayu, berbahasa Melayu dan hidup dalam masyarakat orang Melayu. (hlm. 28)

Tentang Islam dalam tamadun dan masyarakat Melayu Hussein Mutalib menulis seperti berikut: *"The Islam is an integral and significant factor in Malay culture is beyond dispute. ... Islam ... became part and parcel of the Malay world-view. The vocabulary of Malay literature and oral tradition is full of Islamic terms and values"* (hlm. 31)

Pengarang menyatakan juga peranan slogan-slogan Islam dalam gerakan kemerdekaan dan dalam kegiatan UMNO selepas kemerdekaan: "*For Islam, it seemed that Faith was still considered important by UMNO leaders, but in superficial level. Islam was taken for granded and given prominence only during election times when UNMOsought to counter PAS, since UMNO realized that in could only ignore the Faith at its peril, given the integral nature of Islam in Malay culture and identity" (hlm. 35)*

Maklumat tersebut menunjukkan bahawa Islam menjadi "senjata" dalam pemilihan umum, kerana pengaruh agama di masyarakat Malaysia adalah amat kuat.

Hussein Mutalib menumpukan perhatian kepada perkembangan Islam dan Islamisasi pada tempoh masa sejak tahun 1963 sehingga 1970an. Beliau menulis: *"The emergence of etnic-oriented leaders after the formation in Malaysia in 1963 and the outbreak of etnic riots six years later, as well as changes in the socio-economic circumstances of Malays, resulted in a paradoxical situation for Islam: on the one hand, its low-profile role in the affairs of the state; on the other, sowing the seeds for its later reassertion".* (hlm. 41)

Mutalib Hussein menyatakan juga bahawa peranan penting dalam Islamisasi Malaysia dan masyarakat Melayu diambil oleh para ulama dari Indonesia: "*not only the close relationship between Malay and Indonesian students and schoolars in the Middle East long-standing, but after the waning influence of Islamic reformists in Malaya in the 1930s and 1940s until the period before Konfrontasi (1962), these ulama had frequently visited Malaya to help continue the propagationof reformist Islam.* (hlm. 43) Di antaranya pengarang menyebutkan nama-nama HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah), Kiai Anwar Mussaddad; Fadlullah Harun dan lain-lain.

Dalam buku tersebut terdapat juga analisis politik and kegiatan antarabangsa dilaksanakan oleh pemerintah Malaysia dan pengaruh Islam di dalamnya.

Buku ini mengandungi juga cerita ringkas mengenai pergaduhan di antara orang Melayu dan China (1969) di Malaysia. Cerita tersebut dilengkapi dengan analisis pelbagai sebabnya.

Sebagai akibat pergaduhan tersebut pengarang menyebutkan hal sebagai berikutnya:

– Peristiwa tersebut menunjukkan krisis dalam proses kesedaran diri masyarakat dan bangsa Melayu. Ramai cendekiawan Melayu memikirkan dan mencari jalan supaya memutuskan masalah-masalah orang Melayu di Malaysia. Hal ehwal tersebut dibincangkan di semua masyarakat Malaysia.
– Dalam rangka diskusi tersebut muncul definisi bumiputera dan sistem hak-hak istimewa untuk bumiputera itu.
– Sementara itu sistem hak-hak istimewa dan peluang-peluang yang lebih luas yang didapat oleh orang Melayu mengakibatkan kemunculan golongan-golongan orang Melayu yang tidak berpuas hati terhadap pemerintah. Ada di antaranya yang memilih gerakan Islam dan Islamisasi sebagai asas oposisi mereka. Golongan yang lain mengaturkan acara-

acara politik supaya menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap pemerintah tersebut.

– Selepas pergaduhan 1969 itu muncul juga prinsip-prinsip Rukunegara (Ogos 1970) dan penubuhan Barisan Nasional sebagai satu perikatan (partai campuran) berdasarkan prinsip-prinsip kerjasama semua warga negara di Malaysia (Mala dan Non-Malay), kesepakatan kebangsaan dan *consensus*.

Pengarang menganalisis juga kegiatan pelbagai parti dan badan Islam iaitu ABIM, Perkim, Darul Arqam.

Buku ini adalah amat menarik kerana menunjukkan proses perkembangan masyarakat Malaysia, hal ehwal gerakan Islam dan keadaan Islam di masyarakat Malaysia pada masa kini.

Bahan-bahan tentang Islam yang tersimpan dalam koleksi John Bastin menunjukkan bahawa terdapat satu kesalahfahaman mengenai Islam dan peranannya di dalam masyarakat Melayu, iaitu kontradiksi di antara pendapat orang Melayu tentang sejarah dan masyarakat sendiri dan pendapat para ilmuwan Barat yang mengkaji alam Melayu sebagai subjek penelitian ilmiah. Para cendekiawan Melayu menganggap Islam sebagai asas kesedaran kebangsaan dan kaedah kemajuan negara. Justeru itu para ilmuwan Barat menganggap Islam sebagai unsur negatif yang mengakibatkan kemunduran masyarakat Melayu.

Perlu diingatkan juga bahawa di antara karangan ilmiah tentang Islam ditemui juga karya para cendekiawan Barat yang mengandungi pendapat yang lebih objektif, iaitu yang bernilai tinggi pengaruh Islam dalam kehidupan orang Melayu dan tamadun Melayu. Sementara itu lazimnya pandangan para ilmuwan tempatan dipengaruhi oleh pelbagai prasangka yang tersebar di dalam pandangan awam di Eropah dan USA. Ternyata kesalahfahaman

dan pendapat yang kurang ilmiah dan yang tidak betul diakibatkan oleh kekurangan ilmu dan bukan kerana seorang ilmuwan tersebut adalah orang Muslim atau bukan Muslim.

Pendapat bahawa agama (termasuk Islam) adalah unsur negatif yang tidak memajukan masyarakat tersebar di dalam sosiologi Barat dan dirakamkan dalam karangan pelbagai orang orientalis dari pelbagai negara (termasuk Malaysia). Keadaan tersebut dicerminkan dalam buku "*Islam in South East Asia*" (KP JB 1743) disusun oleh M.B. Hooker. Tajuk tersebut menyerupai kumpulan makalah tentang Islam di Asia Tenggara dan ciri-ciri khasnya (etnik, bahasa, budaya, hubungan/pengaruh dengan tradisi Hindu-Buddha dan sistem penjajahan Eropah). Di dalamnya terdapat makalah sebagai berikut:

> MB Hooker "Introduction: the translation of Islam into South-East Asia" (ms. 1-22)
>
> Dalam makalah tersebut pengarang menyatakan bahawa Islam datang ke dalam Asia Tenggara pada kurun ke-13 – ke-14. Beliau menjelaskan bahawa pendapatnya berdasarkan atas fakta-fakta yang berikutnya, iaitu batu-batu nisan yang terawal bertarikh pada kurun ke-14 – ke-15; berdasarkan juga maklumat-maklumat Ibn Batutah, Marco Polo dan Tome Pires; berdasarkan tarikh *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*.

Maklumat ini menunjukkan bahawa M.B. Hooker mengikut pendapat umum mengenai masa penyebaran Islam di alam Melayu. Justeru itu pengarang tidak memperhatikan data yang lain yang membuktikan bahawa perhubungan pertama orang Melayu dengan orang Muslim dari negara-negara Arab sudah terjadi pada kurun pertama Hijrah[82].

---

[82]Mengenai sejarah terawal Islam di Nusantara lihat antara lain: al-Attas. Syed Muhammad Naquib. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM, 1972; Arnold, T. *Preaching of Islam*. London: Constable and Co., 1913; Fatimi, S.Q. Two letters from

M.B. Hooker mengikut konsep Snouk Hurgronje[83], bahawa Islam di Nusantara datang dari India. Menurut beliau sastera Melayu di Sumatra dan Melaka berdasarkan tradisi India Selatan. Oleh itu, beliau tidak menerima pendapat bahawa para ulama Hadramautlah yang membawa Islam ke alam Melayu[84].

Sebagai subjek penting yang berkaitan dengan Islam di Nusantara, pengarang menyebutkan fikh, sastera dan falsafah. M.B. Hooker menganggap genre tersebut sebagai bentuk penyebaran Islam di alam Melayu pada kurun ke 16 hingga 17. Terdapat senarai manuskrip-manuskrip yang berkaitan dengan subjek tersebut. Senarai manuskrip-manuskrip dilampirkan dengan keterangan. Kesimpulannya beliau menyatakan bahawa *Islamization* di alam Melayu bercampur dengan adat iaitu dengan tradisi Hindu-Buddha dan adat-istiadat pre-Islam iaitu: "*Compromise,*

Maharaja to the khalifah. A studying the early history of Islam in the East. dlm: *Islamic Studies*, Karachi: The Central Institute of Islamic Research, II, 1, 1963, pp. 121-140; Denisova, T. "Islam di dalam alam Melayu ab. VII – XIII. dlm: *Sejarah perkembangan tamadun Islam.* Jilid 1-2. Moskow: ROSPEN; 2001-2002; Denisova T. Karangan-karangan sejarah Melayu klasik mengenai perniagaan dan pelayaran. Dlm: *Negara-negara Timur: masalah-masalah sejarah ekonomi dan pelayaran*" , Moskow: Nauka; 2003; Denisova, T. "Orang-orang Muslim dari Timur Tengah yang disebutkan di dalam karangan-karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX". dlm: *Bulletin of Moscow State University. "Oriental studies",* Moscow: MGU, 2003, N4; Denisova, Refleksi Mistoriografi: Alam Melayu KL: UMPress 2010 (monograf dalam percetakan DBP); Denisova, T. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

[83]S.Hurgronje.C. De Islam in Nederlandsch Indie. In: *Verspreide Geschriften*. Bohn – Leipzig: Schroeder, 1923-1927, vol. IV., (1924) p.359 – 391.

[84]Mengenai syed-syed Hadramaut dan peranan mereka dalam penyebaran Islam di alam Melayu dan sejarahnya lihat: Yegar, Moshe. *Islam and Islamic institutions in British Malaya: politicies and implementation*. Jerusalem: Magnes Press, Hebrew University, 1979, Denisova, T. "Orang-orang Muslim dari Timur Tengah yang disebutkan di dalam karangan-karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX". dlm: *Bulletin of Moscow State University. "Oriental studies",* Moscow: MGU, 2003, N4; T. Denisova. Concerning one name mentioned in "Tuhfat al-Nafis". dlm: Knowledge, Langnage, Thought and Civilization of Islam. Essays in Honor of Syed Muhammad Naquibal-Attas. KL:UTM., 2010 . Dato Muhammad Ghazzali. The Court language and Ettiquette of the Malays. dlm: *JMBRAS*, vol. XI, pt.2 (December 1933).

syncretism and localized sophistry are the norm rather than the exception" (hlm. 21)

Lazimnya pendapat tersebut berdasarkan kajian tentang adat-istiadat orang Muslim di pulau dan kampung. Memang dalam adat-istiadat harian terutama di Jawa, Palembang, Kedah dan tempat-tempat yang lain (iaitu bekas pusat-pusat Srivijaya dan Majapahit) yang mempunyai kaitan yang lama dengan tamadun Hindu-Buddha, terdapat banyak unsur-unsur yang Pre-Islam. Justeru pengarang tidak memperhatikan perbezaan yang selalu wujud di antara "Islam" para ulama dan cendekiawan-cendekiawan Muslim (ar-Raniri, Raja Ali Haji, al-Palimbani dan lain-lain) dan "folk-Islam" yang tersebar di antara orang biasa – para nelayan, petani, tukang-tukang dan lain-lain. *Folk* agama dalam pelbagai sistem agama (Islam, Kristian, Yahudi, Hindu-Buddha) selalu mengandungi unsur-unsur kepercayaan pagan dan *campur* dengan adat.

A.C. Milner, Islam and the Muslim State (hlm. 23-49);
Makalah tersebut adalah mengenai pengaruh Islam di dalam sistem kerajaan Melayu. Pengarang menjelaskan istilah-istilah '*kadi*' (dalam pelbagai ejaan) *imam, shariah*, *undang-undang*, *kerajaan, ummat* yang terdapat dalam pelbagai teks sejarah di alam Melayu. Beliau menumpukan perhatian kepada pelbagai kanun undang-undang yang tersebar di alam Melayu (Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Laut dan lain- lain) yang membuktikan peranan syariah dalam masyarakat Melayu. Pengarang tidak setuju dengan pendapat J.M. Gullick, bahawa Islam di alam Melayu adalah "*not to any significante extent a state religion. … There were no Kathi (kadhi) until the era of British protection, and no evidence exists that Islamic legal doctrine was 'effective law'*[85]. (hlm. 23)

---

[85]Lihat: J.M. Gullick. *Indigenious political Systems of Western Malaya.* London: School of Economics Monographs on Social Anthropology. 1965, p.139.

A.C. Milner menegaskan juga bahawa dalam sistem kerajaan Melayu ada unsur-unsur tamadun Hindu Buddha. Justeru itu pengarang tidak memperhatikan bahawa unsur-unsur tersebut lazimnya terdapat dalam nama-nama gelaran, dalam peraturan mengenai cara melaksanakan acara-acara rasmi di istana, mengenai baju-baju yang boleh dan/atau tidak boleh dipakai di istana dan lain-lain. Tetapi unsur-unsur tersebut biasanya tidak bercanggah dengan peraturan Islam yang utama (misalnya - tauhid) dan dianggap hanya sebagai unsur-unsur budaya dan tradisi kebangsaan.

Menurut pengarang sistem kerajaan dan status 'sultan' di alam Melayu dipengaruhi oleh tradisi Persia – "*Persianised Muslim court*" (hlm. 38). Kesimpulan tersebut berdasarkan maklumat-maklumat dari *Sejarah Melayu* mengenai Iskandar Zhulkarnain dan Nizam al-Mulk (Abu Ali Hasan Ibn Ali –al-Tusi, 1018 - 1092) iaitu seorang vasir Saljuk Persia. Dimaklumkan juga bahawa sultan-sultan Aceh mengikut cara kehidupan para pemimpin India iaitu dinasti Mogul Agung yang dianggap sebagai "*Persianised Mogul dynasty*". Sementara itu pengarang menegaskan bahawa unsur-unsur pengaruh Parsi terdapat juga dalam konsep "Insan al-kamil" dan konsep-konsep tasawuf yang lain yang tersebar di alam Melayu. Pendapat beliau berdasarkan hal bahawa tokoh-tokoh tasawuf yang menyatakan konsep "insan al-kamil' iaitu Ibn al-Arabi (wft. 1240) dan Abd al-Karim al-Jili (1365 - 1428) konon berasal dari Parsi. Walaupun al-Jili itu berasal dari kawasan Gilan (Iran), falsafah dan konsepnya menyerupai tamadun tasawuf yang umum yang tersebar di seluruh alam Islam. Konsep "insan al-kamil' tersebut adalah konsep universal yang tidak berkaitan dengan tamadun Parsi sahaja.

Dalam makalah terdapat pelbagai keterangan tentang sejarah Islam yang terawal di Nusantara. Mengenai sejarah Islamisasi Asia Tenggara AC Milner menulis: "*Although Arabs frequented in the South-east Asia for centures, the news they brought of early Islam would not have been cogenial to the interests of local rulers. The latter would be attracted neither by the pedestrian doctrine of the early Muslim ruler nor by the possibility of subhection to the Imperial caliphate of the Abbassides*" (hlm. 44)

Maklumat tersebut mencerminkan sikap negatif terhadap Islam dan konsepnya. Pendapat sebegini amat popular di kalangan para Orientalis Barat, tidak membantu pengarang untuk memahami, mengapa Islamization berjaya di Nusantara walaupun penyebaran Islam berlangsung agak lama iaitu ratusan tahun.

Perlu ditegaskan bahawa sistem kerajaan Melayu mengandungi pelbagai unsur tamadun Pre-Islam. Walaupun begitu unsur tersebut yang kita telah nyatakan di atas kebanyakannya tidak bercanggah dengan peraturan dan konsep kerajaan Islam. Kebanyakannya berkaitan hanya dengan cara pakaian dan cara pelaksanaan acara rasmi di istana sahaja. Unsur tersebut dirakamkan juga dalam sistem gelaran orang-orang besar kerajaan. Unsur pra-Islam tidak mengubah prinsip utama sistem kerajaan Islam iaitu kewajiban-kewajiban dan kuasa-kuasa baginda (raja). Di negara Islam sultan (baginda) dianggap sebagai pemimpin sekular (duniawi) dan pemimpin rohani. Unsur pra-Islam tidak menceroboh tauhid sebagai prinsip agama dan juga prinsip kerajaan di negara Islam[86].

Hal ehwal Islam dalam masyarakat Malaysia masa kini dan darjah perkembangannya dibicarakan dalam karya Noer Deliar yang bertajuk

---

[86]Mengenai sistem kerajaan di Islam lihat: al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism,* Kuala Lumpur: ISTAC, 1993; Zainal Abidin Wahid. Power and Authority in the Melaka Sultanate: The Traditional View. dlm: *Sandhu K.S. Wheatley P. (ed) Melaka. The transformation of a Malay Capital, c.1400 - 1978*. Kuala Lumpur: Oxford Univ.Press, 1983; Qamar-ud-Din Khan. *Al-Ahkam as-Sultaniyyah. The Laws of Islamic Governance*, London: Ta Ha Publishers, 2001; Petrushevsky Ilya P. *Islam in Iran in 7-15 c.* Leningrad:Nauka, 1966; Ibn Khaldun, Abdurahman M., *Mokaddimat Ibn Khaldoun*, *Ed. Darweesh al-Jawydi*, Sidon-Beirut: al-Maktaba al-Asriyah, 1995; Lawrence, David, Ed., *Ibn Khaldun and Islamic Ideology*, Leiden: E. J. Brill, 1984; Denisova, T. "Islam di dalam alam Melayu ab. XIII – XVII. dlm: *Sejarah perkembangan tamadun Islam.* Jilid 1-2. Moskow: ROSPEN; 2001-2002. Denisova T. *Syariat dalam dalam karangan-karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX*. Moscow:Nauka, 2005 etc

Contemporary Political Dimension of Islam. Makalah tersebut adalah mengenai keadaan Islam masa kini. Terdapat maklumat tentang darjah perkembangan umat Islam di seluruh dunia, termasuk alam Melayu seperti Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand. Pengarang menumpukan perhatian kepada hal ehwal undang-undang individu (*personal law*) dan darjat perkembangannya di negara tersebut. Terdapat analisis gerakan Islam dan kegiatan lembaga Islam (parti Islam) dan ciri-ciri khasnya.

Hal ehwal undang-undang dalam masyarakat Melayu dan pengaruh syariah di dalamnya dijelaskan dalam makalah bertajuk *M.B. Hooker. Muhammad Law and Islamic law* (hlm. 160-182)

Pengarang menumpukan perhatian kepada perkembangan undang-undang Islam di Asia Tenggara. Pengarang menjelaskan dua istilah iaitu "*Muhammadan Law*" dan "*Islamic Law*". Menurut beliau dua istilah tersebut tidak sama dari segi maknanya. "*Muhammadan law*" atau Undang-undang Muslim adalah kodeks undang-undang untuk orang Muslim secara *individual* , manakala *Islamic Law* adalah undang-undang Islam berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah.

Sebenarnya perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut kurang jelas dan agak keliru kerana undang-undang yang ikut orang Muslim (yang disebutkan disini sebagai Muhammadan Law) juga berdasarkan al-Quran, Sunnah dan asas syariah yang lain. Mungkin istilah *Muhammadan Law* difahami oleh pengarang sebagai adat yang mengandungi perbezaan dari syariah yang tulen. Jika pengarang bermaksud undang-undang tradisional, definisi tersebut biasanya disebutkan adat, bukan *Muhammadan Law.* Walaupun begitu M.B. Hooker dalam kesimpulannya menegaskan secara tepat bahawa *Muhammadan Law* (kanun dengan unsur budaya dan tamadun tradisional, dengan unsur adat) sedang berkembang dan menjadi lebih sesuai dengan istilah *Islamic Law* (undang-undang Islam yang tulen, berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah)

Roy F. Ellen "Social Theory, Ethnography and the Understanding of Practical Islam in South-East Asia (hlm. 50-91)

Makalah mengandungi hasil kajian mengenai Islam di Asia Tenggara dari sudut ilmu sosiologi dan ethnografi. Pengarang turut menegaskan, bahawa Islam di Nusantara jarang menjadi subjek kajian ilmuwan Barat. Beliau menulis, *"Islam offered the moral infrastructure to initiate and sustain successful rebellion, the Netherland was eager to extend its grip in out-lying areas of the Indies, while late nineteenth century European scholarship was institutionally, ideologically and intellectually equipped to render the service of describing cultures subject to colonial domination"*[87]. (hlm. 50)

Roy F. Ellen menganalisis historiografi kajian Islam di alam Melayu dan menegaskan secara tepat bahawa: "*what records exist commonly confused and conflate the distinctively Islamic with a myriad local traditions, and a few of the greater ones as well*" (hlm. 51) Dan seterusnya: "*In Malaya several generations of scholar-administrators built up a picture of Malay Muslim culture based on a characteristic anecdotal empiricism*" (hlm. 53) Contohnya pendapat ilmuwan R.F. Ellen menyebutkan nama-nama sebagai berikut: I.H.V. Evans; C.A. Gibson-Hill, J.D. Gimlette, H.D. Noone; W.E. Maxwell, W.W. Skeat; C.O. Blagden; F. Swettenham; RJ Wilkinson, P.D.R.Williams-Hunt and R.O. Winstedt. Maklumat tersebut amat penting kerana mengandungi pernilaian yang objektif tentang Oriental Studies Barat dan peranannya dalam sejarah penjajahan Nusantara.

Pengarang menumpukan perhatian juga kepada tamadun Melayu Islam dan ciri-ciri khasnya. Beliau menyebutkan bahawa istilah *Muslim* dianggap sama maknanya dengan istilah *Melayu* manakala istilah *masuk Islam* – sama maknanya dengan *masuk Melayu*. Berdasarkan maklumat tentang adat-istiadat

---

[87]R.F. Ellen. The developmentof anthropology and colonial policy in the Nedherlands, 1800-1960. dlm: *Journal of the History of the Behavioural Sciences*, 1976, 12, pp. 303-324.

Islam di Jawa, pengarang juga menjelaskan istilah "*kejawen*" dan perbezaannya di antara kejawen dan Islam (termasuk tasawuf). Diterangkan juga tentang istilah '*scripturalism*' (cara kepercayaan ortodoks, berdasarkan teks suci), '*salmetan, santri, kiai, fundamentalism, modernism* dan lain-lain.

Dalam karangan Roy F. Ellen terdapat juga analisis mengenai unsur-unsur adat dan Islam dalam kehidupan harian orang Muslim di Nusantara. Pengarang menegaskan bahawa adat, lazimnya tidak bercanggah dengan peraturan Islam. "*The difference between adat and Islamic principles is not always known by peasants themselves, and certain local practices may be thought odd as being part of Islamic law*." (hlm. 65) Pengarang menegaskan bahawa perbezaan dan kontradiksi di antara adat dan Islam lazimnya tidak begitu besar dalam praktik kehidupan harian. Justeru, kontradiksi tersebut lazimnya dibesar-besarkan oleh ilmuwan Barat: '*the strong plural adat tradition was seen as a sure bulwark against subversive Islam and incipient nationalism, the so called conflict between adat and Islam has been well-reported by ethnographers and others*" (hlm. 69)

Makalah ini amat menarik kerana mengandungi pendapat yang lebih objektif tentang Islam di Nusantara, hubungan antara adat dan Islam dalam kehidupan harian orang Muslim dan tentang historiografi kajian Islam Melayu di Barat.

Islam and literature in South-East Asia: some pre-modern, mainly Javanese perspectives. (hlm. 130-159)

Makalah ini berkaitan dengan sastera dan Islam di Asia Tenggara berdasarkan bahan-bahan kesusasteraan Jawa. Terdapat analisis pelbagai teks sastera Jawa (*Serat Anbiya, Serat Surya Raja, Serat Calobek*)

Historiografi kajian mengenai sejarah Melayu/Indonesia A.Day membahagikan kepada 3 aliran yang utama, iaitu:

(1) sejarah penjajahan (*writers of colonial history, history of European expancion*) – Jawatan sejarah di Leiden (Vakgroup)

(2) sosiologi dan ekonomi (Van Leur, Schrieke, Wertheim, Meiling-Roelofsz)
(3) salasilah raja-raja dan teks-teks sejarah Jawa (H.J. de Graaf, M.C. Ricklefs, para Ilmuwan Belanda dan Inggeris)

Dalam karangan tersebut, terdapat rumusan pelbagai pendapat mengenai peranan Islam dalam sejarah sastera di Nusantara. Dimaklumkan pendapat Prof. Naquib al-Attas yang menganggap Islam sebagai asas sastera klasik di alam Melayu. Prof. al-Attas menyangkal pendapat R.O. Winstedt dan T.S. Raffles yang menyatakan bahawa sastera Melayu klasik telah dimusnahkan oleh kedatangan Islam "*The both Raffles and Winstedt pictured a literary classicism ruined by the passage of time and the coming of Islam*" (hlm. 133)

John Bousfield. *Islamic Philosophy in South-East Asia (92-129)*
Makalah tersebut adalah mengenai falsafah Islam di Asia Tenggara sehingga masa kini. Dijelaskan juga bahawa masyarakat Islam pada masa kini dipengaruhi dan *diracuni* oleh sekularism Barat. Hal tersebut dianggap sebagai alasan utama penyebaran gerakan dakwah Islam semula. Menurut pendapat para pengikutnya, untuk melawan pengaruh tersebut, perlu meyebarkan Islam yang tulen, iaitu memajukan gerakan dakwah Islam.

Dalam makalah terdapat keterangan mengenai istilah falsafah Islam yang lazimnya digunakan oleh para cendekiawan Muslim, yang mengikut cita-cita gerakan semula dakwah Islam. Misalnya dijelaskan istilah "*Tauhidic world-view*". Pengarang menganalisis istilah tersebut berdasarkan pelbagai teks falsafah yang terkenal iaitu: *Daka'ik al-Huruf* (Abd ar-Rauf ibn Singkel, 1615-1693); *Al-Tuhfa al-mursala ila ruh al-Nabi* (Muhammad ibn Fadl Allah al-Hindi al-Burhanpuri, wft. 1619/1620); *Sharab al-Ashikin, Asrar al-Arifin, Adept* (Hamzah Fansuri, wft. 1590); *Hujjat al Siddik fi Daf al-Zindiq* (Nuruddin Ar-Raniri. wft. 1658). Diceritakan juga cerita ringkas mengenai falsafah Islam dan sejarahnya. Pengarang menumpukan perhatian kepada karangan tokoh tasawuf dan falsafah yang terkenal iaitu Hamzah Fansuri, Ar-Raniri, Abdurrauf Singkel,

Fadlallah Burhanpuri dan lain-lain. Beliau membandingkan konsep tokoh tasawuf dengan konsep Plato, tokoh Neo-Plato dan juga karangan para Sufi yang lain. Terdapat banyak rujukan karangan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas. Sebagai arah utama karangan para tokoh falsafah Islam di Malaysia pengarang menyebutkan bidang yang berikutnya:

- ilmu epistomologi (wahyu sebagai sumber ilmu)
- ilmu metafizik (methaphisics) – diskusi mengenai dualism monism, dan konsep wahdat al-wujud
- ilmu akhlak (pelbagai unsur kehidupan peribadi manusia dalam rangka masyarakat dan syariah; konsep pedidikan dalam Islam, konsep-konsep humanism dan materialism di Barat dan dalam masyarakat Islam)
- ilmu syariah - kegiatan politik dan ekonomi dari sudut syariah, konsep individualisme dan kolektivisme (collectivism), kebebasan (freedom) dan kuasa (authority).

Makalah John Bousfield amat menarik kerana mengandungi analisis yang terperinci tentang keadaan dan taraf perkembangan falsafah Islam di Malaysia pada masa kini. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa dalam masyarakat Malaysia, karangan tentang falsafah Islam masih wujud. Tamadun ini mengandungi ciri-ciri khas karangan ilmiah Islam yang tersebar dalam tradisi persuratan ilmiah sejak dahulu lagi. Hal ini menafikan prasangka untuk pengikut modernisme dan salafiyah bahawa Islam perlu dimodenkan menyesuaikan dengan dunia moden, kononya Islam mundur dan tidak mampu berkembang.

Kegiatan ilmiah dan karangan prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah bukti terbaik menunjukkan bahawa tamadun falsafah, dan ta'dib Islam wujud dan berkembang di Malaysia pada masa kini. Dalam koleksi John Bastin tersimpan monograf beliau yang bertajuk *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (KP JB 1751). Monograf tersebut merupakan kajian yang lengkap dan fundamental karangan Hamzah Fansuri (kurun ke-16) iaitu seorang tokoh Islam dan tasawuf yang terkenal, Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah seorang ilmuwan yang

terkenal di seluruh dunia, yang amat berjasa dalam bidang perkembangan ilmu dan penyebaran Islam di Malaysia[88].

Buku mengandungi teks (transliterasi) tiga karya Hamzah Fansuri yang diterjemahakan ke dalam bahasa Inggeris, iaitu *Asraru'l Arifin* (The Secrets of the Gnostics), *Sharabu'l Asyiqin* (The Drink of Lovers), *Al-Muntahi* (The Adept). Terdapat juga teks faximili karya Al-Muntahi. Teks tersebut dilengkapi dengan keterangan dan analisis ilmiah yang lengkap, dan pemikiran Hamzah Fansuri. Dalam Appendix terdapat petikan dari pelbagai teks Tasawuf Melayu yang digunakan sebagai perbandingan.

Buku merupakan terbitan ilmiah teks yang lama (sumber sejarah). Terbitan tersebut dianggap sebagai contoh terbitan ilmiah yang sempurna dari sudut pendapat ilmu historiografi dan kajian sumber sejarah (historical source research). Terbitan tersebut mengandungi semua maklumat penting yang perlu ada dalam terbitan ilmiah, iaitu teks berhuruf asli, transliterasi, pembandingan teks dari pelbagai manuskrip, keterangan tekstologi, dan keterangan dari sudut pendapat isi teks dan maknanya. Analisis tersebut dilakukan dengan melihat konteks sejarah yang sebenarnya.

Analisis situasi sejarah pada zaman Hamzah Fansuri serta data mengenai riwayat hidup dan kegiatan beliau terdapat dalam Bab 1 (hlm. 3-30); analisis '*heresy*" Hamzah Fansuri dan kritikannya (kecamannya) oleh Nuru'l Din al-Raniri (wft. 1666) terdapat dalam Bab II (hlm. 31-66); analisis sistem pandangan Hamzah Fansuri dan mistiknya dari sudut ilmu ontology, cosmology dan psychology – dalam bab III (hlm. 66-110); analisis konsep kehendak Allah

---

[88]Tentang kegiatan dan kehidupan Syed Muhammad Naquib al-Attas serta tentang karya-karya beliau lihat: Wan Mohd Noor Wan Daud. *The educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas. An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur:ISTAC, 1998

(*iradah = hendak),* konsep Wujud dan pelbagai definisinya (*ada, jadi, wujud* dan lain-lain) – bab IV dan V (hlm. 111-175).

Buku ini menunjukkan bahawa di alam Melayu wujud sistem tamadun, falsafah dan tasawuf yang amat menarik dan lengkap. Hal ini menafikan prasangka bahawa orang Melayu memeluk Islam secara formal iaitu tidak secara mendalam.

Dalam senarai tajuk mengenai Islam terdapat tiga judul yang berkaitan dengan haji. Ternyata subjek tersebut menarik banyak perhatian John Bastin dan lazimnya menjadi subjek kajian para ilmuwan.

Kertas kerja *"The conduct of the haj from Malaya and the first Malay pilgrimage officer"* (KP JB 1748) yang dikarang oleh William, R. Roff mengandungi maklumat tentang pengendalian haji dari Malaya ke Mekah pada tempoh masa akhir kurun ke-19 sehingga 1940. Disebutkan bahawa maklumat-maklumat tentang haji susah dicari kerana para haji Melayu biasanya tidak menulis catatan peringatannya dan tidak berminat berbincang tentang diri sendiri.

Disebutkan tentang Snouk Hurgronje yang pada tahun 1885 tinggal di Mekah selama 6 bulan dan mengkaji tempat yang suci itu dan para penduduk serta para pelawatnya[89]. Beliau menumpukan perhatian kepada para jemaah haji dari seluruh Asia Tenggara tetapi tidak mengenal pasti (tidak menentukan) penziarah dari Semenangung Tanah Melayu.

Dalam karya W.R.Roff terdapat beberapa data statistik mengenai para penziarah dari *India* termasuk Nusantara yang dirakamkan dalam laporan misi Inggeris yang hadir di Mekah sejak tahun 1861. Dalam laporan pentadbiran Inggeris di Singapura disebutkan "*malfeasant pilgrim **shaykhs** visiting Malaya*".

---

[89]Lihat: S. Hurgronje. C. *Meccah in the latter part of the 19th century*. Leiden: E.J.Brill, 1931; reprint 1970.

Pengarang menegaskan bahawa data statistik yang pertama mengenai para haji dari *Jawa* terdapat pada tahun 1883-1884. Menurut data tersebut jumlah penziarah dari Singapura adalah 3342 orang; yang sampai dari alam Melayu ke Jeddah – 7716 orang. Sekitar 4392 orang merupakan jumlah haji dari tempat-tempat lain Nusantara.

Terdapat juga data-data mengenai cukai dan pembayaran rasmi yang lain yang membayar para haji supaya mendapat semua dokumen menunaikan fardu haj.

Kertas kerja tersebut mengandungi maklumat penting mengenai pengendalian haji dari alam Melayu ke Mekah. Ternyata pengendalian haji di alam Melayu adalah peristiwa yang biasa dan hubungan di antara alam Melayu dan Mekah wujud dan berkembang walaupun tidak disokong oleh pentadbiran bertajuk Eropah.

Dalam makalah "*Sanitation and Security: the Imperial Powers and Nineteenth Century Hajj*" (KP JB 1749) oleh pengarang yang sama iaitu oleh W.R. Roff, terdapat maklumat tentang sanitasi dan keselamatan di Mekah pada masa haji serta tentang usaha pentadbiran penjajahan Eropah dalam bidang keselamatan dan sanitasi. Pengarang menegaskan bahawa pada tahun ke-1820an muncul dan tersebar di Eropah penyakit kolera yang kononnya datang dari Asia bersama-sama dengan para penziarah dari Asia. Pengarang menegaskan bahawa maklumat rasmi tentang penyakit kolera di Arab terdapat pada tahun 1821, 1828 dan 1829. Pada tahun 1831 dimaklumkan mengenai 20 ribu orang haji yang mati kerana kolera tersebut.

Dinyatakan jumlah umum para haji dari alam Melayu pada tahun ke-1850an adalah sekitar 2000 dari Malaya dan 5000-7000 setahun dari kawasan Benua Kecil Asia Tenggara. Terdapat juga jadual jumlah umum haji dari negara-negara Timur pada tahun 1882 sehingga 1900 (hlm. 150). Ditemui juga cerita mengenai sejarah kegiatan Inggeris di Jeddah dan Mekah pada masa itu.

Makalah tersebut adalah amat menarik kerana mengandungi data yang nyata tentang pengendalian haji ke Mekah dan keadaan di dalam Mekah dan Madinah. Data tersebut membuktikan (mengesahkan) beberapa maklumat dari teks sejarah *Tuhfat al-Nafis* (1866) mengenai haji yang dilaksanakan oleh Raja Ahmad Bin Raja Haji dan anaknya Raja Ali Haji. Lawatan haji dilakukan pada tahun 1828. Dimaklumkan bahawa Raja Ahmad jatuh sakit juga. Apabila sembuh beliau bersumpah

Cerita tentang haj untuk menunaikan fardhu haji[90] ditemui dalam makalah popular "*The Hajj*" (KP JB 1750) dikarang oleh Mubin Sheppard. Dalamnya terdapat cerita ringkas mengenai sejarah umum haji dan makna pelbagai acara pada masa haji tersebut. Makalah ini dilengkapi dengan pelbagai gambar para penziarah dari Malaya.

Buku bertajuk *A Fifty Years's Mohammedan-English Calendar* (KP JB 1745) dikarang oleh Lee Cheng San menyerupai kajian dalam bidang ilmiah yang lain iaitu dalam bidang kronologi. Buku mengandungi jadual pertukaran tarikh dalam kalendar Muslim (tarikhHijrah) dan Calendar Kristian (English calendar) pada tempoh masa sejak 1st Muharam 1341H/24th ogos 1922 AD sehingga 30th Zulhijjah 1390H/26th februari 1971 AD. Buku tersebut amat berguna untuk para ahli sejarah dan untuk semua yang berminat terhadap ilmu kronologi, sejarah dan lain-lain.

Senarai tajuk-tajuk mengenai Islam mencerminkan aliran utama dalam kajian Islam dilakukan para orientalis. Antaranya boleh disebutkan sebagai berikut:

– gerakan Islam pada kurun ke-20 dan masa kini,
– sejarah Islam terawal di alam Melayu,

---

[90]Lihat: Matheson Hooker,V. *Tuhfat al-Nafis. Sejarah Melayu-Islam.* Kuala-Lumpur:DBP, 1991, ms. 370.

- pengaruh Islam dalam adat-istiadat dan Tamadun Melayu;
- sastera Islam,
- undang-undang Islam (syari'a),
- haji dan ibadat dalam Islam,

Kebanyakannya berdasarkan kajian Barat. Ciri-ciri khas kajian adalah bahawa didalamnya Islam dan masyarakat Muslim di alam Melayu lazimnya diselidiki sebagai subjek yang terpisah iaitu bukan dalam satu konteks umum dengan sejarah Melayu dan sejarah Nusantara secara umum. Perkara ini mencerminkan pendapat bahawa Islam di alam Melayu tersebar secara kebetulan sahaja dan tidak mempengaruhi tamadun tempatan. Pendapat tersebut yang bersikap negatif terhadap Islam mengandungi kurang penilaian terhadap Islam dan orang Muslim. Pendapat sebegini mengakibatkan salah faham terhadap peranan sebenar Islam dalam sejarah alam Melayu.

GAMBAR-GAMBAR
BAHAGIAN 3
ISLAM

THE MYSTICISM OF ḤAMZAH FANṢŪRĪ

by

SYED MUHAMMAD NAGUIB AL-ATTAS

M.A. (McGill), Ph.D. (Lond).

Professor of Malay Language and Literature and
Dean of the Faculty of Arts
The National University of Malaysia
(Formerly Dean of the Faculty of Arts, University of Malaya)

KUALA LUMPUR
UNIVERSITY OF MALAYA PRESS
1970

Muka depan Buku "The Mysticism of Hamzah Fansuri" (Mistik Hamzah Fansuri)
Dikarang oleh Syed Muhammad Naauib al-Attas. (Kuala Lumpur, 1970)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

THE MYSTICISM OF ḤAMZAH FANṢŪRĪ

Gambar kaligrafi (seni khat) oleh Prof. S.M.N. al-Attas atas
Kulit buku (muka depan) karya "The Mysticism of
Mamsah Fansuri" (Mistik Hamzah Fansuri).

M.B. HOOKER

ISLAM
IN SOUTH-EAST ASIA

Kulit buku (muka depan) karya "Islam in South-East Asia" (Islam di Asia Tenggara). Dikarang oleh M.B. Hooker (Leiden, 1983)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin.

ISLAM AND ISLAMIC INSTITUTIONS IN BRITISH MALAYA

POLICIES AND IMPLEMENTATION

by

MOSHE YEGAR

Forward by

S. N. EISENSTADT

JERUSALEM 1979

THE MAGNES PRESS, THE HEBREW UNIVERSITY, JERUSALEM

Muka depan buku "Islam and Islamic Institutions in British Malaya" (Islam dan institusi-institusi Islam dalam Malaya British) Dikarang oleh Moshe Yegar (Jerusalem, 1976) Buku di simpan dalam Koleksi John Bastin.

SOUTH-EAST ASIAN SOCIAL SCIENCE MONOGRAPHS

HUSSIN MUTALIB

ISLAM AND ETHNICITY IN MALAY POLITICS

OXFORD UNIVERSITY PRESS

Kulit buku (muka depan) karya "Islam and ethnicity in Malay Politics" (Islam dan etnik dalam Politik Melayu) Dikarang oleh Hussin Mutalib (Oxford 1990) Singapura, Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin.

GAMBAR-GAMBAR
BAHAGIAN 3
ORANG MELAYU

THE MALAYS
A CULTURAL HISTORY

by

RICHARD WINSTEDT
K.B.E., C.M.G., F.B.A., D.LITT.

ROUTLEDGE & KEGAN PAUL LTD
Broadway House, 68–74 Carter Lane
London, E.C.4.

Muka depan buku "The Malays. Acultural History" (Orang Melayu. Sejarah kebudayaan) Dikarang oleh R.O. Winstedf. (London, 1956)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

PAPERS ON MALAY SUBJECTS.

[*Published by direction of the Government of the Federated Malay States.*]

LIFE AND CUSTOMS.

PART I.

THE INCIDENTS OF MALAY LIFE

SECOND EDITION: REVISED

BY

R. J. WILKINSON, C.M.G., *Governor, Sierra Leone;*
late of the S.S. & F.M.S. Civil Service

PRICE: TWO DOLLARS

SINGAPORE
KELLY & WALSH, LIMITED,
32 RAFFLES PLACE AND 194 ORCHARD ROAD

1920.

Muka depan buku "Paper on Malay Subjects. Life and Customs." (Bahan-bahan mengenai hal-ehwal Melayu. Cara kehidupan dan adat-istiadat.) Dikarang oleh R.J. Wilkinson. (Singapura, 1920) Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

MALAY MAGIC

BEING

AN INTRODUCTION TO THE FOLKLORE AND POPULAR RELIGION OF THE MALAY PENINSULA

BY

WALTER WILLIAM SKEAT

OF THE CIVIL SERVICE OF THE FEDERATED MALAY STATES

WITH A PREFACE

BY

CHARLES OTTO BLAGDEN

MEMBER OF THE ROYAL ASIATIC SOCIETY, AND FORMERLY OF THE STRAITS SETTLEMENTS CIVIL SERVICE

London

MACMILLAN AND CO., LIMITED

NEW YORK: THE MACMILLAN COMPANY

1900

All rights reserved

Muka depan buku "Malay Magic" (Sihir Melayu). Dikarang oleh Walter William Skeat. (London, 1900) Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

9. The Malays and the Javanese, hand-coloured copper engraving from Jan van Linschoten, *Itinerario*, 1596. The legend reads 'Inhabitants of Malacca, the best speakers, the most polite and the most amorous of the East Indians. Inhabitants of Java, who are hard-headed and obstinate.' (Antiques of the Orient)

Orang Melayu dan orang Java. Gambar dari buku "Itinerario" (1596) dikarang oleh Jan van Linschoten.

To Molly
With the Authors Compliments
G. B. Gardner
20.7.39

KERIS

AND

Other Malay Weapons

(with 91 illustrations)

BY

G. B. GARDNER,
Johore Civil Service.

EDITED BY

B. LUMSDEN MILNE.

1936
PROGRESSIVE PUBLISHING COMPANY,
150, KILLINEY ROAD,
SINGAPORE.

Muka depan buku "Keris and Other Malay Weapons "(Keris dan Senjata Melayu yang lain) Dikarang oleh G.B. Garden (Singapore, 1936)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastim.

IMAGES OF ASIA

The Kris

Mystic Weapon of the Malay World

EDWARD FREY

OXFORD UNIVERSITY PRESS

SECOND EDITION

Kulit buku (muka depan) karya "The Kris. Mystic Weapon of the Malay wored" (Kris. Senjata mistic dari Alam Melayu) Dikarang oleh Edward Frey. (Oxford, 1989). Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

Hakcipta Terpelihara © 2011 – Perpustakaan Negara Malaysia

Rumah Melayu Tradisional

IMAGES OF ASIA

Building a Malay House

PHILLIP GIBBS

OXFORD UNIVERSITY PRESS

Kulit buku (muka depan) karya "Building a Malay House." (Pembinaan Rumah Melayu) Dikarang oleh Phillip Gibbs. (Oxford, 1987)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

5. In this late nineteenth-century portrait of Mrs Tan Beng Wan, she wears a Malay-style batik *baju*, pinned with three *kerosang*, over a sarong, and velvet *kasut blidong* on her feet. Although she was a Singapore Nonya, Malacca was her ancestral home. (National Museum, Singapore)

Nyonya (Mrs Tan Beng Wan) dalam Baju Melayu Batik. Portret kurun ke-19.

35. An elderly *nyonya* in traditional dress, 1917 (Courtesy of Madam Ee Kit Neo). (*Chapter 32: The Straits Chinese in Melaka, plate I*)

Nyonya (Madam Ee Kit Neo) dalam baju Melayu tradisional. 1917, Melaka.

Kulit Buku "Songket. Malaysia's Woven Treasure" (Songket. Khazanah Tenunan Malaysia) Dikarang oleh Grace Inpam Selvanayagam. (Oxford-Singapura, 1991) Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin.

L'ESPÈCE HUMAINE
14

LE THÉATRE D'OMBRES A KELANTAN

par Jeanne Cuisinier

Préface de Jean Filliozat

nrf
GALLIMARD

Kulit buku (muka depan) Buku "Le Theatre D'Ombres A Kelantan"
(Teater Wayang Kelantan) Dikarang oleh Jeanne Cuisinier.
(Paris, 1957) Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

SOUTH-EAST ASIAN SOCIAL SCIENCE MONOGRAPHS

EDITED BY
WAZIR JAHAN KARIM

EMOTIONS OF CULTURE
A MALAY PERSPECTIVE

OXFORD UNIVERSITY PRESS

Kulit buku (muka depan) karya "Emotions of culture. A Malay Perspective" (Emosi kebudayaan. Perspektif Melayu.) Disusun oleh Wazir Jahan Karim. (Oxford Singapura, 1990) Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin.

Bunga Rampai:
Aspects of
Malay Culture

Mohd. Taib Osman

Kulit buku (muka depan) karya "Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture" (Bunga Rampai: Ciri-ciri Kebudayaan Melayu) Dikarang oleh Mohd. Taib Osman. (Kuala Lumpur, 1988) Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin

Captain A. G. Course

PIRATES OF THE EASTERN SEAS

FREDERICK MULLER

Kulit buku (muka depan) karya "Pirates of the Eastern Seas" (Lanun dari Laut-laut Timur) Dikarang oleh Captain A.G. Course London, 1966) Buku di simpan dalam Koleksi John Bastin.

Malay Ideas on Development

From Feudal Lord to Capitalist

DR SHAHARUDDIN MAARUF

Kulit buku (muka depan) karya "Malay Ideas on Developement" (Idea Melayu mengenai pembangunan) Dikarang oleh Dr. Shaharuddin Maaruf. (Singapura, 1988) Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin.

the origins of malay nationalism

w.r.roff

Kulit buku (muka depan) karya "The Origins of Malay Nationalism" (Asal usul Nationalisme Melayu). Dikarang oleh W.R. Roff. (Kuala Lumpur, 1980) Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin.

THE
MALAY
DILEMMA
MAHATHIR
BIN
MOHAMAD

Kulit buku (muka depan) karya "Malay Dilemma" (Dilema Melayu)
dikarang oleh Mahathir Bin Mohamad (Kuala Lumpur, 1981)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin.

THE MYTH OF THE LAZY NATIVE

A study of the image of the
Malays, Filipinos and Javanese
from the 16th to the 20th century
and its function
in the ideology of colonial capitalism

SYED HUSSEIN ALATAS

*Professor of Malay Studies,
University of Singapore*

FRANK CASS : LONDON

Muka depan buku "The Myth of the lazy Native" (Mitos tentang bangsa Pemalas). dikarang oleh Syed Husain Alatas. (London, 1977)
Buku disimpan dalam Koleksi John Bastin.

PENUTUP

Koleksi John Bastin adalah koleksi peribadi terbesar yang pernah diperolehi PNM pada tahun 1995. John Bastin adalah seorang profesor dalam pengajian sejarah Malaya dan Indonesia. Beliau adalah pengasas kepada pengajian sejarah di Universiti Malaya dan adalah dekan fakulti sastera yang pertama di universiti tersebut sebelum berpindah untuk menghabiskan perkhidmatannya sebagai pensyarah dalam pengajian sejarah moden Asia Tenggara di University of London. Kerjayanya sebagai seorang yang amat dekat dengan sejarah telah menjadikannya sebagai seorang yang banyak mengumpul pelbagai buku mengenai Tanah Melayu yang merangkumi hampir kesemua bidang kajian mengenai negara ini. Dari lebih 3,000 judul ini terdapat buku mengenai arkeologi, pertanian, perlombongan, botani, perbankan dan perikanan. Namun kekuatan koleksi ini adalah dalam bidang sejarah (Tanah Melayu) termasuk pentadbiran kerajaan, politik, kisah pengembaraan etnogeografi dan alam semulajadi pada abad ke 19 dan ke 20. Koleksi beliau merangkumi koleksi terpilih tentang penerbitan bahasa dan kebudayaan Melayu, pendidikan, Perang Dunia Kedua, penaklukan Jepun ke atas Malaya dan Singapura serta zaman darurat Komunis Malaya yang terjadi berikutan selepas itu. Koleksi beliau juga termasuk buku yang berbentuk memoir dan biografi hasil penulisan bekas Residen British atau pegawai British yang pernah berkhidmat di Malaya. Terdapat juga dalam koleksi ini beberapa buku fiksyen dan buku kanak-kanak. Koleksi ini disediakan dengan katalognya sendiri dalam dua jilid.*Catalogue of the Malayan Library of John Bastin.*

Koleksi John Bastin ini merupakan suatu sumber sejarah dan historiografi yang amat penting. Analisis Koleksi John Bastin sebagai suatu kesatuan sumber historiografi adalah sangat penting dalam kajian tradisi ilmu dan historiografi di alam Melayu. Analisis ini dapat menjelaskan dan menafikan prasangka atau salah faham tentang pelbagai unsur tamadun Melayu dan khazanah persuratan Melayu, selain memajukan dialog antarabangsa antara umat Islam dengan alam Barat di dunia yang moden ini.

Kajian koleksi John Bastin berdasarkan pelbagai kaedah penelitian, iaitu klasifikasi bahan-bahan koleksi tersebut menurut kriteria tertentu-analisis perbandingan; analisis statistik; analisis subjek. Sebagai kriteria klasifikasi kita memilih subjek seperti berikut, iaitu format bahan; asal usul bahan ; bahasa; tempat penerbitan; tarikh penerbitan; pengarang/editor; dan subjek bahan/isi bahan-bahan.

Kriteria asal usul bahan dan pengarang membantu kita untuk menentukan pelbagai pusat penelitian alam Melayu di seluruh dunia. Kriteria "bahasa" dan "tempat penerbitan" menunjukkan kajian Melayu dari pelbagai negara, selain menunjukkan pusat percetakan karya utama berkaitan tamadun Melayu. Data tentang "tarikh penerbitan" menjelaskan pelbagai zaman dalam sejarah kajian alam Melayu dan ciri-ciri khasnya.

Analisis bahan-bahan koleksi John Bastin dari sudut pendapat subjek/ isi mencerminkan subjek-subjek utama dalam penelitian alam Melayu di negara-negara Barat dan di Nusantara; kelebihan dan kekurangannya serta ciri-ciri khas bagi setiap tradisi penelitian tersebut; pelbagai konsep dan pendapat ilmiah terhadap tamadun dan masyarakat Melayu.

Semua bahan-bahan koleksi John Bastin disenaraikan dalam Katalog yang bertajuk *"The Malayan Library of Dr. John Bastin"*. Katalog tersebut adalah terbahagi kepada 2 jilid. Senarai bahan-bahan yang terdapat di dalamnya

disusun mengikut perkara. Maklumat-maklumat tersebut kebanyakannya mengandungi nama pengarang, tajuk, penerbitan (tempat, tarikh, penerbit/ percetakan, jumlah muka surat dan lain-lain). Terdapat juga anotasi, tetapi lazimnya ulasan tersebut terlalu ringkas dan tidak menggambarkan isi buku secara lengkap.

Memang tidak dinafikan kajian semua koleksi sebagai satu kesatuan dalam rangka satu projek adalah paling menarik, fundamental dan berguna. Tetapi jumlah bahan-bahan yang disimpan dalam koleksi John Bastin terlalu banyak untuk dilaksanakan pengkajian terhadap semua bahan-bahan tersebut dalam tempoh satu tahun. Kajian koleksi secara keseluruhan mengambil masa 5-6 tahun atau lebih. Oleh kerana tempoh projek terhad kepada satu setengah tahun, penulis (Dr. Tatiana) memilih 3 subjek utama, iaitu: sejarah purba dan arkeologi Melayu; kajian tentang Melaka; Orang Melayu dan tamadun Melayu. Bahan-bahan tersebut disenaraikan dalam 3 bahagian katalog, iaitu:

1. *Ancient History and Archaeology*.
2. *Melaka*
3. *The Malays and Malay culture.*

Penulis juga menumpukan perhatian kepada pendapat para ilmuwan Barat dan cendekiawan tempatan (Malaysia, Indonesia, Singapura) mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu. Penulis menjelaskan pendapat ilmuwan barat /tempatan tentang Islam sebagai asas tamadun Melayu yang tidak boleh dipisahkan dan peranan Islam dalam sejarah alam Melayu.

Perkara *Ancient History* and *Archaeology* disenaraikan dalam bahagian Pertama di dalam Katalog Koleksi John Bastin. Tajuk-tajuk tersebut (jumlahnya total – 60 judul) mengandungi bahan-bahan tentang zaman pra-sejarah, sejarah purba, antropologi, arkeologi dan epigrafi di alam Melayu. Analisis statistik menunjukkan bahawa hasil kajian dalam bidang

ini diterbitkan dalam pelbagai format termasuk monograf (19); buku kecil (1); makalah (34); kertas kerja (6). Terbitan yang terawal dalam koleksi ini bertarikh tahun 1928; sementara yang terbaru diterbitkan pada tahun 1992. Bahan-bahan yang disenaraikan dalam bahagian tersebut kebanyakannya diterbitkan pada tempoh masa 1950-1980; tempat penerbitannya yang sering disebutkan adalah Singapura dan Kuala Lumpur. Hal ini membuktikan bahawa dalam masyarakat Malaysia terutama selepas kemerdekaan, perhatian lebih berat telah diberikan kepada ilmu dan kajian tentang tamadun dan sejarah kebangsaan

Analisis senarai nama-nama pengarang (Bahagian Pertama) membantu kita memahami keadaan yang sahih dan juga tahap perkembangan kajian alam Melayu di Barat. Dalam koleksi John Bastin tersimpan karya para Orientalis yang amat terkenal seperti R.O. Winstedt, R.Braddel, *M.W.F. Tweedie, W.Linehan*; *Alastair Lamb, Paul Wheatly, O.Wolters dan lain-lain.* Analisis senarai nama-nama pengarang menunjukkan bahawa John Bastin (sebagai pemilik dan pengumpul koleksi) menumpukan banyak perhatian kepada bidang arkeologi dan toponimi, pra-sejarah dan unsur-unsur tamadun Hindu-Buddha. Analisis susunan mencerminkan bahawa John Bastin sendiri mengikut konsep "Greater India" yang amat popular dalam kalangan ilmuwan Barat.

Analisis susunan koleksi dari segi isinya dan bidang (perkara) utama menunjukkan bahawa dalam koleksi tersebut tersimpan bahan-bahan tentang pra-sejarah dan sejarah lama di alam Melayu. Bidang ini bersesuaian dengan minat dan pandangan ilmiah John Bastin. Kebanyakannya tentang penggalian arkeologi di kampung-kampung Hindu-Buddha, tentang epigrafi sebelum Islam dan nama-nama tempat (toponimi). Terdapat juga beberapa tulisan mengenai catatan pengembara dan sumber sejarah yang lain.

Dalam koleksi ini tersimpan beberapa kajian tentang antropologi dan pra-sejarah. Antaranya karangan oleh W.L.H. Duckworth, Richard Shulter, Zuraina Majid, H.D.Tjia dan lain-lain. Semua maklumat ini menunjukkan bahawa alam Melayu merupakan salah satu pusat penempatan dan kebudayaan umat manusia yang amat purba. Terdapat juga kajian tentang Zaman Batu dan Zaman Gangsa. Bahan-bahan ini membantu kita memahami keadaan yang sahih dan juga kehidupan manusia di alam Melayu pada zaman purba, antara lain sejarah pertanian dan pertukangan yang terawal. Terdapat juga data-data berkaitan tamadun tanaman beras. Menurut pengarang, tamadun tanaman padi wujud pada awalnya di Asia Tenggara dan selepas itu tersebar ke China dan kawasan lain. Hasil penggalian arkeologi di tempat-tempat perlombongan logam purba membuktikan bahawa tamadun perlombangan logam (termasuk emas) dan pembuatan barang-barang logam (emas) di alam Melayu wujud sejak zaman Neolith lagi. Ternyata tamadun tersebut adalah amat purba serta semula jadi (tempatan). Maklumat tersebut menyangkal prasangka bahawa kebudayaan Nusantara adalah hanya campuran pelbagai tamadun lain, terutama India dan China dan tidak mengembangkan apa-apa hasil pun yang boleh dianggap sebagai unsur tamadun sendiri, tamadun semula jadi.

Koleksi John Bastin mengandungi banyak buku tentang sejarah lama dari 1000SM sehingga zaman Srivijaya antara (kurun ke-7 hingga 10M). Isi dan jenisnya amat pelbagai. Antara perkara utama perlu disebutkan adalah mengenai hubungan alam Melayu dengan negara-negara purba yang lain (Greece, Rom, kawasan Laut Mediterranean, Timur Tengah, India, China dan lain-lain); kajian tentang peranan India di alam Melayu (konsep Greater India); kajian tamadun Melayu asal; dan juga kajian tentang negara-negara tempatan (Langkasuka, Srivijaya dan lain-lain) yang sering dikaji dalam bidang arkeologi, epigrafi dan toponimi.

Koleksi John Bastin menyimpan banyak karangan mengenai tamadun Hindu Buddha dan peranan India di alam Melayu. Menurut pendapat para Orientalis Barat, tamadun Melayu dan tamadun Nusantara wujud dan berkembang berdasarkan tamadun India serta dipengaruhi oleh tradisi Hindu-Buddha. Konsep tersebut dikenali sebagai *Konsep Greater India*.

Walaupun buku-buku tentang arkeologi, epigrafi dan toponimi kebanyakannya menumpukan perhatian terhadap unsur-unsur tamadun sebelum Islam, di dalamnya terdapat juga bahan-bahan tentang artifak-artifak tamadun Islam yang terawal. Misalnya: batu nisan dengan nama "Allah" dari Pengkalan Kempas (Negeri Sembilan), barangan dan matawang (dirham) buatan Arab/Muslim dari penggalian arkeologi di tepi pantai Sungai Lembah Bujang (Kedah), batu nisan Syeikh Ahmad Majnun yang mempunyai tulisan dalam huruf Jawi dan huruf Jawa purba dan lain-lain. Batu-batu nisan ini membuktikan bahawa orang Islam tidak menghapuskan unsur-unsur tamadun yang lain. Sebaliknya mereka mengekalkan serta menggunakan artifak-artifak daripada tradisi lain apabila barang-barang tersebut tidak bercanggah dengan peraturan Islam.

Dalam koleksi John Bastin terdapat banyak karya-karya yang berkaitan dengan kajian nama-nama tempat (ilmu toponimi). Antaranya buku-buku R.Braddel, F. Douglas, S.Q. Fatimi, Hsu Yun-Ts'ao, W.Linehan, J.W.Mills, P.Wheatly, J.Moens, W.Kao dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut memperincikan hasil-hasil penelitian daripada pelbagai zaman iaitu sejak zaman pra-sejarah sehingga zaman pertengahan. Kajian tersebut membantu penyelidikan tentang ciri-ciri khas tamadun tempatan dan unsur-unsur budaya lain, malah juga menunjukkan hubungan di antara pelbagai bangsa dan negara sejak zaman purba sehingga kini. Justeru, ilmu toponimi digunakan untuk menentukan ejaan letaknya nama-nama tempat yang disebut dalam pelbagai teks dan peta. Dalam beberapa buku terdapat analisis perbandingan ejaan nama-nama tempat yang disebutkan

dalam sumber India, China, Arab, Eropah. Maklumat tersebut amat menarik kerana menunjukkan ciri-ciri istimewa tamadun Melayu iaitu sikap terbuka terhadap kebudayaan lain.

Dalam koleksi John Bastin terdapat banyak karya yang berkaitan dengan catatan pengembara. Lazimnya para ilmuwan menggunakan bahan-bahan ini bersama dengan sumber-sumber sejarah lain untuk membetulkan semula sejarah alam Melayu, terutama sejarah zaman purba. Antaranya termasuk tulisan para pelaut dari zaman purba (pada kurun-kurun SM) sehingga ke zaman moden (iaitu kurun ke-19 hingga 20). Tulisan ini mengandungi catatan orang Eropah (Greek dan Rom Purba, Spain, Portugis, Belanda, Inggeris, Perancis dan lain-lain), serta tulisan orang Cina, India dan Arab. Berdasarkan analisis catatan pengembara dan bahan-bahan epigrafi, arkeologi, toponimi dan lain-lain, para ilmuwan membuat kesimpulan bahawa alam Melayu adalah salah satu pusat kebudayaan umat manusia yang amat purba. Menurut pendapat R.Braddel, F.W.Douglas dan lain-lain di antara para pelaut purba yang pertama datang ke Nusantara adalah Sumero-Akkadians (4000-3000SM) dari Mesopotamia. Artifak-artifak dari galian arkeologi di Johor dan Sarawak membuktikan bahawa pada kurun ke-7 hingga 5SM saudagar-saudagar *Phoenicians* pernah singgah di alam Melayu dan Arab purba bagi mengawal perjalanan perdagangan tersebut sejak dahulu. Sheba dan Hadramaut pula, boleh dianggap sebagai rakan perdagangan dengan Nusantara pada zaman purba. Ternyata kepulauan Melayu menjadi terkenal di negara-negara Mesopotamia, Mesir purba, Babylon dan tempat lain sebagai pusat kebudayaan dan perdagangan sejak dahulu lagi. Tamadun dalam koleksi ini menunjukkan peranan Asia Tenggara dan alam Melayu dalam sejarah manusia.

Dalam koleksi John Bastin juga tersimpan buku-buku yang memperihalkan hasil kajian yang komprehensif, iaitu berasaskan pelbagai kaedah ilmiah. Analisis ke atas maklumat koleksi ini menunjukkan secara jelas bahawa

ciri-ciri khas tamadun Melayu adalah *bersifat terbuka* terhadap tradisi-tradisi lain dan *sifat keperibadian* (keaslian) iaitu kesetiaan terhadap akar umbi kebangsaan. Sejak dahulu lagi Kepulauan Melayu menjadi pusat pertukaran tamadun dan kebudayaan antarabangsa. Hal ini menyebabkan terbentuknya sifat *keterbukaan* itu. Justeru, itu orang Melayu yang tinggal di kepulauan dianggap penduduk kepulauan. Penduduk kepulauan ialah manusia yang tinggal di dalam sebidang tanah yang dikelilingi oleh laut dan dipisahkan dari dunia lain, mengambil berat akan tradisi sendiri, sangat menyayangi tanah air dan adat-istiadat kebangsaan. Hal ini bererti *sifat keperibadian* dan kesetiaan terhadap adat-istiadat dan tradisi sendiri merupakan asas kesedaran kebangsaan.

Analisis koleksi John Bastin dan bahagian pertama katalog koleksi tersebut yang bertajuk "*Ancient History and Archaeology*" mendapati bahagian yang pertama menyenaraikan buku-buku tentang pelbagai perkara dan masa iaitu sejak zaman pra-sejarah (ribuan tahun SM) sehingga kurun ke-15 hingga 16, iaitu pada zaman Melaka. Ternyata John Bastin yang menyusun katalog ini seolah-oleh berpendapat, sejarah kurun ke-15 sehingga 16 boleh dianggap sebagai *sejarah purba* bersamaan dengan zaman Pleistocene, Zaman Batu, Zaman Besi dan lain-lain. Periodisasi tersebut mencerminkan bahawa para Orientalis Barat membahagikan sejarah alam Melayu hanya kepada 3 period: *pra-sejarah* iaitu peristiwa-peristiwa sebelum orang India datang ke alam Melayu; *zaman Hindu-Buddha* iaitu "zaman emas", zaman kemuncak keagungan budaya Melayu; *zaman kemerosotan budaya Melayu* iaitu zaman selepas kedatangan Islam. Pendapat tersebut berasaskan konsep Greater India. Pengikut konsep tersebut, termasuk John Bastin sendiri tidak memerhatikan peranan Islam di alam Melayu dan perubahan kesan daripada penyebaran Islam di kawasan tersebut. Penilaian orientalis yang kurang serta sikap negatif terhadap Islam telah menyekat kesahihan sejarah. Dalam katalog ini tidak dimasukkan bahagian khusus buku tentang epigrafi Islam, arkeologi Islam, sejarah Islam yang terawal iaitu sejarah

kedatangan dan penyebaran Islam di alam Melayu sejak kurun ke-7 hingga 8 (kurun Pertama hingga 2H).

Perkara tentang Melaka disenaraikan dalam Bahagian Kedua Katalog Koleksi John Bastin. Jumlahnya ialah 126 judul. Kebanyakannya diterbitkan dalam bentuk makalah (59 judul) dan monograf (46 judul). Karya-karya tersebut diterbitkan sejak tahun 1726 sehingga 1993, menggambarkan historiografi kajian mengenai Melaka selama 267 tahun. Ternyata subjek tentang Melaka adalah subjek kajian yang sangat penting dan menarik perhatian para Orientalis sejak kurun ke-18 sehingga 20. Tempat penerbitan yang paling kerap ditemui adalah Singapura. Ternyata Singapura menjadi pusat penerbitan/percetakan bahan-bahan tentang alam Melayu sejak kurun ke-19 lagi.

Banyak maklumat tentang Melaka ditemui dalam pelbagai majalah yang diterbitkan oleh lembaga-lembaga mubaligh agama Kristian. Para mubaligh dan misinya menyelidiki alam Melayu secara aktif, menulis catatan pengembara, catatan harian, laporan dan lain-lain. Ternyata majalah-majalah dan terbitan mubaligh Kristian dianggap oleh para orientalis sebagai sumber sejarah yang amat penting mengenai Melaka dan alam Melayu sejak kurun ke 18 sehingga ke-19. Kegiatan penulisan tokoh agama Kristian (mubaligh, paderi, rahib dan lain-lain) biasanya dianggap sebagai satu bahagian (zaman) yang istimewa dalam historiografi kajian Timur di Barat. Karangan tersebut ditulis oleh lembaga mubaligh yang datang ke alam Melayu dan ke negara-negara Islam yang lain dengan tujuan yang amat praktikal. Mereka datang untuk mengumpul bahan yang boleh digunakan bagi menyebarkan agama Kristian, melawan Islam dan agama-agama lain, mendapat kekayaan dan kawalan atas perniagaan, menjajah negara di bawah dan di atas angin. Tujuan tersebut lazimnya memastikan subjek-subjek dan cara catatan mereka, serta mengakibatkan sifatnya *euro-centrism* dan kesombongan serta sikap anti-Islam. Dalam

katalog disenaraikan karangan pelbagai mubaligh dan tokoh agama Kristian yang pernah singgah ke alam Melayu sejak kurun ke-16 hingga 19, iaitu *G.E.Marrison, Francois Valenttijn, Revd. John Smith, T.J.Hardy, David Collie, William Milne, Manuel Teixeira* dan lain-lain.

Dalam koleksi John Bastin tersimpan juga pelbagai catatan semasa yang merupakan *karangan saksi* iaitu orang Eropah yang menggambarkan peristiwa-peristiwa dan keadaan di Melaka dan alam Melayu. Mereka pernah menyaksikan dengan mata mereka sendiri tentang keadaan Melaka atau alam Melayu dan mereka pernah ikut serta di dalamnya. Misalnya: *Francisco de Sa de Menesis, Tome Pires, Francesco Carletti, Walter De Gray Birch, Manoel Godinho de Eredia, Baretto de Resende, Balthasar Bort, J.C. Baane, J.B. Westerhoud* dan lain-lain. Karya yang dikarang oleh orang Melayu hampir tidak ada. Analisis susunan koleksi dari sudut pengarang (penulis, editor) menunjukkan bahawa bahan-bahan tentang Melaka yang disimpan di dalamnya kebanyakannya dikarang oleh orang Eropah dan mengandungi data-data mengenai orang Eropah di Melaka serta mengenai zaman penjajahan Eropah. Karya-karya tersebut lazimnya menggambarkan peristiwa-peristiwa dari sudut pendapat para penjajah.

Justeru, prinsip penyusunan koleksi ini mencerminkan pandangan dan keutamaan John Bastin yang memilih banyak karya daripada pengarang Barat daripada karangan orang tempatan (terutama Muslim). Dalam bahagian kedua katalag tersebut hampir tidak ditemui pelbagai karangan tentang tamadun Islam di Melaka dan zaman kerajaan Melayu Melaka. Sebabnya buku-buku tersebut menumpukan perhatian kepada zaman kerajaan Melayu Islam Melaka dan kepada peranan orang Melayu di dalam sejarah dan perkembangan Melaka. Kajian ini menjelaskan kepentingan Islam dalam sejarah dan tamadun Melaka serta membuktikan pengaruhan Islam dalam kemajuannya. Kajian John Bastin dan para orientalis Barat kebanyakannya lebih terarah kepada sumber sejarah Eropah. Sumber

sejarah tempatan (termasuk kajian para ilmuwan tempatan) lazimnya tidak dianggap sebagai sumber yang boleh dipercayai.

Hasil analisis susunan koleksi John Bastin dari sudut kandungan bahan menunjukkan bahawa karangan para orientalis Barat mengenai Melaka kebanyakannya lebih tertumpu kepada kegiatan orang Eropah di Melaka. Karangan mereka tidak mengandungi maklumat tentang orang tempatan terutama tentang orang Melayu Islam. Hal ini mencerminkan sikap *euro-centrism* yang merupakan ciri khas kajian Barat mengenai sejarah alam Melayu termasuk Melaka

Maklumat mengenai orang Eropah di Melaka amat menarik dan penting bagi memahami sejarah penjajahan alam Melayu dan kegiatan orang Eropah di kawasan tersebut. Terdapat pelbagai jenis karangan antaranya: catatan pengembara Eropah (kurun ke-16 sehingga 19); laporan rasmi para pegawai pentadbiran (Portugis, Belanda, Inggeris); catatan kenangan (peringatan) peribadi yang dikarang oleh para saksi semasa (sezaman); laporan dan catatan para mubaligh; dan juga kajian ilmiah mengenai orang Eropah di Melaka. Kebanyakan buku-buku tentang orang Eropah di Melaka menggambarkan zaman utama dalam sejarah penjajahan alam Melayu iaitu *zaman Portugis, zaman Belanda* dan *zaman Inggeris*.

Maklumat tentang orang Eropah di Melaka mencerminkan pelbagai konsep mengenai sejarah alam Melayu dan sejarah alam Islam secara umumnya. Misalnya, *Konsep Zaman Pembukaan Dunia yang Agung* (*The Age of Discovery or Age of Exploration*). Menurut konsep tersebut sebelum kedatangan orang Eropah semua negara lain di seluruh dunia berada dalam kegelapan dan keadaan jahiliyah. Berdasarkan prasangka tersebut, orientalis Barat membahagikan sejarah alam Melayu ke dalam dua *period* iaitu period pertama adalah *zaman sebelum kedatangan orang Eropah iaitu Zaman Sejarah Purba (Ancient History)* dan period kedua *iaitu zaman selepas*

kedatangan orang Eropah iaitu zaman Sejarah Modern (Modern History). Analisis kandungan koleksi John Bastin menunjukkan bahawa beliau sendiri adalah pengikut *Konsep Zaman Pembukaan Dunia yang Agung* (*The Age of Discovery or Age of Exploration*). Walaupun di dalam katalog koleksi disenaraikan banyak tajuk tentang sejarah kedatangan orang Eropah ke negara Timur (termasuk Asia Tenggara dan alam Melayu), Buku yang menggambarkan peristiwa tersebut dari sudut pandangan yang lain tidak disebutkan di dalamnya.

Dalam koleksi John Bastin juga dinyatakan maklumat mengenai **sejarah penjajahan Portugis** berdasarkan catatan pengembara dan catatan harian orang Portugis, atau sumber sejarah yang lain. Maklumat-maklumat tersebut membantu kita supaya memahami ciri-ciri khas zaman penjajahan Portugis. Tujuan utama penaklukan Portugis adalah untuk memusnahkan Islam; mengusir orang Muslim; menyebarkan agama Kristian; mengawal perdagangan rempah ratus dan mengutip keuntungannya. Ciri-ciri khas kegiatan politik Portugis di alam Melayu adalah untuk menampung harta dan kekayaan negara takluknya (terutama negara Muslim); mengusir orang Muslim dari negara-negara mereka; mengguna dan menyokong golongan bangsawan dan saudagar Hindu yang bersengketa dengan orang Muslim; menyebar agama Kristian secara paksa supaya menghapuskan pengaruh Islam; menggalakkan perkahwinan campur diantara orang Portugis dengan perempuan tempatan untuk membina masyarakat Kristian yang lebih luas di Melaka.

Analisis karya-karya para mubaligh Kristian yang disimpan dalam koleksi John Bastin membantu kita untuk memahami atau membina semula sejarah penyebaran agama Kristian di alam Melayu dan hubungan antara orang Kristian Portugis, orang Muslim serta orang-orang yang berbangsa lain dan beragama lain (termasuk orang Armenia, Yahudi, Buddha dan lain-lain). Karangan tokoh-tokoh gereja Katolik mengenengahkan pelbagai

kaedah-kaedah penyebaran agama Kristian: perkahwinan campur; pendirian sekolah-sekolah Jesus; pengajaran hal ehwal agama Kristian dalam bahasa Melayu (tempatan); terjemahan buku-buku agama Kristian ke dalam bahasa Melayu; penyebaran agama Kristian di kalangan kanak-kanak tempatan; penggunaan *orang Kristian baharu* (kebanyakannya orang Hindu tempatan) sebagai para mubaligh agama Kristian. Namun, maklumat tentang orang Melayu Muslim yang menjadi orang Kristian pada masa itu tidak ditemui.

Koleksi John Bastin mengandungi juga pelbagai catatan peringatan (memorials) orang Portugis yang dikarang oleh pegawai pentadbiran Portugis di Melaka dan juga saksi sezaman yang lain (iaitu pada kurun ke-16 sehingga ke-17). Dalamnya terdapat maklumat-maklumat yang lazimnya menafikan pelbagai prasangka yang tersebar di kalangan orang Eropah mengenai alam Melayu dan sejarah dakwah Islam di Nusantara.

Dalam koleksi John Bastin disimpan pelbagai karya ilmiah moden yang dikarang berdasarkan sumber Portugis. Walaupun kebanyakan buku tersebut lazimnya mengulangi prasangka dan kesilapan yang dirakamkan dalam teks yang lama, dalamnya terdapat juga kajian yang fundamental dan objektif. Misalnya karya M.A.P.Meilink-Roelofsz yang menafikan prasangka bahawa pada kurun ke-15 sehingga ke-17 orang Melayu melaksanakan hanya perdagangan runcit sahaja.

Dalam katalog koleksi John Bastin disenaraikan 23 tajuk yang berkaitan dengan **sejarah orang Belanda di alam Melayu.** Analisis susunan koleksi tersebut menunjukkan bahawa didalamnya tersimpan buku-buku berdasarkan catatan peringatan kakitangan Kompeni Belanda dan bahan-bahan arkib pentadbiran Belanda di alam Melayu; karangan ilmiah mengenai zaman Belanda yang dikarang oleh para Orientalis Barat; karya mengenai misi mubaligh Belanda di alam Melayu; buku mengenai batu

nisan Kristian dari pada zaman Belanda dan lain-lain. Analisis koleksi tersebut mengesahkan bahawa tujuan utama kedatangan orang Belanda ke alam Melayu adalah untuk ekonomi dan perdagangan tetapi bukan hal ehwal agama. Ternyata susunan koleksi John Bastin mencerminkan aliran/ subjek utama dalam penelitian alam Melayu (*Malay Studies*) di seluruh dunia.

Maklumat mengenai zaman kerajaan Belanda di Melaka menggambarkan sejarah orang Belanda dan kegiatan mereka di Melaka (dan di alam Melayu). Kebanyakannya bersifat *euro-centrisme* dan tidak menumpukan perhatian kepada tamadun Melayu dan kehidupan orang Melayu. Kenyataan Belanda terhadap orang Melayu dan tamadun Melayu Islam lazimnya bersikap negatif. Justeru itu *sifat* atau *isi* sikap euro-centrism telah berubah, iaitu: para pengarang Belanda tidak menganggap orang Melayu Islam sebagai musuh hanya kerana mereka adalah orang Muslim. Karangan orang Belanda mengandungi kurang penilaian terhadap orang Melayu dari segi sudut praktikal terutama dari segi penggunaan mereka sebagai tenaga kerja. Perihal agama tidak disebutkan.

Karangan ini membantu kita memahami tujuan utama kedatangan orang Belanda ke alam Melayu dan ciri-ciri khas kerajaannya. Tujuan orang Belanda yang utama adalah berkaitan dengan ekonomi dan bukan dengan hal ehwal agama. Kompeni Belanda datang ke Nusantara (termasuk Melaka) untuk mendapat hak istimewa (monopoli) dalam perdagangan, mengawal kekayaan dan kewangan di negara jajahannya pengeluaran logam (termasuk emas), kain, barangan kemas, perkapalan dan pelayaran, tanah dan pertanian dan lain-lain.

Terdapat maklumat tentang perdagangan hamba yang dikawal oleh orang Belanda. Dinyatakan data mengenai jumlah hamba (abdi), bidang penggunaannya, pembekalan, gender dan penggunaan tenaga kerja anak-

anak hamba. Maklumat tersebut membuktikan bahawa Kompeni Belanda menggunakan tenaga hamba secara luas di pelbagai bidang. Maklumat tersebut menafikan prasangka bahawa orang Eropah (termasuk orang Belanda) memajukan masyarakat Melayu dan membuka peluang kepada orang tempatan kaedah ekonomi yang paling *progressive.*

Analisis maklumat mengenai perdagangan dan monopoli Belanda menunjukkan bahawa hal ehwal hak monopoli dalam perniagaan adalah subjek yang utama dalam hubungan di antara orang Belanda dan raja tempatan. Keuntungan dan cara pembahagiannya di antara Kompeni Belanda dan orang-orang besar tempatan lazimnya menjadi alasan pergaduhan diantara mereka. Hal agama atau tamadun hampir tidak disebutkan dalam teks tersebut. Terdapat banyak maklumat yang membuktikan bahawa kegiatan orang Belanda mengakibatkan kemunduran Melaka pada kurun ke-17.

Dalam koleksi John Bastin tersimpan juga tajuk-tajuk yang berkaitan dengan sejarah mubaligh Protestan Belanda yang pernah singgah ke Melaka. Misalnya karangan Francios Valentyn. Analisis perbandingan karya Valentyn dengan catatan para mubaligh Katolik Portugis menunjukkan bahawa karangan Valentyn mengandungi lebih banyak data yang objektif tentang tamadun Melayu dan orang Islam Melayu. Ternyata sikap permusuhan terhadap Islam dalam karangan Valentyn berkurangan sedikit jika dibandingkan dengan teks-teks mubaligh Portugis pada kurun ke-16 sehingga ke-17. Catatan Valentyn membuktikan bahawa golongan orang alim Islam (sayyid, sheikh, fakih dan ulama yang lain) memajukan tamadun orang Melayu dan mereka amat berpengaruh dalam masyarakat Melayu.

Dalam bahagian ke-dua katalog koleksi John Bastin disenaraikan 21 tajuk mengenai **zaman kerajaan Inggeris di Melaka.** Sebenarnya dalam koleksi John Bastin disimpan banyak buku tentang orang Inggeris di alam

Melayu. Terdapat pelbagai catatan pengembara Inggeris, catatan kenangan (memoirs) dan catatan harian (diary) para pegawai pentadbiran Inggeris; dan juga kajian ilmiah tentang pelbagai unsur kegiatan orang Inggeris di alam Melayu termasuk Melaka dan lain-lain.

Maklumat tersebut menggambarkan tujuan pentadbiran Inggeris yang utama di Melaka. Tujuan orang Inggeris adalah untuk mengawal perdagangan, galian dan sumber kekayaan (kewangan) yang lain di alam Melayu. Berbanding dengan penakluk Portugis dan Belanda yang berminat mendapat faedah yang besar dalam jangka pendek (at the earliest possible date), tujuan orang Inggeris memang berbeza. Mereka berminat memonopoli ekonomi dan kekayaan alam Melayu selama-lamanya. Oleh itu orang Inggeris melaksanakan aktiviti yang lebih lengkap dan kompleks di alam Melayu. Sebagai ciri-ciri khas kerajaan Inggeris di alam Melayu (termasuk Melaka) disebutkan bahawa, tugas pentadbiran Inggeris yang pertama adalah menghidupkan perdagangan dan merancakan tahap perkembangan ekonomi di Melaka. Salah satu cara pelaksanaannya ialah penanaman *gambir.* Dinyatakan juga bahawa pentadbiran Inggeris memberi kepada orang Cina hak istimewa dalam pengeluaran dan perdagangan opium, babi dan minuman keras. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa orang Inggeris menyokong orang-orang Cina dan menganggap masyarakat tersebut sebagai dasar kerajaan Inggeris di Melaka.

Banyak karangan mengenai misi mubaligh Kristian serta kolej Inggeris-Cina yang dibina oleh misi tersebut di Melaka. Nampaknya subjek tersebut menarik perhatian ilmiah John Bastin. Dalam karya tersebut dijelaskan pelbagai ciri khas sistem pendidikan Inggeris untuk orang tempatan. Sebagai orang tempatan disebutkan ialah orang Cina. Semua pelajar kolej Inggeris-Cina adalah orang Cina. Orang Melayu sebagai mahasiswa dan Tamadun Melayu sebagai subjek pelajaran dalam kolej Inggeris-Cina tidak

disebutkan. Terdapat juga analisis perbandingan dua sistem pendidikan iaitu sistem pendidikan Inggeris dan sistem pendidikan Islam Melayu. Analisis tersebut dilaksanakan oleh para mubaligh dari sudut pendapat orang Eropah. Dimaklumkan juga bahawa kegiatan misi mubaligh Inggeris tidak berjaya dalam masyarakat Melayu Islam.

Dalam koleksi John Bastin ditemui buku mengenai kegiatan orang Inggeris dalam bidang politik sosial. Maklumat yang terdapat dalamnya menunjukkan bahawa pada zaman Inggeris status masyarakat Melaka berubah, iaitu jumlah keseluruhan penduduk berkurang serta jumlah orang Cina di Melaka bertambah. Ternyata pentadbiran Inggeris sama dengan penakluk Portugis dan Belanda, mereka menyokong dan bekerjasama dengan golongan Cina dan India, tetapi tidak memperhatikan orang Melayu Muslim. Karangan tentang kerajaan Inggeris di Melaka menggambarkan rancangan Kompeni Inggeris untuk memusnahkan peranan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan persinggahan kapal-kapal antarabangsa Orang Inggeris berusaha mengembangkan pusat pengaruh (kuasa) yang baharu iaitu Singapura dan Pulau Pinang. Melaka pada zaman tersebut merupakan pesaing untuk Pulau Pinang dan Singapura.

Buku tentang orang Cina di Melaka yang disenaraikan dalam bahagian kedua ini kebanyakannya merupakan karya ilmiah dikarang oleh para orientalis Barat dan ilmuwan Cina. Kajian yang dikarang dalam bahasa Melayu atau oleh orang Melayu tidak ditemui. Hampir semua karya tersebut menggambarkan sejarah lama, iaitu sebelum orang Eropah datang ke Nusantara, serta menjelaskan peranan orang Cina dalam perkembangan alam Melayu. Analisis karangan ini membuktikan bahawa orang Cina wujud di alam Melayu sejak dahulu dan menjadi sebahagian daripada penduduk tempatan. Kajian tersebut menunjukan bahawa ciri khas tamadun di alam Melayu adalah keanekaragaman bangsa, bahasa, adat-istiadat dan lain-lain. Masyarakat selalu bersifat terbuka terhadap orang yang berbahasa dan

beragama lain. Keterbukaan dan toleransi adalah asas utama kehidupan masyarakat dan kemajuan alam Melayu sejak dahulu sehingga sekarang.

Dalam bahagian kedua ini turut disenaraikan beberapa tajuk mengenai hubungan Melaka dengan negara-negara lain, misalnya dengan Jepun dan Siam. Karya tersebut menunjukkan bahawa pada kurun ke-15 sehingga ke-16 wujud perkembangan hubungan Melaka dengan Ryukun dan Siam. Perkembangan tersebut bukan sahaja di dalam bidang diplomatik, malah juga dalam bidang perdagangan. Maklumat tersebut mengesahkan bahawa pada masa itu, Melaka merupakan pusat perdagangan antarabangsa. Perlu ditegaskan bahawa di Melaka, Islam telah mencapai puncak keagungan dan kekayaannya di bawah kuasa pemerintahan kerajaan sultan-sultan Muslim. Pada zaman itu, wujud suasana keterbukaan dan sifat toleransi terhadap penganut agama lain. Semua saudagar, termasuk yang bukan Muslim juga, mempunyai hak untuk berniaga secara bebas di Melaka serta mendapat perlindungan pemerintah Muslim daripada lanun-lanun dan orang jahat yang lain. Semua penduduk dan saudagar mempunyai hak sama untuk di hukuman secara adil dan saksama.

Koleksi John Bastin mengandungi juga pelbagai buku mengenai zaman Melayu Islam dalam sejarah Melaka (iaitu sebelum 1511). Karya tersebut kebanyakannya berdasarkan sumber khazanah persuratan dan merupakan hasil penelitian dalam bidang tekstologi, epigraphi, geneologi, toponimi dan lain-lain. Bahan-bahan tersebut kebanyakannya dikarang oleh para orientalis Barat (R.O.Winstedt, C.O. Blagden, J.Miksic, Christopher H. Wake, R.J.Wilkinson dan lain-lain). Lazimnya karangan para orientalis Barat bersifat euro-centrism dan bersikap anti-Islam. Ulama Muslim digambarkan sebagai orang luar yang datang ke dalam alam Melayu hanya untuk melaksanakan perdagangan dan mendapat keuntungan daripadanya. Menurut pendapat orientalis, orang Muslim dari luar memaksakan orang Melayu memeluk Islam semata-mata untuk mendapat kekayaan dan kuasa dalam masyarakat

Melayu. Pendapat tersebut bercanggah dengan data (fakta)sejarah. Ulama Muslim yang datang ke alam Melayu sebenarnya untuk menyebarkan Islam, dan mereka dianggap sebagai orang-orang yang ikhlas dan berwibawa oleh masyarakat tempatan sebagai orang-orang yang ikhlas dan berwibawa. Lazimnya, para ulama tersebut akan menggantikan raja-raja di atas takhta kerajaan dan masyarakat tempatan menganggap mereka sebagai sultan yang sah.

Dalam bahagian kedua katalog Koleksi John Bastin disenaraikan beberapa tajuk yang dikarang oleh para ilmuwan Nusantara misalnya Liau Yock Fang, Muhammad Yusoff Hashim dan lain-lain. Kedua-dua pengarang tersebut mengkaji undang-undang Melaka dan hukum kanun Melayu yang lain. Kajian tersebut membuktikan bahawa di alam Melayu pada kurun ke-15 sehingga ke-16 wujud perkembangan sistem undang-undang yang sempurna. Sistem tersebut berdasarkan undang-undang Islam (syariah) dan unsur-unsur adat sebelum Islam. Maklumat yang dirakamkan dalam kajian tersebut menafikan prasangka bahawa masyarakat Melayu Melaka menerima Islam secara zahir sahaja. Ternyata pada kurun ke-15 sehingga ke-16 Islam mempengaruhi pelbagai bidang kehidupan masyarakat, termasuk bidang yang paling penting seperti perkahwinan, pengkebumian, pemilikan harta dan tanah, sistem pewarisan dan lain-lain.

Dalam katalog koleksi John Bastin disenaraikan pelbagai tajuk yang mengandungi maklumat umum tentang Melaka. Kebanyakannya adalah terbitan popular dalam bentuk makalah atau buku kecil. Terbitan yang popular tersebut khas untuk para pelancong. Kebanyakannya berdasarkan data-data yang terdapat dalam pelbagai kajian para orientalis dan lazimnya mengulangi prasangka dan kesilapan yang terdapat di dalamnya. Maklumat-maklumat tentang tamadun Islam dan peranan Islam dalam sejarah alam Melayu hampir tidak ditemui.

Perkara berkaitan, The Malays and Malay culture disenaraikan dalam bahagian ketiga dalam Katalog Koleksi John Bastin. Jumlah keseluruhan tajuk tersebut adalah 125 judul. Kebanyakannya dalam bentuk buku (69 tajuk - 55,2%) dan makalah (40 tajuk - 32%). Terbitan yang terawal dalam bahagian ini bertarikh tahun 1815; sementara yang terbaru diterbitkan pada tahun 1993. Tahun 1993 merupakan tarikh yang terbaru yang sama seperti yang telah dirakamkan dalam bahagian I dan bahagian II. Hal tersebut mengesahkan kesimpulan bahawa koleksi John Bastin dikumpulkan sampai tahun 1993. Terbitan-terbitan selepas tahun ke 1993 tidak ditemui[91].

Maklumat mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu yang disimpan dalam koleksi John Bastin mencerminkan historiografi kajian alam Melayu selama 178 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu dan tamadun Melayu adalah subjek kajian yang sangat penting. Subjek tersebut menarik perhatian Orientalis sejak kurun ke-19 sehingga ke-20. Tempat penerima yang sering disebutkan adalah Kuala Lumpur; Singapura dan London. Justeru, terdapat juga pelbagai bahan yang diterbitkan di tempat lain misalnya Tucson, Cambridge, Cape Town, New York, Melbourne, Karachi, Hong Kong. Data statistik menunjukkan bahawa Singapura dan London mengekalkan peranannya sebagai pusat penerbitan buku tentang alam Melayu. Hal tersebut dapat dilihat apabila jumlah pusat penerbitan di London menurun tetapi di Kuala Lumpur melonjak. Ternyata selepas kemerdekaan Kuala Lumpur menjadi satu lagi pusat ilmiah yang penting dan aktiviti London dalam bidang tersebut menurun sedikit. Sementara itu dinyatakan juga tentang tempat penerbitan yang baru iaitu di Amerika Syaerikat, Kanada, Afrika Selatan, Pakistan dan Hong Kong. Ternyata kajian alam Melayu pada zaman tersebut tersebar di seluruh dunia dan menaruh perhatian para ilmuwan di seluruh dunia.

---

[91]Data-data tersebut berdasarkan analisis statistik hanya tiga bahagian koleksi John Bastin yang menjadi subjek kajian tersebut).

Analisis senarai nama pengarang menunjukkan bahawa terdapat karya bukan hanya ilmuwan yang terkenal (misalnya M. Sheppard, A.A. Adelaar, J.M. Gullick, I.D. du Plessis, WW. Skeat, R.O. Winstedt, A. Sweeny, S.Q. Fatimi, Syed Hussein al-Attas, S. Alisjahbana dan lain), malah juga ditemui banyak nama yang baharu. Disebutkan sebagai cendekiawan tempatan iaitu – 25 nama semuanya (kebanyakan orang Melayu – 17 nama). Ternyata selepas kemerdekaan, cendekiawan tempatan menjadi semakin aktif dan menghasilkan banyak kajian terutamanya berkaitan tamadun Melayu.

Analisis maklumat mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu yang disimpan dalam koleksi John Bastin menunjukkan subjek yang menjadi puncak perhatian ilmuwan yang mengkaji hal ehwal tamadun Melayu:

> Maklumat umum (18 judul); etnologi (asal usul, orang asli, adat-istiadat, etnopsihologi, kepercayaan dan magik, etiket - 34 judul); kraftangan (barang hiasan, kain, senjata, seramik, barangan kayu, rumah, pakaian dan lain-lain – 31 judul); seni (tarian, teater, lukisan, muzik, silat – 16 judul); sastera dan bahasa (5 judul); sosiologi (gerakan politik, nationalisme dan lain-lain – 7 judul); sistem kerajaan (5 judul); lanun (9 judul). Hal tersebut mencerminkan subjek-subjek apa yang dianggap oleh John Bastin sebagai unsur tamadun Melayu atau perkara-perkara yang berkaitan dengan definisi *orang Melayu*. Data-data statistik tersebut menunjukkan bahawa tajuk-tajuk ini kebanyakannya adalah mengenai ilmu etnologi, kraftangan dan seni orang Melayu. Justeru itu bahan-bahan tentang Islam dan unsur-unsur Islam dalam tamadun Melayu tidak ditemui. Bahan-bahan tersebut mencerminkan juga pendapat orang Barat tentang orang Melayu dan tamadun Melayu serta pandangan orang melayu tentang diri sendiri; tentang tamadun dan masyarakat Melayu.

Dalam koleksi John Bastin terdapat pelbagai karangan yang mengandungi **maklumat-maklumat umum** tentang orang Melayu dan tamadun Melayu.

Subjek dan formatnya amat serbaneka. Ditemui buku kecil popular, makalah popular dalam pelbagai terbitan berkala, cerita ringkas yang dikarang oleh para pengembara, album-album dengan gambar-gambar berwarna, karangan ilmiah yang mengandungi hasil-hasil analisis umum tamadun Melayu dalam konteks budaya dunia. Sebahagian daripada bahan-bahan tersebut (terutama tajuk-tajuk yang merupakan karangan para Mubaligh Barat kurun ke-19) bersikap negatif terhadap orang Melayu dan Islam serta bersifat euro-centrism. Justeru, dalam karya para orientalis dan cendekiawan tempatan yang terkenal terdapat analisis yang lebih lengkap tentang tamadun dan adat-istiadat orang Melayu (R.O. Winstedt; Syed Naquib al-Attas; S. Takdir Alisjahbana, Syed Husain al-Attas dan lain-lain).

Maklumat ini menunjukkan sifat keterbukaan masyarakat Melayu. Sifat tersebut dianggap sebagai ciri khas tamadun Melayu. Masyarakat Melayu (termasuk masyarakat Melayu moden) dianggap juga sebagai *masyarakat peralihan (society and culture of transition*) dari masyarakat pegan kepada masyarakat Islam; dan daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Para ilmuwan menyatakan bahawa masalah utama yang timbul di dalam masyarakat Melayu masa kini adalah masalah yang berkaitan dengan peralihan masyarakat dari feudalisme kepada pangkat kapitalisme, post-industrial tanpa pangkat-pangkat pertengahan.

Etnologi. Dalam bahagian ketiga (Tamadun Melayu, Orang Melayu) katalog koleksi John Bastin disenaraikan banyak judul yang mengandungi kajian dalam bidang ilmu etnologi (*ethnography, social anthropology*). Yang disebutkan adalah 34 tajuk karya-karya tentang asal usul orang Melayu, tentang orang asli, tentang adat-istiadat orang Melayu, kepercayaan dan magik Melayu, akhlak dan etiket Melayu. Terdapat juga pelbagai makalah tentang etnopsihologi (*ethnopsychology*). Subjek tersebut menjadi puncak perhatian utama para ilmuwan Barat malah juga para cendekiawan

tempatan. Kajian tersebut diterbitkan dalam pelbagai format seperti: monograf, makalah, buku kecil, kertas kerja dan lain-lain.

Terdapat juga kajian mengenai hal emosi (perasaan) dalam tamadun Melayu dan ciri-ciri khasnya. Kajian ini menunjukkan peranan psikologi dalam ilmu anthropologi dan mengandungi analisis budaya Melayu dari sudut *ethnopsychology*. Para ilmuwan Barat dan para cendekiawan tempatan menganalisis keadaan akhlak dan sistem pendidikan dalam masyarakat Melayu menjelaskan definisi 'amok', 'kebebasan', 'kadar'. Selain itu juga membincangkan pengaruh Islam dan tamadun Barat dalam bidang etnopsikologi kebangsaan. Perbandingan sistem akhlak, peraturan- agama dan emosi menerangkan hubungan antara semua definisi tersebut. Hal ini membuktikan bahawa dalam masyarakat Melayu wujud satu sistem akhlak dan adab. Sistem tersebut berdasarkan peraturan syariat dan tamadun Islam yang tersebar di seluruh alam Melayu kepada semua golongan masyarakat Melayu.

Ahli ilmu etnologi menumpukan banyak perhatian kepada adat-istiadat orang Melayu dan ciri-ciri khasnya. Terdapat karangan tentang adat-istiadat kehidupan manusia sehari-hari (perkahwinan, perkuburan, kelahiran bayi; acara khatan, bercukur rambut dan lain-lain); peraturan tentang raja-raja dan protokol kehidupan di istana; adat-istiadat mengenai pakaian dan makanan; adat-istiadat wanita dan anak-anak; susunan sosial masyarakat Melayu. Dijelaskan juga adat-istiadat orang Melayu di seluruh dunia, (misalnya di Afrika Selatan; India, China dan lain-lain); cara kehidupan dan kepercayaan orang Melayu di bandar dan di kampung; adat-istiadat, budaya serta kepercayaan orang asli di Nusantara; terutama dalam sistem kesaktian upacara para bomoh dan lain-lain.

Pengarang menegaskan bahawa upacara dan adat-istiadat orang Melayu lazimnya mengandungi unsur-unsur pelbagai tamadun, termasuk

kepercayaan tradisional dan tradisi Islam. Unsur Islam terdapat bukan hanya dalam adat-istiadat orang Melayu, malahan juga dalam upacara dan adat istiadat orang pagan (orang asli). Maklumat tersebut menafikan pendapat ilmuwan Barat (misalnya RJ. Wilkinson) bahawa Islam di alam Melayu merupakan agama campur yang tidak boleh dianggap sebagai Islam tulen. Dalam karangan para ilmuwan tempatan dan Barat terdapat analisis adat-istiadat orang Melayu moden menjelaskan perubahan yang muncul dalam sistem kehidupan dan budaya masyarakat Melayu dipengaruhi oleh Islam. kajian tersebut menunjukkan bahawa Islam memang mempengaruhi dalam perubahan kehidupan masyarakat Melayu, termasuk bidang *ritual (*upacara amal) yang menyerupai unsur-unsur kehidupan sosial yang paling konservatif dan susah diubah. Perubahan itu mencerminkan hakikat bahawa Islam menjadi dasar kehidupan masyarakat Melayu, dan orang Melayu memeluk Islam secara sepenuhnya.

Dalam katalog koleksi John Bastin, disenaraikan beberapa tajuk tentang protokol Melayu dan adat-istiadat istana. Hasil kajian tersebut membuktikan bahawa dalam masyarakat Melayu timbul dan berkembang satu sistem akhlak dan adab yang lengkap. Sistem tersebut berdasarkan peraturan syariat dan tamadun Islam dan tersebar di seluruh alam Melayu kepada masyarakat Melayu.

Dalam katalog koleksi John Bastin, tersimpan banyak karangan tentang kepercayaan dan sihir (magic) orang Melayu dan tentang adat-istiadat orang asli (Jah-Net; Mah Meri, Che Wong dan lain-lain). Subjek ini adalah yang paling popular di antara kajian dalam bidang ilmu etnologi. Yang paling menarik dan fundamental adalah karya WW. Skeat; K.M. Endicott; R.O. Winsted dan lain-lain. Hasil-hasil kajian yang terdapat di dalamnya membuktikan bahawa sistem kepercayaan tradisional dan magik tempatan yang wujud di alam Melayu sejak dahulu, merupakan sistem kepercayaan pagan dengan unsur-unsur animisme, totemisme, agama Hindu-Buddha dan Islam. Kewujudan kepercayaan campur tersebutlah yang mengelirukan

para pengarang Barat. Lazimnya mereka mengangap agama campur tersebut sebagai aliran Islam tempatan yang tersebar di dalam alam Melayu. Walaupun begitu analisis adat-isitiadat orang asli, sistem magik tempatan dan unsur-unsur Islam di dalamnya menunjukkan pengaruh Islam kepada sistem kepercayaan orang asli. Maklumat tersebut membantu kita supaya memahami bagaimana Islam tersebar di alam Melayu dan bagaimana Islam merubah adat-istiadat pagan, memajukan masyarakat, dan mencipta sistem kepercayaan yang baharu.

Salah satu subjek yang utama dalam bidang ilmu etnologi adalah kajian tentang **kraftangan dan seni Melayu**. Subjek tersebut menarik perhatian ramai para ilmuwan Barat, begitu juga ilmuwan tempatan. Terdapat karangan tentang pelbagai kraftangan, seni, teater, tarian dan muzik. Data statistik menunjukkan bahawa hal-ehwal yang berkaitan dengan senjata Melayu (keris, pedang, panah; meriam) menjadi perhatian utama dalam kajian tentang kraftangan Melayu. Kajian tersebut membantu kita supaya memahami tamadun pembuatan alat-alat senjata di alam Melayu; sejarah penyebaran senjata Eropah di Nusantara dan hal ehwal sejarah perniagaan senjata di kawasan tersebut.

Terdapat juga karangan tentang pelbagai kraftangan Melayu yang lain, iaitu barangan perak, barangan kayu, kain, seramik dan lain-lain. Maklumat yang terdapat dalam karangan tersebut menunjukkan bahawa kraftangan dan seni Asia Tenggara, mempunyai satu kesatuan iaitu satu tamadun umum yang tersebar di kawasan Asia Tenggara. Tamadun tersebut mempunyai ciri-ciri khas yang ditemui di semua negara-negara Nusantara, dan pelbagai unsur istimewa yang terdapat di negara-negara tertentu. Terdapat analisis yang terperinci mengenai sejarah penyebaran dan perkembangan pembuatan batik, songket, keris dan barang-barang lain yang dianggap sebagai lambang tamadun Melayu. Disamping itu, dinyatakan juga perkembangan tamadun mengenai pembangunan rumah melayu tradisional – iaitu prinsip asas pembinaan rumah, sistem pengalihan

udara, bahan-bahan yang digunakan, corak-corak hiasan (ukiran kayu) dan lain-lain. Berdasarkan analisis tersebut para ilmuwan menjelaskan bahawa tamadun perumahan bergantung daripada cara kehidupan orang Melayu. Cara kehidupan itu disebabkan oleh faktor-faktor tertentu iaitu cuaca tropika (panas, hujan, angin, rimba dan lain-lain). Kedatangan orang Eropah mempengaruhi perubahan dalam bidang perumahan tradisional. Banyak ciri-ciri khasnya hilang, misalnya - sistem pengalihan udara. Dibuktikan juga bahawa tradisi orang Melayu dalam bidang pengukiran kayu dan gaya hiasan rumah dipengaruhi oleh tamadun Islam. Selepas penyebaran Islam di alam Melayu, hampir hilang corak ukiran yang mengandungi bentuk berwajah, badan manusia dan patung-patung manusia. Sebelum Islam, corak ukiran tersebut menjadi unsur asas dalam pengukiran kayu di Nusantara (misalnya dalam tradisi pengukiran Bali, Jawa, Sabah, Sarawak dan lain-lain). Pada zaman Islam, unsur tersebut digantikan dengan pelbagai corak ukir seperti tulisan kaligrafi Arab, corak dengan unsur tanaman (pokok, bunga dan lain-lain), corak-corak mujarad.

Kajian tentang seni Melayu moden juga memperlihat tentang seni lukis, seni tarian, drama dan muzik. Para ilmuwan menegaskan bahawa seni Melayu moden berdasarkan tamadun Melayu tradisional dan juga mengandungi unsur-unsur pelbagai budaya. Misalnya di dalam tarian Melayu kebangsaan lazimnya terdapat unsur-unsur tradisi persembahan tarian magik purba dan upacara sihir yang lain. Unsur-unsur yang sama terdapat juga dalam persembahan wayang, silat dan teater kebangsaan.

Bahasa dan sastera. Dalam bahagian “The Malays and Malay culture” katalog koleksi John Bastin disenaraikan hanya satu tajuk buku tentang bahasa dan hanya 4 tajuk karangan tentang sastera. Justeru itu dalam koleksi terdapat banyak buku-buku tentang subjek-subjek tersebut. Buku-buku tersebut disenaraikan di dalam bahagian katalog yang lain iaitu bahagian “Malay: dictionaries, grammars, manuals, language and

Malay studies" oleh sebab itu bahasa Melayu dan sastera Melayu kelihatan terpisah daripada khazanah budaya Melayu. Sistem dan susunan katalog yang demikian mencerminkan cara pemikiran pemilik koleksi iaitu John Bastin. Menurut beliau definisi "Malay culture" tidak mengandungi definisi "bahasa dan sastera".

Dalam bahagian katalog "The Malays and Malay culture" disenaraikan karangan Aleksander K.Adelaar tentang linguistik dan ilmu etimologi yang menunjukkan cara penelitian bahasa Melayu yang tersebar di dalam ilmu linguistik di Barat. Terdapat juga beberapa karya tentang historiografi Melayu. Karangan Mohd Taib Osman mengandungi analisis karya-karya Raja Ali Haji dan pengaruh Islam dalam historiografi Melayu klasik.

Dalam karya Adnan Haji Nawang terdapat maklumat tentang sasterawan dan cendekiawan Melayu yang amat terkenal iaitu Zainal Abidin bin Ahmad Za'ba (1895-1973). Pengarang menganalisis pendapat Za'ba tentang pendidikan orang Melayu dan juga tentang kelemahan sistem pendidikian yang diaturkan oleh pentadbiran penjajahan Inggeris. Za'ba juga mengkritik R.O. Winstedt dan R.J.Wilkinson kerana mereka menerbitkan dan menyebarkan hanya karangan Abdullah Munsyi sebagai buku pelajaran di sekolah. Menurut pendapat Za'ba, penggunaan buku seperti *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* juga hikayat-hikayat Melayu lama tidak sepatutnya dijadikan teks-teks utama di sekolah-sekolah Melayu. Bahan-bahan tersebut amat menarik kerana mencerminkan pendapat kritikan seorang ilmuwan Melayu terhadap para orientalis Barat. Hal tersebut membuktikan juga bahawa di dalam masyarakat Melayu wujud dan berkembang tradisi pemikiran ilmiah sendiri yang tidak selalu terikut pandangan para ilmuwan Eropah.

Menurut Za'ba salah satu masalah besar dalam sistem pendidikan untuk kanak-kanak Melayu adalah kekurangan pengetahuan dan pengajaran

tentang Islam. Za'ba menyatakan bahawa "sistem pendidikan agama perlu mengandungi bukan hanya pengajian al-Qur'an sahaja, malah perlu dilengkapi dengan kurikulum baru iaitu ilmu nahu, sorof, usul dan feqah. Pendapat yang sama ditemui dalam karya Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Dr. Wan Mohd Nur Wan Daud. Konsep pendidikan yang dibina (dirumuskan) oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas pernah diamalkan dalam ISTAC iaitu dalam Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (Institut of Islamic Thought and Civilisation) yang diasaskan oleh Prof. al-Attas pada tahun 1987 dan diketuai beliau sehingga tahun 2001.

Aspek pendidikan dan sastera teladan dibincangkan dalam buku Shaharuddin Bin Maaruf. Dalamnya terdapat hasil analisis bahan tentang *konsep pahlawan* yang wujud di dalam masyarakat Melayu, Analisis tersebut dari sudut ilmu sosiologi. Kajian berdasarkan teks-teks *Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu, Misa Melayu* dan karya Abdullah Munshi yang lain. Monograf ini mengandungi juga analisis konsep dari sudut ilmu sejarah dan budaya umum iaitu dalam konteks tamadun antarabangsa. Pengarang menjelaskan juga pengaruh Islam dalam konsep pahlawan.

Analisis tentang bahasa dan sastera yang disenaraikan dalam bahagian katalog koleksi John Bastin "Malay: Dictionaries, Grammars, Manuals, Language and Malay studies" (138 tajuk) Hal ini menunjukkan bahawa para tokoh dalam bidang kajian Melayu (*Malay studies)* menumpukan banyak perhatian kepada hal ehwal bahasa dan sastera, terutama sastera sebelum Islam dan sastera rakyat. Justeru, khazanah persuratan Islam dan historiografi Islam belum lagi dikaji secara mendalam. Ilmuwan Barat menumpukan perhatian kepada beberapa teks sahaja, iaitu *Hikayat Abdullah, Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah.* Karangan ilmuwan lain seperti Nuruddin ar-Raniri, Abd ar-Rauf Bin Singkel, Palimbani, Mula Sadra dan lain-lain tidak disebutkan.

Lanun dan orang laut. Dalam bahagian Katalog yang bertajuk "The Malays and Malay culture" terdapat maklumat tentang lanun dan orang laut. Ternyata subjek ini dianggap oleh John Bastin sebagai ciri khas tamadun Melayu dan adat-istiadat orang Melayu yang diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Pandangan tersebut mencerminkan pandangan umum Barat, pada kurun ke-19 sehingga awal kurun ke-20.

Dalam karya tentang orang Melayu yang tersebar tentang lanun dan orang laut terdapat maklumat seperti berikut, iaitu:

- tentang laut dari sudut ilmu bumi dan ekologi:
- data deskriptif dan statistik;
- analisis perbandingan pelbagai rombongan orang laut;
- sejarah orang laut;
- sejarah migrasi orang laut; asal-usul orang laut.

Pengarang menegaskan secara tepat bahawa kegiatan lanun dan perampasan kapal-kapal tidak mempunyai kaitan dengan hal ehwal agama. Kapal orang Kristian, Islam, Hindu atau Buddha semua pernah dirampas, apabila lanun-lanun mempunyai peluang untuk melakukannya. Perkara ini membuktikan bahawa aktiviti lanun mempunyai kaitan dengan keuntungan dan bukan hal ehwal agama. Maklumat ini menafikan prasangka bahawa aktiviti lanun merupakan salah satu adat dan ciri khas orang Melayu atau orang Muslim.

Dalam koleksi John Bastin menunjukkan terdapat pelbagai bahan yang berkaitan dengan **ilmu sosiologi, termasuk kajian tentang sistem kerajaan kebangsaan dan gerakan nasionalism di Malaysia**. Terdapat 11 tajuk buku tentang tema tersebut, sistem kerajaan – 5, kajian sosiologi umum – 5, nasionalism – 1. Analisis bahan tersebut memberi peluang kepada kita untuk membandingkan hasil-hasil kajian masyarakat Melayu yang dibuat oleh para ilmuwan Barat dengan karangan para cendekiawan

Malaysia yang mengkaji masyarakat Melayu dan merumuskan pendapat mereka tentang sejarah dan tamadun Melayu. Analisis perbandingan tersebut membantu kita supaya memahami cara kajian ilmiah di Barat dan di Malaysia. Analisis ini dapat membetulkan juga beberapa kesalahfahaman (prasangka, stereotaip) yang terdapat dalam rumusan tersebut.

Dalam bahagian katalog ini disenaraikan maklumat tentang sistem kerajaan Melayu tradisional (raja-raja Melayu, orang-orang besar Melayu, sistem gelaran dan hirarki; tugas-tugas dan syarat-syarat pelantikan mereka); tentang sistem penjajahan Eropah; maklumat tentang perbandaran dan penduduk bandar di alam Melayu. Turut disenaraikan ialah maklumat tentang orang kampung dan ekonomi di kampung Melayu; tentang kehidupan orang Melayu iaitu tentang adat-istiadat sehari-hari dan ciri-ciri khasnya, tentang hubungan di antara generasi "orang tua" dan "orang muda", tentang hubungan di antara pelbagai bangsa dan agama dalam masyarakat Melayu dan stokis sosial masyarakat tersebut. Terdapat juga maklumat tentang sistem kesihatan dan sistem pendidikan kebangsaan.

Karangan tentang sosiologi yang disimpan dalam koleksi John Bastin mengandungi keterangan tentang pelbagai definisi sosiologi yang penting, misalnya tentang definisi*: "nation", "Nationalism"; "elit"; "feudalism", "elite feodal", "kapitalism" "inteligentsia", "reformism", "modernism"* dan lain-lain.

Terdapat analisis keadaan bumiputera dan sistem hak istimewa bumiputera, misalnya dalam karya bertajuk *The Malay Dilemma* dikarang oleh Dr. Mahathir bin Mohamad. Salah satu, prasangka ialah orang Melayu menyerupai "bangsa pemalas" *(Lazy native*). Dr. Syed Hussein al-Attas (tokoh ilmu sosiologi yang amat terkenal di Malaysia) menafikan prasangka tersebut. Beliau menganalisis asal-usul dan alasan penyebaran mitos tersebut serta menjelaskan wajah orang Melayu yang dirakamkan dalam karangan Barat.

Buku tersebut amat penting kerana mengandungi ulasan dan pendapat tokoh politik dan ilmuwan Malaysia mengenai pelbagai masalah yang wujud di dalam masyarakat Melayu. Ilmuwan turut menganalisis mengenai pelbagai masalah dan 'kelemahan' yang terdapat dalam kajian Barat (Malay studies). Maklumat ini sekaligus mengandungi "jawapan' para cendekiawan Melayu kepada pelbagai kesalahfahaman terhadap orang Melayu dan tamadun Melayu yang tersebar di dalam pandangan umum di Barat.

Islam. Senarai tajuk mengenai Islam yang terdapat dalam katalog koleksi John Bastin (hanya 13 tajuk sahaja) mencerminkan aliran utama orientalis barat dalam kajian Islam. Antara tajuk-tajuknya ialah:

- gerakan Islam pada kurun ke-20 dan masa kini,
- sejarah Islam terawal di alam Melayu,
- pengaruh Islam dalam adat-istiadat dan Tamadun Melayu;
- sastera Islam,
- undang-undang Islam (syari'a),
- haji dan ibadat dalam Islam,

Kebanyakan tajuk adalah berdasarkan kajian Barat. Ciri-ciri khas kajian tersebut adalah menyatakan Islam dan masyarakat Muslim di alam Melayu lazimnya diselidiki sebagai subjek yang terpisah iaitu bukan dalam satu konteks umum dengan sejarah Melayu dan sejarah Nusantara secara am. Hal ini mencerminkan pendapat bahawa Islam di alam Melayu tersebar secara kebetulan sahaja dan tidak mempengaruhi tamadun tempatan. Pendapat ini cenderung bersikap negatif terhadap Islam, dan mengandungi kurang penilaian terhadap Islam dan orang Muslim. Pendapat tersebut mengakibatkan salahfaham terhadap peranan Islam dalam sejarah alam Melayu.

Sebenarnya buku mengenai Islam tidak dimasukkan oleh John Bastin dalam bahagian "Orang Melayu dan tamadun Melayu". Tajuk yang berkaitan

dengan Islam terdapat dalam bahagian "Religion, Islam, Christian Missions, Education and Social" (KP JB 1732-1830). Terdapat hanya 13 buku sahaja. Maklumat tentang Islam disenaraikan bersama dengan karya-karya tentang kepercayaan pagan dan tentang hal ehwal umum. Terdapat juga pelbagai karangan tentang misi mubaligh Kristian dan mengenai sistem pendidikan di Malaya.

Sistem susunan katalog tersebut kurang sesuai kerana sukar mencari tajuk-tajuk tentang Islam. Misalnya buku-buku tentang historiografi Islam dipisahkan daripada buku-buku tentang usuluddin atau falsafah; bahan-bahan tentang sistem pendidikan Islam terdapat dalam bahagaian "Education" tetapi tidak disenaraikan dalam bahagian "Islam".

Hal ini mencerminkan sekali lagi bahawa Islam tidak dianggap oleh ramai Orientalis Barat sebagai sebahagian daripada tamadun Melayu. Nampaknya John Bastin juga terikut konsep bahawa Islam di alam Melayu datang secara kebetulan sahaja dan tidak begitu penting dari segi sejarah dan pembinaan tamadun Melayu.

Walaupun begitu pengarang memutuskan untuk mengkaji buku-buku berkaitan tentang Islam yang disimpan di dalam koleksi John Bastin, kerana Islam dan tamadun Islam adalah unsur yang amat penting untuk memahami kebudayaan orang Melayu dan ciri-ciri khasnya.

Koleksi John Bastin yang disimpan di dalam Perpustakaan Negara Malaysia adalah kumpulan buku-buku tentang alam Melayu yang amat menarik dan berharga. Koleksi ini merupakan satu sumber sejarah dan historiografi yang komprehensif dan amat penting. Kajian koleksi John Bastin sebagai satu kesatuan, membantu kita memahami sejarah dan tamadun Melayu serta historiografi kajian alam Melayu di seluruh dunia.

LAMPIRAN

JADUAL UMUM KATALOG JOHN BASTIN

Sejarah Purba dan Arkeologi

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1.	Beamish Tony	Collection porcelain in Malaya.	Makalah/ Straits times Annual for 1951	Singapore	1951	Porselan seramik
2.	Beamish H.H.	The marks on Chinese Pottery.	Makalah/ Popular Pamphlet N 6 Museums Department/ Federation of Malaysia	Kuala Lumpur		Seramik epigrafi
3	Bernet, Kempers, A.J.	The Kettledrums of South East Asia: A Bronze Age World and its Aftermath.	Buku/monograf	Rotterdam	1987	Epigrafi Alat muzik
4.	Braddel, Roland St. John, Sir, 1880-1966	The Perak 'Pallava Seal'.	Makalah JMBRAS XII, 2., 1934	Singapore	1934	Epigrafi Cap Perak "Greater India"
5.	Braddell, Roland St. John, Sir, 1880-1966	A study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca and notes on ancient times in Malaya.	Kumpulan makalah JMBRAS, 1980, 7	Kuala Lumpur	1980	Sejarah lama Toponyms Historiography Pengaruh India menu-rut para Orientalis Barat Toponimi "Greater India"

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
6.	Bullock, J.A.	Malaysian caves issue.	Makalah Malay Nature Journal 19, 1, 1965	Kuala Lumpur	1965	Arkeologi Sejarah lama
7.	Chandran J.	The cultural significance of the Pengkalan Kempas megaliths.	Makalah JMBRAS XLVI, 1, 1973		1973	Arkeologi Negeri sembilan epigrafi Islam
8.	Devahuti D.	India and Ancient Malaya (from the earliest times to circa AD 1400).	buku	Singapore	1965	Sejarah umum Zaman pertengahan Islam "Greater India"
9.	Douglas F.M.	Malay Place Names of Hindu Origin.	makalah JMBRAS, XVI, 1, 1938, pp.150-152	Singapore	1938	toponymy
10.	Duckworth, W.L.H.	Human remains from rock-shelters and caves in Perak, Pahang and Perlis and from Selingsing.	Makalah JMBRAS, XII, 2, 1934, 149-168	Singapore	1934	Antropologi arkeologi

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
11.	Dunn, Frederick L.	Cultural Evolution it the late Pleistocene and Holocene of South-East Asia.	Kertas kerja Paper N 82, International Conference on Asian History. University of Malaya, Kuala Lumpur, 5-10 August 1968, pp.34.	Kuala Lumpur UM	1968	Arkeologi antropologi
12.	Fatimi, S.Q.	The Identification of Jazirat of Yaqut.	Makalah Journal of the Asian Society of Pakistan, IX, 1, 1964, pp.19-35 Presentation copy from the author		1964	Sejarah Islam yang terawal Penelitian sumber-sumber sejarah
13.	Hsu Yun-Ts'ao	Notes of Malay Peninsula in Ancient Voyages,	Makalah JSSS (Journal of South Seas Society) V, 2, 1948, pp.16 Singapore	Singapore	1948	Sejarah Sumber-sumber sejarah cina toponymy
14.	Lamb, Alastair	Chandi Bukit Batu Pahat. A report of the Excavation of an Ancient temple in Kedah.	Monograf Papers on South East Asian Subjects n. 1, Singapore, 1960, pp. xiv, 108	Singapore	1960	arkeologi
15.	Lamb, Alastair	Chandi Bukit Batu Pahat. Three additional notes.	Monograf Papers on South East Asian Subjects n. 5, Singapore, 1961, pp. 14	Singapore	1961	arkeologi

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
16.	Lamb, Alastair	Reconstructing Malay's Past.	makalah The Malayan Shell. N6, 1959, pp. 9-14		1959	arkeologi
17.	Lamb, Alastair	Lifting the veil from Malaya's remote past.	Makalah Hemisphere, vol. 5, N. 8, 1961, pp.1-9	USA	1961	arkeologi
18.	Lamb, Alastair	Some notes of the Distribution of Indianised sites in Kedah. Singapore.	Makalah JSSS (Journal of South Seas Society), XV, 2, 1959, pp. 99-111 (salinan dari pengarang)	Singapore	1959	Arkeologi Epigrafi Islam
19.	Lamb, Alastair	Miscellaneous papers on early Hindu and Buddhist settlements in Northern Malaya and Southern Thailand.	makalah Federation Museums Journal, VI, n.s., [KL], Museums department. 1961, pp.90 (tulisan kenangan from the author to John Bustin)	Kuala Lumpur	1960	arkeologi
20.	Linehan, W.	Langkasuka the Island of Asoka.	makalah JMBRAS, XXI, 1, 1948, pp. 119-123	Singapore	1948	Sejarah purba Langkasuka "Greater India"
21.	Linehan, W.	Some discoveries on the Tembeling.	Makalah JMBRAS, VI, 4, 1928, pp.66-77	Singapore	1928	Sejarah purba Nama-nama tempat (toponimi) Pahang

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
22.	Linehan, W.	Notes on the remains of some ancient brick structures in Pekan District.	makalah JMBRAS, VI, 4, 1928, pp.78-81	Singapore	1928	Sejarah purba Nama-nama tempat (toponimi) Pahang
23.	Linehan, W.	Traces of a bronze culture associated with Iron age implements in the regions of Klang and The Tembeling, Malaya.	monograf JMBRAS, XXIV, 3, 1951, pp. v, 177 Singapore, Malay publish House	Singapore	1951	Sejarah purba Klang, Pahang arkeologi
24.	Linehan, W.	The Identifications of some of Ptolemy's place-names in the Golden Chersonese.	makalah JMBRAS, XXIV, 3, 1951, pp. 86-98 Singapore	Singapore	1951	Sejarah purba toponimi
25.	Matthews, John	A Check-list of 'Hoabinhian' sites excavated in Malaya, 1860 – 1939. Foreword by John Bastin.	Papers of Southeast Asian Subjects, N 3, Singapore, 1961, pp. x, 59	Singapore	1961	Sejarah purba arkeologi
26.	McHugh, J.N.	Collecting pottery.	Makalah popular The Straits Time Annuals for 1963, pp. 70-73	Singapore	1963	seramik
27.	Miksic, John N.	Parallels between the upright stones of West Sumatra, and those of Malacca and Negeri Sembilan.	makalah JMBRAS, LVIII, 1, 1958, pp. 71-80	Singapore	1958	epigrafi

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
28.	Mills, J.V.	On a collection of Malayan maps in Raffles Library.	makalah JMBRAS, XV, 3, 1937, pp. 49-63	Singapore	1937	kartografi
29.	Mills. J.V.	Polepon.	makalah JMBRAS, XII, 2, 1934, pp. 175 – 181	Singapore	1934	Toponimi Catatan pengembara
30.	Mills, J.V.	Arab and Chinese navigators in Malaysian waters in about AD 1500.	makalah JMBRAS, XLVII, 2, 1974, pp. 82	Singapore	1974	Sejarah zaman pertengahan Sejarah Islam Pelayaran Catatan pengembara
31.		Museums Department, Federation of Malaysia. Guide to ancient monuments and historic sites. Part one.	Buku kecil First edition, pp. 1-18	Kuala Lumpur *The Caxton press (1957)*	1959	epigrafi, arkeologi sejarah lama epigrafi Islam
32.	Noone, H.D.	A find of pottery shreds on a beach near Sepang, Selangor.	makalah JMBRAS, XIX, 2, 1941, pp. 216-218	Singapore	1959	Seramik Arkeologi Selangor
33.	Quaritch Wales, H.G. (Horace Geoffrey)	Archeological researches on ancient Indian colonization in Malaya.	monograf JMBRAS, XVIII, 1, 1940, pp. xiv, 85	Singapore	1940	Arkeologi Mata duit Muslim Barang-barang Arab

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
	Quaritch Wales, H.G.	Futher work on the Indian sites in Malaya.	Makalah JMBRAS, XX, 1, 1947, pp.11	Singapore	1947	arkeologi
34.	Quaritch Wales, H.G.	The making of Greater India.	buku Second edition, pp. vii, 246	London	1961	Sejarah lama "Greater India"
35.	Quaritch Wales, H.G.	Towards Angkor: In the footsteps of the Indian invaders.	Monograf Foreword by Sir Francis Younghusband, London 1937, pp. 249	London	1937	Sejarah lama "Greater India"
36.	Quaritch Wales, H.G.	The Indianization of China and of South-East.	Monograf London, 1967, First edition, pp. xxv, 158	London	1967	Sejarah lama "Greater India"
37.	Quaritch Wales, H.G.	Prehistory and religion in South-East Asia London, 1957.	Monograf First edition, pp. 180	London	1957	Sejarah lama Agama arkeologi
38.	Quaritch Wales, H.G.	The Malay Peninsula in Hindu Times.	monograf London, 1976, First edition, pp. xi, 199	London	1976	Sejarah lama Greater India
39.	Quaritch Wales, H.G.	Malayan Archaeology of the "Hindu period". Some reconsiderations.	makalah JMBRAS, XLIII, 1, 1970, pp.34	Singapore	1970	arkeologi

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
40.	Shutler, Richard	Radiocarbon dating and man in South and East Asia.	Kertas kerja Paper N77, International Conference on Asian History, 5-11 August 1968, University of Malaya, Kuala Lumpur, pp. 10	Kuala Lumpur	1968	Arkeologi antropologi Kaedah penelitian
41.	Smith, R.B. and Watson, W. ed.	Early South-East Asia: essays in Archaeology, History and Historical Geography.	Monograf Oxford, 1979, pp.561	Oxford	1979	Arkeologi Sejarah lama
42.	Solheim, Wilhem G., and Green Ernestene	Johor lama excavations, 1960.	Makalah Federation Museum Journal, X, 1965, pp.iv, 78	Kuala Lumpur	1965	Arkeologi Johor
43.	Stargardt, Janice H.Hammond (ed)	The Extent and lemitation of Indian Influence on the Protohistoric civilizations of the Malay Peninsula.	Kertas kerja dan makalah South Asian Archaeology. Papers from the first International Conference of South Asian Archaeologist held in the University of Cambridge. London, 1973, pp. 279-303	London	1973	Pra-sejarah Sejarah lama
44.	Tweedie, M.W.F.	The Stone Age in Malaya.	makalah JMBRAS, XXVI, 2, 1953, pp. 90 Malayan Publish House	Singapore	1953	Pra-sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
45.	Tweedie, M.W.F.	Prehistoric Malaya.	Monograf Singapore, 1957, Second edition. pp.ix, 42	Singapore	1957	Pra-sejarah arkeologi
46.	Tweedie, M.W.F.	Prehistoric objects from the Tui Gold Mine near Padang Tengku, Pahang.	Makalah JMBRAS, XX, 1, 1947, pp.41-44	Singapore	1947	Pra-sejarah
47.	Wheatly, Paul	The Golden Khersonese Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before AD 1500.	Monograf Kuala Lumpur, 1961, first edition	Kuala Lumpur	1961	Pra-sejarah toponimi
48.	Wheatly, Paul	Impressions of the Malay peninsula in ancient times.	Monograf Singapore, 1964, first edition pp. viii, 254, D. Moore for Eastern Universities Press	Singapore	1964	Sejarah lama
49.	Wheatly, Paul	The Malay Peninsula as known to the Chinese of the Third century A.D.	Makalah JMBRAS, XXVIII, 1, 1955, pp. 23	Singapore	1955	Sejarah lama Sumber-sumber sejarah toponimi
50.	Wheatly, Paul	Possible references to the Malay Peninsula in the Annals of the former HAN.	Makalah JMBRAS, XXX, 1, 1957, pp. 115-131	Singapore	1957	Sejarah lama Sumber-sumber sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
51.	Wheatly, Paul	Chinese sources for the historical geography of Malaya before A.D. 1500.	Makalah Malayan Journal of Tropical Geography, 9, 1956, pp. 71-78	Singapore	1956	Sejarah lama Sumber-sumber sejarah toponimi
52.	Wheatly, Paul	Some introductory comments on the economic and social history of early Malaya. 1960, pp. 10.	naskah bertaip.	Tidak ada	1960	Sejarah lama
53.	Coedes, George, Damais, Louis-Charles	Srivijaya: History, religion and language of an early Malay polity.	Monograf MBRAS. Monograph N20, 1992, pp. vii, 183	Kuala Lumpur	1992	sejarah lama epigrafi sebelum Islam
54.	Moens, J.L.	Srivijaya, Yava en Kataha.	Monograf JMBRAS, XVII, 2, 1940, pp.108	Singapore	1940	Sejarah lama Toponimi Srivijaya
55.	Paranavitana S.	A Chronicle of Suwarnapura (Srivijaya).	Kertas kerja Paper N64, International Conference on Asian History, University of Malaya, Kuala Lumpur, 5-10 August 1968, pp.22	Kuala Lumpur	1968	Sejarah lama Toponimi srivijaya
56.	Kao, William T.	A Primary Chinese record relating to HO-LO-TAN and misc. notes on Srivijaya and Fo-Che.	Makalah JMBRAS, XXIX, 1, 1956, pp. 163-178	Singapore	1956	sumber-sumber sejarah lama Srivijaya

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
57.	Slametmuljana, Dr.	Kerajaan Sriwijaya.	Monograf Singapore, 1963 First edition, pp.ii, 148	Singapore	1963	sejarah lama Srivijaya toponimi epigrafi
58.	Wolters, O.W.	The Fall of Srivijaya in Malay History.	Monograf London, 1970 First edition, pp. xii, 274	London	1970	Sejarah lama Srivijaya
59.	Winstedt, Sir Richard	Hindu period. A History of Malaya.	Bahagian dari monograf Kuala Lumpur, 1968, Chapter II, proof copy	Kuala Lumpur	1968	Sejarah lama
60.	Zuraina Majid and Tjia, H.D.	Kota Tampan, Perak: The Geological and Archaeological evidence for a late Pleistocene site.	Makalah JMBRAS, XLI, 2, 1988, pp. 123-134	London	1988	Sejarah lama Arkeologi Geologi Perak

Melaka

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
61	Miksic, John N.	From Seri Vijaya to Melaka. Batu Tagak in Historical and cultural context.	makalah JMBRAS, LX, 2, 1987, pp.42	Singapore	1987	epigrafi sejarah
62	Rouffaer, G.P.	Was Melaka emporium voor 1400 AD, genaamd Malajoer? En waar lag Woerawari, Ma-hasin, langka, Batoesawar. *Dalam bahasa Belanda*	Monograf BKI, 77, 1921, pp. 1-174, 359-604	Batavia	1921	Sejarah toponymy
63	Wake, Christopher H.	Malacca's early Kings and the reception of Islam	makalah JSEAN, 5, 2, 1964, pp.104-128		1964	sejarah Islam
64	Winstedt, Sir Richard	The genealogy of Malacca's Kings from a copy of the Bustanu's – Salatin, with English translation of 'Ge-neaology of the Malay Kings' by R.Roolvink	Makalah JSBRAS, N18, 1920, pp.39-47	Singapore	1920	tekstologi sejarah
65	Winstedt, Sir Richard	The Malay Empire of Malacca, A History of Malaya,	Bahagian (chapter III) pp. 44-64 daripada monograf Proof copy	Kuala Lum-pur	1968	sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
66	Winstedt, Sir Richard	The Tomb of Mansur Shah, Sultan of Malacca, 1459-1475 AD	makalah JSBRAS, N78, 1918, pp.47-48	Singapore	1918	epigrafi
67	Winstedt, Sir Richard	The Bendaharas and Temenggongs (of Melaka)	makalah JMBRAS, X, 1, 1932, pp.55-66	Singapore	1932	sejarah
68	Winstedt, Sir Richard	Muslim Tombstones in Raffles Museum,	makalah JMBRAS, X, 1, 1932, pp.6-8	Singapore	1932	epigrafi
--	Winstedt, Sir Richard	The Malay founder of Medieval Malacca	makalah BSOAS, Bulletin of the School of Oriental And African Studies XII, 3-4, 1948, pp.726-729 *ada tanda tangan pemilik: John Bustin, 1969*	London	1948	sejarah
69	Winstedt, Sir Richard	Malay History from Chinese sources,	Makalah BSOAS, XIII, 1, 1949, pp. 182-183 *ada tanda tangan pemilik – John Bustin, Tanpa tahun*	London?	1949	sumber-sumber sejarah Cina

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
70	Blagden C.O.	A Chinese vocabulary of Malacca Malay words and phrases collected between AD 1403 and 1511	Makalah BSOAS, VI, 3, 1931, pp. 715-749 *ada tanda tangan pemilik – John Bustin, 04.1963*	London?	1931	China/Melaka Bahasa
71	Chang, Haji Yusuf	The Ming Empire: Patron of Islam in China and South-East West Asia	makalah JMBRAS, LXI, 2, 1981, pp.1-44	London	1981	Islam China
72	Groeneveldt, W.P.	Notes on the Malay Archipelago and Malacca. Compiled from Chinese sources.	monograf Verh.Bat.Gen. XXXIX, 1, 1877, pp. x, 144 *ada tanda tangan pemilik – John Bustin, 1958*	Batavia	1877	sumber-sumber sejarah Melaka Cina
73	Hsu Yun-Tsiao	Notes on the relation between Ryukyu Islands and Malacca Sultanate during 1464-1511 AD.	Kertas kerja Paper N84 International Conference on Asian History University of Malaya, 5-10 August 1968, pp.14	Kuala Lumpur	1968	Melaka Japan sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
74	Ma Huan	Ying-Yai Sheng-Lan 'The overall survey of the ocean's shores', 1433 translated from the Chinese text edited by Feng Ch'eng-Chun with introduction notes and ap-pendices by J.V.G.Mills,	monograf Cambridge, First edition. Published for the Hakluyt society pp. xx, 393	Cambridge	1970	Melaka Cina sumber-sumber sejarah catatan pengembara
75	Mills, J.V.	Malaya in the Wu-Pei-Chih Charts,	Makalah JMBRAS, XV, 3, 1937, pp.48	Singapore	1937	Cina Melaka sumber-sumber sejarah nama-nama tempat kartografi
76	Purcell, Victor	Chinese settlement in Malacca	Makalah JMBRAS, XX, 1, 1947, pp.115-125	Singapore	1947	Cina Melaka sejarah
77	Sheppard, M.C.ff	The Amazing voyages of Admiral Cheng Ho	Makalah The Straits Times Annual for 1955, pp.54-57		1955	sumber-sumber sejarah catatan pengembara Cina Melaka

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
78	Bocquet, Margaret	Zhen He, envoy of the emperor.	Makalah Hemisphere, 26, 1, 1981, pp.24-27		1981	sejarah Cina Melaka Zhen He 1371-1435
79	Su Chung Jen.	The Diplomatic policy of the early Ming Emperors towards the South-East Asian countries.	Kertas kerja paper N51 International Conference on Asian History, University of Hong Kong, 30 August – 6 September 1964, pp.7	Hong Kong	1964	Sejarah Cina Melaka
80	Wang Gungwu	The opening of relations between China and Malacca, 1403-1405	Makalah Malay and Indonesian Studies, ed. John Bastin and R.Roolvink, Oxford, 1964, pp.87-104 proof copy	Oxford	1964	Cina Melaka sejarah
81	Wang Gungwu	The first three rulers of Malacca	makalah JMBRAS, XLI, 1, 1968, pp. 11-22 *Presentation inscription from the author to Dr. John Bastin*	Singapore	1968	sejarah Melaka

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
82	Wang Gungwu	China and South-East Asia 1402-1424	Makalah Studies in the Social History of China and South-East Asia ed. J.Ch'en and N.Tarling Cambridge, 1970, pp. 375-401 *Presentation inscription from the author to Dr. John Bastin on the title*	Cambridge	1970	Cina Asia tenggara Sejarah
83	Yen Hua Fen	The Chinese of Malacca	makalah Annual of China Society, Singapore, 1956, pp.16-26	Singapore	1956	Cina Melaka sejarah
84	Marrison G.E.	The Siamese wars with Malacca during the reign of Muzaffar Shah.	makalah JMBRAS, XXII, 1, 1949, pp. 61-66	Singapore	1949	Melaka/Siam sejarah
85	Wyatt, David K.	The Thai 'Kata Mandiarapala' and Malacca	makalah JSS, LV, 2, 1967, pp. 279-286		1967	Melaka/Siam Sejarah Nama-nama tempat

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
86	Wyatt, D.K., Bastin J.S.	Mainland powers on the Malay Peninsula AD 1000-1511,	Kertas kerja Paper N63 International Conference on Asian History University of Malaya, 5-10 August 1968, pp.51		1968	Melaka/Siam sejarah lama sejarah zaman pertengahan
87	Blagden, C.O.	Siam and the Malay Peninsula	makalah JRAS, 1906, pp. 107-119		1906	Melaka/Siam sejarah
88	Ley, Charles David (ed)	Portuguese voyages 1498-1663	monograf Second ed. pp. xxii, 360 *ada tanda tangan pemilik – John Bastin, 1956, Brisbane*	London	1953	Portugis catatan kem-bara kurun ke 16-17
89	Whiteway, R.S.	The rise of Portuguese power in India 1497-1550	monograf Second ed. pp. xvi, 357	London,	1967	Portugis India Melaka sejarah
90	Silva Rego, A. da	Portuguese Colonization in the sixteenth century: A study of the Royal ordinances (regimentos)	monograf First ed. pp. viii, 116 *ada tanda tangan pemilik – John Bastin, 17.II.66, Witwat*	Johannes-burg	1965	Portugis penjajahan sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
91	Boxer C.R.	Four centuries of Portuguese expansion, 1415-1825: A succinct survey,	monograf first ed., pp. ix, 102 *ada tanda tangan pemilik – John Bastin, 26.12.1961 Kuala Lumpur*	Johannes-burg	1961	Portugis penjajahan sejarah
92	Boxer C.R.	Race relations in the Portuguese colonial empire 1415 – 1825,	monograf Oxford, 1963, first ed. pp. viii, 136 *ada tanda tangan pemilik – John Bastin, 15.1.65 London*	Oxford	1963	Portugis penjajahan sejarah
93	Sar Desai, D.R.	The Portuguese administration in Malacca, 1511-1641	Kertas kerja Paper N61 International Conference on Asian History University of Malaya, 5-10 August 1968, pp.51	Kuala Lum-pur	1968	Portugis penjajahan sejarah
94	Basset, D.K.	The Portuguese in Malaya	Makalah Journal of the Historical Society, University of Malaya, 1, no.3, 1962-63, pp. 18-28	Kuala Lum-pur	1962-1963	Portugis penjajahan sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
95	Sanceau, Elaine	Indies adventurer the amazing career of Alfonso de Albuquerque captain-general and governor of India (1509-1515)	Monograf London and Glasgow, 1936, first ed., pp. xii, 308	London Glasgow	1936	Portugis Albuquerque peringatan sejarah
96	Birch, Walter De Gray, (trans)	The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, second viceroy of India. Transl. from the Portuguese edition of 1774 with notes and an introduction,	monograf London, 1880, first engl. ed., pp. xliv, 308	London	1880	Portugis Albuquerque peringatan sejarah
97	Sa de Menesis, Francisco de	The conquest of Malacca. transltd by Edgar C. Knowlton Jr. Kuala Lumpur,	Monograf 1970, first edition, pp. xxxvi, 234	London	1970	sastra Portugis sejarah
98	Cortesao, Amando, transl.	The Suma Orientalist of Tome Pires an account of the East, from the Red Sea to Japan, written in Malacca and India in 1512-1515,	Monograf London, Nendeln, 1967, second reprnt ed., pp. xcvi, 578	London	1967	sejarah Tome Pires catatan pengembara
99	Macgregor, I.A., Gibson-Hill, C.A., Sieveking, G	Papers on Johore Lama and the Portuguese in (1511-1641)	Makalah JMBRAS, XXVIII, 2, 1955, pp.197	Singapore	1955	sejarah Johor lama Portugis

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
100	Carletti, Francesco	My voyage around the world translated from the Italian by Herbert Weinstock	Monograf London, 1965 first English edition, pp. xvi, 270	London	1965	sejarah catatan pengembara Melaka
101	Eredia, Manoel Godinho de	Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay Translated from the portugese with notes by J.V.Mills	monograf JMBRAS. VIII, 1, 1930, pp.288 *ada tanda tangan pemilik – John Bastin* *Kuala Lumpur 1960*	Singapore	1930	Portugis Melaka Sejarah catatan perin-gatan
102	Eredia, Manoel Godinho de	Three of Eredia's illustrations, by J.V. Mills,	Makalah JMBRAS, X, 1, 1932, pp.14-15	Singapore	1932	Portugis Melaka Sejarah catatan perin-gatan
103	Boxer C.R.	The Achinese attack on Malacca in 1629, as described in contem-porary Portuguese sources, proof. copy with corrections by the author and R.O.Winstedt	Makalah Malayan and Indonesian studies, ed. John Bastin and R.Roolvink, Oxford, 1964, pp. 105-120	Oxford	1964	Melaka Aceh Sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
104	Stewart, Edith Anne	The life of St. Francis Xavier Evangelist, explorer, mystic, with translation of his letters by Davis Macdonald,	Monograf London, 1917, first edition, pp. 356 *Terdapat ex libris dan 2 catatan kenangan: pada 1917 dan 1950*	London	1917	Portugis Melaka Xavier
105	Yeo, Margaret	St. Francis Xavier apostle of the East	monograf London, 1933, pp. 320	London	1933	Portugis Xavier
106	Pintado, M.J.	The Malacca thaumaturge, wonder-worker II (1545-1552)	Buku kecil Melaka, first edition, pp.49	Melaka	*Selepas 1978*	Melaka Sejarah
107	Joy, Fr., et al	St. Francis Xavier in Malacca, preface by Fr. M.J.Pintado, forewords by General Gerald Templer and G.E.C. Wisdom,	Buku kecil IV Centenary Souvenir 1553-1953, Melaka, 1953, first edition, pp.iv, 30 *ada tanda tangan pemilik – John Bastin* *Kuala Lumpur 1962*	Melaka	1953	sejarah Melaka Xavier
108	Ting, Celine Joyce	He in Malacca (1545-1552) with a preface by Fr. M.J. Pintado,	Buku kecil first edition pp. 72	Melaka	???	sejarah Melaka

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
109	Cardon, R.	The Old Church on the Malacca Hill.	Makalah JMBRAS, XX, 1, 1947, 188-234	Singapura	1947	Malaka seni bina sejarah agama Kristian
110	Noonan, Lourence A.	The First Jesuits Mission in Malacca: a study of the use of the Portuguese trading centre as a base for Christian missionary expantion during the years 1545 to 1552,	Monograf Lisbon, 1974, first edition, pp. xiv, 196	Lisbon	1974	Melaka agama Kristian sejarah
111	Pintado, Manuel Joachim	Portugal's Christian Policy in its drive to the East and the case of Malacca.	Kertas kerja Talk to the University of Malayan Historical society and the public under the outspice of the Malacca Hisrtorical society, 1957, pp.8	Melaka	1957	Melaka agama Kristian sejarah
112	Pintado, Manuel Joachim	Portugal's Christian Policy in its drive to the East and the case of Malacca.	Buku kecil Lisbon, 1957, first edition, pp.22 *ada tanda tangan pemilik – John Bastin Kuala Lumpur 1961*	Lisbon	1957	Melaka agama Kristian sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
113	Pintado, Manuel Joachim	Portuguese documents on Malacca vol. I 1509 – 1511; collected, translated and annotated by M.J. Pintado,	Monograf Kuala Lumpur, 1993, pp. xxxii, 461 *Terdapat catatan kenangan kepada John Bastin 19.04.1994*	Kuala Lumpur	1993	Portugis Melaka sumber-sumber sejarah
114	Teixeira, Manuel	The Portuegese Missions in Malacca and Singapore (1511-1958)	Monograf Lisbon, 1961, first edition, 2 vols, pp. 502, 525	Lisbon	1961	portugis Melaka agama Kristian
115	Cardon R.	A Malay Tradition: is Bukit Gereja near Malacca Pindah, the site of the old Portuegese settlement and chapel of Nossa Senhora da Esperanca mentioned by Eredia in his 'Declaracam'?	Makalah JMBRAS, XVIII, 2, 1940, pp. 108-145	Singapura	1940	Melaka Portuguese arkeologi
116		Melaka papers.	Kumpulan makalah (makalah-makalah dari JMBRAS 1928-1956) *ada tanda tangan pemilik – John Bastin Kuala Lumpur 1960*	Singapora	1928-1956	Melaka sejarah seni bina kubu

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
117	Irwin, Graham	Malacca Fort.	makalah JSEAH , 3, 2, 1962, pp. 19-44	Singapura	1962	Melaka sejarah portugis kubu seni bina
117	T'ien-Tse Chang	Malacca and the failure of the first Portuguese Embassy to Peking,	Makalah JSEAH , 3, 2, 1962, pp. 45-64	Singapura	1962	Melaka sejarah portugis
118	Irwin, Graham	Malacca fort.	typescript. pp.47		1978	Malaka sejarah portugis
119	Gibson-Hill, C.A.	The Fortification of Bukit China, Malacca.	Makalah JMBRAS, XXIX, 3, 1956, pp. 157-181	Singapore	1956	Melaka sejarah kubu
120	Aziz, Abd b. Zakaria	Portugis dalam sejarah Melaka. with a fireword by Syed Nasir bin Ismail. *Dalam bahasa Melayu*	Buku kecil Kuala Lumpur, 1963 First edition, pp. x, 68	Kuala Lum-pur	1963	Melaka sejarah Portugis

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
121	Winsdtedt, Sir Richard	The Portuguese Period (In Malacca)	Bahagian monograf A History of Malaya, Kuala Lumpur, 1968, Chapter IV, proof copy	Kuala Lumpur	1968	Melaka sejarah Portugis
122	Resende, Baretto de	Barreto de Resende's account of Malacca. Translated by W.George Maxwell	Monograf JSBRAS, N 60, 1911, pp. 24		1911	Melaka sejarah Portugis
123	Clyde, Steward	Malacca Portugese	makalah The Straits Times Annual for 1959 pp. 40-43		1959	Melaka sejarah Portugis
124	Meilink-Roelofsz, M.A.P.	Asian Trade and European influence in the Indinesia Archipelago between 1500 and about 1630	monograf The Hague, 1962, first edition, pp. x, 471 *ada tanda tangan pemilik – John Bastin Sons, May 1963*	Hague	1962	perdagangan sejarah orang Eropah
125	Smith, W.H.C.	The Portuguese in Malacca during the Dutch period	Makalah Studia, N7, 1961, pp. 87-106	Lisboa	1961	Melaka Portugis Belanda
126	Smith, W.H.C.	The Portuguese in Malacca during the Dutch period	makalah JSS, XIV, 1-2, 1958, pp. 69-85	Singapore	1958	Melaka Portugis Belanda

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
127	Mills, J.V.	Two Dutch-Portuguese Sea-Fights	makalah JMBRAS, XVI, 1, 1938, pp. 139-149	Singapore	1938	Portugis Sejarah perang
128	Leupe, P.A.	The siege and capture of Malacca from the Portuguese in 1640-1641 Extracts from the Archives of the Dutch East India Company translated by Mac Hacobian,	monograf JMBRAS, XIV, 1, pp. 176	Singapura	1936	Belanda penawanan Melaka
129	Hageman, J.	Geschiedenis der verovering van Melakka, en der oorlogen tusschen de Portugezen en Maleijers, *Dalam bahasa Belanda*	makalah VBG (Verhandelingen van Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen), XXIV, 1852, pp. 52	Batavia	1852	Belanda Portugis penawanan Melaka
130	Bort, Balthasar	Report of Governor Balthasar Bort on Malacca 1678, Translated by M.J.Bramer with an introduction and notes by C.O.Blagden,	monograf JMBRAS, V, 1, 1927, pp.232	Singapura	1927	Belanda Melaka
131	Coolhaas, W. Ph.	Malacca under Jan van Riebeck	Makalah JMBRAS, XXXVIII, 2, 1965, pp. 173-182	Singapura	1965	Belanda Melaka

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
132	Netscher, E	Twee Belegeringen van Malakka (1756/57 en 1784)	Makalah Tijdschrift van het Bataviaasche Genootschaft (Tijdschrift voor Indische Taal-, Land- en Volkenkunde) XIII, 1864, pp. 285-361	Batavia	1864	Belanda Melaka penawanan
133	Arasaratnam, S	Some notes in the Dutch in Malacca and the Indo-Malayan trade 1641-1670	Kertas kerja Paper N3. International conference on Asian History University of Malaya, 5-10 August 1968, pp. 15 Offprint from: Journal of Southeast Asian History, vol. X, no. 3, December 1969	Kuala Lumpur	1968/1969	Belanda Melaka perdagangan
134	Lewis, Dianne	The Dutch East India Company and the Straits Malacca, 1700-1784: trade and politics in the eighteenth century	PhD tesis Thesis submitted for the Degree of Doctor of Philosophy in the Australian National University, Canberra, 1970, pp. v, 292	Canberra	1970	Kompeni Belanda Melaka perdagangan

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
135	Harrison, Brian	Malacca in the Eighteenth century two Dutch Governor's reports,	makalah JMBRAS, XXVII, 1, 1954, pp. 24-34	Singapura	1954	Belanda Melaka
136	Harrison, Brian	Trade in the Straits of Malacca in 1785. A memorandum by P.G. Bruijn, Governor of Malacca.	makalah JMBRAS, XXVI, 1, 1953, pp. 52-62	Singapura	1953	Belanda Melaka perdagangan
137	Koenig, J.G.	Journal of Voyage from India to Siam and Malacca in 1779 Translated from his manuscripts in the British Museum,	makalah JMBRAS, N26, 1894, pp. 58-133		1894	Melaka Siam catatan pengembara Belanda
137a	Verhoeven, F.R.J.	The lost archives of Dutch Malacca, 1641-1824,	makalah Philippine Historical Review, I, 2, 1966, pp. 183-200	Manila	1966	Melaka Belanda sumber-sumber sejarah
138	Baane, J.C.	Reis door een gedeelte van de nederlandsche Bezittingen in Oost-Indie: … een verslag van de expeditie … onder bevel van den Kapitein Ter Zee J.P. van Braam, vol voerd tegen de vorsten van Malakka, Salangor en Riouw,	monograf Amsterdam, 1826, First edition, 8 vo., pp. xvi, 338	Amsterdam	1826	Belanda Perang Melaka Selangor

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
139	Bland, Robert Norman	Historical tombstones of Malacca mostly of Portuguese origin, with inscriptions in detail and illustrated by numerous photographs,	monograf London, 1905, First edition, pp. 75	London	1905	Portugis Melaka batu-batu nisan epigrafi
140	Sandhu, Kernial Singh and Wheatley, Paul	Melaka - the transformation of a Malay capital, c. 1400-1980,	monograf Kuala Lumpur, 1983, first edition, 2 vols, pp. xxix, 784; xxix, 816	Kuala Lumpur	1983	Melaka sejarah pembangunan bandar
141	Tan Cheng Lock	Three Hundred Years in Malacca and Shrine of the Goddess of Mercy,	Makalah Malacca, 1957, pp. 7, 5. together with a newspaper cutting from the Daily Telegraph, 27 July 1991 relating to the temple	Melaka	1957	temple Cina Melaka
142	Woodcock, George	Malacca – the key to the East,	Makalah History Today, XV, 4, 1965, pp. 221-231		1965	Melaka sejarah
143	Scott-Ross, Marcus	A short History of Malacca	monograf Singapore, 1971, first edition, pp. 155	Singapore	1965	Malaka sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
144	Silva, G.W. de	The Princess of Malacca. A Historical romance of old Malaya. With a Foreword by C. Ward Jackson	monograf Kuala Lumpur, 1940, second edition, pp.153	Kuala Lumpur	1940	Melaka sejarah sastra
145	Moore, Wendy	Malacca. Photographs by Ian Lloyd,	monograf Singapore, 1986. first edition, pp. 93	Singapore	1986	Melaka gambar
146	Hoyt, Sarnia Hayes	Old Malacca.	Monograf Kuala Lumpur, 1993, first edition, pp. xii, 84	Kuala Lumpur	1993	Melaka sejarah
147	Tan Sin Nyen, Robert	Historic Malacca pot-pourri,	Monograf Malacca, 1990, second edition, pp. iii, 103,	Melaka	1990	Malacca Sejarah
148	Westerhoud, J.B.	Notes on Malacca,	makalah JIA, II, 1848, pp. 171-173 (The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia),	Singapore	1848	Sejarah Melaka
149	Valentyn, Francois	Beschryving van Malakka,	Monograf first edition, pp. 308-360	Dordrecht, Amsterdam,	1726	Sejarah Melaka catatan pengembara

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
150	Valentyn, Francios	Description of Malacca and our establishment there,	monograf JIA, IV, pp. 696-703, 747-752 (The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia)	Singapore	1850	sejarah Melaka catatan pengembara
151	Harrisdon, Brian	Holding the Fort: Melaka under two flags 1795-1845,	monograf MBRAS, Monograf N.14, 1985, pp. xiv, 148	Kuala Lum-pur	1985	Melaka Inggeris sejarah kubu Melaka
152	Lee, Margaret	Brittish occupation of Malacca, 1795-1818	Tesis Thesis presented to the Department of History. University of Malaya in part fulfillment for the degree of Bachelor of Arts with Honours in history. Singapore, 1957, pp.18	Singapore	1957	Melaka Inggeris penjajahan
153	Thomas, Jennifer Mery	Malacca 1795-1832: being a discussion of aspects of the Malacca resident's journal,	tesis Thesis submitted to the Department of History of the University of Malaya for the degree of Master of Arts. 1964, pp. iii, 206	Kuala Lum-pur	1964	Melaka Inggeris penjajahan

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
154	Blundell, E.A.	Notice of the History and present condition of Malacca	Makalah JIA, II, 1848, pp. 726-754 (The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia)	Singapore	1848	Melaka sejarah
155	Smith, Revd. John)	Handbook to Christ Church Malacca,	Buku kecil Province Wellesley Mission Press, 1917, first edition, pp. 16	Pinang	1917	Melaka agama Kristian sejarah
156	Hardy, T.J.	Catalogue of Church records, Malacca, 1642-1898,	Buku kecil Singapore, 1902, Second edition, pp. 16 *with ownership inscription bond*	Singapore	1902	Melaka agama Kristian sejarah
157	*Malacca Historical Society.*	Historical Guide of Malacca, Preface to first edition by W. Langham Carter, to second edition by J.P. Francois	monograf Singapore, 1936, second edition, pp. viii, 91.	Singapore	1936	Melaka Inggeris sejarah
158	Joseph, K.T. et al	Illustrated Historical guide to Melaka,	monograf Melaka, 1973, first edition, pp. 141	Melaka	1973	Melaka sejarah
159	Harfield, A.G.	Christian cemeteries and memorials in Malacca and Rasah New Village,	monograf London, 1979, first edition, pp. iii, 49	London	1979	Melaka agama Kristian sejarah epigrafi

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
160	Baumgarten, F.L.	Agriculture in Malacca	Makalah JIA, III, 1849, pp. 707-722 (The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia)	Singapore	1849	Melaka Pertanian Hak milik harta tanah
161	Anon	Groundbezit op Malakka, *dalam bahasa Belanda*	makalah Tijdschrift Ned. Ind., 1857, pp. 65-85	???	1857	Melaka Sejarah Hak milik harta tanah pertanian
162	Blagden, C.O.	Minangkabau custom – Malacca,	makalah JMBRAS, VIII, 2, 1930, pp. 307-213	Singapore	1930	Melaka sejarah Minangkabau pewarisan harta tanah
163	Jocelyn, Lord	The Benuas of Malacca,	makalah The Saturday Magazine, no. 626, April 1842, pp. 134		1842	Melaka sejarah
164	Liau Yock Fang	Undang-undang Melaka: a critical edition together with Apparatus Criticus, pp. 20	monograf The Hague, 1976, first edition, pp. viii, 211,	The Hague	1976	Melaka undang-undang

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
165	Hashim, Muham-mad Yusoff	Legal codes of the Melaka sul-tanate: an appraisal,	makalah Malaysia in History, 26, 1983, pp. 84-103	Kuala Lum-pur	1983	Melaka undang-undang
166	Hashim, Muham-mad Yusoff	Kesultanan Melayu Melaka: pemikiran mengenai undang-undang, *Dalam bahasa Melayu*	makalah Historia, Kuala Lumpur, 1984, pp. 193-208	Kuala Lum-pur	1984	Melaka undang-undang
167	Broomhall, Marshall	Robert Morrison a master-builder,	monograf London, 1924, first edition, pp. xvi, 238	London	1924	Melaka Inggeris Cina
168	Townsend, William John	Robert Morrison the pioneer of Chinese missions,	Monograf London, n.d., pp. 272	London	1859	Melaka Inggeris Cina
169	Townsend, W.J.	Robert Morrison pioneer of mis-sions to China,	Monograf London, (1935), second edition, pp. 184	London	1935	Melaka Inggeris Cina
n.n.	Anon	Sketch of the Malacca mission and Anglo-Chinese college	makalah Missionary Sketches, N. XXVIII, 1825, pp. 4	Singapore	1825	Melaka Inggeris Cina
170	Anon	Malacca, with a woodcut seaward view of Melaka	Makalah Missionary sketches, N, LIV, 1831, pp. 4	Singapore	1831	Melaka Inggeris Cina

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
n.n.	Anon	Anglo-Chinese college at Malacca,	Makalah Asiatic Journal, VIII, 45, 1819, pp. 288-289	Singapore	1819	Melaka Inggeris Cina
n.n.	Anon	The Anglo-Chinese College,	Makalah The Evangelical Magazine and Missionary Chronicle, June 1824, pp. 285	???	1824	Melaka Inggeris Cina
171 172	Anon	Anglo-Chinese College,	Makalah Asiatic Journal, XXVII, 61, 1829, pp. 655-656	Singapore	1829	Melaka Inggeris Cina
173	Harrison, Brian	Waiting for China: the Anglo-Chinese college at Malacca, 1818-1843, and early nineteenth century missions,	monograf Hong Kong, 1979, First edition, pp. xiv, 212	Hong Kong	1979	Melaka Inggeris Cina
174	O'Sullivan, Leona	Aspects of the History of the London Missionary Society's Malacca station. With special references to the period 1819-1843	Tesis MA Dissertation, M.A. Area Studies (South East Asia), School of Oriental and African Studies (SOAS), University Of London, 1978, pp. iii, 56	London	1978	Melaka Inggeris Cina

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
175	O'Sullivan, Leona	The London Missionary society: a written record of Missionaries and printing presses in the Straits Settlements, 1814-1847	Makalah JMBRAS, LVII, 2, 1985, pp. 61-104	Singapore	1985	Melaka Inggeris Cina
176	Collie, David	The Chinese Classical work commonly called The Four Books; translated and illustrated with notes, by the late Rev. David Collie, Principal of the Anglo-Chinese College, Malacca,	monograf Printed at the Mission Press, Melaka, 1828. Faximile reprint with an introduction by William Byssche Stein, Gainesville, Florida, 1970 pp. xvii, xiii, 185	Melaka /Gainesville	1828/1970	Melaka Inggeris Cina
177	(Milne, William)	State of education among the Malays in Malacca,	makalah Asiatic Journal, X, 1820, pp. 345-5	Singapore	1820	Melaka Inggeris Cina
178	Milne, William	(Cathechism for Youth)	monograf printed xylographically in Chinese characters, Anglo-Mission Press, Melaka, 1817. First edition, pp. 74	Melaka	1817	Melaka Inggeris Cina

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
179	Milne, William	A retrospect of the first ten years of the Protestant mission to China (now in conjunction with the Malay, denominated, the ultra-ganges Missions.) Accompanied with miscella-neous remarks on the literature, history and mythology of China.	monograf Melaka, 1820, first edition, pp. viii, 376	Melaka	1820	Melaka Inggeris Cina
180	Legge, Helen Edith	James Legge missionary and scolar	monograf London, 1905, first edition, pp. viii, 248,	London	1905	Melaka Inggeris Cina agama Kristian
181	O'Sullivan, R.L.	The departure of the London missionary society from Malacca.	Makalah Malaysia in history, 23, 1980, pp. 75-89	Kuala Lum-pur	1980	Melaka Inggeris Cina agama Kristian

Orang Melayu. Tamadun Melayu

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1421	Adelaar, K. Alexander		makalah BSOAS, LVI, 3, 1993, pp. 566-81	London	1993	Bahasa linguistik

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1422	Ajmain, Abdul Jalil, et al.	Adat-adat Melayu (Anglo-Malay version)	Buku kecil Singapore, 1960, first edition, pp. iv, 95	Singapore	1960	Melayu adat-istiadat
1423	al-Attas, Syed Hussein	The Myth of the lazy native: a study of the image of Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalism.	Monograf London, 1977, first edition, pp. viii, 267,	London	1977	Malay adat-istiadat Malay studies
1424	Anon Anon	Visit to the Malay malefactors in Newgate, the night before their execution,	makalah The Evangelical Magazine and Missionary Chronicle, March 1815, p. 121	???	1815	Malay adat-istiadat etnologi Kristian
1425	Borie, P.H..D.	Presqu'le de Malacca les malais et les sauvages	monograf Tulle, 1886, first edition pp. 151	Tulle (Perantis)	1886	adat-istiadat Melaka Melayu Kristian
1426	Gullick, J.M.	Malay Society in the late nineteenth century: the Beginning of Change,	Monograf Singapore, 1987, first edition, pp. x, 417	Singapore	1987	Malay sejarah baru sociology

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1427	Gullick, J.M.	W.W. Skeat and Malayan ethnography. An Appreciation	Makalah JMBRAS, LI, 1, 1988, pp. 117-52	Singapore	1988	Melayu etnologi
1428	Gullick, J.M.	The skeat collection of Malay Ethnography	makalah Journal of the Antropological Socety of Oxford, XX, 3, 1989, pp. 197 – 208	Oxford	1989	Melayu etnologi
1429	Gullick, J.M.	William Maxwell and the study of Malay Society	Makalah JMBRAS, LXIV, 2, 1991, pp. 7-46 *Terdapat catatan kenangan dari pengarang kepada J.Bastin. (18.2.92)*	Singapore	1991	W. Maxwell Malay studies
1430	Johan, Khasnor	The Emergence of the modern Malay Elite	Monograf Singapore, 1984, first edition, pp. xiv, 230	Singapore	1984	masyarakat Melayu bangsawan orang besar-besar
1431	Mabett, Ian, ed.	Patterns of Kingship and authority in traditional Asia preface by A.L. Basham	Monograf London, 1985, first edition, pp. xiv, 202	London	1985	Melayu Burma kerajaan

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1432	MacGowan D.J.	Note of maritime Malays	makalah JIA (Journal of the Indian Archipelago), IV, 1850, pp. 687 – 91	Singapore	1850	orang Melayu laut
1433	Mahathir bin Mohamad	The Malay Dilemma Foreword by Donald Moore	Monograf Singapore, 1970, first edition, pp. viii, 188	Singapore	1970	Mahathir bin Mohamad kerajaan sejarah moden masyarakat Melayu
1434	Mahathir bin Mohamad	The Malay Dilemma Foreword by Donald Moore,	monograf Kuala Lumpur, 1981, second edition, pp. viii, 188	Kuala Lumpur	1981	Mahathir bin Mohamad kerajaan sejarah moden masyarakat Melayu
1435	Milner, A.C.	Kerajaan: Malay Political Culture on the eve of colonial rule,	monograf Tucson, 1982, first edition, pp. xxiv, 178	Tucson	1982	konsep kerajaan Melayu
1436	Moubray, G.A. DeC.	Matriarchy in the Malay Peninsula and Neighboring Countries,	Monograf London, 1931, first edition, pp. x, 292	London	1931	masyarakat Melayu adat-istiadat matriarchy

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1437	Nawang, Adnan Haji	Za'ba dan pendidikan orang Melayu: tinjauan terhadap pandangan awalnya 1916-1923,	makalah Historia, Kuala Lumpur, 1984, pp. 307 – 24	Kuala Lumpur	1984	Za'ba pendidikan masyarakat Melayu
1438	Omar, Sharifah Maznah Syed	Myths and the Malay ruling class	monograf Singapore, 1993, first edition, pp. xxii, 121	Singapore	1993	konsep kerajaan masyarakat Melayu orang besar
1439	Parkinson, Brien K.	Non-Economic factors in the economic retardation of the rural Malays	Makalah Modern Asian Studies, I, 1, 1967, pp. 31-46	Cambridge	1967	masyarakat kampung Melayu kemunduran
1440	Plessis, I.D. du	The Cape Malays	Monograf Cape Town, 1944, first edition, pp. xii, 95	Cape Town	1944	orang Melayu Afrika Selatan
1441	Plessis, I.D. du	The Cape Malays: history, religion, traditions, Folk tales: The Malay Quarter,	monograf Cape Town, 1972, third edition, pp. xii, 97	Cape Town	1972	orang Melayu Afrika Selatan

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1442	Pritchard, James Cowles	Researches into the History of man //editing with an introductory essay by George W. Jr.	Bahagian monograf Chicago, 1973, pp. cvliv, 568	Chicago	1973	Melayu sejarah umum antropologi
1443	Roff, William R.	The origins of Malay Nationalism	monograf Kuala Lumpur, 1980, pp. xx, 297,	Kuala Lumpur	1980	sejarah moden sociology masyarakat melayu nationalism
1444	Shaharuddin b. Maaruf	Concept of a Hero in Malay Society Foreword by Syed Hussein Al-Attas	monograf Singapore, 1984, first edition, pp. x, 140	Singapore	1984	masyarakat Melayu konsep keberanian/ pahlawan
1445	Shaharuddin b. Maaruf	Malay ideas on development from feudal lord to capitalist,	monograf Singapore, 1988, pp. x, 189	Singapore	1988	pembangunan masyarakat konsep kerajaan
1446	Skeat, W.W.	The Malay Peninsula, in:	makalah Women of all nations London, 1911, pp. 186 – 201	London	1911	

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1447	Sopher, David E	The Sea Nomads. A Study based on the literature of the maritime boat people of South-East Asia	Makalah Memoirs of the national Museum, N5, Singapore, 1965, first edition, pp. x, 422	Singapore	1965	orang laut etnologi Asia Tenggara
1448	Anon	The Malays in Malaya by one of them,	monograf Singapore, 1928, first edition, pp. vi, 108 *Library stamp on first paste down, ownership inscription on front end paper*	Singapore	1928	orang Melayu
1449	Wang Chungwu	The Melayu peoples in Hai-Kuo-Wen-Chien Lu,	Buku kecil n.p., 1960, pp. 8	???	1960	orang Melayu
1450	Wheeler, L. Richmond	The Modern Malay	Monograf London, 1928, first edition, pp. 300	London	1928	Orang Melayu
1451	Yusof, Abdul Maulud	Commerce and social chance among Nusantara Malays,	Makalah Malaysia in History, 23, 1980 pp. 113-116	???	1980	orang Melayu Nusantara

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1452	Skeat, Walter Wiliam	Malay magic being an introduction to the folklore and popular religion of the Malay peninsula, preface by C.O. Blagden	monograf London, 1900, first edition, pp. xxiv, 685 *Presentation inscription from H.W. Jarwis to Dr. John Bastin dated 20 August 1965 with the statement that this copy had been given to him 'by my old friend W.W. Skeat"* *Loosely inserted in the book is an Obituary note on W.W.Skeat by F.F. Laidlow from JMBRAS, XXVI, 1, 1953, pp. 225-228*	London	1900	orang Melayu adat-istiadat magik
1453	Skeat, Walter Wiliam	Malay magic an introduction to the folklore and popular religion of the Malay peninsula *preface by C.O. Blagden*	Monograf London, 1965, pp. xxiv, 685	London	1965	orang Melayu adat-istiadat magik
1454	Laderman, Carol	Main Peteri: Sinopsis of three shamanistic performances,	Makalah JMBRAS, LX, 2, 1987, pp. 55-71	Singapore (London)	1987	orang Melayu kepawangan (shamanism) tarian

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1455	Endicott, Kirk Michael	An analysis of Malay Magic,	Monograf Oxford, 1970, first edition pp. x, 188	Oxford	1970	orang Melayu adat-istiadat magik
1456	Sianu	Magic of the Malays	makalah Asiatic Journal, XI, 65, 1821, pp. 456-457	???	1821	orang Melayu adat-istiadat magik
1457	Winstedt, R.O.	Shaman Saiva and Sufi: A study of the evaluation of Malay magic	monograf London, 1925, first edition, pp. viii, 191	London	1925	orang Melayu magik Shaman Saiva tassawuf
1458	Winstedt, R.O.	The Malay Magician being Shaham, Saiva and Sufi	monograf London, 1951, revised edition, pp. viii, 160	London	1951	orang Melayu magik Shaman Saiva tassawuf
1459	Evans, Ivor H.N.	Paper on the ethnology and archeology of the Malay Peninsula	monograf Cambridge, 1927, first edition, pp. x, 164,	Cambridge	1927	etnologi arkeologi orang Melayu
1460	Rentse, Anker	Notes on Malay Beliefs,	makalah JMBRAS, XI, 2, 1933, pp. 245-251 *bound up with*	Singapore	1933	orang Melayu kepercayaan

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1460	Haji Abdul Majid,	Some Malay Superstitions	makalah JMBRAS, VI, 4, 1928, pp. 41-45	Singapore	1928	orang Melayu kepercayaan
1461	Wilkinson, R.J. Wilkinson, R. J. (Richard James), 1867-1941	Malay beliefs,	Monograf Leiden, 1906, first edition pp. iv, 81	Leiden	1906	orang Melayu kepercayaan
1462	Wilkinson, R.J.	Papers on Malay Customs and beliefs	monograf JMBRAS, XXX, 4, 1957, pp. 87 reprint	Kuala Lumpur Leiden	1957	orang Melayu kepercayaan adat-istiadat
1463 *bound with*	Wilkinson, R.J.	Life and customs. Part I. The Incidents of Malay Life	Bahagian monograf Papers on Malay Subjects: Malay Life and Customs Kuala Lumpur, 1920, pp. iv, 71	Kuala Lumpur	1920	orang Melayu etnologi adat-istiadat kampong
1463 *bound with*	Winstedt, R.O.	Life and customs. Part II. The Circumstances of Malay life the Kampong: the House: Furniture: Dress: Food,	Bahagian buku kecil Papers on Malay Subjects: Malay Life and Customs Kuala Lumpur, 2603 pp. iv, 58,	Kuala Lumpur	1920	orang Melayu etnologi adat-istiadat kampong

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1463	Wilkinson, R.J.	Life and customs. Part III. Malay amusements in (1463)	Bahagian monograf Papers on Malay Subjects: Malay Life and Customs Kuala Lumpur, 603 pp. iv, 82	Kuala Lumpur	1920	orang Melayu etnologi adat-istiadat kampong
1464	Winstedt, Sir Richard	The Malays A Cultural History	monograf London, 1956 4th edition pp. viii, 198	London	1956	orang Melayu tamadun sejarah
1465	Winstedt, Sir Richard	The Malays A Cultural History	Monograf London, 1972, 6th edition, pp. viii, 198	London	1972	orang Melayu tamadun sejarah
1466	Alisjahbana, S. Takdir, et al ed.	The Cultural Problems of Malaysia in the context of South-East Asia,	Kertas kerja papers presented at the first Conference of the Malaysian Society of Orientalists held in Kuala Lumpur from 22nd until 25th October 1965, KL, 1965, first edition, pp. vi, 252	Kuala Lumpur	1965	orang Melayu Malaysia tamadun Asia Tenggara
1467	Harris, Max	History and Culture of Malaysia	Monograf National Museum, Kuala Lumpur, 1990, first edition, pp. 88	Kuala Lumpur	1990	orang Melayu Malaysia tamadun sejarah

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1468	Munan, Heidi	Cultures of the World: Malaysia	monograf Singapore, 1990, first edition, pp. 128	Singapore	1990	orang Melayu Malaysia tamadun
1469	Nasir, Syed bin Ismail	Malay Culture: talk delivered to participants of Woman Institute Leader's Course, at the Women Institute Headquarters, Petaling Jaya, on 7th July 1959, Kuala Lumpur, 1959,	Kertas kerja Woman Institute Leader's Course, at the Women Institute Headquarters, Petaling Jaya, on 7th July 1959, Kuala Lumpur, 1959, 1st edition, pp. iv, 26 (English – Jawi)	Kuala Lumpur	1959	tamadun Melayu
1470	Nasir, Syed bin Ismail	Malay Culture: talk delivered to participants of Woman Institute Leader's Course, at the Women Institute Headquarters, Petaling Jaya, on 7th July 1959, Kuala Lumpur, 1962	Kertas kerja talk delivered to participants of Woman Institute Leader's Course, at the Women Institute Headquarters, Petaling Jaya, on 7th July 1959, Kuala Lumpur, 1962 2nd edition, pp. iv, 26 (English – Jawi)	Kuala Lumpur	1062	Tamadun Melayu
1471	Osman, Mohd Taib	Bungai Rampai: Aspects of Malay culture,	monograf Kuala Lumpur, 1988, pp. viii, 285,	Kuala Lumpur	1988	tamadun Melayu

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1472	Ryan, N. J.	The cultural heritage of Malaya,	monograf Kuala Lumpur, 1972, pp. xiii, 184	Kuala Lumpur	1972	warisan budaya Melayu
1473	Wazir Jahan Karim, ed.	Emotions of culture: a Malay perspective,	monograf Singapore, 1990, first edition, pp. xiii, 178	Singapore	1990	budaya Melayu
1474	Anon	Malaya's rural craftsmen,	makalah The Free World, IV, 2, 1955, pp. 28-29	Manila	1955	Melayu budaya kraftangan
1475	Beamish, Tony	The Arts of Malaya,	monograf Singapore, 1954, first edition, pp. 80	Singapore	1954	seni Melayu kraftangan
1476	Evans, Ivor H.N. Evans, Ivor H. N. (Ivor Hugh Norman), 1886-1957	Malay Arts and Crafts	Buku kecil Singapore, 1923, first edition, pp. 19	Singapore	1923	seni Melayu kraftangan
1477	Newman, Thelma R.	Contemporary South East Asian arts and crafts: ethnic craftsmen at work with how – to instruct for adapting their crafts,	monograf New York, 1977, first edition, pp. x, 306	New York	1977	Asia Tenggara Moden seni kraftangan
1478	Sheppard, Mubin Mubin Sheppard, Tan Sri Datuk, 1905-1994	Taman Indera a royal pleasure ground: Malay decorative arts and pastimes, foreword by Tun Haji Abdul Razak	Monograf Kuala Lumpur, 1972, first edition, pp. xviii, 207	Kuala Lumpur	1972	seni hias Melayu

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1479	Sheppard, Mubin	A royal pleasure ground: Malay decorative arts and pastimes,	Monograf Singapore, 1968 pp. xxvii, 207	Singapore	1968 (1986???)	seni hias Me-layu
1480	Sheppard, Mubin	Living Crafts of Malaysia, ,	Album photographs by Harri Penccinotti Singapore, 1978	Singapore	1978	Malaysia kraftangan
1481	Wharton, Dolores D.	Contemporary Artists of Malay-sia: a biographic survey	Monograf Petaling Jaya, 1971, first edition, pp. viii, 136	Petaling Jaya (Kuala Lum-pur)	1971	Seni seni lukis Malaysia moden
1482	Abdullah bin Ali	Malaysian protocol,	monograf Singapore, Kuala Lumpur, 1988, pp. xviii, 213	Singapore	1988	adat-istiadat budi peraturan sehari-hari tingkah laku Malaysia etiket
1483	Alwi bin Sheikh Alhady	Malay customs and traditions, Foreword by Ismail bin Abu Bakar,	monograf Singapore, 1962, first edi-tion, pp. xvi, 128	Singapore	1962	adat-istiadat tamadun Melayu

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1484	Logan, J.	The Manners and customs of the Malays JIA,	Makalah JIA(Journal of the Indian Archipelago), III, 1849, pp. 274-35	Singapore	1849	budi tingkah laku adab adat-isitiadat Melayu etiket
1485	Sheppard, M.C. ff. Mubin Sheppard, Tan Sri Datuk, 1905-1994	Malay courtesy: a narrative account of Malay manners and customs in everyday use, Foreword by Dato' Abdul Razak bin Hussein, (Abdul Razak bin Dato' Hussein, Tun, 1922-1976)	Monograf Singapore, 1957, pp. x, 33	Singapore	1957	budi bahasa adab. adat-istiadat Melayu etiket
1486	Sheppard, M.C. ff. Mubin Sheppard, Tan Sri Datuk, 1905-1994	Malay courtesy: a narrative account of Malay manners and customs in everyday use, (Abdul Razak bin Dato' Hussein, Tun, 1922-1976)	Monograf Reprint edition Singapore, 1957, reprint pp. vi, 33	Singapore	1957	budi bahasa adab. adat-istiadat Melayu etiket
1487	Zainal-'Abidin Za'ba, 1895-1973	Malay manners and etiquette	makalah JMBRAS, XXIII, 3, 1950 pp. 43-74	London	1950	adab budi tingkah laku etiket

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1488	Cuisinier, Jeanne	Danses magiques de Kelantan,	Monograf Universite de Paris, Travax et Memoires de L'Institute d'Ethnologie XXII, Paris, 1936, first edition pp. v, 208	Paris	1936	tarian magik Kelantan
1489	Nor, Mohd. Anis Md.	Zapin: Folk dance of Malay World,	monograf Singapore, 1993, first edition, pp. xxiv, 166	Singapore	1993	tarian kebangsaan Zapin Melayu
1490	Sheppard, Mubin	Taman Saujana: dance, drama, music and magic in Malaya long and not so long age, Foreword by Tunku Abdul Rahman,	monograf Petaling Jaya, 1983, first edition, pp. 114	Petaling Jaya	1983	tarian kebangsaan drama muzik Melayu
1491	Sheppard, Mubin	Joget-Gamelan of Terengganu,	makalah The Straits Times Annual for 1969 pp. 81-87	????	1969	tarian kebangsaan joget gamelan Terengganu
1492	Sheppard, Mubin	Manora in Kelantan,	Makalah JMBRAS, XLVI, 1, 1973, pp. 161-170	London	1973	tarian kebangsaan Kelantan manora

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1493	Cuisinier, Jeanne	Le theatre D'Ombres a Kelantan,	Monograf Paris, 1957 pp. 251	Paris	1957	seni Melayu teater Kelantan
1494	Tan Sooi Beng	Bangsawan: a social and stylistic history of popular Malay opera,	Monograf Singapore, first edition, 1993, pp. xxiv, 261	Singapore	1993	seni Melayu teater opera Bangsawan
1495	Yassin, Mustapha Kamil	The Malay "Bangsawan"	Makalah FMJ (Federation Musuems Journal), XIII, 1968, pp. 115-123	Kuala Lumpur	1968	seni Melayu teater opera Bangsawan
1496	Sweeny, Amin	The Ramayan and the Malay Shadow-Play,	monograf Kuala Lumpur, 1972, first edition, pp. xiv, 464	Kuala Lumpur	1972	seni Melayu wayang Ramayana
1497	Seljuq, Affan	Some Notes on the origin and development of naubat	Makalah JMBRAS, XLIX, 1, 1976, pp. 139-142	London	1976	seni Melayu naubat Islam
1498	Manson, Joy, ed.	Festivals of Malaya,	monograf Singapore, 1965, first edi-tion, pp. vi, 90	Singapore	1965	seni Melayu

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1499	Werner, Roland	Jah-het of Malaysia, art and culture	Monograf Kuala Lumpur, 1975, first edition, pp. xxxv, 626	Kuala Lumpur	1975	seni Melayu jah-het
1500	Shahrum bin Yub	Mah-Meri Masks,	Buku kecil Kuala Lumpur, 1963, pp. 8 Offprint from: Federation Museums Journal, vol. 8, 1963	Kuala Lumpur	1963	seni melayu topeng Mah Mery
150	Carey, Iskandar	A brief account of Mah Meri,	makalah JMBRAS, XLVI, 2, 1973, pp. 185-194	London	1973	seni melayu topeng Mah Mery
1502	Werner, Roland	Mah Mery of Malaysia: art and culture,	monograf Kuala Lumpur, 1974, first edition, pp. xxvi, 485	Kuala Lumpur	1974	seni melayu topeng Mah Mery
1503	Howell, Signe	Chewong Myths and legends,	Monograf Monograph 11 MBRAS, Kuala Lumpur, 1982, pp. xxviii, 137	Kuala Lumpur	1982	seni Melayu siwang
1504	Needham, Rodney	Chewong (siwang) in perspec-tive,	Makalah JMBRAS, LVII, 2, 1984, pp. 105-112	(London???)	1984	seni Melayu Siwang

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1505	Nawawi, Norwani Mohd	Malaysian Songket,	Monograf Kuala Lumpur, 1989, first edition, pp. vi, 123	Kuala Lumpur	1989	seni Melayu kain tenunan songket
1506	Selvanayagam, Grace Inpam	Songket Malaysia's women trea-sure	monograf Singapore, 1990, edition, pp. xxii, 203	Singapore	1990	seni Melayu kain tenunan songket
1507	Sullivan, Frank	The Batik art of Khalal Ibrahim; the art of Seah Kim Joo	Makalah The Straits Times Annuals	Kuala Lumpur	1970	seni Melayu kain batik
1508	Cheong Soo Pieng	Cheong Soo Pieng Retrospec-tive,	Buku kecil National Museum Art gallery, Singapore, 11027 November 1983, pp. 24	Singapore	1983	seni Melayu
1509	Wray, L.	Kain pelangi	makalah FMJ (Federation Musuems Journal),, I, 4, 1906, pp. 17-19	Kuala Lum-pur???	1906	seni Melayu kain pelangi

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1510	Evans, I.H.	Malay Filigree work	Makalah FMJ (Federation Musuems Journal), VI, 1, 1915, pp. 25-28	Kuala Lumpur	1915	seni Melayu kraftangan
1511	Ling Roth, H. Roth, H. Ling (Henry Ling), 1855-1925	Oriental Silverwork Malay and Chinese. A Handbook for connoisseurs, collectors, students and silversmiths,	Monograf Kuala Lumpur, 1966. facsimile reprint edition, pp. v, 300	Kuala Lumpur	1966	seni Melayu kraftangan
1512	Khoo Joo Ee	Kendi pouring vessels in the University of Malaya collection,	monograf Singapore, 1991, first edition, pp. x, 151,	Singapore	1991	seni Melayu
1513	Martin, Jean	A ceramic legacy of Asia's Maritime trade on Tioman Island,	Makalah JMBRAS, LVIII, 1, 1985, pp. 81-91	London?	1985	kraftangan perdagangan Tioman
1514	Singh, Balder	Malay Brassware,	monograf Singapore, 1985, first edition, pp. iv, 44,	Singapore	1985	kraftangan
1515	Nassir, Abdul Halim Abdul Halim Nasir, 1938-1999	Traditional Malay woodcarving,	monograf Kuala Lumpur, 1987, first edition, pp. vi, 145	Kuala Lumpur	1987	kraftangan kayu

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1516	Gibbs, Phillip, Yahya Abdul Rahman et al	Building a Malay House	monograf Singapore, 1987, first edition, pp. x, 99	Singapore	1987	pembangunan rumah tamadun Melayu seni bina
1517	Lim Yee Yan	The Malay House. Rediscovering Malaysia's indigenous shelter system	monograf Kuala Lumpur, 1987, first edition, pp. 152	Kuala Lumpur	1987	pembangunan rumah tamadun Melayu seni bina
1518	Frey, Edward	The Kris mystic weapon of the Malay world,	Buku kecil Singapore, 1988, pp. viii, 74	Singapore	1988	seni Melayu senjata kraftangan keris
1519	Gardner, G.B. ed. B.L. Milne	Keris and other Malay weapon	monograf Singapore, 1936, pp. 138	Singapore	1936	seni Melayu senjata kraftangan keris
1520	Gardner, G.B.	Notes on two uncommon varieties of the Malay Kris,	makalah JMBRAS, XI, 2, 1933, pp. 178-182	Singapore	1933	seni Melayu senjata kraftangan keris

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1521	Hill, A.H.	The Keris and other Malay weapons,	monograf MBRAS, XXIX, 4, 1970, pp. 98	Singapore	1970	seni Melayu senjata kraftangan keris
1522	Winstedt, Sir Richard Winstedt, Richard Olof, Sir, 1878-1966	The Malay Kris,	Makalah The Straits Times Annual for 1951, pp. 48-50	????	1951	seni Melayu senjata kraftangan keris
1523 *bound with*	Woolley, G.C.	The Malay Keris: Its origin and development,	makalah JMBRAS, XX, 2, 1947, pp. 60-103	London??	1947	seni Melayu senjata kraftangan keris
1523 *bound with*	Laidlaw, G.M.	Some Notes on Keris Measure-ments,	Makalah JMBRAS, XX, 1, 1947, pp. 45-46	London??	1947	seni Melayu senjata kraftangan keris
1523 *bound with*	Woolley, G,C.	Notes on two knives in the Pitt-Rivers Museum,	makalah JMBRAS, XX, 2, 1947, pp. 39-40	London	1947	seni Melayu senjata kraftangan keris
1523	Bakar, Abu bin Pawanchee,	An unusual Keris Majapahit,	makalah JMBRAS, XX, 2, 1947 pp. 45-47	London	1947	seni Melayu senjata kraftangan keris

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1524	Fatimi, S.Q	Malaysian weapons in Arabic literature: a glimpse of early trade in the Indian Ocean,	makalah Islamic studies, III, 2, 1964, pp. 199-228 *Tulisan hadiah dari pengarang kepada John Bastin: "To dear Dr. John Bastin with most cordial regards " Fatimi. 8.6.65*	Karachi	1964	seni Melayu senjata kraftangan keris perdagangan sastra Arab
1525	Simmonds, N.W.	Archery in South East Asia and the Pacific,	makalah JMBRAS, XXXII, 1, 1959, pp. 67-104	Singapore	1959	seni Melayu senjata busur kraftangan
1526	Ku Ahmad bin Ku Mustaffa and Wong Kiew Kit	Silat Melayu: The Malay Art and defence,	Buku kecil Kuala Lumpur, 1978, first edition, pp. xii, 76	Kuala Lumpur	1978	tamadun Melayu silat
1527	Boxer, C.R.	Asian Potentates and European Artillery in the 16th-18th century,	Typescript/ makalah original typescript, pp. 31 JMBRAS, XXXVIII, 2, 1965, pp. 156-172	???	1965	senjata meriam kraftangan

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1528	Chan, Albert	The revolt of K'Ung Yu-Te (1631) and the use of firearms,	Kertas kerja Paper N. 67 International Conference on Asian History, University of Hong Kong, 30 August – 5 September 1964, pp. 9	Hong Kong	1964	senjata pistol sejarah
1529	Coope, A.E.	The Floating canon of Butter-worth,	makalah MBRAS, XX, 1, 1947 pp. 126-128	Singapore	1947	senjata meriam kraftangan
1530	Crucq, K.C.	De Drie Heilige Kanonen,	makalah TBG (Tijdschrift Batavia-asch Genootschap, LXX, 1930, pp. 195-204	Jakarta	1930	senjata meriam kraftangan
1531	Douglas F.M.	The Penang cannon, Si Rambai	makalah JMBRAS, XXI, 1, 1948, pp. 117-118	London???	1948	senjata meriam kraftangan Penang
1532	Gibson-Hill, C.A. Gibson-Hill, C. A. (Carl Alexander), 1911-1963	Notes on the Old Cannon found in Malaya, and known to be of Dutch origin,	Makalah JMBRAS, XXVI, 1, 1953 pp. 145-174	London???	1953	senjata meriam

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1533	Ralston, David B.	Importing the European Army: the Introduction of European Military techniques and institutions into the Extra-European world, 1600-1914,	Monograf Chicago and London, 1990, first edition, pp. xiii, 198	Chicago London	1990	tentera senjata kraftangan
1534	Winstedt, Sir Richard	Malay Cannon,	makalah The Straits Times Annual for 1955, pp. 42-43	???	1955	senjata meriam
1535	Woolley G.C.	Malay cannon,	Makalah JMBRAS, XX, 2, 1947, pp. 35-38	London??	1947	senjata meriam
1536	Meilink-Roelofsz, M.A.P.	The Forts at Kuala Selangor,	makalah Malaya in History, v,2, 1959, pp. 32-38	???	1959	ilmu tentera kubu seni bina
1537	Sheppard, Mubin	Malayan Forts,	Buku kecil Kuala Lumpur, 1961, first edition, pp. vi, 35	Kuala Lumpur	1961	ilmu tentera kubu seni bina
1538	Course, A,G.	Pirates of the Eastern Seas,	monograf London. 1966, first edition, pp. 263,	London	1966	laut lanun Nusantara
1539	Low, Charles,	Secret Asia,	monograf London, 1939, first edition, pp. 256	London	1939	lanun

Katalog KP:JB	Pengarang	Tajuk	Bentuk	Tempat penerbitan	Tarikh penerbitan	Subjek
1540	Miller, Harry	Pirates of the Far East,	monograf London, 1970, first edition, pp. 192	London	1970	lanun Asia Tenggara Timur Jauh
1541	Rubin, Alfred P.	Piracy paramountcy and protectorates,	Monograf Kuala Lumpur, 1974, first edition. pp. viii, 179	Kuala Lumpur	1974	lanun Alam Melayu
1542	Rutter, Owen	The Pirate wind: tales of the Sea-Robbers of Malaya,	monograf London, 1930, first edition, pp. xvii, 292	London	1930	lanun Alam Melayu
1543	Rutter, Owen Rutter, Owen, 1889-1944	The Pirate wind: tales of the Sea-Robbers of Malaya,	monograf Singapore, 1987 pp. 292 reprint edition	Singapore	1987	lanun Alam Melayu
1544	Tarling, Nicholas	Piracy and politics in the Malay World: s study of British imperialism in nineteenth-century South-East Asia,	monograf Melbourne, 1963, first edition, pp. vi, 273,	Melbourne	1963	lanun Alam Melayu

Religion: Islam

1740	Anwar, Zainah	Islamic revivalism in Malaya. Dakwah among student. (1740)	Monograf Petaling Jaya, 1987, first edition, pp. xii, 122	Petaling Jaya	1987	Islam dakwah Melayu
1741	Chandra, Muzaffar	Islamic resurgence in Malaysia Petaling Jaya,	Monograf Petaling Jaya 1987, first edition, pp. x, 114	Petaling Jaya	1987	Islam kemunculan semula Malaysia
1742	Fatimi, S.Q.	Two letters from Maharaja to the khalifah. A studying the early history of Islam in the East.	Makalah Islamic Studies, Karachi, II, 1, 1963, pp. 121-140	Karachi	1963	Islam sejarah Melayu sumber sejarah
1743	Hooker, M.B.	Islam in South East Asia.	Monograf Leiden, 1983, first edition, pp. viii, 262	Leiden	1983	Islam sejarah Asia Tenggara
1744	Hussin, Mutalib	Islam and ethnicity in Malay politics,	Monograf Singapore, 1990. first edition, pp. xv, 211	Singapore	1990	Islam Malaysia etnik
1745	Lee Cheng San	A fifty years's Mohammedan-english calendar	Monograf Alor Star, 1960, first edition, pp. 50	Alor Star	1960	Muslim calendar
1746	Rauf, M.A.	A brief history of Islam with special reference to Malaya	monograf Kuala Lumpur, 1964, first edition, pp. vi, 115	Kuala Lumpur	1964	sejarah Islam Melayu

1747	Roff, William, R. ed.	Islam and the political economy of meaning Comparative studies of Muslim discourse,	monograf London, 1987, first edi-tion, pp. x, 295	London	1987	Islam ekonomi Alam Melayu
1748	Roff, William, R.	The conduct of the haj from Ma-laya and the first Malay pilgrim-age officer	Kertas kerja Occasional Papers N1 Institute of Malay Lan-guage, Literature and Culture National university of Malaysia, pp. 81-112	Bangi UKM	199?	Islam haji Malaya
1749	Roff, William. R.	Sanitation and security: the imperial powers and nineteenth century hajj	Makalah Arabian Studies, VI, 1982, pp. 143-160	Cambridge	1982	Islam haji Malaya
1750	Sheppard, Mubin	The hajj	makalah The Straits Times Annual for 1962 pp. 24-27	???	1962	Islam hajj
1751	al-Attas, Syed Mu-hammad Naquib	The Mysticism of Hamzah Fan-suri	monograf Kuala Lumpur, 1970, first edition, pp. xvii, 556	Kuala Lumpur	1970	Islam Melayu Sufism Hamzah Fansuri
1752	Yegar, Moshe	Islam and Islamic institutions in British Malaya: policies and implementation	monograf Jerusalem, 1979, first edition, pp. ix, 302	Jerusalem	1979	Islam Melayu penjajahan Ingerris sistem kerajaan

SINGKATAN

API UM	–	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
BKI	–	Bijdragen van het Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde
BSOAS	–	Bulletin of the School of Oriental And African Studies
BTLV	–	Bijdragen tot de Taal, Land en Volkenkunde
DBP	–	Dewan Bahasa dan Pustaka
FMJ	–	Federation Museums Journal
ISTAC	–	International Institute of Islamic Thought and Civilization
JIA	–	The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia
JMBRAS	–	Journal Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JSBRAS	–	Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society
JSEAH	–	Journal of South East Asian History
JSS	–	The Journal of Siam Society

JSSS – Journal of South Seas Society

KA – Kolonial Archief,

KITLV – Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-en Volkenkunde

KP JB – Koleksi Peribadi John Bastin

MGU – Moskowskiy Gosudarstvenniy Universitet (Universiti Negara Moskow)

OB – Overgekomen Brieven

PABSBM – Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu

PNM – Perpustakaan Negara Malaysia

SOAS – School of Oriental and African Studies

TBG – Tijdschrift van het Bataviaasche Genootschaft ((Tijdschrift voor Indische Taal-, Land- en Volkenkunde)

VBG – Verhandelingen van Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen

VKI – Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-en Volkenkunde

WHS – Works Issued by the Hakluyt Society

UKM – Universiti Kebangsaan Malaysia

GLOSARI

Arkeologi- kajian saintifik mengenai sesuatu kebudayaan (kebudayaan prasejarah) dengan cara penggalian dan penghuraian kesan-kesan tinggalannya, kaji purba

Antropologi- pengajian saintifik tentang asal usul manusia (fizikal, budaya, ras dan adat resam, kepercayaan, kaji manusia

Epigrafi- kajian tentang prasasti

Artifak- barang-barang buatan manusia (perkakasan, senjata) yang merupakan peninggalan sesuatu zaman

Historiografi- prinsip atau kaedah pengajian sejarah; penulisan sejarah; karya atau penulisan berkaitan dengan sejarah

Kartografi- teknik atau seni melukis atau membuat peta; gambar peta, carta dan lain-lain; salah satu bidang ilmu pembantu sejarah

Orientalis- pakar dalam Bahasa, kebudayaan, dan lain-lain bangsa Timur

Paleolitik-peringkat awal zaman batu

Rahib- orang yang bertapa dalam biara Kristian

Mubaligh- pengembang ajaran agama (Islam dan lain-lain)

Monopoli- penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu barangan, perdagangan, perkhidmatan, dalam pasaran tertentu oleh seseorang, sesebuah pertubuhan atau perkumpulan

Garison- pasukan tentera yang berpengkalan di sesuatu tempat (bandar, kota, dan lain-lain)

Sayid- gelaran orang yang berketurunan Nabi Muhammad SAW

Monograf- tulisan, huraian, rencana dan sebagainya; bukan sesuatu aspek daripada sesuatu bidang ilmu

Uskup- paderi Kristian yang mengawasi sesuatu kawasan, wali gereja, paderi besar atau ketua paderi

Etimologi- cabang ilmu linguistik yang mengkaji asal usul dan perkembangan sesuatu kata

Proklamasi- pengumuman rasmi kepada seluruh rakyat, pemberitahuan, pengisytiharan, pemakluman

Astronomi- ilmu falak (pengetahuan tentang bintang-bintang, kajian kedudukannya, pergerakan, dan tafsiran berkaitan bintang)

Kultus- sistem pemujaan dalam upacara keagamaan

Litografi- kaedah mencetak pada permukaan mendatar (plat logam atau batu) dengan mengalirkan dakwat pada bahagian tertentu permukaan yang berkenaan (menurut reka bentuk bahan yang hendak dicetak)

Neolitik- peringkat akhir zaman batu apabila manusia mula tinggal menetap, bercucuk tanam, menternak, dan mengasah batu untuk dijadikan alat kegunaan harian

Babad- sejarah, riwayat

Seramik- barang keras dan rapuh yang dibuat dengan membakar tanah liat/ dihasilkan dengan tanah liat, tembikar

Paleografi- bentuk tulisan kuno; kajian tentangnya, termasuk penentuan asal dan tarikhnya; salah satu bidang ilmu bagi membantu sejarah.

Animisme- kepercayaan bahawa setiap benda (batu, kayu dll) mempunyai semangat (roh)

Megalit- batu besar terutamanya yang diukir sebagai tugu/peringatan zaman dahulu

Prasejarah- pengetahuan mengenai masa, sebelum sejarah tertulis, zaman purbakala

Piagam- surat rasmi yang menyatakan pemberian hak atau tanah dll (tertulis pada batu, logam); surat yang mengandungi penyataan persetujuan tentang sesuatu dasar dll.

Lingua franca- Bahasa perantaraan atau Bahasa perhubungan antara masyarakat atau orang yang berlainan Bahasa

Memoir- biografi(karya) berasaskan kenang-kenangan seseorang (pengalaman/ peristiwa dalam kehidupan)

Protestan- penganut agama Kristian yang keluar daripada agama Roman Katolik

Pagan- orang yang tidak percaya pada sebarang agama utama (Islam, Kristian, Yahudi dll). Orang pengikut kepercayaan animisme, totemisme dan lain-lain.

Ilmuwan- golongan akademik, orang-orang yang berilmu

Santo- gelaran bagi orang yang keramat dalam Kristian

Porselin- bahan yang diperbuat daripada tanah liat, kuarza dll, digunakan untuk membuat perkakasan dapur, tembikar, dll

Didaktik- bermaksud mengajar

Diskriminasi- perlakuan membezakan warna kulit, keturunan, kedudukan, dalam sesuatu masyarakat

Opium- candu

Kodek- jambang

Adipati- raja, kepala daerah; gelaran bupati

Progresif- menuju ke arah pembaikan atau kemajuan

Etnologi- cabang antropologi yang mengkaji rumpun (suku, kumpulan) bangsa manusia dan pelbagai aspek kebudayaannya serta hubungan antara suatu bangsa dengan bangsa yang lain

Taoisme- ajaran agama dan falsafah berdasarkan doktrin Lau Tze yang menganjurkan agar manusia menjalani kehidupan yang sederhana, jujur, bertindak sesuai dengan kehendak alam

Mujarad- tidak nampak dan tidak dapat dirasa, abstraks

Sanitasi- sistem kawalan kebersihan awam, termasuk bekalan air bersih, sampah, najis

Kosmologi- salah satu bidang falsafah yang mengkaji asal usul proses, struktur alam semesta

Ontologi- cabang ilmu falsafah atau metafizik yang berkaitan dengan fitrah makhluk (manusia)

Kodeks- naskhah kuno dalam tulisan tangan

Oposisi- penentangan, parti politik yang menentang parti pemerintah

Feudal- berasaskan feudalisme

Hierarki- susunan atau kedudukan tinggi rendah (dalam organisasi masyarakat) berdasarkan taraf, kekuasaan

Perantis- orang yang bekerja dengan tujuan memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang

Toleran- sedia menghormati dan menerima pendapat (pendirian) orang lain yang berbeza dengan pendirian sendiri

Tib- ilmu, kitab

Epitaf- penyataan ringkas bagi memperingati orang yang meninggal dunia atau peristiwa lalu (pada batu nisan, monumen)

BIBLIOGRAFI

1. Abdul Haris Nasution. Pidato restu/pembukaan Yang Mulia Wampa Bidang Pertahanan/Keamanan, KASAB. dlm: *Sejarah masuknya Islam ke Indonesia. Risalah seminar*. Medan: Panitia Seminar Sedjarah Masuknya Islam ke Indonesia. 1963.h.37.
2. Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka. Abad ke 15 hingga ke-18*. Kuala Lumpur: DBP, 2006;
3. Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka. Abad ke 15 hingga ke-18.* Kuala Lumpur: DBP, 2006
4. al-Attas, S.M.Naquib *"Ar-Raniri and the Wujudiyyah of 17th century Aceh*. Singapore: Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, no. 3, 1966;
5. al-Attas, S.M.Naquib *Comments on the re-examination of Al-Raniris Hujjatu'l-Siddiq:a refutation* / by Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas. Kuala Lumpur : Muzium Negara, 1975.
6. al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism,* Kuala Lumpur: ISTAC, 1993.
7. al-Attas, Syed Muhammad Naquib. Proff. *"Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC, 1995.
8. al-Attas. Syed Muhammad Naquib. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM, 1972.

9. Andaya L.Y. *Kerajaan Johor 1641-1728 Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Kuala Lumpur: DBP, 1987;

10. Arnold, T. *Preaching of Islam*. London: Constable and Co., 1913

11. Bandilenko, G., Gnevusheva, E., Deopik, D., Tsiganov, V. *Sejarah Indonesia*. Bahagian I. Moskow: MGU, 1992

12. Braddel, Sir Richard. *A* study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca and notes on ancient times in Malaya, dlm: *JMBRAS*, vol.7, Kuala Lumpur, 1980.

13. Clyde, Steward. "Malacca Portugese" in: *The Straits Times Annual; Singapore*; 1959, ms. 40-43.

14. Cortesao. A. *The Suma Orientalis of Tome Pires an account of the East, from the Red Sea to Japan, written in Malacca and India in 1512-1515,* London: Nendeln, 1967.

15. *Dagh-Register gehouden in't Casteel Batavia van't passerende daer ter plaetse als over geheel Nederlandts-India. Anno 1624-1682*. s'Gravenhage; 1896 – 1928;

16. Dato Muhammad Ghazzali. The Court language and Ettiquette of the Malays. dlm: *JMBRAS*, vol. XI, pt.2 (December 1933).

17. Denisova, T. Concerning one name mentioned in "Tuhfat al-Nafis". dlm: *Knowledge, Language, Thought and the Civilization of Islam. Essays in Honor of Syed Muhammad Naquib al.Attas KL: UTM 2010 ms 455-459*

18. Denisova, T. Historiografi negeri Johor (XVII – XIX): tradisi-tradisi, tujuan-tujuan dan cara-cara dicapainya oleh pengarang. dlm: *Penelitian sumber-sumber sejarah Timur dan cabang-cabang ilmu sejarah yang istimewa* Keluaran 6. Moskow: Nauka, 2003;

19. Denisova, T. Islam dan mitos-mitos Melayu tradisional mengenai asal usulnya raja-raja Melayu. dlm: *Bulletin of Moscow State University*. *"Oriental studies"*, Moskow: MGU, 2000, N4.

20. Denisova, T. Islam di dalam alam Melayu ab. VII – XIII. dlm: *Sejarah perkembangan tamadun Islam.* Jilid 1-2. Moskow: ROSPEN; 2001-2002. Denisova, T. Islam di dalam alam Melayu ab. XIII – XVII. dlm: *Sejarah perkembangan tamadun Islam.* Jilid 1-2. Moskow: ROSPEN; 2001-2002.

21. Denisova, T. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama. dlm.: *Afkar*, bil.9, Kuala Lumpur:API UM; 2008.

22. Denisova, T. Karangan-karangan sejarah Melayu klasik mengenai perniagaan dan pelayaran. Dlm: *Negara-negara Timur: masalah-masalah sejarah ekonomi dan pelayaran*" , Moskow: Nauka; 2003.

23. Denisova, T. Khazanah persuratan Melayu Islam sebagai sumber sejarah yang sempurna: masalah, tujuan dan kaedah penelitiannya (berdasarkan teks sejarah Johor). Dlm: *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu (PABSBM) ke-2"*. Kuala Lumpur: DBP 2006.

24. Denisova, T. Konsep keadilan dalam teks-teks Melayu lama. dlm: *Afkar* bil. 8 Kuala Lumpur: API UM, 2007

25. Denisova, T. Refleksi Historiografi Alam Melayu. KL:UMPress. 2010

26. Denisova, T. Orang-orang Muslim dari Timur Tengah yang disebutkan di dalam karangan-karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX. dlm: *Bulletin of Moscow State University. "Oriental studies",* Moscow: MGU, 2003, N4.

27. Denisova, T. *Syariat dalam dalam karangan-karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX*. Moscow:Nauka, 2005 etc.

28. Denisova, T. *Tuhfat an-Nafis sebagai sumber sejarah Melayu kurun ke- XVII sehingga XIX.* Moskow:Nauka, 1998;

29. Denisova, T., Tuhfat an-Nafis – dua karangan dengan nama yang sama. dlm: *Penelitian sumber-sumber sejarah Timur dan cabang-cabang ilmu sejarah yang istimewa*" Keluaran 4. Moskow:Nauka, 1995.

30. Ellen, R.F. The development of anthropology and colonial policy in the Nedherlands, 1800-1960. dlm: *Journal of the History of the Behavioral Sciences*, 1976, 12, pp. 303-324.

31. Emrys Chew (University of Cambridge). The Naning War, 1831-1832: Colonial Authority and Malay Resistance in the Early Period of British Expansion. in: *Modern Asian Studies* prt. 32, Cambridge: Cambridge Univ. Press, 1998,

32. Fatimi, S.Q. Two letters from Maharaja to the khalifah. A studying the early history of Iislam in the East. dlm: *Islamic Studies*, Karachi: The Central Institute of Islamic Research, II, 1, 1963, pp. 121-140

33. Given, James B. *Inquiaition and Medieval Society: Power, Discipline, and Resistance in Languedoc*. New York/London: Cornell University Press, 1997

34. Gullick, J.M. *Indigenious political Systems of Western Malaya.* London: School of Economics Monographs on Social Anthropology. 1965.

35. Haji Aboebakar Atjeh. "Sekitar masuknya Islam ke Indonesia. Berita tentang Perlak dan Pasei" dalam: *Sejarah masuknya Islam ke Indonesia. Risalah seminar*. Medan: Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia 1963, h.104-105.

36. Hashim, Muhammad Yusoff (ed.) *Hikayat Siak. Diriwakan oleh Tengku Said.Diselenggarakan oleh Muhammad Yusoff Hashim.* Kuala Lumpur: DBP, 1992.

37. Heinrich Winter. "Francisco Rodrigues' Atlas of ca. 1513**"** dlm: *Imago Mundi (*The International Journal for the History of Cartography), Vol. 6, 1949 (1949), London: Imago Mundi LTD.; pp. 20-26

38. Homza; Lu Ann (ed) *The Spanish Inquisition, 1478 – 1614. An Antology of sources.* Indianapolis, Indiana; 2006.

39. Hooker, M.B. (ed*) Islam in South East Asia,* Leiden: E.J.Brill, 1983.

40. Ibn Khaldun, Abdurahman M., *Mokaddimat Ibn Khaldoun*, *Ed. Darweesh al-Jawydi*, Sidon-Beirut: al-Maktaba al-Asriyah, 1995.

41. Jean Duvernoy, (ed.), *Le Registre d'inquisition de Jacques Fournier (1318-1325)*, jld. 1-3; Toulouse, 1965.

42. Johns, A.H.. "Sufism in Indonesia" dlm: *Journal of South-East Asian History*. 2, 2, Singapore: History Department, National University of Singapore, 1961

43. Jones, Russel (ed). *Hikayat Raja Pasai*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Russel Jones. Kuala Lumpur: Yayasan karyawan & Penerbit Fajar Bakti, 1999.

44. Khasnor Johan. *The Emergence of the modern Malay Elite*. Singapore: Oxford Univ.Press, 1984.

45. Majumdar, R.C. *Ancient Indian Colonies in the Far East*, vol.I-II, Dacca: Suvarnadvipa, 1937.

46. Marks, K., Engels, F. *Kumpulan karya-karya*. Jil. XVII. Moscow:Politizdat, 1981

47. Matheson Hooker,V. *Tuhfat al-Nafis. Sejarah Melayu-Islam.* Kuala-Lumpur:DBP, 1991

48. Meilink-Roelofsz, M.A.P. "*Asian Trade and European influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1630",* Hague: Nijhoff,, 1962

49. Munir Ali. *Sultan Muzaffar Syah*. Selangor: 1983;

50. Norris. W. Malay Amoks reffered to Mahomedanism. dlm: *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*., 1849, 3, Singapore: J.R. Logan, pp. 462-463

51. Othman Mohd. Yatim Dr. Abdul Halim Nasir. *Epigrafi Islam terawal di Nusantara*. Kuala-Lumpur: DBP 1990, ms. 61

52. Perskaya I.U. *Sumber-sumber mengenai sejarah Indonesia semenjak zaman purba sehingga 1917*. Moscow:Nauka, 1974.

53. Petrushevsky Ilya P. *Islam in Iran in 7-15 c.* Leningrad:Nauka, 1966 ;

54. Plakhov,V.D *Tradisi dan masyarakat. Kajian falsafah dan sosiologi*, Moskow: Misly, 1982, ms. 8, 169-174.

55. Qamar-ud-Din Khan. *Al-Ahkam as-Sultaniyyah. The Laws of Islamic Governance*, London: Ta Ha Publishers, 2001.

56. S. Hurgronje. C. *Meccah in the latter part of the 19th century*. Leiden: E.J.Brill, 1931; reprint 1970

57. S.Hurgronje.C. De Islam in Nederlandsch Indie. In: *Verspreide Geschriften*. Bohn – Leipzig: Schroeder, 1923-1927, vol. IV., (1924) p.359 – 391.

58. Sutherland, H. "Slavery and the slave trade" dlm: *Indonesian Heritage. Early modern History*. Jakarta, 1996

59. Swift, M.G.. "Malay peasant society in Jeleb" dlm*: Monographs on Social Anthropology,* London: School of Economics, 1965.

60. Vaughan. J.D. Notes on the Malays of Penang and Province Wellesley. in: *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*., 1854, 2 (new series), Singapore: J.R. Logan; pp. 115-175

61. Wan Daud Wan Mohd Nur Dr. The *Educational Philosophy and method of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Explosition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1995

62. Wan Mohd Noor Wan Daud. *The educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas. An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur:ISTAC, 1998.

63. Wan Mohd Nor Wan Daud. *Masyarakat Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: DBP, 2006.

64. Wan Mohd Nor Wan Daud. *The concept of knowledge in Islam and its implications for education in a developing country*. London – New York: Mansell Publishing, 1989

65. Wan Mohd. Nor Wan Daud. Konsep *Ta'dib* oleh Prof. S.M.N. al-Attas sebagai sistem Pendidikan Islam yang tulen dan komprehensif. dlm: *Falsafah pembandingan: akhlak dalam konteks kepelbagian budaya" (Sravnitel'naya filosofiya: moral'naya filosofiya v kontekstemnogoobraziya kul'tur)*. Moscow: Vostochnaya Literatura, 2004

66. Winstedt R.O. *A History of Classical Malay Literature*", London: MBRAS 1939.

67. Winstedt, R.O.*The Malay magician: being shaman, saiva and sufi*. London: Routledge and Kegan Paul, 1961

68. Yegar, Moshe. *Islam and Islamic institutions in British Malaya: politicies and implementation*. Jerusalem: Magnes Press, Hebrew University, 1979.

69. Zainal Abidin Wahid. Power and Authority in the Melaka Sultanate: The Traditional View. dlm: *Sandhu K.S. Wheatley P. (ed) Melaka. The transformation of a Malay Capital, c.1400 - 1978*. Kuala Lumpur: Oxford Univ.Press, 1983

BIODATA

Prof. Madya Dr. Tatiana Denisova
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

Kelulusan Akademik :

MA - St. Peterburg Universiti, Fakulti Ketimuran, Jabatan Bahasa, Sejarah dan Tamadun Melayu/Indonesia, Bidang: Sejarah tasawuf dan Islam di alam Melayu; St.Peterburg, Russia - 1981

PhD. – Institut of Oriental Studies Russian Academy of Science, Moscow, Russia; Bidang: sejarah Islam; historiografi dan penelitian sumber-sumber sejarah Melayu Islam - 1998.

1982-2010	Akademi Ilmu Pengetahuan Russia. Institut of Oriental Studies Moscow Bahagian Penelitian Khazanah Persuratan Senior Fellow Ketua Devision Penelitian sumber-sumber Sejarah
1998-2006	Institute of Asian&African Studies Moscow State University. Pensyarah. Kursus: Sejarah Islam Melayu, Sumber-Sumber sejarah Melayu Islam dan kaedah-kaedah penelitiannya.
2005-2006	Karyawan Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka, KL, Malaysia.

2007-2008 Karyawan Tamu di Perpustakaan Negara Malaysia, KL, Malaysia.

2008-hingga kini - Professor Madya dan pensyarah Kanan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, API UM

Anggota lembaga-lembaga ilmiah:

Anggota Lembaga Orientalist Antarabangsa (Moskow)– semenjak 1982
Aggota "Persatuan Nusantara" (Moskow) – sejak 1981
Anngota Persatuan Linguistic Malaysia (KL) – sejak 2006
Anggota Panel Penyilai Candidature Defence Jawatan Sejarah dan Tamadun Islam – sejak November 2008
Anggota Panel Juri Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri (KL) – sejak 2007

Bahan-bahan yang sudah diterbitkan: sekitar 50

(antara lain):
buku:

1. Refleksi Historiografi alam Melayu. KL:UMPRESS, 2011
2. Tuhfat an-Nafis sebagai sumber sejarah Melayu ab. ke- XVII – XIX. Moskow: Nauka, 1998 (PhD Thesis)
3. Syariat dalam karangan-karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX. Moscow:Nauka, 2008; (Monograf); 132 pp.
4. Islam di dalam alam Melayu ab. VII – XIII. In – Sejarah perkembangan tamadun Islam. Jilid 1. Moskow: ROSPEN, 2001 (bahagian monograf); 85–98, 513–519.
5. Islam di dalam alam Melayu ab.XIII - XVII. In – Sejarah perkembangan tamadun Islam. Jilid 2. Moskow:ROSPEN, 2002; (bahagian monograf); c. 247–281, 535–548.

6. Unsur-unsur ekonomi dan kegiatan/kehidupan intelektual dalam Kebudayaan orang Melayu seperti yang dirakam oleh teks-teks Melayu lama. Tujuan-tujuan, Kaedah-kaedah dan Hasil Penelitian Awal. Seminar Karyawan Tamu DBP. (buku kecil); KL,2006.; 56 pp.

7. Keunggulan teks Melayu klassik sebagai cermin tamadun bangsa. Syarahan Raja Ali Haji 2006. (04.09.2006). Persatuan Linguistik Malaysia 9 (PLM), KEKKWA, Perpustakaan Negara Malaysia. KL, 2006; 67 pp.

8. Kajian Koleksi John Bastin: Sejarah Purba dan Arkeologi Dunia Melayu [Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2008. — 40 ms.

Makalah:

1. Definisi "mir'at" dalam karangan "Daka'ik al-Huruf" oleh Abd ar-Rauf ibn Singkel" in – "Tasawuf dalam konteks tamadun Islam" Moscow:Nauka, 1992; 67-82.

2. Tuhfat an-Nafis – dua karangan dengan nama yang sama. In – "Penelitian sumber-sumber sejarah Timur dan cabang-cabang ilmu sejarah yang istimewa" Keluaran 4. Moskow:Nauka 1995; 74-94.

3. Historiografi negeri Johor (XVII – XIX): tradisi-tradisi, tujuan-tujuan dan cara-cara dicapainya oleh pengarang. In - – "Penelitian sumber-sumber sejarah Timur dan cabang-cabang ilmu sejarah yang istimewa" Keluaran 6. Moskow: Nauka; 2003; pp. 75-96.

4. Islam dan mitos-mitos Melayu tradisional mengenai asal usulnya raja-raja Melayu. In – Bulletin of Moscow State University. "Oriental studies", N4. Moscow: MGU; 2000,pp. 12-28.

5. Karangan-karangan sejarah Melayu klasik mengenai perniagaan dan pelayaran. In – "Negara-negara Timur: masalah-masalah sejarah ekonomi dan pelayaran" , Moskow: Nauka; 2003; pp. 54-211.

6. Orang-orang Muslim dari Timur Tengah yang disebutkan di dalam karangan-karangan sejarah Melayu ab. ke XVII – XIX. In – Bulletin of Moscow State University. "Oriental studies", N4. Moscow:MGU; 2003, 110-133

7. Mengenai kaedah-kaedah penelitian karangan-karangan sejarah Melayu dalam Bahasa Jawi. – Edisi kenangan berkaitan dengan Jubil ke- 80 Prof. Dr. Elena Davidowitch & Akademik B.Litwinsky. Moskow:Nauka, 2003; 29-37.

8. Kajian teks-teks Melayu Islam di Barat: masalah dan kesalahfahaman utama [dlm: «Afkar». bil.8, 2008]

9. Konsep keadilan dalam historiografi Melayu Islam (kurun ke-13 sehingga ke-19 [dlm: «Afkar».bil.7, 2008]

10. Concerning One Name Mentioned in the Tuhfat al-Nafis—Two Interesting Revelations. [Dlm: Knowledge, language, thought and civilization of Islam. Essays in Honnor of Syed Mohd Naquib al-Attas', KL: UTM, 2010.